LAPORAN PERSIDANGAN

PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
MESYUARAT KEDUA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEDUA BELAS

Hari	***:***	***10 Ogos 2009 (Isnin)***
Tempat	***:***	***(Dewan Undangan Negeri, Lebuh Light, Pulau Pinang)***
Jam	***:***	***9.30 Pagi.***

HADIR

Speaker (Y.B. Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain)
Ahli Kawasan Air Putih (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) – Ketua Menteri
Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Zainal Rahim bin Seman)
Penasihat Undang–undang Negeri (Y.B. Dato' Faiza bt. Zulkifli)
Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Dato' Haji Farizan bin Darus)
Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Mansor bin Haji Othman) – Timbalan Ketua Menteri I
Ahli Kawasan Perai (Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy) – Timbalan Ketua Menteri II.

" Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow)
" Batu Maung (Y.B. Tuan Haji Abdul Malik bin Abul Kassim)
" Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng)
" Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang)
" Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh)
" Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang)
" Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai)
" Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi)
" Machang Bubuk (Y.B. Tuan Tan Hock Leong) – Timbalan Speaker
" Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai)
" Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee, AMN)
" Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady)
" Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik)
" Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin)
" Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu)
" Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh)
" Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng)
" Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee)
" Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen)
" Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin)
" Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)
" Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan)
" Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee)
" Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat)
" Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)
" Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid)
" Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad)
" Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed)
" Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin)
" Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah)
" Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya)
" Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad)
" Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria)
" Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah bt. Wahab)

TIDAK HADIR

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam)

TURUT HADIR

Encik Baharuddin bin Ahmad Suri - Setiausaha Dewan Undangan Negeri.

Dewan mula bersidang pada jam 9.35 pagi

Setiausaha:

DOA.

Pengumuman oleh Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang kita sedia maklum bekas Ahli DUN kawasan Permatang Pasir, Allahyarham Dato' Haji Mohd Hamdan bin Abd. Rahman, telah kembali ke rahmatullah pada 31 Julai 2009. Allahyarham telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Permatang Pasir selama 9 tahun, 5 bulan, 12 hari. Oleh itu, saya meminta Dewan yang mulia ini, bagi yang beragama Islam kita mendoakan Al-Fatihah dan yang bukan beragama Islam kita bertafakur selama satu minit. (Bacaan doa). Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, menetapkan 10 Ogos 2009 sebagai hari permulaan mesyuarat yang kedua, penggal yang kedua, Dewan Undangan Negeri yang Kedua Belas, melalui pengisytiharan yang bertarikh 15 Jun 2009, yang diwartakan pada 18 Jun 2009. Pada sesi ini, kita akan menimbangkan 58 soalan lisan dan 382 soalan bertulis, satu Rang Undang-undang dan satu usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Setiausaha:

Angkat sumpah oleh Ahli Dewan Undangan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker:

Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Mansor bin Haji Othman, Ahli Kawasan Penanti, mara ke hadapan untuk mengangkat sumpah sebagai Ahli Dewan Negeri dan seterusnya menandatangani surat sumpah.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri:

Saya, Mansor bin Othman telah dipilih sebagai seorang Ahli Dewan Negeri bagi Negeri Pulau Pinang, adalah dengan ini berikrar dengan sesungguhnya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai yang demikian dengan jujur, dengan sedaya upaya saya bahawa saya akan menumpukan taat setia yang sebenar kepada Negeri Pulau Pinang dan Persekutuan Tanah Melayu dan akan memelihara, melindungi serta mempertahankan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini selesailah sudah upacara mengangkat sumpah Ahli Dewan Negeri. Sebelum kita mulakan kepada atur cara soalan, saya ada beberapa pengumuman untuk dibuat. Pertama, dengan Ahli Yang Berhormat Batu Uban tidak dapat menghadiri Sidang Dewan pada hari ini dengan izin dan yang kedua pada hari ini juga kita menerima kunjungan dan kita mengalu-alukan kunjungan hormat daripada Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan yang diketuai oleh Ustaz Nasaruddin di belakang sana, yang diketuai oleh Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Setiausaha:

4. A - soalan lisan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

YB. Dato' Speaker, soalan saya, soalan nombor 1.

1. (a) Apakah perkembangan terkini Rancangan Tempatan *(Local Plan)* untuk Daerah Seberang Perai Tengah.

(b) Sila senaraikan nama ahli-ahli yang terlibat dalam kerja-kerja pendrafan Rancangan Tempatan *(Local Plan)* Seberang Perai Tengah.

(c) Bilakah ia akan dikemukakan untuk komen orang awam *(public consultation).*

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Tengah yang telah menanyakan soalan berkenaan dengan rancangan tempatan untuk Daerah Seberang Perai Tengah (SPT).

Draf akhir Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan bantuan Pejabat Projek Zon Utara, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan perunding telah siap dibentangkan kepada Jawatankuasa Teknikal dan kini di dalam peringkat pembaikan dan dijangka selesai pada bulan Ogos 2009 sebelum diangkat ke Mesyuarat Majlis Penuh MPSP pada penghujung 2009.

Rancangan Daerah Tempatan SPT, disediakan dengan kerjasama ahli-ahli/wakil jawatankuasa teknikal yang terdiri daripada pelbagai jabatan dan agensi kerajaan iaitu:-

(i) Majlis Perbandaran Seberang Perai

(ii) Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah

(iii) Unit Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan

(iv) Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Negeri Pulau Pinang.

(v) PERDA

(vi) Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang

(vii) Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP)

(viii) Jabatan Bomba dan Penyelamat

(ix) Jabatan Perkhidmatan Pembetungan

(x) Jurutera Daerah, Jabatan Kerja Raya

(xi) Jurutera Daerah, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang

(xii) Jabatan Alam Sekitar, Negeri Pulau Pinang

(xiii) Pejabat Projek Zon Utara, JPBD Semenanjung Malaysia

(xiv) Syarikat Telekom Malaysia Berhad

(xv) Jabatan Bekalan Air Daerah

(xvi) Tenaga Nasional Berhad, dan

(xvii) Perunding yang dilantik - Juru Rancang Sepakat Sdn. Bhd.

Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah akan dipamerkan kepada orang awam apabila laporan disiapkan pada bulan Ogos 2009 dan seterusnya diangkat untuk diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri.

Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah selepas diluluskan oleh majlis penuh MPSP, akan diangkat untuk diluluskan oleh Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Perancang Negeri sebelum ianya diserantakan dan dipamerkan kepada orang awam untuk komen. Sekian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Bukit Tengah dulu. Bukit Tengah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Setahu saya selepas semua proses *Local Plan* ini sudah selesai, kita perlu sebarang perancangan tu, kita perlu ikut *Local Plan* tersebut. Apakah langkah-langkah yang akan diadakan untuk menyelaraskan penggunaan tanah yang sedia ada di mana ianya berbeza dengan *Local Plan*? Misalnya, di sesuatu kawasan itu, dalam *Local Plan* itu telah dizonkan sebagai zon industri tetapi dalam zon industri yang sedia ada tu ada pula tempat-tempat perumahan. Apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menyelaraskan keadaan sebegitu? Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Bukit Tengah yang telah menanyakan tentang Rancangan Tempatan (RT) ini merupakan satu dokumen rancangan untuk pembangunan rasmi yang menterjemahkan dasar-dasar strategik yang terdapat dalam rancangan struktur Negeri Pulau Pinang yang lebih terperinci untuk kawasan-kawasan yang telah dizonkan misalan yang dibangkitkan perindustrian dan terdapat satu mekanisme untuk pemilik-pemilik tanah atau jiran lot ataupun orang awam boleh, boleh mengutarakan pandangan mereka apabila rancangan ini di bawa untuk komen atau bantahan awam. Selepas Rancangan Tempatan ini diwartakan, terdapat proses-proses permohonan untuk berlingkungan semula yang boleh dibuat melalui permohonan kepada *State Planning Committee* dan ini akan diuruskan dari segi kes individu. Sekian.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan tambahan. Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, di dalam Majlis Perundingan Kerajaan Tempatan, masalah banjir yang diakibatkan oleh kawalan perancangan pembangunan kawasan ini kurang cekap telah dibangkitkan. Oleh itu, apakah perancangan di dalam *Local Plan* ini kawasan-kawasan tadahan ataupun *localize retention point* yang besar-besar juga akan ditanda dan dikenal pasti sebagai kawasan yang di gazet bagi melengkapkan *Local Plan* khususnya di kawasan SPT ini?

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih Seberang Jaya. Salah satu pihak yang duduk dalam jawatankuasa yang menyediakan rancangan RT ini adalah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pulau Pinang dan ini bukan sahaja akan diterjemahkan dalam Rancangan Tempatan sebenarnya dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang telah mengenal pasti salah satu tajuk bukan saja di SPT tetapi seluruh Negeri Pulau Pinang, kawasan-kawasan tadahan air yang perlu diberi perhatian dan ini juga akan diterjemahkan ke dalam Rancangan Tempatan bukan saja SPT, SPU, SPS dan juga bahagian Pulau.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Dalam kita kemukakan untuk *public consultation* atau komen orang awam, dia punya tempoh tu berapa lama? Yang satu lagi, sekiranya, *Local Plan* ini tidak mengikut garis panduan *structure plan,* apakah ianya boleh, masih ada masa untuk kita mengubah yang dirancangkan dalam *Local Plan*? Kerana saya difahamkan yang *structure plan* ini sebagai undang-undang dan *Local Plan* hanya mengikut ciri-ciri terperinci. Apa yang telah dibuat dalam *structure plan*. Apakah perkara ini akan diambil kira di ambil berat oleh Kerajaan Negeri? Satu lagi Y.B. Dato' Speaker, dulu bila saya tanya tentang *Local Plan* ianya dijawab oleh Ahli Yang Berhormat Padang Kota, saya hairan mengapa kali ini dijawab oleh Ahli Yang Berhormat Air Itam yang jawab. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Y.B. Dato' Speaker penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat Bayan Lepas, boleh?

Y.B. Dato' Speaker:

Saya teruskan kepada Air Itam untuk menjawab.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Terima kasih Bayan Lepas kerana membangkitkan isu ini. Sebenarnya, *Local Plan* bukan sahaja Jabatan Perancangan dan Desa merupakan badan penyelaras terhadap semua *Local Plan* di Negeri Pulau Pinang dan juga oleh itu, saya sebagai Ahli Exco yang bertanggungjawab untuk JPPD untuk menjawab soalan ini. Berkenaan dengan soalan tentang *public consultation*. Mengikut Seksyen 13 (2) Akta 1972, *Town and Country Planning Act*, selepas diluluskan oleh SPC ia perlu disiarkan dalam surat khabar dan juga tempoh yang minimum adalah 4 minggu dan Jabatan (SPC) State Penang Committee boleh membuat, mempunyai budi bicara untuk melanjutkan tempoh tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Saya tertarik dengan jawapan yang diberikan oleh Exco tadi. Saya nak tanya kepada Kerajaan Negeri, jika sekiranya *zoning* ataupun berlingkungan kawasan telah ditetapkan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang, apakah *Local Plan* boleh mengubah berlingkungan itu? Kalau ini boleh berlaku, ini bermakna *Local Plan* ini boleh dengan sewenang-wenangnya akan mengubah apa juga rancangan yang telah dibuat dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang. Saya rasa ini tidak sepatutnya berlaku dan saya juga tak bersetuju dengan jawapan oleh EXCO tadi.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang ia adalah satu menjunam kepada lebih secara makro dan *Local Plan* adalah lebih kepada sehinggakan kepada lot

tertentu dan *of course* ...(dengan izin) dan apabila terdapat permohonan yang spesifik kepada kawasan tertentu *State Planning Committee* mempunyai budi bicara untuk membuat berlingkungan semula.

Y.B. Dato' Speaker:

Seterusnya Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

2. Adakah projek monorel akan dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah kesesakan jalan raya. Jika ada, sila huraikan bila dan bagaimanakah dilaksanakan. Jika tiada, mengapa.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pengkalan Kota kerana membangkitkan soalan berkenaan dengan monorel. Kerajaan Negeri telah memohon kepada kerajaan persekutuan bagi melaksanakan projek monorel di Pulau Pinang. Ini melalui penswastaan di bawah kaedah penswastaan Jabatan Perdana Menteri. Daripada kajian awal, kerajaan persekutuan bercadang projek monorel Pulau Pinang dilaksanakan melalui Syarikat Prasarana Negara Berhad. Namun, usaha ini telah ditangguhkan oleh kerana kekangan peruntukan serta keperluan terhadap projek-projek lain yang lebih mendesak. Saya telah menonton dan mendengar melalui kaca tv beberapa hari yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata, rakyat pantang kepada janji-janji yang tidak ditunaikan. Mantan Perdana Menteri, Tun Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi pernah berjanji hendak memberi 3 (tiga) hadiah besar kepada rakyat Pulau Pinang iaitu, jambatan kedua Pulau Pinang, kedua monorel dan tiga PORR. Tetapi, 2 (dua) hadiah yang besar masih belum ada apa-apa perlaksanaannya. Mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sana boleh berbisik-bisik sedikit kepada Perdana Menteri yang kita sayangi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Ahli Yang Berhormat Bagan Jermal memang kawan saya lama. Tapi jawapan hari ini memang saya amat-amat tidak setuju. Ini jawapan politik, melepaskan tanggungjawab pada orang lain. Yang kita nak tahu kalau Kerajaan Pusat tak bagi, menangguhkan projek ini, apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah pengangkutan ini? Adakah Kerajaan Negeri akan menswastakan dan sebagainyalah? Kita nak tahu itu, kita tak mahu jawapan politik. Minta maaflah kawan saya ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang. Memang selama kerajaan baru ditubuhkan kami sering kali berbincang dengan Kerajaan Pusat dan juga pihak-pihak yang berminat untuk melaksanakan projek ini. Oleh sebab, kerana monorel perlu mendapat kebenaran daripada Kerajaan Pusat maka di situlah ada sedikit menghadapi kekangan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan tambahan. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Terima kasih. Yang Berhormat Bagan Jermal, saya nak tanya kenapa selepas mengadakan perbincangan dan juga daripada beberapa pihak terhadap monorel di Negeri Pulau Pinang ini, kenapa surat-surat yang dihantar langsung tidak dijawab? Jika

sekiranya pihak Kerajaan Negeri bertujuan bersetuju menerima ataupun cadangan daripada orang awam untuk mengemukakan satu cadangan untuk memajukan Negeri Pulau Pinang, mengapa tidak dilayan dengan membalas surat-surat dihantar kepada mereka. Kenapa berdiam diri? Ini tak boleh suka atau tak suka untuk menjawab. Sepatutnya apa juga cadangan yang dibuat oleh pihak swasta harus dijawab oleh Kerajaan Negeri, setuju ataupun tidak, atau bagaimana dan sebagainya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Y.B. Dato' Speaker, perbincangan antara pihak-pihak yang berminat untuk melaksanakan monorel ini adalah di peringkat perbincangan sahaja. Belum ada sebarang keputusan yang muktamad dijalankan, dicapai. Jadi, tidaklah boleh mengumumkan kepada orang ramai ataupun sesiapa.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Maksud saya, kenapa surat-surat yang dihantar kepada Kerajaan Negeri tidak dijawab?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Tuan Lim Hock Seng):

Surat-surat yang dihantar kepada Kerajaan Negeri ada juga yang dijawab kerana mereka perlu mendapat lesen dari MOT baik dari kereta api Tanah Melayu, semua tu pernah mendapat selaraskan dulu barulah kita boleh menjalankan peringkat yang lain. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterusnya. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Y.B. Dato' Speaker. Soalan saya nombor tiga.

3. Apakah objektif bancian warga emas dibuat. Bilakah bancian akan berakhir dan berikan perincian tindakan-tindakan yang akan menyusul dalam tempoh 36 bulan bermula dari bulan Ogos 2009.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, saya minta izin untuk menjawab soalan nombor tiga bersamaan soalan 25, 45 dan 48. Soalan 25 dan 45 adalah daripada Ahli Yang Berhormat Permatang Berangan dan 45 adalah daripada Sungai Dua.

Y.B. Dato' Speaker, objektif pendaftaran warga emas Kerajaan Negeri dilakukan adalah untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga emas yang telah berjasa kepada Negeri Pulau Pinang. Kedua adalah untuk mendapatkan data-data terbaru dan terkini mengenai warga tua yang ada di Negeri Pulau Pinang. Mengenal pasti apakah keperluan dan senario warga tua di negeri ini. Pendaftaran ini akan berakhir pada 08 Mac 2010 dan tindakan susulan akan diambil dalam tempoh 36 bulan

masa dalam perancangan Kerajaan Negeri. Sehingga kini hampir 100 ribu salinan borang pendaftaran telah diedarkan melalui ADUN kawasan dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Negeri bagi mendapat maklumat. Gerak kerja ini mendapat komitmen padu dari semua ADUN dan JKKK serta mendapat sambutan baik daripada rakyat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Omar Shah):

Soalan Tambahan. Y.B. Dato' Speaker, mengapakah apabila Kerajaan Negeri memperkenalkan CAT, diskriminasi untuk pengedaran borang terhadap warga emas dilihat bertentangan akauntabiliti Kerajaan Negeri terhadap majmuk rakyat di negeri ini kerana wakil-wakil rakyat pihak pembangkang tidak diberi terus borang-borang untuk menyelaraskan perkara yang sama. Jadi, apakah matlamat yang sebenar. Adakah ini sekadar untuk mengaburi mata rakyat kononnya janji-janji pilihan raya yang telah tercapai yang hanya memberikan sesuatu kepada segelintir golongan penerima warga emas sahaja dan yang lain yang layak diketepikan adakah begitu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, Ini memang Ahli Yang Berhormat dari Seberang Jaya bercakap melalui pengalaman dia. Pengalaman dia hanya segelintir orang dapat, kini saya telah bukti dalam Dewan yang mulia ini di mana pendaftaran sepanjang sehingga Mac 2008 dulunya adalah untuk segelintir orang. Y.B. Dato' Speaker, pendaftaran penghargaan warga emas ini adalah untuk semua ADUN dan saya juga ada menjemput ADUN-ADUN daripada pembangkang untuk ambil bahagian. Akan tetapi malangnya mereka tidak ada senang atau tidak berhubung dengan saya. Hanya Ahli Yang Berhormat dari Seberang Jaya yang ada berhubung dengan saya bila saya ada di luar negara dan saya juga ada meminta apabila saya balik mintalah jumpa saya untuk ambil borangnya tetapi ia tidak datang. Akan tetapi sebelumnya dia telah buat satu kenyataan dalam surat khabar bahawa kita tidak mahu bagi pada dia. Dia telah buat tuduhan-tuduhan. Dia telah tulis sepucuk surat kepada SUK dan kalau saya telah janji hendak bagi 1,000 borang, tak hantar wakil pergi pejabat saya, kata saya hendak bagi 1,000, kurang-kurang bersopanlah sikit. Bila orang sudah janji hendak bagi datanglah mari angkat. Y.B. Dato' Speaker sendiri pun datang.

Y.B. Dato' Speaker tak datang dia pun tulis satu surat minta berapa, tetapi dia tidak mahu, langsung tidak mahu. Ada atau tidak saya jemput Ahli-ahli daripada pembangkang untuk kutip borang pada 1 Mei? kalau tidak ada minta tanya Ketua Pembangkang, tanya ...(ketawa), akan tetapi siapakah main politik di sana? Dia telah menggunakan borang-borang pendaftaran warga emas kerana di sini ada. Sepatutnya jawapan ini saya memperuntukkan pada penghargaan warga emas kerana soalan hanya warga emas sahaja tetapi dalam hati dia nak tanya penghargaan warga emas. Oleh itu saya jawab melalui penghargaan warga emas. Ada atau tidak ada Ahli Yang Berhormat daripada Seberang Jaya, di dalam kawasannya telah membuat beberapa tuduhan-tuduhan liar, tuduhan-tuduhan bahawa pendaftaran penghargaan warga emas adalah untuk mendaftar orang warga emas untuk menjadi ahli DAP? Ada atau tidak ada?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, ini perbahasan, boleh saya balas? Saya tidak menyatakan.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila, mahu beri jalan?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya tidak menyatakan perkara demikian. Masalah sekarang berlaku berbangkit kerana apabila saya menghantar wakil secara rasmi kepada SUK, Pejabat SUK kata tidak boleh mengambil borang tersebut. Kita mengaku *responsible*, saya ada wakil, pegawai khas saya yang pergi mengambil borang dan kalau ikhlasnya Kerajaan Negeri tidak payahlah untuk suruh orang tunduk sampai 90 darjah untuk bagi borang, hantarlah bagi menyelesaikan masalah. Ini perkara yang mudah begitu yang tidak payah *grand-grand*. Kalau katakan rakyat didahulukan sebagai wakil rakyat pun mestilah tunduk sikit, jangan *action* lebih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya, Y.B. Dato' Speaker, ini memang pengalaman dia, *action.* Mengapakah saya kata *action*? Ini adalah kerana apabila saya pergi luar Negara, saya telefon balik sama dia Yang Berhormat jangan bimbang saya balik mai jumpa saya, saya akan bagi, tetapi belum jumpa dia sudah buat kenyataan, tuduhan-tuduhan dalam surat khabar bahawa kita tidak mahu bagi sama dia. Ini *action* atau apa? Lagipun, duduk dulu, duduk dulu, duduk. Dia juga cuba halang warga emas untuk didaftar di dalam senarai penghargaan warga emas, dia cuba halang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Tuduhan liar, tarik balik.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Apa, kalau saya dapat tunjuk bukti.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Tunjuk bukti, mana ada saya halang. Kita menggalakkan lagi. Sebab itu kita ada pendaftaran seramai 1.000.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Duduk dulu, duduk dulu.

Y.B. Dato' Speaker:

Biar Yang Berhormat Sungai Puyu memberi penjelasan dahulu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, saya telah menjawab ada atau tidak ada, Ahli Yang Berhormat daripada Seberang Jaya buat kenyataan-kenyataan bahawa pendaftaran penghargaan warga emas adalah untuk mendaftar untuk jadi ahli DAP. Ada atau tidak ada?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Tidak ada, mungkin wakil rakyat lain dan bukan saya. Ini adalah satu tuduhan, tarik balik.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya ada bukti-bukti kukuh kerana kegiatan Yang Berhormat dalam Seberang Jaya saya ada beberapa kali saya minta orang ikut, saya buat rakaman, saya bagi peluang, saya bagi peluang kerana saya tahu ada beberapa program untuk kepentingan

rakyat tolak ada halangan daripada Seberang Jaya. Ini mula daripada mana? Mula daripada Penaga, dan Yang Berhormat yang ikut. Ada atau tidak ada?

Y.B. Dato' Speaker:

Saya rasa sudah habis jawab.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan.

Y.B. Dato' Speaker:

Telok Bahang.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya ada kaitan dengan ....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Telok Bahang, dia dah lepas.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, usaha untuk mendaftarkan warga emas ini saya kira (gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Apa soalannya Telok Bahang?

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Kerana yang dihebahkan ialah Kerajaan Negeri akan memberi bantuan kepada warga emas ini, jadi warga emas yang tidak perlu bantuan ini, dia tidak daftar. Saya pun pelik juga kenapa dah ada perangkaan di dalam pendaftaran yang mati, yang hidup...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Terus kepada soalan Y.B. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Susulan daripada pendaftaran warga emas ini, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk memberi bantuan sempena contohnya Raya, Tahun Baru Cina dan Deepavali kepada warga ini kerana sudah heboh warga emas didaftar kerana Kerajaan Negeri hendak beri bantuan. Ini saya hendak tahu?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya, Y.B. Dato' Speaker, sehingga sekarang walaupun Ahli-ahli Pembangkang mereka begitu berpengalaman, mereka tidak tahu apakah itu warga emas dan penghargaan warga emas. Itu tidak serupa. Warga emas semua boleh minta, sesiapa yang hendak minta boleh minta daripada JKM dan selepas siasatan jika mereka layak terus JKM akan beri bantuan kepada warga emas. Yang ini adalah satu program yang tidak serupa iaitu Penghargaan Warga Emas, *appreciation* iaitu kata Kerajaan Negeri

telah memulakan pendaftaran ini. Sesiapa yang berumur 60 tahun ke atas pada 8 Mac 2010 layak mendaftar dan jangan bimbang. Pendaftaran ini bukan mendaftar anda menjadi Ahli DAP. Saya menegaskan bukan untuk jadi Ahli DAP, oleh yang demikian saya berharap semua memainkan peranan yang begitu penting supaya dapat tersusun aturkan semua, duduk dulu, duduk dulu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Soalan saya tidak jawab?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya sudah jawab, *you* duduk dulu. Nombor satu kerana *you* tidak tahu apa sistemnya. Walaupun ada beberapa tahun sejak 1990 sudah jadi Ahli Dewan tetapi tidak faham apa sistemnya, sistemnya ialah satu warga emas, satu penghargaan warga emas. Ini kena tahu, penghargaan warga emas dan warga emas itu tidak serupa. Warga emas sesiapa yang berkehendak bantuan boleh terus minta daripada JKM supaya daftar. Selepas itu dapat siasatan dan jika layak akan diberi bantuan bulanan. Ini ada lagi satu penghargaan warga emas. Oleh yang demikian, bila jemput untuk menghadiri mesyuarat apa itu penghargaan warga emas, datanglah. Tidak mahu datang mesyuarat lagi tidak faham, lagi nak buat kenyataan-kenyataan macam ini, tidak patutlah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Soalan **T**ambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya tengok Ahli Sungai Puyu merepek macam-macam, jadi lari dari tajuk sebenar. Kita bercakap tentang pendaftaran warga emas yang didaftar oleh kerajaan dan rakyat sekarang menunggu. Pendaftaran telah dibuat bila bantuan hendak diberikan? Berapakah bantuan hendak diberikan? Ini tidak dijelaskan, sebab itu Y.B. Sungai Puyu, jalankan kerja, jangan main politik, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Ya, Y.B. Dato' Speaker, memang telinga korek sikitlah. Saya telah buat kenyataan di sini bahawa pendaftaran penghargaan warga emas akan pada 8 Mac 2010 pada sana ada satu *cut of point*. Selepas itu akan dibuat semakan apakan yang mereka kehendaki dan apakah bantuan yang boleh diagih pada mereka. Itu akan dibuat selepas 8 Mac 2010, faham tak? Kalau tak faham saya bagi lagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya faham....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Kalau faham duduk ...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Sungai Dua, Sungai Dua, Y.B. Sungai Dua, sila duduk.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Duduklah, bersopanlah, Dato' Yang Berhormat, bersopanlah, tunjuk teladan yang baik, sudah bagi pengalaman lagi begitu banyak penggal. Y.B. Dato' Speaker, apa yang saya bagi tahu sama dia adalah selepas 8 Mac 2010, akan semak apa keperluan mereka dan apa akan diagih kepada mereka, tidak fahamkah?

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterusnya, Sungai Dua.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Y.B. Dato' Speaker, ada tiga (3) soalan, baru cakap berapa orang. mana boleh. Kena bagi seorang sekali.

Y.B. Dato' Speaker:

Dah tiga soalan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Jawapan *combine* semua sekali kan. Kalau sembilan (9) soalan. Saya hendak bercakap sebab saya ada soalan tambahan. Saya nombor tiga (3).

Y.B. Dato' Speaker:

Saya sudah benarkan 3 soalan tambahan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Minta izin Y.B. Dato' Speaker. Tadi Yang Berhormat Sungai Puyu berkata dia menjawab sekali soalan 25 dan 45 termasuk soalan yang asal itu pun tidak habis jawab dan soalan 25 tidak dijawab dan soalan 45. Soalan 25 saya minta Y.B. Dato' Speaker dijelaskan sehingga 30 Jun 2009 maknanya yang lepas. Hari ini dah bulan 8, Ogos saya minta Yang Berhormat Sungai Puyu jelaskan berapa pecahan pendaftaran warga emas itu mengikut daerah, kaum dan jantina dan yang kedua di dalam soalan 45 saya bertanya tentang berapa peruntukan yang terlibat sekurang-kurangnya Ahli Sungai Puyu yang telah lama berpengalaman. Ini semua cerita orang berpengalaman tetapi dia tidak cerita pun berapa peruntukan yang dijangka. Kalau 8 Mac 2010 kita mesti ada satu unjuran berapa banyak yang dijangka yang akan didaftarkan dan pendaftaran ini juga boleh dijangka berdasarkan *censors* kajian bancian. Kita tahu penduduk warga emas tahun 2010 ada berapa orang, yang kita dapat daftar berapa orang, kos yang kita peruntukkan ada berapa orang. Ini penjelasan yang saya hendak tahu tetapi tidak dijawab pun.

Y.B. Dato' Speaker:

Okey, saya serah, saya beri sila jawab.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, memang untuk pendaftaran ini tidak ada kos terlibat untuk pendaftaran penghargaan warga emas.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya bukan tanya kos pendaftaran, saya tanya kos bantuan yang hendak disampaikan itu berapa?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Jika begitu saya minta korek telinga lagi sekali kerana Y.B. Dato' Speaker saya telah kata selepas 8 Mac 2010 akan buat semakan. Selepas semakan baru hendak boleh kira jumlah peruntukan yang berapa kerajaan mampu bagi itulah.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Penjelasan, kalau lepas 2 tahun baru nak kirakan lepas 2 tahun baru nak kira kita tengok 8/3 ni orang-orang ramai dah mengharap bayaran tu, ni dah mati berapa ramai 2 tahun ni warga emas 60 tahun ke atas sudah berapa ramai mati. Sekarang kita nak tahu unjuran kalau macam tu Kerajaan Negeri tidak ada *vision* kosong, janji kosong kami pun boleh buat macam tu janji kita akan bagi tapi tak tahu pun berapa anggaran berapa ramai kalau letak 8 Mac 2010 mesti ada sebab dia kenapa tidak 8/10, kalau letak 8/3 mesti letak berapa anggaran dia mesti buat kerja tidak profesional la. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Saya takut tidak puas hati kalau lihat dia sakit...(gangguan). Y.B. Dato' Speaker macam ni saya akan bagi penjelasan semasa waktu rehat kalau dia...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Saya tak mahu, saya hendak benda ini direkodkan sehingga 30 Jun 2009 berapa yang didaftarkan mengikut daerah. Kita ada lima (5) daerah sahaja, SPU berapa orang setakat Jun 2009 kemudian pecahan mengikut kaum kemudian mengikut jantina, itu saja *sight and figure* kalau tidak boleh bagi, tidak payah buatlah.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, saya telah menyatakan bahawa akan pada 8 Mac 2010 untuk...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Tak faham soalan, korek telinga dua-dua telinga sekali korek.

Y.B Dato' Speaker:

Teruskan Y.B. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Itulah sikap pembangkang kalau dia tak tahu dulu bagi peluang dia tidak buat hari ini orang buat dia lagi hendak buat halangan, dia lagi hendak buat tuduhan...(gangguan).

Y.B Dato' Speaker:

Teruskan Y.B. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

...(gangguan), saya tak dapat jawapan ini.

Y.B Dato' Speaker:

Sila duduk, kalau soalan terperinci saja sila bagi notis dengan notis.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Macam mana dengan notis**.** Saya minta maaf Y.B. Dato' Speaker, sebab yang ni soalan yang *fact and figure* ada tarikh dan tempat saya dah bagi soalan ini lebih awal dan ditulis di dalam soalan dia kenapa tak dijawab. Terima kasih.

Y.B Dato' Speaker:

Sila duduk Pulau Betong. Jawapan dah diberikan dan Sungai Puyu ada memberikan jawapan. Saya minta duduk dan teruskan Sungai Dua...(gangguan). Sungai Dua kita teruskan dengan Sungai Dua...(gangguan). Semua-semua Y.B. duduk...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, saya minta Pulau Betong tarik balik tuduhan terhadap Y.B. Dato' Speaker bahawa tidak adil ataupun dia dihantar keluar Dewan. Pertuduhan itu serius minta dia tarik balik, saya minta tarik balik...(gangguan).

Y.B Dato' Speaker:

Saya nak tanya Pulau Betong, Seri Delima sila duduk. Anda nak tarik balik atau tidak?

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Saya nak beri penjelasan dulu**.** Saya tarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan Sungai Dua...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Yang Berhormat saya minta supaya sebelum saya kemukakan soalan nombor 4, saya minta Y.B. Sungai Puyu tidak menjawab soalan.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B Sungai Dua teruskan dengan soalan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Ahli Sungai Puyu perlu merujuk kepada Jawatankuasa Dewan...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B boleh tidak menjawab. Saya nak Sungai Dua teruskan dengan soalan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Soalan saya nombor 4 Y.B. Tuan Speaker.

4. Kerajaan Negeri telah mewujudkan satu tabung khas untuk membantu masyarakat miskin tegar di negeri ini. Berapa banyakkah dana yang telah dikumpulkan sehingga kini. Berapakah bilangan syarikat yang telah membuat sumbangan dalam dana ini serta senaraikan nama-nama syarikat berkenaan berserta dengan jumlah yang disumbangkan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Tuan Speaker, saya minta izin untuk menjawab soalan no. 4 bersama dengan soalan no. 29 daripada Adun Sungai Dua. Kerajaan Negeri adalah begitu prihatin untuk memberi bantu masyarakat miskin tegar, hasilnya Kerajaan Negeri dalam kerjasama Pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan telah berjaya mengumumkan mengumpulkan dana sebanyak RM2,152,100.00 melalui wang Amanah Kebajikan Rakyat Pulau Pinang untuk membantu masyarakat miskin tegar di negeri ini. Dana yang dikumpulkan adalah hasil sumbangan dari 238 buah syarikat dan pertubuhan bukan kerajaan dalam tempoh bulan Mac hingga Jun 2009. Mereka telah secara automatif menjadi Rakan Anti Kemiskinan (RAK). Senarai syarikat dan jumlah sumbangan disampaikan oleh dirujuk kepada UPEN pada waktu pejabat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya minta soalan ini dalam Dewan kenapa perlu saya rujuk kepada UPEN, saya minta soalan ini dalam Dewan. Sebab tu saya kata apabila saya minta soalan ini dalam Dewan, Dewan harus bertanggungjawab mengemukakan jawapan itu kepada saya, senarai tu perlu diberi kalau tidak Yang Berhormat perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Hal Ehwal ini kerana menyalahi...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, senarai ini amat panjang nombor satu. Kedua ada orang bukan macam Ahli Y.B. Sungai Dua sebiji nak macam kampung ada yang selalu dia nak bagi sumbangan tetapi tidak mahu nama dia diumumkan pada orang ramai untuk Ahli Y.B. Sungai Dua, saya beri kebenaran dan izin bolehlah semak di dalam UPEN.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya minta senarai bagi, kalau tidak mahu dihebahkan bagi kepada saya, saya minta...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Kalau saya tak nak bagi pada Ahli Y.B. Sungai Dua jikalau senarai ini diumumkan kepada orang ramai akan menyakitkan hati orang yang bagi sumbangan. Sumbangan ini adalah satu mereka merayu kata saya bagi sumbangan tetapi jangan umum. Oleh yang demikian...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Saya minta ketelusan. Macam mana kata ketelusan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Bila-bila masa dalam waktu pejabat boleh semak di UPEN. Tak faham ka?

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, saya minta senarai itu dalam Dewan tidak ada guna kita bersidang dalam Dewan ini kalau senarai tu tak boleh bagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Y.B. Dato' Speaker, jikalau saya bagi satu senarai yang telah saya keluarkan orang sumbangan nama mereka telah dirahsiakan jika saya buat *duplicate* saya tidak akan bagi satu senarai yang lengkap untuk senarai yang lengkap bila-bila masa dalam waktu pejabat Ahli Y.B. Sungai Dua boleh semak di UPEN.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, kita cuma, dalam soalan saya mudah saya minta nama-nama syarikat yang beri bantuan kerana kita nak tengok ketelusan. Kita ada bentuk akaun syarikat ini beri masuk dalam tabung ini. Kita tak tahu syarikat apa yang bagi berapa jumlah dia bagi itu saja. Nak tengok ketelusan perbelanjaan macam mana....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Dia itu kata tak faham ada orang syarikat tertentu, individu tertentu bila dia bagi sumbangan dia ada syaratkan bahawa jangan umum nama dia dalam secara...(gangguan). Jika kehendak duduk dulu. Jika kehendak bila-bila masa dalam waktu pejabat boleh semak di UPEN jika hari ni saya edaran pada Ahli Y.B. Sungai Dua, apabila itu diumumkan pada orang ramai ada atau tidak ada syarikat yang bagi sumbangan yang kata saya tidak akauntabiliti apabila dia bagi dengan satu syarat jangan umum nama mereka. Oleh yang demikian, bila-bila masa waktu pejabat sila datang UPEN untuk semak dan saya berharap Ahli Y.B. Sungai Dua boleh bertanggungjawab supaya tidak boleh umumkan nama yang bagi sumbangan pada orang ramai kerana telah disyaratkan bahawa jangan umumkan nama mereka kerana nama mereka yang ikhlas bahawa mereka bagi sumbangan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Tuan Speaker, saya mohon penjelasan. Saya mohon benda ini tetapi apabila Ahli-ahli Dewan bertanya tentang soalan yang *detail* lengkap, minta kena bagi tidaklah kata senarai ini disembunyikan kata tak bagi kena saya minta secara rasmi.

Y.B Dato' Speaker:

Y.B. Sungai Dua, saya minta saya nak soalan tamat....(gangguan). Soalan seterusnya Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Oleh kerana tidak ada puas hati masyarakat dengan kaedah ini maka Kerajaan Negeri sepatutnya harus membela nasib rakyat daripada pelbagai golongan termasuklah golongan peniaga dan korporat tempatan. Jadi apabila syarikat untuk menderma di dalam tabung khas ini tidakkah akan wujud *what is there for me* oleh syarikat-syarikat ini setelah budi telah ditabur dan tidakkah Kerajaan Negeri dilihat begitu daif di dalam kecekapan mencari sumber kewangan bagi mengatasi sesuatu masalah kerana kaedah ini hanya akan dilakukan kepada pentadbir-pentadbir yang ketandusan idea dan bersifat *suspended* dan tidak mempunyai perancangan atau hala tuju yang lebih inovatif. Soalan saya ialah tidak malukah Kerajaan Negeri diketawakan dan dilihat oleh banyak golongan profesional di luar sebagai *the childish government* kalau diikutkan CAT - *The Childish Talentless Government*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Apakah soalan dia.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan saya tidak malukah Kerajaan Negeri diketawakan dan dilihat oleh banyak golongan profesional luar sebagai *the childish government* kalau diikutkan CAT - *The Childish and Talentless Government.* Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (Y.B. Tuan Phee Boon Poh):

Itulah Ahli Y.B. Seberang Jaya, dia yang buat satu kenyataan bagi ni sebelum tanya soalan tentang syarikat-syarikat telah dipaksa terpaksa untuk bagi sumbangan yang mana syarikat-syarikat didesak atau dipaksa bagi sumbangan bagi nama dia supaya kita dapat semak di sana. Kerajaan ini kerajaan prihatin rakyat kita tidak paksa sesiapa bukan dulu macam Barisan Nasional (BN) bukan tak akan macam dulu paksa orang bagi derma ikhlas apabila keikhlasan ada yang kata saya ikhlas saya hendak bagi sumbangan tapi jangan umumkan ini adalah satu hasrat hormat orang yang bagi sumbangan saya jemput ahli yang bersidang, saya akan keluarkan nama dan kita akan semak siapa yang telah dipaksa dan didesak oleh Kerajaan Negeri untuk bagi sumbangan kerana satu tuduhan bahawanya kerajaan ini paksa, desak semua orang bagi sumbangan kalau tidak ada bukti yang kukuh saya minta Ahli Y.B. Seberang Jaya minta maaf dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, sebenarnya benda ini dah lewat, suruh jawab saya kena jawab Y.B. Tuan Speaker, tak boleh jawab saya nak teruskan beri peluang mempertahankan kenyataan saya. Terima kasih.

Y.B Dato' Speaker:

Soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Pulau Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya nombor 5.

5. Apakah fungsi kuasa dan tanggungjawab yang diberikan kepada *Penang Traffic Council.*

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Dato’ Speaker, soalan mengenai fungsi kuasa dan tanggungjawab Majlis Pengangkutan Negeri Pulau Pinang atau *Penang Transport Council* merupakan negeri kedua terkecil di Malaysia dengan tanah yang terhad dan pertambahan kenderaan dengan pesat menjadikan masalah kesesakan lalu lintas menjadi semakin lebih serius. Kita berhadapan dengan satu keadaan di mana peningkatan keupayaan jalan kita untuk menampung lalu lintas tidak sekadar peningkatan dalam jumlah kenderaan, pengurusan lalu lintas yang kurang berkesan, sistem pengangkutan yang tidak memuaskan penyediaan infrastruktur yang tidak mencukupi serta kekurangan penguatkuasaan menyebabkan kesesakan lalu lintas dalam negeri ini. Keadaan ini sekiranya tidak diatasi akan mengakibatkan pengurangan produktiviti ekonomi kita. Dengan itu penambahbaikan sistem pengangkutan awam dan keadaan lalu lintas di Negeri Pulau Pinang amat diperlukan. Majlis Pengangkutan Negeri atau *Penang Transport Council* telah ditubuhkan dengan matlamat menangani masalah kesesakan lalu lintas dan juga beberapa isu yang saya sebutkan tadi. *Penang Transport*

Council juga berfungsi sebagai pusat sehenti untuk merancang menyelaras dan menasihatkan Kerajaan Negeri semua isu pengangkutan dan lalu lintas dalam negeri kita. Institusi Majlis terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri pakar dalam pelbagai bidang pengangkutan awam dan pengurusan lalu lintas wakil dari universiti serta organisasi penyelidikan. Bagi memperkukuhkan *Penang Transport Council* ini 5 pasukan petugas ditubuhkan untuk menangani isu utama pengangkutan iaitu:

(i) Pasukan Pengurusan Dan Penambahbaikan Sistem Lalu Lintas Negeri.

(ii) Pasukan Sistem Pengangkutan Awam Negeri.

(iii) Pasukan Pendidikan Dan Perhubungan Awam Negeri.

(iv) Pasukan Sistem Pengangkutan Jangka Masa Sederhana dan;

(v) Pasukan Pelan Induk Pengangkutan.

Fungsi-fungsi pasukan petugas ini fokus kepada pengurusan penambah baik sistem lalu lintas antaranya:-

(i) Mengenal pasti *hot spot* serta menangani masalah kesesakan lalu lintas seperti depan sekolah, kilang serta gangguan dan halangan akibat penjaja tepi jalan dan peletakan kereta secara tidak teratur.

(ii) Bekerjasama dengan Polis, Pihak Trafik Dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan pelan tindakan dan rancangan.

(iii) Menyediakan pelan tindakan dan melaksanakan secara berperingkat dari satu tempat ke tempat yang lain,

(iv) Menggariskan langkah-langkah dan mengambil tindakan bagi menambah baik sistem letak kereta; dan

(v) Mencadangkan bagi penambah baik sistem aliran lalu lintas secara sehala.

Pasukan Petugas Pengangkutan Awam:-

(i) Meneliti masalah, membentuk rancangan dan mengambil tindakan menambah baik semua jenis mod pengangkutan di Pulau Pinang;

(ii) Bekerjasama dengan Rapid Penang untuk menambah baik perkhidmatan bas awam;

(iii) Menangani masalah syarikat pengangkutan awam yang tidak mengikut peraturan dan syarat Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP);

(iv) Merancang sistem infrastruktur dan kemudahan untuk membolehkan sistem pengangkutan awam dapat berfungsi dengan berkesan; dan

(v) Menggalakkan penggunaan basikal sebagai pelengkap kepada sistem pengangkutan.

Pasukan Petugas Pendidikan dan Perhubungan Awam:

(i) Mewujudkan laman web untuk mendapat input dan maklum balas daripada orang ramai;

(ii) Melibatkan media massa dan media alternatif untuk menyebarkan maklumat sebelum bermula setiap kempen utama. Media digunakan untuk memaklumkan, mendidik dan menggerakkan orang ramai; dan

(iii) Menggalakkan orang ramai untuk melaporkan ketidakpatuhan undang-undang seperti salah letak kereta, kenderaan berasap keterlaluan dan lain-lain kesalahan berkaitan kepada pihak berkuasa dan dalam laman web.

Pasukan Sistem Pengangkutan Jangka Masa Sederhana:

(i) Mencadangkan bagi menambah baik perkhidmatan feri;

(ii) Mengkaji perkhidmatan pengangkutan air dan tram;

(iii) Mengkaji semula prasarana jalan, kapasiti muatan *(carrying capacity)* dan peraturan; dan

(iv) Mengkaji semula dan menyelaras perancangan dan pelaksanaan projek-projek mega.

Sementara bagi Pasukan Petugas Pelan Induk Pengangkutan memfokuskan kepada:-

(i) Mengkaji semula semua pelan pengangkutan sedia ada;

(ii) Membentuk terma rujukan untuk tender Pelan Induk Pengangkutan; dan

(iii) Mengkaji opsyen kewangan.

Setiap pasukan diketuai oleh seorang ahli Majlis Pengangkutan Negeri yang dipertanggungjawabkan terhadap tugas-tugas di setiap pasukan berkenaan. Sekian. Y.B. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya difahamkan bahawa sebenarnya dalam struktur pentadbiran Kerajaan Negeri ada ramai EXCO yang terlibat *transportation* seperti Bagan Jermal, Ketua Menteri juga terlibat sedikit sebanyak kerana ada setengah pihak akan datang memberi *proposal* tentang cara *public transportation* yang baru dan sebagainya. Jadi sejauh manakah kuasa *transport council* yang baru ditubuhkan. Adakah ia mempunyai kuasa yang cukup besar supaya ianya dibincangkan semua hal ehwal *public transportation* atau *public transportation council* dibincangkan. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Pantai Jerejak. Tidak dinafikan kadang kala portfolio EXCO-EXCO bertindih-tindih, dan dalam Majlis Pengangkutan Negeri antara ahlinya selain daripada saya juga melibatkan EXCO daripada Bagan Jermal dan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri dan juga Ahli Parlimen dan sepertimana diterangkan tadi *Penang Transportation Council* ini, akan berfungsi sebagai *one stop agency* untuk merancang, menyelaras dan menasihatkan Kerajaan Negeri dan kita mendapati bahawa memandangkan beberapa orang EXCO termasuk YAB. Ketua Menteri kadang kala akan diberi taklimat ataupun pembentangan daripada *proposal* menambah baik pengangkutan awam ataupun pengangkutan di Negeri Pulau Pinang, kita akan sedaya upaya menyalurkan perkara-perkara ini untuk perbincangan Majlis Pengangkutan Negeri

di mana kita akan melihat sejauh mana mampan cadangan-cadangan itu dan misalnya baru-baru ini Y.B. Pantai Jerejak juga merupakan seorang ahli dalam Mesyuarat yang baru tamat minggu lepas. Majlis ini pun menilai satu cadangan oleh MPPP, adakan satu kajian pendek mengenai usaha-usaha untuk menangani kesesakan di kawasan George Town ataupun di *congesting* George Town. Perunding itu dijemput untuk membentangkan cadangan mereka kepada Penang *Transportation Council* dan akibat itu banyak input diberikan oleh *Penang Transportation Council* ini kepada perunding itu supaya kita dapat memastikan hala tuju yang digubal ataupun diberi perhatian oleh *Penang Transportation Council* dapat juga diikut, dipatuhi oleh lain-lain usaha untuk menambahbaikkan dan mengatasi dan menangani isu pengangkutan awam di Pulau Pinang. Sekian.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Dari jawapan Ahli Padang Kota tadi, di mana lima pasukan ditubuhkan dalam *council* tersebut. Boleh tak Ahli Padang Kota memberi jawapan bahawa setiap kawasan itu ada Ahli Jawatankuasanya. Adakah *time frame* diberikan kepada setiap pasukan itu agar memenuhi tugas yang diberikan oleh mereka. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Time frame merupakan satu perkara yang memberi beban kepada mana-mana agensi termasuk *Penang Transportation Council*. Memahami hasrat rakyat jelata untuk melihat penambah baik pendekatan sementara kita mengatur atau menggubal dan *commission* satu pelan induk pengangkutan, kita pun mengambil langkah-langkah jangka pendek dan sederhana misalnya kita terangkan MPPP pun semenjak menunggu kita melantik pakar perunding untuk buat *master plan* pengangkutan di Negeri Pulau Pinang, MPPP atas inisiatifnya akan juga melantik perunding untuk lihat spesifiknya kepada isu-isu kesesakan lalu lintas di George Town atas satu kajian di *congesting* George Town. Kita ada dua pasukan, satu pasukan jangka panjang iaitu pelan induk dan satu nama dia pun kita merangkumi *time frame* ini. Satunya sistem keempat, jangka masa sederhana, satu pasukan jangka panjang dan yang lain-lain saya kira jangka pendek dan dilengkapi dengan pasukan mengenai pendidikan dan perhubungan awam yang menjelaskan usaha-usaha ini kerana tanpa sokongan dari awam dan penglibatan orang ramai segala usaha yang mungkin kita ambil melibatkan penguatkuasaan dan perubahan budaya dan sikap tidak akan berhasil kalau rakyat tidak ambil bahagian dalam usaha ini.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Ini seorang lagi kawan saya lama, Padang Kota. Yang saya tahu beliau bukanlah seorang akademik tapi jawapan beliau ini panjang dan nampaknya lebih mirip kepada akademik. Mungkin ini akan dapat nasihat daripada Y.B. Perai. Saya nak pergi kepada spesifik Y.B. Dato' Speaker. Saya nak tahu sama ada *Penang Transportation Council*, bercadang untuk memperluaskan perkhidmatan bas percuma di kawasan George Town pergi ke Tanjung Bungah, Air Itam, Bayan Baru dan sebagainya sampai ke Balik Pulau. Dan yang keduanya adakah *Penang Transportation Council* bercadang untuk menggunakan bas khas untuk pelancong. *Hop On, Hop Off and driver* dilantik supaya memandu pelancong supaya setiap *stop* ada tempat-tempat yang menarik, *driver* atau pemandu pelancong itu akan menerangkan tiap-tiap produk yang apabila sampai di situ, dia akan terangkan kepada pelancong tersebut. Adakah cadangan sebegitu sebab Pulau Pinang adalah sebuah negeri pelancong.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Chow Kon Yeow):

Terima kasih Y.B. Telok Bahang. Saya tak ingin komen sama saya akademik atau tidak. Jawapan sekurang-kurangnya dapat membayangkan hasrat dan tekad Kerajaan Negeri untuk menangani satu isu yang berat untuk Negeri Pulau Pinang ini. Berhubung dengan luasnya perkhidmatan *bus shuttle* secara percuma. Pada peringkat ini ada tiga (3) buah bas percuma yang ditawarkan oleh Rapid Penang. Dalam rundingan Kerajaan Negeri dengan Prasarana dan Rapid Penang, kita pun mengesyorkan bilangan ini ditambah kepada bilangan enam (6) dan masih tunggu jawapan daripada pihak Prasarana dan juga RapidPenang sama ada kalau ianya dipersetujui untuk kekalkan perkhidmatan bas percuma ini, kita akan lihat apakah laluan yang boleh dapat manfaat daripada perkhidmatan secara percuma ini. Mengenai satu produk *tourism* iaitu *bus hop on, hop off*, saya rasa EXCO Pelancongan juga berusaha dalam aspek ini. Kita pernah mendapat cadangan daripada pihak swasta untuk melancarkan perkhidmatan ini tapi ini isu mendapat lesen daripada LKTP adalah mustahak dan sementara itu EXCO Pelancongan juga ada bekerjasama dengan RapidPenang, sama ada RapidPenang boleh menawarkan perkhidmatan ini dan kita pun, Y.A.B. Ketua Menteri pun mencadangkan seeloknya *double decker bus* digunakan sememangnya ianya satu tarikan pelancong yang menarik kepada Negeri Pulau Pinang. Sekian.

Y.B. Dato' Speaker:

Hanya tiga soalan tambahan. Teruskan Y.B. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Y.B. Dato' Speaker. Soalan saya nombor 6.

6. Adakah kehilangan pekerjaan akibat kemerosotan ekonomi berada dalam kawalan atau semakin merosot di Pulau Pinang.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Berdasarkan rekod Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, bilangan kehilangan kerja akibat krisis ekonomi bagi enam bulan yang pertama tahun 2009 adalah seperti berikut:

Bulan	**Bil. Kehilangan Kerja Bagi Enam Bulan Pertama Tahun 2009 (orang)**	**Bil. Kehilangan Kerja Bagi Enam Bulan Pertama Tahun 2008 (orang)**
Januari	1,107	218
Februari	566	44
Mac	654	306
April	453	822
Mei	355	487
Jun	54	128
JUMLAH	**3,189**	**2,005**

Jadi Y.B. Dato' Speaker, berdasarkan data tersebut dapat dirumuskan bahawa bilangan orang yang hilang pekerjaan menunjukkan *trend* penurunan dari bulan Januari hingga ke Jun 2009. Keadaan ekonomi semakin pulih dan terkawal. Bilangan orang yang kehilangan pekerjaan ini telah menurun kesan dari inisiatif Kerajaan Negeri meluluskan dana berjumlah RM10 juta untuk mengurangkan kesan krisis ekonomi. Dana ini bertujuan untuk mengizinkan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang pekerjaan kepada pekerja yang telah diberhentikan pekerjaan seperti para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan kerjaya dan latihan di Negeri Pulau Pinang iaitu *Penang Career Assistance and Training Centre* (CAT)...(dengan izin) bagi membantu menangani isu ini. Dari analisis di atas, didapati bilangan pendaftar yang semakin berkurangan menunjukkan bahawa semakin ramai orang ditawarkan pekerjaan, oleh itu kehilangan pekerjaan akibat krisis ekonomi di Negeri Pulau Pinang berada dalam keadaan rendah dan terkawal.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Encik Tanasekharan a/l Autherapady):

Berapa banyak pekerjaan baru telah diwujudkan di Pulau Pinang dan berapa banyak pekerjaan yang belum dipenuhi yang masih ada.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Boleh ulang soalan?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Encik Tanasekharan a/l Autherapady):

Berapa banyak pekerjaan baru yang telah diwujudkan di Pulau Pinang dan berapa banyak lagi yang belum dipenuhi, *not filled yet*.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya rasa penempatan pekerja-pekerja telah dilakukan oleh beberapa agensi pusat dan Jabatan Tenaga, kemudian pusat CAT dan juga *Job Street* dan sebagainya. Walaupun saya tidak boleh memberi angka-angka yang tepat kerana keadaan ini sentiasa berubah, apa yang saya boleh nyatakan secara jelas bahawa mungkin peluang pekerjaan ini adalah lebih daripada permintaan. Kenapa? Salah satu faktor ialah bahawa semasa krisis ekonomi, Kerajaan Pusat, terutamanya di Negeri Pulau Pinang telah membekukan pengambilan pekerjaan asing dan saya baru mendapat tahu bahawa pembekuan ini telah dilupuskan oleh beberapa agensi seperti multinasional. Saya faham bahawa melalui agensi-agensi ini mereka telah mendapat pekerja-pekerja daripada negara asing. Jadi saya rasa keadaan ini semakin stabil dan saya difahamkan bahawa beberapa agensi multinasional ini telah mengalami kekurangan pekerja dan saya rasa apabila kita melihat statistik daripada CAT ini bahawa permintaan untuk menempatkan mereka di tempat-tempat ini sudah berkurangan, sudah menurun. Itu yang saya boleh beritahu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Abdul Hamid):

Soalan tambahan. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Ahli Kawasan Perai ada menyebut tentang peruntukan RM10 juta yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu menyelesaikan masalah ini. Bolehkah Y.B. Kawasan Perai memaklumkan kepada Dewan ini bagaimanakah peruntukan RM10 juta ini telah dibelanjakan, berapa orang pekerja-pekerja yang telah mendapat faedah dan setakat manakah mereka ini dapat diserap semula melalui skim ini. Terima kasih.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih Y.B. Telok Ayer Tawar. Dana RM10 juta ini yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti memberi peluang kepada mereka yang menganggur, memberi kursus-kursus tentang mewujudkan pekerjaan baru, latihan untuk memulakan perniagaan kecil dan sederhana. Walau bagaimanapun kita rasa RM10 juta ini adalah tidak banyak, kita juga telah memohon kepada Kerajaan Pusat sebanyak RM500 juta sebab kita faham RM10 juta ini adalah jumlah yang sangat kecil. Saya rasa ini adalah usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan saya rasa keadaan ekonomi ini tidak akan pulih dengan RM10 juta kerana keadaan ekonomi ini bergantung

kepada keadaan ekonomi dunia, apabila keadaan ekonomi dunia berubah dari segi positif. Ini merupakan salah satu langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri, antara lainnya untuk menstabilkan bilangan pekerja, memberi peluang kepada pekerja-pekerja yang menganggur, di samping itu memberi satu dorongan kepada pekerja-pekerja dan agensi-agensi tertentu. Jadi janganlah kita memperbesar-besarkan peruntukan RM10 juta kerana ini adalah satu jumlah yang kecil, cuma ia boleh memberi satu dorongan sahaja.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerrudin bin Dato' Syed Ahmad):

Soalan tambahan. Yang kita hendak tahu ialah RM10 juta ini adakah sudah dibelanjakan atau belum dibelanjakan dan berapa telah dibelanjakan, itu sahaja.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

RM10 juta ini kita telah sediakan untuk pusat CAT di mana CAT ini telah bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, PDC dan sebagainya untuk mewujudkan peluang pekerjaan. Jadi setakat mana mereka telah belanjakan, saya rasa saya tidak ada *details* di sini tetapi saya boleh sampaikan, tidak ada masalah. OK? Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterusnya Y.B. Tanjung Bungah.

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya nombor 7.

7. Untuk menuju ke arah bandar raya antarabangsa, wanita memainkan peranan yang amat penting dari semua aspek. Nyatakan polisi dan langkah-langkah atau *political will* Kerajaan Negeri untuk mempromosikan dan mempertingkatkan taraf *gender equality* dalam Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Tanjung Bungah kerana memberi perhatian tentang *gender equality. Gender equality* atau kesaksamaan *gender* adalah merupakan agenda utama Kerajaan Negeri di bawah JK MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti. Jawatankuasa ini menggariskan beberapa dasar bagi memastikan kesaksamaan *gender* di Negeri Pulau Pinang iaitu:-

- Membela nasib wanita terutamanya ibu tunggal untuk meningkatkan taraf ekonomi wanita supaya setanding dengan wanita di negara maju;

- Menggalakkan dan menyokong kaum wanita untuk terus berkerjaya bagi mencapai kecemerlangan dalam profesion masing-masing;

- Mewujudkan komuniti yang bekerjasama dengan agensi Kerajaan Negeri dalam memupuk semangat muhibah antara kaum;

- Mempertahankan kesaksamaan *gender*; dan

- Menambah bilangan wanita sehingga mencapai matlamat 30% penglibatan wanita sebagai pembuat keputusan dalam agensi kerajaan dan korporat.

Bagi memastikan dasar dan matlamat Kerajaan Negeri tercapai, bengkel kesaksamaan *gender* telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Bengkel yang pertama telah diadakan pada 6 Jun 2009 dan dikendalikan dalam Bahasa Inggeris, bengkel kedua telah dikendalikan dalam Bahasa Mandarin pada 27 Jun 2009 dan kerajaan telah mengadakan bengkel ketiga pada 1 Ogos di Kepala Batas dalam Bahasa Melayu. Selain dari itu Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan satu jawatankuasa kesaksamaan *gender* bagi membincangkan secara terperinci hal-hal berkaitan hak-hak wanita di Pulau Pinang. Jawatankuasa tersebut turut berfungsi sebagai *platform* bagi perbincangan berkaitan polisi dan dasar kesaksamaan *gender* untuk dimajukan ke Jawatankuasa MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti untuk pertimbangan dan kelulusan agar faedahnya dapat dinikmati oleh penduduk Pulau Pinang terutamanya kaum wanita.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan tambahan?

Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Soalan tambahan saya ialah adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjalankan aktiviti bagi tujuan mencapai sasaran 30% *gender equality* ini dalam menghadapi rintangan atau galakan dari mana-mana pihak terutamanya dari Kerajaan Pusat untuk bekerjasama bagi mencapai sasaran ini.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana baru-baru ini kita mendapat seorang Setiausaha MPPP dari kaum wanita iaitu Cik Patahiyah dan kita mendapat seorang Pegawai Daerah wanita yang baru di Daerah Seberang Perai Selatan. Saya melihat kemajuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mencapai 30% wanita sebagai pembuat keputusan akan tercapai dalam masa yang singkat dan kalau saya masih berada dalam barisan EXCO. Cuma saya berasa sedikit kecewa kerana sehingga hari ini saya tidak mendapat apa-apa pertolongan dari Kerajaan Pusat dalam Hal Pembangunan Ehwal Wanita di bawah portfolio saya. Itu gambaran sebenarnya, terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Jahara bt. Abdul Hamid):

Soalan tambahan. Saya rasa Y.B. Berapit tidak seharusnya mengalih pandangan kita dari isu kesaksamaan *gender* dengan sama ada mendapat apa-apa peruntukan dari Kerajaan Pusat atau tidak, ini tidak ada kena-mengena. Ini kerana ianya melibatkan dasar dan pelaksanaan dasar itu melalui beberapa saluran-saluran yang berkesan. Antaranya kalau kita hendak menepati 30% tentulah bukan sahaja dengan pelantikan D.O. dan seorang Setiausaha Majlis. Soalan saya di sini apakah sebenarnya tindakan-tindakan sebenar yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menepati sasaran atau matlamat kesaksamaan *gender* itu dan juga penglibatan 30% wanita di dalam tempat pembuat keputusan.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Terima kasih Y.B. Telok Ayer Tawar yang mengemukakan soalan ini. Dasar kita di bawah portfolio Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti adalah banyak. Seperti pada tahun lepas kita telah merancang beberapa pelaksanaan.

Yang pertama, pusat khidmat wanita di Seberang Perai (PPW) yang bekerjasama dengan NGO WCC untuk membuka kaunseling di Seberang, sebab selama ini Kerajaan Negeri tiada pusat khidmat wanita langsung di Negeri Pulau Pinang. Kita menubuhkan satu pusat khidmat ini di Seberang kerana kebanyakan NGO berada di sebelah *Island*.

Jadi untuk menolong wanita-wanita yang bermasalah kita sudah mendirikan satu pusat khidmat wanita di Seberang. Di bawah rancangan EXCO Wanita, Keluarga dan Komuniti kita juga sudah menubuhkan satu pusat jagaan kanak-kanak di Padang Tembak. Ini bertujuan untuk *empowering of women*...(dengan izin). Y.B. Dato' Speaker, di bawah program ini juga kita akan menubuhkan satu lagi pusat kanak-kanak di Seberang pada akhir tahun ini dengan kerjasama semua NGO di Seberang. Saya juga minta Y.B. Telok Ayer Tawar kalau boleh kita dapat bekerjasama untuk menentukan dan memastikan *gender equality* di Pulau Pinang berjaya.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan untuk berehat dan Dewan akan bersambung semula pada pukul 11.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.00 pagi.

Dewan disambung semula pada jam 11.40 pagi.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Izinkan saya Y.B. Dato' Speaker, dapatkan sedikit penjelasan. Baru sebentar tadi kita telah diedarkan dengan satu *report of local government election working group*. Jadi, saya keliru adakah Dewan kita ini boleh menerima pengedaran *report* tanpa satu makluman yang sempurna. sama ada ini di bawah kebenaran Y.B. Dato' Speaker ataupun tidak ada di bawah pengetahuan Y.B. Speaker. Jadi kita tidak mahu dalam Dewan kita ini *report* dibentangkan secara tidak berperaturan. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Speaker:

Bagi saya tengok laporan.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon penjelasan. Ini adalah secara *informal* diberikan kepada ahli-ahli sebab esok ada usul berkaitan dengan pilihan raya untuk kerajaan tempatan. Sebagai rujukan saja, bukan secara rasmi dibentangkan.

Y.B. Dato' Speaker:

Saya belum dapat benda itu.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Tuan Tuan Lau Keng Ee):

Saya mohon maaf atas kesilapan itu.

Y.B. Dato' Speaker:

Edaran ini dibuat oleh Y.B. Padang Kota untuk rujukan dan Y.B. Padang Kota sudah minta maaf atas itu dan ini diberikan untuk makluman. Saya akan teruskan dengan soalan lisan seterusnya. Ahli Kawasan Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya nombor 8.

8. Pengambilan tanah untuk pembinaan landasan kereta api berkembar masih menghadapi masalah. Berapa ramaikah yang terlibat dan setakat manakah masalah ini telah dapat diselesaikan dan apakah isu-isu yang masih menjadi pertikaian dan bantahan rakyat.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, soalan nombor 8 berkenaan dengan impak pengambilan balik tanah untuk pembinaan landasan kereta api berkembar. Terima kasih kepada Y.B. Seberang Jaya.

Permohonan pengambilan tanah untuk tujuan awam iaitu Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh - Padang Besar di bawah Seksyen 3 (1) (a) Akta Pengambilan Tanah 1960 melibatkan ketiga-tiga daerah di Seberang Perai Utara iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Jumlah yang terlibat dalam projek pengambilan tanah tersebut ialah 831 lot tanah milik dengan anggaran seramai 2,372 tuan tanah dan anggaran sebanyak 677 bangunan. Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh - Padang Besar hari ini pada umumnya tidak mendatangkan sebarang masalah yang besar. Namun demikian, terdapat sebahagian daripada penduduk yang terlibat yang tidak puas hati kerana projek ini melibatkan hak mereka seperti tanah dan rumah dan seperti lazim bayaran pampasan dan bayaran *ex-gratia* diberikan kepada mereka yang terlibat.

Di samping itu, pakej penempatan semula turut disediakan yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan asas yang mencukupi untuk penduduk-penduduk yang terlibat. Langkah-langkah ini dibuat bagi memastikan bahawa penduduk-penduduk yang terlibat tidak terabai dari segi kebajikan mereka. Isu yang masih menjadi pertikaian dan bantahan rakyat adalah masalah tapak dan rumah ganti selepas pengambilan tanah dilaksanakan dan juga bayaran pampasan yang disediakan dikatakan oleh penduduk sebagai rendah. Jadi, pampasan yang diberikan adalah mengikut harga pasaran yang telah ditetapkan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta bagi kawasan tersebut. Jadi, setelah penjelasan yang diberikan setakat ini kepada mereka mengenai perkara tersebut mereka berpuas hati dan bersedia menerima bayaran tersebut. Sekian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan. Y.B. Dato' Speaker, oleh kerana masih ada di kalangan yang terlibat yang masih tidak puas hati maka soalan saya mengapakah Kerajaan Negeri tidak bersedia mempunyai satu *bargain tools list* yang telah pun disenaraikan secara andaian kehendak-kehendak yang akan menjadi tuntutan rakyat mengenai perkara ini kerana kita lihat di dalam satu perjumpaan dialog bersama dengan Ahli Kawasan Penanti yang saya turut hadir di kawasan Padang Lalang seolah-olah Kerajaan Negeri sekarang memilih untuk menggunakan *fire fighting strategic* bagi menyelesaikan masalah apabila menyentuh sesuatu masalah termasuk masalah ini dan bukan secara *advance comprehensive resolution problem of mathod.* Setakat manakah Kerajaan Negeri bersedia untuk membela tuntutan rakyat bagi isu ini dan tidak akhirnya rakyat dipersalahkan dan bantahan yang dibuat kepada penduduk-penduduk di Kampung Buah Pala yang dikatakan membuat tuntutan yang melampau dan sebagainya.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, kita telah berjumpa dengan beberapa penduduk dalam kawasan terlibat seperti yang disebutkan oleh Y.B. Seberang Jaya tadi. Saya sendiri dengan Y.B. Lim Hock Seng telah turun ke padang untuk berjumpa dengan penduduk-

penduduk satu di Alma, kedua di Berapit, ketiga di Kampung Tok Elong dan keempatnya di Padang Lalang yang dihadiri bersama oleh Y.B. Seberang Jaya. Perkara-perkara itu memang dibangkitkan oleh penduduk-penduduk dan dalam perjumpaan dengan penduduk saya juga bawa bersama pegawai-pegawai daripada jabatan teknikal untuk menjawab persoalan-persoalan berkenaan pengambilan balik tanah, taksiran rumah dan tanah juga masalah lain penempatan. Sekarang ini saya sedang mengkaji data-data yang saya dapat daripada penduduk-penduduk dan juga daripada UPEN dan jabatan lain untuk menilai, melihat kembali apakah pakej yang diberikan oleh pihak yang terlibat kepada penduduk-penduduk dan untuk seperti Y.B. Seberang Jaya sebutkan tadi di Padang Lalang bukan masalah tentang pampasan itu tetapi mereka mengemukakan persoalan, maklumat lain dan juga permintaan lain yang Y.B. Seberang Jaya pun tahu apa yang mereka pohon dan kita sedang lihat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Y.B. Dato' Speaker, apakah isu-isu yang masih menjadi pertelingkahan dan bantahan rakyat kerana saya hendak ianya direkodkan di sini kerana sekiranya berlaku lagi pertikaian maka ianya ada catatan bahawa perkara telah dibawa di dalam Dewan kepada yang bertanggungjawab untuk menyelesaikannya. Isu-isu yang sebenarnya yang masih menjadi *grey area* ...(dengan izin).

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, spesifiknya macam penduduk Seberang Jaya yang Yang Berhormat hadir bersama kita telah menerima memorandum dan memorandum itu jelas apa yang mereka tuntut dengan pampasan dan juga tapak gantian. Itu dua perkara dan yang lain-lain pun juga berkisar kepada masalah itu juga masalah harga, pampasan dan masalah tapak gantian. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Jadi, ini bermakna Ahli Kawasan Penanti memang berjanji akan menyelesaikannya?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Kerajaan Negeri sedang meneliti perkara itu dan kita juga sedang berunding dengan mereka yang terlibat bukan saja penduduk tetapi juga pihak pembangunan yang terlibat. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterusnya, Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan):

Tuan Y.B. Dato' Speaker, soalan saya nombor 9.

9. George Town sebagai Tapak Warisan Sedunia UNESCO sudah setahun.

(a) Berapakah jumlah peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Pusat.

(b) Sila nyatakan perbezaan dari segi agihan peruntukan daripada Kerajaan Pusat di antara Negeri Pulau Pinang dengan negeri Melaka.

(c) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh setahun kebelakangan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sehingga kini Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk disalurkan kepada Tapak Warisan George Town. Walau bagaimanapun, perincian berhubung permohonan peruntukan berkaitan yang telah pun disediakan dan dipanjangkan kepada agensi Kerajaan Pusat untuk pertimbangan. Kerajaan Negeri memohon perhatian daripada Kerajaan Pusat kerana di antara tahun 2007 hingga 2009, hanya tiga (3) projek pemugaran warisan diluluskan kepada Pulau Pinang sedangkan Melaka diperuntukkan 16 projek. Malah negeri lain seperti Perak 23 projek, Negeri Sembilan 8 projek dan Pahang 6 projek diberikan perhatian yang lebih. Dua (2) projek tender bagi tujuan konservasi telah dijalankan pada tahun 2008 hingga 2009 di Pulau Pinang adalah bangunan gereja St. George dan bangunan nombor 138 Jalan Hatin secara *design and build* dan satu projek penyelenggaraan tapak iaitu Makam Sheikh Omar.

Memandangkan Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk disalurkan kepada Tapak Warisan George Town maka perincian perbezaan peruntukan yang diterima oleh Pulau Pinang dan Melaka tidak dapat dikemukakan buat masa ini. Selepas pengumuman George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, Kerajaan Negeri telah mengadakan sambutan selama tiga hari berturut-turut iaitu pada 25, 26 dan 27 Julai 2008. Kerajaan Negeri juga telah menyertai sambutan peringkat negara/kebangsaan yang telah diadakan pada 22 November 2008. Sambutan ini bertujuan untuk menghebahkan kepada orang ramai mengenai kejayaan George Town mendapat pengiktirafan sebagai tapak warisan dunia untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai nilai-nilai keaslian tapak *outstanding universal value* yang perlu dipulihara dan dikekalkan.

Selain itu Kerajaan Negeri juga telah menerbitkan risalah jejak warisan yang menyenaraikan warisan ketara atau *tangible heritage* dan warisan tak ketara atau *intangible heritage* yang terdapat di dalam tapak warisan dunia di George Town. Seiring dengan pengiktirafan sebagai tapak warisan dunia, pejabat warisan dunia George Town telah pun ditubuhkan pada 30 April 2009 dan beroperasi di nombor 116, 118 Lebuh Acheh, Pulau Pinang. Tujuan ini berperanan untuk memantau pelaksanaan dan pengendalian pelan pengurusan tapak yang meliputi hal-hal berkaitan permasalahan promosi, pengangkutan awam, keselamatan dan penyelidikan, kajian-kajian impak, penterjemahan tapak kesedaran awam dan khidmat nasihat. Unit Warisan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) juga dicadang untuk di naik taraf menjadi sebuah jabatan baru di dalam Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) iaitu Jabatan Warisan seiring dengan pengiktirafan George Town sebagai tapak warisan dunia. Penubuhan Jabatan Warisan ini telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Pelantikan Majlis dan bermesyuarat pada 29 Mei 2009. Penubuhan Panel Penilaian Teknikal (*Technical Review*) di peringkat MPPP juga telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri (SPC) bertujuan mengkaji dan menilai projek-projek di dalam kawasan teras dan penampan agar tidak menjejaskan nilai-nilai keaslian tapak atau *outstanding universal value (OUV)*. Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengadakan rundingan dengan wakil UNESCO bagi projek-projek pembangunan yang telah diluluskan di dalam kawasan teras dan penampan agar tidak bertentangan dengan kehendak serta garis panduan yang telah ditetapkan oleh UNESCO.

Di sini Y.B. Dato' Speaker, saya ingin menegaskan bahawa ekoran daripada lawatan atau mesyuarat yang diadakan di Sepanyol di mana kita telah berjaya untuk mengekalkan status warisan sungguhpun mendapat persoalan daripada pakar-pakar UNESCO dalam mesyuarat di Sepanyol pada 22 hingga 30 Jun yang telah dihadiri oleh Ar. Hajah Patahiyah, Setiausaha MPPP dan juga Puan Maimunah di mana kita telah berjaya untuk meyakinkan UNESCO bahawa kerajaan baru Negeri Pulau Pinang akan memberikan komitmen yang tidak dapat diberikan oleh kerajaan yang lepas kerana sebelum ini apabila satu dosir telah disampaikan oleh kerajaan lepas mereka telah

diberikan jaminan bahawa semua projek dalam kawasan teras yang melebihi 18 meter tidak akan diluluskan. Maka malangnya janji ini tidak ditunaikan kepada UNESCO yang membuat UNESCO agak tidak puas hati malah boleh disebut sebagai meradang kerana menganggap bahawa mereka tertipu. Apa yang disampaikan oleh kerajaan lepas dalam *nomination north* SEA iaitu jaminan-jaminan bahawa had ketinggian adalah ditetapkan pada 18 meter atau 15 tingkat tidak pun diikuti dan oleh itu mereka mempersoalkan mengapakah ini berlainan dengan *nomination north* SEA.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Penjelasan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Oleh kerana, saya rasa mesti tahu. Ikut peraturanlah, selepas saya habiskan jawapan saya, Yang Berhormat boleh tanya soalan tambahan. Saya rasa ikut peraturan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Saya ingin minta penjelasan bukan soalan tambahan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Ini adalah jelas bahawa dalam aspek untuk memastikan bahawa kita terus kekalkan dan pelihara tapak warisan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO maka kita telah memberikan komitmen bahawa semua peraturan di kawasan teras yang membenarkan had ketinggian melebihi 18 meter ataupun 5 tingkat sekiranya di dalam *area* atau kawasan binaan melebihi 50,000 kaki persegi telah pun dimansuhkan oleh Kerajaan Negeri yang baru. Ini saya rasa telah meyakinkan *world heritage committee* yang telah memuji usaha Kerajaan Negeri baru dalam aspek komitmen mengekalkan tapak warisan dunia dan itu sebabnya mereka dengan sendirinya menarik cadangan untuk meletakkan George Town dalam senarai bahaya. Di sini saya ingin menyatakan sekali lagi, bahawa komitmen Kerajaan Negeri untuk mengekalkan George Town sebagai tapak warisan dunia tidak harus dipertikaikan. Kita akan terus membangunkannya mengikut piawaian ataupun syarat-syarat yang ditetapkan kerana ini bukan sahaja kebanggaan kepada Negeri Pulau Pinang tetapi juga mengharumkan nama Malaysia. Seperti yang kita selalu tegaskan sekiranya mana-mana tapak diisytiharkan atau disenaraikan sebagai satu tapak warisan dunia UNESCO maka ia akan dianggap sebagai sebahagian daripada milikan manusia sejagat dan adalah satu kebanggaan yang tidak ternilai kepada negara Malaysia. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Y.B. Dato' Speaker, minta penjelasan. Penjelasan kepada jawapan oleh Y.A.B. Ketua Menteri, ada dua perkara di sini. Satu, saya tidak bersetuju untuk menyalahkan seratus peratus kepada kerajaan yang terdahulu. Kalau lihat balik, dua pegawai yang disebut tadi adalah pegawai yang sama yang menguruskan dosir yang dahulu. Tentunya mereka mengetahui apa yang berlaku dulu dan sekarang. Tadi Y.A.B. Ketua Menteri menyebut dua nama tadi, Ar. Hajah Patahiyan – Setiausaha MPPP dan juga Puan Maimunah, adalah pegawai yang sama. Tidakkah pegawai yang dahulu yang memohon untuk menjadikan George Town sebagai pusat *heritage* hendak membiarkan supaya dimansuhkan pada bila-bila masa. Kita buat kerana kita mahu mengekalkan Pulau Pinang sebagai *heritage.* Tidak langsung terlintas di hati kerajaan yang dahulu untuk membiarkan *heritage* ini dilupuskan pada suatu masa, kita hendak mengekalkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Harap Yang Berhormat *surveyor* daripada Pulau Betong jangan persalahkan pegawai-pegawai. Mereka hanya turut perintah dan arahan daripada kerajaan semasa itu sahaja. Apa yang mereka boleh buat? Biar saya habiskan dulu, nanti boleh tanya lagi tidak ada masalah. Di sini mereka hanya turut perintah yang dikeluarkan oleh kerajaan dahulu kerana peraturan 50,000 kaki persegi di mana kelonggaran diberikan untuk melebihi had ketinggian lebih daripada 18 meter ataupun lima (5) tingkat. Ini adalah diluluskan oleh FPC iaitu Jawatankuasa Perancang Negeri. Siapa yang mempengerusikan Jawatankuasa Perancangan Negeri? Tidak lain lagi ialah Y.A.B. Ketua Menteri pada masa itu dan oleh kerana ini diluluskan. Apakah pegawai kerajaan boleh buat selepas, selain daripada akur kepada perintah yang dikeluarkan. Di sini saya hendak kod dosir yang telah dikeluarkan di mana dalam usul yang dikeluarkan oleh UNESCO mereka tidak puas hati. Mengapakah pada asalnya permohonan yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri pada masa itu menyatakan mereka akan tetapkan ketinggian had 18 meter dan lima (5) tingkat tetapi tidak disusuli dengan tindakan malah mereka tidak dimaklumkan langsung bahawa dua buah projek iaitu AGB atau Rise punya Hotel dan *which that* telah diluluskan had ketinggian lebih daripada 18 meter. Di sini tentulah boleh dipertikaikan siapa yang bercakap bohong tapi untuk saya dan saya rasa 1.5 juta rakyat Pulau Pinang mereka lebih mempercayai kepada satu pertubuhan bangsa-bangsa bersatu seperti UNESCO daripada Kerajaan Barisan Nasional yang hanya pandai temberang sahaja. Bukan setakat rakyat di sini kena tipu, malah UNESCO pun berani tipu. Di mana dinyatakan dengan jelas ....(dengan izin). Y.B. Dato' Speaker, kerana inilah *decision* yang dibuat oleh *world heritage community UNESCO regret that any code information on this development proposa* iaitu meluluskan projek-projek yang melebihi hak ketinggian lima (5) tingkat dan 18 meter di kawasan teras *at the core zone of George Town. Regret that any code information on this development proposal and status their approval as well as the many question protective proposition was not provided by the state party in the north SEA file and during the evaluation process.*

Semua maklumat ini di mana kelulusan telah diberikan apabila permohonan dibuat tanpa dimaklumkan kepada UNESCO. Itu sebab UNESCO meradang, itu sebab UNESCO hendak menarik balik atau menetapkan George Town dalam senarai bahaya. Apabila kita tahu keadaan ini kita telah semak di manakah persetujuan yang diperoleh dengan UNESCO yang bersetuju bahawa kedua-dua projek ini diluluskan. Tidak ada langsung bila pakar-pakar UNESCO datang ke George Town mereka amat tegas menyatakan mereka tidak pernah kompromi dalam perkara ini. Saya ini memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini Y.B. Dato' Speaker, UNESCO mereka tidak main-main dengan peraturan yang mereka tetapkan. Pada mesyuarat yang sama di mana George Town dipuji, di mana Pulau Pinang di puji kerana telah mengambil langkah-langkah yang positif dengan serta-merta untuk mengekalkan ciri-ciri warisan.

UNESCO dari negeri Johor telah digugurkan dalam senarai tapak warisan dunia. Saya rasa Y.B. Pulau Betong pun tahu adalah salah sebuah bandar raya yang terbesar di Germany. Maka ia tidak dikecualikan tetapi pun telah digugurkan kerana tidak ikut syarat-syarat yang ditetapkan. Oleh sebab itu, di sini kita telah terpaksa untuk membuat banyak kerja-kerja pembetulan termasuk kepada dua projek *boost step* dan PGB di mana atas maklumat yang diperoleh daripada UNESCO kita telah mengarahkan bahawa kedua-dua projek ini mestilah menurunkan had ketinggian kepada 18 meter ataupun lima (5) tingkat. Membetulkan kesalahan, kesilapan ataupun penipuan yang dibuat oleh kerajaan yang lepas. Di sini Y.B. Dato' Speaker, ada banyak perkara kita telah usahakan dan saya rasa di sini kita hendak menunjukkan komitmen tentang minit-minit yang telah diterima baru-baru ini. Baru diterima saja yang saya hanya terima pada 5 Ogos 2009, iaitu minit yang terbaru daripada UNESCO tentang keputusan yang dicatat oleh mereka. Di sini saya hendak jelaskan UNESCO tidak akan bohong, yang penting marilah kita tahu apa yang silap pada masa lepas, betulkan dan pastikan ia diikuti. Yang Berhormat sebagai seorang pakar profesional pun tahu peraturan tidak boleh dipermainkan. Sekian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan. Y.B. Dato' Speaker, tidakkah Kerajaan Negeri bercadang untuk menggazetkan bahawa tidak akan ada apa-apa pembangunan di Bukit Bendera buat selama-lamanya kecuali bagi kerja-kerja baik pulih warisan struktur bangunan sedia ada kerana Bukit Bendera sudah tentu merupakan salah satu lagi tapak yang boleh kita perjuangkan sebagai tapak warisan. Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam tempoh setahun kebelakangan ini. Bolehkah masukkan ia juga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya rasa mungkin Y.B. Seberang Jaya tidur tadi kerana beliau jelas telah keluar tajuk. Kalau hendak bahas tentang Bukit Bendera, boleh bahas pada waktu petang, sekarang terlalu awal.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Saya mengambil kesempatan untuk selit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tapi jangan tembak buta saja. Ini macam hentam kromo, tembak buta saja. Jadilah seorang wakil rakyat yang bertanggungjawab dan profesional, ikut tajuk. Seperti yang saya jelaskan tadi bahawa Kerajaan Negeri komited untuk mengekalkan warisan kerana kita bukan saja menjaga Pulau Pinang kita pun menjaga untuk nama baik Malaysia seperti yang saya sebut tadi kita anggap ini sebagai satu kemuliaan kerana dianggap sebagai sebahagian daripada kemanusiaan sejagat yang cemerlang sekali. Sekian.

Y.B. Dato’ Speaker:

Soalan seterusnya. Ahli Kawasan Sungai Bakap.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya soalan nombor 10.

10. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam membangunkan pinggir Sungai Kerian sebagai Pusat Tarikan Pelancong.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih kepada Ahli Kawasan Sungai Bakap. Dari aspek pembangunan pelancongan Sungai Kerian mampu menjadi sebuah tempat tarikan pelancong yang menarik kerana terdapat pelbagai aktiviti istimewa untuk para pelancong. Antara aktiviti yang diminati adalah aktiviti memerhati kelip-kelip di sepanjang Sungai Kerian di samping menikmati keindahan alam semula jadi apabila matahari mula terbenam. Selain itu para pelancong juga boleh menjamu selera di restoran-restoran makanan laut menghidangkan makanan laut yang segar. Antara aktiviti lain yang amat digemari para pelancong Jepun dan Eropah ialah aktiviti memancing udang galah dan sotong kurita di sepanjang Sungai Kerian. Malah ramai pelancong sanggup melalui perjalanan masa yang lebih kurang 30 minit dari Jambatan Pulau Pinang ke Sungai Kerian kerana ianya merupakan pengalaman yang amat menarik. Kerajaan Negeri mempromosikan Sungai Kerian sebagai tempat tarikan pelancong melalui laman web dan risalah pelancong yang diedarkan kepada para pelancong. Pemain-pemain industri pelancong dan orang ramai secara umumnya,

Kerajaan Negeri juga bercadang untuk memohon peruntukan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk membina jeti yang sesuai serta mendirikan kemudahan asas untuk para pelancong.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Y.B. Tuan Maktar bin Haji Shapee):

Tambahan Y.B. Dato' Speaker. Minta maaf kemungkinan soalan saya kurang jelas terhadap apa yang saya maksudkan ini iaitu yang saya maksudkan ini pinggir Sungai Kerian daripada Jambatan Nibong Tebal itu ke Simpang Sembilan. Maksudnya bila kita melakukan pembangunan di situ ia bukan saja akan daya tarikan pelancong malah ia akan membangunkan ekonomi kawasan selatan kita meliputi penduduk Sungai Acheh, Sungai Udang dan pekan Nibong Tebal itu sendiri. Jadi sekarang ini Pekan Nibong Tebal seolah-olah pekan mati dan orang-orang sebelah sana banyak belanja di Perak di Parit Buntar. Jadi kita hendak buat program-program yang merupakan seminar, mesyuarat pun terpaksa kita pergi ke Parit Buntar. Maksud saya di sepanjang sungai daripada jambatan itu ke Simpang Sungai dan sebelah sana Berembang ke Nibong Tebal. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Dato' Speaker, oleh sebab soalan tidak jelas kerana menyentuh tempat-tempat yang lain jadi soalan ini adalah spesifik jadi saya boleh kalau Yang Berhormat sanggup memberikan soalan yang lebih tepat untuk tempat-tempat yang berkenaan saya akan sanggup memberikan jawapan kemudian.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Sebagaimana yang telah disampaikan oleh Y.B. Sungai Bakap tadi kita mendapati Pekan Nibong Tebal telah pun tidak bermaya. Boleh dikatakan kerajaan apa yang telah kerajaan lama buat ini menjadi pertikaian kepada kita semua. Soalan saya, untuk membawa pelancongan semula jadi ke Sungai Kerian. Kita perlukan pembangunan sampingan seperti pembangunan jalan raya yang selesa dan sebagainya di kawasan sana. Jadi bilakah Kerajaan Negeri dapat membangunkan Sungai Kerian ini yang kita tunggu-tunggukan. Hasil daripada penjimatan Pulau Burung, saya rasa pembangunan kepada Sungai Kerian amat perlu dibuat kerana FPH terlalu mundur. Apa yang kita nampak sebuah klinik pakar pun tidak ada. Macam mana kita hendak tarik pelancong ke SPS kita, sedangkan pembayaran hasil kita sama juga. Itu saja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Dato' Speaker, cadangan-cadangan daripada Y.B. Jawi memang bagus. Kita akan teliti.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Datuk Mahmud bin Zakaria):

Y.B. Dato' Speaker, menambah Y.B. Dato' Speaker. Pandangan Sungai Bakap tadi bermula dari Jambatan Sungai Kerian tapi saya hendak mencadangkan supaya ambil perhatian bersama. Bermula daripada kampus USM Kejuruteraan harus diperindahkan. Adakah perancangan Kerajaan Negeri hendak mengindahkan tepi-tepi sungai ini supaya ia lebih mendapat tarikan pelancongan?

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Tuan Law Heng Kiang):

Y.B. Sungai Acheh tadi memang saya telah jawab bahawa kita akan meminta peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 supaya kemudahan-kemudahan di tepi Sungai Kerian ini akan dapat diatasi seperti jeti-jeti dapat dibina dan juga *facilities*...(dengan izin), dapat diperbaiki. Memang itu ada perancangan negeri kita.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterusnya kalau ada.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya nombor 11.

11. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewajibkan semua rancangan perumahan pada masa akan datang disediakan tapak-tapak untuk membina bangunan sembahyang untuk berbilang kaum supaya tidak lagi berlaku pembinaan tokong atau kuil haram di tanah kerajaan atau padang.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih kepada Y.B. Padang Lalang bertanyakan tentang kedudukan bangunan sembahyang untuk berbilang kaum supaya pembinaan tokong ataupun kuil tanpa kebenaran di tanah kerajaan. Ya, Kerajaan Negeri memang bercadang mensyaratkan setiap perancangan perumahan pada masa akan datang disediakan tapak-tapak untuk membina bangunan sembahyang untuk berbilang kaum supaya tidak lagi berlaku pembinaan tokong tanpa kebenaran di tanah kerajaan ataupadang. Di bawah struktur Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah diwartakan pada tahun 2007 telah mengenakan syarat dan peraturan iaitu setiap projek yang berkaitan dengan pembinaan rumah-rumah ibadat di bawah dasar DS42 penyediaan kemudahan agama yang terancang dan mencukupi akan disediakan selaras dengan peningkatan penduduk dan keperluan piawaian perancangan hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut.

Yang pertama, 0.05 meter persegi ruang bangunan atau 0.1 meter persegi ruang tanah tapak surau bagi setiap penduduk dan 0.1 meter persegi ruang tanah untuk bangunan agama lain-lain. Sekian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah bin Haji Omar Shah):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Padang Lalang.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng):

Adakah Kerajaan Negeri sedia mencari jalan untuk mengesyorkan pembinaan rumah ibadat bukan Islam yang haram sedia ada kalau ada bagi tahu caranya. Saya faham di Seberang Perai ada banyak rumah ibadat bukan Islam dengan secara dinyatakan tidak dapat kebenaran daripada MPSP. Tidak ingin menggunakan perkataan haram kerana perkataan yang lebih bagus ialah tidak mendapat kebenaran. Sebenarnya, memang terdapat banyak kes khasnya di kawasan perumahan yang baru yang terdapat pembinaan tanpa kebenaran tetapi untuk memberikan penghormatan, setiap kedua-dua PBT iaitu MPPP dan juga MPSP telah diarahkan supaya sebarang

tindakan ke atas rumah ibadat ini perlu mendapat satu *clearance* iaitu satu keputusan daripada Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam peringkat negeri kerana memang kita mengetahui pada masa-masa yang lalu banyak terdapat keadaan yang begini dan kita berharap pada masa-masa yang akan datang kita akan dapat menyediakan tapak-tapak yang mencukupi dan memberikan penghormatan kepada rumah ibadat tersebut. Sekian.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Sila jawab.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya ingin bertanya tentang jawapan yang telah diberi tadi bahawa akan disyaratkan di masa hadapan keperluan untuk menyediakan tapak dan bangunan ibadat berbilang agama sama ada ianya akan di *impliment* kan ...(dengan izin), *accros the board* ataupun menyeluruh untuk semua projek-projek kerana ini mungkin tidak bersesuaian kerana setengah projek mungkin dibangunkan oleh Majlis Agama Islam hanya untuk orang Islam sahaja dan setengah kawasan mungkin tidak ada pembeli orang Islam pula. Jadi sama ada faktor keperluan ini akan diambil kira.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Ya, terima Y.B. Telok Ayer Tawar. Ini akan diberikan pertimbangan memandangkan bahawa untuk saiz projek perumahan yang kecil memang kurang daripada lima (5) unit tidak akan dikenakan syarat dan juga kita akan mempertimbangkan rayuan sekiranya rayuan pemaju tersebut boleh dikemukakan sekiranya rayuan tersebut berasas seperti apa yang dikata oleh Y.B. Telok Ayer Tawar, kita dapat memberikan *assumption* atau kekecualian untuk kes-kes tertentu. Sekian.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Lanjutan daripada soalan yang sama dikemukakan oleh Y.B. Telok Ayer Tawar tadi, saya ingin tahu apakah kaedah yang akan digunakan supaya sensitiviti semua kaum di negeri ini dijaga dan syarat mewajibkan peruntukan semua kawasan RIBI dibuat dengan penuh berhemah. Sebagai contoh, kawasan yang padat dengan penduduk Cina dikecualikan peruntukan kawasan kuil dan kawasan yang penuh dengan kaum India dikecualikan peruntukan kawasan masjid dan kawasan padat dengan kaum Melayu dikecualikan dengan kawasan peruntukan RIBI dan sebagainya.

Ahli Kawasan Air Itam (Y.B. Tuan Wong Hon Wai):

Di peringkat jawatankuasa negeri kita mempunyai satu Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam yang dianggotai oleh ADUN-ADUN berbilang kaum yang dapat bersama dengan kedua-dua PBT dan kita telah mendapatkan satu inventori di seluruh Negeri Pulau Pinang tentang kedudukan tokong juga *fit* di mana kawasan-kawasan

tersebut dan boleh kita menjalankan mekanisme supaya lawatan tapak dijalankan untuk menilai kesesuaian dan juga input-input dari kedua-dua dari para panel dari kedua-dua PBT untuk mendapatkan satu penilaian yang seimbang.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterusnya Y.B. Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya nombor 12.

12. Berapakah nilai FDI (Pelaburan Langsung Luar) yang masuk ke Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2009 sehingga sekarang dan dalam bidang apa.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, soalan daripada Y.B. Telok Bahang berkaitan dengan pelaburan langsung luar ...(dengan izin).. *foreign direct investment* yang masuk ke Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2009 hingga sekarang dan dalam bidang apa. Berasaskan maklumat terkini yang diperoleh daripada MIDA, jumlah pelaburan langsung asing yang telah diluluskan sejak Januari hingga Mei 2009 ialah RM802.3 juta dan projek-projek industri yang diluluskan mengikut sektor untuk pelaburan langsung asing bagi Januari hingga Mei 2009 adalah seperti berikut:-

Industri		**Pelaburan Langsung Asing**
Kimia & Keluaran Kimia	:	RM 400.5 juta
Peralatan Sains & Pengukuran	:	RM 138.1 juta
Keluaran elektrik dan elektronik	:	RM 133.4 juta
Keluaran Logam Asas	:	RM 93.6 juta
Keluaran Plastik	:	RM 29.5 juta
Mesin & Kelengkapan	:	RM 4.7 juta
Keluaran Logam Dibentuk	:	RM 1.1 juta
Kertas, Percetakan & Penerbitan	:	RM 1.0 juta (RM 973,000)
Kelengkapan Pengangkutan	:	RM 0.5 juta (RM 540,000)
Keluaran Getah	:	RM 0.05 juta (RM 50,000)
Jumlah	**:**	*** RM 802.3 juta**

*Jumlah digenapkan berdasarkan perkiraan asal seperti jadual di bawah

Projek-projek Yang Diluluskan Di Pulau Pinang
Mengikut Industri, Januari-Mei 2009

Industri	Bilangan	Pelaburan Domestik (RM)	Pelaburan Langsung Asing (RM)	Jumlah Pelaburan (RM)
Kimia & Keluaran Kimia	1	44,500,000	400,500,000	445,000,000
Keluaran elektrik dan elektronik	12	144,674,667	133,394,305	278,068,972
Peralatan Sains & Pengukuran	3	6,433,000	138,051,000	144,484,000
Keluaran Logam Asas	2	945,360	93,590,640	94,536,000
Kertas, Percetakan & Penerbitan	3	69,094,660	973,000	70,067,660
Keluaran Plastik	7	20,036,935	29,498,668	49,535,603
Mesin & Kelengkapan	5	12,060,735	4,670,715	16,731,450
Keluaran Logam Dibentuk	7	15,246,662	1,080,000	16,326,662
Perabot & Kelengkapan	3	5,368,610	0	5,368,610
Kulit & Keluaran Kulit	1	4,290,860	0	4,290,860
Pembuatan Makanan	1	3,093,703	0	3,093,703
Kelengkapan Pengangkutan	1	1,260,000	540,000	1,800,000
Keluaran Getah	1	0	50,000	50,000
Jumlah	**47**	**327,005,192**	**802,348,328**	**1,129,353,520**

Y.B. Dato' Speaker:

Sila jawab.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Soalan tambahan Y.B. Dato' Speaker, yang sebenarnya saya minta ialah pelaburan sebenar yang masuk ke Pulau Pinang tahun ini. Makna mungkin diluluskan tahun lepas tetapi yang masuk tahun ini di Pulau Pinang. Begitu juga kalau sudah lulus tahun ini oleh MIDA, berapa banyak yang telah masuk di Pulau Pinang hari ini. Kalau saya lihat angka memang cantik, angka kelulusan tetapi yang sebenar mungkin tidak sampai begitu kerana saya masih lihat *there no good feeling still there in on the ground* kerana kalau betul-betul pelaburan itu datang masuk ke Pulau Pinang, tentulah keadaan lebih selesa di bawah tetapi nampaknya *no good feeling still there.* Saya lihat di Kuala Lumpur sebelah kanan itu *science park* itu masih kosong sebab itu saya minta angka yang sebenar yang masuk ke Pulau Pinang dan bukan yang diluluskan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, ini merupakan data-data yang kita kutip daripada ataupun yang diberikan oleh MIDA dan soalan Y.B. Telok Bahang itu kita akan dapatkan daripada MIDA data yang sebenarnya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Penambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan Y.B. Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah):

Ada soalan-soalan menyatakan yang mana telah pun menentukan untuk melabur di sini kemudian mereka kurang yakin dan mengakibatkan angka ini mungkin ini menjadi tidak berapa menggalakkan kerana mungkin ada suara-suara ada kedengaran bahawa sikap dan kenyataan Y.A.B. Ketua Menteri telah banyak membuat pelabur-pelabur merasa kurang yakin untuk melabur di negeri ini. Sebagai contoh iaitu mengugut untuk membatalkan pelan pembangunan di Kampung Buah Pala jika pemaju tidak akur dengan cara penyelesaian yang dicadangkan. Jadi pemaju-pemaju merasa takut untuk melabur di negeri ini kerana mereka rasa *at the point of purchase of property* mereka telah pun membuatkan perkiraan *return of investment* dan rujukan untuk *plot ratio density* dan sebagainya dan *at the point of submission* dikenakan syarat-syarat tambahan dan sebagainya dan *at the point of the approval* ada pula perkara-perkara sedemikian. Jadi bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh memperbetulkan *confident level* pelabur-pelabur ini supaya apa yang dimaksudkan nilai pelaburan yang telah dimaksudkan tadi itu yang masuk ke negeri ini pada tahun ini mungkin kita dapat supaya ia mencapailah *target* asal.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Sepanjang baru dua bulan enam (6) hari saya memegang portfolio ini saya dapati walau masa yang singkat itu, ada dua tiga pelabur yang datang berjumpa dengan saya. Satu daripada Korea, satu daripada Taiwan dan juga ada tempat. Jadi bayangan-bayangan yang diberikan itu tidaklah seperti yang dimaksudkan tadi. Tidaklah mengatakan mereka ini takut hendak beri kepada Pulau Pinang dan kalau kita perhatikan Pulau Pinang daripada seluruh negeri di Malaysia ini, ini merupakan negeri yang keempat selepas daripada Selangor. Ini menunjukkan satu prestasi yang baik jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Berkenaan dengan Kampung Buah Pala ini, saya ingat ada cerita lain di belakang ini. Saya rasa bukan ada *company-company* yang takut yang hendak bincang dengan kita. Ingat di Kampung Buah Pala itu ada *company* lain, ada orang lain yang di belakang isu Kampung Buah Pala itu, Bila sampai tentang kes Kampung Buah Pala itu, saya ingat kita akan beri penerangan tentang Kampung Buah Pala itu.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterusnya, Y.B. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya nombor 14.

14. Sila nyatakan mengapa Kerajaan Negeri terdahulu telah menjual tapak kampung buah pala pada satu harga yang begitu rendah. Sudahkah *inquiry* dijalankan berkenaan penjualan tersebut untuk mengetahui sama ada wujud unsur-unsur rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam penjualan tapak kampung buah pala tersebut. Apakah status dan penemuan *inquiry* tersebut?

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Soalan tentang Kampung Buah Pala. Bukan isu tetapi itu siasatan. Kerajaan Negeri yang dahulu telah meluluskan pemberian milik tanah Kampung Buah Pala pada 8 Jun 2005 kepada Koperasi Pegawai Kerajaan Pulau Pinang Berhad dengan nilai premium sebanyak RM6,420,000,000. Kerajaan Negeri kemudian 25 April 2007 memberikan potongan diskaun 50% menjadikan jumlah premium yang perlu dibayar adalah RM3,210,000.000. Kerajaan Negeri telah mengujudkan satu jawatankuasa yang diketuai Yang Berhormat daripada Penanti untuk menyiasat secara teliti sama ada terdapat unsur-unsur penyelewengan atau salah guna kuasa mengenai pemberian milik

tanah tersebut. Jawatankuasa ini masih lagi menjalankan siasatan dan penemuan-penemuan masih belum diputuskan oleh kerana perkara ini masih dalam siasatan. Status penemuan masih belum diperoleh. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tambahan, boleh saya tahu tanya kita tahu daripada minit mesyuarat EXCO kerajaan terdahulu yang telah diklasifikasikan berkenaan dengan isu penyerahan milik tanah daripada Kampung Buah Pala ini. Antara isu yang telah bangkit ialah sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat daripada Perai, ada satu potongan premium sebanyak 50% dan kalau dalam mesyuarat EXCO itu, saya percaya Ketua Pembangkang kita sendiri yang hadir di dalam mesyuarat itu dan telah bersubahat dengan Kerajaan Negeri yang terdahulu untuk merompak. Merompak tanah ini daripada rakyat Kampung Buah Pala. Merompak tanah ini daripada rakyat Kampung Buah Pala. Dia ada di sini, perompak itu ada di sini. 50% premium diturunkan daripada RM6.4 juta kepada RM3.2.....(gangguan). Belum lagi, belum lagi .....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Peraturan 14 (8) *say,* bercakap hati-hati. Soalan patut tuju kepada Y,B. Perai tetapi dia menggunakan perkataan perompak, dia langsung tidak beradab, tidak bersopan, tidak tahu peraturan Majlis, wakil rakyat ini. Saya tidak mahu guna perkataan seperti macam Yang Berhormat mengatakan, saya pun tahu menggunakan perkataan itu. Soalan itu sepatutnya dituju kepada Y.B. Perai, tiba-tiba tuju ke sini, tidak tahu peraturan mesyuarat. Sudah jadi wakil rakyat satu setengah tahun.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Datok Keramat sila duduk.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya belum hendak tanya soalan lagi.

Y.B. Dato' Speaker:

Jadi perkataan yang digunakan adakah Yang Berhormat tarik balik. Itu perkataan yang merompak dan .....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Merompak saya belum habiskan, saya ada justifikasi mengapa saya menyatakan.

Y.B. Dato' Speaker:

Jadi minta tarik, boleh Yang Berhormat tarik balik.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya tidak menyatakan siapa itu perompak. Saya nyatakan perompak itu adalah Kerajaan Negeri terdahulu. Kalau ada Kerajaan Negeri yang terdahulu ada seorang di sini yang bersubahat dalam... (gangguan). Itu yang saya kata. Anggap kamu perompak ....(gangguan). Itu bukan masalah saya, saya kata dari segi .....(gangguan). Dalam mesyuarat EXCO tersebut, bersubahat itu .....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim):

Inilah dikatakan manusia yang tiada berkeperibadian.....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Saya ingin meminta Y.B. Datok Keramat untuk menarik balik, itu sahaja. Boleh.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Untuk apa ditarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Kerana merompak itu adalah .....(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya kata perompak itu ditujukan kepada Kerajaan Negeri terdahulu. Satu daripada.....(gangguan). Cuba faham .....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Datok Keramat sekali lagi saya minta, adakah hendak ditarik atau tidak.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya tidak mahu tarik balik kerana saya tidak tahu apa yang hendak ditarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Perkataan merompak.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Perkataan merompak itu bukan ditujukan kepada Y.B. Penaga. Dia anggap dia perompak, saya hendak buat apa Yang Berhormat. Saya tidak hendak tuju kepada dia. Saya tuju kepada Kerajaan Negeri terdahulu. Saya tidak mahu ditarik balik.

Y.B. Dato' Speaker:

Ini terakhir saya minta. Adakah Y.B. Datok Keramat hendak tarik balik atau tidak. Saya terpaksa meminta Yang Berhormat keluar Dewan. Kalau....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Saya tidak mahu tarik balik kerana saya tujukan bukan kepada Y.B. Penaga. Saya kata sekali lagi kalau dia anggap diri dia sebagai perompak saya tidak boleh buat apa.

Y.B. Dato' Speaker:

Kalau macam itu saya minta Y.B. Datok Keramat meninggalkan Dewan....(tepuk meja).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Peraturan Y.B. Dato' Speaker, saya juga meminta Yang Berhormat Ketua Pembangkang menarik balik perkataan yang menyentuh .....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Sebelum itu saya belum habis lagi, soalan tadi kita belum habis lagi. Y.B. Datok Keramat ada di sini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Kalau hendak cakap, bangkit cakap jangan duduk ..... (gangguan).

Ahli Kawasan Komtar (Y.B. Tuan Ng Wei Aik):

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon supaya kita membaca balik handsard yang telah direkodkan sebab .....(gangguan)

Y.B. Dato' Speaker:

Saya telah buat keputusan dan saya telah beri peluang untuk Y.B. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Y.B. Dato' Speaker, saya ingin tahu saya terpaksa keluar untuk berapa lama.

Y.B. Dato' Speaker:

Sampai tengah hari.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya ingin tahu kerana kalau tidak ini satu hukuman yang tidak ada *eternity*. Sebagai seorang peguam mesti tahu hukuman itu berapa panjang itu.

Y.B. Dato' Speaker*:*

Sampai tengah hari.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Okay, terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, Peraturan, saya minta Ketua Pembangkang juga menarik balik perkataan menyatakan bahawa Y.B. Datok Keramat tidak mempunyai keperibadian.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Y.B. Datok Keramat memanggil saya perompak. Tunjuk jari.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya tidak perlu penjelasan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Hai, diam, duduk, duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya tidak perlu penjelasan. Itu juga menunjukkan ketidakperibadian, melanggar peraturan Yang Berhormat Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Duduk, duduk.

Y.B. Dato' Speaker:

Peraturan telah dibangkitkan. Y.B. Penaga sila duduk. Peraturan telah dibangkit, tadi ada pertuduhan dalam perkataan perompak. Saya telah membuat keputusan Y.B. Datok Keramat tentang pertuduhan itu. Tentang apa yang dibangkitkan oleh Y.B. Seri Delima itu, saya buat keputusan, itu dibolehkan, kerana pertuduhan tadi daripada Y.B. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya hormati keputusan itu. Apa yang saya cuba katakan di sini. Walaupun Y.B. Datok Keramat telah mungkin terlanjur atau mungkin mengeluarkan perkataan-perkataan. Saya tidak mengakui dia mengeluarkan perkataan begitu. Tetapi ini harus diserahkan kepada Y.B. Dato' Speaker, bukan daripada Y.B. Ketua Pembangkang menggunakan perkataan-perkataan begitu Y.B. Dato' Speaker. Tetapi dia seharusnya menghormati dan menyerahkannya kepada Y.B. Dato' Speaker untuk membuat keputusan. Kalau begitu kedua-dua pihak berbalah, tidak ada penyelesaian. Jadi kalau memandangkan Y.B. Datok Keramat telah diperintah keluar Dewan. Y.B. Ketua Pembangkang juga harus diperintah keluar daripada Dewan. Harus perintah keluar Dewan....(tepuk meja). Dia sebagai seorang Ahli yang telah berpengalaman tidak boleh mengatakan perkataan-perkataan yang menyentuh keperibadian seseorang. Melanggar peraturan Perintah 46 (13). Manusia yang tidak mempunyai keperibadian, boleh dia mengeluarkan perkataan-perkataan begitu?

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih. Y.B. Seri Delima. Y.B. Penaga berikan penjelasan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Yang Berhormat tadi menyerang saya kata perompak itu dan ini, kemudian Seri Delima kata, dia, dia, dia. Ini bahasa Dewan kah? Kalau hendak suruh saya keluar, Yang Berhormat juga harus keluar....(tepuk meja)...(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya membangkitkan isu peraturan, perkara itu dikeluarkan oleh Y.B. Ketua Pembangkang. Dia yang menyentuh dulu.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Tengok tu, dia, dia. Lagi sekali. Kalau dia guna perkataan dia, dia, saya akan guna perkataan kasar lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Silakan. Ini menunjukkan perangai Ketua Pembangkang.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat sila duduk, sila duduk. Saya tak akan panjangkan ini. Y.B. Penaga sila duduk. Kalau Y.B. Penaga akan terus panjangkan saya terpaksa akan mengeluarkan Y.B. Penaga juga. Saya nak teruskan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Soalan tambahan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya belum jawab soalan. Soalan-soalan mengenai Buah Pala ialah bola canggung pada kita. Y.B. Dato' Speaker, soalan tadi saya ingat separuh saya belum dengar soalan penuh, walau bagaimana saya cuba lah, kalau saya faham soalan itu, walaupun kita telah apa ini bukan minit Mesyuarat EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang tapi kronologi peristiwa-peristiwa mengenai kes Buah Pala ini saya tidak tahu bahawa Ketua Pembangkang ini ada dalam itu, mungkin ada, tapi saya rasa yang bertanggungjawab untuk menghuraikan premium adalah bekas Y.B. Timbalan Ketua Menteri, dia yang berusaha untuk mengurangkan premium daripada RM6 juta kepada RM3 juta. Itu memang ternyata dalam kronologi itu dan kerajaan yang lepas bertanggungjawab atas penjualan tanah kepada koperasi kenapa mereka pilih koperasi, kenapa ada juga permohonan-permohonan lain juga tidak tahu, kenapa dia pilih koperasi, kerana itu koperasi, mungkin ada juga syarikat-syarikat lain yang bukan koperasi, saya tidak tahu, tapi saya rasa apa yang kita tahu daripada kronologi peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan Buah Pala ialah penjualan inilah, atas sektor inilah kita syaki mungkin wujud satu yang tidak betul mungkin ada penyelewengan, jadi jawatankuasa siasatan ini yang diketuai oleh Y.B. ini kita telah laporkan kepada SPRM mungkin dalam sebulan lepas dan saya fikir bahawa SPRM ini sedang siasat perkara ini jadi kita tunggu bahawa SPRM ini untuk siasat perkara ini secara betul dan setakat ini saya tidak tahu apa penemuan-penemuannya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Soalan tambahan. Isu Buah Pala ini dah lama dah. Kemudian daripada kronologi yang dicetak, semua orang tau dalam media penuh dan tak payah cerita dah dan saya ingin bertanya. Adakah Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh mahu menyelesaikan masalah ini? Kerana Y.B. Penanti kata dia baru dua bulan, dia di Ahli Dewan dan Timbalan Ketua Menteri I dan telah diberi tanggungjawab untuk mengkaji dan sebagainya, apa dia buat sebelum itu, tak buat apa. Soalan adakah Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh nak menyelesaikan masalah kalau nak tunggu sampai keputusan ini, mungkin dah berperang dah. Penduduk buah pala dan pemaju mungkin dah bergaduh.

Kedua, soalannya ialah. Apakah yang mahu dibuat oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah ini dan ketiga dan mampukah Kerajaan Negeri menyelesaikan? Rakyat beberapa penduduk Kampung Buah Pala inginkan penyelesaian dan bukan cerita dok korek bila lulus, potong 50%, orang tak mahu dengar dah. Itu dah penuh cerita dalam akhbar semua orang tau dah, yang dinantikan adalah penyelesaian itu yang orang duk tunggu duk lihat, bukan saja orang Buah Pala, bukan saja orang Pulau Pinang tetapi seluruh negara, fokusnya ke arah itu. Terima Kasih

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Okey, Ahli Y.B. Penaga. Memang kita menuju ke arah penyelesaian, dan sebagaimana yang kita faham, apabila kita rundingan dengan pemaju, memang kita ada penyelesaian, memang telah keluarkan dalam surat khabar, sama ada surat khabar itu

pun memutarbelitkan, itu bukan tanggungjawab kita, tapi mesej sudah sampailah. Ini memang ternyata dan bukan tanya kita, sudah selesai atau tidak, memang kita sudah sampai satu penyelesaian dan kita bagi masa kepada penduduk dan baru-baru ini mereka bagi prinsip sudah menerima dan cuma ada lah sedikit-sedikit yang mereka mahu bincang sama jawatankuasa ini.

Di samping itu, jangan lah Y.B. Penaga ini, kita lupakan sejarah, siapa yang mengakibatkan kes ini macam kes Tan Hak Ju, jangan lah cuci tangan dalam kes Tan Hak Ju, kemudian cuci tangan dalam kes Buah Pala siapa yang jual tanah itu kepada koperasi, siapa yang mengurangkan bayaran premium kepada 3 juta, saya rasa masa itu harga tanah itu mungkin sudah sampai 40 bilion, kenapa premium begitu rendah siapa yang bertanggungjawab kita jangan kita pisahkan daripada sejarah perkembangannya yang menyebabkan krisis ini, *so* janganlah tuduh kepada kita mungkin ada berlaku huru-hara, siapa yang mungkin kacau kepada penduduk buah pala, komponen-komponen Barisan Nasional. Kacau sama dia, jangan menerima ini, bagi dia makan, minum hari-hari, siapa yang bertanggungjawab, jadi kenapa ini diluluskan, kenapa jual kepada koperasi, koperasi pun cakap macam samseng sekarang, tapi kita perlu penyelesaian, penduduk tahu mahu penyelesaian, tapi adalah pelbagai ini pihak campur tangan, mewujudkan satu keadaan di mana ini politik la. Mahu jatuhkan imej kerajaan Pakatan Rakyat di Pulau Pinang, jangan kita rasa ini tak berlaku, ini memang berlaku tapi walau bagaimanapun saya rasa kita mahu serius, kita mesti menuju kepada ke arah penyelesaian, memang kita sudah keluarkan, kita runding dengan pemaju, inilah penyelesaian, dulu apa penyelesaiannya. Bagi 70 ribu kepada penduduk, sekarang apakah nilai penyelesaian, nilai rumah yang kita bagi sampai 500 ribu, setengah juta, jadi kalau ini bukan penyelesaian, saya tidak faham apa itu penyelesaian, itulah janganlah apa ini pihak kerajaan lepas ini mencuci tangan dalam hal ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, soalan, soalan. Dalam dokumen-dokumen yang diklasifikasikan kita nampak sekarang, Y.B. Ketua Pembangkang begitu bersungguh-sungguh nak tanya apakah penyelesaian dan sebagainya, apakah pendirian beliau sendiri semasa isu kampung buah pala dibincangkan dalam EXCO Mesyuarat semasa pemberian tanah itu diluluskan, adakah beliau membantah, adakah beliau menunjukkan inisiatif hak penduduk-penduduk di situ, atau saja datang mahkamah atau datang ke Dewan hari ini main wayang kulit macam biasa. Saya mintak soalan ini diperjelaskan seperti kita harapkan, memang lah kita tahu MIC tak buat apa-apa *so* kita harapkan pendirian beliau Yang Berhormat sendiri, Y.B. Penaga adakah beliau membantah atau saja tutup mata luluskan pengambilan tanah tersebut, tapi datang hari ini wayang kulit di hadapan media dan sandiwara seolah-olah beliau ingin menyelesaikan masalah, tidak ada, tidak ada penyelesaian diberikan pada masa itu. Ini adalah sejarah dalam tanah air di mana pemilik-pemilik itu diberi rumah yang nilainya adalah setengah juta, tak pernah-pernah mengaku di bawah Kerajaan Barisan Nasional bayangkan malahan Kerajaan Barisan Nasional yang merompak tanah tersebut. Tapi bila penyelesaian diberikan, bila penyelesaian diberikan kita tengok MIC masuk kacau mintak penduduk jangan terima tapi soalan saya ringkas. Apakah pendirian Y.B. Penaga pada masa itu ataupun beliau bersama-bersama menyokong, merompak tanah itu pada masa itu?

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Perai tolong jawabkan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Mintak laluan. Soalan tambahan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya jawab dulu, kemudian tanya. Terima kasih Y.B. daripada Seri Delima. Berdasarkan kepada fahaman saya apabila saya melihat, kronologi dan sebagainya saya rasa tidak ada bantahan cuma adalah soalan-soalan yang berkaitan ditanya oleh pihak tertentu tapi *trend* dalam EXCO sebab benda ini diluluskan dua kali dalam EXCO ialah mereka akan menjual tanah itu kepada koperasi dan tidak ada bantahan secara serius. Mungkin cuma ada sedikit tentang soalan-soalan pampasan dan sebagainya. Jadi, inilah yang menjadi masalah kenapa kerajaan lepas boleh menjual tanah kepada koperasi, kenapa tidak pilih organisasi, pemohon-pemohon lain? Apa sebab, apakah keunikan koperasi ini? Ini yang jadi tanda tanya kepada kita. Jadi yang jadi ketua kepada penjualan tanah adalah bekas Ketua Menteri, Tan Sri Koh Tsu Koon dan kemudian diikuti oleh Timbalan Ketua Menteri, mereka kedua-dua yang menjadi pemimpin keadaan kepada koperasi, semua Ahli EXCO ini menjadi penumpang pada masa itu. Jadi itulah gambaran yang saya dapat, bukan saya mahu memutarbelitkan. Ini yang menjadi tanda tanya kepada kita, yang menjadi ketua kepada penjualan tanah ini adalah bekas Ketua Menteri, Tan Sri Koh Tsu Koon, kemudian diikuti oleh Timbalan Ketua Menteri, mereka kedua-dua menjadi pemimpin untuk menjual tanah kepada koperasi.

Semua Ahli EXCO semuanya penumpang sahaja pada masa itu. Jadi itulah gambaran yang kita dapat, bukan saya hendak memutarbelitkan apa-apa. Inilah yang menyulitkan kita dan menjadi isu yang besar kepada penduduk Kampung Buah Pala sepertimana yang saya katakan sebentar tadi, penilaian saya ada, lebih lima kali ganda, 70,000 dahulu, sekarang 500,000 untuk 20 keluarga yang memegang tol, terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Soalan tambahan.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukup sudah, telah tiga soalan tambahan, dan hendak selesaikan soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Kerana sebentar tadi saya cuma menjawab Y.B. Seri Delima tidak membuat apa pun, sepatutnya soalan itu ditujukan kepada Y.B. Perai, dia suruh saya pula menjawab, saya pakai *folder* 25 sekejap lagi.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Kawasan Paya Terubong sila teruskan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):

Dato Y.B. Dato' Speaker, soalan saya nombor 16:

16. Sila nyatakan apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu kaum wanita dari segi pekerjaan.

Ahli Kawasan Berapit (Y.B. Puan Ong Kok Fooi):

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih kepada Y.B. Ahli Kawasan Paya Terubong kerana memberi pemerhatian kepada hal ehwal wanita. Soalannya ialah apakah usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu kaum wanita dari segi pekerjaan. Terdapat beberapa pendekatan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri

dalam membantu kaum wanita dari segi pekerjaan, antaranya ialah dengan menggalakkan golongan wanita yang hilang pekerjaan atau tiada pekerjaan untuk mendaftar di Pusat CAT. Kerajaan Negeri percaya bahawa melalui cara ini, usaha untuk mendapatkan kerja yang bersesuaian dengan wanita boleh dicapai. Kerajaan Negeri turut menyarankan dan menggalakkan golongan wanita untuk menceburi dalam bidang perniagaan di negeri ini. Untuk tujuan tersebut, Kerajaan Negeri telah dan sedang berusaha untuk menganjurkan program-program latihan dan pembangunan sumber manusia serta pendedahan mengenai peluang-peluang perniagaan dan pembiayaan dengan kerjasama agensi Kerajaan Negeri dan persekutuan. Program ini dilaksanakan dalam bentuk seminar, forum, kursus dan dialog bertujuan membantu usahawan untuk mendapat pendedahan mengenai sumber pembiayaan perniagaan yang disediakan. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Belia Negeri akan menganjurkan Seminar Motivasi Keusahawanan Belia pada bulan Disember 2009.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada golongan belia mengenai peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi belia termasuklah beliawanis yang terdapat di negeri ini. Selain itu, dalam usaha untuk menggalakkan golongan wanita menceburi bidang perniagaan, Kerajaan Negeri turut menyediakan premis perniagaan mampu milik seperti ruang niaga dan gerai yang disediakan, sama ada secara jualan, sewaan dan sewa beli dengan kadar yang berpatutan bagi membolehkan golongan belia menjalankan perniagaan yang berpotensi. Premis perniagaan ini disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan PDC. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga telah menubuhkan Skim Mikro Kredit yang dikenali sebagai Tabung Titian Ketidaksamaan Rakyat (TTKR) Negeri Pulau Pinang bagi menggantikan Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil Negeri Pulau Pinang.

Program ini dijalankan secara kerjasama dengan tenaga pakar dari Universiti Sains Malaysia (USM). Tabung ini ditubuhkan bertujuan untuk memberi fokus dalam mengurangkan jurang atau ketidaksamaan dalam masyarakat dengan memberi keutamaan kepada golongan miskin, orang kurang upaya, ibu tunggal termasuk penjaja kecil untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan. Secara tidak langsung, penubuhan tabung ini juga dilihat dapat membantu Kerajaan Negeri mengurangkan masalah kemiskinan di negeri ini. Peruntukan RM3.0 juta telah disediakan untuk tabung ini iaitu melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM1.5 juta dan peruntukan PDC sebanyak RM1.5 juta. Proses pengeluaran pinjaman bagi tabung ini akan dibuat melalui PDC. Sehingga kini bantuan pinjaman bagi tabung ini belum lagi disalurkan kepada pemohon yang layak kerana mekanisme pelaksanaannya sedang disediakan. Walau bagaimanapun pinjaman kepada pemohon yang layak dijangka akan mula diagihkan mulai 1 Oktober 2009 dan keutamaan kepada pemohon dari kalangan ibu tunggal dan wanita. Kerajaan Negeri turut memberikan bantuan tambang sebanyak RM50.00 sebulan kepada ibu-ibu tunggal yang bekerja bagi menggalakkan ibu-ibu tunggal untuk terus bekerja. Pemberian bantuan ini merupakan antara inisiatif Kerajaan Negeri dalam memastikan kaum wanita tidak ketinggalan dalam aspek pembangunan sosioekonomi. Itu sahaja, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Soalan seterusnya. Ya, Ahli Kawasan Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Dato' Speaker, soalan saya pada pagi ini adalah soalan nombor 17

17. Keadaan Sungai Jawi adalah bengkang-bengkok dan banjir kilat selalu terjadi di kawasan kaki bukit. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak JPS dalam

mengatasi masalah banjir yang terjadi. Berapa kalikah pembersihan atau pengorekan dasar sungai dibuat. Sila nyatakan jumlah perbelanjaan tahunannya dalam tempoh masa tiga tahun yang lalu.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Y.B. Dato' Speaker, saya bangun untuk menjawab soalan nombor 17 daripada Y.B. Kawasan Jawi bersabit dengan masalah banjir dan keadaan geografi Sungai Jawi yang dikatakan bengkang-bengkok. Y.B. Dato' Speaker, keadaan Sungai Jawi yang bengkang-bengkok merupakan keadaan semula jadi sungai, saya tidak mempunyai kuasa untuk menentukan keadaan sungai yang bengkang atau bengkok. Ia merupakan satu proses kitaran hidrologi dalam sistem ekologi sungai. Walau bagaimanapun banjir yang sering berlaku di kawasan tersebut adalah kerana sistem saliran sedia ada tidak lagi mampu menampung aliran tambahan dari pembangunan kawasan sekitar. Ini menunjukkan kawasan Jawi itu ada pembangunan. Bagi tindakan jangka pendek untuk menangani masalah banjir dalam kawasan tadahan Sungai Jawi, JPS bersama PBT |juga menyelenggarakan dan menjalankan kerja-kerja mendalam dan membesarkan sebahagian Sungai Jawi. Di sini juga perlu saya memaklumkan kepada Dewan, dan Y.B. dari Sungai Jawi, selalunya bersabit dengan pengurusan sungai itu, kita perlu tahu beberapa istilah yang digunakan dalam jabatan mahupun PBT, iaitu membersihkan, mendalam atau memperbesarkan. Itu berbeza skop kerjanya dan untuk jangka masa yang pendek, JPS telah pun merancang untuk mendalam dan membesarkan bahagian Sungai Jawi, dan akan, bermula bulan Ogos 2009 bulan ini, dan saya berharap Y.B. Jawi boleh membantu memantau kerja-kerja mendalam dan membesar sungai tersebut dan ini juga memerlukan maklumat supaya kerja-kerja yang dijalankan mengikut standard yang kita minta.

Manakala bagi tindakan jangka masa panjang, permohonan peruntukan kewangan telah pun dipohon dalam RMKe-10 untuk melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Jawi. Skop kerja projek ini melibatkan pelebaran Sungai Jawi sepanjang 12 km. Bagi projek pembangunan perumahan yang baru di kawasan tadahan Sungai Jawi, semua pemaju telah disyaratkan menggunakan kaedah Manual Saliran Mesra Alam ataupun MSMA untuk sistem perparitan dengan bertujuan mengurangkan aliran puncak semasa keadaan curahan hujan yang tinggi. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan Sungai Jawi dijalankan sekali setiap tahun. Kos yang dibelanjakan pada tahun 2006 sebanyak RM99,925.00, bagi tahun 2007 sebanyak RM96,814.00 telah pun dibelanjakan dan tahun 2008 adalah sebanyak RM78,100.00. Bagi kerja-kerja mendalamkan Sungai Jawi pula kali terakhir ia dibuat pada tahun 2007 dengan kos sebanyak RM157,840.00. Itu untuk jawapan dari Y.B. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Soalan tambahan, terima kasih Y.B. satu perkara yang hendak pertikaian mengenai cara-cara pembersihan yang sedia ada di Sungai Jawi, sepertimana saya selalu pertikaian dalam Mesyuarat MMK. Saya mendapati caranya pembersihan sungainya masih lagi mengamalkan cara lama iaitu mengorek sungai dan membiarkan lumpur ataupun pasir yang ada di tebing sungai. Adakah cara seperti ini berkesan untuk mengatasi masalah banjir yang sering kali berlaku selepas waktu hujan lebat, itu sahaja.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Terima kasih Y.B. Jawi, kerana prihatin tentang skop kerja pengurusan pengorekan selut ataupun pasir sungai, tetapi boleh sekiranya meminta Y.B. Jawi memberikan lokasi di mana Y.B. mengenal pasti kerja-kerja ini telah pun dijalankan sebagaimana Y.B. Jawi katakan, sekiranya ada lokasi yang tertentu kita cepat melaksanakan dan memaklumkan kepada jabatan supaya kita dapat mengambil tindakan yang segera, tetapi untuk makluman Y.B. Jawi, memang bukannya kerana kerja pengorekan selut ataupun pasir di sungai itu boleh diangkat keluar daripada tebing

sungai itu dengan serta merta kerana bila kita mengeluarkan selut ataupun lumpur daripada sungai itu, kita perlu menunggu ianya kering, kalau tidak ini akan mencemarkan jalan-jalan persekitarannya dan itu juga adalah satu *trisection* ...(dengan izin) yang perlu untuk jabatan-jabatan ataupun kontraktor-kontraktor yang menjalankan tugas sebegini kerana ianya perlu menunggu kering sedikit supaya tidak mencemarkan kawasan-kawasan di sekitar, sebab itu saya meminta pada Y.B. lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti oleh Y.B. Jawi dan tolong memaklumkan supaya boleh kita memantau kerja-kerja ataupun kualiti kontraktor itu, tetapi secara amnya pengurusan itu adalah sepertimana yang saya jawab sebentar tadi. Sekian.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Y.B. Dato' Speaker, saya ada satu soalan tambahan lagi.

Y.B. Dato' Speaker:

Ya, kita berikan peluang sekali lagi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat):

Saya tidak berpuas hati dengan jawapan yang telah diberikan sebentar tadi. Apa yang saya ingin bertanya ialah selama ini apa yang saya tahu pasir-pasir yang dilonggokkan di tepi sungai, tidak pernah dibuang, tidak pernah diberikan satu permit untuk mengangkat keluar di kawasan tebing dan menyebabkan apabila sewaktu hujan lebat, pasir-pasir yang ada di tebing akan jatuh semula ke dalam sungai apalagi ditambahkan lagi dengan limpahan air dari bukit yang berdekatan dengan kawasan Jawi dan membawa lumpur dengan pasir sekali gus keadaan sungainya semakin cetek dan soalan saya adalah adakah kerajaan akan membenarkan pengurangan pasir yang dibersihkan di Sungai Jawi itu untuk apa, untuk kegunaan di tempat lain dan bilakah permit untuk mengangkat keluar pasir tersebut akan dibenarkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Y.B. Tuan Law Choo Kiang):

Y.B. Jawi, Y.B. Dato' Speaker, saya menjawab secara ringkas, memang dalam sungai-sungai yang kita dapati di Negeri Pulau Pinang ini memang banyak sungai yang telah pun menjadi cetek kerana mendapan daripada pasir. Itu satu yang tidak perlu kita nafikan, cuma sekarang ini untuk mengeluarkan pasir oleh kontraktor-kontraktor yang menjalankan kerja ini mereka tidak dibenarkan mengangkat pasir itu kerana ianya terlibat dengan isu *royalty* ataupun isu permit yang diperlukan di bawah kuasa Pejabat Tanah dan Daerah, tetapi pejabat saya faham tentang isu ini dan sedang di peringkat jabatan. JPS telah pun mengemukakan satu garis panduan untuk mengangkat ataupun mengorek pasir dari sungai supaya boleh dikeluarkan daripada bukan setakat meletakkan di tebing sungai, tetapi ini perlu satu kajian yang lebih detil kerana ianya akan melibatkan kalau tidak menguruskan secara elok keadaan tebing-tebing sungai ataupun kawasan-kawasan yang berdekatan dengan sungai akan runtuh. Itu kita akan kita akan teliti tetapi untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang draf garis panduan ini telah pun disiapkan cuma sekarang kita dalam peringkat untuk mengkaji, bolehkan kita menjalankan beberapa projek perintis untuk mengeluarkan pasir dari sungai ini di bahagian-bahagian yang tertentu, di lokasi-lokasi yang tertentu mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Saya akan memberi maklumat yang lebih bila Dewan yang akan kalau soalan ini ditanya sekali lagi, tetapi memang JPS telah pun menyediakan draf

garis panduan itu. Cuma kita hendak juga kalau tidak menguruskan pasir ini dengan baik, kita faham bahawa beberapa kali kita membuat pembersihan ataupun membuat pengorekan pasir dalam sungai tetap ia akan adanya masalah pasir yang telah mencetekkan sungai. Itu untuk maklumat Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, tiga jam untuk soalan lisan sudah pun tamat. Bagi soalan-soalan yang tidak sempat dijawab saya minta Y.A.B. Ketua Menteri memberi jawapannya secara bertulis kepada Ahli yang bertanya selaras dengan Peraturan 26 (7), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Dewan ditangguhkan dan akan disambung pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.10 tengah hari.

JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN LISAN.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengawal pembuangan sisa ternakan ikan kolam yang menyebabkan tali air menjadi cetek dan air sungai melimpah ke kawasan ladang kelapa sawit di Tanah Kebun, Sungai Acheh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Pihak JPS telah membuat pemeriksaan dan didapati pembuangan sisa kolam tidak dilepaskan ke dalam tali air, tetapi ke dalam parit. Parit-parit di kawasan Sungai Acheh sentiasa dibersihkan mengikut pusingan 2 kali setahun. Manakala kerja-kerja mendalam parit dibuat 5 tahun sekali. Kerja-kerja mendalam parit buat masa ini sedang dijalankan oleh pihak JPS bagi menangani masalah tersebut. Jawatankuasa teknikal di peringkat daerah telah mengambil maklum mengenai masalah tersebut dan sedang dalam proses penguatkuasaan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar Bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Berapakah jumlah rakyat yang tergolong sebagai miskin dan miskin tegar di Pulau Pinang yang terkini.

(b) Berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk membantu kedua-dua golongan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Kerajaan Negeri menyasarkan miskin tegar sifar dan telah pun berjaya mencapainya pada Mac 2009. Hasil bancian dengan kerjasama Pejabat Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pusat Urus Zakat, ADUN dan JKKK senarai awal miskin tegar adalah seramai 728 orang. Semua penama yang ada dalam senarai miskin tegar ini menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan Negeri pada setiap bulan bagi menjamin pendapatan mereka melebihi RM500 sebulan sekali gus mengeluarkan mereka daripada kategori miskin tegar. Sehingga Jun 2009 senarai sedia ada adalah seramai 650 orang setelah dikemaskinikan dan mengeluarkan penama yang telah meninggal dunia, berpindah dan telah berjaya keluar daripada senarai miskin tegar .

(b) Peruntukan yang telah dibelanjakan kepada golongan miskin tegar yang menjadi fokus utama Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM762,510.00.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato' Syed Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Berapakah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang untuk tahun 2009.

(b) Setakat ini berapa banyak yang telah digunakan mengikut daerah.

(c) Apakah rancangan pihak Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah banjir.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang tahun 2009 adalah sebanyak RM2.19 juta.

(b) Setakat 31 Julai 2009 perbelanjaan yang telah digunakan oleh daerah-daerah untuk mengurangkan masalah banjir daripada peruntukan Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

Bil.	**Daerah**	**Perbelanjaan (RM)**
1.	Timur Laut	413,794.60
2.	Barat Daya	273,394.50
3.	Seberang Perai Utara	324,091.00
4.	Seberang Perai Tengah	355,821.00
5.	Seberang Perai Selatan	95,615.00
	JUMLAH	**1,462,716.10**

(c) Bagi menangani masalah banjir secara jangka masa pendek, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan membuang semua halangan kepada aliran air seperti pembuangan sampah sarap dan tumbuh-tumbuhan. Manakala untuk jangka masa panjang, permohonan akan dibuat dalam RMKe-10 untuk melaksanakan Projek Tebatan Banjir bagi semua sungai yang menghadapi masalah. Bagi projek pembangunan perumahan yang baru di kawasan tadahan sungai yang menghadapi masalah, semua pemaju akan disyaratkan menggunakan kaedah Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk sistem perparitan bagi tujuan mengurangkan aliran puncak semasa curahan hujan yang tinggi.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Nyatakan peranan Rakan Anti Kemiskinan (RAK).

(a) Berapa bilangan RAK kini dan kepakaran yang diberi kepada golongan miskin tegar.

(b) Sila beri secara pecahan tentang sumbangan yang diterima daripada RAK dan jumlah yang dibelanjakan.

(c) Apakah bentuk bantuan yang diberikan kepada penduduk miskin tegar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan Negeri telah berjaya mencapai hasrat menghapuskan miskin tegar dalam tempoh satu tahun yang telah berakhir pada bulan Mac 2009 yang lalu. Rakan Anti Kemiskinan (RAK) memainkan peranan penting di mana ia diwujudkan oleh Kerajaan

Negeri bagi tujuan bersama-sama berusaha menghapuskan miskin tegar negeri ini. RAK terdiri daripada syarikat-syarikat dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang memberi komitmen padu kepada Kerajaan Negeri dalam menjayakan usaha murni ini.

(a) Sehingga kini, keanggotaan RAK adalah sebanyak 238 syarikat dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang terdiri daripada pelbagai sektor. Dana berjumlah RM2,152,100.00 telah berjaya dikumpulkan sebagai komitmen kepada Kerajaan Negeri untuk membantu golongan miskin tegar dan ada juga syarikat yang bercadang untuk memberi bantuan dari segi peluang pekerjaan dan sebagainya.

(b) Pecahan sumbangan yang telah berjaya dikumpulkan melalui RAK boleh dirujuk dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) pada waktu pejabat dan jumlah yang telah dibelanjakan sehingga Jun 2009 adalah sebanyak RM762,510.00. Jumlah ini telah melibatkan pembayaran bantuan yang diberikan sebanyak empat (4) kali bermula dari bulan Mac, April, Mei dan Jun 2009.

(c) Pada peringkat awal, mereka dibantu dari segi kewangan agar dapat keluar dari garis kemiskinan tegar yang ditetapkan iaitu pendapatan keluarga kurang dari RM500.00 dan pendapatan per kapita RM100.00 setiap bulan. Mereka juga akan diberi latihan yang bersesuaian dan modal untuk menjalankan perniagaan bagi menjana ekonomi keluarga dan seterusnya berjaya keluar dari senarai miskin/miskin tegar.

Kerajaan Negeri turut mempunyai perancangan supaya golongan miskin tegar mampu berdikari dengan menyediakan peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian. Usaha awal yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri juga adalah dengan mengadakan Program Perubahan Minda supaya golongan miskin tegar mendapat pendedahan peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian yang ditawarkan oleh kerajaan dan swasta. Kerajaan Negeri turut mendapat kerjasama daripada agensi-agensi lain seperti Jabatan Pertanian, Amanah Ikhtiar Malaysia, Pusat Giatmara dan sebagainya dalam melaksanakan program-program ini.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Salah satu syarat skim sewa perumahan kerajaan adalah mempunyai sekurang-kurang lima (5) orang ahli keluarga yang tinggal bersama. Tetapi bukan semua keluarga yang berkeperluan mempunyai 5 orang ahli keluarga. Apakah cadangan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah ini? Adakah kerajaan mempertimbangkan untuk membatalkan dasar ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini adalah dengan memendekkan tempoh penyewaan iaitu dari lima (5) tahun kepada dua (2) tahun. Penyewaan bagi tempoh lima (5) tahun adalah terlalu lama dan berkemungkinan penyewa tidak lagi tergolong dalam kelayakan penyewaan PPR. Walau bagaimanapun, sekiranya penyewa tersebut masih tergolong dalam kelayakan tersebut, tempoh lanjutan akan dipertimbangkan sehingga maksimum lima (5) tahun.

Memandangkan bilangan unit PPR yang mempunyai tiga (3) bilik adalah terhad berbanding permintaan yang tinggi, maka pertimbangan untuk diperuntukkan satu unit rumah sewa PPR diutamakan kepada pemohon yang mempunyai ahli keluarga yang lebih ramai iaitu sekurang-kurangnya lima (5) orang. Bagi pemohon yang mempunyai tanggungan yang kurang dari jumlah tersebut, pemohon akan dipertimbangkan untuk menyewa unit yang mempunyai dua (2) bilik. Dengan adanya kaedah ini, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk membatalkan dasar ini yang terbukti berkesan kepada golongan yang terlibat. Lebih-lebih lagi Kerajaan Negeri yang menitikberatkan kepada kesejahteraan dan keselamatan rakyat.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pada 14 Februari 2009 yang lalu, Y.A.B. Ketua Menteri ada menyatakan bahawa Pulau Pinang berjaya menarik pelaburan bernilai RM10 bilion dan menyediakan lebih 20,000

peluang pekerjaan untuk penduduk setempat. Bolehkah dinyatakan apakah bentuk pekerjaan yang ditawarkan tersebut. Bagaimanakah orang ramai boleh mendaftarkan diri untuk jawatan tersebut. Adakah hebahan dibuat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23 Bagi tahun 2008, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) telah berjaya menarik pelaburan bernilai RM10 bilion ke Pulau Pinang. Jumlah pelaburan ini telah menyediakan lebih 20,000 peluang pekerjaan kepada penduduk setempat merangkumi peringkat pengurusan, teknikal dan penyelesaian, perkeranian dan jualan serta mesin operator.

Syarikat-syarikat antarabangsa yang melabur mempunyai kriteria pemilihan tenaga pekerja yang tertentu dan mempunyai polisi pembangunan sumber manusia yang tersendiri. Pencarian pekerja oleh syarikat-syarikat ini adalah melalui pelbagai kaedah. Antara kaedah-kaedah tersebut adalah seperti berikut:

(i) mengiklankan jawatan kosong yang ada melalui media massa seperti radio, surat khabar, televisyen dan sebagainya;

(ii) melalui agensi-agensi mencari pekerjaan yang dilantik seperti Jobstreet.com, JobsDB, Adecco dan lain-lain;

(iii) menjalankan *Walk-In Interview*; dan

(iv) mengambil bahagian dalam pameran kerjaya yang diadakan di seluruh negara.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah menubuhkan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang (Penang Career Assistance and Training Centre [CAT]) untuk membolehkan bakal-bakal pekerja memohon pekerjaan dengan syarikat-syarikat antarabangsa yang ingin melabur di Pulau Pinang. Berdasarkan data yang diperolehi daripada investPenang, jumlah pendaftar yang telah berdaftar dengan Pusat CAT dari bulan Mac 2009 sehingga pertengahan bulan Julai 2009 adalah seramai 1,904 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,471 orang telah pun dipadan rujuk kepada majikan yang menawarkan jawatan-jawatan kosong. Dalam tempoh masa yang sama, Pusat CAT telah menerima sebanyak 3,645 kekosongan jawatan dari pelbagai sektor untuk ditawarkan kepada pendaftar–pendaftar.

Memang benar bahawa hebahan sentiasa dibuat di akhbar, papan iklan, laman web, media massa dan sebagainya. Justeru itu, orang ramai yang berminat dan ingin mendapatkan pekerjaan boleh mendaftarkan diri dengan agensi-agensi mencari pekerjaan yang dinyatakan di atas. Selain itu, orang ramai haruslah sentiasa mengambil tahu dan prihatin dengan iklan-iklan jawatan kosong yang dibuat serta pameran-pameran kerjaya yang akan diadakan di seluruh negara. Selain itu, orang ramai juga boleh menghubungi pihak Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia untuk pendaftaran.

Ahli Kawasan Telok Air Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Apakah kedudukan tabung-tabung yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri dan sila nyatakan jumlah wang yang telah dikumpul di dalamnya dan bagaimanakah wang tersebut telah dibelanjakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Tabung yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri adalah Tabung Bencana TYT. Jumlah terkumpul dalam Tabung Bencana TYT sehingga 30 Jun 2009 ialah RM2,567,185.30. Wang yang terkumpul di dalam tabung tersebut telah dibelanjakan bagi tujuan bantuan ihsan kepada mangsa yang terlibat dalam semua jenis bencana seperti kemarau, ribut taufan, tanah runtuh, gempa bumi, tsunami, kebakaran atau apa-apa jenis bencana yang mendatangkan penderitaan kepada penduduk sama ada secara persendirian ataupun secara berkumpulan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Berapa ramaikah warga emas yang sudah didaftarkan oleh Kerajaan Negeri sehingga 30 Jun 2009 untuk diberi bantuan sara hidup.

(b) Sila nyatakan pecahan mengikut :

(i) Daerah
(ii) Kaum
(iii) Jantina

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Kerajaan Negeri telah mengadakan satu majlis rasmi pada 1 Mei 2009 bagi mengedarkan borang penghargaan warga emas. Y.A.B. Ketua Menteri sendiri telah menyampaikan borang-borang berkenaan kepada ADUN-ADUN kawasan. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang lebih tepat dan terkini warga emas mengikut kawasan-kawasan yang ada di Pulau Pinang. Namun bagi ADUN-ADUN yang memerlukan borang tambahan atau tidak dapat hadir adalah diminta untuk terus menghubungi seterusnya berurusan sendiri dengan pejabat Pengerusi Jawatankuasa MMK Kesihatan, Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar yang terletak di Tingkat 53, KOMTAR. Pengedaran borang ini telah dipersetujui agar tidak dihantar ke pusat khidmat ADUN ataupun ditempatkan di Pejabat SUK sebagai langkah-langkah pemantauan dan pengawalan. Sehingga kini, hampir 100,000 salinan borang telah berjaya diedarkan dan pendaftaran ini dijangka akan tamat pada 8 Mac 2010. Oleh itu, bilangan warga emas yang berdaftar mengikut kawasan hanya akan diketahui selepas tamat tempoh pendaftaran yang telah ditetapkan.

(b) Pecahan mengikut daerah, kaum dan jantina akan diketahui setelah tamat proses pendaftaran iaitu pada 8 Mac 2009.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Apakah kriteria pelantikan, kelayakan akademik / profesional dan aspek-aspek lain yang diambil kira oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang semasa melantik Ahli Majlis kedua-dua PBT di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Pelantikan Ahli Majlis di kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pulau Pinang mengguna pakai Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang memperuntukkan bahawa:

(a) Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah terdiri daripada : -

(i) Datuk Bandar atau Yang Dipertua; dan

(ii) Tidak kurang daripada lapan (8) dan tidak lebih daripada dua puluh empat (24) orang Ahli Majlis lagi, yang akan dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(b) Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dilantik dari antara orang-orang yang bilangan terbesar daripada mereka hendaklah orang-orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu dan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan atau yang telah memperoleh kejayaan terpuji dalam sesuatu profesion, perdagangan atau perindustrian, ataupun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan-kepentingan kaum-kaum mereka dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu.

(c) Tempoh jawatan bagi tiap-tiap seorang Ahli Majlis tidak boleh lebih daripada tiga (3) tahun.

(d) Kerusi seseorang Ahli Majlis hendaklah menjadi kosong jika sekiranya peletakan jawatannya diterima, jika ia hilang kelayakan di bawah Seksyen Kecil (7) Seksyen 34 atau jika pelantikannya dibatalkan oleh Kerajaan Negeri.

(e) Apabila kerusi seseorang Ahli Majlis menjadi kosong, Datuk Bandar atau Yang Dipertua hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Negeri dengan segera.

(f) Seseorang Ahli Majlis adalah layak dilantik semula apabila tamat tempoh jawatannya.

(g) Jika Datuk Bandar atau Yang Dipertua tidak bersetuju dengan Ahli Majlis yang lain-lain itu tentang perjalanan mana-mana daripada kuasa-kuasanya atau kuasa-kuasa Pihak Berkuasa Tempatan itu, ia hendaklah merujukkan perkara itu kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri itu dan keputusan Menteri Besar atau Ketua Menteri itu atas perkara itu adalah muktamad dan berkuat kuasa ke atas Pihak Berkuasa Tempatan itu.

(h) Datuk Bandar atau Yang Dipertua boleh membenarkan Ahli Majlis tidak menghadiri mesyuarat selama tempoh dan atas apa-apa syarat yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(i) Tiap-tiap seorang Ahli Majlis dan seorang yang dilantik ke sesuatu Jawatankuasa di bawah Seksyen 28 hendaklah dibayar gaji atau boleh dibayar elaun mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Selain daripada kriteria yang diperuntukkan di bawah Seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju dengan kriteria tambahan seperti berikut:

(i) Bekas pegawai kerajaan hendaklah mereka yang bebas dari sebarang tindakan tatatertib;

(ii) Calon tidak mempunyai rekod jenayah (dirujukkan dengan Polis Diraja Malaysia); dan

(iii) Calon bukan seorang muflis (dirujukkan dengan Jabatan Insolvensi).

Berdasarkan kriteria-kriteria tersebut serta kuat kuasa Seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Kerajaan Negeri tetap berpegang kepada pemilihan secara telus telah dilakukan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Program Kurangkan Kegunaan Beg Plastik setiap Hari Isnin, sila beritahu apakah perancangan, masalah yang dihadapi, sasaran dan hasil yang telah dicapai.

(b) Jumlah peruntukan yang telah diluluskan dan perbelanjaan sehingga kini dengan butiran teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri telah mengusahakan Program *No Plastic Bag Day* dan menguatkuasakannya mulai 1 Julai 2009.

(a) Perancangan masa depan adalah mempertimbangkan untuk meningkatkan Hari Tanpa Beg Plastik secara sukarela dengan menganjurkan pelbagai program seperti forum, seminar dan sebagainya untuk memastikan masyarakat faham hasrat Kerajaan Negeri dan faedah di sebaliknya untuk masyarakat umum. Dalam melaksanakan program ini, maklum balas yang diterima daripada masyarakat umum adalah positif. Terdapat bantahan yang diterima iaitu daripada pengeluar beg plastik.

(b) Berikut adalah peruntukan dan perbelanjaan terkini secara terperinci:-

TARIKH	PERKARA	RM
09/04/09	*Multiling Translator*	70.00
09/04/09	*Desphere Graphic*	185.00
20/04/09	*Aspirasi Utara Engineering*	750.00
25/04/09	*Menakha A/P Pandian*	29.40
25/04/09	*Vena Cheah*	18.20
06/05/09	*Connect Advertising Signcraft*	180.00
19/06/09	Syarikat Percetakan IRISAN SB	1,440.00
30/06/09	Connect Advertising Signcraft	210.00
30/06/09	80 Banners	4,800.00
14/07/09	Permit Banners – MPPP	76.00
27/07/09	50,000 Flyers – Syarikat IRIS SB	1,500.00
	JUMLAH	**RM 9,258.60**

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Perincikan jumlah peruntukan dan kerja-kerja berkaitan yang telah dibelanjakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan bekalan ke atas Rumah Tetamu mulai bulan April 2008 sehingga kini. Apakah benar premis tersebut tidak selamat dihuni. Berapakah jumlah peruntukan yang diperlukan untuk membaik pulih rumah tersebut, bila akan dimulakan dan dijangka siap.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerja pembaikan yang dilaksanakan oleh JKR pada tahun 2008 di Rumah Tetamu berjumlah RM50,475.36 yang merangkumi kerja mengecat bangunan dan penyelenggaraan kecil bangunan. Pada tahun 2009, JKR telah membelanjakan sebanyak RM14,500.00 bagi kerja membaiki dan penyambungan paip kumbahan, mengecat bangunan, anjung, membaiki bumbung laluan pejalan kaki dan penambahan paip saluran hujan di bumbung laluan pejalan kaki.

JKR merupakan agensi kerajaan yang menilai keselamatan struktur sesebuah bangunan. Nasihat pengosongan rumah akan dikeluarkan oleh JKR sekiranya penilaian yang dibuat mendapati bangunan tersebut tidak selamat untuk diduduki. Namun, atas sebab-sebab tertentu, ada kalanya pandangan pakar swasta mempengaruhi keputusan perpindahan penghuni. Kerja-kerja pembasmian anai-anai akan mula dilaksanakan pada bulan Ogos 2009 dengan anggaran kos sebanyak RM8,000.00. Bagi kerja-kerja pembaikan selanjutnya serta kos baik pulih hanya akan diketahui selepas tiga (3) bulan kerja-kerja tersebut disiapkan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Berapa banyakkah sumbangan yang telah dibuat kepada rakyat yang dikategorikan miskin tegar, jumlah penerima bantuan berkenaan dan telah berapa kali mereka menerima sumbangan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kerajaan Negeri Pulau Pinang begitu prihatin untuk membantu golongan miskin tegar. Hasilnya, Kerajaan Negeri telah berjaya mencapai hasrat bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama mencapai miskin tegar sifar pada 30 Mac 2009. Seramai 728 orang telah dikenal pasti dalam golongan miskin tegar dan telah pun disalurkan bantuan mengikut keperluan masing-masing. Jumlah penerima telah pun berkurang kepada 650 orang sahaja dan kerajaan negeri sentiasa menjalankan siasatan semula melalui Pejabat Daerah, Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKKK) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mengurangkan berlakunya keciciran ataupun bagi mengenal pasti maklumat-maklumat terbaru.

Bantuan yang diberikan ini dijadualkan pada setiap bulan. Ini bermakna golongan sasar telah pun menerima sebanyak empat (4) kali sumbangan kewangan daripada Kerajaan Negeri bagi tempoh Mac hingga Jun 2009 dengan peruntukan sebanyak RM762,510.00.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Apakah projek dan berapakah peruntukan daripada pakej stimulus ke-2 Malaysia yang akan/telah diluluskan dan disalurkan ke Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Daripada RM60 bilion yang disediakan di bawah Pakej Stimulus Ke-2 Malaysia, Kerajaan Negeri akan menerima peruntukan berjumlah RM250 juta bagi teras 4 iaitu Membina Keupayaan Masa Depan Negara yang melibatkan Projek Menaik Taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP). Peruntukan ini melibatkan komponen-komponen berikut:

(i) proses menaik taraf lapangan seperti pembesaran dan menaik taraf bangunan terminal;

(ii) tempat letak kereta bertingkat;

(iii) bangunan utiliti pusat baru;

(iv) pagar keselamatan baru;

(v) pembesaran tempat parkir pesawat; dan

(vi) kerja-kerja infrastruktur yang berkaitan.

Bagi teras-teras lain, sehingga kini Kerajaan Negeri masih belum menerima sebarang maklum balas.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Apakah bantuan yang telah diberi kepada Sekolah-sekolah Tamil di Pulau Pinang dan adakah kerajaan mampu memberi tanah kepada Sekolah Tamil yang tidak mempunyai tanah sendiri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Salah satu bentuk bantuan yang diberikan kepada Sekolah-Sekolah Tamil di Pulau Pinang ialah bantuan kewangan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kewangan Negeri (JKN) telah memperuntukkan sejumlah RM1.5 juta kepada 28 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Pemberian bantuan kepada sekolah adalah mengikut perihal, jenis dan keperluan bantuan aktiviti dan program yang dirancang oleh setiap sekolah yang dikenal pasti. Sehingga kini, peruntukan yang telah diluluskan telah pun diagihkan kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Pulau Pinang seperti berikut:

Agihan Peruntukan Kerajaan Negeri untuk Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Pulau Pinang Tahun 2009

Sekolah Jenis Keb. Tamil		- RM 1,500,000.00
i.	SRJK (T) Azad	- RM 24,170.00
ii.	Sek. (T) Jln Sungai	- RM 32,040.00
iii.	SRJK (T) Rajaji Kg. Baru	- RM 43,000.00
iv.	SJK (T) Ramakrishna	- RM 60,000.00
v.	Guru SRJK (T) Subramaniya Barathee	- RM 28,676.00
vi.	SJK (T) Bayan Lepas	- RM 40,000.00
vii.	SJK (T) Sg Ara	- RM 60,000.00

viii.	SJK (T) Ladang Malakoff	- RM 59,000.00
ix.	Sek Ren Keb (T) Ladang Mayfield	- RM 68,960.00
x.	SRJK (T) Palaniandy, Kepala Batas	- RM 66,190.00
xi.	SRJK (T) Perai	- RM 35,620.00
xii.	SRJK (T) Bukit Mertajam	- RM 66,040.00
xiii.	SRJK (T) Ladang Alma	- RM 40,000.00
xiv.	Sek Ren Jenis Keb. (T) Ladang Juru	- RM 24,000.00
xv.	Sek Ren Jenis Keb. (T) Ladang Prye	- RM 48,460.00
xvi.	SRJK (T) Permatang Tinggi Simpang Ampat	- RM 31,642.00
xvii.	SRJK (T) Ladang Batu Kawan Simpang Ampat	- RM 30,660.00
xviii.	SJK (T) Ladang Byram	- RM 35,360.00
xix.	SJK (T) Ladang Jawi	- RM 60,352.00
xx.	SRJK (T) Ladang Krian	- RM 68,360.00
xxi.	SJK (T) Tasek Permai	- RM 37,394.00
xxii.	SJK (T) Ldg Transkrian	- RM 21,890.00
xxiii.	SRJK (T) Ladang Valdor	- RM 17,300.00
xxiv.	SJK (T) N Tebal	- RM 68,900.00
xxv.	SRJK (T) Sungai Bakap	- RM 95,320.00
xxvi.	SRJK (T) Ladang Changkat	- RM 118,770.00
xxvii.	PIBG SJK (T) Ladang Sempah	- RM 103,400.00
xxviii.	PIBG SRJK (T) Mak Mandin B.W	- RM 114,496.00

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pendidikan yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy akan menjalankan beberapa program yang berbentuk motivasi, ceramah dan seminar khusus untuk membantu para pelajar sekolah Tamil yang miskin dan bermasalah seperti berikut:

(i) Seminar Keibubapaan “Sinar Permata Hatiku”

Peserta adalah terdiri daripada para pelajar sekolah Tamil yang akan menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) termasuk ibu bapa. Antara aktiviti yang akan dijalankan ialah ceramah motivasi tentang kaedah pembelajaran bagi menghadapi peperiksaan;

(ii) Perayaan seni lukis dan Penceritaan Berteraskan Nilai-Nilai Murni; dan

(iii) Kelas tambahan bagi pelajar-pelajar sekolah Tamil yang lemah.

Dalam isu pemberian tanah kepada Sekolah-Sekolah Tamil yang tidak mempunyai tanah sendiri, berdasarkan Pejabat Timbalan Ketua Menteri II, dua (2) buah sekolah telah diberikan tanah iaitu:

(i) SRJK (T) Azad – lebih kurang 1 ekar pada tahun 2008; dan

(ii) SRJK (T) Batu Kawan – 2 ekar pada tahun 2008.

Tapak untuk dua (2) buah sekolah Tamil lagi iaitu SRJK (T) Sungai Bakap dan SRJK (T) Ladang Valdor sedang dikenal pasti dan dijangka akan mendapat tanah pada tahun 2009.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang juga telah memberikan bantuan kepada Sekolah-Sekolah Cina dan Tamil dalam bentuk pengurangan cukai tanah. Tanah-tanah persendirian yang digunakan untuk tujuan pendidikan dikenakan cukai atas kadar namaan (RM1.00). Memandangkan stok tanah kerajaan adalah terhad, maka kesediaan kerajaan untuk menyediakan tapak bagi sekolah-sekolah berkenaan bergantung kepada kes demi kes. Hal ini bukan merujuk kepada Sekolah Tamil sahaja tetapi juga merujuk kepada sekolah-sekolah bantuan modal yang lain.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Untuk mencapai *green state* atau negeri hijau, nyatakan polisi, strategi, program dan usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan *political will*, untuk jangka pendek dan panjang dari aspek iaitu:

(a) menanam pokok;

(b) kurangkan beg plastik;

(c) kegunaan *EM mudball*;

(d) kitar semula;

(e) kempen berbasikal dan *bicycle lane*;

(f) *go vege*;

(g) sumber lain *(solar energy)* dan lain lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

32. 1. Kerajaan tempatan sentiasa memberi penekanan kepada menghijaukan Negeri Pulau Pinang iaitu:-

(a) Mewajibkan pemaju mengemukakan pelan landskap bagi tujuan penanaman pokok melalui Pelan Induk Landskap.

(b) Bekerjasama dengan pihak swasta bagi meningkatkan keindahan dan kehijauan Negeri Pulau Pinang sebagai tanggungjawab sosial kepada Negeri Pulau Pinang.

2. Kurangkan beg plastik

(a) Kerajaan tempatan telah mengarahkan Jawatankuasa LA 21 untuk membuat pemerhatian terhadap pasar raya dan pasar mini pada hari No *Plastic Bag Day.*

3. Kegunaan *EM Mudballs*

(a) Teknologi yang dapat membersihkan sungai-sungai tercemar.

(b) Bengkel penghasilan *EM Mudballs* dijalankan oleh kakitangan MPPP.

(c) Pihak Berkuasa Tempatan akan menjadi penyelaras dalam program pelancaran *EM Mudball*.

(d) Teknologi *EM Mudballs* boleh dikomersialkan pada masa depan.

(e) Program pelancaran *EM Mudballs* akan melibatkan semua daerah pada 8 Ogos 2009.

4. Kitar semula

(a) Program kitar semula telah dijalankan oleh Kerajaan Tempatan. MPSP telah mengumpul 3000 kilo minyak masak terpakai untuk digunakan dalam proses membuat sabun.

(b) *Banner* terpakai akan digunakan untuk menghasilkan beg membeli belah.

5. Kempen berbasikal dan *bicycle lane*

MPSP telah memohon peruntukkan di dalam RMKe-10 untuk membina laluan basikal bagi menggalakkan aktiviti riadah dengan basikal.

6. *Go-Vege*

Di bawah program bumi hijau, Jabatan Pertanian membekalkan alatan tanaman, baja dan benih kepada orang ramai untuk menggalakkan penanaman pokok di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Warga Seberang Jaya merasa kesal dengan jawapan Kerajaan Negeri dalam sidang Dewan yang lalu mengenai keperluan satu dewan awam besar di Seberang Jaya dan pembesaran pasar awam di Jalan Tenggiri termasuk pembinaan gelanggang serba guna bola keranjang /takraw */netball* berbumbung bersebelahan kolam renang Jalan Siakap. Oleh itu bilakah kemudahan di atas disegerakan pembinaannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Untuk makluman Y.B., pada masa ini, telah terdapat beberapa buah pasar awam di kawasan Seberang Jaya iaitu Pasar Awam Bagan Ajam, Chai Leng Park, Permatang Pauh dan Sama Gagah. Di sekitar kawasan tersebut juga telah terdapat pasar raya-pasar raya milik pihak swasta seperti pasar raya Giant, Billion, Carrefour dan Tesco yang memberi kemudahan lengkap seperti perkhidmatan troli dan layanan yang mesra.

Ketika ini, Kerajaan Negeri masih tidak merancang untuk membina sebuah dewan besar di Bandar Seberang Jaya. Ini kerana di kawasan berkenaan telah terdapat sebuah dewan besar di tapak Ekspo milik Kerajaan Negeri. Selain daripada itu, telah terdapat dewan yang berhampiran iaitu dewan Datuk Haji Ahmad Badawi, Butterworth milik Kerajaan Negeri dan juga Sunway Carnival Convention Centre yang terletak di Bandar Sunway yang boleh digunakan oleh penduduk tempatan. Sementara itu, tanah bersebelahan kolam renang di Jalan Siakap merupakan tanah *food court* / pasar awam yang terletak di Jalan Tenggiri yang dimiliki PDC dan tanah yang dimaksudkan merupakan tanah lapang milik Kerajaan Negeri. Kini di atas tanah tersebut telah terdapat gelanggang bola keranjang. Oleh sebab telah terdapat pelbagai kemudahan sukan dan tempat berhimpun untuk masyarakat setempat, Kerajaan Negeri ketika ini tidak mempunyai perancangan untuk tujuan membina dewan awam besar.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Hari Tanpa Beg Plastik telah dilancarkan mulai bulan Julai 2009.

(a) Berapa banyakkah pasar raya dan pasar raya mini yang mengamalkan aktiviti ini?

(b) Berapakah jumlah kutipan wang untuk beg plastik sehingga hari ini.

(c) Sila nyatakan rancangan pada masa hadapan dan adakah aktiviti ini akan diamalkan lebih dari satu hari seminggu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

34. (a) Hari Tanpa Beg Plastik telah dilancarkan oleh Y.A.B Ketua Menteri pada 4 Julai 2009 dan mendapat sokongan padu daripada sejumlah 352 pasar raya dan pasar mini. Memandangkan program ini baru sahaja dilancarkan, maka statistik mengenai bilangan pasar raya dan pasar raya mini yang mengamalkan aktiviti ini serta jumlah kutipan wang untuk beg plastik belum diperolehi.

(b) Kerajaan Negeri telah menetapkan hari Isnin setiap awal bulan sebagai Hari Tanpa Beg Plastik. Perkara ini akan dikaji semula sekiranya terdapat keperluan untuk menjalankan aktiviti ini lebih dari satu hari seminggu. Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk mempertingkatkan kesedaran orang ramai dalam mengurangkan penggunaan beg plastik melalui edaran *flyers* dan seminar yang akan diadakan.

(c) Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha-usaha untuk mempertingkatkan kesedaran orang ramai terhadap usaha untuk mengurangkan penggunaan beg plastik. Kini Kerajaan Negeri telah memperkenalkan pada hari Isnin setiap awal bulan sebagai hari 'Tanpa Beg Plastik' dan pada bulan Oktober yang akan datang, Kerajaan Negeri akan menambahkan bilangan hari sebagai 'Tanpa Beg Plastik'.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Sudahkah Kerajaan Negeri mengubah dasar di mana semua rancangan perumahan pada masa depan diwajibkan untuk mengenal pasti rumah-rumah tertentu boleh digunakan sebagai tadika, taska dan pusat jagaan harian untuk menghentikan aduan-aduan dan bantahan-bantahan orang awam.

Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Merujuk kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 di bawah DS36 L4 - Pembinaan tadika boleh dibenarkan di tingkat bawah bangunan perumahan bertingkat. Walau bagaimanapun bagi Cadangan Skim Perumahan, dikehendaki pemaju mematuhi penyediaan tapak tadika/taska dan pusat jagaan harian berdasarkan garis panduan semasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang diguna pakai.

Dasar/garis panduan perancangan yang diguna pakai oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) membenarkan rumah-rumah sesebuah, berkembar dan teres lot tepi *(corner lot)* ditukar kepada tadika, taska dan pusat jagaan harian tertakluk kepada lokasi iaitu tidak berada di dalam kawasan yang sibuk dan tiada bantahan dari lot-lot berjiran. Walau bagaimanapun, dasar/garis panduan untuk mengenal pasti dan menanda rumah-rumah yang sesuai di dalam sesuatu skim yang akan dibangunkan belum digubal oleh MPSP.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Haji Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Berapa ramaikah individu yang terlibat dalam Ahli Jawatankuasa yang dibentuk oleh Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan isu Kampung Buah Pala dan senaraikan nama-nama mereka secara terperinci, dan sudahkah mereka ini bermesyuarat dan apakah keputusan yang dikemukakan oleh mereka kepada Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Jawatankuasa yang dibentuk bagi menyelesaikan isu Kampung Buah Pala adalah seperti berikut:-

(a) Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

(b) Y.B. Tuan Mansor bin Othman
Timbalan Ketua Menteri I

(c) Y.B. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy
Timbalan Ketua Menteri II

(d) Y.B. Tuan Abdul Malik bin Abul Kasim
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

(e) Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji
ADUN Seri Delima

Buat masa ini Jawatankuasa sedang dalam proses mengumpul maklumat mengenai kes berkenaan dan mendapatkan maklum balas daripada penduduk melalui perjumpaan-perjumpaan yang diadakan. Cadangan penyelesaian akan dikemukakan dalam sedikit masa lagi.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Sila nyatakan perlaksanaan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa II sehingga kini. Apakah Kerajaan Negeri akan mempercepatkan pelaksanaannya memandangkan keadaan banjir di Pulau Pinang dan sama ada langkah-langkah yang lain akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengurangkan keadaan banjir di kawasan berhampiran dengan Sungai Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa II tertangguh akibat daripada masalah penempatan semula penduduk di sepanjang Sungai Pinang yang terlibat dengan projek tersebut. Untuk makluman, pelan reka bentuk dan dokumen tender untuk projek telah pun disediakan.

Pada masa sekarang, proses untuk menempatkan semula penduduk yang terlibat sedang giat diusahakan oleh Jawatankuasa Penempatan Semula Penduduk Sungai Pinang yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Low Choo Kiang. Mengikut bancian terbaru seramai 228 keluarga terlibat dengan proses penempatan semula penduduk. Untuk peringkat pertama, seramai 78 keluarga akan dipindahkan ke perumahan Taman Sri Pinang, Jalan Sungai dan dijangka dapat diselesaikan pada bulan Oktober tahun ini. Bagi peringkat kedua, proses penempatan semula penduduk dijangka dapat dilaksanakan pada bulan Jun 2011.

Selain itu, beberapa langkah jangka pendek sedang dilaksanakan untuk mengurangkan kejadian banjir, di antaranya melaksanakan Projek Menaik taraf Saluran Sungai Jelutong, Kawasan Kg. Dodol dan Kg. Masjid, Menaik taraf Tebing Sg Pinang, Kawasan Kg. Rawa dan Pelebaran Tebing di Dhobby Ghout. Pelaksanaan projek-projek ini dijangka dapat membantu mengurangkan kesan kejadian banjir yang berlaku di kawasan Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat melantik Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tanpa campur tangan Kerajaan Pusat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Proses pengambilan kakitangan tetap bagi kakitangan awam Kumpulan Sokongan I dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih dilaksanakan sepenuhnya oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) kerana Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri.

Bagi kakitangan Kumpulan Sokongan II iaitu bagi jawatan-jawatan Gred 1 hingga Gred 16 pula, urusan pengambilan dilaksanakan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) yang diwakilkan kuasa oleh SPA melalui Surat Cara Perwakilan Kuasa P.U.(B) 496.

Manakala, pengambilan pegawai dan kakitangan untuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri untuk semua gred jawatan termasuk pelantikan pegawai-pegawai kanan dilaksanakan sendiri oleh PBT dan Lembaga Badan Berkanun masing-masing. Urusan pengambilan ini dilaksanakan mengikut kekosongan dan keperluan semasa jabatan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Sila nyatakan apakah perkembangan dalam rancangan *Tiger Park* di Relau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Cadangan penubuhan *Tiger Park* adalah cetusan idea serta hasrat Y.A.B. Ketua Menteri sendiri untuk menjadikannya sebagai salah satu produk pelancongan yang mampu menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.

Setakat ini, perwujudan Taman Harimau di Relau masih lagi di peringkat cadangan. Cadangan tersebut perlu diperhalusi agar tidak menyulitkan penduduk setempat serta pihak-pihak lain dari segi aspek keselamatan dan ketenteraman awam.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Lot-lot lidi adalah suatu masalah yang terbiar dan wujud sejak dahulu lagi. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah ini. Sila terangkan dengan terperinci mengenai proses-proses pecah lot yang sedia ada.

Y.A.B. Ketua Menteri:

40. (a) Konsep lot lidi adalah merujuk kepada pecahan lot-lot tanah pertanian yang digunakan untuk tujuan kediaman yang dibuat melalui perjanjian jual-beli tanah, di mana nama pembeli tidak didaftarkan di dalam suratan hak milik. Kepentingan pembeli hanya bergantung dokumen perjanjian jual-beli sahaja, dan ada kalanya wujud keadaan di mana jual-beli yang dibuat tanpa disokong dengan dokumen perjanjian jual-beli. Masalah yang timbul ialah tiada jaminan pemilikan tanah bagi pembeli kerana nama pembeli tidak didaftarkan sebagai pemilik di dalam hak milik (geran) tanah.

(b) Perkara ini berlaku di luar daripada kawalan kerajaan. Adalah sukar bagi kerajaan untuk menghalang proses jual-beli yang dibuat melalui perjanjian kerana proses tersebut berlaku di luar daripada pengetahuan. Apa yang boleh pentadbiran tanah lakukan ialah hanya dalam bentuk khidmat nasihat, iaitu memaklumkan kepada mereka-mereka yang terlibat tentang risiko dan masalah-masalah tentang pembelian tanah lot lidi. Pembeli-pembeli dinasihatkan supaya bersama-sama mengemukakan permohonan ubah syarat tanah kepada kategori 'bangunan' supaya proses pecah sempadan tanah dapat dilakukan bagi mendapatkan hak milik berasingan bagi plot masing-masing.

(c) Proses pecah lot tanah (pecah sempadan) adalah seperti berikut:-.

PECAH SEMPADAN TANAH

1. DEFINISI

Pecah sempadan tanah bermaksud bahawa tanah yang dipegang di bawah hak milik tetap (sama ada Hak milik Pejabat Pendaftar atau Hak milik Pejabat Tanah) dipecah sempadankan kepada dua atau lebih bahagian supaya tiap-tiap satunya dipegang di bawah hak milik-hak milik yang berasingan oleh tuan punya yang mana atau tuan punya bersama yang sama (Seksyen 135(1)).

2. **PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG**

2.1. Seksyen 135(1)(2)

Jika tiada apa-apa arahan bertentangan, kuasa untuk meluluskan pecah sempadan ialah Pengarah Tanah dan Galian bagi tanah yang dipegang di bawah Hak milik Pejabat Pendaftar dan Pentadbir Tanah bagi tanah yang dipegang di bawah Hak milik Pejabat Tanah.

2.2. Syarat-Syarat (Seksyen 136(1)

Pecah sempadan tanah hanya boleh diluluskan jika memenuhi syarat syarat berikut:-

(a) Tidak bertentangan dengan sekatan kepentingan di mana tanah itu tertakluk;

(b) Tiada bertentangan dengan undang-undang lain yang pada waktu itu berkuat kuasa;

(c) Mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Perancang;

(d) Mendapat persetujuan daripada badan/pihak berkuasa tertentu;

(e) Tiada hasil terhutang;

(f) Persetujuan daripada orang/badan yang mempunyai kepentingan tertentu ke atas tanah itu;

(g) Memenuhi keperluan keluasan minima bahagian yang hendak dipecah sempadan;

(h) Bentuk bahagian yang hendak dipecah itu hendaklah bersesuaian dengan tujuan ianya dipecahkan;

Memberi keperluan jalan keluar masuk untuk bahagian yang dipecah sempadan itu.

2.3. **BAYARAN (SEKSYEN 138(4)(a)(b))**

Bayaran-bayaran yang perlu dijelaskan apabila permohonan diluluskan ialah:-

(a) bayaran upah ukur

(b) bayaran bagi menyediakan dan mendaftar hak milik-hak milik.

2.4. PENGELUARAN HAK MILIK (SEKSYEN 139)

(a) Apabila permohonan pecah sempadan telah diluluskan dan pihak pemohon telah memohon untuk dikeluarkan hak milik sementara sebagai hak milik sambungan;

(b) Maka Pentadbir hendaklah mengeluarkan hak milik sambungan sementara mengikut peruntukan di bawah Seksyen 183, 186 dan 188 Kanun Tanah Negara 1965;

(c) Jika pemohon tidak memohon supaya dikeluarkan hak milik sambungan sementara, maka Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan hak milik sambungan tetap apabila proses pengukuran telah diselesaikan.

3. PEKELILING DAN SURAT-SURAT ARAHAN

4. PROSES KERJA PERMOHONAN PECAH SEMPADAN

Tindakan	Butir-Butir	Rujukan/Catatan
1. Pentadbir Tanah menerima permohonan	1.1 Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang 9A, (6 salinan) dan disertakan dengan perkara-perkara berikut:-	Seksyen 137(1) KTN
	(a) Bayaran proses permohonan	Seksyen 137(1)(a) KTN mengikut Penang Land Rules kadarnya ialah RM50.00 bagi setiap plot baru yang wujud dengan bayaran minima RM200.00
	(b) 12 salinan pelan pecah sempadan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (MPPP/MPSP), bersama dengan pelan hitungan *(pre-compulation plan)* dan 5 salinan pelan saiz A4.	Seksyen 137(1)(b) KTN
	(c) Salinan surat kelulusan pelan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (jika perlu)	Seksyen 137(1) (c) KTN
	(d) Salinan surat persetujuan daripada pihak-pihak yang mempunyai kepentingan berdaftar ke atas tanah.	Seksyen 137(1)(d) KTN
	(e) Salinan dokumen-dokumen Memorandum *of Articles of Association* (jika berkaitan).	
	(f) Salinan dokumen Surat Kuasa Wakil (*Power of Attorney*) jika berkaitan.	Seksyen 157(A)(2) KTN
	(g) Salinan bil cukai tanah yang terkini dijelaskan.	
	1.2 Resit bayaran hendaklah dikeluarkan serta merta bagi permohonan yang lengkap sebagai akuan penerimaan permohonan.	
2. Daftar Fail	2.1 Kerani pecah sempadan membuka fail dan mendaftar permohonan.	
3. Daftar rekod permohonan dalam R	3.1 PT hendaklah membuat memorial *endorseman* tentang penerimaan permohonan pecah sempadan di dalam suratan hak milik daftar, jika tanah berkenaan adalah hak milik Pejabat Pendaftar, PT hendaklah mengemukakan notis kepada Pejabat Pendaftar PTG supaya *endorseman* yang serupa dibuat dalam suratan hak milik daftar di Pejabat Pendaftar. Notis tersebut hendaklah dibuat dalam dua salinan.	Seksyen 137(2) KTN Borang Schedule XII (Rule 41) (Peraturan Tanah Negeri)
	3.2 Fail dikemukakan kepada pelukis pelan untuk dibuat catatan *charting* dengan pen dalam syit piawai.	
4. Laporan Tanah	4.1 Penolong Pegawai Tanah dikehendaki membuat laporan tanah. Laporan hendaklah mengandungi:-	Laporan dibuat dengan menggunakan borang yang ditetapkan.
	(a) Kegunaan semasa tanah;	
	(b) Laluan keluar masuk;	
	(c) Kegunaan lot-lot tanah sekeliling	
	(d) Status tanah sama ada tanah tersebut telah dimajukan atau tidak. Perkara-perkara lain yang berkaitan aspek-aspek perancangan.	

Tindakan		Butir-Butir	Rujukan/Catatan
5. Kertas permohonan untuk Mesyuarat Jawatankuasa Tanah	5.1	PT menyediakan kertas permohonan untuk kelulusan PTG dan pengesahan kelulusan hendaklah mengandungi:- (a) Tujuan permohonan; (b) Bilangan plot baru yang wujud daripada proses pecah sempadan; (c) Plot-plot yang diserahkan kepada kerajaan seperti kawasan lapang dan tangki najis;	
		(d) Plot-plot yang akan dipindah milik kepada agensi-agensi kerajaan seperti tapak pencawang elektrik, dewan orang ramai, surau, tapak penjaja dan tapak-tapak lain untuk kegunaan awam.	
	5.2	Kertas dikemukakan kepada PTG bersama-sama dengan dokumen-dokumen berikut:- (a) 6 salinan Borang 9A; (b) 6 salinan Borang 12B (jika berkaitan); (c) Butir-butir hak milik tanah / salinan hak milik; (d) 10 salinan pelan pecah sempadan; (e) 8 salinan pelan saiz A4; (f) Ulasan jabatan-jabatan teknikal; (g) Memorandum and Articles of Association (jika berkaitan); (h) Salinan bil cukai tanah yang telah dijelaskan (i) Salinan surat persetujuan dari pihak-pihak yang mempunyai kepentingan berdaftar atas tanah	
6. PTG menerima kertas permohonan daripada Pentadbir Tanah	6.1	PTG menyemak kertas dan memastikan ianya teratur. Perkara-perkara yang disemak ialah:- (a) Syarat nyata tanah, bebanan-bebanan dan catatan memorial yang terdapat dalam suratan hak milik; (b) Sekatan kepentingan ke atas tanah; (c) Tindakan di bawah Seksyen 137(2) KTN telah disempurnakan;	
		(d) Borang 9A, pastikan borang ditanda oleh pemilik atau pemilik-pemilik tanah berdaftar atau orang-orang yang diberi kuasa oleh tuan tanah berdaftar; (e) Borang 12B – jika terdapat sebahagian daripada plot-plot baru akan diserahkan kepada kerajaan. (f) Pelan pecah sempadan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan masih diakui sah. (g) Syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Seksyen 136(1) dan (2) dipatuhi sepenuhnya.	

7. Mesyuarat Jawatankuasa Tanah	7.1	Permohonan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Tanah. PTG/PT akan melulus atau menolak permohonan atas nasihat Jawatankuasa Tanah.	
8. Penyampaian keputusan MMK kepa PT	8.1	PTG akan menyampaikan keputusan kepada PT dan seterusnya kepada pemohon.	
	8.2	Jika diluluskan, pemohon dikehendaki menjelaskan bayaran yang dikenakan sebelum suratan hak milik didaftarkan.	
	8.3	Jika permohonan ditolak, tindakan untuk membatalkan memorial yang dibuat di bawah Seksyen 137(2) KTN hendaklah diambil.	Seksyen 138(5) KTN

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Berapakah jumlah dewan orang ramai yang terletak di bawah Kerajaan Negeri dan bagaimanakah ia ditadbir dan diselenggarakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Terdapat 314 buah dewan orang ramai yang terletak di bawah Kerajaan Negeri. Dewan-dewan ini ditadbirkan oleh Pengerusi JKKK, Pengerusi Kariah, Persatuan Penduduk, Persatuan Belia, Kawasan Rukun Tetangga dan Kemas.

Kerajaan Negeri tidak menyediakan peruntukan khas bagi tujuan penyelenggaraan dan pembaikan dewan. Walau bagaimanapun sekiranya terdapat permohonan daripada pengelola dewan untuk kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan dan menaik taraf dewan, Pejabat Daerah akan memohon peruntukan khas kepada Jabatan Kewangan Negeri.

Terdapat juga Y.B. ADUN Kawasan yang membantu dengan menggunakan peruntukan Y.B. bagi menampung kos penyelenggaraan dan pembaikan dewan tersebut.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin Bin Dato` Syed Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

42. (a) Adakah Kerajaan Negeri masih menyediakan wang bantuan untuk membiayai yuran pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar dari keluarga berpendapatan rendah ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

(b) Jika ya, berapa banyakkah wang yang telah dibelanjakan mengikut pecahan kaum.

(c) Jika tidak, kenapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

42. (a) Kerajaan Negeri masih menyediakan wang bantuan untuk membiayai yuran pendaftaran kemasukan pelajar-pelajar dari keluarga berpendapatan rendah ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

(b) Sebanyak RM500,000.00 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan ini pada tahun 2009. Perbelanjaan sebenar bagi tahun 2009 masih belum dimuktamadkan lagi memandangkan permohonan bagi tabung tersebut baru saja ditutup iaitu pada 30 Jun 2009 dan ada beberapa daerah masih lagi dalam proses menyaring pelajar-pelajar yang layak diberikan bantuan. Berdasarkan rekod bantuan tahun lalu (2008) seramai 997 orang pelajar telah dipilih untuk diberikan bantuan dan sebanyak RM498,500.00 telah dibelanjakan bagi tujuan ini. Pecahan mengikut kaum pula, didapati kaum Melayu seramai 494 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM247,000.00, Cina 316 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM158,000.00 dan India 187 orang dengan perbelanjaan sebanyak RM93,500.00.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

43. Nyatakan bilangan rumah yang dibina di Pulau Pinang untuk tempoh 2008-2009 dan syarat pemilikannya.

(a) Sila nyatakan jenis, bilangan dan lokasinya.

(b) Nyatakan bilangan rumah kos rendah, harga dan lokasinya.

(c) Nyatakan bilangan rumah yang masih kosong dan sebabnya. Juga huraikan langkah yang diambil untuk menjualnya dengan segera.

Y.A.B. Ketua Menteri:

43. Jumlah bilangan rumah kediaman yang dibina dan telah dikeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki bagi Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2008 adalah sebanyak 15,478 dan bagi tahun 2009 adalah sebanyak 7,142. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 22,620 unit.

Syarat-syarat pemilikan yang dikawal hanya untuk rumah kos rendah dan kos sederhana rendah. Sila rujuk Lampiran A seperti yang diletakkan di atas meja Y.B. untuk syarat-syarat pemilikan. Bagi lain-lain kategori rumah tiada syarat pemilikan yang ditetapkan.

(a) (i) Jenis rumah yang dibina di kawasan MPPP:

Rumah Teres	-	958 unit
Rumah Sesebuah	-	87 unit
Rumah Berkembar	-	469 unit
Rumah Kos Rendah	-	700 unit
Rumah Kos Sederhana Rendah	-	5,917 unit
Rumah Kos Sederhana	-	3,908 unit
Pangsapuri	-	972 unit
JUMLAH	**-**	**13,011 unit**

Perincian mengenai lokasinya adalah seperti di Lampiran B seperti yang diletakkan di atas meja Yang Berhormat.

(ii) Jenis rumah yang dibina di kawasan MPSP:

Rumah Teres	-	4,428 unit
Rumah Bandar	-	430 unit
Rumah Berkembar	-	893 unit
Rumah Sesebuah	-	621 unit
Rumah Pangsa	-	611 unit
Rumah Asing	-	31 unit
Rumah Banglo	-	163 unit
Kondominium	-	125 unit

Pangsapuri	-	395 unit
Rumah Pangsa Kos Rendah	-	610 unit
Rumah Teres Kos Rendah	-	1,293 unit
JUMLAH	**-**	**9,609 unit**

Perincian mengenai lokasinya adalah seperti di Lampiran C seperti yang diletakkan di atas meja Yang Berhormat.

(b) Bilangan rumah kos rendah / kos sederhana rendah di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 8,529 unit.

Harga rumah kos rendah / kos sederhana rendah adalah seperti di Lampiran D seperti yang diletakkan di atas meja Yang Berhormat.

(c) Sehingga 31 Julai 2009, jumlah rumah kos rendah dan kos sederhana rendah dalam proses tawaran adalah sebanyak 1,187. Dalam proses tawaran bermaksud senarai nama telah dibekalkan kepada pemaju tetapi laporan penawaran terkini masih belum diterima daripada pemaju.

Jumlah unit kosong adalah sebanyak 788. Walau bagaimanapun, proses tawaran ini sentiasa berterusan sehingga unit habis ditawarkan. Senarai nama pemohon yang layak akan dihantar selepas menerima laporan penawaran terkini daripada pemaju.

Bagi projek-projek yang tidak mendapat sambutan ianya disebabkan beberapa faktor seperti berikut:

- Lokasi yang tidak strategik;

- Jenis rumah yang dibina; dan

- Pinjaman bank tidak diluluskan.

Bahagian Perumahan akan membekalkan nama-nama pembeli dalam tempoh 30 hari dari tarikh laporan pemaju diterima.

Selain itu, antara usaha bagi memastikan pemohon menerima tawaran yang bersesuaian dengan kehendak, kaedah mengisi borang rayuan disediakan supaya pembeli mendapat peluang memilih projek yang diingini. Walau bagaimanapun, pertimbangan tersebut dibuat berdasarkan kekosongan. Dengan kaedah ini diharap *'mismatch'* tawaran dapat dikurangkan.

LAMPIRAN 'A'

Syarat Permohonan KR/KSR

(1) Warganegara Malaysia

(2) Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permohonan

(3) Pendapatan tidak melebihi RM2,500.00 untuk Kos Rendah (suami dan isteri)

(4) Pendapatan tidak melebihi RM3,500.00 untuk Kos Sederhana Rendah (Suami dan Isteri)

(5) Tidak Pernah Memiliki Rumah (walaupun telah dijual, pemohon suami / isteri adalah tidak layak memohon)

(6) Dokumen Yang Perlu Disertakan Bersama Permohonan.

(i) Salinan kad pengenalan pemohon dan suami/isteri

(ii) Salinan sijil nikah / Pendaftaran perkahwinan/Akuan Sumpah Perkahwinan pemohon

(iii) Sekiranya duda/janda, sertakan salinan Surat Daftar Cerai (sekiranya bercerai) atau salinan Sijil Kematian (sekiranya isteri/ suami telah meninggal)

(iv) Salinan kad pengenalan dan sijil kelahiran anak / tanggungan

(v) Sekiranya bekerja dengan kerajaan/swasta sertakan dokumen berikut:-

(a) Surat Pengesahan terkini daripada majikan/Salinan penyata gaji terkini pemohon dan suami / isteri

(b) Salinan penyata KWSP terkini pemohon dan suami / isteri

(vi) Sekiranya berniaga, sertakan dokumen berikut:-

(a) Surat Akuan Sumpah Pendapatan terkini pemohon dan suami / isteri

(b) Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat / Lesen Perniagaan

(vii) Sekiranya bekerja sendiri, sertakan dokumen berikut:-

Surat Akuan Sumpah Pendapatan terkini pemohon dan suami / isteri

(viii) Sekiranya tidak bekerja, sila sertakan Surat Akuan Sumpah

(7) Surat Akuan Sumpah hendaklah dibuat di Pesuruhjaya Sumpah yang diwartakan oleh Kerajaan.

NO-PELAN	KEMAJUAN	TERES	BANGLO	S/D	UNIT-LC	UNIT-LMC	UNIT-MC	APT
33912	Cadangan mendirikan 1 blok pangsapuri 21 tingkat (98 unit) di Tanjung Bungah, Pulau Pinang.	0	0	0	0	0	0	98
36171	Cadangan membina 2 blok pangsapuri kos sederhana rendah 28 tingkat (1684 unit) - (550 kp 32 unit kedai plot 1-16, 49-64) di Vale of Tempe, Pulau Pinang	0	0	0	0	1684	0	0
36180	Cadangan membina satu blok kedai 3 tingkat Blok D, 24 unit di Jalan Relau, Pulau Pinang.	0	0	0	0	0	0	0
37204	Cadangan membina dan menyiapkan bangelo 3 tingkat di No. 121-N, Jalan Utama, Pulau Pinang	0	1	0	0	0	0	0
37387	Cadangan 1 unit bangelo 2 tingkat di Cantonment Avenue, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
37467	Cadangan mendirikan 6 unit rumah berkembar 3 tkt. 2 unit type A1 (plot 75 & 76) 4 unit type B (Plot 77-80) di Jalan Loh Poh Heng, Pulau Pinang	0	0	10	0	0	0	0
32244	Cadangan banglo 2 tingkat di Jalan Balik Pulau, Pulau Pinang	0	1	0	0	0	0	0
32539	Cadangan mendirikan 5 tingkat rumah kedai di Lebuh Victoria, Pulau Pinang.	0	0	0	0	0	0	0
37395	Kerja-kerja yang telah dijalankan untuk mendirikan sebuah rumah kediaman di Pulau Betong, Balik Pulau, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
33534	Cadangan membina sebuah rumah banglo 2 tingkat di Jesselton Crescent, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
33740	Cadangan mendirikan 1 rumah berkembar 3 tingkat di Lengkok Pemancar, Pulau Pinang.	0	0	2	0	0	0	0
38314	Cdgn.Skim Perumahan kos sdhn.rendah:Blk.A 1 blok 16 tkt.165 unit low cost flat & 6 unit kedai, Blok B: 1 blok 18 tkt. 323 unit low cost flat dan 10 unit lot kedai di Air Itam, Pulau Pinang.	0	0	0	488	0	0	0
39742	Cadangan pembangunan 4 unit rumah berkembar 2 tingkat di Jalan Sungai Batu, Teluk Kumbar, Pulau Pinang	0	0	4	0	0	0	0
39999	Kerja-kerja telah dijalankan untuk bangelo 3 tingkat di No. 121-N Jalan Utama, Pulau Pinang	0	1	0	0	0	0	0
40039	Cadangan membina 1 blok rumah pangsa kos sederhana rendah 15tkt, termasuk 1044 unit LMC dan 36 unit kedai 25 tingkat basement car par di Jalan Fettes, Pulau Pinang	0	0	0	0	1044	0	0
40245	Cadangan membina 1 unit rumah sesebuah 2 tingkat di Jalan Scott, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
40685	Cadangan membina 1 blok bangunan pejabat 5 tingkat 4 tkt. pejabat dan 1 tkt. tempat letak kereta ditingkat bawah di No.77 & 79 Lorong Selamat, Pulau Pinang	0	0	0	0	0	0	0
41052	Cadangan untuk membina 91 unit rumah kembar 2,3 & 4 tingkat dan 1 blok rumah kelab 3 tingkat di Lorong Khoo Hye Keat, Pulau Pinang.	0	0	91	0	0	0	0
41292	Cadangan mendirikan 1 unit banglo 2 tingkat di Solok Brook, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0

NO-PELAN	KEMAJUAN	TERES	BANGLO	S/D	UNIT-LC	UNIT-LMC	UNIT-MC	APT
41293	Cadangan mendirikan 1 unit Banglo 2 tingkat di Solok Brook, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
41323	Cdgn.1 blok p/puri 14tkt. dengan 1tkt. `Lower Ground Floor'untuk bilik pam/motosikal park dan car park juga penempatan semula di Evergreen Road 5, Pulau Pinang.	0	0	0	0	0	0	125
41390	Cadangan mendirikan 1 unit bangelo 2 tingkat di Solok Brook, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
41520	`Pelan as built' cadangan membina 1 unit 2 tingkat bangelo Di Jalan Balik Pulau, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
41838	Cadangan mendirikan 1 unit bangelow 2 tingkat di Solok Brook, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
41830	Cadangan mendirikan 14 unit rumah bangelow 2 tingkat dan 1 unit rumah bengelow 3 tingkat Off Jalan Gertak Sanggul, Pulau Pinang.	0	14	0	0	0	0	0
42092	Cadangan pembangunan 2 unit rumah berkembar 2 tingkat di Jalan Sungai Batu, Teluk Kumbar, Pulau Pinang	0	0	2	0	0	0	0
42023	Pindaan utk.cdgn.skim perumahan kos sdhn.rendah Blok A-1blok-16tkt-165unit LMC & 6unit lot kedai Blok B-1blok 18tkt.322unit LMC & 10 unit lot kedai 4paras podium diJln.Bkt.Kukus/Lbh.raya Thean Teik, Pulau Pinang	0	0	0	0	487	0	0
42198	Cdgn.mendirikan (Fasa 3) 2 blok 23 tkt.(416 unit) r/pangsa kos sdhn. dan 1 blok 4 tkt.tempat letak kereta dengan roof top garden di Lengkok Angsana, Bandar Baru, Air Itam, Pulau Pinang.	0	0	0	0	0	416	0
42243	Cadangan mendirikan 1 unit bangelow 2 tingkat di Solok Brook, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
42242	Cadangan mendirikan 1 unit bangelow 2 tingkat di Solok Brook, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
42350	Cadangan mendirikan 11 unit rumah teres 3 tingkat di Cangkat Sungai Ara 4, Pulau Pinang.	11	0	0	0	0	0	0
42385	Cadangan mendirikan 1 blok pengsapuri kos sederhana 6 tingkat (14 unit) di Air Itam, Pulau Pinang	0	0	0	0	0	14	0
42434	Cadangan rumah teres 3 tingkat (4 unit) di Jalan Pantai Jerjak 11, Sungai Nibong, Pulau Pinang	4	0	0	0	0	0	0
42513	Cdgn.pemajuan:-1)1blk.rumahpangsa kos sederhana rendah 23tkt. (Blk A-260 unit) (Blok B-460 unit) dan blok C-252 unit-24 tingkat di Jalan Paya Terubong, Pulau Pinang	0	0	0	0	972	0	0
42553	Cdgn.mendirikan 1 blok pangsapuri mewah 29 tkt. (134unit) termasuk 5tkt. tempat letak kereta bertingkat dan 1tkt. kemudahan masyarakat di Pesiaran Minden 3, Gelugor, Pulau Pinang.	0	0	0	0	0	0	134
42565	Cadangan rumah teres 2 tingkat (109 unit) di Lebuhraya Batu Maung, Pulau Pinang.	109	0	0	0	0	0	0
42729	Cdgn.mendirikan 71 unit rumah kediaman, 46unit rumah kembar 5 unit rumah sesebuah, 1blk.rumahpangsa 8 unit & 12unit (jenis D & E), 1blk.pusat komuniti dan surau di Jalan Teluk Kumbar, P.Pinang	71	5	46	20	0	0	0

NO-PELAN	KEMAJUAN	TERES	BANGLO	S/D	UNIT-LC	UNIT-LMC	UNIT-MC	APT
42703	Cdgn.mendirikan 1blk.bgn.31 tkt.mengandungi:- kedai/pejabat 2 1/2 paras, p/puri kod sdhn.19paras p/puri kos sdhn.rendah 23 paras dan car park 9 paras di Lebuhraya Thean Teik, Pulau Pinang.	0	0	0	0	295	168	0
42720	Cadangan membina 1 unit rumah sesebuah 2 tingkat di Lengkok Merbah 1, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
42742	Cdgn.skim perumahan (A)1blk r/pangsa kos rendah & sdhn.rendah (B)3blk p/puri kos.sdhn.dengan 1 tkt podium & kedai & 1blk tempat letak kereta 7tkt. di Hilir Sungai Pinang, Pulau Pinang.	0	0	0	125	175	754	0
42756	Caangan pembinaan perumahan (Fasa 1)mengandungi 33 unit rumah teres 3 tingkat di Bukit Jambul, Sungai Nibong, Pulau Pinang.	33	0	0	0	0	0	0
42820	Cdgn.mendirikan 1 blok 5tkt. podium mengandungi ruang komersial & car park tower 1, 1blk 14tkt. suite business & 1tkt. kemudahan masyarakat di Jalan Dato Keramat, Pulau Pinang.	0	0	0	0	0	0	417
42863	Cadangan membina 4 unit rumah teres 3 tingkat di Jalan Batu Gajah, Pulau Pinang.	4	0	0	0	0	0	0
42904	Cadangan membina 4 unit rumah teres 3tkt. di Jalan Batu Gajah, Pulau Pinang.	4	0	0	0	0	0	0
42832	Cadangan 26 unit rumah kembar 2 tingkat di Off Lorong Lembah Permai 6, Gelugor, Pulau Pinang.	0	0	26	0	0	0	0
2926	Cadangan membina 1 blok 5 tingkat rumahpangsa kos sederhana 700 k.p. (32 unit) di Jalan Perak, Pulau Pinang.	0	0	0	0	0	32	0
42978	Cadangan 1 unit rumah teres 2 tingkat di Jalan Slim, Pulau Pinang.	1	0	0	0	0	0	0
43060	Cadangan rumah berkembar 2 tingkat (16 unit) dan rumah teres 2 tingkat (20 unit) di Lebuh Batu Maung 8, Pulau Pinang.	20	0	16	0	0	0	0
43011	Cadangan mendirikan 3 unit rumah teres 3 tingkat di Lorong Sempadan 5, Pulau Pinang	3	0	0	0	0	0	0
43012	Cadangan mendirikan 3 unit rumah teres 2 tingkat di Lorong Sempadan 5, Pulau Pinang	3	0	0	0	0	0	0
42930	Cadangan skim perumahan untuk membina 72 buah rumah kembar 3 tingkat di Jalan Bukit Gambier Gelugor, Pulau Pinang.	0	0	72	0	0	0	0
43104	Cadangan mendirikan 1 blok pangsapuri 21 tingkat (98 unit) di Simpang Jalan Tanjong Bungah/Jalan Chan Siew Teong, Pulau Pinang.	0	0	0	0	0	0	98
43013	Cadangan mendirikan dan menyiapkan 1 unit rumah bangelow 2 tingkat di Cangkat Sungai Ara 2B Sungai Ara, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
43129	Cdgn.pembangunan untuk:1blok 30tkt.(461 unit) r/pangsa kos sdhn.(700sf)dan kemudahan masy.ditkt. bawah & 1blok 5tkt car park roof top di Lebuh Relau 4/Lebuh Relau 6, Pulau Pinang.	0	0	0	0	0	461	0

43253	Cadangan skim perumahan:- 1)kedai/pejabat 2tkt. (2&3)rumah teres 2tkt.jenis A&B (4)rumahpangsa kos rendah 5tkt. di Jalan Tun Sardon, Balik Pulau, Pulau Pinang	122	0	0	67	0	0	0
43254	Cadangan membina 77 unit kondominium (a)73 unit kondominium 38tkt.2tkt car park (b)Blok B-4unit link villa (Town House) 3 tingkat di Jalan Tg. Bungah, Pulau Pinang.	0	0	0	0	0	0	77
43294	Cadangan membina 1 unit rumah sesebuah 2 tingkat di Jalan Bukit Gambier, Gelugor, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
43355	Cadangan pindaan untuk 3 blok rumahpangsa kos sederhana rendah (972 unit) & 30 unit kedai di Jalan Paya Terubong, Air Itam, Pulau Pinang.	0	0	0	0	0	972	0
43361	Cadangan rumah kembar 2 tingkat (14 unit) dan rumah sesebuah 2 tingkat (1unit) di Jalan Permatang Damar Laut, Pulau Pinang.	0	1	14	0	0	0	0
43396	Cdgn.membina & merekabentuk perumahan Kg.Kastam:- Bangelow Kelas B,4 Unit Rumah Berkembar kelas C 2 Tingkat, Kondo kelas C 7 Tingkat (12 Unit) & Kelas D 15 Dan 17 Tingkat (59 Unit), 1 Blok Pangsapuri Kelas G 20 Tingkat (149 Unit), 1 Blok Surau 2 Tingkat Surau, 1 Blok Dewan Pameran Dan Kuliah 2 Tingkat Yang Mengandungi 1 Unit Pejabat Di Tingkat 1, 1 Blok Tadika Dan Taski 1 Tingkat, 1 Blok Tempat Letak Kereta 5 Tingkat, 1 Unit Pondok Pengawal 1 Tingkat Dan 1 Unit Depo Sampah Jln.Yeap Chor Ee, Pulau Pinang	0	1	4	0	0	0	208
43450	Cadangan untuk mendirikan 55 unit rumah teres 2 tingkat (12 unit jenis A & 43 unit jenis B) & 22 unit rumah kembar 2 tingkat di Jalan Permatang Damar Laut, Pulau Pinang.	55	0	22	0	0	0	0
43451	Cadangan membina 4 unit rumah kembar 3 tingkat di Jalan Kampar, Pulau Pinang.	0	0	4	0	0	0	0
43501	Cadangan untuk mendirikan 2 unit rumah teres 2 tingkat di no. 58 Jalan Selama, Bandar Jelutong, Pulau Pinang.	2	0	0	0	0	0	0
43504	Pindaan untuk cadangan mendirikan 2 blok 23 tkt. rumahpangsa kos sederhana dan 1 blok 4tkt. Tempat letak kereta (roof top) di Lengkok Angsana, Air Itam, Pulau Pinang.	0	0	0	0	0	199	0
43544	Cadangan mendirikan 1 unit rumah sesebuah 2 tingkat di Lintang Sungai Ara 5, Sungai Ara, Pulau Pinang	0	1	0	0	0	0	0
43658	Cadangan mendirikan 3 unit rumah sesebuah 2 tingkat di Solok Kelicap, Sungai Ara, Pulau Pinang.	0	3	0	0	0	0	0
43685	Cadangan untuk mendirikan 1 unit rumah sesebuah 3 tingkat di Lebuhraya Codrington, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
43743	Cadangan Mendirikan 1 Blok Kedai/Pejabat 4 Tingkat Dengan Sebahagian Tempat Letak Kenderaan Di Paras 1 & 2 Bersambungan Dengan : 1 Blok Podium 2 Tingkat Tempat Letak Kenderaan Dengan Kemudahan Rekreasi, 1 Blok Pangsapuri 9 Tingkat (Jenis A) (32 Unit), 1 Blok Pangsapuri 8 Tingkat (Jenis B) (32 Unit), 1 Blok Pangsapuri 21 Tingkat (Jenis C) (193 Unit) Di Jalan Bukit Gambir, pp	0	0	0	0	0	0	257

NO-PELAN	KEMAJUAN	TERES	BANGLO	S/D	UNIT-LC	UNIT-LMC	UNIT-MC	APT
43867	Pindaan & Tambahan Kepada 4 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat : 1 Unit Type A1 Lot 4426 (Plot 75), 1 Unit Type A1 Kepada Type C Lot 4427 (Plot 76), 2 Unit Type B Kepada Type C Lot 4428 (Plot 77) & Lot 4429 (Plot 78) Untuk 6 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat : 2 Unit Type A1 (Plot 75 & 76), 4 Unit Type B (Plot 77-80)	0	0	10	0	0	0	0
43902	Cadangan Mendirikan 40 Unit Rumah Teres 3 Tingkat Dan 6 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat (Untuk Fasa 2)	40	0	0	0	0	0	0
43933	Cadangan Mendirikan 1 Unit Rumah Banglo 3 Tingkat Di Jalan Sungai Emas, Bandar Batu Feringgi, Pulau Pinang	0	1	0	0	0	0	0
43983	Cadangan Pindaan Kepada Pelan Bangunan Yang Telah Diluluskan BP 43254 (LB) Pada 13/04/2005 Daripada : Cadangan Membina 77 Unit Kondominium Yang Terdiri Daripada : (a) Blok A - 73 Unit Kondominium (71 Unit Apartment & 2 Unit Penthouse) 38 Tingkat Dan 2 Tingkat Tempat Letak Kereta Di Separuh Bawah Tanah (Sub-Besmen) Dan Kemudahan Masyarakat, (b) Blok B - 4 Unit 'Link Villa' 3 Tingkat Kepada : (a) Blok A - 73 Unit Kondominium (71 Unit Apartment & 2 Unit Penthouse) 38 Tingkat Dan 2 Tingkat Tempat Letak Kereta Di Separuh Bawah Tanah (Sub-Besmen) Dan Kemudahan Masyarakat, (b) Blok B - 3 Unit Villa 3 Tingkat Di Jalan Tanjung Bungah, Bandar Tanjung Bungah, Pulau Pinang	0	0	0	0	0	0	73
44011	Cadangan Pindaan Kepada Pelan Bangunan Yang Telah Diluluskan BP No.41052 (LB) Bagi Membina 91 Unit Rumah Bandar 2, 3 & 4 Tingkat Dan 1 Blok Rumah Kelab 3 Tingkat	91	0	0	0	0	0	0
44018	Cadangan Mendirikan : Parcel A – 3 Paras ‘Split’ Tempat Letak Kereta & Tapak Ibadat, Parcel B – 3 Blok 17 Tingkat Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah (513 Unit – 63 MP) Dengan Dewan Masyarakat & Surau Dan Kawasan Lapang, Parcel C – 2 Blok 18 Tingkat Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah (701 Unit – MP) Dengan 4 Paras ‘Split’ Tempat Letak Kereta Dengan Dewan Masyarakat Dan Surau & Tapak Kompleks Penjaja Di Persiaran Paya Terubong 3 & 4, Pulau pinang	0	0	0	0	1214	0	0
44020	Cadangan Membina :- 1 Blok Pangsapuri 15 Tingkat Yang Mengandungi :- 100 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana (Termasuk 39 Unit Untuk Setinggan), 46 Unit Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah , 3 Tingkat Podium Kemudahan Masyarakat & Tempat Letak Kereta, 1 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat, 8 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat & 27 Unit Rumah Teres 3 Tingkat Di Jalan Ooi Thiam Siew, Bandar Jelutong, Pulau Pinang]	27	1	8	0	46	100	0
44044	Cadangan Pindaan Kepada Pelan Bangunan Yang Telah Diluluskan No. 42092 (LB) Bertarikh 24/06/2005 Untuk Cadangan Pembangunan 2 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Di Jalan Sungai Batu, Pulau Pinang	0	0	2	0	0	0	0

NO-PELAN	KEMAJUAN	TERES	BANGLO	S/D	UNIT-LC	UNIT-LMC	UNIT-MC	APT
44069	Cadangan Kompleks Pejabat/Pusat Membeli-Belah 16 Tingkat Dan 1 Tingkat Basemen (Mengandungi 3 Tingkat Pusat Membeli-Belah Termasuk 1 Tingkat Basemen, 6 Tingkat Tempat Letak Kereta, 1 Tingkat 'Food Court' Dan 7 Tingkat Pejabat Di Lintang Mayang Pasir 3, Bandar Bayan Baru, Pulau Pinang	0	0	0	0	0	0	0
44100	Cadangan Pembangunan Perumahan Yang Terdiri Daripada :- 1) Rumah Berkembar 2 Tingkat -Jenis A (Pelot 1-30)-30 Unit, 2) Rumah Berkembar 2 Tingkat -Jenis B (Pelot 31-37)-7 Unit, 3) Rumah Berkembar 2 Tingkat -Jenis C (Pelot 38)-1 Unit, 4) Rumah Sesebuah 2 Tingkat (Pelot 1)-1 Unit Di Jalan Tun Sardon, Pulau Pinang	0	1	38	0	0	0	0
44085	Cadangan Meroboh Rumah Berkembar 2 Tingkat Sedia Ada Dan Membina Semula Rumah Berkembar 2 Tingkat Di No. 21 Medan Lim Cheng Teik, Pulau Pinang	0	0	2	0	0	0	0
44094	Cadangan Membina 2 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat Jalan Brother James, Pulau Pinang	0	0	2	0	0	0	0
44142	Cadangan Mendirikan Kedai & Pejabat 3 Tingkat (12 Unit) Di Jalan Dato Ismail Hashim, Pulau Pinang	0	0	0	0	0	0	0
44143	Cadangan Untuk Mendirikan Rumah Berangkai 3 Tingkat 22 Unit Di Jalan Kenari, Pulau Pinang	22	0	0	0	0	0	0
44147	Cadangan Pemajuan Perumahan Yang Mengandungi :- a) Rumah Teres 3 Tingkat Jenis A (53 Unit), b) Rumah Teres 3 Tingkat Jenis B (59 Unit), c) Rumah Teres 3 Tingkat Jenis C (31 Unit), d) Rumah Teres 3 Tingkat Jenis BA (29 Unit), e) Rumah Teres 2 Tingkat Jenis BA (23 Unit), f) Rumah Teres 2 Tingkat Jenis D (41 Unit) Di Persiaran Kelicap, Pulau Pinang	236	0	0	0	0	0	0
44147	Cadangan Pemajuan Perumahan Yang Mengandungi :- a) Rumah Teres 3 Tingkat Jenis A (53 Unit), b) Rumah Teres 3 Tingkat Jenis B (59 Unit), c) Rumah Teres 3 Tingkat Jenis C (31 Unit), d) Rumah Teres 3 Tingkat Jenis BA (29 Unit), e) Rumah Teres 2 Tingkat Jenis BA (23 Unit), f) Rumah Teres 2 Tingkat Jenis D (41 Unit) Di Persiaran Kelicap, Pulau Pinang	236	0	0	0	0	0	0
44155	Kerja-Kerja Sedang Dijalankan Untuk Cadangan Pembinaan 11 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Di Jalan Pondok Upih, Pulau Pinang.	0	11	0	0	0	0	0
44163	Cadangan Mendirikan 1 Blok Kedai/Pejabat 3 Tingkat (200 Unit) Dengan Bazar Dan 1 Tingkat Tempat Letak Kenderaan Basemen Di Jalan Mahsuri, Pulau Pinang	0	0	0	0	0	0	0
44191	Melalui Kelulusan JPB/PM/4384 (LB) Bertarikh 7/2/05 - Cadangan Pindaan Kepada 1 Blok Pangsapuri 21 Tingkat (98 Unit) Di Persimpangan Jalan Tanjung Bunga Dan Jalan Chuan Siew Teong, Bandar Tanjung Bunga, Pulau Pinang	0	0	0	0	0	0	98
44204	Cadangan Tambahan 9 Tingkat Dan 1 Tingkat Basemen Kepada Kompleks Perniagaan 8 Tingkat Sedia Ada (Plaza Gurney) No. 170 Persiaran Gurney, Pulau Pinang	0	0	0	0	0	0	0

NO-PELAN	KEMAJUAN	TERES	BANGLO	S/D	UNIT-LC	UNIT-LMC	UNIT-MC	APT
44234	Cadangan Mendirikan 1 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Di Jalan Cheeseman, Pulau Pinang. (Pelan Permohonan Kebenaran Merancang No. JPB/KM/3231/A [JPB/PM/4413] Yang Telah Diluluskan Pada 21/09/2005)	0	0	2	0	0	0	0
44257	Cadangan Untuk Merobohkan Sebuah Rumah Sediada No. 20 Dan Mendirikan 1 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat Di Lebuhraya Codrington, Pulau Pinang.	0	1	0	0	0	0	0
44258	Cadangan Untuk Merobohkan Sebuah Rumah Sediada No. 20 Dan Mendirikan 1 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat Di Lebuhraya Codrington, Pulau Pinang	0	1	0	0	0	0	0
44259	Cadangan Untuk Merobohkan Sebuah Rumah Sediada No. 20 Dan Mendirikan 1 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat Di Lebuhraya Codrington, Pulau Pinang	0	1	0	0	0	0	0
44279	Cadangan Mendirikan 4 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat Di Jalan Tanjung Bunga Park, Bandar Tanjung Bunga, Pulau Pinang	0	4	0	0	0	0	0
44464	Cadangan Membina 1 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Di Jalan Bukit Gambir, Pulau Pinang	0	1	0	0	0	0	0
44465	Cadangan Membina 1 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Di Jalan Bukit Gambir, Pulau Pinang	0	1	0	0	0	0	0
44526	Kerja-Kerja Telah Dijalankan : Cadangan Pindaan Dan Tambahan Kepada Pelan Bangunan No. 43860(LB) Yang Telah Diluluskan Pada 26/10/05 Untuk 2 Blok Rumah Pangsa Kos Sederhana Rendah Yang Mengandungi :- Blok A 1 – 1 Blok Rumah Pangsa 29 Tingkat Yang Mengandungi 405 Unit Kos Sederhana Rendah Dengan 12 Unit Kedai Di Tingkat 1, 2 Tingkat Basemen Tempat Letak Kereta Dan 1 Tingkat Basemen Untuk Kemudahan Masyarakat. Blok A 2 - 1 Blok Rumah Pangsa 25 Tingkat Yang Mengandungi 385 Unit Kos Sederhana Rendah Dengan 14 Unit Kedai Di Tingkat 1, 2 Tingkat Basemen Tempat Letak Kereta Dan 1 Tingkat Basemen Untuk Kemudahan Masyarakat Di Jalan Bukit Kukus, Paya Terubong, pp	0	0	0	0	0	790	0
44574	Cadangan Mendirikan 1 Unit Rumah Banglo 3 Tingkat No. 28 Jalan Bunga Chempa Puteh, Bandar Tanjung Bungah, Pulau Pinang	0	1	0	0	0	0	0
44644	Cadangan Membina 2 Unit Rumah Teres 3 Tingkat Di Jalan Batu Gajah, Bandar Jelutong, Pulau Pinang	2	0	0	0	0	0	0
44688	Cadangan Mendirikan 1 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat Di Changkat Minden Lorong 7, Bandar Gelugor, Pulau Pinang	0	0	0	0	0	0	0
44715	Cadangan Untuk Mendirikan 3 Unit Rumah Teres 3 Tingkat Di Jalan Seang Tek, Pulau Pinang. [JPB/PM/4586(JPB/KM/3416/A) Lulus Pada 24/07/06]	3	0	0	0	0	0	0

NO-PELAN	KEMAJUAN	TERES	BANGLO	S/D	UNIT-LC	UNIT-LMC	UNIT-MC	APT
44724	Cadangan Membina 2 Unit Rumah Teres 3 Tingkat Di Jalan batu Gajah, Bandar Jelutong, Pulau Pinang. [JPB/PM/4638 - Lulus Pada 9/2006]	2	0	0	0	0	0	0
44758	Cadangan Mendirikan 6 Unit Kedai/Pejabat 3 tingkat Di Jalan Perak, Bandar Jelutong, Pulau Pinang. [Melalui PM No. JPB/PM/4606 - 05/10/2006]	0	0	0	0	0	0	0
44768	Cadangan Untuk Mendirikan Rumah Sesebuah 2 Tingkat (1 Unit) Di Jalan Taiping, Bandar Jelutong, Pulau Pinang. [JPB/PM/4763 Yang Telah Diluluskan Pada 25/09/06]	0	1	0	0	0	0	0
44804	Cadangan Mendirikan 1 Blok 4 Tingkat Kedai/Pejabat Di Jalan Perak, Bandar Jelutong, Pulau Pinang	0	0	0	0	0	0	0
44823	Cadangan Pindaan Dan Tambahan Kepada 4 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat :- 1 Unit Type C1 - Lot 4426 (Plot 75), 1 Unit Type C2 Kpd. C3 - Lot 4427 (Plot 76), 2 Unitt Type C3 - Lot 4428 (Plot 77) 7 Lot 4429 (Plot 78) Untuk 6 Unit Rumah Berkembar 3 Tingkat Di Lorong Sungai Kelian, Bandar Tanjung Bungah, pp	0	0	4	0	0	0	0
44833	Cadangan Untuk Mendirikan 2 Unit Rumah Berkembar 2 Tingkat Di Lorong Sekerat, Bandar Tanjung Tokong, Pulau Pinang	0	0	2	0	0	0	0
44840	Cadangan Membina Sebuah Banglo 2 Tingkat Di Lintang Sungai Ara 5, Pulau Pinang	0	1	0	0	0	0	0
44848	Cadangan Membina 3 Unit Rumah Teres 3 Tingkat Di Jalan Batu Gajah, Bandar Jelutong, Pulau Pinang	3	0	0	0	0	0	0
44852	Cadangan Untuk Mendirikan 2 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat & 1 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Di Jalan Logan, Pulau Pinang. [JPB/PM/4694 (JPB/KM/3471/A) - Lulus Pada 21/11/06]	0	3	0	0	0	0	0
44896	Cadangan Mendirikan Rumah Berkembar 3 Tingkat (16 Unit) Di Bayan Lepas, Off Persiaran Pantai Jerjak 5, Pulau Pinang. [JPB/PM/3995(LB) Pin. 1 (JPB/KM/3492/A) - 28/11/06]	0	0	16	0	0	0	0
44934	Cadangan Mendirikan 4 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat Di Jalan Dunn, Pulau Pinang. [JPB/KM/3507/A (JPB/PM/4801) - 11/12/06]	0	4	0	0	0	0	0
44938	Kerja-Kerja Telah Dijalankan Untuk Pelan Pindaan Kepada Pelan Bangunan No. 37971(LB) Yang Telah Diluluskan Melibatkan Fasa 1B : (A) 2 Tingkat Rumah Teres (90 Unit), (B) 2 Tingkat Rumah Berkembar (70 Unit), (C) 2 Tingkat Rumah Banglo (8 Unit) Di Jalan Sungai Air Putih, pp	90	8	70	0	0	0	0
44975	Cadangan Membina Rumah Sesebuah 3 Tingkat (1 Unit) Di Lengkok Sungai Gelugor, Pulau Pinang	0	1	0	0	0	0	0
45036	Cadangan Untuk Mendirikan Bangunan Kedai/Pejabat 3 Tingkat (12 Unit) Dan Kompleks Penjaja 1 Tingkat Dengan Tempat Letak Kereta Basemen (Diserahkan Kepada MPPP) Di Medan Angsana 3, Bandar Baru Air Itam, Pulau Pinang	0	0	0	0	0	0	0
MPPP/ OSC/PB (70)/07(LB)	Cadangan Mendirikan Seunit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Di No. 57 Lorong Bunga Raya, Bandar Georgetown, Bandar Gelugor, Pulau Pinang	0	1	0	0	0	0	0

LAMPIRAN B

SENARAI JENIS PERUMAHAN YANG TELAH DIBINA DI PULAU PINANG UNTUK TEMPOH 2008 - 2009

DAERAH	TERES	SESEBUAH	BERKEMBAR	KR	KSR	KS	PNG
D.T.L.	218	37	239	613	5917	3908	1585
D.B.D.	740	50	230	87	0	0	0
JUMLAH UNIT	958	87	469	700	5917	3908	1585

Nota :

KR - Kos Rendah
KSR - Kos Sederhana Rendah
KS - Kos Sederhana
PNG - Pangsapuri

LAMPIRAN C

BIL	JENIS BANGUNAN (2008)	DAERAH	UNIT
1	R/ TERES	SPU	1488
2	R/ BANDAR	SPU	
3	R/ Berkembar	SPU	215
4	R/ Sesebuah	SPU	523
5	R/ Pangsa	SPU	
6	R/ Asing	SPU	
7	R/ Banglo	SPU	13
8	R/ Kelab	SPU	
9	Kondominium	SPU	125
10	Pangsapuri	SPU	162
11	R/ Pangsa Kos Rendah	SPU	
12	R/ Teres Kos Rendan	SPU	1293

BIL	JENIS BANGUNAN (2008)	DAERAH	UNIT
1	R/ TERES	SPT	918
2	R/ BANDAR	SPT	102
3	R/ Berkembar	SPT	458
4	R/ Sesebuah	SPT	75
5	R/ Pangsa	SPT	50
6	R/ Asing	SPT	13
7	R/ Banglo	SPT	16
8	R/ Kelab	SPT	
9	Kondominium	SPT	
10	Pangsapuri	SPT	
11	R/ Pangsa Kos Rendah	SPT	71
12	R/ Teres Kos Rendah	SPT	

BIL	JENIS BANGUNAN (2008)	DAERAH	UNIT
1	R/ TERES	SPS	490
2	R/ BANDAR	SPS	
3	R/ Berkembar	SPS	30
4	R/ Sesebuah	SPS	
5	R/ Pangsa	SPS	
6	R/ Asing	SPS	2
7	R/ Banglo	SPS	
8	R/ Kelab	SPS	
9	Kondominium	SPS	
10	Pangsapuri	SPS	
11	R/ Pangsa Kos Rendah	SPS	
12	R/ Teres Kos Rendah	SPS	
JUMLAH			**6044**

LAMPIRAN D

DAERAH	HARGA (RKR)	HARGA (RKSR)
Daerah Timur Laut	Maksimum RM 42,000.00	RM42,001.00 - RM 75,000.00
Daerah Barat Daya	Maksimum RM 35,000.00	RM42,001.00 - RM 65,000.00
Seberang Perai Utara	Maksimum RM 42,000.00	RM42,001.00 - RM 65,000.00
Seberang Perai Tengah	Maksimum RM 35,000.00	RM42,001.00 - RM 65,000.00
Seberang Perai Selatan	Maksimum RM 35,000.00	RM42,001.00 - RM 65,000.00

* Harga yang ditetapkan bagi Rumah Kos Rendah dan Rumah Kos Sederhana Rendah adalah berdasarkan pengezonan yang ditetapkan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang, 2020.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

44. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mengurangkan kegunaan bekas makanan polistirena. Bilakah akan dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

44. Mulai 1 Julai 2009 Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengeluarkan arahan melarang penggunaan bekas makanan polistirena adalah kerana ianya sejenis bahan pembungkusan yang tidak *biodegradable*. Oleh itu, pembuangannya boleh menyebabkan pencemaran alam sekitar dan juga punca masalah pembiakan nyamuk aedes. Majlis-majlis kerajaan, semua jabatan, persatuan, EXCO dan ADUN disyorkan tidak menggunakan polistirena. EXCO bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada penganjur apa-apa majlis untuk tidak menggunakan bekas makanan atau minuman polistirena.

    Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjalankan analisis terhadap bekas atau pembungkus makanan yang diperbuat daripada polistirena di pasaran dan keputusan menunjukkan *migrasi monomer styrene* wujud iaitu secara amnya sejenis bahan kimia yang boleh menyebabkan kanser.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin Bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Bilakah sumbangan kepada warga emas akan disampaikan dan berapakah peruntukan yang terlibat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Kerajaan Negeri telah mengadakan satu majlis rasmi pada 1 Mei 2009 bagi mengedarkan borang penghargaan warga emas. Majlis ini telah melibatkan semua ADUN memandangkan borang ini akan diserahkan sendiri oleh Y.A.B Ketua Menteri pada hari berkenaan. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang lebih tepat dan terkini warga emas mengikut kawasan-kawasan yang ada di Pulau Pinang. Namun bagi ADUN-ADUN yang memerlukan borang tambahan atau tidak dapat hadir adalah diminta untuk terus menghubungi seterusnya berurusan sendiri dengan pejabat Pengerusi Jawatankuasa MMK Kesihatan, Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar yang terletak di Tingkat 53, KOMTAR. Pengedaran borang ini telah dipersetujui agar tidak dihantar ke pusat khidmat ADUN ataupun ditempatkan di Pejabat SUK sebagai langkah-langkah pemantauan dan pengawalan. Sehingga kini, hampir 100,000 salinan borang telah berjaya diedarkan dan pendaftaran ini dijangka akan tamat pada 8 Mac 2010. Oleh itu, bilangan warga emas yang berdaftar mengikut kawasan hanya akan diketahui selepas tamat tempoh pendaftaran yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, bentuk bantuan sama ada dalam bentuk kewangan atau tidak dan jumlah peruntukan yang terlibat akan diputuskan kemudian. Manakala tarikh bermulanya penyaluran bantuan kepada warga tua ini juga akan diputuskan selepas selesai pendaftaran dibuat.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri ada menyediakan perkhidmatan kesihatan kepada semua golongan dan peringkat umur iaitu dari bayi hinggalah kepada golongan warga emas menerusi kemudahan-kemudahan kesihatan yang berada di sekitar Negeri Pulau Pinang.

Perkhidmatan bagi warga emas di Klinik-klinik Kesihatan merangkumi empat (4) komponen iaitu:

(a) Promosi kesihatan – memberi pendidikan kesihatan melalui ceramah/seminar kepada warga emas dan penjaga, mengedarkan risalah, poster di klinik dan dalam komuniti.

(b) Pencegahan – aktiviti saringan seperti berikut dijalankan di semua klinik kesihatan:-

- Saringan Diabetes – Paras Glukos Darah
- Saringan Hipertensi – Pemeriksaan Tekanan Darah
- Saringan Penyakit Jantung Koronari – Pemeriksaan paras kolesterol darah dan ECG *(Electrocardiogram)*
- Ujian darah – Profil lipid*, "liver function test", "renal function test"*
- Saringan *Dementia* (nyanyuk) – menggunakan Mini Mental State *Examination (MMSE)* dan *Elderly Cognitive Assessment Questionaire (ECAQ)*
- Saringan aktiviti kehidupan harian *(activity of daily living)* menggunakan Mordified Bartel Indes.

(c) Rawatan dan Rujukan – Rawatan akan diberikan mengikut masalah kesihatan warga emas dan dirujuk kepada Pakar-pakar di hospital sekiranya perlu.

(d) Rehabilitasi – Perkhidmatan ini ada disediakan di empat (4) buah hospital dan empat (4) buah klinik kesihatan di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

46. (a) Adakah Kerajaan Negeri bersetuju untuk menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam 2007. Jika setuju, mengapa.

(b) Bilakah Akta tersebut akan dikuatkuasakan di Pulau Pinang.

(c) Apakah kelebihan dan kekurangan jika pengurusan sisa pepejal & pembersihan awam diserahkan kepada satu Perbadanan berbanding dengan pengurusan oleh PBT yang ada sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

46. (a) Akta Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) dan Akta Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam 2007 (Akta 673) yang diluluskan oleh Parlimen telah pun diwartakan pada 30 Ogos 2007. Kedua-dua akta ini memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih fungsi dan peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Kedua-dua akta tersebut telah memperuntukkan penubuhan dua entiti iaitu Jabatan Sisa Pepejal Negara yang bertanggungjawab ke atas dasar dan pengeluaran lesen dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (PPSP) yang bertanggungjawab ke atas operasi pengurusan sisa pepejal.

Kerajaan Negeri masih menunggu taklimat daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memaklumkan kepada Kerajaan Negeri dan wakil rakyat tentang pengurusan sisa pepejal melalui pengambilalihan peranan tersebut oleh Kerajaan Pusat. Cadangan tarikh bagi taklimat tersebut adalah pada 21 Ogos 2009 tetapi KPKT masih belum mengesahkan tarikh tersebut. Keputusan sama ada Kerajaan Negeri menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam 2007 akan ditentukan selepas taklimat diberikan.

(b) Seperti di negeri-negeri lain, walaupun akta-akta tersebut telah diwartakan namun penguatkuasaan belum dilaksanakan. Tarikh pelaksanaan telah ditunda beberapa kali oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan sehingga sekarang Kerajaan Negeri belum dimaklumkan secara rasmi tentang tarikh penguatkuasaan akta.

(c) Kelebihan dan kekurangan jika pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam diserahkan kepada perbadanan berbanding dengan pengurusan oleh PBT adalah seperti berikut :-

(i) Pengurusan sisa pepejal sekarang dikendalikan oleh PBT. Sekiranya sisa pepejal diambil alih oleh PPSP, kuasa untuk mengawal selia tidak lagi terletak di bawah PBT tetapi di bawah PPSP.

(ii) Kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang ke atas pencemaran serta pembuangan sampah akan dipindahkan daripada PBT kepada Kerajaan Pusat.

(iii) Perancangan untuk menjalankan pembersihan tidak lagi dilakukan oleh PBT tetapi dilakukan oleh PPSP.

(iv) Sekiranya berlaku peningkatan dalam perbelanjaan pengurusan sisa pepejal, PPSP akan menanggung kos tersebut. Semua aset dan liabiliti Bahagian Pengurusan Sisa Pepejal PBT akan diambil alih oleh PPSP.

(v) Pengisian kakitangan baru tidak tertakluk kepada syarat JPA.

Dari segi pelantikan kakitangan, ianya akan dilaksanakan oleh syarikat sendiri. Dengan itu, PBT tidak bertanggungjawab ke atas kakitangan bagi sesuatu bahagian yang diswastakan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberi bantuan kepada usahawan kecil terutamanya golongan belia negeri. Jika ada, sila senaraikan cara atau jenis bantuan secara ringkas. Jika tiada, mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Yang Berhormat Dato' Speaker, sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Ya, Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat dan sentiasa mengadakan usaha berterusan untuk memberi bantuan kepada usahawan kecil terutamanya golongan belia yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan serta mengembangkan perniagaan mereka. Bantuan ini disediakan melalui program-program yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri mahupun dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Antara program-program yang telah dilaksanakan bagi membantu usahawan kecil terutamanya dari kalangan belia Pulau Pinang bagi menjalankan perniagaan adalah seperti berikut :-

(a) Mengadakan program-program latihan dan pembangunan sumber manusia dengan kerjasama agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam usaha membangunkan usahawan kecil terutamanya dari kalangan belia agar lebih berdaya saing dan berdaya tahan. Program ini dilaksanakan dalam bentuk seminar, forum, kursus dan dialog bertujuan untuk membantu usahawan kecil bagi mendapatkan pendedahan mengenai peluang-peluang perniagaan dan sumber pembiayaan perniagaan yang disediakan oleh agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan;

(b) Kerajaan Negeri turut membantu usahawan kecil menerokai peluang-peluang pasaran dan perniagaan, pembiayaan, proses pensijilan dan insentif yang disediakan dalam industri halal. Contohnya melalui Forum SME yang dianjurkan iaitu *"The Food Industry in Penang* : *SME Development & Opportunities in Halal Industry".*

(c) Menyediakan premis perniagaan mampu milik seperti ruang niaga dan gerai, sama ada secara jualan, sewaan dan sewa beli dengan kadar yang berpatutan bagi membolehkan usahawan muda menjalankan perniagaan yang berpotensi di tempat yang strategik. Premis perniagaan ini disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan PDC. Usahawan tersebut berpeluang untuk mengemukakan permohonan kepada agensi berkenaan dan menghadiri sesi temu duga bagi mendapatkan ruang niaga yang disediakan;

(d) Menyediakan sebuah pusat inkubator ICT di Kompleks Mayang Mall Bandar Bayan Baru yang berperanan sebagai pusat inkubator dengan kerjasama Multimedia Development Corporation (MDeC) untuk memberi peluang kepada usahawan tekno baru terutamanya dari golongan belia yang kreatif bagi memulakan perniagaan mereka di dalam Bandar Siber Pulau Pinang;

(e) Membantu usahawan kecil di kalangan belia Pulau Pinang untuk meneroka pelaburan baru, meninjau peluang perniagaan dan meningkatkan jaringan perniagaan di peringkat antarabangsa mahupun nasional. Contohnya melalui penyertaan dalam Ekspo Pekan Raya Medan (Medan Fair) dan *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS);*

(f) Melaksanakan Program Pembangunan Pertanian bagi mendorong golongan belia menceburi bidang pertanian sebagai perniagaan. Antara program Pembangunan Pertanian yang boleh diceburi oleh golongan belia ialah Pembangunan Industri Tanaman Makanan, Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan (Industri Asas Tani), Pembangunan Lain-lain Tanaman Ekonomi, Pembangunan Kawasan Kelapa, Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan Kelompok Tani, Pembangunan Petani Pelapis dan Pembangunan Aktiviti Jualan Terus;

(g) Menyediakan Insentif Galakan Teknologi iaitu insentif yang meliputi Infrastruktur Ladang seperti pembersihan dan perparitan, Input Pertanian seperti baja dan racun serta Mekanisme Ladang seperti pam air, *cultivator* dan lain-lain dalam bentuk pinjaman;

(h) Mengadakan Program Pembangunan Projek Industri Asas Tani yang melibatkan pembinaan bengkel baru dan menaik taraf bengkel, peralatan atau mesin yang disediakan dalam bentuk pinjaman dan pembangunan produk seperti pembungkusan;

(i) Menyediakan Perkhidmatan Pengembangan Perladangan Kelompok melalui Khidmat Nasihat Teknikal dan Pengurusan Projek, Latihan Teknikal, Petak Demonstrasi, Lawatan Sambil Belajar Ke Projek Yang Berjaya, Insentif Amalan Teknologi Pertanian, Bimbingan Pemasaran Hasil Pertanian, Diagnostik Tanaman, Klinik Pengembangan (Dr. Pokok) dan Pameran serta Promosi; dan

(j) Melaksanakan Program Pembangunan Penternakan bagi menggalakkan golongan belia menceburi bidang penternakan sebagai perniagaan. Antara projek yang boleh diceburi oleh golongan belia adalah seperti Projek Penternakan Unggas, Penternakan Lembu, Penternakan Kambing, Penternakan Lembu Tenusu dan juga Latihan kepada penternak. Bentuk bantuan yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang ini tertumpu kepada pembangunan industri ternakan sedia ada yang melibatkan penambahbaikan terhadap tempat ternakan (kandang) dan bantuan peralatan penternakan yang bersesuaian mengikut keperluan penternak.

Soalan Lisan Oleh Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Berapa ramaikah warga emas yang telah didaftarkan oleh Kerajaan Negeri dan berapakah jumlah bantuan yang akan diberikan oleh Kerajaan Negeri dan dari sumber kewangan manakah yang akan digunakan untuk bantuan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Kerajaan Negeri telah pun mengambil inisiatif dengan mengadakan satu majlis bagi mengedarkan borang pendaftaran warga emas pada 1 Mei 2009 kepada ADUN-ADUN kawasan yang disampaikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sendiri. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang lebih tepat dan terkini warga emas mengikut kawasan-kawasan yang ada di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun bagi ADUN-ADUN yang memerlukan borang tambahan atau tidak dapat hadir adalah diminta untuk terus menghubungi seterusnya berurusan sendiri dengan pejabat Pengerusi Jawatankuasa MMK Kesihatan, Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar yang terletak di Tingkat 53, KOMTAR. Pengedaran borang ini telah dipersetujui agar tidak dihantar ke pusat khidmat ADUN ataupun ditempatkan di Pejabat SUK sebagai langkah-langkah pemantauan dan pengawalan. Sehingga kini, hampir 100,000 salinan borang telah berjaya diedarkan dan pendaftaran ini dijangka akan tamat pada 8 Mac 2010. Oleh itu, bilangan warga emas yang berdaftar mengikut kawasan hanya akan diketahui selepas tamat tempoh pendaftaran yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, bentuk bantuan sama ada dalam bentuk kewangan atau tidak dan sumber kewangan yang akan dihulurkan kepada golongan sasaran masih belum diputuskan oleh Kerajaan Negeri dan ia bergantung kepada keperluan berdasarkan hasil daripada bancian melalui pendaftaran yang telah dilakukan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Adakah permintaan untuk *zebra crossing* dengan lampu isyarat di jalan Sungai Nyior di Bagan Dalam sudah diluluskan. Jika telah diluluskan, bilakah kerja binaan akan dimulakan dan berapakah kosnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Kerajaan Negeri begitu prihatin dengan permintaan untuk pembinaan *zebra crossing* dengan lampu isyarat di Jalan Sungai Nyior, Bagan Dalam. Kajian secara teknikal telah pun dilakukan oleh pihak JKR dan anggaran kos bagi melaksanakan projek tersebut sebanyak RM40,000. JKR akan memohon peruntukan tersebut daripada Kerajaan Persekutuan. Projek tersebut akan dapat dilaksanakan sekiranya diluluskan.

Soalan Lisan Oleh Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Untuk memperkukuhkan prinsip "CAT" supaya mencapai urus tadbir baik, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengumumkan perisytiharan harta bagi YAB KM, YB Ahli EXCO, YB SUK, YB PUN, YDP MPPP, MPSP, Ahli-ahli Majlis dan semua Ketua-ketua Jabatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Untuk makluman Yang Berhormat, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 berkenaan Pemilikan dan Perisytiharan Harta Oleh Pegawai Awam telah menggariskan bahawa di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, semua pegawai kerajaan dikehendaki mengisytiharkan secara bertulis kepada Ketua Jabatan masing-masing segala harta yang dimiliki olehnya atau isteri atau suami atau anaknya atau yang dipegang oleh mana-mana orang bagi pihaknya atau bagi pihak isteri atau suaminya atau anaknya. Pekeliling tersebut juga menyatakan bahawa semua pegawai awam dikehendaki mengisytiharkan harta apabila:

(a) dilantik ke dalam perkhidmatan awam;

(b) dikehendaki oleh kerajaan;

(c) memperolehi harta tambahan; dan

(d) melupuskan harta.

Semua pegawai juga dikehendaki membuat perisytiharan harta sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima (5) tahun. Oleh yang demikian, tempoh perisytiharan harta dikira berdasarkan tarikh terakhir perisytiharan harta dibuat. Walau bagaimanapun, sekiranya dalam tempoh perisytiharan harta yang ditetapkan itu seseorang pegawai tidak memperolehi apa-apa harta tambahan atau tidak melupuskan apa-apa harta, maka pegawai berkenaan perlu membuat pengakuan mengenainya dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan.

Selaras dengan pematuhan pekeliling tersebut, pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memanjangkan Borang Perisytiharan Harta kepada semua Ahli EXCO. Borang tersebut adalah Borang Perisytiharan Harta Anggota Pentadbiran Kerajaan di mana telah dihantar oleh Y.A.B. Perdana Menteri sendiri dan borang-borang tersebut adalah diwajibkan untuk diisi oleh semua Ahli EXCO sejajar dengan prinsip telus *(transparency*) yang diamalkan Pentadbiran Kerajaan Negeri.

Namun demikian, ADUN-ADUN dan Ahli-Ahli Majlis tidak diwajibkan untuk melengkapkan borang tersebut memandangkan mereka bukan digolongkan sebagai Anggota Pentadbiran Awam. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri ini akan meminta semua ADUN dan Ahli Majlis untuk melengkapkan borang tersebut sekiranya ada keperluan.

Selain itu, Ahli-ahli EXCO, Ex-Officio di negeri ini seperti Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri, Y.B. Penasihat Undang-undang Negeri, Y.B. Pegawai Kewangan Negeri serta Ketua-ketua Jabatan Negeri dan badan-badan berkanun termasuk Yang Di-Pertua Majlis Perbandaran juga telah pun mengisytiharkan harta selaras dengan keperluan pekeliling tersebut.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri ini akan terus memantau proses perisytiharan harta ini dari semasa ke semasa sejajar dengan pematuhan peraturan pekeliling tersebut agar prinsip C.A.T. di negeri ini akan terus diamalkan dari semua aspek pentadbiran.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Apakah terma-terma pelantikan Encik Julian selaku Timbalan Pengurus Besar 1 PDC, dan berapa harikah beliau bertugas dalam seminggu di PDC serta senaraikan bidang tugas beliau yang berkaitan dengan PDC. Begitu juga, adakah beliau tertakluk kepada peraturan pejabat PDC.

Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Pelantikan Encik Julian Candiah sebagai Timbalan Pengurus Besar 1 PDC telah diputuskan di dalam Mesyuarat Lembaga PDC pada 23 Mac 2009 iaitu pelantikan beliau untuk tempoh kontrak satu (1).

Encik Julian Candiah mula dilantik pada 1 April 2009 atas kontrak setahun dengan bayaran RM4,000.00 sebulan. Beliau tertakluk dengan dasar, undang-undang dan peraturan yang ditetapkan oleh PDC dari semasa ke semasa termasuk jumlah hari bekerja sepertimana kakitangan PDC yang lain.

Tugas beliau secara khusus adalah bagi mengambil tindakan-tindakan dengan tujuan untuk mempertingkatkan prestasi dan pencapaian PDC dan juga melaksanakan beberapa program khas yang ditetapkan oleh Pihak Pengurusan atau Y.A.B Pengerusi memandangkan beliau juga adalah penasihat ekonomi kepada Y.A.B Ketua Menteri. Encik Julian juga membantu dalam usaha mempromosikan sektor perindustrian dan pelaburan, khususnya di Singapura dan peringkat antarabangsa.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Adakah Kerajaan Negeri akan mengemukakan cadangan kepada Kementerian Pengangkutan untuk membiarkan lampu isyarat berfungsi dalam mode “kelipan lampu kuning” selepas 12 tengah malam supaya pengguna-pengguna jalan raya tidak didedahkan kepada bahaya dirompak apabila berhenti di depan lampu isyarat yang sekelilingnya selalu gelap dan sunyi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meneliti kesesuaian mewujudkan fungsi kelipan lampu kuning selepas tengah malam di persimpangan-persimpangan berlampu isyarat di bahagian pulau dan juga di bahagian Seberang Perai untuk meningkatkan keselamatan pengguna jalan. Cadangan ini tidak perlu dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan Malaysia kerana ia boleh dilaksanakan oleh pihak MPPP dan MPSP. Cadangan ini akan dibangkitkan dalam Mesyuarat MMK Kerajaan Tempatan untuk penelitian dan mendapatkan keputusan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Sila nyatakan jumlah pelaburan yang telah Kerajaan Negeri Pulau Pinang terima dari dalam negara dan luar negara dalam tahun fiskal ini. Apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengambil langkah-langkah yang lebih agresif untuk menarik pelaburan dalam negara dan juga asing ke Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

53. Maklumat yang diperolehi daripada MIDA menunjukkan jumlah pelaburan yang telah diluluskan sejak Januari hingga Mei 2009 adalah RM1.1 billion melalui 47 projek. Daripada jumlah ini, RM327.0 juta adalah pelaburan domestik dan RM802.3 juta adalah pelaburan asing.

Pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang diterajui oleh dua sektor utama iaitu sektor pembuatan dan perkhidmatan. Kerajaan Negeri akan terus mengambil pendekatan holistik untuk mengekalkan sumbangan dan mempergiatkan usaha mempertingkatkan kedua-dua sektor ini.

Kerajaan Negeri akan turut mengambil langkah-langkah yang lebih agresif untuk menarik pelaburan dalam negara dan juga asing ke Negeri Pulau Pinang dengan kaedah berikut;

(a) Memacu 10 teras strategik;

(b) Menggunakan lapan (8) kriteria utama bagi mengenal pasti pelaburan;

(c) Mengenal pasti empat (4) sektor utama yang berpotensi; dan

(d) Usaha-usaha penggalakan pelaburan lain yang berterusan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menggariskan sepuluh (10) teras strategik bagi Negeri Pulau Pinang untuk terus memajukan ekonomi negeri. Teras-teras strategik ini adalah berdasarkan tiga (3) unsur utama iaitu pelabur, pelancong dan penduduk. Teras-teras strategik itu adalah seperti berikut:-

(i) Perindustrian;

(ii) *Regional Headquarters;*

(iii) Mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE).

(iv) Kebudayaan dan seni;

(v) Makanan & masakan Pulau Pinang;

(vi) Sukan;

(vii) Ekopelancongan;

(viii) Pendidikan;

(ix) Warisan; dan

(x) Perkhidmatan perubatan.

Dalam usaha memastikan Pulau Pinang sebagai destinasi utama untuk pelaburan, Kerajaan Negeri telah mewujudkan lapan (8) kriteria utama bagi menarik pelabur-pelabur asing untuk melabur di negeri ini. Kriteria-kriteria yang digunakan itu adalah seperti berikut:-

(i) Pelabur asing itu harus memberikan perkhidmatan serta mengeluarkan barangan yang bermutu tinggi;

(ii) Nama syarikat serta jenama yang digalakkan oleh pelabur asing itu harus bertaraf antarabangsa;

(iii) Barangan yang dikeluarkan oleh pelabur asing itu haruslah selamat untuk diguna pakai oleh para pengguna iaitu harus memenuhi keperluan pensijilan ISO yang berkaitan;

(iv) Kilang ataupun operasi pelabur asing itu semestinya mempunyai ruang untuk perkembangan lanjut;

(v) Pelabur asing itu harus mempunyai pelbagai jenis barangan keluaran yang meliputi pelbagai segmen pasaran;

(vi) Syarikat pelabur asing itu juga harus mempunyai mekanisme untuk menepati jadual yang telah ditetapkan;

(vii) Syarikat pelabur asing itu harus dapat menangani segala masalah pasaran, ekonomi dan kewangan; dan

(viii) Pelabur yang digalakkan itu juga mesti mempunyai ciri-ciri tanggungjawab sosial demi memberi perkhidmatan sosial kepada rakyat Pulau Pinang.

Bagi memperkukuhkan dasar industri dan mempromosikan pelaburan baru, Kerajaan Negeri sentiasa mempelbagaikan aktiviti–aktiviti promosi bagi sektor-sektor baru yang berpotensi. Terdapat empat (4) sektor utama yang menjadi pemangkin kepada rancangan penggalakan pelaburan oleh Kerajaan Negeri iaitu k-ekonomi, industri halal, perkongsian perkhidmatan *(shared services)* dan teknologi hijau *(green technology).*

Selain itu, terdapat beberapa usaha berterusan kerajaan dalam menggalakkan pengusaha tempatan dan luar negara untuk melabur dan melabur semula di negeri ini seperti berikut:-

(i) Urus tadbir berpandukan prinsip C.A.T iaitu Cekap *(Competency),* Akauntabiliti *(Accountability)* dan Telus *(Transparency)* yang mampu meningkatkan lagi keyakinan pelabur;

(ii) Setiap pelaburan yang melebihi jumlah RM1 billion akan dikendalikan oleh "Pasukan Petugas Khas" yang diketuai oleh Ketua Menteri. Fungsi utama "Pasukan Petugas Khas" ini adalah sebagai pemudah cara perniagaan;

(iii) Penambahbaikan Sistem Penyampaian Sektor Awam, mempermudahkan sistem, garis panduan dan prosedur, menyelaraskan agensi-agensi di peringkat Kerajaan Negeri dan mempertingkatkan tahap mesra pelanggan;

(iv) Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk mendapatkan pakej–pakej istimewa seperti geran pemadanan, *"soft loan"* dan *"industrial building subsidy".* Selain itu, Kerajaan Negeri juga menjalinkan hubungan yang erat dengan agensi–agensi kerajaan dalam pemberian insentif serta latihan teknikal untuk melatih tenaga kerja berkemahiran tinggi, memastikan proses kelulusan dikeluarkan dengan cepat dan efisien serta penglibatan dalam aktiviti pelaburan, seminar, pemadanan perniagaan, perbincangan dan lain–lain lagi;

(v) Penyertaan investPenang serta syarikat tempatan dalam pameran antarabangsa dengan menyewa ruang pameran adalah sebahagian daripada usaha berterusan untuk membantu syarikat tempatan mencari peluang perniagaan serta pelaburan baru;

(vi) Pelbagai jenis taman perindustrian baru sedang dibangunkan di Bukit Minyak dan di Batu Kawan untuk membekalkan permintaan sebagai lokasi utama bagi pelbagai aktiviti perindustrian seperti *bio-tech*, halal, SMI, *hi–tech,* industri berat dan sebagainya. Taman-taman perindustrian yang dibangunkan ini mampu menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi utama pilihan pelabur dalam industri strategik; dan

(vii) Penubuhan beberapa *cluster* di Pulau Pinang telah mewujudkan sinergi serta meningkatkan daya saing industri tempatan. Objektif utamanya adalah untuk menggalakkan syarikat-syarikat di bawah naungan *cluster* ini untuk bergabung, berkongsi kepakaran dan pengalaman bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai lokasi pilihan dalam bidang-bidang tertentu. *Cluste*r tersebut adalah terdiri dari sektor Radio Frekuensi, ICT, perisian komputer dan pengautomasian. InvestPenang juga sedang berusaha menubuhkan *LED Cluster*.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Peranan JAS adalah untuk memelihara alam sekitar supaya selalu mesra alam. Apakah kaedah bungkus sisa buangan industri yang bertoksik dengan campuran simen yang ditanam ke dalam tanah itu dapat menjamin keselamatan dan kesejahteraan anak cucu kita nanti. Adakah jenis rawatan ini diluluskan oleh JAS sendiri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Mengikut rekod pemantauan Jabatan Alam Sekitar Pulau Pinang (JASPP) menunjukkan pihak JASPP tidak pernah meluluskan kaedah bungkus sisa industri yang bertoksik dengan campuran simen dan eksportkannya ke dalam tanah. Pengeluar buangan yang menghasilkan buangan toksik tersebut hanya dibenarkan membuat pelupusan di Kualiti Alam Sdn. Bhd. di Negeri Sembilan, di mana ia menjalankan kaedah pelupusan *solidification process* dan diikuti dengan *secure landfill for toxic and hazardous waste.* Di Semenanjung Malaysia, terdapat hanya sebuah tapak bagi tujuan tersebut dan ia terletak di Bukit Nenas, Port Dickson, Seremban. Untuk makluman, Malaysia adalah

merupakan ahli kepada 1989 *Basel Convention on the Control of Transboundary Movement of Hazardous Waste and their Disposal* di mana eksport dan import buangan terjadual dalam Malaysia terikat di bawah perjanjian *Convention* ini.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Berapa banyakkah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membaiki rumah orang miskin.

(a) Berapakah buah rumah yang telah dibaiki mengikut KADUN.

(b) Berapakah kos peruntukan untuk setiap rumah, bagaimanakah caranya untuk memohon dan kriteria untuk mendapat bantuan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1 juta pada tahun 2009 untuk program memperbaiki rumah rakyat termiskin dan program lain yang berkaitan.

(a) Rumah yang sedang/telah dibaiki mengikut KADUN adalah seperti berikut:-

RUMAH YANG TELAH DIBAIKI MENGIKUT KADUN

DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

BIL.	**BIL. RUMAH**	**KADUN**
1.	6 unit	Penanti
2	3 unit	Permatang Pasir
3.	2 unit	Seberang Jaya
4.	4 unit	Bukit Tengah
JUMLAH	**15 unit**	

DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN

BIL.	**BIL. RUMAH**	**KADUN**
1.	6	Sungai Acheh
2	1	Sungai Bakap
3.	2	Bukit Tambun
JUMLAH	**9**	

DAERAH SEBERANG PERAI UTARA

BIL.	**BIL. RUMAH**	**KADUN**
1.	3	Sungai Dua
2	6	Pinang Tunggal
3.	3	Permatang Berangan
4.	5	Penaga
5.	3	Telok Ayer Tawar
JUMLAH	**20**	

(b) Kos maksimum peruntukan untuk membaiki sebuah rumah ialah RM11,000. Kadar yang ditetapkan adalah mengikut kadar yang digunakan oleh Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Permohonan boleh dibuat kepada setiap Pejabat Daerah dan Tanah mengikut daerah pemohon. Jumlah peruntukan yang disediakan agak kecil. Kriteria untuk mendapatkan bantuan ialah penduduk yang terdiri dari rakyat miskin dan miskin tegar yang tersenarai dalam Senarai penduduk miskin yang terdapat di setiap Pejabat Daerah dan Tanah.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah Binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Nyatakan bilangan ibu tunggal yang berdaftar di Pulau Pinang setakat ini.

(a) Berapakah bilangan anak mereka dan sumber pendapatan untuk menyara keluarga.

(b) Apakah jenis bantuan kewangan dan kemahiran yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk meringankan beban mereka.

(c) Nyatakan bilangan ibu tunggal yang berjaya berdikari dan bentuk kemahiran yang dimiliki.

Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Kerajaan Negeri memantau status ibu tunggal di Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Pembangunan Wanita. Mengikut pendaftaran sehingga Mei 2009, seramai 32 orang ibu tunggal berada dalam perhatian negeri ini.

(a) Bagi mengetahui bilangan tanggungan di bawah jagaan ibu tunggal berkenaan dan juga pendapatan mereka bagi menyara keluarga adalah seperti di lampiran yang diletakkan di atas meja Yang Berhormat.

(b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat menyalurkan bantuan kewangan iaitu Bantuan Am Negeri pada kadar maksimum RM200.00 sebulan. Di samping itu, bantuan membeli kelengkapan sekolah turut disalurkan pada kadar RM80.00 seorang.

Selain itu, di antara program yang dirancang oleh Kerajaan Negeri bagi membantu golongan sasaran adalah dengan melaksanakan program-program bersesuaian dan menyediakan kepada mereka peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian. Usaha awal yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah melalui pelaksanaan Program Anjakan Minda dan mengadakan taklimat bersama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Golongan ibu tunggal ini turut diberi peluang untuk menjana ekonomi dengan dirujuk kepada agensi-agensi berkaitan yang boleh memberi bantuan modal untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Setiap usaha perniagaan secara kecil-kecilan dipantau oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah bagi memastikan usaha yang dijalankan berjaya. Selain itu, anak-anak dalam keluarga sasaran boleh mendapatkan latihan bersesuaian sekiranya berminat sepertimana yang ditawarkan oleh PSDC ataupun Pusat Giatmara. MPPP dan MPSP juga menyediakan bantuan bagi golongan ini seperti kemudahan tambang ke tempat kerja. Ada juga di kalangan golongan ibu-ibu tunggal ini menyertai latihan-latihan kemahiran yang diadakan oleh pihak KEMAS seperti kelas jahitan, memasak, anyaman kraf tangan dan sebagainya yang dapat menjana sumber pendapatan mereka.

(c) Statistik ibu tunggal yang berjaya berdikari dengan bekerja dengan usaha sendiri dengan kemahiran sedia ada juga seperti di lampiran yang diletakkan di atas meja Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk menggalakkan perkembangan kesenian dan kebudayaan terutamanya muzik, drama, tarian, lukisan, kebudayaan tradisional, makanan tradisional, kraf dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Kerajaan Negeri telah mengadakan pelbagai program untuk memastikan kesenian dan kebudayaan tempatan sentiasa berkembang dan dinikmati oleh semua golongan. Antara program-program kebudayaan yang telah dan akan diadakan termasuklah menganjurkan persembahan kebudayaan yang diadakan setiap malam Sabtu di Padang Kota Lama, menganjurkan pertandingan tarian singa dan naga, pertandingan chingay antarabangsa, sambutan hari Thaipusam, festival makanan antarabangsa Pulau Pinang, pertandingan wau, festival *Bon Odori* dan *Penang International Lantern Festival.* Kerajaan Negeri juga sedang mengenal pasti 12 jenis makanan untuk disenaraikan sebagai makanan terbaik yang boleh didapati di Pulau Pinang sebagai usaha untuk mempromosikan makanan tradisi. Bagi perkembangan kesenian pula, Kerajaan Negeri telah merancang dan mengadakan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2008 dan bagi tahun 2009.

Antaranya ialah Pameran Seni Lukis 2008 yang telah diadakan di Balai Seni Lukis Pulau Pinang, Pameran Lukisan bagi tahun 2009 yang juga akan diadakan di Balai Seni Lukis Pulau Pinang, program-program *'outreach*' seperti Konvoi Berbasikal Ke Muzium, Kuiz Sejarah Negeri Pulau Pinang, "Seminar Sejarah, Warisan & Budaya Pulau Pinang -2008", Pertandingan Beca berhias, Pameran Pesta Pulau Pinang, Bicara Seni bertajuk *"International Contemperary Ceramics",* Bengkel Origami oleh Ms Yanagiya & Ms Kyoko Kugai, Forum – "Kenali Pelukis Anda bersama Seniman Masnoor Ramli", Pertandingan Lukisan Pelajar-pelajar Sekolah Malaysia & Jepun, "Pameran Hari Muzium Antarabangsa 2009 – Muzium & Pelancongan", Pertandingan Arca Pelajar-pelajar Sekolah & IPT, Pertandingan Melukis & Mewarna, "Bicara Seni – Lee Kian Seng", dan Karnival Sains & Seni.

Program-program kesenian dan kebudayaan yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri akan disiarkan di dalam risalah-risalah pelancongan, buletin *(newsletter),* diiklankan di papan iklan *(billboard)* di tempat-tempat yang strategik, dihebahkan di laman web pelancongan negeri dan dirakam untuk pembikinan video pelancongan (contohnya: sambutan perayaan Thaipusam, Marathon, Dikir Barat, Sambutan Maulidur Rasul dan Chingay). Penghasilan Buletin Pelancongan *(Newsletter)* yang menyediakan informasi pelancongan serta promosi produk pelancongan yang terdapat di Pulau Pinang juga membantu perkembangan kesenian dan kebudayaan selain menaikkan industri pelancongan Pulau Pinang. Buletin pelancongan ini dihantar secara mingguan melalui e-mel kepada pelanggan-pelanggan berdaftar.

Promosi pelancongan termasuk promosi program-program kesenian dan kebudayaan turut dilakukan melalui laman *web Facebook* yang mendapat sambutan menggalakkan dan telah disertai oleh 10,000 orang yang berdaftar sebagai ahli. Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyertai forum-forum seperti *International Dragon Boat Forum* dan *International Chingay Competition* Forum bagi membincangkan penganjuran program-program bertaraf antarabangsa. Melalui penganjuran program-program seperti yang tersebut di atas, aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan dapat terus dihayati oleh masyarakat tempatan selain dapat dikembangkan ke peringkat antarabangsa.

LAPORAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2008

NAMA PROJEK: **ADUN BERTAM**
DAERAH: **SEBERANG PERAI UTARA**
TARIKH: **31/31/2008**

Bil	No. Fail/Tarikh Waran/S.Kuasa	No. Surat Kuasa KADUN	Nama Dan No. Projek	Jenis Projek	Peruntukan (RM)	Pesanan Kerajaan, Inden Kerja		Baki (RM)	Peratus Perbelanjaan	Nama Pembekal /Kontraktor	Kemajuan Fizikal	Tarikh Baucer Disediakan
						Tarikh	Nilai					
1	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Baikpulih Pam Tandas Sekolah Kebangsaan Tamil Palaniandy	02-Infra	6,000.00	PT3/31/2008 22/3/2008	6,000.00	0.00	100%	Jubiha Enterprise	03-Siap	16/4/2008
2	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Baikpulih Bilik Air Dewan Pongsu Seribu	02-Infra	3,500.00	PT3/37/2008 25/2/2008	3,500.00	0.00	100%	Rumpun Teknik Enterprise	03-Siap	28/2/2008
3	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Baikpulih Dewan Orang Ramai Padang Benggali	02-Infra	2,500.00	PT 3/25/2003 20/2/2008	2,500.00	0.00	100%	Syarikat Usaha Jaya	03-Siap	23/3/2008
4	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membina Jalan Asas di Pongsu Seribu keSekolah Kepala Batas	02-Infra	5,000.00	PT3/28/2008 25/2/2008	5,000.00	0.00	100%	Perniagaan Usaha Padu	03-Siap	8/4/2008
5	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Memasang Paip Bekalan Air di Kampong Kovil	02-Infra	15,000.00	PT 3/35/2008 22/2/2008	15,000.00	0.00	100%	Lambang Aktif Enterprise	03-Siap	16/4/2008
6	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Menebang Pokok Merbahaya dalam Kadun Bertam	02-Infra	8,000.00	PT3/29/2008 22/2/2008	8,000.00	0.00	100%	Jubiha Enterprise	03-Siap	16/6/2008
7	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal kerusi dan meja untuk Dewan Orang Ramai Kadun Bertam	03-Bekalan	5,000.00	L080280000113 28/2/2008	5,000.00	0.00	100%	Prima Scape Ent	03-Siap	13/3/2008
8	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal Kanopi dan Kerusi untuk Belia Kepala Batas	03-Bekalan	5,000.00	L080280000111 28/2/2008	5,000.00	0.00	100%	Prima Scape Ent	03-Siap	13/3/2008
9	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal kain palikat untuk orang susah Kadun Bertam	03-Bekalan	5,000.00	L080280000115 28/2/2008	5,000.00	0.00	100%	Prima Scape Ent	03-Siap	21/3/2008
10	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal kain batik untuk orang sussah Kadun Bertam	03-Bekalan	5,000.00	L080280000114 28/2/2008	5,000.00	0.00	100%	Prima Scape Ent	03-Siap	21/2/2008
11	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal Kanopi dan kerusi untuk Dewan Orang Ramai Permatang Manggis	03-Bekalan	5,000.00	L080280000173 13/3/2008	5,000.00	0.00	100%	Koperasi Warisan Muda Kepala Batas	03-Siap	8/4/2008
12	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal Komputer untuk Sekolah dalam Kadun Bertam	03-Bekalan	4,000.00	L080280000118 28/2/2008	4,000.00	0.00	100%	UC Square Sdn. BHd	03-Siap	21/3/2008
13	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal Komputer untuk Persatuan Belia Kepala Batas.	03-Bekalan	4,000.00	L08028000167 28/2/2008	4,000.00	0.00	100%	Rangkaian Nilai Bersih Sdn. Bhd.	03-Siap	23/3/2008
14	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal Mesin Rumpt untuk Persatuan Kaum Cina Kepala Batas.	03-Bekalan	2,000.00	L080280000202 28/2/2008	2,000.00	0.00	100%	Koperasi Warisan Muda Kepala Batas	03-Siap	8/4/2008
15	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal peralatan Sukan untuk Perkumpulan Wanita Kepala Batas.	03-Bekalan	1,000.00	L080280000174 13/3/2008	1,000.00	0.00	100%	Koperasi Warisan Muda Kepala Batas	03-Siap	8/4/2008
16	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal Khemah perkelehan untuk Persatuan Belia Kepala Batas.	03-Bekalan	2,000.00	L080280000172 13/3/2008	2,000.00	0.00	100%	Koperasi Warisan Muda Kepala Batas	03-Siap	8/4/2008
17	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal PA Sistem untuk Surau Permatang Pak Elong	03-Bekalan	5,000.00	L080280000231 21/3/2008	5,000.00	0.00	100%	NZS Venture	03-Siap	11/4/2008
18	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal PA Sistem untuk Persatuan Belia Kepala Batas.	03-Bekalan	1,000.00	L080280000165 13/3/2008	1,000.00	0.00	100%	NZS Venture	03-Siap	25/3/2008
19	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal Baju mentara untuk Perkumpulan Wanita Kepala Batas.	03-Bekalan	5,000.00	L080280000107 28/2/2008	5,000.00	0.00	100%	Prima Scape Ent	03-Siap	13/3/2008

Bil	No. Fail/Tarikh Waran/S.Kuasa	No. Surat Kuasa KADUN	Nama Dan No. Projek	Jenis Projek	Peruntukan (RM)	Pesanan Kerajaan, Inden Kerja		Baki (RM)	Peratus Perbelanjaan	Nama Pembekal /Kontraktor	Kemajuan Fizikal	Tarikh Baucer Disediakan
						Tarikh	Nilai					
20	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal Peralatan Sukan untuk Puspanita Kepala Batas.	03-Bekalan	3,000.00	L080280000116 28/2/2008	3,000.00	0.00	100%	Prima Scape Ent	03-Siap	13/3/2008
21	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal pakaian mentara untuk persatuan Belia Kadun Bertam	03-Bekalan	5,000.00	L080280000112 28/2/2008	5,000.00	0.00	100%	Prima Scape Ent	03-Siap	13/3/2008
22	PDSPU4/P/288	SK24/22208 13/2/2008	Membekal peralatan sukan untuk persatuan Belia Kadun Bertam	03-Bekalan	3,000.00	L080280000163 13/3/2008	3,000.00	0.00	100%	Perniagaan Usaha Padu	03-Siap	28/3/2008
23	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal pakaian mentara untuk Beliawanis Kadun Bertam	03-Bekalan	5,000.00	L080280000203 13/3/2008	5,000.00	0.00	100%	Koperasi Warisan Muda Kepala Batas	03-Siap	31/3/2008
24	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal pakaian mentara untuk Belia Kadun bertam	03-Bekalan	5,000.00	L080280000170 13/3/2008	5,000.00	0.00	100%	Koperasi Warisan Muda Kepala Batas	03-Siap	31/3/2008
25	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal alatan Sukan untuk Beliawanis Kaun Bertam	03-Bekalan	5,000.00	L080280000230 21/3/2008	5,000.00	0.00	100%	Prima Scape Ent	03-Siap	28/4/2008
26	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal alatan Sukan untuk Belia Kadun Bertam	03-Bekalan	5,000.00	L080280000108 13/3/2008	5,000.00	0.00	100%	Koperasi Warisan Muda Kepala Batas	03-Siap	8/4/2008
27	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal kanopi/bangku Dewan Orang Ramai Pmtg. Manggis.	03-Bekalan	5,000.00	LI802800000106 13/3/2008	5,000.00	0.00	100%	Prima Scape Ent	03-Siap	21/3/2008
28	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal alatulis untuk Persatuan Belia Kepala Batas.	03-Bekalan	5,000.00	L080280000164 13/3/2008	5,000.00	0.00	100%	Koperasi Warisan Muda Kepala Batas	03-Siap	31/3/2008
29	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal hamper untuk Orang susuh kaum melayu Kepala Batas.	03-Bekalan	5,000.00	L080280000175 13/3/2008	5,000.00	0.00	100%	Koperasi Warisan Muda Kepala Batas	03-Siap	31/3/2008
30	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal hamper untuk orang susah kaum India Kadun Bertam	03-Bekalan	5,000.00	L080280000229 21/3/2008	5,000.00	0.00	100%	Koperasi Warisan Muda Kepala Batas	03-Siap	31/3/2008
31	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal komputer untuk Dewan Orang ramai Kepala Batas.	03-Bekalan	5,000.00	L080280000186 13/3/2008	5,000.00	0.00	100%	UC Square Sdn. BHd	03-Siap	26/3/2008
32	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal kamera digital untuk Persatuan Belia Kepala Batas	03-Bekalan	5,000.00	L080280000185 13/3/2008	5,000.00	0.00	100%	UC Square Sdn. BHd	03-Siap	26/3/2008
33	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal pingganmangkuk untuk Surau Kadun Bertam.	03-Bekalan	5,000.00	L08028000109 28/2/2008	5,000.00	0.00	100%	Prima Scape Ent	03-Siap	21/3/2008
34	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal paralatan Sekolah untuk anak-anak Orang susuh Kadun Bertam.	03-Bekalan	5,000.00	L080280000171 28/2/2008	5,000.00	0.00	100%	Koperasi Warisan Muda Kepala Batas	03-Siap	31/3/2008
35	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal kanopi untuk Dewan Kampong Tersusun Kepala Batas.	03-Bekalan	5,000.00	L080280000110 28/2/2008	5,000.00	0.00	100%	Prima Scape Ent	03-Siap	21/3/2008
36	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal PA Sistem untuk Dewan Oang ramai Pmtg. Manggis.	03-Bekalan	5,000.00	L080280000116 13/3/2008	5,000.00	0.00	100%	NZS Vunture	03-Siap	25/3//2008

Bil	No. Fail/Tarikh Waran/S.Kuasa	No. Surat Kuasa KADUN	Nama Dan No. Projek	Jenis Projek	Peruntukan (RM)	Pesanan Kerajaan, Inden Kerja		Baki (RM)	Peratus Perbelanjaan	Nama Pembekal /Kontraktor	Kemajuan Fizikal	Tarikh Baucer Disediakan
						Tarikh	Nilai					
37	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal Jessy bola untuk persatuan Belia dalamKadun Bertam	03-Bekalan	5,000.00	L080280000108 28/2//2008	5,000.00	0.00	100%	Prima Scape Ent	03-Siap	21/3/2008
38	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal habuk batu untuk JKKK Kawasan Kepala Batas	03-Bekalan	5,000.00	L080280000136 4/3/2008	4,992.00	8.00	100%	Perniagaan Jalil & Keluarga	03-Siap	1/4/2008
39	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal habuk batu untuk JKKK Pmtg. Serdang.	03-Bekalan	5,000.00	L080280000135 4/3/2008	4,992.00	8.00	100%	Perniagaan Jalil & Keluarga	03-Siap	1/4/2008
40	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal habuk batu untuk JKKK Permatang Sintok	03-Bekalan	5,000.00	L080280000255 25/3/2008	4,995.00	5.00	100%	Perniagaan Jalil & Keluarga	03-Siap	5/4/2008
41	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Membekal habuk batu untuk Kawasan Permatang Manggis	03-Bekalan	5,000.00	L080280000137 137	4,992.00	8.00	100%	Perniagaan Jalil & Keluarga	03-Siap	1/4/2008
42	PDSPU4/P/288	SK25/22208 13/2/2008 (TAMBAHAN)	Menebang Pokok Merbahaya dalam kawasan Kadun Bertam	03-Bekalan	5,000.00	PT 3/30/2008 22/2/2008	5,000.00	0.00	100%	Jubiha Enterprise	03-Siap	22/8/2008
					200,000.00		199,971.00	29.00	100%			

PERUNTUKAN : 200,000.00
PERBELANJAAN : 199,971.00
BAKI : 29.00
% KEWANGAN : 100%
% FIZIKAL : 100%
JUMLAH PROJEK : 42

LAPORAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2008

NAMA PROJEK: **ADUN BERTAM**
DAERAH: **SEBERANG PERAI UTARA**
TARIKH: **2008**

Bil	No. Fail/Tarikh Waran/S.Kuasa	No. Surat Kuasa KADUN	Nama Dan No. Projek	Jenis Projek	Peruntukan (RM)	Pesanan Kerajaan, Inden Kerja		Baki (RM)	Peratus Perbelanjaan	Nama Pembekal /Kontraktor	Kemajuan Fizikal	Tarikh Baucer Disediakan
						Tarikh	Nilai					
1	PDSPU 4/P/207 (B)	SKPD 009 P0508D041020 10035 (Biasa)	Kejohanan Futsal Liga Komuniti KADUN Bertam 2008	03-Bekalan	10,000.00	AA 883662 27/5/2008	10,000.00	-		Prima Scape Ent.	03-Siap	17/6/2008
2	PDSPU 4/P/207 (B)	SKPD024 P05080041020 10087 (Biasa)	Permohonan bantuan alat muzik kepada Kelab Bell Belia Tamil Kepala Batas.	03-Bekalan	24,200.00	AA883677 25/6/2008	24,200.00	-		Sound City Musical Supplies	03-Siap	12/7/2008
3	PDSPU 4/P/207 (B)	SKPD024 P0508D0412010 0088 (Biasa)	Mohon Pemasangan Sistem Pembesar Suara di Surau Permatang Pak Maras	03-Bekalan	9,880.00	AA883680 18/7/2008	9,880.00	0.00		NZS Venture	03-Siap	28/7/2008
4	PDSPU 4/P/207 (B)	SKPD032 P0608D041020 10103 (Biasa)	Memohon Peralatan bagi Pusat Khidmat Bakti Kaum India	03-Bekalan	6,890.00	AA883678 14.7.2008	6,890.00	0.00		Dunia Harum Ent	03-Siap	21/7/2008
5	PDSPU 4/P/207 (B)	SKPD032 P0608D041020 10104 (Biasa)	Permohonan 2 buah khemah kenduri bersama 20 set kerusi meja untuk Persatuan Nelayan Kawasan , Unit Telok Air Tawar	03-Bekalan	12,000.00	AA883679 14/7/2008	12,000.00	0.00		Ablfabawi Enterprise	03-Siap	21/7/2008
6	PDSPU 4/P/207 (B)	SKPD088 P0708D041020 10259 (Biasa)	Membina Mini Tar sepanjang 74 meter di Kampung Permatang Bertam	02-Infra	15,000.00	PT3/51/2008 31/7/2008	14,900.00	100.00		Rihaz Jaya Enterprise	03-Siap	
7	PDSPU 4/P/207 (B)	SKPD088 P0708D041020 10260 (Biasa)	Membina Jalan Mini Tar Baru di Kampung Permatang Bertam Sepanjang 80 Meter.	02-Infra	15,000.00	PT3/52/2008 31/7/2008	14,960.00	40.00		Metrik Link Construcrion	03-Siap	
8	PDSPU 4/P/207 (B)	SKPD088 P07084041020 10264 (Biasa)	Penurapan Semula Mini Tar Sepanjang 380 Meter di Kampung Datok	02-Infra	20,000.00	PT3/53/2008 31/7/2008	20,000.00	0.00		S & R Bina Enterprise	03-Siap	
9	PDSPU 4/P/207 (B)	SKPD 127 P0908DN0410 2010361 (Biasa)	Permohonan Sumbangan Membeli Pakaian Peralatan Sukan Kelab Sukan Seri Bertam	03-Bekalan	2,000.00	AA 883689 26/9/2008	2,000.00	0.00		Karma Gemilang Ent.	03-Siap	

PERUNTUKAN : 200,000.00
PERBELANJAAN : 0.00
BAKI : 0.00
% KEWANGAN : 0%
% FIZIKAL : 100%
JUMLAH PROJEK : 9

LAPORAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2009

NAMA PROJEK: **ADUN BERTAM**
DAERAH: **SEBERANG PERAI UTARA**
TARIKH:

Bil	No. Fail/Tarikh Waran/S.Kuasa	No. Surat Kuasa KADUN	Nama Dan No. Projek	Jenis Projek	Peruntukan (RM)	Pesanan Kerajaan, Inden Kerja		Baki (RM)	Peratus Perbelanjaan	Nama Pembekal /Kontraktor	Kemajuan Fizikal	Tarikh Baucer Disediakan
						Tarikh	Nilai					
1	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membina longkang Malaria 2 kaki panjang 150 metar di Kg. Pmtg. Kuang, SPU	02-Infra	12,000.00	PT3/6/2009 7/5/2009	12,000.00	0.00	100%	Nas Dinar Ent.	03-Siap	12/6/2009
2	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membekal hamper kepada Warga Tua DUN Bertam	03-Bekalan	865.00	L090280000277 22/7/2009	865.00	0.00	100%	Asas Dinamik Ent	02-Dlm Proses	
3	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membekal hamper kepada Fakir Miskin di DUN Bertam	03-Bekalan	4,950.00	L090280000249 8/7/2009	4,950.00	0.00	100%	Asas Dinamik Ent.	02-Dlm Proses	
4	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membekal khemah, meja dan kerusi untuk Dewan Orang Ramai Surau taman Kuala Bekah	03-Bekalan	4,410.00	L090280000120 24/4/2009	4,410.00	0.00	100%	Bertam Reka Const.	03-Siap	30/7/2009
5	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membekal 1 Komputer, prsisian microsoff, HP Desk Jet All In One Priner untuk JKKK Permatang Serdang Dewan Orang Ramai Dato' Hj.Abdullah Fahim.	03-Bekalan	4,175.00	L090280000180 25/5/09	4,175.00	0.00	100%	RML Computer Sdn. Bhd.	03-Siap	23/7/2009
6	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membekal Khemah, Meja dan Kerusi untuk Khariah Permatang Kuang 1	03-Bekalan	4,560.00	L090280000117 24/4/2009	4,560.00	0.00	100%	Bertam Reka Const.	02-Dlm Proses	
7	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membekal khemah, meja dan kerusi untuk khariah Permatang Benggali	03-Bekalan	4,560.00	L090280000096 22/4/2009	4,560.00	0.00	100%	Cain Husain Trading	03-Siap	22/6/2009
8	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membekal khemah, meja dan kerusi untuk Persatuan Cina Permatang Sintok 1	03-Bekalan	4,560.00	L090280000119 24.4.2009	4,560.00	0.00	100%	Usaha Bina Jaya	02-Dlm Proses	
9	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membekal Khemah, Meja dan Kerusi untuk Surau Permatang Pak Maras 1	03-Bekalan	4,560.00	L090280000122 24/4/2009	4,560.00	0.00	100%	Usaha Bina Jaya	03-Siap	30/7/2009
10	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membekal Khemah, Meja dan Kerusi untuk Dewan Orang Ramai Surau Kampubng Baru 1.	03-Bekalan	4,560.00	L090280000181 25/5/2009	4,560.00	0.00	100%	Sunanul Huda Ent	03-Siap	2/7/2009
11	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membekal Khemah, meja dan kerusi untuk Dewan Orang Ramai Persatuan Cina Permatang Sintok	03-Bekalan	4,560.00	L090280000118 24/5/2009	4,560.00	0.00	100%	Era Inspirasi Ent.	03-Siap	22/6/2009
12	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membekal Khemah, meja dan kerusi untuk Dewan Orang Ramai Surau Kampung Baru	03-Bekalan	4,560.00	L090280000182 25/5/2009	4,560.00	0.00	100%	Sunanul Huda Ent	02-Dlm Proses	
13	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membekal Khemah, meja dan kerusi untuk Dewan Orang Ramai Surau Permatang Pak Maras	03-Bekalan	4,560.00	L090280000123 24/4/2009	4,560.00	0.00	100%	Era Inspirasi Ent.	03-Siap	30/7/2009

Bil	No. Fail/Tarikh Waran/S.Kuasa	No. Surat Kuasa KADUN	Nama Dan No. Projek	Jenis Projek	Peruntukan (RM)	Pesanan Kerajaan, Inden Kerja Tarikh	 Nilai	Baki (RM)	Peratus Perbelanjaan	Nama Pembekal /Kontraktor	Kemajuan Fizikal	Tarikh Baucer Disediakan
14	PDSPU4/P/288	W0816187 19/3/2009	Membekal Vest kepada Unit Ehsan Pulau Pinang Cawangan Kepala Batas.	03-Bekalan	1,177.00	L090280000278 22/7/2009	1,177.00	0.00	100%	Prima Scape Ent.	02-Dlm Proses	
15								0.00	#DIV/0!			
16								0.00	#DIV/0!			
17								0.00	#DIV/0!			
18								0.00	#DIV/0!			
19								0.00	#DIV/0!			
20								0.00	#DIV/0!			
21								0.00	#DIV/0!			
22								0.00	#DIV/0!			
23								0.00	#DIV/0!			
24								0.00	#DIV/0!			
25								0.00	#DIV/0!			
26								0.00	#DIV/0!			
27								0.00	#DIV/0!			
28								0.00	#DIV/0!			
29								0.00	#DIV/0!			
30								0.00	#DIV/0!			
					64,057.00		64,057.00	0.00	100%			

PERUNTUKAN : 64,057.00
PERBELANJAAN : 64,057.00
BAKI : 0.00
% KEWANGAN : 100%
% FIZIKAL : 100%
JUMLAH PROJEK : 30

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah rancangan kerajaan negeri dalam menggalakkan perdagangan antarabangsa dalam tempoh masa lima tahun ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bagi menggalakkan perdagangan antarabangsa dalam tempoh masa lima tahun ini, kerajaan negeri telah membuat pelbagai perancangan terutamanya dalam aspek meningkatkan daya saing produk-produk Pulau Pinang di pasaran antarabangsa dan juga memperkukuhkan kedudukan eksport di pasaran rakan dagang tradisi seperti China, Jepun, Amerika Syarikat, dan Eropah. Antara perancangan yang dibuat ialah seperti berikut:-

   (a) menganjurkan lebih banyak misi - misi perdagangan dan pelaburan ke luar negara;

   (b) menganjurkan lebih banyak rombongan pembeli dari negara-negara tertentu *(inbound mission);*

   (c) meningkatkan penyertaan dalam pameran perdagangan antarabangsa;

   (d) menganjurkan pameran peringkat antarabangsa di Pulau Pinang untuk mempromosikan bidang-bidang tertentu seperti produk halal, perabot dan sebagainya;

   (e) meningkatkan kecekapan sistem penyampaian untuk mengurangkan kos perniagaan; dan

   (f) sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan dalam usaha menawarkan pelbagai insentif yang lebih menarik dan kompetitif kepada pelabur-pelabur luar.

   Kerajaan negeri juga kini berusaha gigih untuk memanfaatkan hubungan dua-hala dengan negara-negara yang terlibat dengan Pembangunan Wilayah Segi tiga iaitu Indonesia-Malaysia-Thailand *(IMT-GT Growth Triangle).* Ini akan memberi peluang kepada usahawan tempatan untuk menerokai pasaran di Indonesia dan Thailand dan sekali gus dapat mempertingkat dan menggalakkan perdagangan antarabangsa.

   Penyertaan kerajaan negeri setiap tahun dalam Pekan Raya Sumatera Utara (Medan Fair) merupakan usaha kerajaan negeri dalam menggalakkan perdagangan antarabangsa. Melalui program ini, ianya secara langsung dapat mempromosikan produk-produk usahawan negeri Pulau Pinang di peringkat antarabangsa di samping mewujudkan jalinan kerjasama erat di antara usahawan-usahawan Pulau Pinang dengan usahawan-usahawan Sumatera Utara.

   Baru-baru ini juga kerajaan negeri melalui investPenang telah menganjurkan Misi Perniagaan dan Pelaburan ke Songkhla, Thailand pada 13 - 14 Mei 2009. Objektif misi ini ialah untuk menerokai peluang perniagaan dan pelaburan di samping mewujudkan jalinan kerjasama erat di antara Songkhla dan Pulau Pinang. Melalui misi ini dapat menarik komuniti perniagaan Thailand ke Pulau Pinang dan sekali gus dapat meningkatkan perdagangan antara kedua-dua negara. Dalam perancangan jangka masa panjang, kerajaan negeri ialah mengadakan sesi-sesi dialog perniagaan *(business dialogues)* dengan ahli-ahli perniagaan serantau.

   Selain daripada itu, kerajaan negeri juga sentiasa memantau akan perkembangan yang berlaku di bidang perdagangan antarabangsa berikutan daripada globalisasi dan liberalisasi perdagangan serta kesan pelaksanaan Perjanjian Perdagangan Bebas *(Free Trade Agreement* – FTA) yang ditandatangani di antara rakan-rakan perdagangan Malaysia dengan negara asing.

Dari segi meningkatkan pelabuhan, kerajaan negeri melalui Jabatan Kastam DiRaja Malaysia melaksanakan dasar Kerajaan yang ditetapkan seperti Dasar Percukaian Tidak Langsung Negara iaitu:

(a) Memperluas dan menggalakkan sektor perdagangan melalui Sistem Pengikraran Kastam secara *paperless* bagi seluruh aktiviti import/eksport di stesen-stesen Kastam di Pulau Pinang sekali gus merealisasikan Sistem *Nasional Single Window (NSW),* dan

(b) Merangsang pelaksanaan Sistem Penyerahan Muatan Kapal dikenali sebagai e-manifest yang akan digunakan oleh agen perkapalan bagi melaporkan Daftar Muatan Masuk (DMM) dan Daftar Muatan Keluar (DMK).

Melalui pelaksanaan kedua-dua sistem ini dalam tempoh lima tahun ini akan menggalakkan perdagangan antarabangsa kerana urusan pelepasan barangan dari pelabuhan dapat dilakukan dalam tempoh masa singkat serta lebih cekap.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah rancangan kerajaan negeri dalam memperkembangkan perdagangan domestik dalam tempoh masa lima tahun ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Pelbagai rancangan telah dirangka oleh kerajaan negeri untuk membangunkan perdagangan domestik dalam tempoh masa lima tahun iaitu seperti berikut;

(i) Membangunkan negeri Pulau Pinang sebagai Hab Halal melalui;

(a) Pembangunan dan penyediaan prasarana dan infrastruktur di Taman Perindustrian Halal di Bukit Minyak;

(b) Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui seminar dan program-program latihan; dan

(c) Menyediakan jaringan perniagaan dan perdagangan melalui pameran dan Expo perdagangan dan perindustrian seperti Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) dan World Halal Expo.

(ii) Memperkukuhkan kerjasama Indonesia Malaysia Thailand-Golden Triangle (IMT-GT) dalam mempertingkatkan potensi perniagaan perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) dari Malaysia, Thailand dan Indonesia menerusi jaringan perdagangan dan pemadanan perniagaan, seperti berikut;

(a) Medan Fair;
(b) Delegasi Perdagangan ke Banda Aceh;
(c) Kunjungan hormat Bupati Aceh Utara;
(d) Penang Halal Hub Program di Bangkok; dan
(e) IMT-GT Trade Fair di Hatyai, Songkhla
(f) Acara Menandatangani Persetujuan Kerjasama Penganjuran Siri Pameran Hartanah Pulau Pinang di Medan, Sumatera Utara.

(iii) Melaksanakan Promosi Perdagangan dan Industri seperti berikut;

(a) Membangunkan dan menyediakan prasarana dan infrastruktur seperti *SME Resources Centre*;

b) Mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui seminar dan program-program latihan, seperti berikut;

- Bengkel Perniagaan Kepada Usahawan Pulau Pinang;
- Seminar *Doing Business* di Dubai, China dan India;
- Seminar *TradeMechanism in Algriculture and Forest Products*;
- Seminar *Growing and Transforming Asean Companies-Making Asean Companies More Competitive*;
- Seminar *Small Medium Enterprise (SME) Bank-Nurturing and Securing the Financial Needs of SMES*;
- Seminar *Innovative Culture-Market Tools for Success;*

(c) Menyediakan jaringan perniagaan dan perdagangan melalui pameran dan expo perdagangan dan perindustrian seperti Penang Trade Show.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8 Baru-baru ini kerajaan negeri melafazkan hasrat untuk mengambil alih operasi pelabuhan dan terminal feri daripada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) dan Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB), apakah rancangannya.

(a) Berapakah jumlah kos yang terlibat sekiranya ada untuk tujuan pengambilan alih tersebut.

(b) Sama ada operator swasta akan dilantik secara tender terbuka untuk menguruskan pelabuhan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan negeri telah menulis surat kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) menyatakan cadangan bagi mengambil alih perkhidmatan Feri Pulau Pinang. Cadangan pengambilalihan ini selaras dengan usaha kerajaan negeri untuk memastikan perkhidmatan feri ini terus menjadi ikon negeri Pulau Pinang di samping meringankan beban kerugian Penang Port Sdn Bhd (PPSB).

(a) Kos yang terlibat tidak dapat ditentukan lagi kerana perkara ini perlu dibincangkan bersama dengan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) dan Kementerian Pengangkutan.

(b) Perkara berkaitan operator yang akan mengendalikan dan mengurus pelabuhan dan perkhidmatan feri ini perlu dibincangkan selanjutnya bersama-sama dengan Kementerian Pengangkutan dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9.. Sila jelaskan rancangan kerajaan negeri dalam mempertingkatkan pengangkutan awam di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan negeri telah mengambil inisiatif bagi mempertingkatkan mutu pengangkutan awam di Pulau Pinang. Antaranya ialah penubuhan Majlis Pengangkutan Negeri yang akan bertanggungjawab merancang pengurusan lalu lintas dan pengangkutan awam yang lebih efisien di Pulau Pinang. Antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri bagi mempertingkatkan pengangkutan awam di Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

(a) Perkhidmatan Bas Awam

Kerajaan negeri berusaha menyediakan pelbagai kemudahan untuk menjayakan perkhidmatan Rapid Penang Sdn. Bhd. di Pulau Pinang. Jumlah yang beroperasi kini adalah sebanyak 150 buah bas dan sejumlah 200 buah bas lagi akan ditambah secara berperingkat dari bulan Jun 2009 hingga Disember 2009. Ini menjadikan jumlah keseluruhan 350 buah bas Rapid Penang yang akan beroperasi di Pulau Pinang. Pertambahan jumlah bas ini akan meningkatkan kekerapan ketibaan bas dan sekali gus menggalakkan pengguna untuk menggunakan pengangkutan awam.

(b) Perkhidmatan Bas CAT (Central Area Transit)

Kerajaan negeri juga telah menyediakan perkhidmatan Bas CAT (Central Area Transit) di pusat bandar George Town pada 23 Januari 2009. Tujuan penyediaan perkhidmatan ini adalah untuk menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam di samping mengurangkan kesesakan di pusat bandar. Perkhidmatan Bas CAT akan diperluaskan sekiranya difikirkan perlu untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam.

(c) Kemudahan Infrastruktur Pengangkutan Awam

Kerajaan negeri berusaha menambah baik sistem pengangkutan awam dan meningkatkan kemudahan pengangkutan awam sedia ada iaitu terminal bas awam, perhentian bas dan teksi berbumbung, hentian sebelah untuk bas dan teksi, paparan maklumat kepada pengguna serta hub pengangkutan awam.

(d) Stesen *Compressed Natural Gas* (CNG)

Mengenal pasti tapak-tapak untuk pembinaan stesen *Compressed Natural Gas* (CNG) terutama sekali untuk teksi dan kenderaan pengangkutan awam. Pada masa sekarang, terdapat lima (5) stesen minyak di Seberang Perai yang mempunyai kemudahan CNG dan tindakan sedang diambil untuk membina stesen CNG di bahagian pulau, Pulau Pinang. Dengan kemudahan ini, pengusaha perkhidmatan pengangkutan awam dapat menjimatkan kos yang dapat disalurkan semula untuk menambah baik perkhidmatan dan mengurangkan tambang. Melalui penyediaan kemudahan CNG, kerajaan negeri berharap sistem teksi bermeter dapat diperkenalkan.

(e) Kerjasama dengan Kerajaan Pusat.

Kerajaan negeri sentiasa mengadakan rundingan dan dialog dengan Kerajaan Pusat ke arah mencari penyelesaian bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan berusaha untuk meningkatkan sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang.

(f) Penguatkuasaan

Mengadakan larangan, mengeluarkan petak letak kenderaan di tepi jalan serta meningkatkan penguatkuasaan. Tindakan ini adalah selaras dengan rancangan masa hadapan memberi keutamaan kepada laluan pengangkutan awam serta mewujudkan lorong bas.

(g) Laluan Pejalan Kaki

Membina, meluaskan dan menambah baik laluan pejalan kaki termasuk penyediaan kemudahan orang kurang upaya dan berusia untuk menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam dan berjalan kaki. Di samping itu, tindakan seperti mengasingkan laluan pejalan kaki dengan kenderaan, meningkatkan pencahayaan serta memasang CCTV telah dipertingkatkan selaras dengan pewujudan Bandar Selamat.

(h) Proses Peralihan Daripada Penggunaan Kenderaan Persendirian Kepada Pengangkutan Awam.

Mewujudkan satu proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam. Dalam jangka masa sederhana dan panjang kerajaan negeri sedang meneliti kesesuaian mengadakan kawalan, larangan dan sekatan untuk mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian *(traffic restraint measures)* terutama sekali di kawasan pusat bandar.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengurangkan birokrasi dan/atau *"red tape"* dalam pemprosesan pelbagai permohonan di PBT.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10 Di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengurangkan birokrasi atau *"red tape"* dalam pemprosesan pelbagai permohonan pembangunan tanah di PBT mulai 13 Jun 2007, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mematuhi pelaksanaan Pusat Setempat bagi cadangan pemajuan. Melalui pelaksanaan ini, Pusat Setempat telah diwujudkan yang berperanan:-

(a) Menyelaras dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan kebenaran merancang, pelan bangunan, pelan kejuruteraan dan pembangunan tanah.

(b) Memudahkan cara memproses permohonan dengan mematuhi carta alir mekanisme memproses permohonan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri.

(c) Menyeragamkan prosedur dan proses permohonan-permohonan pembangunan.

Selain itu, bagi memudah serta mengurangkan birokrasi dalam pemprosesan lesen, MPSP mewujudkan Mesyuarat Pusat Sehenti yang dianggotai oleh semua jabatan. Proses ini bertujuan mempercepatkan permohonan lesen baru diluluskan. Di samping itu, MPSP juga telah meringkaskan proses yang berkaitan dengan permohonan pelan tambahan/pindaan kecil skim rumah kediaman dan juga telah mempercepatkan proses memberi maklum balas aduan daripada 14 hari kepada 10 hari bekerja.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sentiasa menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan dari semasa ke semasa bagi mengurangkan birokrasi dan/atau *'red tape'* dalam memproses permohonan-permohonan.

Di antara langkah-langkah yang diambil mempunyai tempoh masa yang ditetapkan untuk memberi ulasan teknikal dan telah ada tempoh dinyatakan secara khusus untuk MPPP membuat satu keputusan terhadap sesuatu permohonan itu seperti berikut:-

(a) Permohonan kebenaran merancang bagi kaedah Bina Kemudian Jual (BKJ), Projek Impak Tinggi, Pelaburan Asing dan Projek Kerajaan sama ada secara serentak/berasingan akan diproses dan diputuskan dalam tempoh empat (4) bulan.

(b) Permohonan kebenaran merancang bagi kaedah Jual Kemudian Bina (JKB) sama Ada secara serentak/berasingan akan diproses dan diputuskan dalam tempoh empat (6) bulan.

(c) Permohonan untuk kelulusan Pelan Pecah Sempadan, Penyerahan dan Pemberimilikan Semula diproses dan diluluskan dalam tempoh empat (4) bulan bagi Bina Kemudian Jual (BKJ) dan enam bulan bagi Jual Kemudian Bina (JKB).

(d) Permohonan untuk kelulusan pelan landskap yang dikemukakan kepada Jawatankuasa *One Stop Centre* (OSC) akan diputuskan dalam tempoh satu (1) bulan.

(e) Perakuan bagi Sijil Kelayakan Menduduki akan dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja.

(f) Ulasan/pandangan teknikal dikemukakan dalam tempoh empat belas (14) hari.

(g) Menyediakan baucar bayaran dan menyampaikannya kepada Jabatan Perbendaharaan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan invois.

(h) Aduan yang diterima akan diambil tindakan dalam tempoh dua (2) atau tujuh (7) hari.

Di samping itu, untuk memastikan keutuhan dan ketelusan pengurusan PBT terus mantap melalui amalan konsep C.A.T. *Competency, Accountability & Transparency*, MPPP telah mengambil pendekatan berikut:

(a) Penerapan nilai-nilai murni melalui kaedah pendidikan untuk meningkatkan pengetahuan, kesedaran dan integriti dan menangani rasuah. Dalam hal ini, Majlis telah mengelolakan Kursus Pengubahan Sikap, Sesi Orientasi Ahli Majlis serta Bengkel dan Forum Integriti bagi pegawai dan semua peringkat anggota;

(b) Melaksanakan pembaharuan prosedur kerja serta mengesan dan mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam tatacara kerja. Ini bertujuan mempertingkatkan lagi tahap kecekapan supaya dapat menutup ruang dan peluang ke arah berlakunya amalan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Majlis juga telah mengkaji semula piagam pelanggan setiap jabatan, menubuhkan Urus setia Pusat Setempat (OSC), memperkenalkan *Key Performance Indicators* (KPI) untuk semua proses utama serta mengkaji semula sistem bayaran dan pemantauan terhadap kontraktor-kontraktor Majlis;

(a) Meningkatkan perkhidmatan kepada pelanggan melalui projek seperti kaunter bersepadu bagi pembayaran bil setempat, jendela pelanggan, memanjangkan masa perkhidmatan kaunter kepada orang awam, peti cadangan*, infokiosk, road show* dan sebagainya;

(b) Meningkatkan aplikasi ICT di pentadbiran MPPP seperti pewujudan e-bayaran, Sistem Aduan Berkomputer, Sistem Pengurusan Maklumat Lesen (e-lesen) dan Laman Web.

(c) Menstrukturkan semula carta organisasi bagi setiap jabatan di PBT dan memastikan tugas-tugas serta kawasan pegawai diagihkan semula untuk mengelakkan aktiviti rasuah dan penyelewengan kuasa;

(d) Mengadakan taklimat kepada semua anggota Majlis tentang kesedaran dan kefahaman mengenai kompetensi, akauntabiliti dan transparensi dalam perkhidmatan awam; dan

(e) Memantau pelaksanaan setiap program/aktiviti sepanjang tahun. Pengurusan Lembaga Kenaikan Pangkat dan Tatatertib akan dijadikan asas untuk memastikan segala arahan yang diterapkan dalam C.A.T. dilaksanakan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Adakah kerajaan negeri bersedia mewujudkan satu anugerah khasnya untuk atlet dan artis.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Bagi memastikan setiap atlet terus menyerlah, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah mewujudkan satu anugerah khas iaitu Anugerah Atlet Cemerlang Negeri Pulau Pinang di mana mereka yang cemerlang terutamanya daripada atlet-atlet muda akan menerima anugerah ini.

Selain daripada itu, kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang akan memberi pengiktirafan kepada mereka di dalam Majlis Anugerah Sukan Negeri sebagai menghargai jasa, sumbangan dan pencapaian oleh atlet-atlet yang gemilang dalam sukan di negeri Pulau Pinang. Anugerah-anugerah yang diberikan adalah seperti berikut:

(i) Anugerah T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri;

(ii) Anugerah Olahragawan & Olahragawati;

(iii) Anugerah Atlet Cemerlang Negeri (Lelaki dan Wanita);

(iv) Anugerah Pasukan Terbaik (Lelaki & Wanita);

(v) Anugerah Tokoh Pemimpin Sukan;

(vi) Anugerah Jurulatih Terbaik; dan

(vii) Anugerah Olahragawan & Olahragawati Paralimpik. Pada masa ini, kerajaan negeri tiada cadangan untuk mewujudkan anugerah khas untuk artis.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah kerajaan negeri bersedia menubuhkan satu lembaga atau badan perumahan untuk menguruskan penyewaan/pembelian rumah PPR dan rumah kos rendah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk menubuhkan Lembaga Perumahan bagi memantapkan lagi sistem pengurusan perumahan negeri termasuk pengurusan penyewaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan pembelian rumah kos rendah. Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) dalam proses mendapatkan maklumat daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk mendapatkan model Lembaga Perumahan yang telah wujud. Di samping itu, Bahagian Perumahan juga telah mengadakan beberapa siri mesyuarat bagi membincangkan isu-isu penubuhan Lembaga Perumahan bersama beberapa jabatan dan unit berkaitan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Adakah Jabatan Taman Botani bersedia menggunakan *"trem"* dan pengangkutan yang menggunakan kuasa elektrik selaras dengan konsep hijau yang semakin popular.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Jabatan Taman Botani telah menggunakan perkhidmatan trem di dalam taman sejak bulan Mei 2009. Namun, pengangkutan lain yang menggunakan kuasa elektrik masih dalam penelitian dari segi kos penyediaan, penyelenggaraan dan operasi. Ada beberapa cadangan lain diperolehi seperti penggunaan SEGWAY. Namun demikian kos penyediaan kemudahan agak tinggi. Sekiranya terdapat rancangan pengangkutan yang menggunakan kuasa elektrik, murah dan seiring dengan konsep hijau, cadangan ini akan dikaji dan dipertimbangkan. Untuk makluman, operasi *tram* kini masih menggunakan petrol tanpa plumbum.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah kerajaan negeri bersedia membina satu pusat konvensyen untuk mempergiatkan lagi aktiviti perdagangan tempatan dan antarabangsa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri sememangnya merancang untuk membina satu pusat konvensyen untuk mempergiatkan lagi aktiviti perdagangan tempatan dan antarabangsa. Antaranya ialah merancang untuk mempertingkatkan keupayaan Pulau Pinang sebagai Pusat Persidangan dan Pameran Antarabangsa. Kerajaan negeri telah menerima beberapa kertas kerja bagi rancangan ini dari syarikat tempatan mahupun luar negara. Walau bagaimanapun, perancangan untuk mewujudkan pusat konvensyen ini sedang diteliti menerusi konsep perkongsian bijak melalui Pendekatan Inisiatif Pembiayaan Swasta.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Adakah kerajaan negeri bersedia menambahkan tempat pelancongan dan/atau pengangkutan untuk membawa pelancong asing (musafir) melawati tempat-tempat bersejarah memandangkan Pulau Pinang telah dinobatkan sebagai satu tapak warisan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan negeri bersedia menambahkan lagi tempat-tempat pelancongan dan pengangkutan untuk membawa pelancong-pelancong asing melawat tempat-tempat bersejarah di Pulau Pinang terutamanya di Bandar George Town yang telah dinobatkan sebagai Tapak Warisan Dunia. Kerajaan negeri bercadang untuk menyediakan lebih banyak van pelancong untuk membawa para pelancong melawat di sekitar Pulau Pinang terutama sekali ke kawasan yang telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia. Kerajaan sangat komited dalam mempromosikan Tapak Warisan Dunia George Town serta produk-produk pelancongan lain demi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai nilai-nilai keaslian tapak *(outstanding universal value)* yang perlu dipulihara dan dikekalkan serta keunikan tempat-tempat pelancongan lain yang terdapat di Pulau Pinang.

Penarik beca turut dilibatkan dalam program membawa pelancong serta ejen pelancongan melawat ke kawasan warisan di sekitar Bandar George Town yang telah sebagai Tapak Warisan Dunia. Kerajaan negeri juga bersedia menambahkan perkhidmatan beca untuk mengangkut para pelancong bagi melawat tempat-tempat bersejarah serta lokasi-lokasi pelancongan lain yang terdapat di negeri ini. Usaha ini menunjukkan komitmen kerajaan negeri dan usaha meningkatkan industri pelancongan negeri selain membantu golongan penarik beca untuk menambahkan hasil pendapatan mereka.

Di samping itu, sebagai usaha untuk menambahkan tempat pelancongan di negeri ini, sebahagian daripada kawasan Pulau Jerejak seluas lebih kurang 295 hektar dalam proses untuk diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal dan akan dikelaskan sebagai Hutan Taman Negeri. Kawasan ini kelak berpotensi untuk dijadikan satu lagi produk ekopelancongan yang akan diuruskan dengan mampan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang.

Kerajaan negeri turut mewujudkan tapak pelancongan eko di Taman Negeri Bukit Panchor, Taman Rimba Bukit Mertajam, Taman Rimba Telok Bahang, Anjung Indah Bukit Relau, Muzium Perhutanan Telok Bahang, dan denai hutan *"Penang Hill Challenge"* untuk menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke Pulau Pinang. Kerajaan negeri bersedia menambahkan tempat-tempat pelancongan baru di samping menaik taraf tempat-tempat pelancongan sedia ada untuk menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Adakah kerajaan negeri akan menyediakan tanah serta tempat parkir untuk para penjaja di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Mengikut amalan biasa MPPP, penyediaan pasar/kompleks penjaja dianggap sebagai kemudahan awam di mana keperluan untuk penyediaan tempat letak kereta akan diberi kelonggaran tertentu.

MPSP tidak menyediakan tanah serta tempat letak kereta untuk penjaja di Seberang Perai. Walau bagaimanapun, MPSP menyediakan ruang niaga di pasar-pasar awam dan kompleks makanan untuk para penjaja. Bagi membantu penjaja-penjaja, mereka yang berminat boleh hadir ke temu duga terbuka MPSP untuk mendapatkan ruang niaga bagi menjalankan perniagaan. Ruang niaga MPSP adalah seperti berikut :

JENIS RUANG NIAGA	**:**	**JUMLAH**
- PASAR	**:**	**3,588**
- KOMPLEKS	**:**	**1,629**

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Bilakah kerajaan negeri akan melaksanakan satu rancangan tindakan *(action plan)* untuk membersihkan seluruh Pulau Pinang khasnya tempat-tempat pelancongan dan awam.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menghadiri satu mesyuarat berhubung pelan tindakan pembersihan yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Chow Kon Yeow. Sehubungan itu, beberapa aktiviti telah dirancang seperti berikut:

(i) Projek gotong royong Perdana;

(ii) Projek gotong royong di taman perumahan;

(iii) Projek gotong di Kampung Tradisional;

(iv) Projek gotong royong di masjid; dan

(iv) Karnival kebersihan di pasar raya.

Pada masa kini, tindakan sedang diambil bagi menyediakan peruntukan untuk menjayakan kesemua aktiviti tersebut. MPPP telah menyediakan pelan tindakan untuk keseluruhan negeri Pulau Pinang (Pulau) seperti berikut:-

PELAN TINDAKAN PEMBERSIHAN MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG (MPPP) (ACTION PLANS)

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	KPI
(a)	Menggiatkan masyarakat dan ahli politik setempat dalam aktiviti pembersihan dan selia penguatkuasaan	- Operasi pemeriksaan tong dan tindakan undang-undang	Sekali seminggu 500 premis
		- Operasi anti-liter	Sekali seminggu
		- Ops bersepadu dengan jabatan-jabatan lain	Sebulan sekali
		- Ops Sinar	Seminggu sekali
		- Ops Combi	Selang 2 hari seminggu
		- Gotong-royong	Dari semasa ke semasa

(b)	Menyediakan tenaga kerja dan alat yang mencukupi untuk melaksanakan kerja-kerja asas pembersihan awam	-	Pengambilan tenaga kerja	6 bulan sekali
		-	Pembaikan	
		-	Pembelian alat-alat keperluan	
(c)	Memberi latihan-latihan yang perlu dan sesuai kepada kakitangan untuk meningkatkan prestasi kerja	-	Kursus, bengkel latihan yang berkaitan dengan pengurusan sisa-sisa pepejal dan pembersihan awam	6 bulan sekali
(d)	Tumpahan minyak	-	Pembersihan di Pantai	Apabila berlaku tumpahan minyak
(e)	Unit Tindakan Khas (Bencana)	-	*'On call'* semasa berlakunya bencana	On call Semasa ke semasa
(f)	Kitar Semula	-	Kempen Plastik *"reduction",* ceramah Kitar Semula dan program Kitar Semula Komputer terpakai	Semasa ke semasa

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Selain subsidi Kerajaan Pusat, adakah kerajaan negeri bersedia menghulurkan bantuan dari segi kewangan dan sebagainya kepada para petani.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Setakat ini, kerajaan negeri tidak bercadang untuk menyediakan peruntukan bantuan dalam bentuk kewangan kepada para petani tetapi bantuan yang disediakan adalah lebih berbentuk penganjuran Program Pembangunan Pertanian Negeri termasuklah pemberian Insentif Amalan Teknologi. Bentuk bantuan khidmat tersebut adalah seperti berikut:-

(1) Melalui Program Pembangunan Pertanian Negeri iaitu Pembangunan Industri Tanaman Makanan (padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman ladang), Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan (Industri Asas Tani), Pembangunan Lain-Lain Tanaman Ekonomi (cendawan, herba, vermikompos dan tanaman industri serta bunga-bungaan), Pembangunan Kawasan Kelapa, Pembangunan Sumber Manusia (latihan dan lawatan/pembangunan modal insan), Pembangunan Kelompok Tani, Pembangunan Petani Pelapis dan Pembangunan Aktiviti Jualan Terus (promosi dan pemasaran).

(2) Melalui Pemberian Insentif Amalan Teknologi merangkumi insentif berikut:

(a) Insentif Pembangunan Projek Tanaman berbentuk:

(i) Insentif infrastruktur ladang seperti pembersihan ladang dan perparitan;

(ii) Insentif input pertanian seperti baja dan racun; dan

(iii) Pinjaman peralatan bagi mekanisasi ladang seperti pam air, *cultivato*r dan lain-lain peralatan.

(b) Insentif Pembangunan Projek Industri Asas Tani berbentuk:

(i) Bantuan pembinaan dan menaiktarafkan bengkel;

(ii) Pinjaman peralatan atau mesin; dan

(iii) Insentif pembangunan produk seperti pembungkusan, pelabelan dan ujian *sensory.*

(c) Insentif Perkhidmatan Pengembangan Pertanian Kelompok dan Usahawan berbentuk:

(i) Khidmat nasihat teknikal dan pengurusan projek;

(ii) Latihan teknikal;

(iii) Petak demonstrasi;

(iv) Lawatan sambil belajar ke projek-projek yang berjaya;

(v) Insentif amalan teknologi pertanian;

(vi) Bimbingan pemasaran hasil pertanian;

(vii) Diagnostik tanaman;

(viii) Klinik pengembangan; dan

(ix) Pameran dan promosi produk.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Adakah kerajaan negeri mempunyai satu rancangan tindakan *(action plan)* untuk menangani masalah kekurangan tempat parkir.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (1) Tindakan kerajaan negeri yang mensyaratkan setiap pembangunan yang diberi kelulusan oleh kerajaan negeri setiap pemaju wajib mematuhi garis panduan penyediaan tempat letak kereta sedia ada yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri pada 26 Mei 2009 iaitu:

(i) Unit kos rendah

- 1 tempat letak kereta bagi 3 unit rumah kos rendah (kini)

- 1 tempat letak kereta bagi 4 unit rumah kos rendah (dahulu)

(ii) Unit kos sederhana rendah

- 3 tempat letak kereta bagi 4 unit rumah kos sederhana rendah (kini)

- 3 tempat letak kereta bagi 5 unit rumah kos sederhana rendah (dahulu)

(iii) Untuk unit-unit lain, keperluan tempat letak kereta adalah pada kadar 1 tempat letak kereta untuk satu unit rumah dengan tambahan 10% untuk pelawat.

(2) Sebagai tambahan pihak MPPP menyediakan:-

(i) Menyediakan 11,000 petak letak kereta tepi jalan *(on street parking)* setakat bulan Julai 2009;

On street parking - 8723 tempat letak kereta bertiket - 2277 tempat letak kereta bermeter

(ii) Menyediakan tempat letak kereta bertingkat di Jalan Hutton (Hutton Lane) dan Lebuh Union dengan jumlah petak letak kereta sebanyak 398 petak;

(iii) MPPP juga dalam proses pembinaan tempat letak kereta bertingkat di Lebuh Victoria yang menyediakan 201 petak letak kereta apabila siap kelak, dan

(iv) Bekerjasama dengan pihak Polis untuk mengawal dan memantau kawasan letak kereta supaya tiada kutipan secara haram.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Bolehkan kerajaan negeri menyelesaikan masalah kekurangan tempat parkir dalam tempoh masa 5 tahun yang akan datang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan negeri sedang mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat letak kereta dalam masa 5 tahun. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :-

(i) menyediakan lebih banyak tempat letak kereta secara fizikal oleh pemaju iaitu setiap pemaju diwajibkan menyediakan parkir bagi setiap projek yang dimajukan;

(ii) menyediakan 11,000 petak letak kereta tepi jalan *on street parking* setakat bulan Julai 2009.

(iii) menyediakan tempat letak kereta bertingkat di Jalan Hatin dan Lebuh Union dengan jumlah petak letak kereta sebanyak 398 petak;

(iv) dalam pembinaan tempat letak kereta bertingkat di Lebuh Victoria yang akan menyediakan 201 petak letak kereta apabila siap kelak; dan

(v) bekerjasama dengan pihak polis untuk mengawal dan memantau kawasan letak kereta untuk mengelakkan kutipan parkir secara haram.

Kerajaan negeri juga telah menubuhkan Majlis Pengangkutan Negeri, meluluskan cadangan pelantikan syarikat perunding untuk membentuk Pelan Pengangkutan Induk Negeri bagi menambah baik sistem pengangkutan serta bercadang memperkenalkan Transit Aliran Ringan (LRT) dan Trem. Orang ramai juga digalakkan untuk menggunakan pengangkutan awam yang akan mengurangkan permintaan untuk tempat letak kereta. Dengan langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan, kekurangan tempat letak kereta boleh diatasi dalam jangka masa panjang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah rancangan kerajaan untuk membantu setiap rakyat Pulau Pinang yang berpendapatan tidak melebih RM500.00 sebulan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan negeri telah menyasarkan agar rakyat yang berpendapatan RM500.00 ke bawah akan dibantu agar dapat mengekalkan taraf hidup dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka. Justeru, pada peringkat awalnya pelaksanaan pemberian bantuan kewangan kepada golongan yang berpendapatan tidak melebihi RM500.00 sebulan telah pun diadakan mulai Mac 2009. Bantuan tersebut disalurkan kepada 728 ketua isi rumah yang tersenarai dalam golongan miskin tegar (pendapatan kurang RM500.00). Sehingga kini, kerajaan negeri mengekalkan pemberian bantuan kewangan bulanan kepada golongan ini.

Kerajaan negeri turut mempunyai perancangan supaya golongan miskin tegar mampu berdikari dengan menyediakan peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian. Usaha awal yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri adalah dengan mengadakan Program Anjakan Minda supaya golongan miskin tegar mendapat pendedahan peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian yang ditawarkan oleh sektor kerajaan dan swasta. Pada masa yang sama kerajaan negeri memberi bantuan elaun harian kepada anak-anak golongan ini yang merupakan pelajar Giat Mara. Elaun ini diberikan bagi membantu kelancaran proses pembelajaran mereka.

Selain itu, kerajaan negeri juga melalui Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) telah menawarkan satu inisiatif berfaedah melalui Program Pusat Bantuan Kerjaya dan Latihan Pulau Pinang. Program baru ini menawarkan latihan dalam bidang-bidang tertentu sebagai pilihan kepada anak-anak dalam kategori ini dan turut membayar elaun sebagai sagu hati sebanyak RM800.00 sebulan bagi sepanjang tempoh latihan dan ia mampu meringankan beban keluarga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Adakah kerajaan negeri berhasrat membina klinik komuniti di tempat dan/atau kawasan yang terpencil seperti di Balik Pulau, Penanti dan sebagainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan negeri sentiasa mengambil perhatian mengenai keperluan rakyat negeri ini terutamanya isu-isu kebajikan dan kesihatan. Penduduk-penduduk di Balik Pulau yang dianggarkan seramai 44,000 orang (maklumat daripada Jabatan Perangkaan Malaysia) telah mendapat perkhidmatan rawatan pesakit luar di Jabatan Pesakit Luar, Hospital Balik Pulau. Manakala perkhidmatan kesihatan ibu dan anak boleh didapati dari Klinik Ibu dan Anak di Air Putih, Balik Pulau. Selain itu terdapat 6 buah klinik desa di Balik Pulau yang menyediakan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak dan rawatan ringan untuk pesakit luar. Klinik-klinik desa tersebut adalah seperti berikut:

(a) Klinik Desa Sungai Pinang;
(b) Klinik Desa Permatang Pasir;
(c) Klinik Desa Pantai Acheh;
(d) Klinik Desa Sungai Burung;
(e) Klinik Desa Kampung Perlis; dan
(f) Klinik Desa Pondok Upeh.

Bagi kawasan Penanti, penduduk-penduduknya yang dianggarkan seramai 55,410 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia) mendapat perkhidmatan kesihatan dari Klinik Kesihatan Kubang Semang yang jaraknya hanya lebih kurang 1 km dari Pekan Penanti. Selain itu, terdapat 3 buah lagi klinik desa yang menyediakan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak serta rawatan ringan untuk pesakit luar seperti berikut:

(a) Klinik Desa Bukit Indera Muda;
(b) Klinik Desa Padang Ibu; dan
(c) Klinik Desa Permatang Pasir.

Justeru itu, kerajaan negeri tidak berhasrat untuk membina klinik desa tambahan di kawasan Penanti dan Balik Pulau dalam jangka masa terdekat ini. Walau bagaimanapun, terdapat perancangan untuk menaik taraf klinik desa kepada klinik kesihatan pada masa depan. Kerajaan negeri juga akan mempertimbangkan semula penambahan klinik-klinik desa di kawasan terpencil sekiranya dirasakan perlu di masa akan datang.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Memandangkan kompleks mahkamah di Lebuh Light menghadapi kekurangan tempat parkir, apakah rancangan kerajaan negeri untuk menangani masalah ini.

(b) Adakah kerajaan negeri akan mempertimbangkan untuk menggunakan kaki lima di depan Dewan Seri Pinang untuk dijadikan sebagai tempat parkir.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (a) Kerajaan negeri telah menyediakan sebanyak 265 lot tempat letak kereta *on street parking* di sepanjang Jalan Tun Syed Shekh Barakbah, Jalan Padang Kota Lama dan Lebuh Duke.

Di samping itu, sebanyak 181 lot tempat letak kereta disediakan di tempat letak kereta Fort Cornwallis dan 272 lot tempat letak kereta di tempat letak kereta bertingkat di Lebuh Union.

(b) Kerajaan negeri berpendapat tindakan meletak kereta di kaki lima Dewan Sri Pinang adalah tidak patut kerana menyalahi undang-undang. Dengan itu, kerajaan negeri tidak bercadang untuk menjadikan kaki lima di depan Dewan Sri Pinang sebagai tempat meletak kereta.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Adakah kerajaan negeri akan memohon peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk membiayai kos pembelian tanah untuk dijadikan tempat parkir Kompleks Mahkamah di Lebuh Light.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan negeri tidak bercadang untuk memohon peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk membiayai kos pembelian tanah untuk dijadikan tempat letak kereta di Kompleks Mahkamah di Lebuh Light.

Kerajaan negeri telah menyediakan tempat letak yang mencukupi di sekitar kawasan Kompleks Mahkamah di Lebuh Light.

Kerajaan negeri telah menyediakan sebanyak 265 lot tempat letak kereta *on street parking* di sepanjang Jalan Tun Syed Syeikh Barakbah, Jalan Padang Kota Lama dan Lebuh Duke.

Di samping itu sebanyak 181 lot tempat letak kereta disediakan di tempat letak kereta Fort Cornwallis dan 272 lot tempat letak kereta di tempat letak kereta bertingkat di Lebuh Union.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan negeri untuk mempercepatkan segala urusan yang berkaitan dengan hartanah di Pejabat Tanah dan Galian.

(a) Adakah garis panduan baru telah dibuat untuk mempercepatkan segala urusan hartanah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (i) Urusan pentadbiran tanah di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian yang terlibat dengan orang ramai boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti berikut:-

(a) urusan permohonan pembangunan tanah;

(b) urusan pendaftaran hak milik;

(c) urusan pendaftaran urus niaga dan bukan urus niaga tanah;

(d) urusan hasil tanah;

(e) urusan hak milik strata.

(ii) Buat masa ini tidak terdapat tunggakan urusan-urusan tanah di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian kecuali urusan hak milik strata. Pentadbiran Tanah telah mempertingkatkan usaha ke arah sistem penyampaian *(Delivery System)* selaras dengan slogan Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT) dan mengurangkan tunggakan kerja.

(iii) Memang terdapat beberapa garis panduan baru yang telah dirangka bagi mempercepatkan urusan-urusan tanah seperti menetapkan jangka masa penyediaan surat menyurat dan penyediaan kertas-kertas permohonan tanah. Kerajaan negeri juga telah memperbaharui proses kerja permohonan tanah dengan mengurangkan karenah birokrasi dan menghapuskan jawatankuasa yang tidak perlu. Kerajaan negeri juga telah menetapkan mesyuarat berjadual untuk Jawatankuasa Tanah yang akan menimbang semua permohonan-permohonan tanah. Semua tindakan-tindakan ini dibuat bagi memastikan sistem penyampaian berjalan dengan lancar dan meningkatkan kecekapan dalam pentadbiran urusan tanah.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Memandangkan ada kalanya kesilapan dibuat oleh pemaju dan/atau juruukur tanah berkenaan dengan nombor lot hartanah yang telah didaftarkan, adakah kerajaan negeri bersedia membantu membetulkan kesilapan tersebut tanpa mengenakan duti setem dan lain-lain bayaran.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Terdapat beberapa kes terpencil di mana pemaju dan/atau Juruukur Tanah melakukan kesilapan mengenai penomboran lot. Kesilapan-kesilapan tersebut merupakan kesilapan pentadbiran, ianya boleh diambil tindakan pembetulan di bawah Seksyen 380, Kanun Tanah Negara. Walau bagaimanapun, pembetulan sedemikian tidak lagi boleh diperbetulkan sekiranya tanah-tanah tersebut telah dipindah milik, dan hak milik tersebut telah dicagarkan kepada institusi kewangan (bank) kerana ianya melibatkan isu perundangan. Dalam menyelesaikan perkara ini, pentadbiran tanah telah menasihatkan pemaju supaya berunding dengan pemilik tanah berdaftar dan juga pihak bank supaya penyelesaian terhadap isu tersebut dibuat melalui proses penyerahan dan pemberimilikan semula. Melalui proses ini semua bebanan ke atas tanah-tanah perlu dibebaskan terlebih dahulu, dan pembetulan nama pemilikan dapat dilakukan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Apakah mekanisme dan kriteria yang digunakan oleh Bahagian Perumahan untuk menentukan kelayakan suatu permohonan untuk rumah PPR dan kos rendah.

(a) Siapakah pegawai dan/atau kakitangan yang bertanggungjawab meluluskan permohonan untuk rumah PPR dan kos rendah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Pemohon-pemohon yang membuat permohonan bagi rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau kos rendah haruslah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti berikut:-

(a) Syarat Permohonan PPR

(i) Warganegara Malaysia (pemohon dan isteri / suami);

(ii) Bermastautin di negeri Pulau Pinang;

(iii) Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permohonan;

(iv) Pendapatan suami atau isteri tidak melebihi RM750.00 atau pendapatan sekeluarga kurang daripada RM1,500.00;

(v) Tidak pernah memiliki rumah (walaupun telah dijual, pemohon suami atau isteri adalah tidak layak memohon);

(vi) Ahli keluarga (suami atau isteri dan anak-anak) dalam tanggungan sekurang-kurangnya lima (5) orang; dan

(vii) Pertimbangan khas diberi kepada pemohon (isteri atau suami) yang kurang upaya atau ibu tunggal atau balu-balu bekas anggota Pasukan Keselamatan yang terkorban semasa dalam tugas atau setinggan-setinggan projek kerajaan yang memenuhi syarat-syarat kelayakan.

(b) Syarat Permohonan Kos Rendah atau Kos Sederhana Rendah (KR/KSR)

(i) Warganegara Malaysia;

(ii) Berumur 18 tahun ke atas pada tarikh permohonan;

(iii) Pendapatan tidak melebihi RM2,500.00 untuk Kos Rendah (suami dan isteri);

(iv) Pendapatan tidak melebihi RM3,500.00 untuk Kos Sederhana Rendah (suami dan isteri); dan

(v) Tidak pernah memiliki rumah (walaupun telah dijual, pemohon suami atau isteri adalah tidak layak memohon).

Bagi permohonan rumah PPR disewa dan permohonan rumah kos rendah, proses pendaftaran dan pengagihan rumah diuruskan oleh Unit Penempatan, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan (PSUK) yang dilaksanakan melalui sistem berkomputer.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Apakah langkah-langkah dan/atau sistem yang telah dilaksanakan setakat ini untuk memastikan tiada penyelewengan dalam proses kelulusan permohonan untuk rumah PPR dan kos rendah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dalam pelaksanaan proses kelulusan permohonan untuk rumah PPR dan kos rendah yang sistematik tidak memungkinkan penyelewengan berlaku. Kriteria yang telus ini ialah:-

(i) Bagi permohonan rumah sewa PPR

(a) Pengambilan borang permohonan bagi menyewa rumah sewa PPR diperketat supaya mengelakkan penjualan borang secara haram oleh pihak yang tidak bertanggungjawab,

(b) Memastikan borang permohonan yang dikembalikan adalah lengkap berserta dengan dokumen-dokumen yang diperlukan,

(c) Senarai pendek pemohon yang layak akan dipilih berdasarkan kriteria-kriteria kelayakan yang telah ditetapkan,

(d) Proses temu duga diadakan bagi memastikan pemohon yang telah di senarai pendek tersebut adalah layak untuk diperuntukkan satu unit rumah sewa PPR,

(e) Panel temu duga terdiri daripada wakil Bahagian Perumahan, wakil daripada Unit Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI) dan wakil daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat,

(f) Keputusan temu duga dibuat oleh panel temu duga yang terlibat dan pemohon yang berjaya akan diperuntukkan satu unit rumah sewa PPR dan

(g) Bagi penyewa-penyewa PPR sedia ada, satu temu duga semula akan diadakan bagi menyemak status terkini penghuni-penghuni tersebut bagi memastikan penghuni yang layak sahaja boleh terus menghuni unit tersebut sehingga tamat tempoh tawaran.

(ii) Bagi permohonan kos rendah

(a) Semakan borang permohonan yang diterima diperketat iaitu borang permohonan yang lengkap sahaja diterima dan diproses;

(b) Senarai nama pemohon yang layak dibuat menggunakan sistem pemilihan berdasarkan kriteria-kriteria kelayakan yang telah ditetapkan;

(c) Memastikan pihak pemaju mengeluarkan surat tawaran kepada pembeli-pembeli daripada senarai diberikan oleh Bahagian Perumahan dan proses cabutan undi dijalankan bagi menentukan nombor unit;

(d) Memastikan pihak pemaju menghantar surat tawaran kepada pemohon yang layak dengan menggunakan surat berdaftar dan sesalinan surat tawaran tersebut perlu direkodkan di Bahagian Perumahan;

(e) Memastikan pihak pemaju menghantar laporan status penawaran terkini dalam tempoh 30 hari dari tarikh tawaran; dan

(f) Bagi rumah kos rendah kerajaan negeri, proses temu duga diadakan kepada setiap pemohon yang ditawarkan membeli rumah kos rendah tersebut bagi memastikan kesahihan maklumat dan memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Proses cabutan undi dijalankan untuk memastikan pemberian unit dibuat secara adil dan saksama.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dalam pelaksanaan proses kelulusan permohonan untuk rumah PPR dan kos rendah yang sistematik tidak memungkinkan penyelewengan berlaku. Kriteria yang telus ini ialah:-

(I) Bagi permohonan rumah sewa PPR

(a) Pengambilan borang permohonan bagi menyewa rumah sewa PPR diperketat supaya mengelakkan penjualan borang secara haram oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

(b) Memastikan borang permohonan yang dikembalikan adalah lengkap berserta dengan dokumen-dokumen yang diperlukan.

(c) Senarai pendek pemohon yang layak akan dipilih berdasarkan kriteria-kriteria kelayakan yang telah ditetapkan.

(d) Proses temu duga diadakan bagi memastikan pemohon yang telah di senarai pendek tersebut adalah layak untuk diperuntukkan satu unit rumah sewa PPR.

(e) Panel temu duga terdiri daripada wakil Bahagian Perumahan, wakil daripada Unit Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang(SSI) dan wakil daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

(f) Keputusan temu duga dibuat oleh panel temu duga yang terlibat dan pemohon yang berjaya akan diperuntukkan satu unit rumah sewa PPR.

(g) Bagi penyewa-penyewa PPR sedia ada, satu temu duga semula akan diadakan bagi menyemak status terkini penghuni-penghuni tersebut bagi memastikan penghuni yang layak sahaja boleh terus menghuni unit tersebut sehingga tamat tempoh tawaran.

(II) Bagi permohonan kos rendah

(a) Semakan borang permohonan yang diterima diperketat iaitu borang permohonan yang lengkap sahaja diterima dan diproses;

(b) Senarai nama pemohon yang layak dibuat menggunakan sistem pemilihan berdasarkan kriteria-kriteria kelayakan yang telah ditetapkan;

(c) Memastikan pihak pemaju mengeluarkan surat tawaran kepada pembeli-pembeli daripada senarai diberikan oleh Bahagian Perumahan dan proses cabutan undi dijalankan bagi menentukan nombor unit;

(d) Memastikan pihak pemaju menghantar surat tawaran kepada pemohon yang layak dengan menggunakan surat berdaftar dan sesalinan surat tawaran tersebut perlu direkodkan di Bahagian Perumahan;

(e) Memastikan pihak pemaju menghantar laporan status penawaran terkini dalam tempoh 30 hari dari tarikh tawaran; dan

(f) Bagi rumah kos rendah kerajaan negeri, proses temu duga diadakan kepada setiap pemohon yang ditawarkan membeli rumah kos rendah tersebut bagi memastikan kesahihan maklumat dan memenuhi syarat kelayakan yang telah ditetapkan. Proses cabutan undi dijalankan untuk memastikan pemberian unit dibuat secara adil dan saksama.

XV) Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila senaraikan tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri untuk mengurangkan penagihan dadah di kalangan remaja Melayu, gengsterisme di kalangan remaja India dan Ah Long di kalangan orang Cina.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bersama Polis Di Raja Malaysia (PDRM) telah merangka dan melaksana beberapa inisiatif dalam usaha membendung masalah penagihan dadah di kalangan masyarakat Melayu. Inisiatif ini melibatkan tindakan-tindakan berikut:-

(a) mempertingkatkan operasi di kawasan sarang-sarang penagih;

(b) memperbanyakkan risikan dan operasi untuk mengurangkan bekalan dan pengedaran dadah;

(c) mempertingkatkan risikan bagi memudahkan tindakan diambil ke atas sindiket-sindiket pengedaran dadah;

(d) mengadakan hubungan dua hala dengan agensi-agensi lain dalam usaha memperluas rangkaian maklumat ke arah membasmi penyalahgunaan dadah; dan

(e) menggiatkan ceramah dan pameran untuk mendedahkan kepada masyarakat tentang bahaya najis dadah terutamanya kepada golongan belia dan pelajar-pelajar sekolah.

Seterusnya, berhubung masalah gengsterisme di kalangan masyarakat India, pihak kerajaan negeri bersama PDRM mengambil pelbagai usaha untuk memantau masalah yang berlaku seperti:-

(a) menguatkuasakan undang-undang dan memelihara ketenteraman awam melalui pelbagai agensi penguat kuasa dan jabatan-jabatan kerajaan lain;

(b) mempertingkatkan pemantauan, pemeriksaan, operasi pencegahan serta rondaan polis di tempat tumpuan ramai dan pusat hiburan;

(c) menggiatkan semula aktiviti-aktiviti Unit Kawasan Rukun Tetangga termasuk memperkenalkan semula sistem rondaan secara sukarela serta menyokong kempen kesedaran dan aktiviti-aktiviti oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM); dan

(d) melancarkan Rakan Cops dengan kerjasama YPJM, Pertubuhan Pemandu dan Pengusaha Teksi / Limousin dan Kereta Sewa Malaysia dan PDRM.

Bagi masalah Ah Long di kalangan masyarakat Cina, pihak kerajaan negeri bersama PDRM mengambil beberapa langkah untuk membendungnya seperti:-

(a) menubuhkan Task Force Ah Long. Pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang telah dipertanggungjawabkan di dalam usaha mengatasi masalah ini. Beberapa orang pegawai polis terlibat termasuk ketua-ketua bahagian siasatan jenayah komersial Daerah Timur Laut (DTL), Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Daerah Barat Daya (DBD), Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Seberang Perai Utara (SPU);

(b) menyedarkan orang ramai supaya tidak berurusan dengan Ah Long jika menghadapi sebarang masalah kewangan; dan

(c) memohon kerjasama daripada penduduk setempat agar tidak melibatkan diri di dalam kegiatan Ah Long menerusi kempen dan penerangan menerusi media massa.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap majikan Kilang Nikko yang telah melarikan diri tanpa memberi pampasan kepada pekerjanya. Adakah sebarang bantuan khusus diberikan oleh kerajaan negeri kepada pekerja Nikko yang diberhentikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berdasarkan kepada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, Nikko Electronics Sdn. Bhd. telah ditutup pada 30 Jun 2008 dan seramai 948 orang pekerjanya termasuk pekerja asing telah diberhentikan.

Pada 9 Julai 2008, seramai 824 orang bekas pekerja Nikko telah memfailkan tuntutan di bawah S69, Akta Kerja 1955 di Pejabat Tenaga Kerja Butterworth untuk menuntut bayaran baki gaji bulan Jun 2008, gaji ganti notis, faedah penamatan dan gaji cuti tahunan. Jumlah keseluruhan tuntutan adalah sebanyak RM7,184,847.66.

Pada 17 Oktober 2008, Mahkamah Buruh telah membuat keputusan ke atas tuntutan yang dibuat. Kes tersebut dibatalkan atas alasan ia berada di luar bidang kuasa untuk meneruskan kes kerana Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah melantik *Provisional Liquidator* (PL) untuk menguruskan Nikko Electronics Bhd. Seterusnya, pihak Pengadu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 30 Oktober 2008 kerana tidak berpuas hati dengan keputusan yang telah dibuat.

Seramai 489 orang pekerja daripada 876 orang pekerja tempatan yang diberhentikan atau 56% telah berjaya ditempatkan semula oleh Pejabat Tenaga Kerja Butterworth selepas pemberhentian termasuk 50 orang yang tidak berminat untuk bekerja lagi, bersara, sakit, meninggal dunia dan juga memilih untuk sambung belajar. Baki daripada jumlah tersebut iaitu seramai 387 orang, didapati 223 orang masih mencari pekerjaan dan selebihnya tidak dapat dihubungi.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh Pejabat Tenaga Kerja (PTK) Butterworth bagi menempatkan pekerja-pekerja Kilang Nikko yang telah diberhentikan serta membantu mendapatkan bantuan adalah seperti berikut:-

1. Mengadakan Mini Job Fair Khas bagi bekas pekerja Nikko sebanyak tiga (3) kali seperti berikut:-

Tarikh	Tempat	Bil. Majikan Terlibat	Bil. Berjaya
07/07/08	Pejabat Tenaga Kerja Butterworth	15	120
10/07/08	Dewan Seri Kerian Parit Buntar, Perak	10	200
10/07/09	Pejabat Tenaga Kerja Butterworth (Sony ECMS Sdn Bhd)	1	3

2. Memberi senarai nama bekas pekerja Nikko kepada majikan yang memerlukan pekerja;

3. Merujuk bekas pekerja Nikko kepada jabatan-jabatan seperti Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), TEKUN, Pusat Zakat Negeri Perak dan Kedah, HAWA dan lain-lain bagi mendapatkan bantuan dari segi kewangan dan lain-lain;

4. Memberi senarai nama bekas pekerja Nikko kepada majikan yang memohon untuk mengambil pekerja asing melalui JCS;

5. Menghubungi setiap bekas pekerja Nikko untuk menyertai setiap Mini Jobfair dan Program Penempatan Pekerjaan (3P) yang dianjurkan oleh PTK Butterworth sebanyak 7 kali pada tahun ini; dan

6. Memberi senarai nama bekas pekerja Nikko kepada Training Provider sekitar Pulau Pinang untuk Program Train & Place.

Selain itu, kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif bagi mengurangkan masalah pengangguran dan meringankan beban ekonomi negeri Pulau Pinang. Justeru itu, semasa pembentangan Bajet 2009 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu, kerajaan negeri telah meluluskan dana sejumlah RM10 juta bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

Pada bulan Januari 2009, kerajaan negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang *(Penang Career Assistance and Training Centre* [CAT]) yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada bulan Mac 2009. Pusat CAT ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari

pekerjaan dengan peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan Pusat CAT, mengenal pasti program latihan yang bersesuaian dan bekerjasama dengan ahli-ahli Pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan. Pusat CAT diuruskan oleh investPenang dengan kerjasama daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP). Dengan penubuhan Pusat Bantuan Kerjaya dan Latihan Pulau Pinang *(Penang Career Assistance and Training Centre* [CAT]) pada bulan Januari 2009, pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja boleh mendaftarkan diri dengan Pusat CAT. Pusat CAT akan membantu para pekerja tersebut untuk mendapatkan pekerjaan melalui perkara-perkara berikut:-

(i) peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan Pusat CAT;

(ii) mengenal pasti program latihan yang bersesuaian; dan

(iii) bekerjasama dengan ahli-ahli Pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan.

Sehingga 14 Julai 2009, menurut investPenang, seramai 1,904 orang telah berdaftar dengan Pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 3,645 kekosongan jawatan turut didaftarkan dengan pusat ini. Kebanyakan jawatan-jawatan kosong ini adalah untuk sektor perkilangan. Lanjutan daripada itu, seramai 1,471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan ke syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

Sehubungan itu, sebagai usaha untuk membantu pekerja-pekerja Nikko yang diberhentikan kerja, kerajaan negeri melalui investPenang telah menghubungi majikan lain yang berpotensi supaya pekerja-pekerja dari kilang Nikko dapat diserap masuk ke dalam syarikat mereka.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Merujuk kepada teguran yang mengatakan Pulau Pinang adalah mundur berbanding dengan beberapa negeri lain di Malaysia. Apakah perancangan kerajaan negeri dalam usaha membangunkan negeri ini yang melibatkan semua sektor.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pembangunan negeri Pulau Pinang kebelakangan 18 tahun ini tidak berjalan begitu pesat berbanding dengan negeri lain seperti di Ipoh dan Seremban. Pembangunan infrastruktur di kedua-dua tempat ini jauh berbeza daripada 20 tahun yang lalu tetapi pembangunan yang ketara atau perubahan tidak begitu jelas dilihat di Pulau Pinang. Itulah pandangan Menteri Mentor Singapura H.E. Lee Kuan Yew apabila beliau melawat Pulau Pinang pada 13 Jun 2009. Semasa kunjungan hormat beliau ke negeri Pulau Pinang, beliau mengulas sedemikian terhadap apa yang dilihat dan ditinjau. Pulau Pinang memerlukan lebih banyak infrastruktur seperti jalan raya, jambatan, lapangan terbang serta rangkaian komunikasi.

Walaupun Pulau Pinang merupakan salah sebuah negeri yang maju di Malaysia selain daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor dan Selangor, yang berjaya menarik pelaburan sebanyak RM10.2 bilion pada tahun 2008, namun dalam Rancangan Malaysia Kesembilan menyatakan bahawa pertumbuhan pendapatan keluarga bagi negeri Pulau Pinang untuk 10 tahun yang lepas adalah antara yang terendah sekali. Antara tahun 1999 sehingga 2004, pertumbuhan pendapatan keluarga di Pulau Pinang adalah 2.5% bagi setiap tahun di mana kadar pertumbuhan peringkat kebangsaan adalah 6.6%. Pada tahun 1999, pendapatan rakyat Pulau Pinang adalah 85% daripada pendapatan rakyat Selangor, dan dalam 5 tahun, angka ini telah menurun ke 68% pada tahun 2004.

Untuk membangunkan semula Pulau Pinang sebagai Pulau Mutiara yang bersinar, Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa. Pulau Pinang perlu mengembalikan zaman kegemilangannya seperti suatu ketika dahulu. Usaha perlu diteruskan untuk membuktikan bahawa Pulau Pinang mampu untuk menjadi negeri contoh dan model kepada pembangunan negara dengan beberapa aspek utama yang perlu diberi perhatian seperti:

(i) Institusi pembangunan yang berteraskan kepada sistem urus tadbir kerajaan yang berasaskan prinsip CAT iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus.

(ii) Sistem pembelajaran yang baik yang memberi penekanan kepada pengetahuan komputer dan Teknologi Maklumat. Pulau Pinang telah memulakan langkah pertama dengan menjadi negeri pertama yang memberikan khidmat WIFI secara percuma kepada penduduknya.

(iii) Mewujudkan masyarakat yang mempunyai tiga rangkaian perubahan iaitu perubahan politik, di mana dapat dicapai keseimbangan politik dan menghormati hak asasi manusia, kuasa yang terletak pada manusia dan demokrasi; perubahan ekonomi yang dapat memberikan peluang yang seimbang terhadap sumber tenaga, kepakaran dan sumber manusia serta perubahan etika di mana setiap individu dapat memupuk nilai-nilai murni kehidupan dengan sikap integriti dan membanteras penyelewengan demi mempertingkatkan sosioekonomi masyarakat.

(iv) Menggalakkan kreativiti, inovasi, penyelidikan dan pembangunan dengan memberi penekanan kepada cara pemikiran yang berlainan.

(v) Mewujudkan tanda aras bertaraf antarabangsa kepada pembangunan yang mampan di mana sumber yang digunakan hari ini masih boleh digunakan untuk generasi yang akan datang. Pulau Pinang telah diletakkan di tempat ke-10 sebagai sebuah bandar yang paling ceria di Asia di antara 254 bandar yang seluruh Asia.

(vi) Menjana sumber modal insan yang menjadi khazanah paling berharga negara dengan melabur di dalam pembangunan modal insan dan juga kursus-kursus yang berguna.

(vii) Menjana pentadbiran kerajaan yang efisien dengan kualiti kerja yang lebih baik manakala kos dikurangkan iaitu kualiti kerja yang dapat membuahkan *value for money.*

(viii) Kerjasama bijak di antara pihak awam dan swasta bagi mewujudkan situasi menang-menang di mana kepentingan pihak awam diberi perhatian tanpa mengecualikan keperluan pihak swasta dalam mencapai keuntungan. Sistem tender terbuka yang efisien dengan kadar pulangan yang bersesuaian kepada pihak swasta tanpa perlu mengorbankan tahap efisiensi dan kualiti produktiviti.

Selain itu, dalam konteks pembasmian kemiskinan, negeri Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang telah berjaya membasmi sepenuhnya kemiskinan tegar dengan mencapai tahap kemiskinan tegar sifar. Dalam hal ini, semua keluarga di Pulau Pinang akan dijamin memperoleh sekurang-kurangnya RM500.00 setiap bulan, dengan imbuhan wang secara langsung untuk ditambah genap RM500 sebulan. Sumbangan dana bagi membiayai projek pembasmian miskin tegar ini adalah sumbangan daripada pihak swasta yang mencerminkan praktis PPP *Public Private Partnership.*

Dalam usaha penjagaan alam sekitar serta kehidupan mampan, negeri Pulau Pinang menjadi negeri pertama di Malaysia yang melancarkan *No Plastic Monday* untuk mengurangkan penggunaan beg plastik bermula dari bulan Julai 2009. Kerajaan negeri juga berusaha menanam 75,000 batang pokok untuk tahun ini dan sehingga akhir bulan Jun 33,813 batang pokok sudah pun ditanam. Di samping itu, bagi pengurusan sisa

pepejal pula, selaras dengan konsep Konvensyen Rio dan Protokol Kyoto mengenai pengurusan sisa pepejal, kerajaan negeri telah pun memilih kaedah *Clean Development Mechanism* sebagai kaedah pengurusan sisa pepejal di Tapak Pelupusan Pulau Burung, Seberang Perai.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha untuk membangunkan negeri Pulau Pinang ke arah pelancongan yang hebat di rantau Asia ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Dalam usaha untuk membangunkan negeri Pulau Pinang ke arah pelancongan yang hebat di rantau Asia ini, kerajaan negeri telah mengambil beberapa langkah strategik dengan mewujudkan beberapa produk pelancongan baru serta memperkukuhkan produk-produk pelancongan sedia ada antaranya:-

(i) Sepanjang tahun 2008, pelbagai acara pelancongan bertaraf antarabangsa telah diadakan di Pulau Pinang. Antara acara yang telah dijalankan sepanjang tahun 2008 ialah penganjuran Pesta Seni Silat Nusantara, Pesta Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa, Kejohanan Basikal Bukit Antarabangsa, Kejohanan Golf Amatur Antarabangsa, Kejohanan Jemputan Bola Keranjang Dunia Yang Kelima Belas, Pertandingan Memancing Antarabangsa, Kejohanan Tarian Ball-Room Antarabangsa, Kejohanan Antarabangsa Bowling Pesta Pulau Pinang Dan Regatta Antarabangsa Mengelilingi Pulau Pinang. Kesemua acara pelancongan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pihak.

(ii) Bandar George Town telah disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 7 Julai 2008. Pengiktirafan ini amat bermakna kepada kerajaan negeri dalam pemuliharaan produk berasaskan warisan. Dengan pengiktirafan tersebut, kerajaan negeri telah mengiklankan tapak-tapak warisan berkenaan di dalam majalah-majalah pelancongan tempatan dan luar negara bagi mempromosi pelancongan berteraskan sejarah dan warisan.

(iii) Perkhidmatan *WIFI wireless internet* dan WIMAX pula disediakan secara percuma di daerah Timur Laut yang meliputi kawasan Bandar George Town, Pengkalan Weld, Jalan Burma, persekitaran Persiaran Gurney ke Jalan Kebun Bunga juga hingga kawasan Bukit Jambul dan Bayan Mutiara. Perkhidmatan ini turut melibatkan kawasan di Seberang Perai yang merangkumi kawasan Butterworth, Kampung Jawa, Kampung Perlis dan Kampung Benggali. Perkhidmatan ini menjadikan negeri ini lebih berdaya saing dan pada masa yang sama memberi perkhidmatan telekomunikasi yang terbaik kepada pelancong serta penduduk Pulau Pinang secara keseluruhannya.

(iv) Pembukaan beberapa buah hotel baru turut merancakkan lagi industri pelancongan di Pulau Pinang antaranya pembukaan Tune Hotel di Pulau Pinang yang menawarkan pakej keluarga pada harga yang kompetitif. Pembinaan hotel-hotel baru di kawasan yang strategik akan dapat memberi pilihan yang lebih kepada pelancong yang datang ke Pulau Pinang. Selain itu, melalui pembinaan hotel-hotel baru akan membantu memenuhi keperluan pelancong terutama ketika musim cuti sekolah yang mencatatkan peningkatan tempahan bilik hotel.

(v) Kerajaan negeri turut mengambil bahagian dalam misi-misi pelancongan dan pameran penggalakan pelancongan peringkat domestik dan antarabangsa. Antara pameran yang disertai termasuklah MATTA Fairs di Singapura, MATTA Travel Fair di Kuala Lumpur, MATTA Travel IMT-GT di Pulau Pinang, Asia Tourism Forum di Singapura, ITD di Jerman, *Manchester Travel Mart, Arabian Travel Mart, European Incentive and Business and Travel Meeting and*

Exhibition di Geneva dan lain-lain. Usaha ini juga diharap dapat menarik serta mengekalkan tumpuan pasaran utama pelancong dari negara Eropah, Jepun dan Australia, di samping dapat menerokai pasaran-pasaran baru seperti negara-negara Timur Tengah, India dan China.

Kerajaan negeri akan terus mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi unggul pelancongan di rantau ini dalam usaha untuk membangunkan negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan yang hebat di rantau Asia ini.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Projek perumahan kos sederhana dan kos rendah di Bandar Cassia, Batu Kawan terhenti pembinaannya. Apakah tindakan kerajaan negeri bagi memulihkan projek perumahan ini kerana ramai pembeli yang teraniaya tidak dibela.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan negeri telah mendapatkan laporan berkala dari pemaju Abad Naluri Sdn. Bhd. yang membina 330 unit rumah kos rendah dan 259 unit rumah kos sederhana rendah di Bandar Cassia, Batu Kawan. Mengikut laporan yang diterima, pemaju memaklumkan kemajuan fizikal bagi projek tersebut adalah 93% bagi Studio S dan 81% bagi Studio M. Kerajaan negeri juga telah mengadakan mesyuarat bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi membincangkan projek-projek bermasalah di negeri Pulau Pinang. Satu mesyuarat bersama pemaju telah diadakan pada 27 Julai 2009 untuk mendapatkan laporan lengkap berhubung isu dan masalah yang dihadapi di tapak projek. Pemaju memaklumkan kerja-kerja sebelum ini sememangnya agak perlahan disebabkan masalah aliran tunai kewangan. Namun perkara tersebut telah dapat diatasi dan pemaju sedang menjalankan kerja-kerja infrastruktur dan dijangkakan projek dapat disiapkan pada Disember 2009.

   Walau bagaimanapun, semakan juga telah dibuat dengan pihak KPKT dan dimaklumkan pada masa kini projek perumahan kos sederhana rendah dan kos rendah di Bandar Cassia, Batu Kawan telah dikategorikan sebagai projek perumahan sakit oleh KPKT. Projek sakit ditakrifkan sebagai projek-projek yang mengalami kelewatan dalam tempoh pembinaan di mana perbezaan jurang kemajuan kerja sebenar di tapak berbanding jadual kerja yang ditetapkan dalam Perjanjian Jual Beli adalah melebihi 30%.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Didapati tiada saliran dan rawatan sempurna di pusat penyembelihan babi di tepi Sg. Pinang, sehingga menjadikan ia sungai tercemar di rantau ini. Apakah tindakan pihak kerajaan negeri bagi membersihkan sungai ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan negeri telah memutuskan supaya semua saliran kumbahan dari pusat penyembelihan khinzir di tepi Sungai Pinang disalirkan terus ke paip pembetungan Indah Water Konsortium (IWK) dan seterusnya dirawat di Loji Rawatan Air Kumbahan Berpusat (JSTP) di Jelutong.

   Dalam hal ini, persetujuan telah dicapai di antara Jabatan Alam Sekitar (JAS), MPPP, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Mufti Negeri, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), IWK dan kontraktor pengendalian JSTP bagi menyalurkan air buangan dari pusat penyembelihan tersebut ke JSTP. Pihak SPAN telah pun memberi kelulusan terhadap cadangan tersebut dan pada masa sekarang pihak IWK sedang menyediakan pelan untuk tujuan penyambungan ke sistem tersebut. Kerja-kerja penyambungan paip dijangka dapat disiapkan pada bulan September 2009. Kerajaan negeri juga akan melaksanakan program pemulihan air sungai menggunakan kaedah *Effective Microorganism* (EM) secara berterusan memandangkan projek perintis yang telah dilaksanakan di Sungai Kelian, Batu Feringhi telah menunjukkan impak yang positif.

Selain itu, untuk jangka masa panjang, pihak JPS telah pun menyiapkan kajian pelan reka bentuk dan dokumen tender bagi Projek Pemulihan dan Rawatan Air Sungai Pinang Fasa II. Projek ini dijangka dapat dilaksanakan dalam tempoh RMKe-10. Setelah projek ini siap, tiada lagi air larian hujan serta efluen akan dilepaskan ke Sungai Pinang kerana semuanya akan disalirkan ke stesen rawatan terlebih dahulu sebelum ia dilepaskan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Lanjutan daripada jawapan bertulis dalam Dewan ini, bagi Sidang Kedua Belas. Adakah EM *(Effective Microorganism)* sahaja cara yang dirancang untuk mengurangkan lalat, tindakan perancangan lain yang lebih efektif dan lebih sempurna yang harus dirancang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. *Effective Microorganism* (EM) merupakan 'bakteria baik' yang terhasil daripada kultur campuran mikroorganisma hidup yang membantu merendahkan pertumbuhan *bacteria pathogen* atau 'bakteria jahat'. Teknologi EM ini bukan sahaja boleh disemburkan di kandang-kandang ternakan untuk mengurangkan lalat malah mempunyai pelbagai kegunaan seperti dalam bidang pertanian, rawatan air, rawatan sisa buangan, rawatan tanah, perikanan dan lain-lain. Walaupun aplikasi teknologi EM terbukti keberkesanannya dalam mengurangkan lalat di ladang-ladang ternakan namun terdapat langkah-langkah lain yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan iaitu mempraktikkan:-

   (a) *Good Animal Husbandary*

   (b) Sistem pembuangan najis yang teratur mengikut garis panduan Jabatan Veterinar.

   (c) Semburan racun k-othrine pada longgokan najis.

   (d) Tahap kebersihan di ladang perlu sentiasa berada di tahap yang baik.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Adakah pihak yang bertanggungjawab memantau saliran ternakan babi di kawasan SPS terutama di kawasan Valdor. Ia amat mencemarkan sehingga air sungai Paya Mahang menjadi begitu kotor dan berbau busuk.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Jawatankuasa ternakan khinzir ditubuhkan untuk mengatasi isu-isu berkaitan dengan ternakan khinzir dan Jabatan Alam sekitar atas kapasiti sebagai ahli jawatankuasa sering memberi penekanan tentang standard pelupusan air buangan *(effluen)* dari kandang khinzir agar tidak melebihi *Biological Oksigen Demand (50 mg/l).* Pihak JPS juga turut bekerjasama dengan JAS dalam memantau sisa buangan dari kawasan tersebut dan sekiranya didapati sebarang pelanggaran berlaku, JPS akan melaporkan kepada pihak JAS untuk diambil tindakan.

   Pihak MPSP hanya akan memperbaharui lesen penternakan khinzir sekiranya standard BOD dipatuhi. Buat masa ini Jabatan Veterinar sedang melaksanakan kegunaan teknologi *effective Microorganism* (EM) ke atas semua ladang khinzir secara berperingkat-peringkat. Penggunaan teknologi ini seterusnya akan di aplikasikan kepada semua sub-sektor Industri ternakan di mana ia dapat mengurangkan masalah-masalah pencemaran, bau dan lalat akibat daripada aktiviti penternakan. Pihak NGO dan swasta turut serta dalam menghasilkan EM *Mudball* di bawah program *Corporate Sosial Responsibility* (CSR) untuk merawat dan menjernihkan air sungai yang tercemar di seluruh Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Merujuk kepada jawapan Sidang Kedua Belas, sila senaraikan ladang-ladang mengikut tahap BOD yang telah diperiksa mengikut daerah masing-masing. Adakah benar ladang-ladang ini mematuhi tahap BOD seperti yang dinyatakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Menurut MPSP kesemua 203 ladang-ladang babi mematuhi standard *Biological Oksigen Demand (BOD)* sedia ada. Jika terdapat tahap BOD melebihi 50, bayaran insentif dasar makanan Negara akan dihentikan. Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang akan memantau tahap BOD setiap bulan dan selain daripada itu projek rawatan persekitaran dengan bioteknologi EM sedang dijalankan bersama-sama penglibatan penternak-penternak.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Berapakah jumlah yang dibayar oleh kerajaan negeri kepada Y.A.B. Ketua Menteri yang tidak menduduki Rumah Kerajaan yang disediakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Y.A.B. Ketua Menteri telah pun berpindah sementara dari kediaman rasmi beliau di Seri Teratai bagi membolehkan pihak Jabatan Kerja Raya menjalankan kerja-kerja pembaikan major dan rawatan anai-anai. Y.A.B. Ketua Menteri layak menerima bayaran penuh Elaun Perumahan berjumlah RM4,000.00 sebulan sehingga kembali menghuni kediaman rasmi tersebut.

    Bayaran berkenaan adalah selaras dengan bayaran Imbuhan Tetap Perumahan sebagaimana kelayakan seorang Y.A.B. Ketua Menteri. Ketua Menteri Pulau Pinang yang lepas, Y.B. Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon juga menikmati elaun RM4,000.00 semasa beliau tinggal di rumah milikan beliau sendiri.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha membaiki sistem pengangkutan awam di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan negeri bercadang untuk mengadakan satu Pelan Induk Pengangkutan untuk negeri Pulau Pinang dan berada dalam proses melantik pakar perunding untuk menjalankan kajian tersebut. Objektifnya adalah untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang bersepadu dan mampan serta mengenal pasti polisi-polisi dan tindakan yang perlu diambil secara menyeluruh bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Pengangkutan awam menjadi komponen penting kajian ini. Pelan induk berserta strategi, polisi dan rancangan yang dicadangkan akan diumumkan dan diperkukuhkan dengan mendapat pandangan semua pihak termasuk orang awam semasa kajian dijalankan.

    Seiring dengan ini, tindakan dan perancangan kerajaan negeri untuk membaiki sistem pengangkutan awam adalah:-

    (a) Menambah baik perkhidmatan bas awam. Kerajaan negeri telah memberi bantuan dan kerjasama serta menyediakan pelbagai kemudahan untuk menjayakan perkhidmatan Rapid Penang Sdn. Bhd. di Pulau Pinang dan akan terus menyeru Kerajaan Pusat menambah baik perkhidmatan Rapid Penang.

Kerajaan Pusat telah menyatakan bahawa sebanyak 200 buah bas lagi akan disediakan untuk perkhidmatan Rapid Penang yang akan dibekalkan secara berperingkat mulai dari bulan Jun 2009 hingga Disember 2009. Sebahagian daripada bas ini telah mula beroperasi;

(b) Kerajaan negeri juga telah menyediakan perkhidmatan Bas CAT *(Central Area Transit)* di pusat bandar George Town pada 23 Januari 2009. Tujuan penyediaan perkhidmatan ini adalah untuk menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam di samping mengurangkan kesesakan di pusat bandar. Perkhidmatan Bas CAT akan diperluaskan sekiranya difikirkan perlu untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam;

(c) Kemudahan pengangkutan awam baru disediakan oleh kerajaan manakala kemudahan sedia ada dipertingkatkan. Terminal bas awam, perhentian bas dan teksi berbumbung, *lay-by* untuk bas dan teksi, paparan maklumat kepada pengguna serta hab pengangkutan awam telah disediakan dan dirancang untuk menambah baik sistem pengangkutan awam;

(d) Mengenal pasti tapak-tapak untuk pembinaan stesen *Compressed Natural Gas* (CNG) terutama sekali untuk teksi dan kenderaan pengangkutan awam. Pada masa sekarang, terdapat lima (5) stesen minyak di Seberang Perai yang mempunyai kemudahan CNG dan tindakan sedang diambil untuk membina stesen CNG di bahagian pulau, Pulau Pinang. Dengan kemudahan ini, pengusaha perkhidmatan pengangkutan awam dapat menjimatkan kos yang dapat disalurkan semula untuk menambah baik perkhidmatan dan mengurangkan tambang. Melalui penyediaan kemudahan CNG, kerajaan negeri berharap sistem teksi bermeter dapat diperkenalkan;

(e) Di samping itu, langkah-langkah lain sedang diambil untuk melicinkan aliran lalu lintas dan mengurangkan gangguan di jalan-jalan utama yang sering mengalami kesesakan lalu lintas dengan mengadakan larangan-larangan, mengeluarkan petak letak kenderaan di tepi jalan serta meningkatkan penguatkuasaan. Tindakan ini adalah selaras dengan rancangan masa hadapan untuk memberi keutamaan kepada laluan pengangkutan awam serta mewujudkan lorong bas;

(f) Membina, meluaskan dan menambah baik laluan pejalan kaki termasuk penyediaan kemudahan untuk orang kurang upaya dan berusia untuk menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam dan berjalan kaki. Di samping itu, tindakan-tindakan selaras dengan perwujudan Bandar Selamat telah diambil dan akan dipertingkatkan seperti mengasingkan laluan pejalan kaki dan kenderaan, meningkatkan pencahayaan serta mengadakan CCTV;

(g) Di samping itu, projek-projek yang sedang mendapat perhatian kerajaan negeri adalah Sistem Transit Monorel Aliran Ringan, *Hybrid Tram System*, cadangan pelaksanaan Teksi Air dan pengurusan lalu lintas dengan *Intelligent Transportation System* (ITS). Kerajaan negeri sedang dalam pelaksanaan Transit Laju *Rel Double Track* dan juga ingin meningkatkan taraf feri penumpang dan jeti feri. Perancangan ini adalah bertujuan menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam berkapasiti tinggi, cepat, efisien, mudah diperoleh dan dengan harga yang berpatutan selaras dengan permintaan penggunaan pengangkutan awam yang meningkat dan menggalakkan pengguna baru; dan

(h) Mewujudkan satu proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam. Dalam jangka masa sederhana dan panjang, kerajaan negeri sedang meneliti kesesuaian mengadakan kawalan, larangan dan sekatan untuk mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian *(traffic restraint measures)* terutama sekali di kawasan pusat bandar.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Atas peruntukan apakah bayaran sebanyak RM30 dikenakan kepada petani-petani yang mahu mengambil salinan cukai tanah mereka di Pejabat Daerah, termasuk untuk mendapatkan peruntukan bantuan baja dari PPK.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Bayaran-bayaran yang dipungut yang berkaitan dengan urusan tanah adalah mengikut kadar-kadar yang telah diwartakan di dalam *Penang Land Rules* 2005 yang diwartakan melalui Pg. P.U.4 bertarikh 1 Mac 2005. Bayaran berkenaan yang dipungut adalah berdasarkan kepada butiran 61(g) *Penang Land Rules* 2005 iaitu di bawah butiran *"Other enquiries per title"*. Bayaran yang dikenakan bagi tujuan tersebut ialah RM50.00. Walau bagaimanapun, Majlis Mesyuarat Kerajaan di mesyuarat pada 30 Mac 2005 telah bersetuju meminda kadar tersebut kepada RM30.00 *per title*.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah bidang-bidang kuasa yang telah diturunkan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada Pihak Pentadbiran Tanah & Galian dalam pentadbiran tanah.

    (a) Contohnya dari segi kuasa meluluskan pengeluaran tanah merah mengikut permit 4C.

    (b) Bagaimana perkiraan royalti dibuat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (i) Sejajar dengan hasrat untuk mempercepatkan proses mendapatkan keputusan ke atas permohonan-permohonan tanah, Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa telah memberikan penurunan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian dan/atau Pentadbir Tanah untuk menimbang dan membuat keputusan ke atas permohonan-permohonan tertentu. Langkah ini dilihat sebagai usaha untuk mengurangkan karenah birokrasi di dalam pentadbiran kerajaan.

    (ii) Aktiviti-aktiviti permohonan tanah yang telah pun diberikan penurunan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian/Pentadbir Tanah Daerah adalah seperti berikut:-

        (a) Permohonan untuk mendapatkan kebenaran mencagarkan tanah;

        (b) Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) jangka pendek bagi suatu tempoh tidak melebihi 30 hari;

        (c) Permohonan untuk memperbaharui pajakan tanah di perkampungan baru yang telah luput tempoh pajakannya. Permohonan hendaklah daripada pemilik-pemilik berdaftar terakhir sebelum tempoh pajakan tersebut luput;

        (d) Permohonan untuk membayar cukai tanah secara ansuran;

        (e) Permohonan untuk membayar premium pemberi milikan tanah secara ansuran;

        (f) Permohonan kebenaran untuk memindah milik tanah;

        (g) Permohonan kebenaran untuk memajak tapak-tapak pencawang elektrik kepada Tenaga Nasional Berhad bagi kawasan industri dan perumahan;

(h) Permohonan untuk mengeluarkan tawaran bagi memungut hasil di atas tanah kerajaan seperti menoreh getah dan dikendalikan oleh Lembaga Tawaran Pejabat Daerah;

(i) Kuasa untuk menolak permohonan bagi permohonan-permohonan berikut:-

- Permohonan Lesen Pendudukan Sementara di atas tanah simpanan jalan;

- Permohonan Lesen Pendudukan Sementara dan beri milik di atas tanah simpanan sungai kecuali untuk tujuan pembinaan jeti;

- Permohonan pemberimilikan tanah dan Lesen Pendudukan Sementara bagi tanah-tanah yang telah diwartakan di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara (perizaban).

(j) Permohonan untuk mengguna/mengetar tanah rizab kerajaan untuk tujuan jalan laluan;

(k) Permohonan untuk melanjutkan tempoh bayaran premium tanah selama 3 bulan lagi;

(l) Permohonan permit penggunaan ruang udara di bawah Akta Hak Milik Strata;

(m) Permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk perolehan tanah oleh warganegara/syarikat asing;

(n) Permohonan untuk pecah sempadan/pecah bahagian tanah/cantuman tanah/penyerahan dan pemberi milikan semula tanah.

(o) Permohonan rayuan pengurangan cukai tanah.

(iii) Pihak Berkuasa Negeri melalui Jawatankuasa Tanah Negeri pada 21 Jan 2008 telah meluluskan penurunan kuasa kepada Pentadbir-pentadbir Tanah untuk meluluskan atau menolak permohonan-permohonan permit bahan batuan dan tanah merah (permit 4C) untuk jangka pendek. Walau bagaimanapun, kelulusan penurunan kuasa tersebut telah dibatalkan mulai 15 Disember 2008.

(iv) Bayaran royalti bahan batuan dikenakan mengikut kadar RM3.00 smp. Jumlah royalti ke atas syarikat dikenakan mengikut keupayaan mesin yang digunakan seperti formula berikut:-

(i) Keupayaan mesin (meter padu) x 60%
x 8 jam sehari x 26 hari x 10 bulan
- 10% *overburden* = jumlah pengeluaran

(ii) Jumlah pengeluaran x RM3.00 smp
= Bayaran royalti untuk setahun

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah pihak kerajaan negeri menyediakan borang tertentu semasa memberi bantuan kepada penduduk miskin membaiki rumah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Tiada borang khas disediakan untuk permohonan bantuan membaiki rumah penduduk miskin dan miskin tegar. Pemohon boleh memohon di Pejabat Daerah di kawasan masing-masing bagi bantuan membaiki rumah dan permohonan tersebut akan disiasat

sebelum satu Laporan Penyiasatan Program Pembaikan Rumah Rakyat Miskin dan Miskin Tegar akan dipanjangkan kepada UPEN bagi tujuan mendapatkan peruntukan membaiki rumah. Keutamaan akan diberikan kepada mereka yang benar-benar memerlukan berdasarkan kerosakan jumlah peruntukan yang disediakan oleh kerajaan negeri.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah sumbangan PBA kepada:

(a) Rumah-rumah yang terbakar

(b) Golongan PPRT

(c) Bangunan NGO dan rumah ibadat

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Tiada

(b) Ada dua jenis bantuan untuk golongan PPRT di bawah kategori Miskin Tegar & Termiskin yang disahkan kedudukan PPRT nya oleh Pejabat Daerah & UPEN:

- Untuk rumah yang masih tiada bekalan air bersih, program pemasangan paip sesalur dari sesalur induk sehingga ke dalam rumah berserta satu kepala paip akan dibiayai sepenuhnya oleh PBAPP. Pemohon hanya perlu membuat bayaran deposit untuk pemasangan meter dan seterusnya bayaran bil bulanan.

- Untuk rumah yang telah pun ada bekalan air bermeter, rebat sebanyak 30,000 liter pertama sebulan akan diberikan. Jumlah rebat maksima ialah RM8.60 sebulan.

(c) Tiada untuk Bangunan NGO.

Walau bagaimanapun, rumah ibadat yang berdaftar dengan PBA sebagai "Rumah Ibadat" adalah diletakkan dalam kategori domestik (tarif 1) di mana kadar bilnya adalah terendah.

Kerajaan negeri juga memberi bantuan rebat RM5 (untuk rumah ibadat yang bil PBA bagi setiap dua bulan kurang daripada RM50) atau RM10 (untuk rumah ibadat yang bil PBA bagi setiap dua bulan lebih daripada RM50). Bantuan ini disalurkan melalui rebat terus dari bil air.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sejauh manakah ciri-ciri pentadbiran Khalifah Umar Abd. Aziz diguna pakai dalam Pentadbiran Negeri Pulau Pinang. Sila senaraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kerajaan negeri Pulau Pinang bertekad untuk mengguna pakai ciri-ciri pemerintahan pemerintah agung tanpa kira daripada Empayar Rome, Dinasti China atau India serta zaman kegemilangan Islam. Khalifah Umar Abdul Aziz adalah satu pemerintah agung yang ingin dicontohi oleh pentadbiran negeri Pulau Pinang di mana beliau seorang pemimpin Islam yang adil, telus dan berjiwa rakyat tanpa mengambil kira kaum dan agama. Kita berharap dengan pendekatan ini dapatlah pentadbiran kerajaan negeri bebas daripada penyalahgunaan kuasa, kezaliman serta merombak semula jentera pentadbiran dengan memecat pegawai yang tidak cekap, menyalahgunakan kuasa dan

zalim; mengembalikan tanah yang dirampas kepada penghuni-penghuni; menitikberatkan kebajikan rakyat yang miskin; melayan rakyat dengan penuh adil tanpa mengambil kira pangkat atau keturunan dan menumpukan perhatian terhadap meningkatkan ilmu pendidikan di kalangan rakyat.

Kerajaan negeri juga bertekad untuk melaksanakan pentadbiran Khalifah Umar Abdul Aziz yang berlandaskan konsep "amar ma'ruf, nahi mungkar" dengan nilai-nilai kebajikan dalam semua bidang, termasuk bidang kenegaraan dan masyarakat di samping membasmi segala kemungkaran yang melekat sebagai kuman penyakit yang merosakkan seluruh masyarakat dan negara. Atas sebab ini, Kerajaan negeri telah mengambil pelbagai usaha untuk menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang bebas daripada kemiskinan tegar dengan memberikan imbuhan sehingga setiap keluarga memperoleh sekurang-kurangnya RM500 sebulan. Di samping itu, Kerajaan negeri telah memberikan bantuan RM100 kepada setiap keluarga yang menghadapi kesulitan ekonomi yang memanfaatkan hampir 170,000 keluarga.

Kerajaan negeri juga memberi pengiktirafan pelajar-pelajar cemerlang, termasuk para Huffaz, memperuntukkan RM1.5 juta setiap tahun kepada sekolah-sekolah agama rakyat serta inisiatif Wi-Fi percuma untuk mengurangkan jurang digital di kawasan bandar dan luar bandar serta golongan berada dan kurang berkemampuan. Atas sikap Kerajaan negeri yang mengamalkan dasar berjimat-cermat dalam mengawal perbelanjaannya, seperti mewajibkan pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan menaiki kapal terbang dengan tiket kelas ekonomi ataupun kapal terbang tambang murah seperti Air Asia dan Firefly serta melaksanakan tender terbuka melalui e-Perolehan, kerajaan negeri telah dapat mengurangkan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2008 sebanyak 11.1 peratus atau bersamaan dengan RM35.41 juta. Kerajaan negeri sememangnya sedar bahawa adalah sukar untuk mencontohi kesemua langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Khalifah Umar Abdul Aziz, namun perjalanan yang jauh itu harus bermula dengan langkah yang pertama. Justeru itu, inisiatif untuk menjadikan konsep C.A.T. (Cekap, Akauntabel dan Telus) diguna pakai oleh Kerajaan negeri Pulau Pinang yang bersih dari rasuah dan memerangi mereka yang terbabit dalam rasuah serta mencontohi urus tadbir dan kepimpinan Khalifah Umar yang adil dan berjiwa rakyat. Ini adalah untuk memastikan

Pentadbiran Negeri Pulau Pinang bersih dari unsur-unsur negatif. Kerajaan negeri juga berharap untuk membawa sinar semula kepada negeri yang dikenali sebagai Pulau Mutiara ini, di mana anasir-anasir negatif seperti rasuah, salah guna kuasa dan pembaziran dapat dihapuskan. Oleh itu, Kerajaan negeri akan berusaha keras untuk mewujudkan peluang yang lebih adil dan saksama untuk dinikmati oleh semua masyarakat tanpa adanya diskriminasi jantina, kaum, agama mahupun fahaman politik.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Apakah peruntukan yang telah disediakan oleh kerajaan negeri kepada setiap ADUN. Bagaimanakah pengurusan dan cara penggunaan bagi peruntukan ini dibelanjakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan negeri menyediakan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan masyarakat serta projek-projek khas/latihan khas/bekalan bagi setiap KADUN. Peruntukan terlibat disediakan di bawah Maksud Pembangunan P.16 Jabatan Kewangan Negeri mengikut Butiran 02 dan 03 dengan agihan tahunan seperti berikut :

    (i) Projek Pembangunan Masyarakat P.16(02) - RM40,000.00

    (ii) Projek Khas/Latihan Khas/bekalan P.16(03) - RM60,000.00

    Tatacara pengurusan pelaksanaan projek di bawah Maksud Pembangunan P.16 adalah sepertimana ketetapan di Surat-surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 6 Tahun 2008 dan Bil. 3 Tahun 2009. Kedua-dua surat pekeliling tersebut boleh dimuat turun dari laman web http://jkn.penang.gov.my

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Adakah setiap ADUN diberikan peruntukan secara tunai oleh kerajaan negeri dan bagaimanakah peruntukan ini dibelanjakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Peruntukan yang disediakan untuk pelaksanaan projek/program di setiap KADUN adalah melalui waran peruntukan kecil yang disalurkan kepada Pejabat-pejabat Daerah untuk tujuan pembiayaan pelaksanaan projek/program yang dikenal pasti. Perbelanjaan bagi projek/program yang dilaksanakan adalah mengikut ketetapan dan peraturan kewangan sedia ada. Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab ke atas semua perbelanjaan demi memastikan ia selaras dengan atur cara kewangan yang telus dan akauntabel.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Y.B. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Bagaimanakah bantuan warga emas akan diberi, apakah kadar bantuan yang diberi dan berapakah bilangan yang didaftarkan sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun mengambil inisiatif untuk membantu golongan warga tua dengan mengedarkan borang pendaftaran melalui ADUN-ADUN kawasan pada 1 Mei 2009. Bancian ini akan menentukan bantuan yang bersesuaian untuk disalurkan kepada warga tua mengikut keperluan mereka. Oleh kerana itu, kerajaan negeri masih lagi belum memutuskan bagaimana bantuan dan kadar bantuan yang akan diberi kepada warga emas yang berdaftar dengan kerajaan negeri. Bilangan warga emas yang didaftarkan sehingga kini juga belum diketahui memandangkan pendaftaran warga emas masih lagi dijalankan dan akan tamat pada 8 Mac 2010.

XVI. Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Berapakah tunggakan dalam kutipan wang penyelenggaraan dan wang sewa rumah dan bangunan kepunyaan kerajaan.

   (b) Apakah tindakan yang telah diambil kepada mereka yang langsung gagal membayar (*defaulters*).

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Bagi kemudahan kuarters kerajaan negeri tiada sebarang bayaran penyelenggaraan dikenakan kepada penghuni pada masa kini. Kutipan sewaan dibuat melalui potongan gaji secara bulanan bersamaan dengan nilai kelayakan Insentif Tetap Perumahan (ITP) penghuni terbabit. Status tunggakan bagi kuarters kerajaan negeri sehingga 30 Jun 2009 adalah sebanyak RM68,492.00 melibatkan 3 buah daerah iaitu Daerah Timur Laut, Daerah Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan. Tiada tunggakan bagi Daerah Barat Daya dan Seberang Perai Tengah.

   (b) Bagi pelaksanaan mana-mana penghutang yang telah meninggal dunia dan gagal dikesan setelah usaha terakhir dilaksanakan seperti membuat semakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara, Bahagian Pencen Jabatan Perkhidmatan Awam dan beberapa-beberapa agensi lain, maka permohonan hapus kira akan dikemukakan oleh pihak jabatan terlibat. Permohonan hapus kira perlu dikemukakan menggunakan Borang L bersama bukti-bukti tindakan yang telah dilakukan dengan menunjukkan tunggakan sememangnya tidak dapat dikutip.

Namun tindakan berikut kebiasaannya membuahkan kejayaan mengutip semula tunggakan:

(i) Arahan bayaran tunggakan melalui potongan gaji melalui jabatan pegawai berkenaan;

(ii) Tindakan undang-undang diambil ke atas pegawai berkenaan;

(iii) Bayaran tunggakan melalui potongan dari jumlah ganjaran layak diterima oleh pesara berkenaan;

(iv) Bayaran tunggakan dipotong melalui pencen bulanan pesara setelah waran perintah mahkamah dikeluarkan.

Berkenaan deposit sebanyak dua (2) bulan kepada semua penghuni kuarters kerajaan negeri yang baru memasuki atau yang akan memasuki kuarters berkenaan juga membantu mengelak daripada berlakunya tunggakan. Bagi kemudahan bangunan kerajaan negeri, ditetapkan agar sewaan penuh dijelaskan oleh pelanggan sebelum tarikh tempahan. Syarat-syarat tersebut telah membantu mengelakkan tunggakan berlaku selepas perkhidmatan disediakan kepada pelanggan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Terdapat banyak pembinaan tambahan secara haram di kawasan-kawasan rumah murah kerajaan negeri. Apakah tindakan yang akan dilakukan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pembinaan tambahan secara haram adalah merujuk kepada sebarang bentuk pengubahsuaian tanpa kebenaran kepada pembinaan asal unit dan bangunan. Pembinaan tambahan secara haram di kawasan-kawasan rumah murah kerajaan negeri memang menjadi satu isu yang besar untuk diselesaikan. Ini kerana pembinaan secara haram ini dibuat pada tempoh yang telah lama dan menghadapi kesukaran sekiranya hendak dirobohkan. Bagi pembinaan tambahan secara haram yang baru, Bahagian Perumahan PSUKPP akan memantau dan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Daerah bagi memastikan tiada pembinaan tambahan secara haram yang baru dibina di kawasan-kawasan perumahan kerajaan negeri.

Bagi binaan haram yang lama, notis amaran dan operasi lawatan dari rumah ke rumah akan terus dijalankan agar penghuni merobohkan binaan haram tersebut. Sepanjang bulan Januari hingga Julai 2009, sebanyak 18 kes sambungan haram telah dikenal pasti. Pengeluaran notis dan lawatan telah dijalankan dan sekiranya penghuni masih ingkar maka tindakan undang-undang akan diambil.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menyerahkan penjagaan bangunan-bangunan rumah murah kepada pemilik *(forming of JMC/MC).*

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan negeri sememangnya mempunyai perancangan untuk menyerahkan penjagaan bangunan-bangunan rumah murah kepada pemilik. Ini adalah selaras dengan kehendak Akta 663, Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007.

Selaras dengan akta berkenaan, Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dipertanggungjawabkan untuk memberi penjelasan kepada penghuni-penghuni rumah pangsa kerajaan negeri mengenai penubuhan *Joint Management Board* (JMB)

dan *Management Corporation* (MC). Pada masa yang sama, beberapa rancangan perumahan telah pun mengadakan mesyuarat agung bagi penubuhan JMB. Dua rancangan perumahan telah memperolehi sijil JMB. Maklumat lanjut seperti berikut:-

Berikut adalah status penubuhan JMB/MC bagi Perumahan Awam Kerajaan Negeri.

Peringkat Proses Penubuhan JMB/MC		**Rancangan Perumahan**		**Dalam Perancangan Untuk Dilaksanakan Pada Tahun 2009**	
Peringkat 1:	Majlis Taklimat JMB	1) Taman Free School	22 November 2008	**Majlis Taklimat JMB**	**Tarikh**
		2) Taman Tun Sardon I	29 November 2008	1) Jalan Mohd Saad (RP)	31 Julai 2009
		3) Taman Tun Sardon II	29 November 2008	2) Mak Mandin Hijau	7 Ogos 2009
		4) Taman Tun Sardon III	29 November 2008	3) Telok Bahang	14 Ogos 2009
		5) Taman Mutiara Indah	10 Julai 2009	4) Seberang Jaya	2 Oktober 2009
		6) Mak Mandin Lama	17 Januari 2009	5) Nibong Tebal	23 Oktober 2009
Peringkat 2:	Mesyuarat Agong JMB	1) Batu Lanchang	17 Julai 2009	6) Kampung Melayu	B/T
				7) Jawi 3	B/T
				8) Pmtg Damar Laut II	B/T
Peringkat 3:	Permohonan Kelulusan Penubuhan JMB	1) Mak Mandin I	16 Jun 2009	**Mesyuarat Agung JMB**	
				1) Taman Free School	B/T
				2) Taman Tun Sardon I	B/T
				3) Taman Tun Sardon II	B/T
Peringkat 4:	Telah Mendapat Sijil JMB dari COB	1) Paya Terubong	12 Mei 2009	4) Taman Tun Sardon III	B/T
		2) Taman Tun Dr Awang	10 Julai 2009	5) Taman Mutiara Indah	B/T
				6) Mak Mandin Lama	B/T
Peringkat 5:	Majlis Taklimat MC	1) Padang Tembak	21 Februari 2009		
JUMLAH		10 Rancangan Perumahan **B/T – belum ditentukan*			

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Setakat ini berapakah bangunan warisan yang telah disenaraikan sebagai tapak warisan oleh Jabatan Warisan Negara di Pulau Pinang.

(b) Jika ada permohonan dari kerajaan negeri, berapakah tapak yang ditolak dan berapakah tapak yang diterima.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Setakat ini sebuah bangunan warisan telah disenaraikan sebagai tapak warisan kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 di Pulau Pinang iaitu bangunan Gereja St. George pada 6 Julai 2007.

(b) Selepas 7/7/2008, apabila George Town disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, bangunan-bangunan bersejarah di dalam kawasan tapak warisan dunia UNESCO tidak perlu lagi disenaraikan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 kerana kesemua bangunan-bangunan tersebut telah pun mempunyai prosedur dan peraturan kawalan yang tersendiri yang lengkap seperti pelan mengurus dan juga Garis Panduan Pembangunan yang khusus sepertimana yang disyaratkan oleh pihak UNESCO. Sehubungan dengan itu, kerajaan negeri belum lagi mengemukakan permohonan baru untuk senarai tambahan kepada Jabatan Warisan Negara.

XVII) Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Berapa buah geraikah yang telah dirobohkan oleh kerajaan negeri sejak Mac 2008 hingga kini.

(b) Di manakah lokasi gerai-gerai yang dirobohkan itu.

(c) Sila nyatakan jumlah tuan punya gerai-gerai yang dirobohkan itu mengikut kaum.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1) (a) Gerai penjaja yang telah diroboh/dirampas oleh MPSP mengikut lokasi dan pembahagian kaum sejak Mac 2008 adalah seperti berikut:

LOKASI	Melayu	Cina	India
SPU	1	1	0
SPT	5	0	0
SPS	0	1	0
Jum	6	2	0

(b) Gerai penjaja yang telah diroboh / dirampas oleh MPPP mengikut lokasi dan pembahagian kaum sejak Mac 2008 adalah seperti berikut:

LOKASI	Melayu	Cina	India	Lain-lain
DTL	9	8	3	5
DBD	2	2	0	0
JUMLAH	11	10	3	5

Maklumat mengenai gerai yang dirobohkan oleh MPPP sejak bulan Mac 2008 sehingga 2 Julai 2009.

Bil.	Tarikh	Tempat	Jenis Barangan	Kaum
1.	12.05.2008	Persiaran Bukit Jambul 1, Jambul View, bertentangan Blok 21	21 kerusi plastik, 2 payung, 5 meja, 1 kaki payung, 2 khemah jenis kanopi merah, 2 lampu panjang	Warganegara Indonesia
2.	29.05.2008	Blok 88-A, Persiaran Paya Terubong 2	1 kanopi merah, 1 *stall* aluminium, 2 dapur, 2 payung, 1 kaki paying, 1 kaki meja, 1 *showcase*, 13 bangku plastik, 4 kerusi plastik	Warganegara Indonesia
3.	04.06.2008	Jalan Yeap Chor Ee	19 balang gula-gula, 3 botol air mineral, 26 tin minuman, 8 bungkus keropok, 2 bungkus rokok daun, 2 bungkus tembakau, 2 papan tembakau	India
4.	05.06.2008	Sebelah No. 88-A, Persiaran Paya Terubong 2	38 kerusi plastik, 5 dapur, 2 kaki dapur, 2 tong ais, 1 lampu panjang, 2 lampu pendek, 1 *showcase*, 2 stor kayu, 2 payung.	Warganegara Indonesia
5.	05.06.2008	Sebelah No. 88-A, Persiaran Paya Terubong 2	1 stall empat roda, 1 dapur empat roda, 1 bakul kelapa muda, 3 kerusi plastik, 1 meja plastik, 2 kuali, 1 set payung, 1 *showcase*, 1 bekas air	Warganegara Indonesia
6.	05.06.2008	Sebelah No. 88-A, Persiaran Paya Terubong 2	1 periuk, 1 lampu panjang, 2 payung, 3 dapur, 1 *stall* empat roda, 1 tempat memasak, 1 tong ais, 10 meja, 39 kerusi plastik, 2 tong besar kosong	Warganegara Indonesia
7.	10.6.2008	Jalan Batu Ferringhi - hadapan Hotel Park Royal	1 longgokan besi, 3 lampu panjang, 1 longgokan bumbung dan kerangka besi	Cina
8.	05.07.2008	Jalan Yeap Chor Ee - hadapan Desa Pinang	2 kerusi plastik, 1 kerusi kayu, 1 meja komputer, 1 kaki meja, 1 kotak air mineral, 1 *tray* air tin, 4 plastik makanan ringan, 13 balang gula-gula, 1 bungkus rokok daun, 1 kotak gaharu, 2 kotak *lighter*	India
9.	10.07.2008	Taman Tun Sardon - Blok AC	2 tong gas, 3 gerai, 1 mesin ais kacang, 1 tong ais, 1 *showcase*, 28 kerusi plastik, 4 meja plastik, 2 dapur gas, 1 meja panjang, 3 tong air	Melayu
10.	15.07.2008	Jalan Tengah - hadapan Blok No. 8	Meroboh bangsal kayu kosong 8' x 8'	Cina
11.	11.08.2008	Lorong Sg. Dua - bertentangan KFC	1 set kerangka besi, 1 bidang tarpan hijau	Melayu

Bil.	Tarikh	Tempat	Jenis Barangan	Kaum

12.	11.08.2008	Lorong Sg. Dua - bertentangan KFC	1 gerai kerangka kayu, 1 bidang tarpan merah	Melayu
13.	15.10.2008	Jalan Magazine- sebelah Premis KIMNOVAK	1 longgokan kayu dan kain tarpan	Cina
14.	03.11.2008	Jalan Kelawei - hadapan Menara Yayasan	1 longgokan kerangka besi, 31 kerusi plastik, 1 kerangka meja, 7 meja plastik, 1 kaki dapur	Melayu
15.	29.01.2009	Jalan Sultan Azlan Shah - hadapan Restoran Goh Teo Kee, Taman Sri Nibong	1 kerangka besi khemah, 2 showcase, 1 meja besi, 1 stall besi, 14 kerusi rotan, 1 peti TV, 5 kerusi besi, 1 payung, 1 kaki payung	Melayu
16.	26.02.2009	Lebuh raya Thean Teik - hadapan Balai Polis Farlim	4 kepingan bumbung zink, 1 longgokan kayu	Melayu
17.	13.03.2009	Jalan Batu Ferringhi - hadapan Hotel Casaurina	1 longgokan kayu dan bumbung zink	Cina
18.	13.03.2009	Jalan Batu Ferringhi - hadapan Rumah Perak	1 stall besi	Cina
19.	13.03.2009	Jalan Batu Ferringhi - hadapan Rumah Perak	1 longgokan kerangka besi	Cina
20.	17.03.2009	Jalan Bukit Gambier - hadapan Petronas	1 longgokan kerangka besi, dan bumbung zink, 1 stainless steel, 1 hot plate, 2 dapur, 1 periuk air panas, 1 kontainer air, 1 tong gas, 1 mesin ais, 1 generator, 5 kerusi plastik, 1 payung, 1 meja plastik, 1 kaki meja	Melayu
21.	24.03.2009	Taman Permainan MPPP, Jalan Jelutong	1 kaki meja, 13 kerusi plastik, 3 meja plastik, 2 tong air, 1 bidang tarpaulin, 1 dapur, 1 showcase empat roda	Cina
22.	25.03.2009	Lorong Mahsiri 7, Bayan Baru	1 kotak kayu kasut, 1 longgokan kayu dan zink	Melayu
23.	02.04.2009	Jalan Tg. Tokong - sebelah Balai Polis	31 keping bumbung zink, 1 longgokan kerangka kayu, 1 kerusi malas, 1 meja aluminium, 3 lampu kalimantang, 1 kotak fius	Melayu
24.	07.04.2009	Jalan Sir Ibrahim	1 longgokan kerangka besi dan 1 longgokan bumbung zink	Cina
25.	08.04.2009	Jalan Kelawei - hadapan Menara Yayasan	4 meja jenis stainless steel, 8 kerusi stainless steel, 1 kerusi bulat stainless steel, 1 tong gas, 1 dapur masak, 1 payung, 2 besen merah	Melayu
26.	20.5.2009	Jalan Batu Ferringhi - hadapan Rumah Perak	2 khemah dan 1 longgokan kerangka besi dan zink	Cina
27.	16.6.2009	Jalan Gangsa	1 longgokan kerangka besi, 17 tong gas, 5 payung, 5 kaki paying, 1 TV Sanyo, 1 Decorder Astro, 13 meja plastik, 2 meja kayu, 69 kerusi plastik, 8 stall, 5 dapur	Cina
28.	24.6.2009	Jalan Kelawei - hadapan Menara Yayasan	1 tong ais biru, 2 tong merah, 2 stall empat roda, 2 dapur stainless steel, 4 tong gas, 3 kaki payung, 4 payung, 10 meja stainless steel, 1 kaki meja besi, 30 kerusi stainless steel, 1 meja, 1 dapur, 1 khemah 4 kaki	Melayu
29.	2.7.2009	Jalan Perusahaan Jelutong 3 - hadapan Puspakom	1 longgokan kerangka kayu, 6 bangku besi, 7 kerusi plastik, 1 kaki payung, 1 tong ais merah, 1 bidang kanvas, 1 dapur merah, 1 payung, 7 kerusi plastik, 1 tangga besi, 1 bekas ais, 1 bekas buah, 1 meja, 1 longgokan perkakas masak	India

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Di manakah kediaman sementara YAB Ketua Menteri sekarang ini sementara menunggu kediaman rasminya, Seri Teratai di baik pulih.

(b) Adakah YAB Ketua Menteri tinggal secara percuma atau disewa dan jika disewa berapakah sewa bulanannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Y.A.B. Tuan Ketua Menteri telah berpindah ke kediaman bermula dari 3 Julai 2009. Pemindahan ini adalah bertujuan bagi memberi laluan kepada pembaikan major dan rawatan anai-anai oleh Jabatan Kerja Raya. Beliau tidak membelanjakan suatu sen pun atau pembaikan dan pengubahsuaian rumah sewa. Segala perbelanjaan ditanggung oleh pemilik rumah yang bercadang menduduki pada masa depan. Memandangkan pemilik rumah ingin menduduki rumahnya maka YAB Ketua Menteri telah bersetuju tidak mendedahkan butiran lanjut ini kerana ia melibatkan ruangan peribadi pemilik rumah *(Privacy).*

Perlu ditegaskan YAB Ketua Menteri tidak menggunakan wang awam dan hanya menggunakan elaun perumahan yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang juga dinikmati oleh YB Tan Sri Dr Koh Tsu Koon. Atas sebab itulah, pemimpin BN dulu dan kini tidak pernah dijadikan isu politik bila menyewa rumah. Jelas pihak tertentu kehilangan modal dan ketandusan isu politik bila cuba menjadikan isu atas YAB Ketua Menteri menyewa rumah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Berapa ramaikah tenaga kerja tempatan yang telah diberhentikan oleh pihak swasta dan juga kerajaan negeri sejak April 2008 hingga kini.

(b) Berapakah jumlah kerja baru yang telah diwujudkan oleh kerajaan negeri sekarang ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Menurut statistik Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, bilangan pekerja tempatan yang telah diberhentikan oleh pihak swasta dari bulan April 2008 sehingga 15 Julai 2009 adalah seramai 7,002 orang. Manakala di pihak kerajaan negeri, tiada penjawat awam yang diberhentikan atas sebab kegawatan ekonomi. Walau bagaimanapun, sejumlah 33 orang penjawat awam telah diberhentikan atas sebab masalah tatatertib dan kegagalan menunjukkan prestasi seperti yang disyaratkan seperti berikut:-

Bil.	Jabatan / Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan	Bilangan Orang
1	20 Jabatan Negeri yang hal ehwal perjawatannya diuruskan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP)	7
2	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	tiada
3	Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)	6
4	Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)	10
5	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang(PPAPP)	10
	JUMLAH	**33**

(b) Jumlah kerja baru yang diwujudkan oleh kerajaan negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Jabatan / Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan	Bilangan Orang
1	Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	16
2	Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)	76
3	Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)	17
4	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang (PPAPP)	66
5	Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang(PPAPP)	10
	JUMLAH	**175**

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Apakah aktiviti/program pertanian yang telah dibangunkan, diperkembangkan atau dimajukan sekarang ini.

(b) Di manakah lokasi aktiviti/program ini dilaksanakan.

(c) Berapakah peningkatan purata pendapatan setiap petani, penternak atau nelayan hasil dari aktiviti/program ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Aktiviti dan program yang sedang/telah dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian pada masa sekarang ialah:

(i) Program pembangunan industri tanaman makanan seperti tanaman padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman ladang;

(ii) Program pembangunan industri pemprosesan makanan.

(iii) Program pembangunan lain-lain tanaman ekonomi seperti tanaman cendawan, herba, vermikompos dan bunga-bungaan;

(iv) Program pembangunan kawasan kelapa;

(v) Program pembangunan sumber manusia;

(vi) Program pembangunan kelompok tani;

(vii) Program pembangunan petani pelapis; dan

(viii) Program pembangunan aktiviti jualan terus

(b) Aktiviti dan program yang sedang/telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada masa sekarang ialah:-

(i) Program kawalan pencemaran dengan penggunaan tekonologi *Useful Microbes (UM);* dan

(ii) Program pembangunan penternak termasuklah program ternakan ayam piru.

Lokasi program yang dijalankan adalah seperti di Jadual I.

(c) Peningkatan purata pendapatan setiap petani dan penternak hasil dari aktiviti/program ini adalah seperti di Jadual II.

Jadual 1

Lokasi program yang dijalankan oleh Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

1. Air Melintas Besar
2. Air Melintas Kecil
3. Alor Merah
4. Ara Kuda
5. Badak Mati
6. Bagan
7. Bagan Buaya
8. Bagan Nyiur Juru
9. Bakar Bata
10. Bakau Tok Kiat
11. Balik Bukit
12. Batas Pinang
13. Batu Itam
14. Batu Kawan
15. Batu Lanchang
16. Berangan Sembilan
17. Berapit
18. Bukit Air Itam
19. Bukit Bendera
20. Bukit Chengkeh
21. Bukit Indera Muda
22. Bukit Jelutong
23. Bukit Kechil
24. Bukit Langkap
25. Bukit Machang Bubuk
26. Bukit Merah
27. Bukit Pulau Betong
28. Bukit Sementol
29. Bukit Sungai Pinang
30. Bukit Teh
31. Bukit Tok Kun
32. Bumbung Lima
33. Changkat
34. Changkat Dain
35. Cherok Tok Kun
36. Dua Kongsi
37. Ekor Kucing / Sungai Korok
38. Gelong Bubu
39. Genting
40. Guar Jering
41. Guar Kepah
42. Guar Kepayang
43. Guar Perahu
44. Jalan Bharu
45. Jalan Changkat
46. Jalan Sempadan
47. Jarak Atas
48. Jawi Kem
49. Juru
50. Jusco Quesbay Mall
51. Kampung Alma
52. Kampung Aman
53. Kampung Balik Bukit
54. Kampung Baru
55. Kampung Baru Alma
56. Kampung Besar

57. Kampung Bukit Panchor
58. Kampung Changkat
59. Kampung Cherok Tok Kun
60. Kampung Cross Street
61. Kampung Datuk
62. Kampung Enam
63. Kampung Lima Kongsi
64. Kampung Machang Bubuk
65. Kampung Masjid
66. Kampung Masjid Baru
67. Kampung Padang
68. Kampung Paya Simpang Empat
69. Kampung Pelet
70. Kampung Perlis
71. Kampung Perlis
72. Kampung Pertama
73. Kampung Petani
74. Kampung Sardon
75. Kampung Selamat
76. Kampung Stol
77. Kampung Sungai Dua
78. Kampung Telok / Sungai Kecil
79. Kampung Terang
80. Kampung Tersusun
81. Kampung Terus
82. Kampung Tok Bedu
83. Kampung Tok Otek
84. Kampung Tok Sani
85. Kampung Tun Sardon
86. Kebun Sireh
87. Kepala Bukit
88. Kepala Gajah
89. Kongsi
90. Kongsi Sepuluh
91. Kota Aur
92. Kuala Jalan Bahru
93. Kuala Mengkuang
94. Kubang Menerong
95. Kubang Semang
96. Kubang Ulu
97. Labuh Banting
98. Ladang Valdor
99. Lahar Ikan Mati
100. Lahar Kepar
101. Lahar Minyak
102. Lahar Tembun
103. Lahar Tiang
104. Lahar Yooi/ Nyior Sebatang
105. Lembah Raja
106. Machang Bubuk
107. Mengkuang Berapit
108. Mengkuang Mak Sulong
109. Mengkuang Sungai Lembu
110. Mengkuang Titi
111. Nibong Tebal
112. Nyiur Sebatang
113. Padang Beka
114. Padang Beka / Kampung Setol
115. Padang Chempedak
116. Padang Lalang
117. Padang Menora

118. Padang Tembusu
119. Padang Temusu
120. Pajak Song
121. Pantai Acheh
122. Pantai Kamloon
123. Pantai Permatang Pasir
124. Parit Kasa
125. Pasir Gebu
126. Paya Chong
127. Paya Guar Kepah
128. Paya Keladi
129. Paya Keladi Hujung
130. Paya Keladi Masjid
131. Paya Kongsi
132. Paya Terubung
133. Pekan Darat
134. Penaga
135. Pengkalan Batu
136. Pengkalan Bongor
137. Permatang Ara
138. Permatang Bendahari
139. Permatang Berangan
140. Permatang Binjai
141. Permatang Bongor/ Guar Kepah
142. Permatang Buluh
143. Permatang Che Tak
144. Permatang Damar
145. Permatang Janggus
146. Permatang Keling
147. Permatang Kerai Besar
148. Permatang Kerai Kecil
149. Permatang Keriang
150. Permatang Kuala
151. Permatang Kuang
152. Permatang Langsat
153. Permatang Manggis
154. Permatang Nibong
155. Permatang Pak Elong
156. Permatang Pak Maras
157. Permatang Panjang
158. Permatang Pasir
159. Permatang Pauh
160. Permatang Rambai
161. Permatang Rawa
162. Permatang Rotan
163. Permatang Saga/ Tepi Sungai
164. Permatang Sintok
165. Permatang Sireh
166. Permatang Sungai Dua
167. Permatang Tengah
168. Permatang Tiga
169. Permatang Tinggi
170. Permatang Tok Bidan
171. Permatang Tok Brain
172. Permatang Tok Gelam
173. Permatang Tok Jaya
174. Permatang Tuan Samad
175. Pokok Jenerih
176. Pokok Kenanga
177. Pokok Sena
178. Pokok Tampang

179. Pondok Upeh
180. Pongsu Seribu
181. Pulau Betong
182. Rantau Panjang
183. Relau
184. Sama Gagah
185. Seberang Jaya
186. Sungai Acheh Ban
187. Sungai Air Itam
188. Sungai Ara
189. Sungai Ara Bukit
190. Sungai Bakap
191. Sungai Baong
192. Sungai Buaya
193. Sungai Burung
194. Sungai Burung Darat
195. Sungai Chenaam
196. Sungai Duri
197. Sungai Kecil
198. Sungai Lembu Kem
199. Sungai Nipah
200. Sungai Pinang
201. Sungai Rusa
202. Sungai Semambu
203. Sungai Setar
204. Sungai Setar Kechil
205. Sungai Sintok
206. Sungai Tok Tong Tong
207. Sungai Tongkang
208. Sungai Udang
209. Taman Janggus
210. Taman Pokok Sen
211. Tanah Liat
212. Tanjung Berembang
213. Tanjung Putus
214. Tasek Cempedak
215. Tasek Junjong
216. Telok Air Tawar
217. Teluk Kumbar
218. Titi Teras
219. Wellesley

Lokasi program yang dijalankan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Jawi
Valdor
Taek Cempedak
Kampung Selamat
Kubang Menerong
Pokok Sena
Teluk Kumbar
Relau
Permatang pauh
Permatang Sireh
Tasek Gelugor

Jadual II

Bagi subsektor tanaman, peningkatan purata pendapatan petani mengikut komoditi padi, sayur-sayuran, buah-buahan dan industri asas tani bagi tahun-tahun 2006, 2007 dan 2008 hasil dari aktiviti/program yang dijalankan secara berterusan ini adalah seperti jadual di bawah:

Padi

Tahun	Purata Pendapatan (RM)
	Peserta / Bulan
2006	1,102.09
2007	1,364.33
2008	1,253.72

Buah-buahan

Tahun	Purata Pendapatan (RM)
	Peserta / Bulan
2006	520.82
2007	790.02
2008	1,559.49

- Peningkatan pendapatan disebabkan oleh pembangunan projek tanaman nanas dan pisang.

Sayur-sayuran

Tahun	Purata Pendapatan (RM)
	Peserta / Bulan
2006	2,387.59
2007	3,839.86
2008	2,386.47

- Penurunan purata pendapatan disebabkan oleh kos input pengeluaran yang tinggi (kenaikan harga minyak dan input pertanian)

Industri Asas Tani

Tahun	Purata Pendapatan / Bulan (RM)
2006	2,004.45
2007	1,982.85
2008	2,166.11

Bagi subsektor ternakan, jangkaan hasil dari aktiviti/program yang dijalankan adalah seperti berikut:

(i) Dalam program ternakan ayam piru, jangkaan peningkatan pendapatan purata penternak adalah di antara RM500.00 – RM1,000.00 sebulan.

(ii) Dalam program penggunaan teknologi UM, bukan hanya pencemaran bau dan lalat dapat dikawal, tetapi ianya boleh meningkat pengeluaran hasil penternakan. Kajian ringkas ke atas ladang ternakan ayam yang menggunakan kaedah teknologi UM menunjukkan terdapat peningkatan pengeluaran dengan penjimatan penggunaan makanan kesan daripada kadar pertumbuhan berat badan yang cepat, kurang dijangkiti penyakit dan kadar kematian yang rendah.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah produk-produk pelancongan yang diwujudkan oleh kerajaan negeri sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan negeri telah mewujudkan beberapa produk pelancongan baru serta memperkukuhkan produk-produk pelancongan sedia ada. Sepanjang tahun 2008 pelbagai acara pelancongan bertaraf antarabangsa telah diadakan di Pulau Pinang.

Antara produk pelancongan yang diwujudkan kerajaan negeri ialah acara yang telah dijalankan sepanjang tahun 2008 iaitu Penganjuran Pesta Seni Silat Nusantara, Pesta Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa, Kejohanan Basikal Bukit Antarabangsa, Kejohanan Golf Amatur Antarabangsa, Kejohanan Jemputan Bola Keranjang Dunia Yang Kelima Belas, Pertandingan Memancing Antarabangsa, Kejohanan Tarian Ball-Room Antarabangsa, Kejohanan Antarabangsa Bowling Pesta Pulau Pinang dan Regatta Antarabangsa Mengelilingi Pulau Pinang. Kesemua acara pelancongan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pihak.

Bandar George Town pula telah disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 7 Julai 2008. Pengiktirafan ini amat bermakna kepada kerajaan negeri dalam pemuliharaan produk berasaskan warisan sebagai tarikan pelancongan. Produk lain ialah perkhidmatan WIFI dan WIMAX yang disediakan secara percuma di daerah Timur Laut yang meliputi kawasan Bandar George Town, Pengkalan Weld, Jalan Burma, persekitaran Persiaran Gurney ke Jalan Kebun Bunga juga hingga kawasan Bukit Jambul dan Bayan Mutiara. Perkhidmatan ini turut merangkumi kawasan di Seberang Perai seperti kawasan Butterworth, Kampung Jawa, Kampung Perlis dan Kampung Benggali. Perkhidmatan ini menjadikan negeri ini lebih berdaya saing dan pada masa yang sama memberi perkhidmatan telekomunikasi yang terbaik kepada pelancong serta penduduk Pulau Pinang secara keseluruhannya.

Pembukaan beberapa buah hotel baru, ia turut merancakkan lagi industri pelancongan di Pulau Pinang antaranya pembukaan Tune Hotel di Pulau Pinang yang menawarkan pakej keluarga pada harga yang kompetitif. Pembinaan hotel-hotel baru di kawasan yang strategik akan dapat memberi pilihan yang lebih kepada pelancong yang datang ke Pulau Pinang.

Selain itu melalui pembinaan hotel-hotel baru akan membantu memenuhi keperluan pelancong terutama ketika musim cuti sekolah yang mencatatkan peningkatan tempahan bilik hotel. Penyertaan dalam pameran yang disertai, ia merupakan satu usaha tarikan pelancongan untuk melawat Pulau Pinang melalui penyertaan ke MATTA Fairs di Singapura, MATTA Travel Fair di Kuala Lumpur, MATTA Travel IMT-GT di Pulau Pinang, Asia Tourism Forum di Singapura, ITD di Jerman, Manchester Travel Mart, Arabian Travel Mart, European Incentive and Business and Travel Meeting and Exhibition di Geneva dan lain-lain.

Dengan usaha ini, Pulau Pinang akan menjadi tumpuan pasaran utama pelancong daripada negara Eropah, Jepun dan Australia, di samping dapat menerokai pasaran-pasaran baru seperti Negara-negara Timur Tengah, India dan China.

XVIII) Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Nyatakan persediaan Pulau Pinang untuk menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) 2010 di Melaka.

   (a) Adakah Pulau Pinang akan menyertainya dan berapakah perbelanjaan yang disediakan.

   (b) Nyatakan bilangan atlet yang akan menyertainya, jenis sukan dan sasaran pingat.

   (c) Apakah langkah untuk memajukan atlet yang berjaya dalam SUKMA.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Program yang dirangka oleh kerajaan negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang untuk menyediakan para atlet dan bakal kontinjen SUKMA 2010 adalah melalui beberapa siri program dan bentuk latihan menyeluruh. Antaranya ialah seperti berikut:-

   (a) Sukan Pulau Pinang 2009 (SUKPEN 2009)

   Sukan Pulau Pinang atau ringkasnya SUKPEN adalah bermaksud satu pertandingan beraneka jenis sukan *(multi sports event)* yang dipertandingkan antara daerah-daerah Negeri Pulau Pinang. SUKPEN dianjurkan bagi:-

   (i) melibatkan semua daerah, kelab, persatuan dan agensi-agensi sukan;

   (ii) mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang sukan;

   (iii) melibatkan lebih ramai atlet secara menyeluruh; dan

   (iv) melahirkan budaya kesukanan di kalangan rakyat.

   (b) Festival Sukan Kombat 2009 (FESKOM 2009)

   Festival Sukan Kombat atau ringkasnya FESKOM melibatkan semua acara yang dipertandingkan dalam sukan tempur atau *combat sports* yang melibatkan sentuhan badan. Festival ini adalah bertaraf antarabangsa yang melibatkan penyertaan dari negara-negara luar. FESCOM melibatkan lebih 100 atlet Pulau Pinang. Beberapa jenis sukan kombat seperti tinju, pencak silat, karate, taekwando, judo, silambam, lawan pedang dan wushu dipertandingkan. FESCOM diadakan bagi tujuan berikut:-

   (i) mengukur tahap atau prestasi atlet Pulau Pinang dengan pasukan lawan;

   (ii) mengkaji kekuatan dan kelemahan atlet negeri kita dibandingkan dengan atlet lain;

   (iii) meningkatkan kemahiran dan prestasi sukan kombat; dan

   (iv) membuat persediaan yang lebih rapi bagi kontinjen Pulau Pinang dalam menghadapi SUKMA 2010 Melaka.

   (c) Atlet Skuad Latihan SUKMA XIII 2010 Melaka

   Atlet skuad latihan ini adalah merupakan atlet yang terpilih untuk menyertai SUKMA XIII 2010 Melaka. Jurulatih akan mengenal pasti atlet yang layak untuk mewakili Pulau Pinang dan atlet berkenaan boleh bersaing untuk mendapatkan pingat atau sekurang-kurangnya layak ke pusingan akhir.

Atlet berkenaan akan dilatih untuk membantu atlet elit dan sekiranya boleh memenangi pingat merupakan satu bonus kepada kontinjen Pulau Pinang. Atlet ini dijaga dari segi kebajikan dengan bayaran elaun, pakaian dan menyertai pertandingan atau ujian di dalam proses penyediaan atlet SUKMA.

Program ini akan melibatkan seramai lebih kurang 400 atlet kontinjen Pulau Pinang ke SUKMA XIII Melaka 2010.

(d) Atlet Projek MUTIARA (Penyediaan ke SUKMA dan Jangka Panjang)

Projek Mutiara merupakan projek jangka panjang yang telah dirangka oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang berdasarkan latihan sepenuh masa sepanjang tahun. Seramai 40 atlet yang terpilih di dalam projek MUTIARA ini adalah terdiri di kalangan atlet elit dan Skuad Latihan untuk menghadapi SUKMA XIII 2010 nanti. Mereka akan menjalani latihan sepenuh masa dan tempat latihan adalah berdekatan dengan asrama yang disediakan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

Antara sukan-sukan yang terlibat dengan projek MUTIARA ini ialah sukan angkat berat, silat, taekwando, tinju, lumba basikal dan sepak takraw. Atlet berkenaan akan tinggal di asrama yang disediakan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dan perlu menjalani latihan dua (2) sesi sehari. Kebajikan atlet tersebut akan dijaga dengan pihak MSNPP menyediakan lima (5) kali makan sehari, elaun bulanan dan pemberian *food supplement* (makanan tambahan).

(e) Program Atlet Elit SUKMA XIII 2010 Melaka

Program Atlet Elit bermaksud atlet-atlet yang meraih pingat di SUKMA yang lalu dan dipilih masuk ke skim atlet elit SUKMA XIII 2010 Melaka. Atlet-atlet ini dibahagikan kepada dua (2) kategori mengikut status kemenangan pingat di SUKMA lalu. Kategori A bagi mereka yang meraih pingat emas dan kategori B bagi mereka yang meraih pingat perak dan gangsa.

Atlet-atlet ini diberi kemudahan pakaian seragam dan pemakanan tambahan *(food supplement)* dengan bayaran insentif bulanan mengikut kategori masing-masing. Kategori A dibayar RM500.00 sebulan dan Kategori B dibayar RM300.00 sebulan.

Lain-lain atlet yang tidak menyertai SUKMA tetapi menunjukkan prestasi baik dengan kemenangan di pertandingan kebangsaan atau setaraf dengan SUKMA boleh dilantik ke program ini. Program ini melibatkan seramai 80 atlet yang berpotensi untuk menyumbangkan pingat di SUKMA 2010 Melaka.

(f) Skuad Pelapis Pulau Pinang

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) dengan kerjasama Persatuan Sukan mengenal pasti bakat-bakat baru untuk dicungkil atau diketengahkan pada SUKMA yang akan datang.

MSNPP memerlukan atlet pelapis supaya kontinjen Pulau Pinang tidak ketandusan atlet yang boleh menyumbangkan pingat di SUKMA yang akan datang. Atlet yang berada di dalam kategori ini juga akan diberi perhatian dan latihan yang secukupnya.

(g) Kejurulatihan

MSNPP akan meningkatkan kualiti bidang kejurulatihan dari segi sains sukan selaras dengan kehendak Majlis Sukan Negara dan Institut Sains Sukan. Semua jurulatih yang dilantik oleh MSNPP dikehendaki memiliki Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) tahap I, II dan III di samping meningkatkan sijil sukan spesifik masing-masing.

Periodization Plan akan dilaksanakan dan semua jurulatih mesti mempunyai program *periodization plan* jangka masa pendek dan jangka masa panjang. MSNPP akan mengenal pasti dan melantik beberapa jurulatih dari dalam dan luar negara untuk menampung sukan-sukan yang mempunyai masalah jurulatih.

(h) Program Latihan

MSNPP amat menitikberatkan program latihan untuk melatih atlet yang akan mewakili Pulau Pinang di SUKMA XIII 2010 Melaka. Jurulatih akan melatih atlet dengan mengikut *periodization plan* yang telah dibuat agar atlet mencapai tahap kemuncak semasa SUKMA XIII 2010 nanti. Majlis Sukan Negeri (MSN) juga mengadakan perbincangan dengan Persatuan Sukan berhubung dengan sesi latihan di dalam dan luar negara termasuk sistem latihan yang dijalankan. Di dalam sistem latihan terdapat empat (4) perkara asas yang diberi penekanan iaitu teknikal, taktikal, kecergasan dan mental.

(i) Penumpuan bagi Sukan yang Berpotensi dan Menawarkan Banyak Pingat.

MSNPP akan memberi penumpuan kepada jenis-jenis sukan yang berpotensi untuk meraih pingat di SUKMA XIII 2010 Melaka nanti seperti akuatik, olahraga, menembak dan memanah dan sukan tempur *(combat sports).* MSNPP mensasarkan sebanyak 40 pingat emas untuk diraih di SUKMA 2010 Melaka.

Ini bukan bermakna MSNPP akan mengabaikan sukan yang lain terutama sukan berpasukan dan sukan yang kurang berpotensi. MSNPP juga akan memberi perhatian kepada sukan berkenaan supaya semua sukan yang akan dipertandingkan boleh meraih kejayaan.

(j) Pertandingan

MSNPP akan menghantar atlet-atlet untuk menyertai pertandingan di dalam dan luar negara mengikut pelan yang telah diaturkan oleh jurulatih untuk mengukur prestasi atlet berkenaan dan juga mengetahui ranking atlet tersebut dan juga ranking atlet pihak lawan.

(k) Peralatan

MSNPP akan membuat pembelian peralatan sukan seperti sukan menembak, memanah, lumba basikal, sukan tempur dan sukan berpasukan.

(l) Makanan Tambahan *(Food Supplement)*

Makanan tambahan amat diperlukan oleh setiap atlet terutamanya atlet elit kerana makanan tambahan dapat meningkatkan lagi tahap kecergasan atlet, menggantikan tenaga yang keluar, meningkatkan lagi kadar metabolisme badan atlet dan membantu pertumbuhan badan atlet.

(a) Pulau Pinang akan menyertai SUKMA 2010 Melaka dan perbelanjaan yang disediakan ialah sebanyak RM1,235,300.00.

(b) Bilangan atlet yang akan menyertainya ialah seramai 400 orang.

Jenis sukan yang akan disertai oleh atlet Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

Bil.	**Jenis Sukan**
(i)	Angkat Berat
(ii)	Badminton
(iii)	Bola Sepak
(iv)	Gimnastik Artistik
(v)	Hoki
(vi)	Olahraga

(vii) Skuasy
(viii) Tenpin Bowling
(ix) Renang
(x) Berbasikal
(xi) Karate
(xii) Lawn Bowl
(xiii) Memanah
(xiv) Menembak
(xv) Perahu Layar
(xvi) Pencak Silat
(xvii) Sepak Takraw
(xviii) Taekwando
(xix) Wushu
(xx) Bola Jaring
(xxi) Bola Keranjang
(xxii) Ekuestrian
(xxiii) Petanque
(xxiv) Ping Pong
(xxv) Silambam
(xxvi) Tinju

Sasaran pingat Kontinjen Pulau Pinang untuk SUKMA ke XIII adalah seperti berikut:-

Jenis Pingat	Jumlah
Emas	40
Perak	45
Gangsa	50

(c) Bagi atlet yang berjaya dan menunjukkan prestasi cemerlang di SUKMA, MSNPP akan memberikan penekanan berterusan atas latihan yang diberikan kepada atlet tersebut.

MSNPP juga mengadakan perbincangan dengan Persatuan-persatuan Sukan berhubung dengan sesi latihan di dalam dan luar negara termasuk sistem latihan yang dijalankan dalam memastikan atlet tersebut sentiasa bersedia dari segi teknikal, taktikal, kecergasan dan mental untuk bersaing di persada sukan tanah air dan antarabangsa.

MSNPP juga mengambil langkah untuk menaik taraf peralatan dan kemudahan sukan untuk atlet tersebut di dalam pertandingan dan juga latihan terutamanya bagi sukan menembak, memanah, gimnastik, wushu dan lain-lain sukan tempur dan sukan berpasukan.

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Nyatakan perancangan menyeluruh untuk memajukan bidang sukan di Pulau Pinang.

(a) Apakah jenis sukan yang mampu menjulang nama Pulau Pinang.

(b) Apakah usaha yang dilakukan untuk mengekalkan atlet cemerlang terus berada di Pulau Pinang.

(c) Peruntukan tahunan yang disediakan untuk pembangunan sukan dan pecahan mengikut acara sukan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) telah membuat perancangan menyeluruh untuk memajukan bidang sukan di Pulau Pinang dengan merancang beberapa program seperti berikut:

Menaik taraf Kemudahan Sukan (Kemudahan Latihan Atlet)

MSNPP telah menaik taraf beberapa kemudahan sukan yang berada di bawah MSNP seperti:

i. Stadium Negeri Batu Kawan;
ii. Dewan Titi Mukim;
iii. Gelanggang Futsal di Titi Mukim;
iv. Wisma Angkat Berat Bukit Mertajam;
v. Gymnasium MSNPP Batu Uban;
vi. Dewan Gimnastik MSNPP;
vii. Dewan Gimrama MSNPP;
viii. Kompleks Silat Batu Uban;
ix. Gelanggang Tinju Batu Uban; dan
x. Pusat Latihan Angkat Berat Batu Uban.

Kejurulatihan

MSNPP akan meningkatkan kualiti bidang kejurulatihan dari segi sains sukan selaras dengan kehendak Majlis Sukan Negara dan Institut Sains Sukan. Semua jurulatih yang dilantik oleh MSNPP dikehendaki memiliki Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) tahap I, II dan III di samping meningkatkan sijil sukan spesifik masing-masing. *"Periodization Plan"* akan dilaksanakan dan semua jurulatih mesti mempunyai program *periodization plan* jangka masa pendek dan jangka masa panjang. MSNPP akan mengenal pasti dan melantik beberapa jurulatih dari dalam dan luar negara untuk menampung sukan-sukan yang mempunyai masalah jurulatih.

Peralatan

MSNPP akan membuat pembelian peralatan sukan seperti sukan menembak, memanah, lumba basikal, sukan tempur dan sukan berpasukan.

Makanan Tambahan (Food Supplement)

Makanan tambahan amat diperlukan oleh setiap atlet terutamanya atlet elit kerana makanan tambahan dapat meningkatkan lagi tahap kecergasan atlet, menggantikan tenaga yang keluar, meningkatkan lagi kadar metabolisme badan atlet dan membantu pertumbuhan badan atlet.

Pertandingan

MSNPP akan menghantar atlet-atlet untuk menyertai pertandingan di dalam dan luar negara mengikut pelan yang telah diaturkan oleh jurulatih untuk mengukur prestasi atlet berkenaan dan juga mengetahui ranking atlet tersebut dan juga ranking atlet pihak lawan.

Skuad Pelapis Pulau Pinang

MSNPP dengan kerjasama persatuan sukan mengenal pasti bakat-bakat baru untuk dicungkil atau diketengahkan pada SUKMA yang akan datang.

MSNPP memerlukan atlet pelapis supaya kontinjen Pulau Pinang tidak ketandusan atlet yang boleh menyumbangkan pingat di SUKMA yang akan datang. Atlet yang berada di dalam kategori ini juga akan diberi perhatian dan latihan yang secukupnya.

Bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara/Institut Sukan Negara.

MSNPP sentiasa bekerjasama dengan MSNM dan ISN dari pelbagai aspek seperti Sains Sukan. Membantu program-program MSNM di peringkat negeri seperti program pelapis, USPTN, Pencarian Bakat *(Talent ID)*

(i) Badminton, skuasy, karate, menembak, tenpin bowling, memanah dan golf merupakan antara sukan yang mampu menjulang nama Pulau Pinang di peringkat antarabangsa. Di antara contohnya ialah Dato' Lee Chong Wei pemenang pingat Perak Sukan Olimpik bagi sukan badminton, Dato' Nicol Ann David, juara dunia dan pemain skuasy nombor satu dunia, Cheng Chu Sian, atlet memanah yang berjaya melayakkan diri ke peringkat suku akhir Sukan Olimpik dan adik Bryan Teoh Wiyang bagi sukan golf di Kejohanan World Junior di San Diego.

(ii) Bagi mengekalkan atlet cemerlang terus berada di Pulau Pinang, kerajaan negeri melalui MSNPP telah mengadakan Program Atlet Elit. Atlet-atlet ini dibahagikan kepada dua (2) kategori mengikut status kemenangan pingat di SUKMA iaitu Kategori A bagi mereka yang meraih pingat emas dibayar RM500.00 sebulan dan Kategori B bagi mereka yang meraih pingat Perak dan Gangsa dibayar RM300.00 sebulan.

Majlis Anugerah Sukan Negeri turut diadakan untuk memberi pengiktirafan atas pencapaian cemerlang atlet-atlet tersebut sebagai menghargai jasa, sumbangan dan pencapaian oleh atlet-atlet yang gemilang dalam bidang sukan. Berikut adalah pelbagai jenis anugerah yang diberikan:

i. Anugerah TYT Yang Di-Pertua Negeri;
ii. Anugerah Olahragawan dan Olahragawati;
iii. Anugerah Atlet Cemerlang Negeri (Lelaki & Wanita);
iv. Anugerah Pasukan Terbaik (Lelaki & Wanita);
v. Anugerah Tokoh Pemimpin Sukan;
vi. Anugerah Jurulatih Terbaik;
vii. Anugerah Olahragawan & Olahragawati Paralimpik.

Perbelanjaan Tahun 2009 untuk Pembangunan Sukan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

BIL	JENIS PERBELANJAAN	KOS (RM)
1.	Bayaran Elaun Jurulatih Sambilan	129,000.00
2.	Bantuan Pentadbiran Persatuan Sukan	100,000.00
3.	Pertandingan Luar	283,000.00
4.	Pertandingan Dalaman	50,000.00
5.	Peralatan dan Penyelenggaran Alatan	220,000.00
6.	Latihan Pusat/Latihan Luar Negara	50,000.00
7.	Kebajikan Atlet Elit/Skuad Sukma/Mutiara	635,800.00
8.	Bekalan Makan & Perubatan	60,000.00
9.	Kem Latihan Mental Untuk Atlet/Jurulatih	40,000.00
10.	Insuran Atlet & Jurulatih	20,000.00
11.	Bantuan Subsidi kepada Akademi Sukan	50,000.00
12.	Program Sukan Untuk Semua	50,000.00
13.	SUKPEN/FESMAS/FESKOM	550,000.00
	Jumlah :	**2,237.800.00**

Pecahan peruntukan tahunan mengikut acara sukan adalah seperti berikut:

Bil	Sukan	Jumlah (RM)
1	Angkat Berat	6,000.00
2	Badminton	6,000.00
3	Boling Padang	8,000.00
4	Bola Keranjang (L &W)	16,000.00
5	Bola Jaring	6,000.00
6	Bola Sepak	5,000.00
7	Gimnastik /Gimrama	9,000.00
8	*Equestrian*	8,000.00
9	Hoki (L&W)	20,000.00
10	*Karate-do*	12,000.00
11	Lumba Basikal	8,000.00
12	Memanah	8,000.00
13	Menembak	12,000.00
14	Olahraga	12,000.00
15	Pelayaran	9,000.00
16	*Petanque*	8,000.00
17	Ping Pong	12,000.00
18	Akuatik	15,000.00
19	Sepak Takraw	12,000.00
20	Silat Olahraga	12,000.00
21	Skuasy	12,000.00
22	Silambam	8,000.00
23	*Tenpin Bowling*	12,000.00
24	Tinju	9,000.00
25	Taekwando	9,000.00
26	Wushu	9,000.00
27	Lain-lain sukan	20,000.00
	Jumlah keseluruhan	**283,000.00**

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Nyatakan masalah dan kerosakan yang dihadapi oleh Stadium Batu Kawan.

   (a) Langkah yang diambil untuk membaiki dan kos yang diperlukan.

   (b) Apakah acara yang dianjurkan di Stadium Batu Kawan dan sambutannya.

   (c) Nyatakan agensi kerajaan yang terlibat menyelia dan menyelenggarakan dan kos yang dibelanjakan sejak dibuka.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun mengenal pasti kerosakan pada Stadium Negeri Batu Kawan dan akan membaik pulih kerosakan tersebut dengan kerjasama daripada Jabatan Kerja Raya. Antara kerosakan-kerosakan yang dikenal pasti adalah kebocoran pada sambungan bangunan, sistem pendawaian dan serangan anai-anai.

   Kos yang diperlukan untuk kerja-kerja pembaikan tersebut ialah dianggarkan berjumlah RM1,635,000.00.

(b) Acara-acara yang telah dianjurkan di Stadium Negeri Batu Kawan ialah:

i. Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-sekolah Negeri Pulau Pinang

Penyertaan adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah di seluruh Pulau Pinang. Sambutan adalah amat menggalakkan.

ii. Astro Ceria

Penyertaan adalah daripada kanak-kanak dan sambutan adalah amat menggalakkan daripada ibu bapa dan orang ramai.

iii. 'Program Pi Batu Kawan' – Karnival Buah-buahan & Makanan

Acara-acara yang dijalankan:

- Pertandingan memasak ikan keli dan itik
- Pertandingan mewarna kanak-kanak
- Pertandingan mengukir buah nenas
- Persembahan seni mempertahankan diri
- Pameran motosikal KTM
- Pertandingan kereta kawalan jauh
- Pertandingan pocket bike
- Pertandingan paintball
- Pertandingan futsal 7 sebelah
- Masakan secara bergotong royong
- Pertandingan karaoke
- Pertandingan street dance
- Pertandingan shuffle
- Pameran dan penjualan buah-buahan dan makanan
- Demonstrasi layang-layang
- Demonstrasi helikopter kawalan jauh

Sambutan yang diberikan adalah amat menggalakkan dan program ini akan menjadi acara tahunan.

iv. Pertandingan Bola Sepak Liga Super dan Liga Perdana Sambutan yang diberikan adalah memuaskan.

(c) Agensi kerajaan yang terlibat menyelia dan menyelenggarakan dan kos yang dibelanjakan sejak dibuka

i. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang
(2000 – 2003 – RM3,274,928.12)

ii. Majlis Perbandaran Seberang Perai
(1 April 2003 – 31 DIsember 2008
- RM4,961,632.81)

iii. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang
(1 Januari 2009 hingga Julai 2009
- RM289,994.87)

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Nyatakan jumlah terkumpul dalam Tabung Bencana TYT setakat ini dan sumber pembiayaan utamanya.

(a) Huraikan perbelanjaannya untuk tahun 2007, 2008 dan 2009 mengikut daerah.

(b) Apakah bentuk bantuan yang dikeluarkan dan kelayakan untuk memohon.

(c) Jumlah keseluruhan penerima sumbangan daripada Tabung Bencana TYT.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Jumlah terkumpul dalam Tabung Bencana TYT sehingga 30 Jun 2009 ialah RM2,567,185.30. Perlu ditegaskan bahawa kerajaan negeri telah menetapkan bahawa bayaran segera sekurang-kurangnya RM500 mesti dihulurkan dalam masa 24 jam sesuatu pembaikan daripada berhari-hari sebelum ini.

Di samping itu di setiap daerah telah diwujudkan satu akaun yang dinamakan 'Akaun Bencana Daerah' bertujuan untuk menerima wang dari Jawatankuasa Pengurusan Tabung TYT Negeri Pulau Pinang. Pada setiap masa, akaun ini akan menyimpan wang sebanyak RM30,000.00 bertujuan untuk menyampaikan bantuan segera kepada mangsa bencana dengan amaun tidak melebihi RM1,000.00 setiap keluarga. Rekomen akan dibuat menggunakan peruntukan JKN. Sekiranya jumlah bantuan ihsan kepada mangsa melebihi RM1,000.00, baki perbezaan tersebut akan dibayar menggunakan wang dari Tabung TYT Negeri Pulau Pinang.

(a) Perbelanjaan bagi tahun 2007, 2008 dan 2009 (Jun) setiap daerah adalah seperti berikut:

Daerah	2007 (RM)	2008 (RM)	2009(Jun) (RM)
Seberang Perai Utara	97,380.00	206,590.00	41,610.00
Seberang Perai Selatan	64,850.00	47,700.00	29,200.00
Timur Laut	237,000.00	88,730.00	106,620.00
Barat Daya	56,300.00	66,666.00	26,770.00
Seberang Perai Tengah	36,700.00	61,850.00	68,730.00

(b) Bantuan ihsan diberi kepada mangsa yang terlibat dalam semua jenis bencana seperti kemarau, ribut taufan, tanah runtuh, gempa bumi, tsunami, kebakaran atau apa-apa jenis bencana yang mendatangkan penderitaan kepada penduduk sama ada secara persendirian ataupun secara berkumpulan. Syarat untuk memohon bantuan ihsan adalah warganegara Malaysia dan menetap atau menyewa rumah di negeri Pulau Pinang.

Jenis atau bentuk bantuan yang boleh diberi adalah sama ada dalam bentuk wang tunai, perkhidmatan atau barangan di mana mengikut kesesuaian atau keperluan mangsa yang terlibat. Bantuan hanya diberi kepada kemusnahan rumah individu dan harta persendirian sahaja dan TIDAK diberi kepada mana-mana rumah kediaman, bangunan, kenderaan atau harta benda lain yang diinsuranskan.

Kadar bantuan yang diluluskan adalah ditetapkan pada kadar 10% daripada jumlah kerugian (rumah individu dan harta benda) dan 10% bagi kerosakan peralatan rumah kepada penyewa sekiranya rumah berkenaan disewakan tertakluk kepada had maksima RM5,000.00. Kelulusan bantuan adalah tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

(c) Jumlah keseluruhan penerima sumbangan daripada Tabung TYT Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

Tahun	RM	Bil. Penerima

2007	399,129.28	390
2008	632,514.45	332
2009 (Jun)	17,091.80	145

Ahli Kawasan Bertam (Y.B. Puan Hajah Zabariah binti Wahab) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Nyatakan jumlah belia yang terdapat di Pulau Pinang dan pecahannya mengikut daerah dan jantina.

   (a) Apakah program yang dirancang oleh kerajaan negeri untuk golongan belia.
   (b) Apakah pencapaian terbaik yang dikecapi oleh golongan belia dari negeri ini.
   (c) Apakah penghargaan yang disediakan kerajaan negeri untuk golongan belia.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Mengikut maklumat daripada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang, setakat tahun 2008, jumlah golongan belia di negeri ini ialah sebanyak 41 peratus atau seramai 587,800 orang iaitu 204,805 orang di Daerah Timur Laut, 89,600 orang di Daerah Barat Daya, 100,008 orang di Daerah Seberang Perai Utara, 78,585 orang di Daerah Seberang Perai Selatan dan 114,802 orang di Daerah Seberang Perai Tengah. Daripada jumlah tersebut seramai 292,150 orang adalah lelaki dan 295,650 orang adalah perempuan. Sementara pecahan mengikut kaum pula, belia Melayu adalah seramai 280,400 orang , diikuti dengan belia Cina seramai 246,100 orang, belia India seramai 59,100 orang dan seramai 2,200 orang adalah daripada lain-lain bangsa.

   (a) Kerajaan negeri menganjurkan pelbagai program untuk belia dan remaja dengan menekankan latihan kepimpinan, aktiviti *"out-door"* aktiviti sukan dan kebudayaan bagi mengisi masa lapang. Pelbagai program telah dirancang oleh kerajaan negeri khusus untuk golongan belia. Senarai program untuk tahun 2009 adalah seperti di lampiran.

   (b) Antara pencapaian terbaik golongan belia di negeri Pulau Pinang termasuklah kejayaan yang telah dicapai oleh Dato' Nicol Ann David dan Dato' Lee Chong Wei yang menduduki ranking pertama dunia dalam sukan masing-masing.

   (c) Penghargaan yang diberikan oleh kerajaan negeri kepada belia di Pulau Pinang ialah mengiktiraf atlet-atlet yang telah mencapai kejayaan di peringkat negeri, negara dan antarabangsa melalui Anugerah Sukan Negeri yang diadakan setiap tahun. Kerajaan negeri juga telah mengurniakan Darjah Kebesaran kepada belia-belia yang mengharumkan nama negara seperti Dato' Nicol Ann David (Darjah Setia Pangkuan Negeri) dan Dato' Lee Chong Wei (Darjah Setia Pangkuan Negeri).

XIX) Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila senaraikan apakah jawatan kosong, gred dan berapa jawatan bagi perkhidmatan awam (termasuk kerajaan negeri, MPPP dan MPSP, PDC dan investPenang) di negeri Pulau Pinang pada masa kini (Julai 2009).

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Maklumat perjawatan di Jabatan-jabatan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) adalah seperti di Lampiran A.

   Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat investPenang Berhad merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Maklumat mengenai perjawatan adalah di bawah pengurusan syarikat berkenaan.

LAMPIRAN 'B'

Jawapan kepada soalan No. 1 YB. STT

Lampiran A

JUMLAH PERJAWATAN TETAP DI JABATAN - JABATAN NEGERI PULAU PINANG SEHINGGA 30 JUN 2009

BIL	AGENSI	PENGURUSAN TERTINGGI			PENGURUSAN & PROFESIONAL (GRED 41 -54)			KUMPULAN SOKONGAN I (GRED 17-40)			KUMPULAN SOKONGAN II (GRED 1 -16)			JUMLAH		
		JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG
JABATAN-JABATAN																
1	Pejabat SUK Pulau Pinang	4	4	-	67	59	8	339	292	47	361	339	22	771	694	55
2	Pejabat TYT Yang di Pertua Negeri	-	-	-	1	1	-	2	2	-	15	12	3	18	15	2
3	Pejabat Tanah dan Galian	1	1	-	18	13	5	145	101	44	33	30	3	197	145	42
4	Pejabat Daerah Timur Laut	-	-	-	13	8	5	95	75	20	34	28	6	142	111	18
5	Pejabat Daerah Barat Daya	-	-	-	10	10	-	85	69	16	39	35	4	134	114	19
6	Pejabat Daerah Seberang Perai Utara	-	-	-	10	6	4	96	85	11	42	38	4	148	129	11
7	Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah	-	-	-	10	7	3	91	73	18	45	43	2	146	123	18
8	Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan	-	-	-	10	6	4	79	66	13	34	31	3	123	103	12
9	Jabatan Pengairan dan Saliran	-	-	-	15	14	1	77	67	10	417	315	102	509	396	96
10	Jabatan Perhutanan	-	-	-	1	1	-	17	16	1	46	30	16	64	47	17
11	Jabatan Taman Botani	-	-	-	1	1	-	9	8	1	88	71	17	98	80	16
12	Jabatan Kehakiman Syariah	1	1	-	19	15	4	48	46	2	21	19	2	89	81	3
13	Jabatan Kerja Raya	-	-	-	28	19	9	251	201	50	573	450	123	852	670	118
14	Jabatan Agama Islam Pulau Pinang	-	-	-	46	35	11	221	147	74	63	39	24	330	221	90
15	Jabatan Kebajikan Masyarakat	-	-	-	1	1	-	30	26	4	8	7	1	39	34	5
16	Jabatan Perancang Bandar & Desa	1	1	-	8	6	2	52	51	1	5	5	-	66	63	3
17	Jabatan Kewangan Negeri	1	1	-	9	8	1	35	34	1	14	12	2	59	55	2
18	Jabatan Veterinar	-	-	-	6	5	1	76	52	24	56	41	15	138	98	22
19	Jabatan Pertanian	-	-	-	3	3	-	89	78	11	82	69	13	174	150	20
20	Jabatan Mufti	1	1	-	3	3	-	14	13	1	5	4	1	23	21	2
JUMLAH		**9**	**9**		**279**	**221**	**58**	**1851**	**1502**	**349**	**1981**	**1618**	**363**	**4120**	**3350**	**770**

LAMPIRAN 'B'

LAMPIRAN 'B'

JUMLAH JAWATAN DI BADAN-BADAN BERKANUN DAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN NEGERI PULAU PINANG SEHINGGA 30 JUN 2009

BIL.	AGENSI	PENGURUSAN TERTINGGI			PENGURUSAN & PROFESIONAL			KUMPULAN SOKONGAN I			KUMPULAN SOKONGAN II			JUMLAH		
		JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG
	BADAN-BADAN BERKANUN															
21	Perbadanan Pembangunan P.Pinang	2	2	-	89	57	32	142	108	34	46	40	6	279	207	72
22	Perbadanan Perpustakaan Negeri	-	-	-	4	1	3	76	26	50	20	5	15	100	32	68
23	Lembaga Muzium Pulau Pinang	-	-	-	1	1	-	4	4	-	5	4	1	10	9	1
24	Majlis Agama Islam				4	3	1	17	17		1	1		22	21	1
	JUMLAH	**2**	**2**		**98**	**62**	**36**	**239**	**155**	**84**	**72**	**50**	**22**	**411**	**269**	**142**
	PIHAK BERKUASA TEMPATAN															
25	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	1	1	-	81	60	21	1102	900	202	2477	1358	1119	3661	2319	1342
26	Majlis Perbandaran Seberang Perai	1	1	-	36	32	4	663	585	78	1311	965	346	2011	1583	428
	JUMLAH	**2**	**2**		**117**	**92**	**25**	**1765**	**1485**	**280**	**3788**	**2323**	**1465**	**5672**	**3902**	**1770**
JUMLAH KESELURUHAN		**13**	**13**	**-**	**494**	**375**	**119**	**3855**	**3142**	**713**	**5841**	**3991**	**1850**	**10203**	**7521**	**2682**

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Dalam bidang perkhidmatan awam dan sektor kerajaan, apakah jenis pekerjaan atau jawatan yang menunjukkan pola ketidakseimbangan kaum, iaitu majoriti pekerja yang berasal dari satu kumpulan keturunan dan gender sahaja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Untuk makluman Yang Berhormat, ketidakseimbangan kaum dan jantina yang berlaku di dalam perkhidmatan awam adalah secara kebetulan sahaja kerana pengambilan sebenarnya dibuat berasaskan kepada permohonan yang memenuhi syarat-syarat kelayakan masuk yang telah ditetapkan.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) mengamalkan pengambilan secara terbuka dan memberi peluang yang sama rata kepada semua kaum iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum serta jantina yang memohon jawatan-jawatan yang sesuai dengan kelayakan mengikut jenis pekerjaan yang dipohon. Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah bekerjasama dengan pihak C.A.T Centre milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi mengenal pasti calon-calon yang sesuai untuk dipanggil temu duga untuk jawatan-jawatan kontrak yang telah dikenal pasti.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah garis panduan yang telah digubal untuk mengendalikan dan menjamin keseragaman polisi dan prosedur di antara agensi-agensi kerajaan yang berlainan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Bagi menjamin keseragaman polisi dan prosedur di antara agensi-agensi kerajaan, panduan yang paling asas digunakan ialah Perlembagaan Persekutuan. Dokumen ini menggariskan semua perkara berkaitan dengan urusan negara dan negeri meliputi aspek-aspek pembangunan ekonomi dan sosial, keselamatan dan pertahanan, pentadbiran, perkhidmatan, perjawatan, kewangan, perundangan dan kehakiman. Perlembagaan Persekutuan telah pun menetapkan di bawah Perkara 74 dan 77 mengenai perkara-perkara yang khusus di bawah bidang kuasa persekutuan dalam Jadual Kesembilan iaitu di Senarai 1 : Senarai Persekutuan manakala Senarai 2 : Senarai Negeri dan Senarai 3 : Senarai Bersama.

Selain itu, Perlembagaan Negeri juga diguna pakai dalam hal ini. Berasaskan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri, prosedur yang seragam dibentuk melalui penggubalan akta, Enakmen, dasar dan polisi yang kini diguna pakai oleh pelbagai agensi kerajaan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Nyatakan sebab-sebab mengapa keadaan laut sekitar Pulau Jerejak begitu kotor. Apakah langkah-langkah untuk memperbaiki keadaan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Terdapat beberapa sebab mengapa keadaan ini berlaku seperti:-

(i) Akibat tebus guna tanah di Tanjung Tokong telah menyebabkan arus laut *(Hydroflow)* menolak sampah-sampah ke arah Pulau Jerejak.

(ii) Terdapat segelintir masyarakat yang meneruskan tabiat membuang sampah ke dalam sungai dan laut.

(b) Bagi memperbaiki keadaan laut sekitar MPPP menggunakan mekanisme syarikat PEN Mutiara yang menggunakan bot Katamaran untuk mengutip sampah setiap hari. Pihak Majlis hanya mengutip sampah terapung di semua sungai yang mempunyai perangkap sampah.

(c) Pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga menjalankan pemantauan kualiti air marin di sekitar 30 lokasi pantai di Pulau Pinang dengan menganalisis 25 parameter atau indikator bagi memantau kualiti air marin. Bagi kerja-kerja pengorekan selut, JAS telah mengenakan syarat seperti berikut:-

(i) Pelupusan selut hanya dibenarkan ke tapak pelupusan yang diluluskan sahaja iaitu di Muka Head.

(ii) Pengorekan hanya dibenarkan menggunakan kaedah *Clamp* dan mengharamkan penggunaan kapal korek *cutter suction hopper;*

(iii) Tongkang dan kapal pelupusan wajib dipasang dengan *Automatic Identification System (*AIS), sistem GPS supaya kedudukan kapal dan aktiviti kapal dapat dipantau oleh JAS; dan

(iv) Memantau kualiti air marin.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah status projek PBA di Pulau Jerejak. Apakah masalah yang dihadapi. Adakah projek tersebut telah tergendala.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Projek ini telah ditawarkan kepada Premidon Construction Sdn. Bhd. Skop Kerja adalah membina dan menyiapkan sebuah kolam takungan air konkrit tetulang berkapasiti 45 juta liter. Kerja-kerja Pembinaan sepatutnya dijalankan selepas mendapat kelulusan kerja tanah daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang pada bulan Januari 2008. Walau bagaimanapun, kerja-kerja tanah diberhentikan seketika kerana masalah kenaikan harga bahan-bahan binaan yang mendadak pada tahun yang lepas. Perbincangan telah diadakan bersama-sama dengan pihak kontraktor dan juru perunding untuk menyelesaikan isu kenaikan harga.

Kini, pihak kontraktor telah bersetuju untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan tangki air konkrit ini dan kerja-kerja tanah telah dimulakan pada bulan Mac 2009. Dijangka pembinaan tangki air konkrit ini akan dapat disiapkan pada akhir tahun 2010

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah masalah yang dihadapi oleh *JMB Krystal Point*, Bayan Baru. Bagaimanakah COB membantu menyelesaikan masalah mereka. Apakah tindakan yang akan dikenakan ke atas pihak yang tidak bertanggungjawab.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. *JMB Krystal Point* Bayan Baru telah ditubuhkan pada 25 April 2008 dan mengambil alih sepenuhnya pengurusan projek pembangunan bercampur yang terdiri daripada unit kediaman *(Krystal Villa)* dan unit perniagaan *(Krystal Point).* Walau bagaimanapun, sehingga kini pemaju masih gagal menyerahkan laporan akaun yang telah diaudit.

Tindakan yang boleh diambil jika pemaju masih gagal menyerahkannya adalah berpandukan kepada Seksyen 21(3), Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) (Akta 663) iaitu:-

"Mana-mana orang yang melanggar seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit tetapi tidak lebih

daripada satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya."

Pihak COB telah menolak permohonan pemaju untuk mengasingkan penubuhan JMB *Krystal Point* dengan *Krystal Villa* berdasarkan Akta 663. Jawatankuasa Pesuruhjaya Bangunan (JACOB) memutuskan supaya kedua-dua pihak mencapai kata sepakat mengenai penggabungan dalam *JMB Krystal Point* ketika mesyuarat luar biasa EGM pada 26 Julai 2009.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Nyatakan secara teliti prosedur penguatkuasaan penjaja haram Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). Senaraikan semua fasa-fasa Undang-undang Kecil yang berkaitan dengan penguatkuasaan penjaja haram.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Prosedur tindakan penguatkuasaan terhadap penjaja dan peniaga kecil MPPP adalah seperti berikut:-

(a) Amaran
(b) Notis
(c) Kompaun
(d) Rampasan

Senarai fasa-fasa Undang-undang Kecil berkaitan dengan penguatkuasaan penjaja haram adalah seperti berikut:-

Undang-undang Kecil (Penjaja-penjaja) 1979

(a) Nama dan Pemakaian

Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Penjaja-Penjaja 1979.

(b) Pentafsiran

'Majlis' ertinya Majlis Perbandaran Pulau Pinang

'barang-barang' termasuk sebarang perkhidmatan yang diberi bagi mendapatkan keuntungan.

'penjaja' bermakna seseorang yang beredar dari satu tempat ke satu tempat menjual barang-barang ataupun mendirikan sebuah gerai untuk menjual barang-barang termasuklah penjaja beredar, statik atau penjaja sementara.

'penjaja beredar' ertinya seseorang yang dengan atau tanpa kenderaan pergi dari satu tempat ke satu tempat untuk mendedahkan, mengagih atau menyampaikan untuk jualan, sebarang makanan, minuman atau sebarang bentuk barang-barang.

'Pegawai Perlesenan' ertinya orang yang pada masa itu menjalankan kewajipan-kewajipan Pengarah Perkhidmatan Kesihatan Majlis dan termasuklah timbalannya.

(c) Larangan Menjaja Tanpa Lesen

Di bawah Undang-undang Kecil ini, sesiapapun tidak boleh menjalankan perniagaan sebagai penjaja tanpa mempunyai suatu lesen yang dikeluarkan oleh Pegawai Perlesenan.

(d) Rampasan

(i) Sebarang benda yang dimaksudkan atau didedah untuk jualan, bersama-sama dengan bekas-bekasnya dan sebarang alat kelengkapan serta gerai atau kenderaan yang adalah kepunyaan atau dimiliki oleh seseorang yang tidak berlesen untuk menjalankan perniagaan sebagai penjaja di bawah undang-undang ini boleh dirampas oleh Pegawai Kesihatan atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Majlis dan dipindahkan serta ditahan di tempat sedemikian sepertimana yang ditentukan oleh Majlis atas risiko pemilik.

(ii) Sebarang benda yang mudah busuk yang dirampas di bawah perenggan (1) Undang-undang Kecil ini boleh dilupuskan dengan cara yang ditentukan oleh Pegawai Pelesenan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Bolehkah semua soalan dan jawapan Dewan di e-mel kepada semua ADUN dan pegawai kerajaan. Bolehkah ia dipaparkan pada laman web Kerajaan Negeri untuk mencapai ketelusan dan akauntabiliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Semua soalan dan jawapan dewan boleh diakses oleh semua Y.B. ADUN dan Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui sistem ADUN.Net. Selain itu, *hansard* dicetak dalam bentuk buku dan diedarkan kepada semua YB. ADUN dan Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam tempoh 60 hari selepas selesainya sesuatu persidangan Dewan. Cadangan untuk memaparkan semua soalan dan jawapan *(hansard)* di laman web Kerajaan Negeri sedang diperhalusi, selaras dengan slogan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, iaitu ”Cekap, Akauntabiliti dan Telus”.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berapakah penjaja berlesen, tidak berlesen di kawasan Pantai Jerejak. Berapakah gerai astaka kosong yang belum diisi di kawasan Pantai Jerejak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bilangan penjaja berlesen di kawasan Pantai Jerejak adalah merupakan peniaga yang menjalankan perniagaan di dalam pasar/kompleks/tapak penjaja MPPP. Bilangan penjaja berlesen adalah sebanyak 359 orang dan penjaja tidak berlesen pula adalah sebanyak 330 orang.

Pecahan penjaja berlesen mengikut lokasi di kawasan Pantai Jerejak adalah seperti berikut :-

Bil.	Lokasi	Bilangan Berlesen	Bilangan Kekosongan
(i)	Kompleks Makanan Bayan Baru	129	16
(ii)	Kompleks Makanan *Gold Coast*	22	16
(iii)	Kompleks Makanan Sri Selera Pantai	41	11

(iv)	Pasar Bayan Baru	167	7

Terdapat 30 orang penjaja di Jalan Aziz Ibrahim/Lorong Pantai Jerejak 13 di sekeliling kawasan lapang padang awam MPPP yang telah mengemukakan permohonan Lesen Penjaja Statik Sementara. Permohonan tersebut telah diterima oleh MPPP pada 15 Julai 2009 dan masih dalam proses.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah pelan dan tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masjid Sungai Nibong Tengah yang kini terlalu kecil sehinggakan terpaksa sembahyang di bawah jejantas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Soalan ini telah dibangkitkan oleh Y.B. Tuan Sim Tze Tzin pada Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Tahun 2008 dan oleh YB. Tuan Raveentharan A/L V. Subramaniam pada Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Tahun 2009. Sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini bahawa pada masa ini pembesaran atau membina semula Masjid Sungai Nibong Besar tidak dapat dilakukan kerana kedudukan masjid berkenaan terlalu hampir dengan jalan dan jejantas dan tiada tanah di sekitarnya untuk tujuan pembesaran. Untuk membina semula masjid secara bertingkat di tapak yang sama adalah tidak sesuai kerana masjid sedia ada perlu dirobohkan sedangkan struktur bangunan masih elok dan cadangan bangunan masjid bertingkat adalah terlalu hampir dan menyamai ketinggian jejantas yang sedia ada sekiranya dibina.

Bagi mengatasi kesesakan jemaah terutamanya pada hari Jumaat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah memecahkan sempadan kariah masjid ini kepada kariah yang baru diwujudkan iaitu Kariah Sungai Dua, Taman Pekaka di mana Masjid As-Soghir, Taman Pekaka telah memulakan solat Jumaat mulai 6 Mac, 2009. Maklum balas yang diterima, bilangan jemaah di Masjid As-Soghir, Taman Pekaka ini telah meningkat dan bilangan jemaah di Masjid Sungai Nibong Besar dijangka akan berkurangan.

Untuk jangka panjang, kerajaan akan memasukkan cadangan untuk membina semula masjid ini di atas tapak sedia ada kepada masjid bertingkat yang boleh menampung 1,200 jemaah dengan anggaran kos sebanyak RM5.0 juta dalam Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sila senaraikan semua permohonan merancang yang telah diluluskan, ditolak atau sedang dikaji oleh OSC MPPP dan MPSP dari 8 Mac 2008 sehingga 30 Jun 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Senarai permohonan Kebenaran Merancang yang telah diluluskan, ditolak atau sedang dikaji oleh Jawatankuasa One Stop Centre (OSC) MPSP/MPPP dari 8 Mac hingga 30 Jun 2008 adalah seperti di Lampiran A.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila nyatakan perbelanjaan Kerajaan Negeri dalam “Medan Fair 2009” mengikut kategori. Berapa syarikat yang menyertai *business matching*, pameran Pavilion dan pameran di Carefour.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Jumlah perbelanjaan bagi keseluruhan Medan Fair 2009 adalah sebanyak RM146,828.22 daripada peruntukan keseluruhan RM200,000.00. Perbelanjaan ini dikenakan di bawah peruntukan mengurus Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Pecahan perbelanjaan adalah seperti berikut :-

Bil.	Perbelanjaan	Jumlah (RM)
1.	Pengangkutan Kargo (bahan pameran dan *Business Matching*)	49,000.00
2.	Pengangkutan Darat	14,970.00
3.	Pengangkutan Darat sempena Program Penang Fair In Medan City	2,880.00
4.	Pengangkutan sempena Majlis Penutupan Pekan Raya	2,360.00
5.	Sewa ruang pameran di Medan Plaza Sempena Penang Fair In Medan City	35,832.72
6.	Pakej sesi *Business Matching* di Tiara Hotel	3,665.00
7.	Penyediaan makan minum, kerusi meja Sempena *Business Matching* di Pavillion Pulau Pinang sempena lawatan Y.A.B Ketua Menteri	3,150.00
8.	Penyelenggaraan 14 unit alat hawa dingin Pavillion Pulau Pinang	4,435.00
9.	Kerja-kerja membersih kawasan Pavillion	2,975.00
10.	Kerja-kerja hiasan dalaman	24,790.00
11.	Promosi Makanan Popular	1,800.00
12.	Penyediaan roti canai dan teh tarik sempena Lawatan Gabenor SUMUT ke Pavillion dan Majlis Pelancaran IMGT	800.00
13.	Bayaran Bil Air	170.50
	JUMLAH	146,828.22

Semasa berlangsungnya Pekan Raya Sumatera Utara Kali Ke 38, Sesi Pemadanan Perniagaan telah diadakan sebanyak dua (2) kali dalam dua (2) kumpulan delegasi seperti berikut :-

Tarikh	:	20/3/2009
Tempat	:	Balai Citra, Hotel Tiara
Bil. Wakil Negeri Pulau Pinang	:	33
Bil. Wakil Dari Medan	:	30
Bil. Wakil Dari Pulau Pinang bagi sesi Pemadanan Perniagaan	:	13
Bil. Wakil Medan bagi sesi Pemadanan Perniagaan	:	15
Tarikh	:	26/3/2009
Tempat	:	Pavillion Pulau Pinang, Tapak Pekan Raya
Bil. Wakil Pulau Pinang	:	56
Bil. Wakil Medan	:	24

Bil. Wakil Pulau Pinang bagi sesi Pemadanan Perniagaan : 23

Bil. Wakil Medan bagi sesi Pemadanan Perniagaan : 24

Sebanyak lapan (8) buah syarikat telah turut serta di dalam pameran di Pavilion Pulau Pinang semenjak 19 Mac 2009 hingga 15 April 2009. Pameran ini berlangsung mulai jam 6.00 petang hingga 11.00 malam. Pameran usahawan di Medan (Carrefour) telah disertai sebanyak enam (6) buah syarikat. Pameran ini berlangsung pada 21 Mac 2009 hingga 3 April 2009 mulai jam 11.00 pagi hingga 10.00 malam.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapakah jumlah permohonan oleh kakitangan kerajaan, PBT dan GLC Pulau Pinang yang ingin memohon supaya aktif dalam parti politik dari tahun 2005 hingga 2008. Berapakah yang telah diluluskan dan ditolak. Senaraikan permintaan mengikut parti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Untuk makluman Yang Berhormat, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 1996 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) berkaitan dengan Permohonan Oleh Pegawai-Pegawai Awam Untuk Mengambil Bahagian Dalam Aktiviti Politik telah menggariskan bahawa mengikut sub-peraturan 21(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993; seseorang pegawai dalam Kumpulan Sokongan boleh bertanding tau memegang jawatan atau dilantik ke dalam apa-apa jawatan dalam mana-mana parti politik setelah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian atau Setiausaha Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Manakala, di bawah sub-peraturan 21(3), Peraturan-peraturan yang sama, pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional yang dibenarkan bercuti sehingga ke tarikh persaraannya bagi maksud menghabiskan kesemua cuti rehatnya yang terkumpul, boleh mengambil bahagian dalam aktiviti politik dengan syarat mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Ketua Setiausaha Kementerian atau Setiausaha Kerajaan Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan. Selaras dengan pematuhan pemakaian pekeliling tersebut, jumlah permohonan kakitangan kerajaan, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun di negeri Pulau Pinang yang telah memohon untuk menyandang jawatan di dalam parti politik dari tahun 2005 hingga 2008 adalah sebanyak 9 permohonan dan kesemuanya telah diluluskan mengikut tahun-tahun yang dimohon. Permohonan mengikut parti adalah seperti di bawah :

Bilangan	**Parti**	**Jumlah Permohonan**
1.	UMNO	6
2.	MIC	2
3.	MCA	1
	JUMLAH	9

Nama mereka yang memohon adalah seperti yang dilampirkan.

SENARAI NAMA PEGAWAI YANG DIBERIKAN KEBENARAN SECARA BERTULIS UNTUK BERGIAT AKTIF DALAM POLITIK

BIL	JABATAN	NAMA	PARTI
1	Majlis Perbandaran Seberang Perai	Abdul Rahman bin Shariff	UMNO
2	Majlis Perbandaran Seberang Perai	Khaw Chin Poh	MCA
3	Majlis Perbandaran Seberang Perai	Yathavan a/l Etti	MIC

4	Majlis Perbandaran Seberang Perai	Normah binti Abdul Halim	UMNO
5	Majlis Perbandaran Seberang Perai	Kesven a/l Retnam	MIC
6	Majlis Perbandaran Seberang Perai	Salbiah binti Ishak	UMNO
7	Majlis Perbandaran Seberang Perai	Nora binti Hussin	UMNO
8	Majlis Perbandaran Seberang Perai	Hasnah binti Kassim	UMNO
9	Majlis Perbandaran Seberang Perai	Muziadi bin Mukhtar	UMNO

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Nyatakan berapakah pasar malam, pasar tani berlesen dan tidak berlesen di dalam Pulau Pinang dan juga di KADUN Pantai Jerejak. Apakah perancangan PBT untuk menangani masalah pasar malam tidak berlesen.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Jumlah pasar malam/pasar tani berlesen dan tidak berlesen di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah seperti yang berikut:

DAERAH	JUMLAH PASAR MALAM BERLESEN	DALAM PROSES PERMOHONAN/TIADA LESEN
Seberang Perai Utara	21	3
Seberang Perai Tengah	22	6
Seberang Perai Selatan	19	4
JUMLAH	**62**	**13**

MPSP telah meminta penganjur pasar malam untuk membuat permohonan lesen. Sekiranya penganjur membuat permohonan, MPSP akan mempertimbangkan semula permohonan tersebut.

Maklumat pasar malam/pasar tani berlesen, dalam proses/tidak ada lesen dalam kawasan MPPP seperti berikut:

(i) Bilangan pasar malam berlesen = 22

(ii) Bilangan pasar malam permohonan dalam proses = 12

(iii) Bilangan pasar malam tidak berlesen = 4

JUMLAH = 38

(iv) Pasar Tani (permohonan dalam proses) = 2

MPPP hanya akan mempertimbangkan permohonan dari pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) bagi tujuan menganjurkan pasar tani.

Untuk menangani masalah pasar malam tidak berlesen, MPPP mewujudkan sebuah Jawatankuasa Kecil Pasar Malam/Pagi/Minggu/ Tani yang dianggotai oleh beberapa orang Ahli Majlis dan akan berbincang dari semasa ke semasa bagi mengatasi masalah tersebut dengan meminta Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Negeri (JKKKN) kawasan mengemukakan permohonan menganjur pasar malam di kawasan masing-masing untuk pertimbangan MPPP.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sila nyatakan status persediaan *Local Plan* MPPP. Bilakah *public hearing* akan dijalankan untuk mendapat maklum balas daripada orang ramai. Bilakah ia akan disiapkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. *Local Plan* Pulau Pinang atau dikenali sebagai Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah siap pada tahun 2008 dan dibentangkan dalam Jawatankuasa Perancang Negeri pada 21 Julai, 2009. Pelan ini kemudiannya akan diserantakan kepada orang awam.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Adakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan *asset declaration* untuk Exco Kerajaan Negeri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Selaras dengan pematuhan pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 berkenaan Pemilikan dan Pengisytiharan Harta Oleh Pegawai Awam, Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memanjangkan Borang Perisytiharan Harta yang diguna pakai oleh Kerajaan Persekutuan kepada semua ahli-ahli EXCO. Sehubungan itu, borang-borang tersebut adalah diwajibkan untuk diisi oleh semua ahli-ahli EXCO demi terus mencerminkan konsep telus *(transparency*) di dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri.

Selain itu, Ketua-ketua penjawat awam di negeri ini; Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri, Y.B. Dato' Penasihat Undang-undang Negeri, Y.B. Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Yang Di-Pertua Majlis-majlis Perbandaran serta pengarah-pengarah jabatan di negeri Pulau Pinang juga telah pun mengisytiharkan harta selaras dengan keperluan pekeliling tersebut. Suatu tarikh untuk mengumumkan kepada orang ramai akan ditetapkan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membersihkan sungai-sungai yang cukup tercemar di KADUN Pantai Jerejak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri sememangnya prihatin untuk membersihkan sungai-sungai yang tercemar di negeri ini. Kerajaan melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memantau pencemaran sungai-sungai di Pulau Pinang termasuklah di KADUN Pantai Jerejak.

Kerajaan Negeri telah merangka usaha yang berterusan supaya sungai-sungai di KADUN Pantai Jerejak tidak terus tercemar iaitu segala bentuk punca pencemaran telah dikenal pasti dan direkodkan. Air yang tercemar akan dirawat terlebih dahulu, sebelum dialirkan ke laut. Untuk menangani masalah sampah, *Gross Pollutant Trap* (GPT) dan *Floating Rubbish Trap* (FRT) akan dipasang di beberapa lokasi parit dan sungai bagi memerangkap sampah sebelum ianya dibawa air ke sungai.

Seterusnya, penggunaan *Effective Microorganism* (EM) turut dilaksanakan di beberapa lokasi sungai yang tercemar bagi menurunkan tahap pencemaran sungai di KADUN Pantai Jerejak.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah keputusan siasatan kes Juru *Detention Camp* untuk pendatang asing tanpa izin. Bolehkah Pegawai Kebajikan dan NGO dibenarkan melawat kem tersebut. Apakah perancangan untuk memperbaiki keadaan di sana.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Keadaan persekitaran dan kesihatan penghuni di Depot Tahanan Juru berada dalam keadaan yang amat baik dan terkawal. Sehingga 3 Ogos 2009, tiada kejadian yang tidak diingini berlaku terutamanya masalah jangkitan penyakit. Selepas berlakunya krisis jangkitan penyakit Leptospirosis melanda Depot Tahanan Juru baru-baru ini, pihak Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah-langkah pencegahan agar perkara ini tidak berulang lagi. Jabatan Kesihatan Negeri secara dasarnya telah mengisytiharkan bahawa Depot Tahanan Juru adalah bebas daripada wabak tersebut.

Antara tindakan yang telah diambil ialah :-

(a) Setiap blok dibersihkan dua (2) kali seminggu dan ia dilakukan sendiri oleh Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI);

(b) Pihak depot juga telah menggantikan bekas makanan *(tray)* lama kepada bekas makanan yang baru dan mempunyai penutup;

(c) PATI akan dibawa ke klinik atau hospital untuk mendapatkan rawatan jika ada yang mengadu sakit atau demam. Di samping itu, pihak depot juga telah menyediakan ubat-ubatan asas bagi tujuan kecemasan dan rawatan segera;

(d) Pihak hospital juga telah diarahkan dan dibenarkan membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala di Depot Tahanan Juru sebanyak dua (2) kali dalam tempoh sebulan. Rawatan ini adalah rawatan berjadual yang dilakukan dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang; dan

(e) Kebajikan petugas-petugas atau pegawai-pegawai depot juga diberi perhatian dan diutamakan dengan memberi suntikan vaksin Influenza A (H1N1).

Pegawai Kebajikan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dibenarkan melawat kem berkenaan dengan syarat mendapatkan kebenaran daripada Pengarah Imigresen Negeri dan Komandan Depot Tahanan Juru.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sila nyatakan statistik kes rogol dan *sexual harassment* di Pulau Pinang. Apakah profil-profil mangsa. Berapakah kes dilaporkan dan berapakah dihadapkan ke mahkamah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 100 kes berkaitan Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan Seksyen 354 Kanun Keseksaan 82 kes bermula daripada Januari sehingga Jun 2009.

Merujuk kes yang telah disabitkan bagi Seksyen 376 Kanun Keseksaan, terdapat sejumlah 21 kes dan 40 kes di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan. Bagi kes yang masih dalam siasatan di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan adalah berjumlah 70 kes dan 25 kes bagi Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

Manakala, pecahan kes rogol mengikut pecahan perhubungan ialah teman lelaki adalah sebanyak 42 kes, kenalan 26 kes, satu kes bagi majikan, tidak kenal sebanyak 23 kes dan lapan (8) kes untuk sumbang mahram.

STATISTIK KES ROGOL DAN SEXSUAL HARASSMENT DI PULAU PINANG

Kes / Jumlah	Seksyen 376 KK (Rogol)	Seksyen 354 KK (*Sexsual Harassment*)
Laporan	100	82
Disabit	21	40
Dalam Siasatan	70	25

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sila nyatakan statistik kes ragut di KADUN Pantai Jerejak. Berapakah kes dilaporkan dan berapakah kes dihadapkan ke mahkamah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Hasil penelitian pihak Kerajaan Negeri, tiada sebarang kes ragut yang dilaporkan di KADUN Pantai Jerejak daripada bulan Januari sehingga bulan Jun Tahun 2009.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (Y.B. Tuan Sim Tze Tzin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Sila nyatakan statistik kes pecah rumah di KADUN Pantai Jerejak. Berapakah kes dilaporkan dan berapakah kes dihadapkan ke mahkamah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Berdasarkan penelitian pihak Kerajaan Negeri, tidak terdapat sebarang kes pecah rumah yang dilaporkan bermula daripada bulan Januari sehingga bulan Jun tahun 2009 di KADUN Pantai Jerejak.

XX) Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Masalah pangsapuri yang disewa kepada terlalu ramai orang asing akan mengganggu dan menimbulkan masalah sosial kepada residen tempatan. Apakah tindakan oleh Kerajaan Negeri untuk mengawalkan isu ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri tidak mempunyai peruntukan undang-undang untuk mengawal atau menghalang pemilik rumah dari menyewakan kepada orang asing atau sesiapa sahaja yang ingin menyewa dari pemilik tersebut. Perjanjian penyewaan adalah di antara pemilik dan penyewa. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kacau ganggu atau kegiatan jenayah, perkara tersebut boleh dilaporkan kepada pihak Polis Di-Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen dan pihak berkuasa yang berkaitan.

   Sejajar dengan masalah ini juga Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan PDRM serta pihak lain yang berkaitan dalam menyusun strategi dan tindakan bagi mengawal masalah ini seperti berikut:-

   (a) Strategi pencegahan jenayah yang berkesan melalui operasi-operasi yang berterusan di semua peringkat daerah dengan menyasarkan jenayah yang menjadi penyumbang utama indeks dan jenayah pecah rumah.

(b) Menambah bilangan kereta peronda polis yang sedia ada di setiap zon dalam usaha pencegahan jenayah terutamanya di kawasan-kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai.

(c) Pendekatan bersama dengan masyarakat dalam usaha memerangi jenayah terutamanya menerusi maklumat yang disalurkan.

(d) Peranan masyarakat dalam membantu pihak PDRM dari semasa ke semasa akan dipertingkatkan. Pertubuhan-pertubuhan NGO, yayasan, Pihak Berkuasa Tempatan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan sekolah-sekolah adalah kumpulan yang harus dirapati, dididik dan dipertanggungjawabkan bersama ke arah mewujudkan masyarakat bebas jenayah.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adakah kajian USM ke atas penjaja tanpa lesen atau pelan induk penjaja Pulau Pinang telah siap disediakan. Apakah strategi yang telah dicadangkannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Setakat ini pihak Universiti Sains Malaysia (USM) masih belum menyiapkan kajian ke atas penjaja tanpa lesen. USM masih dalam peringkat mengumpul kembali borang soal selidik yang diberi kepada Ahli-ahli Majlis MPPP sebelum dapat mengadakan temu ramah. Oleh itu, pelan induk penjaja masih tidak dapat disediakan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Terdapat banyak syarikat SME yang mengupah pekerja asing sebagai pembantu kedai. Ini telah menjejaskan peluang pekerjaan penduduk tempatan. Adakah Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Perkara berkaitan pengambilan pekerja asing adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Dalam hal ini, berdasarkan kepada Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, bagi mengekang kebanjiran pekerja asing, kerajaan telah membekukan beberapa subsektor tertentu dalam dua sektor utama iaitu sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan bagi memaksimumkan peluang kepada warga tempatan terutamanya yang telah diberhentikan kerja.

Bagi Kerajaan Negeri, langkah-langkah berikut diambil untuk membantu penduduk tempatan:

(i) Meluluskan dana berjumlah RM10 juta bagi menangani masalah pengangguran kesan kemelesetan ekonomi;

(ii) Menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur; dan

(i) Menubuhkan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang *(Penang Career Assistance and Training Centre* [CAT]) yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 4 Mac 2009. Berdasarkan data yang diperoleh daripada investPenang, jumlah pendaftar yang telah berdaftar dengan Pusat CAT dari bulan Mac 2009 sehingga pertengahan bulan Julai 2009 adalah seramai 1,904 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,471 orang telah pun dipadan rujuk kepada majikan yang menawarkan jawatan-jawatan kosong. Dalam tempoh masa yang sama, Pusat CAT telah menerima sebanyak 3,645 kekosongan jawatan dari pelbagai sektor untuk ditawarkan kepada pendaftar-pendaftar.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Isu mat rempit masih belum diselesaikan, ini telah membahayakan dan menimbulkan kekecohan terhadap pengguna lalu lintas. Apakah strategi dan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang bekerja keras bersama pihak polis dalam usaha mengekang dan menyelesaikan isu mat rempit dengan kerap mengadakan beberapa operasi yang melibatkan OPS Motosikal, OPS Mat Rempit, dan OPS Bersepadu. Semua operasi ini melibatkan beberapa jabatan lain seperti pihak JPJ, LPKP, JAS, AADK, dan Cawangan Jenayah, PDRM

   Selain itu, saman juga dikeluarkan di samping tindakan menyita kenderaan mat rempit yang terlibat dengan aktiviti itu. Pihak Kerajaan Negeri bersama PDRM telah mengambil inisiatif untuk mengeluarkan saman kepada pemilik kenderaan yang membenarkan kenderaannya digunakan oleh mat rempit yang tidak mempunyai lesen memandu.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Masalah banjir masih dihadapi kerana longkang-longkang yang dipelankan oleh Jabatan Perancang Bandar dan juga JPS terlalu kecil. Apakah tindakan dan rancangan jangka panjang yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Semua pelan reka bentuk longkang dan parit bagi kawasan perumahan dikemukakan oleh Jurutera Profesional yang bertauliah dan direka bentuk berdasarkan sesuatu kawasan tadahan. Berdasarkan reka bentuk terperinci itu, JPS menyemak dan memberi ulasan berpandukan reka bentuk tersebut untuk kelulusan Jawatankuasa Perancang. Sebenarnya, masalah banjir akan berlaku sekiranya parit atau longkang tidak diselenggarakan dengan baik serta tabiat orang ramai yang sering membuang sampah merata-rata yang seterusnya memasuki longkang dan sungai apabila hujan. Dengan kapasiti yang bertambah tentulah keadaan di parit dan longkang akan melimpah. Penyelesaiannya, JPS sentiasa komited dalam usaha mengatasi masalah banjir melalui perancangan projek-projek tebatan banjir dan kerja-kerja penyelenggaraan serta pembersihan sungai yang dijalankan dari semasa ke semasa. Bagi longkang-longkang perbandaran di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), penyelenggaraan juga sentiasa dilakukan.

   Bagi tindakan jangka masa panjang, JPS telah membuat permohonan dalam RMKe-10 untuk melaksanakan pembinaan dan pengurusan kolam takungan banjir di kawasan-kawasan perbandaran bagi tujuan menampung aliran tambahan sekiranya berlakunya hujan lebat yang luar biasa melebihi kapasiti longkang yang telah direka bentuk.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri ingin mengamalkan konsep *"Go Green"* tetapi tempat menjual tumbuhan semaian bertempat di kawasan yang jauh dan menyusahkan penduduk untuk mendapatinya. Apakah strategi kerajaan terhadap perkara ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Konsep *Go Green* adalah untuk keseluruhan negeri dan usaha untuk menanam pokok di seluruh negeri Pulau Pinang mendapat sokongan daripada penduduk.

   Strategi-strategi adalah melalui *Penang Smoke Free,* menggunakan EM *Mudball* untuk membersihkan sungai dan perparitan, mengurangkan penggunaan beg plastik, wujudkan

Pusat 3R *(Reduce, Reuse, Recycle)* serta mewujudkan satu jawatankuasa di setiap kawasan Parlimen yang dipanggil *Environment Watch.*

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah pelan induk untuk lalu lintas. Bilakah Kerajaan Negeri akan siap menyediakannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan Pelan Induk Pengangkutan untuk negeri Pulau Pinang dan sedang dalam proses melantik pakar perunding untuk menjalankan kajian mengenainya. Objektifnya adalah untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang bersepadu dan mapan serta mengenal pasti polisi-polisi dan tindakan yang perlu diambil secara menyeluruh bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang. Pengangkutan awam menjadi komponen penting dalam kajian ini. Pelan induk berserta strategi, polisi dan rancangan yang dicadangkan akan diumumkan dan diperkukuhkan dengan mendapatkan pandangan semua pihak termasuk orang awam semasa kajian dijalankan. Pelan Induk Pengangkutan ini dijangka dapat disiapkan pada pertengahan tahun 2010.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Daripada laporan pada sesi yang lalu, telah dimaklumkan bahawa terdapat pelaburan asing sebanyak RM10.5 bilion mengalir masuk ke Pulau Pinang. Setakat ini, berapakah jumlah yang sudah dilaburkan dan apakah yang telah dilaburkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Jumlah pelaburan yang telah diluluskan oleh MIDA bagi tahun 2008 ialah RM10.2 bilion melalui 151 projek. Daripada jumlah ini, kedua-dua pelaburan domestik dan pelaburan langsung asing masing-masing adalah RM5.1 bilion.

Berikut adalah status pelaksanaan projek-projek yang telah diluluskan oleh MIDA bagi tahun 2008 yang berjumlah RM10.2 bilion;

Status Pelaksanaan	**Bilangan Projek**
Perancangan Aktif	60
Pemasangan Mesin	14
Pengeluaran	68
Lokasi Diperolehi	5
Operasi Dihentikan	2
Operasi Dihentikan Sementara	1

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Situasi kualiti jalan raya di Pulau Pinang masih kurang memuaskan, terutamanya selepas banjir kilat. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Tempatan untuk meningkatkan kualiti jalan raya di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi mengawal kualiti jalan raya di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(a) Membersihkan parit tanah di kiri dan kanan jalan raya agar ia dapat mengalir dengan lancar;

(b) Menaik taraf parit tanah tepi jalan kepada longkang konkrit secara berperingkat. Ini disebabkan ia memerlukan peruntukan yang besar;

(c) Menaik taraf pembetung sedia ada kepada yang lebih besar atau kepada jambatan mengikut keperluan secara berperingkat. Ini juga memerlukan peruntukan yang besar;

(d) Meninggi aras jalan sedia ada kepada aras yang sesuai dengan keadaan setempat;

(e) Jalan yang rosak akibat banjir akan dibaiki mengikut keadaan dan akan diturap semula (*resurfacing);*

(f) Membuat pemantauan berterusan ke atas setiap projek jalan yang diberi kepada syarikat konsesi. Antara syarat yang ditetapkan oleh JKR adalah pembinaan *berm* (lapisan bertingkat di cerun) yang mana ia perlu dihadkan kepada 5-6 tingkat supaya perubahan pada struktur bukit tidak terlalu ketara hingga menjejaskannya; dan

g) Menggunakan piawaian baru yang telah dikeluarkan iaitu *Standard Specification for Road Work* JKR/SPJ/2008-S4 = *Flexible Pavement* bagi setiap projek pembinaan jalan raya. Tujuannya adalah untuk mempertingkatkan kualiti jalan raya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Harga perumahan di Pulau Pinang telah semakin tinggi sehingga kebanyakan orang Pulau Pinang tidak mampu membelinya. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengawal harganya supaya anak Pulau Pinang berupaya membeli rumah yang berkualiti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Berdasarkan maklum balas Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD), harga rumah selain kos rendah dan kos sederhana rendah ditentukan oleh pasaran bebas. Mengikut Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri memastikan penyediaan rumah mampu milik berdasarkan perkara-perkara;

(i) Mengambil kira keupayaan membeli rumah *(purchasing power)* penduduk yang berbeza, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) meluluskan pelbagai jenis dan harga rumah bagi memenuhi keupayaan penduduk dan menetapkan serta mengawal dua jenis rumah mampu milik seperti rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah bagi memastikan semua golongan penduduk memiliki rumah.

(ii) Kerajaan Negeri juga melalui PBT menetapkan had-had ketumpatan bagi pemajuan perumahan selain kos rendah dan memberikan insentif serta had ketumpatan yang lebih tinggi untuk perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah bagi memastikan bekalan rumah adalah mencukupi bagi penduduk. Rumah kos sederhana rendah misalnya diberikan ketumpatan sehingga 120 unit seekar dan tiada had ketumpatan bagi rumah kos rendah (dengan syarat mematuhi semua kehendak perancangan).

(iii) Mensyaratkan pembayaran sumbangan kewangan bagi pemajuan-pemajuan bersaiz 5 hingga 99 unit kawasan pembangunan dan 5 hingga 149 unit di luar kawasan pembangunan. Sumbangan kewangan tersebut akan membolehkan Kerajaan Negeri menyediakan lebih banyak rumah mampu milik kepada golongan yang layak.

(iv) Kerajaan Negeri juga menetapkan syarat kelayakan rumah yang lebih realistik bagi golongan pertengahan iaitu bagi mereka yang berpendapatan RM2,501.00 - RM3,500.00 sebulan dan merendahkan had umur dari 21 tahun kepada 18 tahun.

(v) Menggalakkan pemilik hartanah menyertai program pemuliharaan dan pembaharuan bandar melalui agensi pembaharuan dan pemuliharaan bandar agar lebih banyak perumahan dan hartanah lain dapat dibina untuk mencapai hasrat satu rumah satu keluarga terutamanya di kawasan bandar.

(vi) Kerajaan Negeri melalui inisiatif OSC di PBT juga berusaha memproses dan meluluskan lebih banyak pelan permohonan perancangan dalam waktu yang lebih singkat untuk menggalakkan lebih banyak rumah dibina dalam waktu yang singkat.

Kerajaan Negeri juga akan mengkaji kaedah-kaedah penambahbaikan agar dapat mengawal harga perumahan secara keseluruhan di Pulau Pinang. Pengawalan harga rumah selain kos rendah dan sederhana rendah adalah di luar kawalan PBT.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Terdapat berapakah anggota Polis Pelancongan di Pulau Pinang. Adakah bilangan anggota mencukupi untuk membantu pelancong-pelancong. Apakah rancangan yang selanjutnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Terdapat seramai 36 orang anggota polis pelancongan di Pulau Pinang berdasarkan data yang diberikan oleh PDRM.

2. Di dalam usaha meningkatkan keberkesanan Unit Polis Pelancong Pulau Pinang dalam memberi perkhidmatan dan sekali gus mencegah jenayah terhadap pelancong asing, berikut adalah perancangan yang akan dilaksanakan iaitu :-

2.1. Menambah bilangan anggota di dalam penugasan setiap *shift* seramai 4 orang agar kehadiran mereka dapat dilihat dan sekali gus mencegah berlakunya kejadian jenayah di kalangan pelancong khasnya pelancong asing;

2.2. Menempatkan seramai 4 orang anggota setiap *shift* (2 shift) anggota bit berjalan kaki di tempat-tempat tumpuan pelancong seperti Jeti, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Bukit Bendera, pusat beli-belah seperti di Perangin Mall, Komtar, Upper Penang Road dan tempat-tempat rekreasi menarik;

2.3. Memperluaskan lagi kawasan rondaan secara rondaan bermotosikal dan berkereta meliputi kawasan tumpuan pelancong (*Tourist Spot*) di seluruh Pulau Pinang;

2.4. Menambah kemudahan logistik iaitu dengan menyediakan lebih banyak pondok/*bit base* Polis Pelancong di kawasan tumpuan pelancong;

2.5 Menyediakan kenderaan pasukan yang bersesuaian bertujuan untuk membawa anggota Polis Pelancong ke tempat-tempat tugas rondaan yang jauh daripada pangkalan;

2.6 Memberi pendedahan dan latihan secukupnya kepada pegawai/anggota polis pelancong dari segi menambah ilmu pengetahuan mengenai fakta-fakta sejarah tempatan dan penampilan serta bahasa yang relevan dengan industri pelancongan di Pulau Pinang dengan mengadakan lawatan di tempat-tempat pelancongan dalam/luar negeri serta kursus/seminar pelancongan;

2.7. Pemilihan pegawai/anggota Unit Polis Pelancong hendaklah dibuat dengan lebih menekankan tentang perwatakan dan keterampilan serta minat yang mendalam dalam tugas di unit ini; dan

2.8 Menempatkan pegawai/anggota yang mahir berbahasa Inggeris dan lain-lain bahasa di tempat-tempat yang menjadi tumpuan pelancong seperti di jeti, lapangan terbang, stesen kereta api Bukit Bendera dan KOMTAR.

Anggota Unit Polis Pelancong merupakan "*Front Liner*" yang memainkan peranan penting di dalam usaha Kerajaan Negeri memberikan perkhidmatan "Mesra Pelancong" serta keyakinan kepada para pelancong khususnya pelancong asing bahawa Pulau Pinang adalah merupakan tempat yang selamat untuk dikunjungi.

Justeru, dengan usaha yang berterusan dalam mempertingkatkan lagi keberkesanan unit ini di dalam memberi perkhidmatan kepada pelancong-pelancong asing, penambahan anggota unit adalah amat diperlukan kerana kehadiran mereka secara tidak langsung dapat membantu mencegah jenayah dan sekali gus dapat menyumbangkan ke arah yang lebih positif terutamanya dalam perkembangan Industri Pelancongan Negara. Unit Polis Pelancong Pulau Pinang akan terus melangkah bagi mencorakkan imej PDRM masa kini sejajar dengan slogan " TEGAS, ADIL DAN BERHEMAH".

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Pada masa kini, kesemua aduan kerosakan atau masalah-masalah MPPP, TNB, JPN, JPS dan lain-lain adalah dibuat oleh rakyat. Mengapakah kerajaan tempatan tidak mengamalkan cara proaktif supaya mencecah aduan sifar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Tempatan memang mengamalkan cara proaktif ke arah sasaran aduan sifar. Dalam usaha menjadikan pengurusan pengaduan awam lebih berkesan, pihak MPPP telah melaksanakan talian aduan melalui telefon *(Hotline)* 24 jam bermula pada 13 Julai 2007. MPPP juga telah meningkatkan usaha untuk menyelesaikan semua kes terbengkalai dalam tempoh masa yang ditetapkan bagi memastikan pengurusan pengaduan awam MPPP lebih berkesan.

Selaras dengan operasi *"Hotline* 24 jam", MPPP juga telah memberi perkhidmatan aduan yang berbentuk tindakan serta-merta ke atas aduan kecemasan yang memerlukan tindakan segera. Kategori aduan yang memerlukan tindakan serta-merta ialah lampu isyarat rosak. Lampu jalan tidak bernyala/tumbang, kebakaran tempat pelupusan sampah Jelutong, masalah penyelenggaraan pasar/kompleks/balai rakyat, bangkai binatang, sampah tidak dikutip, sampah jatuh dari lori, pokok tumbang, halangan di kaki lima awam dan kutipan letak kereta. MPPP mempunyai sistem pemantauan untuk pengurusan sisa pepejal dengan menempatkan penyelia-penyelia kawal selia untuk memantau setiap kontraktor. Ia merupakan sistem Hybrid iaitu kontraktor dikehendaki mengutip semua sampah-sarap yang dikeluarkan oleh pengguna termasuk sampah dapur dan sampah pukal. Kawasan kutipan telah dibahagikan kepada lapan (8) zon yang mana satu (1) zon dikendalikan oleh MPPP sendiri. Setiap kontraktor perlu mengecat lori mereka mengikut warna yang ditentukan oleh MPPP bagi setiap zon untuk tujuan pemantauan.

Penyeliaan kepada 34 kawasan dengan mengintegrasikan pembersihan parit dan jalan, terutamanya di kawasan luar George Town. MPPP telah mempertingkatkan pembersihan parit dan jalan di bandar George Town. MPPP mempunyai 15 Pembantu Kesihatan Awam (PKA) yang ditugaskan bagi memantau kebersihan longkang dan 12 PKA lagi bagi memantau kerja pembersihan jalan dan parit yang dijalankan oleh kontraktor MPPP.

Sebagai langkah proaktif bagi mengatasi masalah-masalah berkaitan lampu jalan, MPPP telah mewujudkan dua pasukan rondaan yang dijalankan pada waktu malam. Pasukan ini akan membuat pemantauan sebanyak 30 jalan di kawasan Bandaraya George Town. Aduan-aduan kerosakan lampu jalan ini akan disalurkan kepada pihak TNB untuk

pembaikan dan tindakan selanjutnya. MPPP juga mengadakan mesyuarat mingguan dengan pihak TNB untuk membincangkan mengenai masalah-masalah lampu jalan ini. Dalam usaha untuk mengatasi masalah aduan tentang kerosakan jalan, MPPP juga telah menugaskan satu pasukan pekerja untuk menjalankan kerja pemantauan dan kerja pembaikan *pothole* setiap hari. Semua kerosakan jalan akan diambil tindakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dalam Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan Piagam Pelanggan.

MPSP sememangnya mengalu-alukan sebarang cadangan yang membina atau aduan daripada orang awam kerana ia merupakan satu maklum balas bagi memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan.

Orang awam boleh mengemukakan cadangan atau aduan melalui :

(i) Talian tol *free* MPSP iaitu 1-800-88-6777
(ii) Laman Web MPSP di www.mpsp.gov.my
(iii) Surat
(iv) E-mail
(v) Lisan / hadir ke kaunter
(vi) Telefon
(vii) Media
(viii) Mesyuarat

Semua cadangan/aduan akan didaftarkan ke dalam sistem aduan. Pengadu akan diberi nombor rujukan oleh sistem dalam tempoh satu hari dan aduan akan disalurkan terus kepada jabatan-jabatan yang berkaitan di dalam atau di luar MPSP. Pengadu akan diberi maklum balas mengenai status dan tindakan terhadap aduan tersebut dalam tempoh tidak melebihi tempoh 10 hari.

Selain daripada itu, MPSP juga telah melaksanakan sistem aduan pembersihan melalui khidmat sistem pesanan ringkas (SMS) bagi memperkasakan lagi pengurusan aduan MPSP.

Selain PBT, jabatan lain juga mengambil tindakan proaktif ke arah aduan sifar.

Pihak JPS telah pun melancarkan JPS Careline pada bulan Februari 2009. Melalui sistem ini, sebarang aduan boleh dibuat 24 jam setiap hari dan aduan tersebut akan terus disampaikan kepada Jurutera-jurutera Daerah yang berkenaan dengan serta merta melalui SMS.

Melalui sistem ini juga, pegawai-pegawai JPS akan terus menghubungi dan berjumpa dengan pengadu tersebut dalam tempoh 48 jam bagi mengenal pasti dan menyelesaikan masalah yang dibangkitkan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mempertingkatkan perkhidmatan beca. Adakah rancangan untuk menghias beca, latihan untuk penarik beca, menyediakan seragam dan mengawal harga tertib sisipan untuk penarik beca diadakan supaya menarik pelancong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Kerajaan Negeri kini di peringkat perbincangan untuk mewujudkan satu sistem bagi menguruskan kebajikan penarik beca di Pulau Pinang dan mempertingkatkan perkhidmatan beca di negeri ini dengan mewujudkan sistem yang lebih tersusun. Terdapat juga cadangan agar semua penarik beca diletakkan di bawah satu pengurusan yang sama bagi memudahkan pihak pengurusan membuat pemantauan dari masa ke semasa. Buat masa kini, harga tambang beca adalah berbeza-beza kerana tidak diselaraskan oleh mana-mana pihak. Kerajaan Negeri berhasrat untuk menetapkan satu sistem harga tambang yang seragam selain menimbangkan untuk menyediakan uniform bagi penarik-penarik beca di negeri ini agar kelihatan lebih kemas.

Kerajaan Negeri sedang mengambil kira cadangan bagi mewujudkan satu stesen khas bagi membolehkan semua penarik beca meletakkan beca masing-masing di stesen berkenaan serta sebagai hentian bagi mereka merehatkan diri setelah mengangkut penumpang selain cadangan agar beca-beca dihias supaya kelihatan lebih cantik untuk menarik minat para pelancong.

Kerajaan Negeri juga bersedia menganjurkan program yang bersesuaian seperti pertandingan menghias beca, perlumbaan beca dan sebagainya demi menarik lebih ramai pelancong dan penumpang untuk menggunakan perkhidmatan beca di negeri ini. Setakat ini, penarik beca telah dilibatkan dalam program membawa pelancong serta ejen pelancongan melawat ke kawasan warisan di sekitar bandar George Town.

Selain itu, Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengadakan latihan atau kursus kepada penarik beca untuk menyampaikan maklumat-maklumat terkini berhubung industri pelancongan negeri ini selain memberi bimbingan kepada mereka tentang cara berinteraksi dan berurusan dengan para pelancong. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pihak NGO dalam merealisasikan hasrat ini.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sejak Pulau Pinang dan Melaka mendapat pengiktirafan dari UNESCO pada tahun lalu, pelancongan di Pulau Pinang telah meningkat 20%, Melaka 32% (sedangkan di Tembikar (wilayah Hokkien) telah meningkat sehingga 100%). Mengapa Melaka yang tidak mempunyai lapangan terbang tetapi peningkatan peratusan begitu tinggi. Apakah cadangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Walaupun, peratusan bagi pelancongan yang melawat Melaka telah meningkat, Pulau Pinang masih lagi menduduki tangga yang keempat (6.3 juta) bagi bilangan pelancongan manakala Melaka menduduki tangga yang keenam (4.35 juta) bagi tahun 2008. Dari Januari hingga Jun 2009, peratusan pelancong yang melawat Pulau Pinang meningkat sebanyak 7.2% berbanding dengan kemerosotan peratusan pelancongan yang melawat Malaysia iaitu sebanyak 3.9%. Melaka pula hanya mencatat peratusan yang meningkat sebanyak 0.7%. Bagi meningkatkan lagi peratusan pelancong yang melawat Pulau Pinang melaksanakan program-program yang berikut:

    (a) Tahun Melawat Pulau Pinang 2010-2012;

    (b) *Penang Bridge International Marathon;*

    (c) Pesta Pulau Pinang (serta aktiviti / program yang termasuk dalam Pesta Pulau Pinang); dan

    Persembahan Kebudayaan Mingguan *"Esplanade in Action"*

    Kerajaan Negeri juga merancang beberapa produk pelancongan baru serta memperkukuhkan produk-produk pelancongan sedia ada untuk menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini. Sebagai contoh, sepanjang tahun 2008 pelbagai acara pelancongan bertaraf antarabangsa telah diadakan di Pulau Pinang yang telah menarik minat pelancong dari dalam mahupun luar negara.

    Antara acara yang telah dijalankan sepanjang tahun 2008 ialah Penganjuran Pesta Seni Silat Nusantara, Pesta Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa, Kejohanan Basikal Bukit Antarabangsa, Kejohanan Golf Amatur Antarabangsa, Kejohanan Jemputan Bola Keranjang Dunia Yang Kelima Belas, Pertandingan Memancing Antarabangsa, Kejohanan Tarian *Ball-Ro*om Antarabangsa, Kejohanan Antarabangsa *Bowling* Pesta Pulau Pinang dan Regatta Antarabangsa Mengelilingi Pulau Pinang. Kesemua acara pelancongan ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada semua pihak.

Bandar George Town pula telah disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 7 Julai 2008. Pengiktirafan ini amat bermakna kepada Kerajaan Negeri dalam pemuliharaan produk berasaskan warisan. Dengan pengiktirafan tersebut, George Town kini lebih dikenali di kalangan pelancong seterusnya telah berjaya menarik lebih ramai pengunjung ke Pulau Pinang.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menerbitkan risalah-risalah pelancongan untuk diedarkan kepada para pelancong dari dalam dan luar negara. Kerajaan Negeri turut mengiklankan tapak-tapak warisan tersebut di dalam majalah-majalah pelancongan tempatan dan luar negara bagi mempromosi serta menggalakkan pelancongan yang berteraskan sejarah dan warisan. Perkhidmatan *(wireless internet)* WIFI dan WIMAX pula disediakan secara percuma di daerah Timur Laut yang meliputi kawasan Bandar George Town, Pengkalan Weld, Jalan Burma, persekitaran Persiaran Gurney ke Jalan Kebun Bunga juga hingga kawasan Bukit Jambul dan Bayan Mutiara.

Perkhidmatan ini turut merangkumi kawasan di Seberang Perai seperti kawasan Butterworth, Kampung Jawa, Kampung Perlis dan Kampung Benggali. Perkhidmatan ini menjadikan negeri ini lebih berdaya saing dan pada masa yang sama memberi perkhidmatan telekomunikasi yang terbaik kepada pelancong serta penduduk Pulau Pinang secara keseluruhannya.

Pembukaan beberapa buah hotel baru turut merancakkan lagi industri pelancongan di Pulau Pinang antaranya pembukaan Tune Hotel di Pulau Pinang yang menawarkan pakej keluarga pada harga yang kompetitif. Pembinaan hotel-hotel baru di kawasan yang strategik akan dapat memberi pilihan yang lebih kepada pelancong yang datang ke

Pulau Pinang. Selain itu melalui pembinaan hotel-hotel baru akan membantu memenuhi keperluan pelancong terutama ketika musim cuti sekolah yang mencatatkan peningkatan tempahan bilik hotel. Kerajaan Negeri akan terus mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi unggul pelancongan di rantau ini dengan adanya produk-produk pelancongan seperti ini. Ini jelas di sepanjang tempoh lebih satu (1) tahun ini Kerajaan Negeri telah mengambil bahagian di dalam misi-misi pelancongan dan pameran penggalakan pelancongan peringkat domestik dan antarabangsa.

Antara pameran yang disertai termasuklah MATTA Fairs di Singapura, MATTA *travel fair* di Kuala Lumpur, MATTA Travel IMT-GT di Pulau Pinang, Asia Tourism Forum di Singapura, ITD di Jerman, Manchester Travel Mart, Arabian Travel Mart, European Incentive and Business and Travel Meeting and Exhibition di Geneva dan lain-lain. Usaha ini juga diharap dapat menarik serta mengekalkan tumpuan pasaran utama pelancong dari negara Eropah, Jepun dan Australia, di samping dapat menerokai pasaran-pasaran baru seperti negara-negara Timur Tengah, India dan China.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut merancang dan mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan taraf pelancongan Pulau Pinang. Antaranya ialah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai negeri pertama di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan WIFI dan W1MAX secara percuma kepada penduduk negeri Pulau Pinang dan akan turut dinikmati oleh pelancong yang berkunjung ke Pulau Pinang. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak MPPP dan MPSP juga sedang berusaha keras untuk meningkatkan tahap kebersihan Pulau Pinang dengan mengambil langkah-langkah seperti membanteras penjaja-penjaja tanpa lesen/permit yang menjejaskan kebersihan dan alam sekitar.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyertai pameran-pameran pelancongan yang terkenal di peringkat antarabangsa seperti AIME (Australia), ITB (Berlin), ATM (Dubai), WTM (London), ATF (Hanoi), ICIF (Shenzhen), ITHF (Jakarta), dan Natas (Singapura) untuk mempromosi produk pelancongan Pulau Pinang serta mendapat pendedahan mengenai perkembangan terkini industri pelancongan global. Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism juga akan menganjurkan sebuah *roadshow* di Singapura iaitu *Penang Showcase* pada 9 hingga 11 September 2009 untuk menarik lebih ramai kemasukan pelancong-pelancong Singapura ke Pulau Pinang di samping memasarkan

teras-teras pelancongan lain seperti pendidikan, perubatan, hartanah, makanan, pelaburan, dan sebagainya. Selain daripada Singapura, *roadshow* ini turut akan diadakan di Indonesia bagi tujuan yang sama pada penghujung tahun 2009. Kerajaan Negeri juga menyertai pameran-pameran tempatan seperti pameran MATTA yang diadakan di Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang dan Melaka turut disertai oleh Penang Global Tourism bagi menarik dan menggalakkan pelancong-pelancong tempatan melancong ke negeri Pulau Pinang.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mempromosi serta menggalakkan lebih banyak kapal *cruise* untuk berlabuh di Pulau Pinang di mana setiap kapal *cruise* mampu membawa sekurang-kurangnya 1000 orang pelancong. Kerajaan Negeri juga mempromosi acara-acara tahunan *signature events* seperti Penang International Dragon Boat Festival, Bon Odori, Chingay, Penang International Bridge Marathon dan Pesta Pulau Pinang.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan hotel-hotel bertaraf antarabangsa dan berjenama seperti Hard Rock Hotel di samping bekerjasama dengan rakan-rakan strategik seperti syarikat-syarikat penerbangan dan pelabur-pelabur untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur dan produk-produk pelancongan di negeri ini. Kerajaan Negeri juga mengadakan program lawatan familiarisasi untuk pihak media bagi tujuan mempromosi sektor pelancongan Pulau Pinang di mata dunia.
Dengan adanya program-program serta aktiviti yang telah dirancang dan dijalankan, kedatangan pelancong ke negeri ini akan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Negeri Pulau Pinang mempunyai banyak bangunan-bangunan warisan. Apakah rancangan, strategi dan aktiviti untuk mengekalkan bangunan-bangunan warisan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Setiap bangunan yang telah dikenal pasti sebagai bangunan-bangunan warisan Kategori I atau Kategori II adalah perlu dikekalkan dan di baik pulih mengikut pematuhan kepada garis panduan warisan sedia ada. Bangunan-bangunan warisan yang mempunyai nilai sejarah di Pulau Pinang telah dikenal pasti oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan disenaraikan sebagai bangunan warisan kategori I di mana bangunan-bangunan tersebut tidak boleh diruntuhkan dan perlu dikekalkan ciri-ciri seni bina bangunan tersebut seperti asal. Sekiranya bangunan tersebut perlu dibaik pulih maka permohonan perlu dibuat oleh pemilik dan pihak Majlis akan memastikan kelulusan diberikan berdasarkan kepada pematuhan Peraturan Untuk Kawasan Pemuliharaan Dan Bangunan-bangunan Warisan.

Manakala bagi bangunan yang dimasukkan dalam kategori II maka bangunan-bangunan tersebut perlu mengekalkan ciri-ciri seni bina bangunan di bahagian fasad hadapan seperti asal. Sekiranya bangunan tersebut perlu dibaik pulih/dibangunkan semula maka permohonan perlu dibuat oleh pemilik dan pihak Majlis akan memastikan kelulusan diberikan berdasarkan kepada pematuhan Peraturan Untuk Peraturan Untuk Kawasan Pemuliharaan Dan Bangunan-bangunan Warisan. Pihak Majlis juga memberi inisiatif dari segi 'geran penyelenggaraan' yang mana setiap pemilik bangunan warisan layak memohon untuk mendapatkan rebat sebanyak 90% dari kadar bayaran cukai taksiran bagi tempoh lima (5) tahun sekiranya kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan adalah mengikut garis panduan warisan. Selain dari itu, pihak MPPP juga mencadangkan sebilangan bangunan terutamanya bagi bangunan-bangunan yang telah dikenal pasti sebagai Bangunan Warisan Kategori I untuk disenaraikan sebagai Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645). Pihak MPPP juga mempunyai rancangan bagi memastikan semua bangunan yang berada dalam keadaan usang/bahaya dibaik pulih dalam tempoh lima (5) tahun.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Apakah rancangan jangka panjang kerajaan terhadap pusat penjaja terutamanya pusat penjaja yang telah dibiarkan. Adakah kerajaan akan mempertimbangkan cara Pusat Penjaja Sungai Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri memandang berat terhadap pusat penjaja yang terbiar kerana sewa tidak dapat dikutip. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri telah menswastakan kompleks penjaja yang terbiar. Di Seberang Perai, dua (2) tapak yang terbiar dan tidak menguntungkan telah diswastakan dan kini diuruskan dengan berjaya. Tapak tersebut adalah tapak penjaja di Taman Inderawasih. Perai dan Taman Perai Indah. Pengurusan kedua-dua tapak penjaja berjalan lancar dan ruang penjaja dalam tapak tersebut semakin dipenuhi. Di sebelah pulau, MPPP telah membuat panggilan sebut harga terbuka bagi penswastaan pengurusan kompleks/ tapak penjaja yang kurang strategik atau kurang mendapat sambutan orang ramai. Sehingga kini, lebih dari sepuluh (10) kompleks/ tapak penjaja yang kurang strategik atau kurang mendapat sambutan orang ramai telah diswastakan pengurusannya seperti berikut :-

No.	KOMPLEKS / TAPAK PENJAJA
1.	Pengurusan Kompleks Makanan Relau (Medan Bayan), Pulau Pinang
2.	Pengurusan Tapak Penjaja Jalan Paya Terubong, Sebelah No. 17 MCA, Pulau Pinang
3.	Pengurusan Tapak Penjaja Lebuh Lembah Permai, Pulau Pinang
4.	Pengurusan Tapak Penjaja Desa Mas Melor, Lintang Relau 1, Pulau Pinang
5.	Pengurusan Kompleks Penjaja Lebuh Bakau, Pulau Pinang
6.	Pengurusan Tapak Penjaja Bersebelahan Desa Golf, Persiaran Bukit Jambul 2, Pulau Pinang
7.	Tapak Penjaja Desa Green, Jalan Van Praagh, Pulau Pinang
8.	Tapak Penjaja Lorong Delima 20, Island Glades, Pulau Pinang
9.	Tapak Penjaja Taman Free School, Pulau Pinang
10.	Tapak Penjaja Sri Wangsa, Lorong Perak, Pulau Pinang

Setelah penswastaan pengurusan kompleks/ tapak penjaja dikendalikan oleh pihak swasta didapati perniagaan di kompleks/ tapak penjaja telah maju dengan pesat. Antaranya ialah Medan Selera Taman Free School, Kompleks Makanan Lebuh Bakau/ Sungai Pinang dan Tapak Penjaja Desa Green/ Jalan Van Praagh.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Terdapat banyak bangunan *abandon* (terutamanya bangunan yang bersejarah) di George Town. Apakah rancangan Kerajaan Negeri. Adakah kerajaan akan membeli/menyewa untuk memperbaharui dan menyewa ianya balik kepada pelancong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Bangunan-bangunan yang terbiar dan didapati tidak selamat khususnya dalam kawasan Tapak Warisan Dunia UNESCO telah dikenal pasti oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan notis-notis kepada pemilik bangunan telah dikeluarkan untuk membaik pulih bangunan tersebut selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976, Akta 172.

Untuk bangunan-bangunan milikan swasta, pihak Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membeli atau menyewa bangunan yang terbiar ini, kerana tiada peruntukan khusus untuk tujuan tersebut.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Apakah perniagaan Kerajaan Negeri yang telah dibuat dan apakah keuntungan untuk tahun 2006, 2007, 2008. Bilakah senarai-senarai tersebut akan disediakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19 Kerajaan Negeri tidak menjalankan sebarang perniagaan dan setakat ini tiada senarai disediakan bagi sebarang maklumat tersebut bagi tahun 2006, 2007 dan 2008.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Bilakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan teksi bermeter di Pulau Pinang dan apakan tindakan yang akan diambil terhadap pemandu teksi yang tidak mematuhi undang-undang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Teksi merupakan salah satu pengangkutan penting di negeri Pulau Pinang. Bagi melaksanakan teksi bermeter, Kerajaan Negeri berperanan membantu Kerajaan Persekutuan sebagai pemudah cara di peringkat negeri. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan teksi bermeter adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Pada 23 Mei 2009, Kerajaan Negeri telah mengaturkan satu sesi dialog di antara ahli-ahli Gabungan Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Pulau Pinang dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz dan pegawai-pegawai kanan Lembaga Pengangkutan Kenderaan Perdagangan (LPKP). Persatuan Pemandu Teksi dan Kereta Sewa Pulau Pinang telah merayu supaya teksi bermeter tidak dilaksanakan di Pulau Pinang kerana keadaan di Pulau Pinang berbeza dengan di negeri-negeri lain. LPKP merupakan Pihak Berkuasa dalam menguatkuasakan teksi bermeter dan mengambil tindakan terhadap pemandu teksi yang tidak mematuhi undang-undang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (Y.B. Tuan Koay Teng Hai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Terdapat restoran dan peniaga-peniaga yang menjual barangan/makanan mereka pada harga yang tidak munasabah terhadap pelancong-pelancong asing. Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Harga barangan adalah dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan. Agensi pengawal yang memantau dan menguatkuasakan harga barangan serta makanan ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Dalam hal ini, para pelancong asing adalah disarankan untuk membuat aduan kepada agensi berkaitan seperti cawangan KPDNKK atau Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mengenai harga barangan atau makanan yang tidak munasabah untuk diambil tindakan. Jika aduan mereka didapati benar, maka lesen pihak restoran atau peniaga perlu digantung selama tiga (3) bulan.

XXI) Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Bilakah permohonan pecah lot bagi Lot 1244 (Geran 62008) dan Lot 3670 (Geran 43489) Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah dikemukakan dan oleh siapa.

(b) Bilakah permohonan tersebut telah diluluskan.

(c) Sila senaraikan nombor hak milik dan nama tuan punya terkini setiap lot yang telah di pecah lot itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Proses pecah Lot 1244 dan 3670 dibuat melalui proses permohonan penyerahan dan pemberi milikan semula tanah Lot 1244 dan 3670, Mukim 14, Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) yang telah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah, pada 29 November 2004 oleh Pengurusan Danaharta Nasional berhad.

(b) Permohonan tersebut telah diluluskan pada 10 Mac 2005.

(c) Bilangan lot baru yang wujud ialah sebanyak 925 lot. Memandangkan bilangannya yang banyak, Kerajaan Negeri tidak dapat menyenaraikan nama-nama tuan punya terkini setiap lot berkenaan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Adakah Laporan Kajian Kebolehlaksanaan Tebatan Banjir dan Saliran di Kampung Tersusun, Juru oleh REDAC, USM dibentangkan di Jawatankuasa Tebatan Banjir.

(b) Bila dan berapakah peruntukan dipohon Jawatankuasa Tebatan Banjir untuk melaksanakan cadangan kajian tersebut.

(c) Adakah permohonan itu diluluskan. Sekiranya ya, apakah skop kerja. Sekiranya tidak, mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Laporan Kajian Kebolehlaksanaan Tebatan Banjir dan Saliran di Kampung Tersusun, Juru oleh REDAC, USM (pelantikan dibuat oleh MPSP) telah pun dibentangkan pada Mesyuarat Bil 4/2004 tarikh 21 Disember 2004.

(b) Permohonan bagi mendapatkan peruntukan bagi melaksanakan projek Tebatan Banjir tersebut dibuat dalam mesyuarat yang sama pada 21 Disember 2004. Peruntukan yang diperlukan untuk pelaksanaan projek adalah berjumlah RM 6 juta.

(c) Permohonan untuk melaksanakan projek tersebut tidak diluluskan ketika itu kerana melibatkan kos yang tinggi di samping projek itu juga tidak tersenarai dalam senarai projek yang diberi keutamaan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila senaraikan butir-butir termasuk lokasi dan penyewa Dewan Orang Ramai di bawah Pejabat Daerah dan juga Majlis Perbandaran Seberang Perai dalam Daerah Seberang Perai Tengah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Secara keseluruhannya terdapat sebanyak 69 buah Dewan Orang Ramai yang dikendalikan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di dalam Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan 10 buah dewan dikendalikan oleh Pejabat Daerah SPT. Maklumat terperinci mengenai lokasi dan penyewa dewan berkenaan adalah seperti di jadual.

JADUAL

Senarai dewan dan penyewa dewan di bawah Majlis Perbandaran Seberang Perai Tengah.

BIL	NAMA	STATUS / DISEWAKAN KPD
1.	Dewan Pangsa Sri Pauh, Tmn Pauh	Badan Pengurusan Bersama Rumah Pangsa Seri Pauh
2.	Dewan Serbaguna Pauh Jaya	Persatuan Penduduk Taman Pauh Jaya
3.	Dewan Serbaguna Tmn Seri Delima	Pertubuhan Penduduk Pangsapuri Taman Seri Delima
4.	Dewan Taman Impian Jaya	Kawasan Rukun Tetangga Dewan Orang Ramai Taman

		Impian Jaya
5.	Dewan Taman Jambu	Kawasan Rukun Tetangga Taman Jambu
6.	Dewan Taman Inderawasih	Kawasan Rukun Tetangga Taman Inderawasih
7.	Dewan Taman Limau Manis	Kawasan Rukun Tetangga Taman Limau Manis
8.	Dewan Taman Pauh Indah	Kawasan Rukun Tetangga Taman Pauh Indah
9.	Dewan Taman Pelangi	Persatuan Bersatu Penduduk Taman Pelangi
10.	Dewan Taman Permata	Persatuan Penduduk Taman Permata
11.	Dewan Taman Samagagah	Kawasan Rukun Tetangga Dewan Orang Ramai Taman Samagagah
12.	Dewan Taman Seri Delima	Kawasan Rukun Tetangga Taman Seri Delima
13.	Dewan Taman Seri Janggus	Persatuan Penduduk Taman Sri Janggus, Alma
14.	Pangsapuri Pauh Damai	Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Pauh Damai
15.	Tadika Taman Pauh Jaya	Persatuan Penduduk Taman Pauh Jaya
16.	Tadika Taman Seri Janggus	Kawasan Rukun Tetangga Taman Sri Janggus
17.	Dewan Taman Desa Damai	Kawasan Rukun Tetangga Taman Desa Damai
18.	Dewan Taman Bukit Keci	Kawasan Rukun Tetangga Taman Bukit Kecil
19.	Dewan Taman Bayu Mutiara	Kawasan Rukun Tetangga Taman Bayu Mutiara
20.	Dewan Taman Kijang Indah	Kawasan Rukun Tetangga Taman Kijang Indah

BIL	NAMA	STATUS / DISEWAKAN KPD
21.	Dewan Taman Manggis Indah	Persatuan Penduduk Taman Manggis Indah
22.	Dewan Taman Pusat Perniagaan Arowana	Persatuan Penduduk Taman Arowana
23.	Dewan Taman Seri Impian	Kawasan Rukun Tetangga Taman Seri Impian
24.	Dewan Taman Ara Indah	Kawasan Rukun Tetangga Taman Ara Indah
25.	Dewan Taman Budiman	Kawasan Rukun Tetangga Taman Budiman
26.	Dewan Taman Cendana	Kekosongan
27.	Dewan Perkampungan Berapit	Kekosongan
28.	Dewan Taman Jambu Mawar	Kekosongan
28.	Dewan Taman Jambu Mawar	Kekosongan
29.	Dewan Taman Janggus Jaya	Kekosongan
30.	Dewan Taman Janggus Jaya Lot 3421	Kekosongan
31.	Dewan Taman Bukit Minyak	Kekosongan
32.	Dewan Taman Lampam	Kekosongan
33.	Dewan Taman Suria Aman	Kekosongan
34.	Dewan Taman Machang Manis	Kekosongan
35.	Dewan Taman Duku	Kekosongan
36.	Dewan Taman Sri Arowana	Kekosongan
37.	Dewan Taman Pearl	Kekosongan

38.	Dewan Taman Alma Jaya	Kekosongan
39.	Dewan Taman Perai Jaya	Kekosongan
40.	Dewan Macang Bubuk	Kekosongan
41.	Dewan Taman Perwira Indah	Kekosongan
42.	Dewan Taman Gemilang Ria	Kekosongan
43.	Dewan Taman Remia	Kekosongan
44.	Dewan Taman Desa Cahaya	Kekosongan
45.	Dewan Taman Saujana Permai	Kekosongan
46.	Dewan Taman Sejahtera Jaya	Kekosongan
47.	Dewan Taman Sejahtera Permai	Kekosongan
48.	Dewan Taman Selesa	Kekosongan
49.	Dewan Taman Sentul Indah	Kekosongan
50.	Dewan Taman Seri Bukit Indah	Kekosongan
51.	Dewan Taman Belimbing	Kekosongan
52.	Dewan Taman Alma Ria	Kekosongan
53.	Dewan Taman Berapit Indah	Kekosongan
54.	Dewan Taman Seri Juru	Kekosongan

BIL	NAMA	STATUS / DISEWAKAN KPD
55.	Dewan Taman Seri Sejahtera	Kekosongan
56.	Dewan Taman Serumpun	Kekosongan
57.	Dewan Taman Sukun Indah	Kekosongan
58.	Dewan Taman Tun Hussain Onn	Kekosongan
59.	Dewan Taman Betik Manis	Kekosongan
60.	Tadika Taman Ara Indah	Kekosongan
61.	Tadika Taman Desa Palma	Kekosongan
62.	Tadika Taman Machang Bubuk	Kekosongan
63.	Dewan Taman Impian Murni	Kekosongan
64.	Dewan Taman Bukit Minyak Indah	Kekosongan
65.	Dewan Taman Bukit Juru	Kekosongan
66.	Dewan Taman Jernih	Kekosongan
67.	Dewan Taman Impian Indah Lorong 7	Kekosongan
68.	Dewan Taman Impian Indah Lorong 14	Kekosongan
69.	Dewan Taman Sutera Prima	Kekosongan

Terdapat 10 dewan orang ramai di Daerah Seberang Perai Tengah. Berikut adalah butir-butir dewan orang ramai tersebut.

BIL	NAMA DEWAN	STATUS DEWAN	LOKASI DAN KEGUNAAN
1.	Dewan Orang Ramai Permatang Pauh (A)	Tanah Kerajaan Negeri	Bertentangan dengan tapak pasar malam Ampang Jajar, Permatang Pauh. Dahulunya dikenali sebagai Dewan Orang Ramai MIC. Tingkat atas digunakan sebagai bilik mesyuarat oleh mana-mana Persatuan @ Kelab. Tiada kegunaan khusus di tingkat bawah. Kunci dipegang oleh PDTSPT.
2.	Dewan Orang Ramai Permatang Pauh (B)	Tanah Kerajaan Negeri	Bertentangan dengan tapak pasar malam Ampang Jajar, Permatang Pauh. Bersebelahan Pertubuhan Bomba Sukarela Permatang Pauh. Dahulu dikenali sebagai Dewan Orang Ramai MCA. Digunakan sebagai pusat kegiatan masyarakat. Kunci dipegang oleh PDTSPT.
3.	Dewan Orang Ramai Kampung Manis.	Tanah Kerajaan Negeri	Berdekatan dengan kilang gula, Perai. Tingkat bawah dijadikan Perpustakaan Desa. Tingkat atas sebagai pusat kegiatan aktiviti masyarakat setempat dan JKKK. Kunci diserahkan pada JKKK.
4.	Dewan Orang Ramai Guar Jering.	Tanah Kerajaan Negeri	Lokasi di Guar Jering. Digunakan sebagai pusat pemindahan mangsa banjir. Kunci diserahkan kepada JKKK Guar Perahu.
5.	Dewan Orang Ramai Kampung Sekolah Juru.	Tanah kerajaan persekutuan	Lokasi di belakang Sekolah Kebangsaan Juru. Diselenggarakan oleh JKKP.
6.	Dewan Orang Ramai Kepala Bukit	Tanah wakaf	Lokasi bersebelahan Surau Kepala Bukit. Tingkat atas sebagai Perpustakaan Desa dan tingkat bawah digunakan sebagai bilik mesyuarat JKKK.
7.	Balai Orang Ramai Guar Perahu.	Tanah persendirian	Lokasi berhampiran pasar malam Guar Perahu. Digunakan sebagai tempat mesyuarat Persatuan Ibu Tunggal dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).
8.	Dewan Orang Ramai Permatang Ara.	Tanah persendirian	Lokasi berhampiran Simpang Tiga, Permatang Pasir. Digunakan sebagai pusat kegiatan aktiviti wanita dan kelas tuisyen. Diselenggarakan oleh Belia 4B.
9.	Dewan Orang Ramai Kampung Kota.	Tanah persendirian	Lokasinya terletak di Kampung Kota. Digunakan sebagai Tadika Kemas dan Perpustakaan Desa.
10.	Dewan Orang Ramai Kampung Permatang Haji Wahab.	Tanah persendirian	Lokasi di Kampung Permatang Haji Wahab @ Kampung Tok Suboh. Tingkat atas digunakan sebagai Surau dan tingkat bawah sebagai pusat pemindahan banjir.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila nyatakan butir-butir projek-projek dalam KADUN Bukit Tengah yang telah diberi kelulusan merancang oleh Jawatankuasa *One Stop Centre (OSC)* Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejak tahun 2008 sehingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Projek-projek di dalam KADUN Bukit Tengah yang telah diberi kelulusan merancang oleh Jawatankuasa *One Stop Centre (OSC)* Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejak tahun 2008 sehingga 30 Jun 2009 adalah sebanyak 27 permohonan. Senarai adalah seperti di Jadual.

JADUAL

Senarai permohonan Projek-projek di dalam KADUN Bukit Tengah

Bil	TARIKH KELULUSAN JK OSC	TAJUK	PEMAJU	LOKASI	KADUN
	9.1.2008	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Mendirikan 14 Unit Kilang Perusahaan Ringan 1 Tingkat Dengan Pejabat Di Atas Lot 689, Mukim 13, Daerah Seberang Perai Tengah.	TTLIM Holding Sdn. Bhd.	Jalan Kebun Baru	KADUN BUKIT TENGAH
	9.1.2008	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Sebuah Kilang 2 Tingkat Di Atas PT 3665, Mukim 1 Dan PT 484 Dan PT 3060, Mukim 6, Seberang Perai Tengah	Panther Precision Tools Sdn. Bhd.	Kawasan Perusahaan Nagasari.	KADUN BUKIT TENGAH
	30.1.2008	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan 14 Unit Kedai Pejabat Berkembar 2 Tingkat Dan 3 Unit Kedai Sesebuah 2 Tingkat, Di Atas Lot 6425, Mukim 11, Daerah Seberang Perai Tengah.	Duta Palms Dev. Sdn. Bhd.	Berdekatan Jalan Song Ban Kheng	KADUN BUKIT TENGAH
	27.2.2008	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Pindaan Kepada Pelan Berlulus Bagi Cadangan 'Auto World' (Kompleks Perniagaan) Di Atas Sebahagian Lot Lama 649, Mukim 11, Seberang Perai Tengah.	Star Tiara Development Sdn. Bhd.)	bersebelahan Auto City	KADUN BUKIT TENGAH
	9.4.2008	Permohonan kebenaran merancang untuk pindaan dan tambahan bagi cadangan membina sebuah ruang pameran satu tingkat di atas sebahagian lot 576 dan 582 (baki lot) Mukim 11, Jalan Perusahaan, SPT.	Frontier Highway Auto-City Sdn. Bhd.)	Di Jalan Perusahaan - di dalam kawasan 'Highway Auto City'	KADUN BUKIT TENGAH
	4.6.2008	Permohonan kebenaran merancang di atas lot 3880 dan 3889, Mukim 13, Seberang Perai Tengah untuk:- a. Cadangan pindaan dan tambahan sebuah kilang 1 tingkat dan pejabat 2 tingkat bagi sebuah kilang sedia ada.	Tejari Sdn. Bhd.	bersebelahan Taman Industri Beringin	KADUN BUKIT TENGAH

Bil	TARIKH KELULUSAN JK OSC	TAJUK	PEMAJU	LOKASI	KADUN
	4.6.2008	Permohonan kebenaran merancang untuk skim perumahan terdiri daripada : 62 unit rumah berkembar 2 tingkat 17 unit rumah sesebuah 2 tingkat 1 unit dewan orang ramai 1 tingkat Di atas lot 1200 dan sebahagian lot 1201, Mukim 12, Seberang Perai Tengah	Ivory Horizon Sdn. Bhd.	Jalan Kebun Baru	KADUN BUKIT TENGAH
	18.6.2008	Permohonan kebenaran merancang untuk cadangan 18 unit kedai pejabat 2 tingkat di atas lot 6424 dan keseluruhan lot 6422 diserahkan kepada kerajaan dengan percuma sebagai simpanan jalan, Mukim 11, Seberang Perai Tengah.	Hikmat Bumimas Sdn. Bhd.	Jalan Song Ban Kheng, Seberang Perai Tengah	KADUN BUKIT TENGAH
	18.6.2008	Permohonan kebenaran merancang bagi cadangan pembangunan Sekolah Alma Jaya 2 di atas PT 146 (Lot lama 8287 dan 9400) Mukim 14, Seberang Perai Tengah.	Kementerian Pelajaran Malaysia	diantara Lorong Impian Ria 2 dan Lorong Impian Ria 10, Taman Impian Ria.	KADUN BUKIT TENGAH
	7.7.2008	Permohonan kebenaran merancang untuk cadangan satu unit pejabat 2 tingkat dan ruang pameran satu tingkat di atas sebahagian lot 764 (Plot 1) dan sebahagian lot 765 (Plot 3), Mukim 6, Seberang Perai Tengah.	ISO-I Helmet Sdn. Bhd.	Jalan Pengkalan	KADUN BUKIT TENGAH
	16.7.2008	Permohonan kebenaran merancang untuk cadangan Pusat Penyembelihan Ayam dan Itik Bersepadu di atas lot 1192, Mukim 12, SPT	Chuah Ah Bee Sdn. Bhd.	Juru, SPT	KADUN BUKIT TENGAH
	6.8.2008	Permohonan kebenaran merancang untuk cadangan kilang dan pejabat di atas lot-lot 850 dan 851, No. P.T. 39 & 40, Jalan IKS Juru, Taman Industri Juru, Mukim 13, Seberang Perai Tengah	Zemako Sdn. Bhd.	Jalan IKS Juru	KADUN BUKIT TENGAH

	27.8.2008	Permohonan kebenaran merancang untuk 1 unit loji pembersihan najis dan pencawang elektrik di atas lot-lot 601 & 4559, Mukim 13, Seberang Perai Tengah	BKNT Resources Sdn. Bhd.	Jalan Tok Kangar	KADUN BUKIT TENGAH
	24.9.2008	Permohonan kebenaran merancang untuk cadangan skim perumahan berpagar ('Landed Strata'):- a. 11 unit rumah sesebuah 3 tingkat b. 36 unit rumah berkembar kluster 3 tingkat c. 18 unit rumah berkembar 3 tingkat Di atas lot 697 dan 6421, Mukim 11, Seberang Perai Tengah	Dutamas Summit Sdn. Bhd.	Jalan Song Ban Kheng	KADUN BUKIT TENGAH
	24.9.2008	Permohonan kebenaran merancang untuk cadangan pembangunan perumahan dan perniagaan yang telah diluluskan di atas lot 734, 736, 738, 740 – 748 kepada pelan pindaan yang melibatkan kawasan lapang dan jalanraya di atas lot 395 – 409, 443 – 457, 458 – 472, Mukim 11, Seberang Perai Tengah	Mayang Zaman Sdn. Bhd.	Taman Bayu Mutiara	KADUN BUKIT TENGAH
	15.10.2008	*Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Skim Perniagaan Di Atas Lot 6423 Dan Sebahagian Lot 697 Dan 6421, Secara Serentak Dengan Permohonan Tukar Syarat Dan Pecahan Sempadan Di Bawah Seksyen 124A Bagi Lot 6423, Mukim 11, Seberang Perai Tengah*	Hecta Consolidated Sdn. Bhd.	Berhadapan Jalan Song Ban Kheng	KADUN BUKIT TENGAH
	14.1.2009	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan : (a) Blok 1 – 1 Unit Bangunan Produksi 1 Tingkat (b) Blok 2 – 1 Unit Bangunan Produksi dan Pejabat 2 Tingkat (c) Blok 3 – 1 Unit Bangunan Produksi dan Pejabat 2 Tingkat Di atas lot 684, Mukim 13, Jalan Kebun Kecil, Daerah Seberang Perai Tengah	Ultimate Manufacturing Solution (M) Sdn. Bhd.	Jalan Kebun Baru	KADUN BUKIT TENGAH

	TARIKH KELULUSAN JK OSC	TAJUK	PEMAJU	LOKASI	KADUN
	4.2.2009	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Membina Sebuah Stesyen Pam Minyak Di Atas Sebahagian Lot 563 Dan 564 (Lot baru 6678), Mk. 11, Seberang Perai Tengah	Eramec Jaya Sdn. Bhd.	Jalan susur keluar dari Lebuh Raya Utara Selatan ke Jalan Bukit Tengah (Jalan Kebun Nenas)	KADUN BUKIT TENGAH
	18.2.2009	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Skim Perumahan Yang Terdiri daripada:- Kedai Pejabat Berkembar 2 Tingkat (4 unit) Kedai Pejabat Sesebuah 2 Tingkat (2 unit) Plot-Plot Rumah Banglo (59 unit) Di atas Lot 1199, Mukim 12, Seberang Perai Tengah	Damansara Bakti	Bersebelahan Taman Seri Cendana	KADUN BUKIT TENGAH
	18.2.2009	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Industri Ringan Yang Mengandungi:- - Gudang 1 Tingkat - Pejabat 2 Tingkat Di Atas Lot-Lot 1813, 1814, 1887, 2197 dan 2198, Mukim 12, Kawasan Perusahaan Ringan Juru, Seberang Perai Tengah.	Sun Bean Food Trading Sdn. Bhd.	Lorong Perusahaan Ringan Juru 3	KADUN BUKIT TENGAH

	11.3.2009	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan :- a) 2 Blok Pangsapuri Kos Sederhana 27 ½ Tingkat Dan 38 ½ Tingkat (Blok A & B) b) 1 Blok Rumah Pangsa Kos Rendah 16 Tingkat (Blok C) c) Sebuah Rumah Kelab 3 Tingkat d) Sebuah Surau 2 Tingkat Di Atas Lot-Lot 155, 156, 158, 442 & 466, Jalan Baru, Mukim 1, Seberang Perai Tengah	Landmark Strategy Sdn. Bhd.	Jalan Baru	KADUN BUKIT TENGAH
	11.3.2009	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Pembangunan Semula Balai Polis Bukit Tengah Dan Kuarters Kediaman, Iaitu 1 Blok Bangunan 11 Tingkat Serta 2 Tingkat Basemen, Di Atas Lot 956, Mukim 11, Seberang Perai Tengah	Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	Balai Polis Bukit Tengah Sedia Ada	KADUN BUKIT TENGAH
	8.4.2009	Permohonan Kebenaran Merancang Cadangan Skim Perumahan Di Atas Lot 1202 Dan 1439, Mukim 12, Seberang Perai Tengah 35 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Kepada 19 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat 138 Unit Rumah Sesebuah 3 Tingkat Kepada 135 Unit Rumah Sesebuah 2 Tingkat Cadangan Mencantumkan 2 Plot Kepada 1 Plot Bagi Rumah Sesebuah Yang Telah Diluluskan	Juru Heights Sdn. Bhd.	Taman Bukit Juru	KADUN BUKIT TENGAH
	29.4.2009	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan Membina Sebuah Kilang 2 Tingkat Dengan Pejabat Di Atas Lot 3881 & 3887, Mukim 13, Seberang Perai Tengah	Wah Seng Industry Sdn. Bhd.	Bersebelahan Taman Industri Beringin	KADUN BUKIT TENGAH
	13.5.2009	Permohonan Kebenaran Merancang Cadangan Membina Sebuah Kilang Terbuka (Pemasangan Pintu) 1 Tingkat Di Atas Lot 545, Mukim 13, Seberang Perai Tengah	En. Ooi Teow Hee dll.	Jalan Bukit Minyak, Bersebelahan Kawasan Perindustrian Bukit Minyak PDC	KADUN BUKIT TENGAH
	27.5.2009	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Cadangan Sebuah Pejabat 3 Tingkat Dan Ubahan Pendalaman Kepada Kilang Setingkat Sediada Di Atas Lot 849(PT 38), Jalan IKS, Juru, Mukim 13, Seberang Perai Tengah	Dong Cheng Importers & Exporters Sdn. Bhd.	Jalan IKS, Juru	KADUN BUKIT TENGAH
	10.6.2009	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Cadangan 1 Unit Pejabat 1 Unit Pejabat 2 Tingkat Dan Ruang Pameran 1 Tingkat Di Atas Lot 766, Sebahagian Lot 765 (Plot 4) Dan Sebahagian Lot 764 (Plot 2), Mukim 6, Seberang Perai Tengah	Mototan Parts Sdn. Bhd.	Berhampiran Lebuh Raya Utara Selatan	KADUN BUKIT TENGAH

Ahli Kawasan Bukit Tengah (Y.B. Tuan Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Banyak tapak permainan taman-taman perumahan di Seberang Perai seakan-akan tidak diselenggarakan dengan baik. Adakah ia disebabkan oleh kekurangan peruntukan di Majlis Perbandaran Seberang Perai.

(b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh MPSP setakat ini dalam memastikan tapak permainan taman-taman perumahan diselenggarakan dengan baik.

(b) MPSP akan memastikan kerja-kerja penyelenggaraan ini dijalankan secara berjadual.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Kerja-kerja penyelenggaraan taman permainan di kawasan perumahan dimasukkan di dalam Kontrak Pembersihan Am (KPA) dan dilaksanakan oleh

MPSP. Skop kerja ini termasuk pemotongan rumput di taman permainan yang terdapat di dalam taman perumahan yang dijalankan tiga (3) minggu sekali sama ada oleh MPSP atau kontraktor yang dilantik. Walau bagaimanapun, setelah Perbadanan Sisa Pepejal ditubuhkan, MPSP telah diarahkan untuk tidak mengeluarkan kontrak-kontrak baru. Memandangkan terdapat banyak pertambahan taman-taman perumahan baru diduduki selepas memperolehi Sijil Layak Menduduki, kerja-kerja penyelenggaraan ini terpaksa dilakukan oleh pekerja-pekerja MPSP. Faktor kekurangan kakitangan MPSP telah menyebabkan jadual kerja-kerja penyelenggaraan tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna.

(b) MPSP akan memastikan kerja-kerja penyelenggaraan ini dijalankan secara berjadual.

XXII) Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah rasional bagi pihak polis mengeluarkan kompaun/saman terhadap kesalahan-kesalahan trafik melalui CCTV. Berapakah kompaun/saman mengikut jenis kesalahan telah dikeluarkan pada tahun 2008 dan 2009 (sehingga Julai).

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pemasangan CCTV oleh kerajaan dengan kerjasama pihak polis dan Pihak Berkuasa Tempatan ialah sebagai salah satu inisiatif untuk menangani masalah keselamatan yang dihadapi oleh orang awam. Oleh itu, secara rasionalnya pengeluaran kompaun/saman terhadap kesalahan-kesalahan trafik melalui CCTV ialah untuk menguatkuasakan undang-undang trafik.

Seterusnya, pengeluaran kompaun/saman ini membuktikan bahawa penggunaan secara maksima kemudahan CCTV yang telah diberikan selain membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas di lokasi-lokasi tumpuan khas di jalan raya yang tersedia kemudahan CCTV ini.

Berdasarkan statistik saman yang dikeluarkan oleh Unit CCTV bermula dari bulan Januari sehingga bulan Jun 2009, terdapat sejumlah 5,167 saman yang melibatkan saman 170 A. Sebanyak 5,116 saman daripada saman ini melibatkan kesalahan Seksyen 079(2). Seterusnya sebanyak 51 saman ialah kesalahan daripada Seksyen 12(2) APJ.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Mengapakah bas-bas pajak yang haram masih tidak dapat dihapuskan walaupun Kerajaan Negeri pernah berkali-kali mendesak Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) untuk mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat terbabit.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pengurusan pengangkutan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat dan penguatkuasaan adalah melalui beberapa agensi persekutuan seperti JPJ, pihak Polis dan LPKP.

LPKP bertanggungjawab mengeluarkan lesen dan memastikan bas-bas yang beroperasi dalam negeri adalah mengikut peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Berdasarkan kepada bidang kuasa tersebut, Kerajaan Negeri tidak ada kuasa untuk mengambil tindakan terhadap bas pajak yang haram tersebut. Walau bagaimanapun, untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan LPKP dan agensi-agensi persekutuan untuk menguatkuasakan peraturan dan undang-undang.

Perkara ini telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa MMK Pengurusan Lalu Lintas yang melibatkan semua agensi negeri dan persekutuan yang terlibat dalam pengurusan lalu lintas. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Y.B. Exco Kerajaan Tempatan. Beberapa mesyuarat khas juga telah diadakan dengan agensi berkenaan untuk menyelesaikan masalah bas pajak dan masalah-masalah berkaitan. Tindakan berterusan sedang diambil oleh LPKP dan Kerajaan Negeri dalam memantau aktiviti berkenaan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri**:**

3. Berapakah permohonan bagi Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil negeri Pulau Pinang telah diterima dan berapakah permohonan dan jumlah amaun yang telah diluluskan bagi tujuan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, setakat 16 Julai 2009, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menerima sebanyak 997 borang permohonan bagi Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, sehingga kini bantuan pinjaman belum lagi disalurkan kepada pemohon yang layak. Ini adalah kerana permohonan bagi tabung ini telah ditangguhkan selaras dengan keputusan Lembaga PDC bertarikh 23 Mac 2009. Penangguhan ini dibuat bagi membolehkan PDC meneliti semula dan menambah baik proses serta mekanisme pengagihan pinjaman supaya dana berjumlah RM500,000.00 dapat diperuntukkan secara lebih berkesan dalam bentuk pinjaman yang lebih kecil kepada pemohon yang memerlukan terutamanya dalam keadaan kegawatan ekonomi.

   Setelah kajian semula dijalankan, Lembaga PDC yang bersidang pada 25 Jun 2009 telah meluluskan pelaksanaan Skim Mikro Kredit yang dikenali sebagai Tabung Titian Ketidaksamaan Rakyat (TTKR) negeri Pulau Pinang bagi menggantikan Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil Negeri Pulau Pinang. Program ini akan dilaksanakan secara kerjasama dengan tenaga pakar dari Universiti Sains Malaysia (USM). Peruntukan sebanyak RM3.0 juta telah disediakan bagi tabung ini, iaitu sebanyak RM1.5 juta dari Kerajaan Negeri dan RM1.5 juta lagi dari PDC. Mekanisme pelaksanaan tabung ini sedang disediakan dan pinjaman kepada pemohon yang layak akan mula diagihkan mulai 1 Oktober 2009 dengan keutamaan kepada pemohon dari kalangan ibu tunggal dan wanita.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Mengapakah Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengamalkan prosedur yang berbeza mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 bagi menjalankan tindakan perobohan terhadap struktur-struktur bangunan yang haram, di mana MPPP perlu mengeluarkan tiga notis dan MPSP hanya mengeluarkan satu notis supaya tindakan boleh diambil walaupun struktur tersebut belum diduduki orang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. *Standard Operating Procedure* (SOP), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berkaitan perobohan bangunan haram adalah sama, iaitu tiga notis diberikan.

   Prosedur yang diguna pakai oleh MPSP dalam pengeluaran notis-notis sebelum tindakan meruntuh dilaksanakan adalah seperti yang berikut:-

   (a) Notis Memberhentikan Kerja;

(b) Notis Meruntuh; dan

(c) Notis Mengosongkan Bangunan.

MPPP mengambil tindakan terhadap struktur-struktur haram mengikut prosedur dan peruntukan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan (AJPB), 1974 seperti berikut:-

Seksyen 71(1) AJPB, 1974 menyatakan:

"Jika Pihak Berkuasa Tempatan berpuas hati bahawa suatu bangunan telah didirikan atau sedang didirikan atau hampir hendak didirikan bersalahan dengan Seksyen 70 atau, jika bangunan itu telah didirikan bersalahan dengan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa pada masa itu berhubung dengan bangunan-bangunan dan kelulusan bangunan tidak diberi kemudiannya mengenainya di bawah mana-mana undang-undang, Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengehendaki emunya tanah itu melalui notis yang telah disampaikan kepadanya melakukan mana-mana satu atau lebih daripada perbuatan-perbuatan berikut :-

(a) jangan memulakan atau meneruskan pendirian bangunan itu;

(b) meruntuhkan bangunan itu dalam masa yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan; dan

(c) mengambil langkah-langkah sebagaimana yang diperintahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Seksyen 72(6) seterusnya memperuntukkan seperti berikut:

'Jika bangunan itu hendak diruntuhkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memberi sekurang-kurangnya notis tiga puluh hari kepada penduduk-penduduk bangunan itu mengosongkan bangunan. Pihak Berkuasa Tempatan boleh selepas tamat tempoh itu, memasuki bangunan tersebut memindahkan sesiapa jua atau apa-apa harta alih yang terdapat di dalamnya.'

Tafsiran terma 'penduduk' diperuntukkan dalam Seksyen 3 (AJPB), 1974 yang menyatakan seperti berikut:

'Penduduk ertinya orang yang sebenarnya menduduki tanah atau bangunan yang mengenainya perkataan itu digunakan, atau yang berhak menjaga, mengurus atau mengawal sama ada bagi faedahnya sendiri atau sebagai ejen orang lain, tetapi tidak termasuk seorang penginap'. Ini bermaksud walaupun sesuatu bangunan haram yang didirikan tidak dihuni secara fizikal, ia masih dianggap oleh Akta ini sebagai diduduki jika bangunan ini dijaga atau diurus atau dikawal oleh seseorang. Oleh itu, MPPP dikehendaki mengeluarkan notis 30 hari kepada penduduk atau penghuni. Pra-syarat ini mesti dipatuhi sebelum mana-mana bangunan haram dirobohkan. Ini telah ditegaskan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes Majlis Perbandaran Pulau Pinang menentang (vs) Syed Ahmed MM Gouse Mohamed yang menyatakan antara lain bahawa adalah mandatori untuk notis di bawah Seksyen 72(6) dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebelum tindakan merobohkan dijalankan sekiranya bangunan haram diurus atau dikawal atau dijaga oleh seseorang walaupun ia tidak dihuni secara fizikal. Selanjutnya Notis di bawah Seksyen 97 hendaklah dikeluarkan jika ianya melibatkan premis kediaman dan sekiranya penduduk tidak memberi kebenaran kepada pegawai-pegawai MPPP untuk memasukinya untuk menjalankan kerja-kerja perobohan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila berikan statistik bagi bilangan bangunan mengikut jenis bangunan dan KADUN yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti pembelaan burung walet serta jenis tindakan yang telah diambil terhadap tuan-tuan punya bangunan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Senarai maklumat berkaitan industri sarang burung walet di Seberang Perai adalah seperti di Lampiran ID 359. Tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas premis yang gagal mematuhi syarat-syarat sebagaimana yang telah disyaratkan di dalam Garis Panduan Pengurusan Industri Sarang Burung Walet. Tindakan yang telah diambil pada tahun 2007 adalah seperti yang berikut:

(a) Merampas - 11 kes; dan
(b) Meruntuh - 15 kes.

Statistik bagi bilangan bangunan mengikut jenis dan KADUN di Pulau Pinang (pulau) yang terlibat serta tindakan yang diambil terhadap tuan punya bangunan yang menjalankan pemeliharaan burung walet adalah seperti berikut:

BIL	KADUN	BIL. BANGUNAN	KOMERSIAL/ RUMAH KEDAI	RUMAH
1.	Pengkalan Kota	83	54	29
2.	Padang Kota	29	17	12
3.	KOMTAR	19	11	8
4.	Pulau Tikus	2	2	-
5.	Batu Lancang	3	3	-
6.	Air Putih	1	1	-
7.	Bayan Lepas	2	2	-
8.	Batu Maung	5	4	1
9.	Telok Bahang	8	2	6
10.	Teluk Kumbar	6	6	-

Notis/pemberitahuan telah diberi kepada semua pengusaha di kawasan George Town selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri yang tidak membenarkan aktiviti ini di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town. Setakat ini, sebanyak enam (6) tindakan penguatkuasaan telah diambil oleh MPPP ke atas premis/aktiviti perusahaan sarang burung walet ini. Buat masa ini, Kerajaan Negeri telah memutuskan tempoh moratorium untuk aktiviti pemeliharaan burung walet dilanjutkan sehingga 31 Disember 2009.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah usaha-usaha yang akan dilakukan oleh MPPP dan MPSP untuk meningkatkan lagi peranan yang dimainkan oleh Pesuruhjaya Bangunan masing-masing.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bidang tugas Pesuruhjaya Bangunan adalah menguatkuasakan Akta Bangunan Dan Harta Bersama (Penyenggaraan Dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) dan Bahagian VI & VII, Akta Hak Milik Strata 1985 (Akta 318). Selaras dengan itu, pihak Pesuruhjaya Bangunan di kedua-dua PBT telah mengambil langkah untuk mengenal pasti skim-skim pemajuan di bawah pentadbirannya untuk menubuhkan badan pengurusan iaitu Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) yang bertanggungjawab kepada pengurusan bangunan masing-masing.

Selaras dengan kepentingan mewujudkan Badan Pengurusan Bersama dan Perbadanan Pengurusan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang

(MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah seperti berikut;

1. Pemberian taklimat berkenaan Akta 663 dan 318 berkenaan. Penubuhan JMB dan MC oleh pemaju dan disertai penduduk di Mesyuarat Agung JMB dan MC;

2. Memberi penjelasan mengenai peranan JMB atau MC;

3. Memberi khidmat nasihat kepada Ahli Jawatankuasa JMB, MC dan penduduk berhubung JMB dan MC;

4. Membantu menyelesaikan masalah berhubung sebarang isu berkaitan JMB dan MC. Perbincangan tersebut dipengerusikan oleh COB di MPPP dan di MPSP;

5. Mengenal pasti skim pemajuan yang masih belum menubuhkan JMB/MC untuk diberi taklimat kepada penduduk; dan

6. Mengenal pasti skim pemajuan yang bermasalah dari aspek;

   (a) Tidak menyerahkan salinan minit mesyuarat AGM

   (b) Tidak menyerahkan salinan akaun beraudit

   (c) Aduan yang tinggi terhadap JMB/MC.

Dengan penubuhan JMB/MC; pelbagai isu dapat dibincangkan bagi mencari kaedah penyelesaian dalam memberi faedah kepada semua pihak.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Senaraikan tindakan-tindakan perobohan oleh MPPP dan MPSP mengikut jenis kesalahan yang dilakukan ke atas rumah-rumah ibadat bagi lima tahun yang lepas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Tindakan-tindakan perobohan oleh MPPP dan MPSP mengikut jenis kesalahan yang dilakukan ke atas rumah-rumah ibadat bagi lima (5) tahun yang lepas adalah seperti di Jadual.

JADUAL

Bilangan Statistik Rumah Ibadat Yang Telah Diambil Tindakan Oleh MPSP

Dari Jan 2004 Hingga Jun 2009

TAHUN 2004

BIL	No. Ruj. Fail	JENIS RUMAH IBADAT	LOKASI	DAERAH	TARIKH RUNTUH	STATUS	STATUS TANAH
1	40/3-23/755	Tokong Cina	Di atas tanah lapang, Taman Mekar, Sek. 3, Mak Mandin	SPU	9 Sep 03	Tindakan meruntuh keseluruhan tokong.	Tanah Lapang Kerajaan/ MPSP
2	Notis Halangan Sek. 46 (1)d	Tokong Cina	Di Taman Machang Bubok, 14000 Bukit Mertajam	SPT	8 Dec 04	Tindakan meruntuh keseluruhan tokong.	Tanah Lapang Kerajaan/ MPSP

3	Notis Halangan Sek. 46 (1)d	Tokong Cina	Di Atas Padang Permainan, Taman Kepar.	SPT	14 Dec 04	Tindakan meruntuh keseluruhan tokong.	Tanah Lapang Kerajaan/ MPSP

TAHUN 2005

BIL	No. Ruj. Fail	JENIS RUMAH IBADAT	LOKASI	DAERAH	TARIKH RUNTUH	STATUS	STATUS TANAH
1	Notis Halangan Sek. 46 (1)d	TOKONG CINA (Binaan Semula Tanpa Kebenaran)	Di Atas Padang Permainan, Taman Kepar.	SPT	2 Feb 05	Tindakan meruntuh keseluruhan tokong.	Tanah Lapang Kerajaan/ MPSP
2	-	TOKONG CINA	Di Atas tanah lapang MPSP, Taman Sri Rambai, Mk. 11	SPT	7 Feb 05	Tindakan meruntuh keseluruhan tokong.	Tanah Lapang Kerajaan/ MPSP
3	Notis Halangan Sek. 46 (1)d	TOKONG CINA	Di Atas tanah lapang MPSP, Taman Bandar Mutiara, Mk. 15	SPS	4 Mar 05	Tindakan meruntuh keseluruhan tokong.	Tanah Lapang Kerajaan/ MPSP
4	Notis Halangan Sek. 46 (1)d	TOKONG CINA	Di Atas Bahu Jalan, Hadapan Rumah No. 34, Lorong Semilang 25, Taman Semilang, Mk. 1	SPT	9 Apr 05	Tindakan meruntuh keseluruhan tokong.	Tanah Lapang Kerajaan/ MPSP
5	Notis Halangan Sek. 46 (1)d	TOKONG CINA	Di Persimpangan Lorong Sentosa 3, Taman Sentosa, Bukit Mertajam.	SPT	25 Oct 05	Tindakan meruntuh keseluruhan tokong.	Tanah Lapang Kerajaan/ MPSP
6	-	TOKONG CINA	Di Atas Tanah Lapang, Taman Merbau, Bagan Ajam, Sek. 1	SPU	30 Nov 05	Tindakan meruntuh keseluruhan tokong.	Tanah Lapang Kerajaan/ MPSP
7	-	TOKONG CINA	Di Atas Rezab Jalan Mengkuang, Sek.2, Butterworth	SPU	30 Nov 05	Tindakan meruntuh keseluruhan tokong.	Tanah Lapang Kerajaan/ MPSP

TAHUN 2006

BIL	No. Ruj. Fail	JENIS RUMAH IBADAT	LOKASI	DAERAH	TARIKH RUNTUH	STATUS	STATUS TANAH
1	**40/31-71/19**	KUIL HINDU	(A) Jalan Bistari, Taman Bistari Nibong Tebal Mk. 11,	SPS	11 Aug 06	Tindakan meruntuh keseluruhan kuil.	Tanah Lapang Kerajaan/ MPSP
2			(B) Lorong Bistari 11, Taman Bistari Nibong Tebal Mk. 11,	SPS	11 Aug 06	Tindakan meruntuh keseluruhan kuil.	Tanah Lapang Kerajaan/ MPSP
3	**40/30-45/32**	TOKONG CINA	Tokong Persatuan Toumu Kung Lot 3157 & 3158, Jalan Maju, MK. 15, Bukit Mertajam	SPT	17 Nov 06	Telah diruntuhkan sebahagian. Operasi terpaksa dihentikan awal disebabkan gangguan dari pihak luar.	Tanah Persendirian

Bilangan Statistik Rumah Ibadat Yang Telah Diambil Tindakan Oleh MPPP

Dari Jan 2004 Hingga Jun 2009

BIL	NAMA DAN ALAMAT RUMAH IBADAT	TARIKH DIROBOHKAN	SEBAB DIROBOHKAN
1	Kuil Hindu di sebelah 797-A Jalan Sungai Dua, di atas lot 3424, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	20.7.2004	Binaan tanpa kebenaran atas tanah Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
2	Kuil Hindu di atas Lot 1877 (Taman Belia Majlis Perbandaran Pulau Pinang), Seksyen 2, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	Disember 2005	Binaan tanpa kebenaran atas tanah Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
3	Tokong Cina di atas Lot 1877 (Taman Belia Majlis Perbandaran Pulau Pinang), Seksyen 2, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	April 2006	Binaan tanpa kebenaran atas tanah Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
4	Tokong Cina di atas tanah perkuburan Islam Lot 135, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Jalan Bukit Gambir, Pulau Pinang.	10.2.2006	Binaan tanpa kebenaran dan terdapat aduan daripada Majlis Agama Islam Pulau Pinang.

5	Tokong Cina di atas Lot 3361, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Hulu Sungai Gelugor, Pulau Pinang.	11.8.2006	Membantu Pejabat Tanah Daerah-Daerah Timur Laut untuk kerja-kerja perobohan struktur yang telah dibina di atas tanah Kerajaan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Senaraikan operasi-operasi yang dilakukan oleh Polis dan MPPP terhadap tempat-tempat hiburan dan kafe-kafe internet yang tidak berlesen serta mesin-mesin judi di Daerah Timur Laut mengikut KADUN masing-masing.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Bagi tahun 2008, sebanyak 15 premis hiburan telah diambil tindakan. Bagi tahun 2009 (setakat Julai 2009) sebanyak 5 premis hiburan telah diambil tindakan. Senarai premis yang diambil tindakan mengikut tahun adalah seperti berikut:-

Tahun 2008

1.	The Place 007 Restaurant & Pub 253 G-1-6, G-1-7 & G-1-8, Jalan Burma	5.5.2008
2.	Heaven Dance Club 1, Lorong Drury, Off Lebuh Campbell	8.6.2008
3.	Pusat Nyanyian Lorong Swatow Kompleks New World Park Jalan Burma	6.7.2008
4.	Kafe Man Man 125 A Lebuh Melaka	6.7.2008
5.	Feista Café 90, Lorong Kinta	2.8.2008
6.	Kim Natural Unisex Hair Saloon 8, Jalan Singapura	2.8.2008
7.	MJ Style Unisex Hair Saloon 46, Tingkat Bawah, Jalan Argyll	2.8.2008
8.	City Melody Coffee Garden 23, Jalan Argyll	24.8.2008
9.	Anson Park Café 20, Jalan Anson	24.8.2008
10.	Old Frees Association 41,Jalan Sultan Ahmad Shah	6.11.2008
11.	Bamboo Tea House 20 Jalan Anson	16.11.2008
12.	Wooi Melody Café 181 Lebuh Melaka	16.11.2008
13.	Mellisa Restoran & Pub 380 A Jalan Burma	16.11.2008
14.	Heaven Dance Club 1, Lorong Drury, Off Lebuh Campbell	21.12.2008
15.	Joker Pub 21, Jalan Argyll	21.12.2008

Tahun 2009

1.	Torch Restoran & Bar 8, Lebuh Lembah Permai 4,Tanjong Bungah	18.01.2009
2.	Pusat Nyanyian Swatow Kompleks New World Park, Jalan Burma	18.01.2009
3.	Bamboo Tea House 20, Jalan Anson	29.03.2009
4.	Anson Park 20, Jalan Anson	29.03.2009
5.	Café V Vetri 14, Lebuh Cina	29.03.2009

Berkaitan kafe internet, MPPP tidak mengeluarkan lesen untuk kafe internet oleh kerana arahan daripada Kerajaan Negeri untuk membekukan pengeluaran lesen bagi

kegiatan internet. Mengenai tindakan ke atas mesin-mesin judi, MPPP tidak diberi kuasa untuk menguatkuasakan Akta Perjudian. Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah agensi kerajaan yang diberi kuasa melaksanakan perundangan perjudian serta terdapat pegawai khas yang diberi latihan bagi maksud tersebut.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Setakat mana Pelan Pengurusan Warisan yang dikemukakan untuk George Town disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia telah dilaksanakan. Sila senaraikan cabaran-cabaran yang bakal/telah dihadapi semasa pelaksanaan pelan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Selepas George Town dan Melaka disenaraikan sebagai World Heritage Site pada 7 Julai 2008, Kerajaan Negeri dan juga MPPP telah melaksanakan beberapa tindakan berdasarkan *Intergrated Management Plan (IMP)* yang dikemukakan bersama dokumen pencalonan yang telah dihantar kepada UNESCO.
Tindakan-tindakan tersebut ialah:-

- Pelantikan *Technical Review Panel* di peringkat MPPP bagi menilai cadangan projek-projek baru dalam kawasan tapak warisan dunia.

- Penubuhan Jabatan Warisan di peringkat MPPP bagi menyelaras pelaksanaan projek.

- Penubuhan *"World Heritage Office"* bagi tujuan kawalan, pemantauan dan promosi tapak warisan dunia.

- Pelaksanaan *Heritage Awareness Campaign* bagi orang awam khususnya di kalangan penduduk tempatan, dan

- Mengenakan dasar yang mensyaratkan pemajuan menyediakan laporan *Heritage Impact Assessment* bagi projek mega atau projek-projek yang dikhuatiri memberi kesan negatif terhadap *Outstanding Universal Value* di kawasan warisan.

Dengan tindakan-tindakan itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Warisan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa sedang menyediakan *Intergrated Management Plan* yang lebih komprehensif dan menyeluruh, dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2010.

Antara cabaran-cabaran yang bakal dihadapi semasa pelaksanaan pelan ini ialah:-

(a) Tekanan pembangunan dari projek-projek hartanah dan infrastruktur seperti:

- pelaksanaan projek impak tinggi seperti monorel dan LRT.

- pembangunan maksima untuk pulangan ekonomi yang tinggi.

- pembangunan projek-projek pelancongan dan impaknya terhadap *carrying capacity* tapak warisan dunia.

(b) Ketidakpatuhan pelan pemuliharaan, polisi dan garis panduan yang disediakan oleh PBT:-

- pemilik bangunan kurang kesedaran dan tidak sensitif kepada pemuliharaan bangunan warisan

- pemilik membina bangunan tambahan atau melaksanakan pengubahsuaian yang tidak selaras dengan garis panduan, dan

- kekurangan pekerja binaan dan pengukir yang mahir

(c) Perubahan kepada masyarakat/komuniti:-

- perubahan kepada kegunaan bangunan untuk memenuhi keperluan dagangan/perniagaan yang baru, dan

- perubahan komuniti disebabkan perubahan struktur demografi/penduduk Namun, dengan kesungguhan Kerajaan Negeri dan MPPP, cabaran-cabaran ini mampu diatasi melalui perbincangan dan pertemuan dua hala dengan semua *stakeholders* yang terlibat dengan tapak warisan ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sila senaraikan statistik bagi bilangan pemohon yang berjaya dan bilangan pemohon yang masih dalam senarai menunggu bagi rumah-rumah kos rendah/sederhana rendah mengikut daerah yang dipohon.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Statistik bilangan pemohon yang berjaya dan bilangan pemohon yang masih dalam senarai menunggu bagi rumah kos rendah / sederhana mengikut daerah yang dipohon adalah seperti di lampiran.

A. Statistik Dalam Senarai Terima Tawaran

Statistik dalam senarai tawaran adalah senarai pemohon yang telah ditawarkan unit rumah kos rendah / sederhana rendah dan pemohon berkenaan telah menerima tawaran yang diperuntukkan

DAERAH	JUMLAH
SPT	6751
SPU	6933
SPS	3154
DTL	20542
DBD	5461
JUMLAH	**42841**

B. Statistik dalam proses penawaran

Statistik dalam proses penawaran adalah senarai pemohon yang telah ditawarkan unit rumah kos rendah / sederhana rendah dan namun belum menerima tawaran yang diperuntukkan.

DAERAH	JUMLAH
SPT	6390
SPU	7060
SPS	3044
DTL	17419
DBD	3209
JUMLAH	**37122**

C. Statistik Dalam Senarai Menunggu

Statistik dalam senarai menunggu adalah senarai pemohon yang telah berdaftar dan masih dalam senarai menunggu bagi rumah kos rendah / sederhana rendah.

DAERAH	JUMLAH
SPT	819
SPU	4702
SPS	852
DTL	4228
DBD	3319
JUMLAH	**13920**

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Bilakah peruntukan bagi semua jenis sekolah di negeri Pulau Pinang dapat diedarkan. Senaraikan sekolah-sekolah dan berapakah peruntukan yang mereka dapat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Untuk makluman, hal-hal berkaitan pelajaran dan pendidikan adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sehubungan itu, peruntukan yang diterima oleh semua jenis sekolah di Pulau Pinang adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan iaitu di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kewangan Negeri (JKN) telah memperuntukkan sejumlah RM8.5 juta kepada lima (5) jenis sekolah seperti jadual di bawah di negeri ini pada tahun 2009. Pemberian bantuan kepada sekolah adalah mengikut perihal, jenis dan keperluan bantuan aktiviti dan program yang dirancang oleh setiap sekolah yang dikenal pasti. Agihan mengikut jenis sekolah yang diluluskan peruntukan adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Sekolah	Bilangan (buah)	Peruntukan (RM)
1.	Sekolah Agama Rakyat	17	1,500,000.00
2.	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	28	1,500,000.00
3.	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (Persendirian)	5	1,000,000.00
4.	Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina)	100	4,000,000.00
5.	Sekolah Missionary (Mubaligh)	24	500,000.00
	JUMLAH	**174**	**8,500,000.00**

Sehingga kini, peruntukan yang diluluskan telah pun diagihkan kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (Persendirian) seperti berikut:-

Agihan Peruntukan Kerajaan Negeri untuk Sekolah-sekolah di Pulau Pinang Tahun 2009:-

Sekolah Agama Rakyat – RM1,500,000.00

BIL	SEKOLAH	PERUNTUKAN (RM)
(i)	Maahad Al Ihsaniah (Manhal)	55,000.00
(ii)	Institut Pengajian Ar-Razi	55,000.00
(iii)	SABK Khairiah Islamiah	27,000.00
(iv)	SABK Al Masriah	23,000.00
(v)	SABK Wah Jah	11,000.00
(vi)	SABK Faqiyah Daimiah	13,000.00
(vii)	SABK AL Ahmadiah Al Ijtimaiyyah	13,000.00

(viii)	SABK Daeratul Maaratul Wataniah I	44,000.00
(ix)	SABK Daeratul Maarifil Wataniah II	13,000.00
(x)	SABK Al Mashoor Islami	15,000.00
(xi)	SABK SRATI	13,000.00
(xii)	SABK Al Iman An Nawawi	13,000.00
(xiii)	Sek. Men Islam Ad Diniah	180,000.00
(xiv)	Madrasah Manabiul Ulum	210,000.00
(xv)	Madrasah Al Irsyad Al Asyraf Al Wataniah	210,000.00
(xvi)	Sek. Tahfiz Al-Islah (STAIL)	125,000.00
(xvii)	Madrasah Al Aminiah	480,000.00

(b) Sekolah Jenis Keb. Tamil - RM 1,500,000.00

BIL	SEKOLAH	PERUNTUKAN (RM)
(i)	SRJK (T) Azad	24,170.00
(ii)	Sek. (T) Jln Sungai	32,040.00
(iii)	SRJK (T) Rajaji Kg. Baru	43,000.00
(iv)	SJK (T) Ramakrishna	60,000.00
(v)	Guru SRJK (T) Subramaniya Barathee	28,676.00
(vi)	SJK (T) Bayan Lepas	40,000.00
(vii)	SJK (T) Sg Ara	60,000.00
(viii)	SJK (T) Ladang Malakoff	59,000.00
(ix)	Sek Ren Keb (T) Ladang Mayfield	68,960.00
(x)	SRJK (T) Palaniandy, Kepala Batas	66,190.00
(xi)	SRJK (T) Perai	35,620.00
(xii)	SRJK (T) Bukit Mertajam	66,040.00
(xiii)	SRJK (T) Ladang Alma	40,000.00
(xiv)	Sek Ren Jenis Keb. (T) Ladang Juru	24,000.00
(xv)	Sek Ren Jenis Keb. (T) Ladang Prye	48,460.00
(xv)	SRJK (T) Permatang Tinggi Simpang Ampat	31,642.00
(xvii)	SRJK (T) Ladang Batu Kawan, Simpang Ampat	30,660.00
(xviii)	SJK (T) Ladang Byram	35,360.00
(xix)	SJK (T) Ladang Jawi	60,352.00
(xx)	SRJK (T) Ladang Krian	68,360.00
(xxi)	SJK (T) Tasek Permai	37,394.00
(xxii)	SJK (T) Ldg Transkrian	21,890.00
(xxiii)	SRJK (T) Ladang Valdor	17,300.00
(xxiv)	SJK (T) Nibong Tebal	68,900.00
(xxv)	SRJK (T) Sungai Bakap	95,320.00
(xxvi)	SRJK (T) Ladang Changkat	118,770.00
(xxvii)	PIBG SJK (T) Ladang Sempah	103,400.00
(xxviii)	PIBG SRJK (T) Mak Mandin B.W	114,496.00

(c) Sekolah Men. Jenis Keb. Cina (Persendirian) - RM 1,000,000.00

BIL	SEKOLAH	PERUNTUKAN (RM)
(i)	Phor Tay High School	440,000.00
(ii)	Penang Chinese Girls Private High School Assn.	200,000.00
(iii)	Penang Han Chiang Associated Chinese Schools Assn.	120,000.00
(iv)	Sekolah Menengah Chung Ling Persendirian	120,000.00
(v)	Jit Sin Independent High School	120,000.00

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah perkembangan terkini tentang Jambatan Kedua Pulau Pinang. Sila huraikan dengan ringkas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Status terkini Jambatan Kedua Pulau Pinang.

Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) adalah syarikat konsesi bagi Pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. JKSB telah melantik *CHEC Construction* (M) Sdn Bhd (CHEC) sebagai kontraktor bagi Pakej 1 *(Main Navigation Span And Substructures And Foundation Works For Approach Span).* Pihak *UEM Builders* (UEMB) pula telah dilantik sebagai kontraktor bagi Pakej 2 *(Super-structure Works Of Approach Spans.* Bagi perkembangan terkini, iaitu di Pakej 1, kerja-kerja yang telah dimulakan di tapak adalah kerja pengerukan laut *(Dredging)* bagi membolehkan pergerakan jentera pembinaan kerja melantak cerucuk kekal serta pembinaan jeti sementara di Batu Kawan dan Batu Maung dengan kemajuan kerja sehingga akhir Jun 2009 sebanyak 4.7%.

Sementara di Pakej 2, pihak UEMB yang telah memulakan kerja-kerja awalan di tapak seperti pembinaan lapangan pra-tuang untuk *Segmental Box Girder* serta pembinaan kemudahan jeti sementara di Batu Kawan. Di Pakej 3 *(Land Portion Works),* kerja-kerja yang dilaksanakan ialah mereka bentuk oleh jurutera perunding yang dilantik oleh pihak JKSB.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah perkembangan pemasangan telco atau alat-alat antena bagi Wimax dan Wifi. Sila huraikan secara ringkas berapa dan di mana telah dipasangkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Perkembangan pemasangan telco yang merupakan telekomunikasi bagi Wifi/Wimax, Kerajaan Negeri memberi keutamaan dan telah melantik PDC-Telecommunication Services (PDC TS) untuk mengendalikan projek berkenaan. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan enam (6) tapak di George Town bagi syarikat Packet One untuk melaksanakan *"trial run"* dalam pelancaran perkhidmatan Wimax di Pulau Pinang. Senarai tapak seperti dalam Jadual. PDC TS memaklumkan kawasan yang diliputi Wimax di Seberang Perai adalah seperti di Jadual. Sehingga kini, tiada permohonan diterima oleh MPSP untuk cadangan pemasangan antena telekomunikasi Wimax. Oleh kerana bidang kuasa pemasangan telco adalah di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), permohonan berkaitan pemasangan peralatan berkenaan perlu dirujuk SKMM untuk kelulusan.

JADUAL

Packet One Networks (M) Sdn Bhd

Projek WiMAX@SEBERANG PERAI

Senarai Tapak WiMAX Yang Dibina Tanpa Kelulusan

No	ID	Nama Tapak	Street	Telah Dibina	PBT
1	N0046	Puspakom	Kws Perindustrian Mak Madin	Ya	MPSP
2	N0044	Hotlink Raja Uda	Jalan Raja Uda	Ya	MPSP
3	N0045	D&G Teleshop	Jalan Raja Uda	Ya	MPSP
4	N0047	Jln Telaga Air	Jalan Telaga Air	Ya	MPSP
5	N0048	Sports Toto Chain Ferry	Jalan Chain Ferry	Ya	MPSP

6	N0052	Lbsb	Prai Industrial Estate	Ya	MPSP
7	N0053	Restoren Wahdah	Lorong Perda Utama 4	Ya	MPSP
8	N0054	Alliance Bank	Lebuh Nangka 2	Ya	MPSP
9	N0055	Arked D' Mara	Jalan Danby	Ya	MPSP
10	N0049	Kwsp	Lebuh Tenggiri Dua	Ya	MPSP

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sila senaraikan jalan yang akan *"resurface"* di kawasan Pengkalan Kota dalam tahun 2009 sampai 2010.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin bagi memperbaiki prasarana di negeri ini termasuk jalan raya bagi kawasan Pengkalan Kota. Jalan yang telah dan akan diturap pada tahun 2009 hingga 2010 adalah seperti berikut:-

Tahun 2009

1) Jalan Dr. Lim Chwee Leong

Tahun 2010

1) Jalan Maxwell

2) Jalan Magazine

3) Sebahagian Pengkalan Weld (dari laluan masuk jeti hingga Gat Lebuh Chulia)

Penurapan jalan-jalan tersebut memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna setiap hari. Di samping itu, JKR sentiasa membuat pemantauan secara berterusan dari semasa ke semasa.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Bilakah *"Community Consultancy Centre"* yang telah dicadangkan oleh Kerajaan Tempatan akan dijalankan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan Majlis Perundingan Komuniti (MPK) atau *"Community Consultative Councils"* (CCC) berdasarkan model *"community centre"* di Singapura. *Community centre* di Singapura didapati berjaya memainkan peranan penting sebagai penghubung antara rakyat dengan kerajaan.

MPK yang dicadangkan ini merupakan satu entiti yang ditubuhkan bertujuan untuk menggalakkan penyertaan komuniti secara proaktif dan perundingan di peringkat tempatan. MPK adalah pemudah cara perkongsian di antara Kerajaan Tempatan dengan komuniti. Objektif MPK adalah untuk menggalakkan penglibatan komuniti secara lebih aktif selaras dengan 'Local Agenda 21'. Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan MPK yang terdiri daripada ADUN sebagai Pengerusi. MPK akan ditubuhkan setelah konsep dan hasrat MPK difahami semua pihak.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Berapakah CCTV telah dipasang oleh Kerajaan Negeri. Sila senaraikan berapakah dan di mana tempat yang telah/akan dipasangkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. MPPP telah memasang 31 buah kamera CCTV (Fasa 1) di lokasi-lokasi yang dikenal pasti oleh polis mengikut statistik kekerapan berlakunya jenayah. Lokasi kamera CCTV ini diberikan di Jadual I. Di samping itu, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bercadang memasang 24 buah kamera lagi di bahagian pulau, Pulau Pinang (Fasa 2) yang dijangka dapat beroperasi pada pertengahan tahun 2010. Lokasi 24 buah kamera CCTV yang akan dipasang oleh KPKT juga disertakan di Lampiran B.

Selain daripada itu, sebanyak 162 lokasi lain di bahagian pulau, Pulau Pinang (Fasa 3) telah dikenal pasti oleh MPPP bersama pihak polis untuk disediakan dengan kamera CCTV. Kamera CCTV ini akan disediakan secara berperingkat mengikut kemampuan kewangan MPPP dan sekiranya peruntukan kewangan Kerajaan Pusat dapat diperolehi. MPPP juga telah menyediakan kamera mudah alih kepada pihak polis yang boleh dipasang di lokasi yang perlu dipantau mengikut keperluan. Pihak Polis sering menjalankan operasi melalui unit kamera bergerak yang boleh digunakan untuk pemantauan lokasi-lokasi di mana kadar jenayah meningkat. Lokasi Kamera CCTV Yang Telah Dipasang Oleh MPPP.

JADUAL I

BIL.	LOKASI	BIL KAMERA
1.	Jalan Penang Bersebelahan Jejantas Jalan Penang/ Jalan Burma/ Jalan Dr Lim Chwee Leong	1
2.	Simpang Jalan Dr Lim Chwee Leong/ Lebuh Lintang	1
3.	Jalan Burma Bersebelahan Jejantas Jalan Penang/ Jalan Burma/ Jalan Dr Lim Chwee Leong	1
4.	Simpang Enam Komtar	1
5.	Simpang Jalan Penang / Lebuh Tek Soon	1
6.	Simpang Jalan Magazine/ Jalan Ria	1
7.	Simpang Jalan Macalister/ New Lane	1
8.	Upper Penang Road	1
9.	Simpang Jalan Penang / Lebuh Chulia	1
10.	Simpang Lebuh Pantai/ Lebuh China	1
11.	Lebuh Farquhar – Depan Hotel E&O	1
12.	Gold Bazaar – Simpang Lebuh Campbell/ Jalan Pintal Tali	1
13.	Gold Bazaar – Simpang Carnarvon/ Lebuh Buckingham	1
14.	Gold Bazaar – Simpang Jalan Masjid Kapitan Keling/ Lebuh Buckingham	1
15.	Gold Bazaar – Simpang Jalan Masjid Kapitan Keling/ Lebuh Chulia	1
16.	Jejantas Citibank Jalan Sultan Ahmad Shah	1
17.	Simpang Persiaran Midlands/ Lebuh raya Maktab	1
18.	Simpang Persiaran Gurney /Jalan Lim Chin Guan	1
19.	Bulatan Persiaran Gurney – Hawker Center	1
20	Persiaran Gurney – Hawker Center/ Gurney Plaza	1
21.	Simpang Jalan Masjid Negeri/ Lebuh raya Batu Lancang	1
22.	Pintu Masuk Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	1
23.	Pintu Keluar Terminal Bas Ekspres Sungai Nibong	1
24.	Bukit Jambul, Simpang Jalan Bukit Gambir/ Jalan Rumbia	1
25.	Bukit Jambul, Simpang Jalan Tun Dr Awang/ Jalan Bukit Gambir	1

26.	Bukit Jambul, Simpang Jalan Rumbia/ Lorong Relau 2	1
27.	Bukit Jambul, Simpang Jalan Tun Dr Awang/ Jalan Kampong Relau	1
28.	Air Hitam, Simpang Air Hitam/ Jalan Kampung Melayu	1
29.	Air Hitam, Simpang Jalan Air Hitam/ Jalan Stesen Kereta api Bukit Bendera	1
30.	Air Hitam, Simpang Jalan Air Hitam/ Jalan Rambutan	1
31.	Air Hitam, Simpang Jalan Pasar/ Laluan Ke Kuil Kek Lok Si	1

Tapak Cadangan Kamera CCTV Yang Akan Dipasang Oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)

Jadual II

BIL.	LOKASI	BIL KAMERA
1.	Simpang Tesco Jelutong Exspressway/ Jalan Tengku Kudin	1
2.	Simpang Jelutong Exspressway/ Gat Lebuh Macallum	1
3.	Simpang Gat Lebuh Macallum/ Lintang Macallum 2	1
4.	Simpang Jelutong Exspressway/ Gat Lebuh Cecil	1
5.	Jejambat Simpang Jalan Masjid Negeri/ Jalan Air Hitam	1
6.	Jalan Boundary – Perhentian Bas Rumah Pangsa Padang Tembak	1
7.	Depan Hotel Park Royal, Batu Feringgi	1
8.	Simpang Jalan Tanjung Bunga / Hillside	1
9.	Laluan Masuk Pantai Flat Uda, Tanjung Tokong (Tokong Tua Pek Kong)	1
10.	Simpang Jalan Tanjung Tokong/ Jalan Fettes	1
11.	Simpang Jalan Bagan Jermal/ Jalan Tanjung Tokong/ Jalan Kelawai/ Persiaran Gurney	1
12.	Simpang Jalan Mount Erskine/ Jalan Gottlieb/ Jalan Burma	1
13.	Pengkalan Weld Kawasan Luar Terminal Feri	1
14.	Simpang Jalan Tun Syed Sheh Barakbah/ Jalan Padang Kota Lama	1
15.	Simpang Pintu Masuk Kebun Bunga/ Jln Naik Bkt Bendera	1
16.	Simpang Lebuh Dickens/ Jalan Penang	1
17.	Simpang Jalan Sultan Azlan Shah/ Jalan Hilir Pemancar	1
18.	Depan Masjid Pakistan Jalan Macalister/ Lorong Susu	1
19.	Queensbay, Lebuh Raya Bayan Lepas	1
20.	Simpang Jalan Sultan Azlan Shah/ Jalan Tengah	1
21.	Jalan Mayangpasir, Taman Sri Tunas, Bayan Baru	1
22.	Jalan Tengah, Taman Sri Tunas, Bayan Baru	1
23.	Simpang Jalan Kg.Jawa/ Lebuh Kg.Jawa (Zon Perindustrian Bebas Fasa Iii)	1
24.	Hilir Sg. Keluang 1/ Hilir Sungai Keluang 2 (Zon Perindustrian Bebas Fasa Iv/ Technoplex)	1

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Bilakah pihak Kerajaan Tempatan akan memberi diskaun bayar awal kompaun MPPP dan MPSP.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan pada 31 Julai 2008 telah bersetuju dengan cadangan untuk memberi diskaun bayar awal kompaun bagi MPPP. Mulai 1 Ogos 2009, semua kompaun yang dijelaskan dalam tempoh 14 hari (termasuk bukan hari bekerja), diskaun 50% akan diberikan. Mulai 1 Ogos 2009 hingga 30 September 2009 (2 bulan) semua kompaun terdahulu yang belum dijelaskan juga layak diberikan diskaun 50% jika dijelaskan dalam tempoh ini. Walau bagaimanapun, kategori kesalahan yang serius seperti dalam Lampiran ID 410 tidak layak diberikan diskaun 50% tersebut. MPSP selama ini memberi diskaun terhadap kompaun-kompaun yang dibayar awal.

Kategori kesalahan yang tidak layak diberi diskaun 50%.

Bil.	Jenis Kesalahan	Undang-undang
01A0	Membuang Sampah	Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974
08A0	Membuang Sampah	Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974
0004	Membuang Sampah	Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974
0005	Membuang Sampah (*Renovation*)	Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974
0006	Meletak Sampah Di atas Jalan Raya dan lain-lain	Undang-undang Kecil (Kebersihan dan Keselamatan Awam) MPPP 1980
0007	Sampah dapur	Undang-undang Kecil (Kebersihan dan Keselamatan Awam) MPPP 1980
0012	Menjatuhkan Simen dari lori simen	Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Berapakah kes menggunakan Tanah Kerajaan Negeri tanpa izin yang masih belum selesai di Kawasan Pengkalan Kota. Sila huraikan dengan ringkas perkembangan kes-kes.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Di kawasan Pengkalan Kota terdapat dua kes penggunaan Tanah Kerajaan secara tanpa izin yang masih belum diselesaikan. Kes pertama membabitkan sebuah syarikat iaitu Kiakom Sendirian Berhad yang menduduki Tanah Kerajaan di sebelah Lot 296, Seksyen 11E, Bandar George Town (kawasan Lintang Macullum 2). Syarikat berkenaan yang menjadikan tanah tersebut sebagai tapak penyimpanan peralatan pembinaan pernah memohon untuk mendapatkan Lesen Pendudukan Sementara bagi kawasan tersebut pada 16 Februari 2009 tetapi permohonan tersebut telah ditolak. Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut juga pernah mengeluarkan arahan agar syarikat berkenaan mengosongkan tanah tersebut melalui Notis Pemberitahuan di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara 1965.

Walau bagaimanapun, syarikat berkenaan telah mengemukakan rayuan pada 23 Mei 2009 untuk mendapatkan Lesen Pendudukan Sementara bagi terus menduduki tanah tersebut dan Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut sedang menyediakan kertas untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut akan mengambil tindakan seterusnya apabila keputusan mengenai rayuan tersebut telah dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri. Dalam satu lagi kes, sebuah syarikat iaitu Kee Lin Trading Sendirian Berhad telah didapati menggunakan Tanah Kerajaan yang terletak bersebelahan dengan premis milik syarikat berkenaan di Gat Lebuh Cecil.

Syarikat tersebut telah memagar kawasan rizab jalan tersebut dan meletakkan barang-barang miliknya di atas tanah berkenaan. Pentadbiran ini telah mengadakan perbincangan dengan pemilik syarikat terbabit dan telah mengeluarkan arahan agar Tanah Kerajaan tersebut dikosongkan sehingga akhir Julai 2009 ini. Tindakan penguatkuasaan akan dilaksanakan setelah tempoh notis pemberitahuan itu tamat.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu ibu tunggal untuk mencari rezeki.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri mempunyai perancangan dan sentiasa berusaha supaya golongan ibu tunggal mampu berdikari dalam meneruskan kehidupan mereka. Di antaranya adalah

dengan melaksanakan program-program bersesuaian bagi menyediakan mereka kepada peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian. Usaha awal yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah dengan mengadakan Program Anjakan Minda dan mengadakan taklimat bersama Amanah ikhtiar Malaysia (AIM).

Golongan ibu tunggal turut diberi peluang untuk menjana ekonomi dengan dirujuk kepada agensi-agensi berkaitan yang boleh memberi bantuan modal untuk memulakan perniagaan secara kecilan. Setiap usaha perniagaan secara kecil-kecilan dipantau oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah bagi memastikan usaha yang dijalankan berjaya. Selain itu, anak-anak dalam keluarga sasaran boleh mendapatkan latihan bersesuaian sekiranya berminat sepertimana yang ditawarkan oleh PSDC ataupun Pusat Giat Mara. Melalui MPPP dan MPSP juga menyediakan bantuan bagi golongan yang memerlukan ini seperti kemudahan tambang ke tempat kerja. Ada juga di kalangan golongan ibu-ibu tunggal ini yang boleh menyertai latihan-latihan kemahiran yang diadakan oleh KEMAS seperti kelas jahitan, memasak, anyaman kraf tangan dan sebagainya yang juga boleh menjadi sumber pendapatan mereka.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Apakah projek atau sebarang pembangunan yang akan diadakan di Kawasan Pengkalan Kota pada tahun 2009 - 2010.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Bagi Tahun 2009, satu projek untuk menaik taraf kemudahan di Pengkalan Weld akan dilaksanakan iaitu pembinaan tandas yang terdiri daripada tandas lelaki, perempuan, OKU dan bilik mandi serta persalinan, 5 unit gerai penjaja dan kawasan menunggu bas. Projek ini merupakan projek di bawah Rancangan kementerian pelancongan bernilai RM420,000.00. Projek dijangka siap pada bulan Disember 2009. Untuk Tahun 2010, Kerajaan Negeri sedang dalam peringkat penyediaan senarai projek yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Tuan Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Adakah Pasar Lebuh Cecil akan dinaiktarafkan oleh Kerajaan Negeri. Jika ada, bilakah. Jika tiada, Mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Ya, mengikut perancangan asal, MPPP berhasrat untuk membangunkan semula Pasar Lebuh Cecil untuk dijadikan pasar kering dan tempat letak kereta bertingkat bersesuaian dengan pemajuan persekitaran. Namun cadangan projek ini ditangguhkan akibat kemampuan kewangan yang terhad. Walau bagaimanapun, MPPP akan meneliti semula perancangan jangka masa panjang untuk Pasar Lebuh Cecil semasa penyediaan Rancangan Tempatan yang sedang dijalankan.
Namun begitu, MPPP telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Tapak Penjaja Lebuh Cecil dengan menyediakan bumbung serta membaik pulih tapak. Kerja-kerja menaik taraf telah bermula pada pertengahan tahun 2005 dan siap pada Januari 2006. Pada tahun 2007, MPPP juga telah menjalankan kerja-kerja memasang *awning* tambahan di bahagian makanan dan buah-buahan. MPPP akan sentiasa membuat kerja-kerja pembaikan dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

XXIII) Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bolehkah YAB Ketua Menteri menjelaskan kedudukan sebenar isu perpindahan YAB Ketua Menteri dari Seri Teratai ke banglo mewah di No. 25, Jalan Pinhorn sama ada dibeli ataupun disewa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Y.A.B. Ketua Menteri telah berpindah ke kediaman bermula dari 3 Julai 2009. Perpindahan ini adalah bertujuan bagi memberi laluan kepada pembaikan major dan rawatan anai-anai oleh Jabatan Kerja Raya. Beliau tidak menanggung sebarang kos untuk pembaikan dan pengubahsuaian rumah sewa. Segala perbelanjaan ditanggung oleh pemilik rumah yang bercadang menduduki pada masa depan. Memandangkan pemilik rumah ingin menduduki rumahnya semula, maka Y.A.B Ketua Menteri telah bersetuju untuk tidak mendedahkan butiran lanjut mengenai perkara ini kerana ia melibatkan hal peribadi pemilik rumah. Perlu ditegaskan, Y.A.B. Ketua Menteri tidak menggunakan wang awam dan hanya menggunakan elaun perumahan yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang juga dinikmati oleh Y.B. Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, Mantan Ketua Menteri Pulau Pinang. Atas sebab itulah, pemimpin BN dulu dan kini tidak pernah dijadikan isu politik bila menyewa rumah. Jelas pihak tertentu kehilangan modal dan ketandusan isu politik bila cuba menjadikan isu atas Y.A.B. Ketua Menteri menyewa rumah.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sekiranya banglo tersebut disewa, bolehkah dijelaskan tentang kos penyewaannya, perjanjian penyewaan, pembayaran setem duti dan berapa lamakah YAB Ketua Menteri akan menyewa di situ. Apakah ini yang dimaksudkan dengan berjimat cermat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pentadbiran ini difahamkan bahawa kediaman yang dimaksudkan iaitu 25 Jalan Pinhorn, Pulau Pinang adalah disewa oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan ianya diuruskan oleh Pihak Y.A.B. Ketua Menteri. Pejabat ini tiada maklumat terperinci berkaitan dengan kadar sewaannya mahupun perjanjian sewaannya. Malah segala pembayaran setem duti adalah diuruskan oleh pihak Y.A.B. Ketua Menteri sendiri dan difahamkan ianya tidak melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri.

   Pemindahan Y.A.B. Ketua Menteri ke kediaman 25 Jalan Pinhorn, Pulau Pinang adalah bersifat sementara bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembaikan utama dan rawatan anai-anai yang sedang dilakukan oleh Jabatan Kerja Raya. Y.A.B. Ketua Menteri dijadualkan akan berpindah semula ke kediaman rasmi beliau di Seri Teratai apabila segala kerja-kerja menaik taraf dan rawatan anai-anai selesai dilakukan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah YAB Ketua Menteri tidak mengetahui bahawa banglo tersebut sedang dalam proses pengubahsuaian yang besar sewaktu proses penyewaan tersebut. Siapakah yang sering berulang-alik untuk melihat perjalanan terkini tentang proses pengubahsuaian banglo tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Y.A.B. Ketua Menteri telah berpindah ke kediaman tersebut bermula dari 3 Julai 2009. Pemindahan ini adalah bertujuan bagi memberi laluan kepada pembaikan major dan rawatan anai-anai oleh Jabatan Kerja Raya (JKR). Beliau tidak membelanjakan suatu sen pun atas pembaikan dan pengubahsuaian rumah sewa. Segala perbelanjaan ditanggung oleh pemilik rumah yang bercadang menduduki pada masa depan. Memandangkan pemilik rumah ingin menduduki rumahnya maka Y.A.B. Ketua Menteri telah bersetuju untuk tidak mendedahkan butiran lanjut ini kerana ia melibatkan ruangan peribadi pemilik rumah (privacy). Perlu ditegaskan bahawa Y.A.B. Ketua Menteri tidak menggunakan wang awam dan hanya menggunakan elaun perumahan yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang juga dinikmati oleh Y.B. Tan Sri Dr Koh Tsu Koon. Atas sebab itulah, pemimpin Barisan Nasional (BN) dulu dan kini tidak pernah dijadikan isu politik bila menyewa rumah. Jelas, pihak tertentu kehilangan modal dan ketandusan isu politik bila cuba menjadikan isu atas Y.A.B. Ketua Menteri menyewa rumah.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kenapakah pihak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat sehingga hari ini enggan untuk bertemu penduduk Kampung Buah Pala malah masih mengenakan syarat untuk pertemuan ini dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri amat prihatin untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat. Adalah tidak benar untuk mendakwa bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat enggan bertemu penduduk-penduduk Kampung Buah Pala. Pertemuan sedemikian secara rasmi telah diadakan sebanyak lima kali, iaitu pada 16 Julai 2009, 22 Julai 2009, 24 Julai 2009, 1 Ogos 2009 dan 4 Ogos 2009. Selepas beberapa kali rundingan dengan pihak pemaju, pihak pemaju telah menawarkan sebuah rumah teres bertingkat dua dengan keluasan tanah 1,200 kaki persegi dan keluasan kawasan binaan 1,400 kaki persegi untuk setiap rumah yang terlibat untuk dirobohkan.

   Tawaran penyelesaian ini adalah yang terbaik sekali dalam sejarah Malaysia dan mana-mana negeri di Malaysia. Usaha khas telah kami bawakan untuk penduduk-penduduk memandangkan mereka telah menduduki Kampung Buah Pala lebih 100 tahun dengan kebenaran pemilik asal, Mary Brown. Tawaran ini membolehkan penduduk-penduduk memiliki rumah dua tingkat serta diberikan jaminan undang-undang dengan geran tanah sahih berbanding dengan Barisan Nasional yang menganggap mereka sebagai setinggan-setinggan haram yang harus diusir keluar begitu sahaja. Perlu diingatkan bahawa isu Kampung Buah Pala adalah angkara Kerajaan Negeri Barisan Nasional lama yang merompak tanah mereka tanpa berunding dengan mereka. Mengapa perompak tanah Barisan Nasional tidak berusaha untuk memperbetulkan kesalahan mereka tetapi sekarang menjadi wira kepada penduduk-penduduk yang mereka rompak.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah status terkini isu yang sering dihebahkan oleh pihak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat berhubung isu penyelewengan tanah yang dikatakan berpunca daripada Kerajaan Negeri Barisan Nasional yang lalu. Kenapakah sehingga sekarang masih belum didedahkan isu tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Terdapat sebilangan kes-kes yang berkaitan dengan tanah yang telah diuruskan semasa pentadbiran kerajaan Barisan Nasional telah menimbulkan masalah kepada kerajaan sekarang dan dipercayai berpunca hasil daripada salah urus tadbir kerajaan yang terdahulu. Di antara kes-kes besar yang telah ditemui adalah seperti berikut:-

   (a) Kes pemberian milik tanah Kampung Buah Pala;
   (b) Kes pemberian milik tanah Tan Hak Ju; dan
   (c) Kes pengambilan balik tanah Empangan Mengkuang.

   Kerajaan Negeri telah menubuhkan jawatankuasa siasatan bagi setiap kes yang telah ditemui. Salah satu cara jawatankuasa ini menjalankan siasatan ialah melalui pengumpulan maklumat dari mereka yang terlibat bagi setiap kes yang disebutkan. Dalam hubungan ini, jawatankuasa telah memanggil beberapa individu termasuk Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) terdahulu yang terlibat secara langsung dalam proses membuat keputusan. Malangnya, mereka enggan tampil memberikan kerjasama kepada jawatankuasa siasatan yang ditubuhkan. Keengganan mereka telah menyebabkan siasatan tidak dapat dilengkapkan dengan sempurna dan melambatkan penyediaan laporan siasatan. Memandangkan laporan akhir belum lagi disiapkan, maka hasil siasatan belum dapat didedahkan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah status terkini miskin tegar di negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri pertama yang mencapai miskin tegar sifar telah pun berjaya dan diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 30 Mac 2009 yang lalu. Pada ketika itu, seramai 728 orang telah tersenarai sebagai penerima bantuan dan semuanya telah diberikan bantuan sepertimana yang dijanjikan. Sehingga bulan Jun penerima-penerima telah berkurang kepada 650 orang sahaja hasil daripada pengemaskinian dari masa ke semasa setiap daerah. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa menjalankan usaha bancian semula dalam mengenal pasti golongan miskin tegar ini. Bancian yang dijalankan melibatkan Pejabat Daerah, JKKK, Pejabat ADUN, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pemimpin tempatan dari semasa ke semasa agar senarai baru dapat dikenal pasti dan mengelakkan berlakunya kecicir an. Peringkat Daerah melaksanakan mesyuarat jawatankuasa kemiskinan bagi setiap bulan dan akan diangkat kepada peringkat jawatankuasa negeri pada setiap tiga bulan. Bantuan kewangan negeri sedia ada melalui Kumpulan Wang Amanah Kebajikan Pulau Pinang juga akan diteruskan bagi membantu *survivor* hidup golongan miskin tegar ini. Dengan adanya bantuan ini, nasib golongan miskin tegar negeri ini sentiasa terbela dan perhatian serius dapat diberikan.

   Kerajaan Negeri turut mempunyai perancangan supaya golongan miskin tegar mampu berdikari dengan menyediakan peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian. Usaha awal yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah dengan mengadakan Program Anjakan Minda supaya golongan miskin tegar mendapat pendedahan peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian yang ditawarkan oleh sektor kerajaan dan swasta. Pada masa yang sama juga, Kerajaan Negeri memberi bantuan elaun harian kepada anak-anak golongan ini yang merupakan pelajar Giatmara. Elaun ini diberikan bagi membantu kelancaran proses pembelajaran mereka.

   Selain itu, Kerajaan Negeri juga melalui Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) telah menawarkan satu inisiatif berfaedah melalui Program Pusat Bantuan Kerjaya dan Latihan Pulau Pinang. Program baru ini menawarkan latihan dalam bidang-bidang tertentu sebagai pilihan kepada anak-anak dalam kategori ini dan turut membayar elaun sebagai sagu hati dan meringankan beban keluarga.

   Sebagai kesimpulannya, status miskin tegar negeri Pulau Pinang kini, mengikut senarai Kerajaan Negeri semuanya telah mendapat bantuan sewajarnya bagi mengekalkan mereka di luar garis kemiskinan tegar.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Bolehkah pihak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat menjelaskan dengan lebih terperinci berhubung perjalanan Tabung Bantuan Miskin Tegar yang ditubuhkan tidak lama dahulu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Hasrat Kerajaan Negeri dalam mencapai miskin tegar sifar telah berjaya dilaksanakan dengan menyalurkan bantuan kewangan kepada golongan sasaran. Bantuan kewangan secara bulanan ini disalurkan melalui Akaun Kumpulan Wang Amanah Kebajikan Pulau Pinang. Akaun ini telah ditubuhkan sejak tahun 1996 lagi dan lebih memfokuskan kepada bantuan kebajikan sahaja.

   Walau bagaimanapun bagi memudahkan penyaluran bantuan kemiskinan dan merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri, penggunaan tabung ini telah diputuskan juga

sesuai untuk mengumpul sumbangan-sumbangan yang diberikan oleh syarikat-syarikat dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan bagi membiayai bantuan kepada golongan sasaran. Sehingga kini 238 pertubuhan yang telah terlibat sebagai penyumbang dalam mengumpulkan sejumlah RM RM2,152,100.00 .

Untuk makluman YB, perjalanan tabung ini dalam melancarkan penyaluran sumbangan kepada golongan sasaran telah pun bermula pada bulan Mac 2009. Seramai 728 ketua isi rumah telah dibantu dari segi kewangan mulai Mac 2009 melalui program ini. Program peringkat awal yang dilaksanakan ialah memberi bantuan berbentuk kewangan kepada ketua isi rumah yang mempunyai pendapatan keluarga di bawah RM500.00 dan pendapatan per kapita RM100.00 pada setiap bulan.

Penyumbang-penyumbang dalam program kemiskinan ini adalah juga Rakan Anti Kemiskinan (RAK) yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri. Sehingga kini penyumbang-penyumbang semakin bertambah dan di masa akan datang usaha murni ini tidak akan berhenti dalam membantu golongan yang memerlukan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Pada 3 April 2008, YAB Ketua Menteri ada mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri akan melantik firma audit untuk mengaudit akaun MPSP berhubung isu *Reverse Funds* MPSP, di mana Ketua Menteri berasa kecewa dengan kehilangan duit dalam MPSP. Apakah status terkini berhubung isu kehilangan tersebut. Adakah terdapat unsur jenayah yang telah ditemui daripada siasatan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Firma Audit yang terpilih untuk mengaudit akaun MPSP adalah *Price Waterhouse Coopers.* Firma audit luar dipilih untuk menyiasat urusan kewangan MPSP dan mengenal pasti kelemahan-kelemahan supaya langkah-langkah segera boleh diambil untuk mengatasinya. *Price Waterhouse Coopers* masih belum selesai membuat audit dan kemukakan laporan berkaitan. Setakat ini tiada unsur-unsur jenayah ditemui daripada auditan yang dijalankan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sistem tender terbuka untuk projek-projek kerajaan telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri sejak 20hb Mac 2008 yang lalu. Bolehkah dijelaskan secara terperinci berapa banyakkah kontrak Kerajaan Negeri yang telah dilaksanakan melalui sistem tender terbuka tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sejak dilancarkan sistem e-Perolehan pada 17 Ogos 2008 dan sehingga kini sebanyak 785 projek telah melalui proses perolehan secara terbuka dan *online.* Perincian berkaitan bilangan projek yang ditawarkan melalui sistem e-Perolehan pada tahun 2008 dan sehingga Julai 2009 ialah seperti di Lampiran berkembar bagi jabatan-jabatan berkenaan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Adakah masih terdapat penganugerahan sistem tender tertutup dalam kontrak-kontrak kerajaan. Sekiranya ada, mengapakah keadaan ini berlaku. Adakah terdapat syarat-syarat tertentu untuk penganugerahan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sehingga kini tidak ada penganugerahan sistem tender tertutup dalam kontrak-kontrak Kerajaan Negeri yang diamalkan oleh Kerajaan BN. Selaras dengan berkuat kuasanya Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 15 Tahun 2008 : Pelaksanaan Sistem e-Perolehan di negeri Pulau Pinang, semua perolehan yang dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Negeri dan mengikut had perolehan yang ditetapkan adalah diuruskan secara terbuka melalui sistem e-Perolehan. Pengecualian kepada pemakaian Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 15 Tahun 2008 dibenarkan dalam perolehan darurat dan kecemasan, yang mana kelewatan perolehan akan memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan dan kepentingan awam. Perolehan sebegini adalah selaras dengan Arahan Perbendaharaan 173.2.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah status terkini berhubung isu penghapusan kutipan tempat letak kereta pada waktu malam di sekitar kawasan negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Pada asasnya pengenaan kutipan letak kereta pada waktu malam adalah berikutan keperluan dan kesesuaian sesuatu kawasan. Terdapat beberapa kawasan di bawah penyeliaan yang memerlukan kutipan pada waktu malam, ini kerana kawasan tersebut mempunyai aktiviti pada waktu malam. Oleh yang demikian, MPPP menjalankan kutipan untuk mengelak kutipan oleh penjaga kereta haram dan demi keselamatan orang ramai yang sering kali diugut oleh penjaga kereta ini. Penjaga kereta haram ini sering mengugut pengunjung yang enggan membayar kepada mereka dan ini menimbulkan masalah dan aduan. Di Seberang Perai, MPSP tidak bercadang untuk menghapuskan kutipan tempat letak kereta pada waktu malam. Bagi MPSP waktu operasi tempat letak kereta berkupon adalah mulai jam 8.00 pagi hingga jam 9.00 malam dari hari Isnin hingga hari Sabtu. Kecuali pada hari Ahad dan cuti umum tidak dikenakan bayaran tempat letak kereta.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah status terkini agenda yang dibentangkan oleh pihak Kerajaan Negeri berhubung penanaman 1 juta pokok di negeri ini. Sejauh manakah perkembangan program tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri tidak pernah menyasarkan penanaman sejuta pokok di negeri ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah menyasarkan untuk menanam sebanyak 75,000 pokok pelbagai jenis pada tahun 2009. Sehingga bulan Jun 2009, sebanyak 33,813 batang pokok telah berjaya ditanam atau 45 peratus daripada sasaran telah pun tercapai. Selaras dengan agenda Kerajaan Negeri untuk mencapai status *Green State*,

    Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama MPPP, MPSP dan PDC Properties telah mengambil langkah proaktif dengan melancarkan tanaman pokok *spesis 'Tecoma'* atau *'Spring Blossom Of Penang'* sempena sambutan Hari Perhutanan Sedunia ke-38 bagi menambahkan kehijauan negeri Pulau Pinang. Pada masa yang sama, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa memastikan setiap pemaju mengemukakan pelan landskap di setiap projek pembangunan merangkumi penyediaan landskap dan kawasan hijau. Sumbangan pokok turut diberikan kepada sekolah dan pelbagai agensi sebagai galakan untuk menghijaukan premis masing-masing.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah tindakan tegas daripada pihak Kerajaan Negeri untuk menangani masalah wabak H1N1 yang kini telah terdapat di negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri telah mengambil tindakan serta langkah-langkah yang positif dan proaktif untuk menyekat penyebaran/penularan penyakit H1N1 di Pulau Pinang seperti berikut :-

1. Telah mengaktifkan Jawatankuasa *Pandemic Influenza* peringkat negeri dan daerah.

2. Memperkukuhkan Sistem Pengawasan Influenza Malaysia melalui saringan di semua pintu masuk (Udara dan Laut).

3. Memperkukuhkan Sistem Notifikasi mengenai kes suspek dan kes yang telah disahkan dengan segera (dalam 24 jam) ke Bilik Gerakan Negeri. Penyaringan dijalankan di pintu masuk penerbangan (udara) dan kapal (laut) antarabangsa oleh anggota kesihatan. Pemberian *Health Alert Card* dan mengisi borang *Health Declaration* kepada semua pelancong.

4. Saringan kes demam di semua klinik Kesihatan dan jabatan kecemasan hospital melalui *'Counter Triagle'* yang telah diwujudkan.

5. Pengambilan contoh *"Throat swab"* dari mereka yang demam dan mempunyai tanda-tanda Influenza

6. Kes-kes positif komplikasi dimasukkan untuk rawatan di wad isolasi Hospital Pulau Pinang.

7. Mempertingkatkan *surveillance Influenza Like Illness* (ILI) dengan pemantauan cuti sakit dalam kalangan pekerja kesihatan.

8. Menggalakkan pelaporan ketidakhadiran pekerja yang luar biasa (ramai) di tempat kerja, institusi dan sekolah ke Bilik Gerakan Negeri.

9. Penguatkuasaan perintah pemerhatian dan pengawasan di rumah kediaman bagi konteks jangkitan Influenza A (H1N1) di bawah Seksyen 15 (1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.

10. Memberi pendidikan kesihatan dan risalah serta poster kepada orang awam, sekolah, institusi, kilang dan lain-lain agensi kerajaan mengenai Influenza dan cara mengelakkan jangkitan serta hebahan melalui media massa.

11. Memberi maklumat terkini kepada orang awam mengenai situasi semasa melalui internet dan web page Kementerian Kesihatan Malaysia serta tindakan yang perlu diambil oleh mereka.

12. Mengehadkan pelawat-pelawat ke hospital dan melarang ibu bapa daripada membawa anak-anak di bawah umur (12 tahun) melawat pesakit di hospital.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah saringan yang telah dilaksanakan bagi mengawal wabak H1N1 di pintu masuk negeri Pulau Pinang. Adakah saringan tersebut memberi kesan yang baik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah proaktif dalam menangani isu-isu semasa yang melibatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Melalui Jabatan Kesihatan Negeri, saringan yang telah dilaksanakan bagi mengawal wabak Influenza A (H1N1) di pintu masuk negeri Pulau Pinang adalah dengan:-

(i) Mengambil suhu badan semua penumpang dari penerbangan (udara) dan kapal (laut) antarabangsa melalui Health Declaration; dan

(ii) Sekiranya ada penumpang yang demam dan mempunyai tanda-tanda Influenza, penumpang berkenaan akan diperiksa, diberi rawatan sewajarnya dan di kuarantin jika perlu.

Saringan yang dijalankan telah berjaya mengesan kes jangkitan dan dapat mengawal penularan wabak Influenza A (H1N1) di kalangan penduduk negeri Pulau Pinang setakat ini. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa pesakit yang tidak dapat dikesan oleh kerana dalam jangkitan awal mereka tidak menunjukkan sebarang simptom (tanpa demam).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah tindakan tegas daripada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung kebanjiran warga asing di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Berhubung masalah kebanjiran pendatang tanpa izin di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang berkaitan sentiasa bersifat proaktif dalam menjalankan kempen dan program dalam menangani gejala sosial ini. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah kebanjiran warga asing atau Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Pulau Pinang ialah :

(a) mempergiatkan tindakan pemeriksaan dan tangkapan menerusi Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Di Raja Malaysia (PDRM) dan Ikatan Relawan Rakyat (RELA) Negeri Pulau Pinang;

(b) mengadakan kawalan lebih ketat di pintu-pintu masuk negara;

(c) memantau pengagihan rumah kos rendah dan gerai-gerai perniagaan supaya tidak disewakan kepada warga asing;

(d) meminta semua Pihak Berkuasa Tempatan menarik balik lesen perniagaan pemilik yang menggaji Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di premis perniagaan mereka;

(e) mengenakan hukuman yang berat kepada tekong tempatan yang terlibat dengan aktiviti membawa masuk Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI); dan

(f) mendapatkan kerjasama penduduk tempatan, Rukun Tetangga, JKKK, Badan Bukan Kerajaan supaya menyalurkan maklumat mengenai kehadiran PATI kepada pihak berkuasa.

Selain itu, terdapat juga tindakan yang dijalankan di peringkat jabatan secara bersendirian dan tindakan bersepadu yang melibatkan semua agensi penguat kuasa di peringkat negeri dan daerah seperti Polis dan Imigresen diadakan dari semasa ke semasa bagi menangani masalah pendatang asing ini.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Apakah alternatif yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri bagi membantu pekerja-pekerja sektor swasta yang diberhentikan kerja. Apakah status terkini tentang usaha bantuan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kerajaan Negeri semasa pembentangan Bajet 2009 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu telah meluluskan dana berjumlah RM10 juta dengan

menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur untuk mengurangkan kesan pemberhentian kerja ekoran krisis kemelesetan ekonomi. Pada bulan Januari 2009, Kerajaan Negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang *(Penang Career Assistance and Training Centre* [CAT]) yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 4 Mac 2009 yang diuruskan oleh investPenang dengan kerjasama daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP).

Pusat ini bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan:

(i) peluang-peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan Pusat CAT;

(ii) mengenal pasti program-program latihan yang bersesuaian; dan

(iii) bekerjasama dengan ahli-ahli Pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Menurut investPenang, sehingga 14 Julai 2009, seramai 1,904 orang telah berdaftar dengan Pusat CAT. Dalam tempoh yang sama juga, sejumlah 3,645 kekosongan jawatan turut didaftarkan di pusat ini. Lanjutan daripada itu, seramai 1,471 pendaftar yang berkelayakan telah dihubungkan dengan syarikat-syarikat yang menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Semakin ramai pekerja tempatan yang diberhentikan oleh majikan terutama di sektor swasta. Tetapi dalam masa yang sama, semakin banyak pekerja warga asing diambil bekerja bagi menggantikan tempat pekerja tempatan. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menangani masalah ini. Adakah tindakan ini dapat membela nasib anak tempatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Tidak dapat dinafikan bahawa semakin ramai pekerja tempatan yang diberhentikan oleh majikan terutamanya dalam sektor swasta. Walau bagaimanapun, dalam masa yang sama, semakin banyak pekerja warga asing diambil bekerja bagi menggantikan tempat pekerja tempatan. Namun demikian, perkara berkaitan pengambilan pekerja asing adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan.

Bagi pihak Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah dan usaha untuk membantu para pekerja tempatan yang dibuang kerja. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan dana berjumlah RM10 juta semasa pembentangan Bajet 2009 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur. Kerajaan Negeri juga telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang, *Penang Career Assistance and Training Centre* (CAT) pada bulan Januari 2009 yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 4 Mac 2009. Pusat CAT diuruskan oleh investPenang dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP).

Berdasarkan data yang diperolehi daripada investPenang, jumlah pendaftar yang telah berdaftar dengan Pusat CAT dari bulan Mac 2009 sehingga pertengahan bulan Julai

2009 adalah seramai 1,904 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,471 orang telah pun dipadan rujuk kepada majikan yang menawarkan jawatan-jawatan kosong. Dalam tempoh masa yang sama, Pusat CAT telah menerima sebanyak 3,645 kekosongan jawatan dari pelbagai sektor untuk ditawarkan kepada pendaftar–pendaftar. Kesimpulannya, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah proaktif bagi mengatasi masalah ini untuk membela nasib anak tempatan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Semakin ramai penduduk yang tidak bekerja dan semakin ramai kedatangan warga asing menyebabkan semakin bertambah masalah sosial pada masa kini terutamanya kes ragut, rompak dan sebagainya. Apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa dalam menangani masalah ini yang semakin berleluasa dan serius.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Hasil dari penelitian Kerajaan Negeri berhubung kadar jenayah bagi tempoh Januari sehingga Jun tahun 2009, terdapat penurunan sebanyak 3.4 peratus atau kurang sebanyak 280 kes jenayah di Pulau Pinang berbanding tempoh yang sama tahun 2008. Namun begitu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersama-sama pihak PDRM telah mengambil beberapa inisiatif bagi menangani masalah ini. Antara inisiatif tersebut adalah:

    (a) Mengadakan aktiviti pencegahan jenayah melalui beberapa operasi yang berterusan di semua peringkat daerah dengan memfokuskan kepada kawasan-kawasan penyumbang utama indeks jenayah;

    (b) Penyaluran maklumat berkaitan jenayah kepada masyarakat sebagai langkah untuk mengekang masalah tersebut;

    (c) Kereta Peronda sedia ada juga ditambah bilangannya di setiap zon terutama di kawasan perumahan; dan

    (d) Kerajaan Negeri menggalakkan masyarakat serta pertubuhan-pertubuhan NGO, yayasan, majlis perbandaran, JKKK dan sekolah-sekolah untuk turut memainkan peranan dalam membantu pihak polis mengatasi masalah jenayah ini.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kini terdapat banyak kedai-kedai makanan ala Thai yang tumbuh bak cendawan di sekitar kawasan negeri Pulau Pinang. Perkembangan ini turut memberi kesan kepada peniaga makanan tempatan. Adakah kedai-kedai makanan ala Thai ini mendapatkan pemantauan daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk beroperasi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Makanan merupakan salah satu produk penting yang membawa imej Pulau Pinang sebagai syurga makanan. Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan penghasilan dan penambahan produk-produk makanan baru tanpa mengabaikan aspek kebersihan dan juga keselamatan. Lesen bagi mengendali sebuah kedai makanan dikeluarkan di bawah Undang-undang Kecil Establishment Makanan, MPPP 1991. Di bawah Undang-undang Kecil ini, tiada sebarang kekangan atau halangan diperuntukkan untuk melarang seseorang pengusaha berdasarkan kerakyatan. Permit akan dikeluarkan untuk kedai-kedai jenis ini sekiranya sesuai dan mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan.

    Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) memantau semua kedai makanan di Pulau Pinang termasuk kedai yang menghidangkan makanan ala Thai dari segi kebersihan dan

kesihatan. Pemantauan terhadap kedai-kedai ini dibuat dari masa ke masa secara berterusan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Semakin ramai peminta sedekah di Pulau Pinang. Apakah tindakan pihak berkuasa dan Kerajaan Negeri bagi membasmi kegiatan ini. Apakah pemantauan yang dibuat bagi memastikan kegiatan ini tidak berleluasa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang telah mengambil tindakan yang komited dan proaktif dalam menangani masalah peminta sedekah atau pengemis di seluruh negeri ini melalui pelaksanaan undang-undang iaitu Akta Orang Papa 1977 yang membolehkan seseorang itu diselamatkan sekiranya terbabit dalam aktiviti pengemis dan kutu rayau. Sepanjang tahun 2009, JKM telah melaksanakan empat operasi bersepadu yang melibatkan beberapa agensi seperti Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), RELA, Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Jabatan Agama Islam Negeri. Di samping itu, 10 operasi berjadual dan 42 operasi berdasarkan aduan awam telah dijalankan oleh JKM. Melalui tindakan ini, seramai 266 orang pengemis telah dapat diselamatkan. Bagi memastikan kegiatan ini tidak berleluasa, pemantauan dari semasa ke semasa sentiasa dilakukan oleh JKM dengan beberapa kaedah iaitu:

(i) Membuat rondaan di kawasan yang berisiko tinggi terutama di sekitar pusat bandar George Town pada waktu siang dan malam.

(ii) Melibatkan aduan yang diterima daripada orang awam dan media massa.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Isu pasir di Kampong Selamat, Tasek Gelugor masih belum dapat diselesaikan sehingga kini. Malah keadaan menjadi semakin serius dan timbunan pasir makin bertambah bak gunung. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa bagi menangani masalah pencemaran ini. Telah terlalu lama isu ini dibentangkan tetapi masih belum ada jalan penyelesaiannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Longgokan pasir di Kampung Selamat, Tasik Gelugor telah bermula sejak 10 tahun yang lalu. Tapak tersebut telah diberi milik pajakan Mukim 99 tahun yang akan berakhir pada 30 Jun 2037 kepada Chye Chin Joon yang beralamat di 10,Lebuh Binjai,Taman Sri Rambai, Bukit Mertajam. Pasir tersebut dibekalkan kepada tapak projek yang memerlukan bekalan tersebut. Manakala bekalan pasir pula diperoleh dari luar negeri

Pulau Pinang. Walaupun tapak tersebut digunakan hampir 10 tahun yang lalu tetapi kuantiti stok pasir tersebut sentiasa berubah dan tidak selalu meninggi kerana ianya bergantung kepada permintaan semasa.

Kategori tanah dinyatakan sebagai tiada dan ringkasan syarat nyata adalah untuk penanaman pokok oren, pokok kelapa dan lain-lain pokok. Oleh itu telah berlaku pelanggaran syarat dan tindakan di bawah Seksyen 127 hingga 129, Kanun Tanah Negara 1965 akan diambil bagi tujuan remedi atau pelucuthakkan. Buat masa ini, tindakan pemantauan dan siasatan secara terperinci terhadap operasi tapak berkenaan sedang dijalankan bagi membolehkan tindakan sewajarnya di bawah Kanun Tanah Negara. Sehubungan itu satu mesyuarat khas akan diadakan bersama JAS, MPSP dan pihak Polis pada 12 Ogos bagi membincangkan isu ini.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Isu khinzir makin berleluasa di Pulau Pinang terutama di kawasan DUN Pinang Tunggal. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa bagi menyelesaikan masalah ini yang mendatangkan masalah pencemaran.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sedang dan telah menjalankan aktiviti-aktiviti bersesuaian bagi menangani masalah pencemaran yang disebabkan oleh aktiviti penternakan khinzir seperti :-

(a) Memastikan semua ladang khinzir mempunyai sistem rawatan air kumbahan agar keperluan lepasan air dari ladang ternakan tidak melebihi BOD 50 ppm dapat dipatuhi.

Sekiranya penternak-penternak tidak mematuhi keperluan ini, tindakan berikut akan dikenakan:

(i) Pihak MPSP akan mengenakan kompaun mengikut kandungan lepasan air dari ladang ternakan seperti kadar yang telah ditetapkan di bawah:

– RM50.00 hingga RM100.00 bagi kandungan lepasan air melebihi BOD 50 ppm dan tidak melebihi BOD 100 ppm;

– RM150.00 bagi kandungan lepasan air melebihi BOD 100 ppm dan tidak melebihi BOD 150 ppm; dan

– RM250.00 bagi kandungan lepasan air melebihi BOD 150 ppm.

(ii) Jabatan Perkhidmatan Veterinar tidak akan mengeluarkan permit pemindahan khinzir (untuk tujuan jual beli) sehingga kandungan lepasan air tidak melebihi 50 ppm.

(b) Menggunakan teknologi *Useful Microbes* (UM) ke atas semua ladang khinzir secara berperingkat. Penggunaan teknologi ini seterusnya akan dilaksanakan ke atas semua sub sektor ternakan bagi mengurangkan masalah pencemaran air, bau dan lalat.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Bolehkah dijelaskan laluan sebenar bas rapid di Kawasan DUN Pinang Tunggal. Sebagai contoh, bas Rapid Penang yang lalu di kawasan Tasek Gelugor ada kalanya tamat dan berhenti di Sekolah Menengah Kebangsaan Kg. Selamat ada ketikanya berhenti di Kompleks Pengumpulan Ladang Kg. Selamat. Ketidaktetapan ini amat menyukarkan perjalanan penduduk yang menaiki kemudahan tersebut. Apakah tindakan pihak terlibat dalam menangani isu ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Hentian terakhir bagi perkhidmatan bas di laluan 601 (Penang Sentral-Tasek Gelugor) adalah di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Selamat, Tasek Gelugor. Tempat tersebut telah ditetapkan semenjak perkhidmatan bas di Pinang Tunggal bermula dan akan sentiasa dikuatkuasakan. Laluan bas ini ditentukan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Bolehkah pihak Rapid Penang menyediakan satu laluan tambahan yang memasuki kawasan Pentadbiran Kerajaan Daerah Seberang Perai Utara di Bertam. Kawasan ini mengandungi pelbagai pejabat kerajaan yang sering berurusan dengan masyarakat.

Perhentian akhir adalah di Dato Kailan dan ianya jauh dari kawasan pentadbiran kerajaan tersebut. Ini menyukarkan urusan penduduk setempat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kajian akan dibuat bagi membolehkan pengubahsuaian laluan 601 sekarang (Penang Sentral – Kepala Batas) untuk memasuki Kawasan Pentadbiran Kerajaan Daerah Seberang Perai Utara di Bertam.

Pihak Rapid Penang akan meneliti pengubahsuaian laluan ini kerana ianya akan melibatkan penambahan bas sedia ada demi memastikan tahap perkhidmatan sekarang tidak terjejas dan sebarang perubahan pada laluan sedia ada hendaklah dikemukakan kepada Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) untuk mendapat kelulusan sebelum perkhidmatan ini dapat dilaksanakan.

XXIV) Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjaga kebersihan Pantai-Pantai di kawasan Batu Uban, Pantai Jerejak, Pantai Batu Maung dan Pantai Seri Delima.

(b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menjaga kebersihan laut di persekitaran pengairan Pulau Jerjak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bagi tujuan menjaga kebersihan pantai-pantai di kawasan Batu Uban, Pantai Jerejak, Pantai Batu Maung, Pantai Seri Delima dan keseluruhan pantai di Pulau Pinang, satu kajian telah dijalankan di bawah program Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu atau *Integrated Shoreline Management Plan* (ISMP). Dalam kajian tersebut, sebanyak 17 lokasi sampel air laut telah diambil untuk mengetahui tahap pencemaran yang terdapat di lokasi-lokasi tersebut. Hasil kajian mendapat bahawa beberapa lokasi memang agak tercemar seperti di Pulau Burung, Sungai Pinang dan Gurney Drive. Manakala di kawasan lain tahap pencemaran masih pada tahap yang memuaskan.

Untuk menangani masalah ini, ISMP akan mengeluarkan garis panduan pembangunan dan kaedah rawatan bagi JPS, MPPP dan mana-mana pihak yang akan memajukan projek dan pembangunan di kawasan-kawasan zon pantai di seluruh negeri Pulau Pinang. Berkenaan tindakan pencegahan untuk mengelakkan sampah sarap daripada mengotorkan kawasan pantai, JPS dengan kerjasama MPPP dan MPSP akan memasang lebih banyak perangkap sampah di parit-parit dan sungai-sungai sebelum ianya mengalir ke dalam laut. Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui *Penang Government Initiative Effective Microorganism* – (PGI-EM) akan terus menggunakan kaedah *Effective Microorganism* (EM) sebagai satu langkah merawat air sungai yang mana air-air sungai akan akhirnya ke laut. Dengan kaedah ini air laut akan turut menjadi bersih.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Bagaimanakah Kerajaan Negeri bersama Kementerian Alam Sekitar cuba menjaga kebersihan laut dan pantai-pantai di persekitaran kawasan pantai Pulau Mutiara. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk:-

(a) Meningkatkan kemasukan pelancong asing di kawasan Pulau Jerejak.

(b) Meningkatkan pelancong tempatan di kawasan Pulau Jerejak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Untuk menjaga kebersihan pantai-pantai di kawasan Batu Uban, Pantai Jerejak, Pantai Batu Maung dan Pantai Seri Delima malah keseluruhan pantai di Pulau Pinang, satu kajian telah dijalankan di bawah program (ISMP- Integrated Shoreline Management Plan) Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu. Di dalam kajian tersebut sebanyak 17 lokasi sampel air laut telah diambil untuk mengetahui tahap pencemaran yang terdapat di lokasi-lokasi tersebut. Dari kajian tersebut, beberapa lokasi memang didapati tercemar seperti di Pulau Burung, Sungai Pinang dan Gurney Drive. Manakala di kawasan lain, tahap pencemaran masih pada tahap boleh diterima.

Untuk menangani masalah ini, ISMP akan mengeluarkan garis panduan pembangunan dan kaedah rawatan bagi JPS, MPPP dan sesiapa saja yang akan memajukan projek dan pembangunan di kawasan zon pantai di seluruh negeri Pulau Pinang pada masa akan datang.

Manakala bagi mengelakkan sampah-sampah dari mengotori kawasan pantai, JPS dengan kerjasama MPSP dan MPPP, akan memasang lebih banyak perangkap sampah di parit-parit dan sungai sebelum ianya mengalir ke laut. Di samping itu Kerajaan Negeri juga melalui *Penang Government Initiative* (PGI-EM) akan terus menggunakan kaedah *Effective Microorganism* (EM) sebagai satu langkah merawat air sungai yang mana air sungai akan akhirnya mengalir ke laut. Dengan kaedah ini secara tidak langsung, air laut juga akan turut menjadi bersih.

Dengan tindakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri melalui JPS dan agensi-agensi lain, usaha ini seterusnya akan meningkatkan tahap kebersihan pesisiran pantai dan menggalakkan kemasukan pelancong asing serta tempatan ke Pulau Jerejak.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan taraf pelancongan di negeri Pulau Pinang dan di peringkat Antarabangsa.

   (a) Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menarik pelancong asing untuk melancong ke Pulau Mutiara untuk tahun 2010 dan 2011.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri sentiasa mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan taraf pelancongan Pulau Pinang. Di antaranya adalah, inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai negeri pertama di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan WIFI dan W1MAX secara percuma kepada penduduk negeri Pulau Pinang termasuk pelancong atau sesiapa sahaja yang berada di Pulau Pinang. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga sedang berusaha keras untuk meningkatkan tahap kebersihan Pulau Pinang dengan mengambil langkah-langkah seperti membanteras penjaja-penjaja tanpa lesen atau permit yang tidak menghiraukan kebersihan sekitar.

   (a) Langkah-langkah untuk menarik pelancong asing ke Pulau Pinang pada tahun 2010 dan 2011 adalah:-

      (i) menyertai pameran-pameran pelancongan yang terkenal di peringkat antarabangsa seperti AIME (Australia), ITB (Berlin), ATM (Dubai), WTM (London), ATF (Hanoi), ICIF (Shenzhen), ITHF (Jakarta) dan Natas (Singapura);

      (ii) Penang Global Tourism akan menganjurkan sebuah *roadshow* di Singapura iaitu *Penang Showcase* pada 9 hingga 11 September 2009 untuk menarik lebih kemasukan pelancong-pelancong Singapura pada tahun 2010 dan 2011 ke Pulau Pinang di samping memasarkan teras-teras pelancongan lain seperti pendidikan, perubatan, hartanah *(real estate),* makanan, pelaburan dan sebagainya. Selain daripada

Singapura, *roadshow* yang seumpama itu turut akan diadakan di Indonesia bagi tujuan yang sama pada hujung tahun 2009;

(iii) pameran-pameran tempatan seperti pameran MATTA juga turut disertai oleh *Penang Global Tourism* iaitu di Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang dan Melaka bagi menarik dan menggalakkan pelancong-pelancong tempatan melancong ke negeri Pulau Pinang;

(iv) menggalakkan lebih banyak kapal *cruise* untuk berlabuh di Pulau Pinang di mana setiap kapal *cruise* mampu membawa sekurang-kurangnya 1,000 orang pelancong;

(v) mempromosi acara-acara tahunan *(signature events)* anjuran Kerajaan Negeri seperti acara *Penang International Dragon Boat Festival, Bon Odori, Chingay, Penang International Bridge Marathon*, dan Pesta Pulau Pinang;

(vi) menggalakkan pembukaan hotel-hotel bertaraf antarabangsa dan berjenama seperti Hard Rock Hotel di Batu Feringhi di samping bekerjasama dengan rakan-rakan strategik seperti syarikat-syarikat penerbangan dan pelabur-pelabur dari dalam dan luar negeri untuk meningkatkan infrastruktur dan produk-produk pelancongan; dan

(vii) mengadakan program lawatan familiarisasi untuk pihak media bagi tujuan mempromosi sektor pelancongan Pulau Pinang di mata dunia.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Bagaimanakah kedudukan *"booking*/tempahan masa hadapan" di bilik-bilik hotel di Pulau Pinang untuk tahun 2010, 2011 dan 2012.

(b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan Dana Rezab untuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan bagaimanakah Kerajaan Pusat membantu di dalam aspirasi ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Persatuan Hotel Malaysia (*Penang Chapter*) telah membuat jangkaan/ramalan berdasarkan data sedia ada bagi tempahan bilik hotel sepanjang tahun melawat Pulau Pinang bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 seperti berikut:-

Tahun 2010 - dijangka meningkat 5%

Tahun 2011 - dijangka meningkat 7%, dan

Tahun 2012 - dijangka meningkat 5%

(b) Rizab atau simpanan terkumpul negeri adalah lebihan hasil negeri pada akhir sesuatu tahun kewangan setelah komitmen perbelanjaan tahunan dijelaskan. Oleh itu, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan dana rizab ialah:-

(i) Meneruskan usaha dan tindakan-tindakan formatif dan agresif untuk mempertingkatkan kutipan hasil semasa dan mengurangkan tunggakan hasil negeri. Hasil utama negeri terdiri daripada cukai tanah, bayaran-bayaran urus niaga tanah, premium pemberian milik tanah, ansuran atau sewaan rumah kos rendah dan lain-lain.

(ii) Meneruskan usaha-usaha penjimatan, peningkatan perbelanjaan berhemah, mengelakkan pembaziran serta mengadakan kawalan dalaman yang lebih berkesan bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam tanpa menjejaskan mutu perkhidmatan yang diberikan.

(iii) Meneruskan amalan dan peraturan perolehan secara terbuka yang menjamin *optimal value for money* di samping mengoptimumkan pelaksanaan projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat.

Kerajaan Pusat juga turut membantu Kerajaan Negeri dalam menjelaskan pemberian wajib kepada Kerajaan Negeri sepertimana ketetapan dalam Perlembagaan Persekutuan pada setiap tahun. Pemberian Kerajaan Persekutuan ini juga merupakan antara punca hasil Kerajaan Negeri. Pemberian Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri yang telah diperolehi pada tahun 2008 ialah sejumlah RM74,235,360.94 berbanding anggaran hasil (bajet) RM61,882,000.00 iaitu lebihan 19.96%.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah projek-projek pembangunan yang dijalankan di Pulau Jerejak pada masa ini.

(a) Siapakah Pemaju berkenaan.

(b) Apakah projek-projek kemajuan.

(c) Adakah pihak MPPP akan mengadakan Skuad Kebersihan dan Skuad Landskap.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Projek-projek pembangunan di atas tapak seluas 80 ekar di Pulau Jerejak adalah dimiliki dan dijalankan oleh Tropical Island Resort Sdn Bhd (TIR) iaitu sebuah syarikat usaha sama di antara UDA Holdings Bhd dan PDC dengan pegangan ekuiti 51% dan 49% masing-masing.

(b) Berdasarkan perancangan TIR, pembangunan Pulau Jerejak merangkumi tiga (3) fasa seperti berikut:-

(i) Fasa 1 (20.2 ekar)

TIR telah membangunkan sebahagian dari Fasa 1 yang dikenali sebagai Jerejak Resort & Spa (JRS). Pembangunan JRS merangkumi bangunan utama, dua (2) buah blok dormitori, chalet (20 unit), bangunan servis, bilik air berpusat, tapak perkhemahan, spa, tempat beribadat, jeti ketibaan dan berlepas serta kawasan rekreasi.

Perancangan pembangunan baru adalah merupakan tambahan ke atas baki tanah di fasa ini bagi menampung pembangunan sedia ada dan merangkumi *hillside villa, bungalow villa, studio villa, studio chalet, suite chalet,* dan *floating chalet.*

(ii) Fasa 2 (30 ekar)

Cadangan komponen di Fasa 2 terdiri dari dua (2) pakej. Pakej A merangkumi *seafront villa, hillside villa, hillside townhouse* dan *waterfront* plaza dan jeti, manakala Pakej B merangkumi komponen komersial dan hotel, taman tema air, muzium dan galeri serta marina.

(iii) Fasa 3 (29.8 ekar)

Cadangan komponen di Fasa 3 terdiri dari banglo korporat, marina dan *health village.*

(c) Pihak MPPP telah menjalankan program Skuad Kebersihan (Ops Sinar) secara bersepadu pada setiap hari Jumaat. Ianya dijalankan terutamanya di kawasan pelancongan dan kawasan-kawasan yang bermasalah dengan menggembleng tenaga dari beberapa jabatan di MPPP.

Selain daripada itu, pihak MPPP juga mengadakan beberapa skuad kebersihan seperti berikut:-

(i) "*Flying Squa*d' untuk membersihkan tong-tong sampah MPPP yang ditempatkan di kawasan awam dan tandas awam MPPP.

(ii) *'Squad Pickers'* untuk mengutip sampah-sampah yang dibuat dalam kawasan pelancongan seperti Padang Kota Lama, Persiaran Gurney, Kawasan Queensbay dan laluan protokol.

(iii) Satu Pasukan Penguat Kuasa 'Ops Anti Litter' diwujudkan untuk menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan. Saman akan dikeluarkan kepada mereka yang membuang sampah di merata-rata tempat.

(iv) MPPP mempunyai 15 Pembantu Kesihatan Awam (PKA) yang ditugaskan bagi memantau kebersihan longkang dan 12 PKA lagi bagi memantau kerja pembersihan jalan dan parit yang dijalankan oleh kontraktor MPPP.

(v) Satu sistem telah diwujudkan untuk memantau kontraktor pengurusan sisa pepejal dengan menempatkan anggota kawal selia bagi memantau setiap kontraktor.

Skuad Landskap (Ops Hijau) telah diwujudkan sejak 2008 dan kerja-kerja pembersihan kawasan landskap dijalankan setiap hari Rabu. Ops Hijau merupakan operasi khas bagi kawasan taman dan landskap. Kerja-kerja yang dijalankan melibatkan:

(i) pembersihan kawasan.

(ii) penyelenggaraan landskap.

(iii) pemangkasan pokok.

(iv) penyelenggaraan rumput.

(v) penyelenggaraan alat permainan dan senaman.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah pihak MPPP bercadang untuk menjaga kebersihan dan keindahan negeri Pulau Pinang akibat daripada tindakan JKR yang lambat ambil tindakan dan juga memotong pokok-pokok dengan tidak mengendahkan keindahan semula jadi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Mengenai keindahan dan penyelenggaraan pokok di Jalan Negeri, Jalan Persekutuan dan jalan di dalam kawasan perumahan adalah tanggungjawab bersama di antara JKR, MPPP dan MPSP.

MPPP sentiasa memberi bantuan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam usaha menjaga kebersihan dan keindahan negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, untuk tujuan mengambil alih keseluruhan kerja-kerja penyelenggaraan, kebersihan dan

keindahan negeri Pulau Pinang dari pihak JKR, ini memerlukan kajian yang terperinci terutama dari segi aspek pengurusan, kewangan, tenaga kerja (manpower), kenderaan dan peralatan.

Pokok-pokok yang mencantikkan kawasan jalan merupakan pokok seni taman landskap yang biasanya ditanam di Jalan Negeri, Jalan Persekutuan dan jalan di dalam kawasan perumahan oleh MPPP di kawasan pulau dan MPSP di Seberang Perai.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membayar pampasan kepada tanah-tanah TOL *(Temporary Occupation Lisence)* yang diambil alih oleh Kerajaan Negeri ataupun oleh Pemaju/Syarikat Pembangunan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri mempunyai satu Garis Panduan yang digunapakai sebagai formula dalam membayar pampasan kepada pemegang-pemegang TOL *(Temporary Occupation Lisence)* yang mana tanah tersebut diambil alih oleh Kerajaan Negeri ataupun oleh agensi-agensi pembangunan kerajaan.

Bagi pemegang-pemegang TOL yang telah membina rumah, formula pampasan seperti berikut:

(i) Wang pampasan RM25,000.00 atau tawaran seunit rumah kos rendah;

(ii) Yang tidak layak rumah kos rendah akan dibayar pampasan RM25,000.00;

(iii) Yang layak dan memilih rumah kos rendah akan ditawarkan rumah transit atau bayaran subsidi sewa RM500.00 sebulan sehingga rumah siap, di mana sesuai.

Bagi penyewa rumah yang menyewa rumah pemegang TOL, Kerajaan Negeri memperuntukkan pampasan seperti berikut:

(i) Wang ihsan yang munasabah tertakluk maksimum RM5,000.00 sekeluarga;

(ii) Bagi kategori penyewa rumah, wang ihsan yang munasabah dibayar dengan mengambil kira tempoh masa menyewa. Bagi penyewa kurang dari satu (1) tahun, tiada bayaran wang ihsan. Bagi yang menyewa untuk tempoh melebihi satu (1) tahun tetapi kurang daripada tiga (3) tahun, mereka akan dibayar wang ihsan sebanyak RM3,000.00. Bagi mereka yang menyewa melebihi tiga (3) tahun, akan dibayar wang ihsan RM5,000.00 sekeluarga.

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Tuan Raveentharan a/l V. Subramaniam) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Adakah apa-apa tindakan pembinaan Pasar Awam di Batu Uban yang diteruskan oleh Kerajaan Negeri.

(b) Apakah tahap pembinaan Pasar Awam tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Kerajaan Negeri tidak ada cadangan untuk membina pasar awam di KADUN Batu Uban. Pasar Awam Taman Tun Sardon terletak bersempadan dengan KADUN Batu Uban. Di samping itu, kemudahan pasar awam juga terdapat di Bayan Baru yang berdekatan.

Kerajaan Negeri melalui surat bertarikh 9 Jun 2009 telah meminta supaya pihak pemaju (HAMNA Sdn. Bhd.) mengemukakan pelan mengikut kelulusan asal di

bawah JPB/PM/1031(LB)PT.1 dan pelan bangunan no.347(LB) bagi cadangan satu (1) blok bangunan serba guna lima (5) tingkat seperti berikut:-

(i)	paras *basement*	-	tempat letak kereta
(ii)	paras 1	-	pasar dengan 79 gerai dan setiap gerai lebih kurang seluas 225 kp
(iii)	paras 2 & 3	-	ruang membeli belah (keluasan berjumlah 50,334 kp)
(iv)	paras 4	-	ruang penjaja dengan 37 gerai seluas lebih kurang 25,165 kp
(v)	paras 5	-	dewan serba guna/tadika yang berkeluasan 9000 *kp/children amusement* 6972 kp

Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum terdapat sebarang maklum balas yang diterima daripada pihak pemaju berhubung perkara berkenaan. Kerajaan Negeri telah memohon kepada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang agar dapat menyediakan anggaran kos bagi penyediaan bangunan tersebut (kos pembinaan sekitar tahun 1996/1997 dan kos semasa) bagi tujuan menuntut ganti rugi daripada pihak pemaju.

(b) Kerja-kerja fizikal di tapak pembinaan masih belum dimulakan memandangkan pelan merancang masih belum diluluskan.

XXV). Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Pejabat Tanah, Daerah Seberang Perai Utara telah selesai membuat pengambilan tapak perkuburan Islam di sebelah Masjid Bagan Belat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDT SPU) sedang dalam proses pengambilan balik tanah untuk tapak perkuburan Islam di sebelah Masjid Bagan Belat. Status kemajuan mengenainya ialah Notis Award dan tawaran pampasan (Borang H APT

1960) telah dikeluarkan kepada pemilik tanah terlibat pada 16 Julai 2009 dan mengikut Akta Pengambilan Balik Tanah (APT) 1960, pengambilan tanah tersebut akan selesai apabila bayaran pampasan dibuat kepada pemilik tanah yang terlibat dan Borang K APT 1960 didaftarkan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah status permohonan Jawatankuasa Masjid Bagan Lebai Tahir yang memohon kepada Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Seberang Perai Utara untuk membuat pengambilan tanah di sebelah masjid bagi tujuan menambah kawasan perkuburan kariah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Daripada rekod pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara didapati tiada permohonan diterima daripada Jawatankuasa Masjid Bagan Lebai Tahir atau mana-mana agensi bagi tujuan menambah kawasan perkuburan kariah tersebut. Walau bagaimanapun, mengikut rekod Pejabat Agama Daerah Butterworth, Jawatankuasa Kariah berkenaan telah menghantar surat permohonan pengambilan balik tanah No. Lot

1427 Bagan Lebai Tahir kepada Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) pada 25 Mei, 2009 dan permohonan ini akan diambil tindakan sewajarnya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kenapakah masalah kebocoran bumbung Masjid Daerah Seberang Perai Utara sampai sekarang tidak dapat diatasi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Masjid Daerah Seberang Perai Utara merupakan bangunan yang telah disumbangkan oleh Syarikat Gapurna Sdn. Bhd. kepada MAINPP dengan semua urusan reka bentuk oleh perunding dan pembinaan dilaksanakan oleh syarikat tersebut. Masalah utama kebocoran yang berlaku pada bumbung Masjid Daerah Seberang Perai Utara telah dikenal pasti akibat reka bentuk bumbungnya yang memerlukan penyelenggaraan secara berkala.

Pada tahun 2003, Syarikat Gapurna Sdn. Bhd. sekali lagi telah menyalurkan sumbangan berjumlah RM85,000.00 melalui MAINPP bagi tujuan membekal kelengkapan dan juga membaiki bumbung masjid yang bocor pada ketika itu. Peruntukan tersebut telah diletakkan di bawah Akaun Amanah Masjid Daerah Seberang Perai Utara. Kerja-kerja pembekalan dan pembaikan tersebut sekali lagi telah dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik oleh syarikat Gapurna Sdn. Bhd.

Pada tahun 2005 MAINPP telah menerima aduan daripada Pegawai Tadbir Agama Daerah SPU mengenai kebocoran pada bumbung masjid terbabit. MAINPP kemudiannya telah melantik kontraktor untuk melaksanakan pembaikan segera terhadap *water proofing, gutter, siling* dan juga lain-lain kerja yang berkaitan dengan jumlah kos sebanyak RM13,955.70. Setelah semua kerja-kerja pembaikan diselesaikan, MAINPP telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM22,371.37 ke akaun masjid tersebut bagi membolehkan pihak masjid meneruskan penyelenggaraan menggunakan peruntukan terbabit. Jika mengambil kira dari segi reka bentuk bumbungnya, masalah kebocoran tersebut akan tetap berulang. Masalah ini hanya dapat diatasi dengan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala bagi memastikan semua sistem saliran air hujan dan juga *water proofing* akan sentiasa berfungsi dan di dalam keadaan yang baik.

Dari segi teknikal, jabatan ini tidak dapat mengenal pasti punca sebenar kebocoran berterusan masjid ini masih berlaku. Perkara ini akan dirujuk ke Jabatan Kerja Raya sekiranya aduan mengenai kebocoran ini berpanjangan dan bertambah serius.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kawasan Rekreasi di Tepi Pantai Taman Robina tidak diselenggarakan dengan baik dari aspek kebersihan dan tanaman/landskap.

   (a) Siapakah kontraktor yang bertanggungjawab ke atas kebersihan dan landskap. Berapakah peruntukan yang disediakan oleh MPSP untuk tujuan tersebut.

   (b) Kenapakah lampu hiasan di kawasan tersebut dinyalakan 24 jam sehari walaupun pihak MPSP telah dimaklumkan tentang perkara tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Pembersihan di tepi pantai Taman Robina dan taman-taman lain yang berdekatan dijalankan oleh kontraktor Syarikat Ipil Murni Enterprise dengan bayaran sebanyak RM18,871.12 sebulan.

(b) Terdapat kerosakan pada alat kawalan iaitu suis cuaca yang menyebabkan lampu ini menyala 24 jam. Tindakan pembaikan alat kawalan yang rosak akan diperbaiki.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila nyatakan jumlah warga emas yang telah didaftarkan mengikut daerah di Pulau Pinang untuk mendapatkan bantuan yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang setakat Jun 2009.

(a) Apakah bentuk bantuan yang akan diberi.

(b) Dari manakah sumber kewangan tersebut.

(c) Bilakah bantuan itu akan diberikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri telah pun mengambil inisiatif dengan mengedarkan Borang Penghargaan Warga Emas pada 1 Mei 2009 melalui ADUN-ADUN kawasan. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data warga emas yang lebih tepat dan terkini di Pulau Pinang. Sehingga kini, hampir 100,000 salinan borang telah diedarkan dan pendaftaran ini dijangka akan tamat pada 8 Mac 2010. Oleh itu, bilangan warga emas yang berdaftar hanya akan diketahui selepas tamat tempoh pendaftaran yang telah ditetapkan.

(a) Sehubungan itu, bentuk bantuan sama ada dalam bentuk kewangan atau tidak hanya akan diputuskan oleh Kerajaan Negeri selepas tamat tempoh pendaftaran yang ditetapkan dan ia bergantung kepada keperluan berdasarkan hasil daripada bancian yang dijalankan.

(b) Sumber kewangan bagi tujuan bantuan kepada golongan warga emas juga masih belum diputuskan oleh Kerajaan Negeri. Kata putus hanya dapat dicapai selepas tamat tempoh pendaftaran yang telah ditetapkan.

(c) Tarikh bermulanya penyaluran bantuan kepada golongan warga tua juga akan diputuskan oleh Kerajaan Negeri selepas tamatnya tempoh pendaftaran.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Dewan Orang Ramai Taman Ayer Tawar Indah telah diserahkan oleh pemaju kepada pihak MPSP. Kenapakah dewan tersebut masih tidak boleh digunakan oleh penduduk/orang ramai dan kenapakah dewan itu tidak diserahkan kepada Persatuan Penduduk untuk ditadbir dan diimarahkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri begitu prihatin untuk menyediakan kemudahan kepada masyarakat. Dewan Orang Ramai Taman Air Tawar Indah telah siap dan telah diserahkan oleh pemaju kepada MPSP pada 11 April 2008. Namun begitu, sehingga kini MPSP masih belum menerima sebarang permohonan untuk menggunakan kemudahan tersebut.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Parit Monsun dari Jalan Tengku Putra sampai ke Sungai Abdul di Telok Ayer Tawar penting diselenggarakan dengan baik kerana ia menjadi saliran kepada beberapa buah kampung di situ. Tetapi setiap tahun ADUN kena minta berkali-kali diselenggarakan oleh

pihak MPSP apabila ianya telah dipenuhi tumbuhan dan tertutup apabila tebing mendap. Kenapakah MPSP tidak menjadualkan secara tetap untuk menyelenggarakan parit ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. MPSP melaksanakan kerja-kerja membuang enapan daripada parit monsun dua kali setahun di seluruh Seberang Perai. Namun pada tahun 2008, MPSP hanya dapat melaksanakan kerja-kerja pembersihan sekali sahaja kerana masalah peruntukan. Bagi tahun 2009, MPSP mendapat peruntukan daripada wang caruman pemaritan dan kerja-kerja mencuci sedang dijalankan di semua parit monsun di Seberang Perai. Kerja-kerja pembersihan pusingan kedua akan dilaksanakan pada hujung tahun 2009.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kenapakah bantuan segera untuk kemasukan pelajar-pelajar Pulau Pinang ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang selama ini diberi dari Tabung TYT melalui Pejabat Daerah telah diberhentikan. Apakah bentuk-bentuk bantuan untuk pendidikan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri selain dari Biasiswa Kecil Negeri yang dapat membantu pelajar miskin di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Tabung TYT bagi tujuan pemberian bantuan kepada pelajar-pelajar Pulau Pinang yang berjaya memasuki Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) tidak diberhentikan. Pada tahun 2009, sebanyak RM500,000.00 telah diperuntukkan bagi tujuan pemberian bantuan kemasukan pelajar-pelajar Pulau Pinang ke IPTA. Peruntukan berjumlah RM100,000.00 telah diagihkan kepada setiap daerah. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak 200 orang pelajar yang memenuhi syarat berpeluang menerima bantuan berjumlah RM500.00. Bagi tahun 2009, permohonan telah dibuka mulai 25 Mei 2009 hingga 30 Jun 2009.

Selain dari Biasiswa Kecil Negeri, Kerajaan Negeri juga mewujudkan Tabung Amanah Biasiswa Negeri Pulau Pinang. Tabung ini bertujuan untuk memberikan bayaran kepada pelajar-pelajar miskin di negeri ini iaitu:-

(a) Pertukaran Status Pinjaman Penuntut kepada Biasiswa

(i) Bayaran ini dibuat khas kepada penuntut IPTA yang mendapat Ijazah Kelas Pertama dengan CGPA 3.67 ke atas sahaja layak menerima pertukaran status pinjaman kepada biasiswa.

(b) Bayaran Pengecualian Khas

(i) Bayaran pengecualian khas untuk dua kategori iaitu:-

(a) Penyakit Kritikal (Penyakit Mental, SLE, buah pinggang dll)

(b) Pemberian Khas OKU (Orang Kelainan Upaya)

Dengan adanya bantuan ini, pelajar-pelajar yang miskin di negeri ini diberi bantuan dari segi pelajaran dan pembiayaan perubatan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berapa kali setahunkah Kuala Sungai Abdul di Seberang Perai Utara didalamkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menambah pendapatan dan memperbaiki kehidupan nelayan-nelayan di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerja-kerja mendalamkan kuala Sungai Abdul telah dibuat sekurang kurangnya dua (2) kali setiap tahun memandangkan kuala Sungai Abdul sering menghadapi masalah penutupan muara akibat dari pemendapan pasir yang sering berlaku di situ.

Kerajaan Negeri di bawah JPS akan membantu dengan melaksanakan projek menaik taraf dan membina jeti untuk kemudahan nelayan. JPS akan turut mendalamkan muara-muara sungai bagi membolehkan para nelayan membawa semua hasil tangkapan ke daratan.

Dengan tindakan yang dilakukan itu memudahkan nelayan turun ke laut tanpa mengira waktu dan secara tidak langsung boleh menangkap ikan sepanjang masa dan beroleh tangkapan yang memuaskan (banyak). Jualan yang berterusan dapat menambah pendapatan bagi memperbaiki kehidupan mereka.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sila senaraikan muzium-muzium yang terdapat di negeri Pulau Pinang. Apakah produk-produk baru pelancongan yang telah diadakan/dirancang untuk menarik pelancong-pelancong ke negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Berikut adalah senarai muzium-muzium yang terdapat di negeri Pulau Pinang:-

(i) Muzium Negeri Pulau Pinang;

(ii) Muzium & Galeri Tuanku Fauziah , USM, Pulau Pinang;

(iii) Muzium Perang, Batu Maung;

(iv) Muzium Peranakan Baba & Nyonya, Lebuh Gereja;

(v) Muzium Islam, Lebuh Armanien;

(vi) Muzium Dr Sun Yat-Sen;

(vii) 'Toy' Muzium; dan

(viii) Muzium Perhutanan Telok Bahang

Kerajaan Negeri telah merancang dan mewujudkan beberapa produk pelancongan baru bagi menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang di samping memperkukuhkan produk-produk pelancongan sedia ada. Sepanjang tahun 2008, pelbagai acara pelancongan bertaraf antarabangsa telah diadakan di Pulau Pinang. Antara acara yang telah dijalankan sepanjang tahun 2008 ialah Penganjuran Pesta Seni Silat Nusantara, Pesta Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa, Kejohanan Basikal Bukit Antarabangsa,

Kejohanan Golf Amatur Antarabangsa, Kejohanan Jemputan Bola Keranjang Dunia Yang Kelima Belas, Pertandingan Memancing Antarabangsa, Kejohanan Tarian *Ball-Room* Antarabangsa, Kejohanan Antarabangsa Bowling Pesta Pulau Pinang dan Regatta Antarabangsa Mengelilingi Pulau Pinang. Kesemua acara pelancongan ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari semua pihak.

Bandar George Town pula telah disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 7 Julai 2008. Pengiktirafan ini amat bermakna kepada Kerajaan Negeri dalam pemuliharaan produk berasaskan warisan. Antara program yang telah dilaksanakan ialah penerbitan risalah-risalah untuk di edar kepada para pelancong dari dalam dan luar negara. Kerajaan Negeri turut mengiklankan tapak-tapak warisan tersebut di dalam

majalah-majalah pelancongan tempatan dan luar negara bagi mempromosi serta menggalakkan pelancongan yang berteraskan sejarah dan warisan.

Perkhidmatan WIFI *(wireless internet)* dan WIMAX pula disediakan secara percuma di daerah Timur Laut yang meliputi kawasan Bandar George Town, Pengkalan Weld, Jalan Burma, Persekitaran Persiaran Gurney ke Jalan Kebun Bunga hingga kawasan Bukit Jambul dan Bayan Mutiara. Perkhidmatan ini turut melibatkan kawasan di Seberang Perai yang merangkumi kawasan Butterworth, Kampung Jawa, Kampung Perlis dan Kampung Benggali. Perkhidmatan ini menjadikan negeri ini lebih berdaya saing dan pada masa yang sama memberi perkhidmatan telekomunikasi yang terbaik kepada pelancong serta penduduk Pulau Pinang secara keseluruhannya.

Pembukaan beberapa buah hotel baru turut merancakkan lagi industri pelancongan di Pulau Pinang antaranya pembukaan Tune Hotel di Pulau Pinang yang menawarkan pakej keluarga pada harga yang kompetitif. Pembinaan hotel-hotel baru di kawasan yang strategik akan dapat memberi pilihan yang lebih kepada pelancong yang datang ke Pulau Pinang. Selain itu, pembinaan hotel-hotel baru juga akan membantu memenuhi keperluan pelancong terutama ketika musim cuti sekolah yang mencatatkan peningkatan tempahan bilik hotel.

Kerajaan Negeri akan terus mempromosi Pulau Pinang sebagai destinasi unggul pelancongan di rantau ini dengan adanya produk-produk pelancongan yang menarik. Ini jelas di sepanjang tempoh lebih satu (1) tahun ini, Kerajaan Negeri telah mengambil bahagian di dalam misi-misi pelancongan dan pameran penggalakan pelancongan peringkat domestik dan antarabangsa. Di antara pameran yang disertai termasuklah MATTA Fairs di Singapura, MATTA Travel Fair di Kuala Lumpur, MATTA Travel IMT-GT di Pulau Pinang, Asia Tourism Forum di Singapura, ITD di Jerman, Manchester Travel Mart, Arabian Travel Mart, *European Incentive and Business and Travel Meeting and Exhibition* di Geneva dan lain-lain. Usaha ini juga diharap dapat menarik serta mengekalkan tumpuan pasaran utama pelancong daripada negara Eropah, Jepun dan Australia, di samping dapat menerokai pasaran-pasaran baru seperti Negara-negara Timur Tengah, India dan China.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut merancang dan mengambil langkah-langkah tertentu untuk meningkatkan taraf pelancongan Pulau Pinang. Di antaranya adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai negeri pertama di Malaysia yang menyediakan perkhidmatan WIFI dan WIMAX secara percuma kepada penduduk negeri Pulau Pinang termasuk pelancong atau sesiapa sahaja yang berada di Pulau Pinang.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak MPPP dan MPSP juga sedang berusaha keras untuk meningkatkan tahap kebersihan Pulau Pinang dengan mengambil langkah-langkah seperti membanteras penjaja-penjaja tanpa lesen/permit yang tidak menghiraukan kebersihan kawasan persekitaran.

(a) Di antara langkah-langkah untuk menarik pelancong asing ke Pulau Pinang adalah:-

(i) Menyertai pameran-pameran pelancongan yang terkenal di peringkat antarabangsa seperti AIME (Australia), ITB (Berlin), ATM (Dubai), WTM (London), ATF (Hanoi), ICIF (Shenzhen), ITHF (Jakarta), dan Natas (Singapura).

(ii) Penang Global Tourism akan menganjurkan sebuah *roadshow* di Singapura iaitu *Penang Showcase* pada 9 hingga 11 September 2009 untuk menarik lebih kemasukan pelancong-pelancong Singapura ke Pulau Pinang di samping memasarkan teras-teras pelancongan lain seperti pendidikan, perubatan, *real estate,* makanan, pelaburan, dan sebagainya. Selain daripada Singapura, *roadshow* yang seumpama itu turut akan diadakan di Indonesia bagi tujuan yang sama pada hujung tahun 2009.

(iii) Pameran-pameran tempatan seperti pameran MATTA juga turut disertai oleh Penang Global Tourism iaitu di Kuala Lumpur, Johor, Pulau Pinang dan Melaka bagi menarik dan menggalakkan pelancong-pelancong tempatan melancong ke negeri Pulau Pinang.

(iv) Menggalakkan lebih banyak kapal-kapal Cruise untuk berlabuh di Pulau Pinang di mana setiap kapal cruise akan membawa sekurang-kurangnya seramai 1000 pelancong.

(v) Mempromosi acara-acara tahunan *(signature events)* anjuran Kerajaan Negeri seperti acara *Penang International Dragon Boat Festival, Bon Odori, Chingay , Penang International Bridge Marathon,* dan Pesta Pulau Pinang.

(vi) Menggalakkan pembukaan hotel-hotel bertaraf antarabangsa dan berjenama seperti Hard Rock Hotel di Batu Feringhi di samping bekerjasama dengan rakan-rakan strategik seperti syarikat-syarikat penerbangan dan pelabur-pelabur untuk meningkatkan infrastruktur dan produk-produk pelancongan.

(vii) Mengadakan program lawatan pendedahan untuk pihak media bagi tujuan mempromosi sektor pelancongan Pulau Pinang di mata dunia.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Setakat manakah wabak demam H1N1 telah menjejaskan industri pelancongan di Pulau Pinang. Berapa orangkah yang telah terkena demam ini di Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Industri pelancongan merupakan sektor terpenting dalam menjana ekonomi negeri sejak dari dahulu lagi. Walau bagaimanapun, isu penularan wabak demam H1N1 sejak akhir-akhir ini sedikit sebanyak meninggalkan kesan dalam industri ini. Selain itu faktor-faktor luar kawalan seperti kemelesetan ekonomi dunia boleh mempengaruhi dan menjejaskan kemasukan pelancong asing ke negeri Pulau Pinang. Adalah dijangkakan bahawa jumlah kemasukan pelancong ke Pulau Pinang dijangka akan menurun sedikit pada tahun ini selaras dengan penurunan sasaran kemasukan pelancong ke Malaysia oleh Tourism Malaysia iaitu dari 22 juta kepada 19 juta. Wabak influenza H1NI dijangka memberi kesan terhadap industri pelancongan Pulau Pinang mahupun Malaysia.

Statistik rasmi daripada Jabatan Kesihatan Pulau Pinang menunjukkan bilangan yang terkena demam H1N1 sehingga 15 Julai 2009 adalah sebanyak 58 kes. Kesemua 58 kes telah pun diberi rawatan dan telah sembuh di mana kes-kes ini terdiri daripada warga asing 43 kes – *imported* dan 15 kes – tempatan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Berapakah jumlah wanita yang menjadi Ketua Keluarga di dalam negeri Pulau Pinang. Sila nyatakan mengikut daerah-daerah dan apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu kumpulan ini untuk menambah pendapatan mereka dan mengatasi masalah kemiskinan di kalangan keluarga ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, terdapat seramai 283 orang ketua isi rumah yang terdiri daripada ibu tunggal tersenarai dalam golongan miskin tegar. Senarai berkenaan berdasarkan jadual seperti di Lampiran.

Sementara maklumat yang dibekalkan oleh Pejabat Pembangunan Wanita, terdapat seramai 180 ibu tunggal yang telah berdaftar di Rumah Nur. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut.

STATISTIK IBU TUNGGAL YANG TERSENARAI DALAM MISKIN TEGAR MENGIKUT DAERAH

DAERAH	MELAYU	CINA	INDIA	JUMLAH
SPS	13	0	4	**17**
SPT	68	7	11	**86**
SPU	101	0	2	**103**
TL	19	1	1	**21**
BD	52	4	0	**56**
JUMLAH KESELURUHAN	**283**			

STATISTIK IBU TUNGGAL YANG BERDAFTAR DI RUMAH NUR DAERAH SETAKAT DISEMBER 2008

DAERAH	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	JUMLAH
SPS	19	2	2	**0**	**23**
SPT	20	6	4	**1**	**31**
SPU	89	0	0	**0**	**89**
TL	7	2	0	**0**	**9**
BD	22	6	0	**0**	**28**
JUMLAH KESELURUHAN		**180**			

Kerajaan Negeri turut menyarankan dan menggalakkan golongan wanita untuk menceburi bidang perniagaan yang terdapat di negeri ini. Untuk tujuan tersebut, Kerajaan Negeri berusaha untuk menganjurkan program-program latihan dan pembangunan sumber manusia serta pendedahan mengenai peluang-peluang perniagaan dan pembiayaan dengan kerjasama agensi Kerajaan Negeri. Program ini dilaksanakan dalam bentuk seminar, forum, kursus dan dialog bertujuan untuk membantu usahawan mendapat pendedahan mengenai sumber pembiayaan perniagaan yang disediakan. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Belia Negeri akan menganjurkan Seminar Motivasi Keusahawanan Belia. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada golongan belia mengenai peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi belia termasuklah beliawanis yang terdapat di negeri ini.

Selain itu, untuk menggalakkan golongan wanita menceburi bidang perniagaan, Kerajaan Negeri turut menyediakan premis perniagaan mampu milik seperti ruang niaga dan gerai, sama ada secara jualan, sewaan dan sewa beli dengan kadar yang berpatutan untuk membolehkan golongan pemuda menjalankan perniagaan yang berpotensi. Premis perniagaan ini disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Daerah dan PDC. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga telah menubuhkan Skim Mikro Kredit yang dikenali sebagai Tabung Titian Ketidaksamaan Rakyat (TTKR) Negeri Pulau Pinang bagi menggantikan Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil Negeri Pulau Pinang. Program ini dijalankan secara kerjasama dengan tenaga pakar dari Universiti Sains Malaysia (USM). Tabung ini

ditubuhkan bertujuan untuk memberi fokus dalam mengurangkan jurang atau ketidaksamaan dengan memberi keutamaan kepada golongan miskin, orang kurang upaya, ibu tunggal termasuk penjaja kecil untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan.

Secara tidak langsung, penubuhan tabung ini juga dilihat dapat membantu Kerajaan Negeri mengurangkan masalah kemiskinan di negeri ini. Peruntukan RM3.0 juta telah disediakan untuk tabung ini iaitu melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak

RM1.5 juta dan peruntukan PDC sebanyak RM1.5 juta. Proses pengeluaran pinjaman bagi tabung ini akan dibuat melalui PDC. Sehingga kini, bantuan pinjaman bagi tabung ini belum lagi disalurkan kepada pemohon yang layak kerana mekanisme pelaksanaannya sedang giat disediakan. Walau bagaimanapun, pinjaman kepada pemohon yang layak dijangka akan mula diagihkan mulai 1 Oktober 2009 dengan keutamaan kepada pemohon dari kalangan ibu tunggal dan wanita.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah dasar dan syarat-syarat Kerajaan Negeri tentang pengeluaran lesen untuk pasar Ramadan untuk tahun 2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Dasar dan syarat-syarat Kerajaan Negeri tentang pengeluaran lesen untuk pasar Ramadan untuk tahun 2009.

(a) Permohonan:

Penganjur perlu mengemukakan permohonan untuk menganjur Pasar Ramadan.

(b) Persediaan tapak:

(i) Mestilah di lokasi yang tidak mengganggu lalu lintas, laluan awam dan ketenteraman penduduk.

(ii) Menyediakan ruang berukuran 5 kaki x 10 kaki setiap tapak

(iii) Ruang bebas antara gerai seluas 10 kaki antara satu dengan yang lain.

(c) Tanggungjawab penganjur:

(i) Memastikan setiap peniaga mempunyai lesen. (Pasar Ramadan)

(ii) Peniaga yang mengendalikan makan mesti menjalani pemeriksaan kesihatan dan memperoleh suntikan pelalian anti-tifoid.

(iii) Memastikan setiap peniaga mendaftar.

(iv) Memastikan tiada pendatang asing berniaga.

(v) Memastikan setiap peniaga menyediakan tong sampah.

(vi) Bertanggungjawab ke atas penyenggaraan dan kebersihan kawasan sebaik sahaja tamat perniagaan.

(vii) Menyediakan bekalan air dan elektrik.

(d) Kuasa MPPP:

(i) MPPP berhak untuk menutup atau mengubah lokasi Pasar Ramadan.

(ii) MPPP berhak untuk menarik balik kebenaran untuk mengadakan Pasar Ramadan.

(iii) MPPP akan mengambil tindakan membatalkan lesen Pasar Ramadan yang tidak mematuhi arahan MPPP.

Bagi MPSP, dasar dan syarat–syarat pengeluaran Pasar Ramadan sama seperti pengeluaran lesen pasar malam. Keutamaan untuk pengeluaran lesen penganjur Pasar Ramadhan adalah seperti berikut:

(i) JKKK

(ii) Persatuan Penduduk

(iii) Rukun Tetangga

(iv) Jawatankuasa Masjid / Surau/ NGO lain.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah tanah yang ingin diwakafkan oleh individu atau syarikat swasta untuk tujuan masjid/kubur/sekolah-sekolah agama/kebajikan orang Islam, juga akan diambil alih oleh Setiausaha Kerajaan Negeri di Perbadankan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Dimaklumkan bahawa tanah yang ingin diwakafkan oleh individu atau syarikat swasta untuk tujuan masjid/ kubur/ sekolah-sekolah agama/ kebajikan orang Islam tidak akan diambil alih oleh Setiausaha Kerajaan Negeri di Perbadankan (SSI) tetapi akan didaftarkan sebagai tanah wakaf atas nama Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebagai pemegang amanah tunggal.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengadakan kubur Islam yang berpusat di Pulau Pinang untuk mengatasi masalah kesesakan tempat perkuburan orang Islam di sebelah pulau dan mengatasi masalah untuk memperluaskan kubur-kubur yang sedia ada.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri telah lama merancang untuk mewujudkan sebuah kubur berpusat seluas 15 ekar bagi setiap daerah. Setakat ini, tanah tapak kubur telah dikenal pasti seperti berikut:-

Daerah	Status Kubur Berpusat	Keluasan Tanah	No. Lot	Lokasi
Barat Daya	Tanah diperolehi	10.5035 ekar	459 & 458 Mk. 3	Sungai Rusa
Seberang Perai Utara	Telah dikenalpasti	23.2 ekar	3662 Mk. 3	Kepala Batas
Seberang Perai Tengah	Telah dikenalpasti	19 ekar	25, 589, 746 Mukim 19	Mengkuang
Seberang Perai Selatan	Telah dikenalpasti	50 ekar	322 Mk. 2	Tasek

Kerajaan Negeri bercadang untuk memulakan pengambilan balik tanah seperti yang telah dikenal pasti pada tahun 2010 bergantung kepada kemampuan peruntukan Kerajaan Negeri. Kerajaan juga akan memasukkan dalam Projek RMKe-10 bagi pembinaan kubur berpusat ini seperti menambun tanah, pembersihan, plot tapak dan lain-lain infrastruktur yang diperlukan sebagai kubur berpusat tertakluk kepada setelah selesainya pengambilan balik tanah.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sila nyatakan jumlah pekerja yang telah mendapat latihan di PSDC mengikut bangsa dan bidang kemahiran sejak 2007-2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Mengikut statistik yang diperolehi daripada Penang Skills Development Centre (PSDC) pecahan pekerja mengikut bangsa yang telah mendapat latihan di PSDC pada tahun 2007 adalah seramai 5,156 pekerja berbangsa Cina, 4,755 pekerja berbangsa Melayu, 1,197 pekerja berbangsa India dan 302 orang dari lain-lain bangsa.

Pada tahun 2008 pula, seramai 5,666 pekerja berbangsa Cina telah mendapat latihan di PSDC, manakala bilangan pekerja bangsa Melayu seramai 4,870 orang, pekerja India seramai , 207 orang dan lain-lain bangsa seramai 365 orang.

Bagi pecahan mengikut bidang kemahiran pula, seramai 11,410 orang pekerja telah mendapat latihan dalam pelbagai bidang kemahiran pada tahun 2007. Pada tahun 2008 pula, seramai 12,108 orang telah dilatih. Pecahan adalah seperti berikut:

Bilangan Pekerja Yang Mendapat Latihan Di PSDC Mengikut Tahun Dan Bidang Kemahiran

		Tahun	
Bil.	**Jenis Kursus**	2007	2008
A	**Career Advancement Long Term Programs**		
1.	Workforce transformation	2,390	1,245
	Diploma in Engineering		
	-Electronics	267	310
	-Mechatronics	264	387
	-Computer	24	73
	-Telecomunication	7	25
2.	Diploma in Information Technology	5	5
3.	Basic Machining (BMC)	74	100
4.	Advanced Computer Numerical Control Machining (ACNC)	84	51
5.	WTTP-Machining	90	30
6.	WTTP-Industrial Electronics	34	0
7.	WTTP-Cisco Networking Academy Programme	10	0
8.	Chargeman AO	85	45
9.	Bachelor of Engineering Electrical & Electonics	27	59
10.	Master of Business Administration	25	30
11.	Master of Engineering in Microelectronics	20	52
12.	Master of Engineering in Photonics	9	9
13.	Master of Engineering in Telecommunications	10	35
14.	Basics Engineering Course	11	24
	SUB TOTAL	**3,436**	**2,480**
B	**In-House Programs**		
1.	Team Building	2,690	3,462
2.	Business Management	1,017	1,896
3.	Information Technology	940	1,015
4.	Technical	151	28
5.	Quality/Productivity	854	1,030
6.	Language	164	136

7.	Automation & Related Courses	53	65
8.	Manufacturing/Process	142	0
Subtotal		**6,011**	**7,632**
C	**Public Programs**	**1,963**	**1,996**
Total		**11,410**	**12,108**

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk :

(a) Mengekalkan *"competitiveness"* di dalam bidang-bidang industri pembuatan dan perkhidmatan.

(b) Menarik kemasukan pelabur ke negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Bagi mengekalkan *competitiveness* dalam industri pembuatan dan perkhidmatan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, melalui Pelan Induk Perindustrian ke-3 (IMP-3) telah menggariskan tiga (3) spektrum yang merangkumi 10 teras strategik seperti berikut:

(1) Inisiatif Pembangunan

(i) Untuk mempertingkatkan kedudukan Malaysia sebagai negara dagangan utama;

(ii) Bagi menjana pelaburan di dalam sektor-sektor sasaran yang kian berkembang;

(iii) Untuk mengintegrasikan syarikat-syarikat Malaysia di dalam rangkaian perniagaan domestik dan global; dan

(iv) Bagi memastikan pertumbuhan industri menyumbang terhadap pembangunan domestik yang adil.

(2) Mempromosi sektor yang kian berkembang

(i) Untuk mengekalkan sumbangan sektor pembuatan kepada pertumbuhan ekonomi; dan

(ii) Bagi mempergiatkan sektor industri sebagai penjana pertumbuhan ekonomi.

(3) Meningkatkan Suasana Perniagaan

(i) Untuk memudahkan pembangunan dan aplikasi teknologi berasaskan pengetahuan;

(ii) Bagi memperkembangkan modal insan yang kreatif dan inovatif;

(iii) Bagi mengukuhkan peranan sektor swasta dan persatuan dagangan dan industri; dan

(iv) Untuk mewujudkan suasana perniagaan yang berdaya saing melalui sokongan institusi yang berkesan dan sistem serahan kerajaan yang cekap.

Bagi meneruskan aktiviti-aktiviti berkenaan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenal pasti beberapa industri strategik yang berpotensi sebagai pemangkin

pertumbuhan industri iaitu Diod Pemancar Cahaya (LED), bioteknologi, kuasa suria, avionik, peralatan dan peralatan perubatan. Seterusnya, taman-taman teknologi dibangunkan seperti Taman Sains Pulau Pinang*, Penang Science Park* dan Taman Industri Bukit Minyak berupaya menarik minat syarikat berteknologi tinggi untuk memulakan pelaburan di negeri Pulau Pinang. Syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa juga digalakkan untuk memperkembangkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan dan menceburi bidang-bidang berteknologi tinggi lain yang berpotensi.

Penggunaan aplikasi ICT dalam bidang industri pembuatan digalakkan supaya aktiviti perniagaan boleh diperluaskan ke peringkat serantau dan global. Jalinan kerjasama antara institusi penyelidikan kerajaan, institusi pengajian tinggi, pusat kecemerlangan dan institusi teknikal diperkasakan untuk menambah baik sistem pembelajaran berkaitan industri, infrastruktur penyelidikan dan memperkayakan graduan-graduan dengan ilmu-ilmu terkini berkaitan industri. Selain industri pembuatan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam usaha membangunkan dan menggiatkan industri perkhidmatan melalui usaha berikut:

i) Bekerjasama dengan pelbagai pihak kepentingan dan Panel Penasihat Industri Perkhidmatan dalam mengatur strategi pelaksanaan Pelan 10 Teras Pembangunan;

ii) Mengenal pasti bidang-bidang pengkhususan untuk latihan semula dan bekerjasama dengan Panel Penasihat Industri Perkhidmatan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan; dan

iii) Menggembleng tenaga dengan agensi-agensi kerajaan, persatuan-persatuan industri untuk mengenal pasti peluang perniagaan dan pekerjaan.

(b) Bagi menarik kemasukan pelabur ke negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sentiasa:

(i) Berusaha dalam memastikan persekitaran pelaburan kekal kondusif;

(ii) Menambah baik kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian;

(iii) Memperkasakan perkhidmatan pemudah cara sejajar dengan kehendak dan keperluan pelabur-pelabur; dan

(iv) Melalui Pihak Berkuasa Tempatan dan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan menjalankan projek menaik taraf kawasan perindustrian sedia ada di bahagian pulau dan Seberang Perai.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Berapakah kes kecurian, rompak dan ragut yang berlaku di negeri Pulau Pinang dari Januari hingga Jun 2009. Berapakah kes yang telah berjaya dibuat tangkapan. Sila nyatakan mengikut daerah-daerah dan sila maklumkan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk meningkatkan keselamatan penduduk di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. 1. Berdasarkan keseluruhannya, indeks jenayah bagi negeri Pulau Pinang telah menunjukkan penurunan berbanding dengan tahun 2008, di mana bagi bulan Januari sehingga Jun tahun ini (2009), indeks jenayah turun sebanyak 3.4 peratus atau bersamaan dengan 280 kes berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu. Jenayah kekerasan khususnya telah turun sebanyak 8.7 peratus atau bersamaan dengan 96 kes manakala jenayah harta benda turun 2.6 peratus atau bersamaan dengan 184 kes.

Berdasarkan pemerhatian Kerajaan Negeri bermula bulan Januari sehingga Jun 2009 berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2008, kes curi ragut telah menunjukkan penurunan iaitu daripada 567 kes pada tahun 2008 kepada 483 kes pada tahun 2009. Kes samun tanpa senjata api juga mengalami penurunan daripada 222 kes pada tahun 2008 kepada 158 kes pada tahun 2009. Lain-lain kecurian juga turun daripada 1,935 kes pada tahun 2008 kepada 1,547 kes pada tahun 2009.

2. Jumlah kes dan tangkapan bagi tempoh Januari sehingga Jun tahun 2009 mengikut pecahan daerah, bagi tempoh Jan-Jun 2009 adalah seperti dilampirkan.

3. Kerajaan Negeri bersama pihak polis dan agensi-agensi Kerajaan Negeri yang lain telah mengambil beberapa inisiatif dalam memastikan keselamatan dan keselesaan orang ramai terus terjamin, seperti:

(a) Tindakan proaktif diambil bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan NGO-NGO bagi menerangkan dan menghebahkan maklumat dari segi menjaga harta benda dan nyawa. Ini termasuklah mengadakan kempen, ceramah dan penubuhan Rakan Cops untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri.

(b) Mengambil inisiatif mengadakan Program Bandar Selamat (IBS). Dalam program ini, penambahbaikan infrastruktur dan alam sekitar telah dipertingkatkan dengan pemasangan CCTV, lampu-lampu jalan yang mencukupi dan pembinaan Dewan Komuniti. Program ini telah dipertingkatkan sebagai Program Negeri Selamat di mana fokusnya adalah untuk memastikan setiap pelosok negeri Pulau Pinang adalah selamat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Dato' Hajah Jahara bt. Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Penduduk Taman Tun Dr Awang, Bagan Ajam telah memohon kepada Pejabat Perumahan Negeri Pulau Pinang untuk dibaiki Dewan Orang Ramai di bawah Blok E dan dimaklumkan bahawa ianya akan dilaksanakan oleh pejabat berkenaan tahun ini tetapi hingga sekarang tidak dibuat. Sila maklumkan kedudukan permohonan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Dewan Orang Ramai di Taman Tun Dr Awang, Bagan Ajam adalah di bawah pentadbiran Bahagian Perumahan. Perancangan untuk membaiki dewan tersebut telah disediakan, namun peruntukan sedia ada tidak mencukupi untuk pembaikan tersebut. Maka kerja tersebut terpaksa ditangguhkan buat sementara waktu. Kerajaan Negeri tetap prihatin dengan permasalahan tersebut dan tetap akan memperbaikinya setelah peruntukan mencukupi diperolehi.

XXVI) Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan senarai penghuni rumah tetamu Seri Teratai sejak ia mula digunakan sehingga sekarang dan tempoh penghunian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berdasarkan kepada rekod, Rumah Tetamu Pulau Pinang yang kini dikenali sebagai Seri Teratai tidak pernah dihuni sepanjang tempoh oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang sebelum ini. Namun pada tahun 2001 hingga 2004, Seri Teratai pernah dihuni

oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang (T.Y.T) sebagai kediaman sementara beliau kerana kediaman rasmi beliau di Seri Mutiara perlu di naik taraf. Selain daripada itu, ianya digunakan sepenuhnya sebagai Rumah Tetamu Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri lepas yang dimaksudkan adalah seperti berikut:-

	Penghuni		Tempoh
(a)	Wong Pow Nee	-	1960-an
(b)	Tun Lim Chong Eu	-	1971-1983
(c)	Y.A.B. Tan Sri Dr Koh Tsu Koon	-	Tidak Pernah
(d)	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	-	Sejak 21 Jun 2008

Tiga (3) keluarga menghuni di kuarters pekerja dalam kawasan Seri Teratai. Kakitangan yang menduduki kuarters pekerja tersebut adalah seperti berikut :-

(a) Puan Halijah binti Saad
Tarikh Menghuni : 21 Jun 2004 (5 tahun 1 bulan)
Tugas : Penjaga Seri Teratai

(b) Encik Yahya bin Murad
Tarikh Menghuni : Sejak tahun 1989
Tugas : Juruiring Y.A.B. Ketua Menteri (PDRM)

(c) Encik Azmi bin Kechik
Tarikh Menghuni : Sejak tahun 1988
Tugas : Juruiring Y.A.B. Ketua Menteri (PDRM)

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila jelaskan secara terperinci kelayakan tuntutan elaun perpindahan dan elaun rumah Ketua Menteri sekarang dan jumlah yang telah/pernah dibayar oleh Kerajaan Negeri sehingga Jun 2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berdasarkan Seksyen 6(3), Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) 1980, Y.A.B. Ketua Menteri layak untuk menuntut perbelanjaan-perbelanjaan seperti berikut semasa memegang jawatan atau melepaskan jawatan:

(i) Tambang pengangkutan awam dari tempat mastautinnya ke ibu negeri atau dari ibu negeri ke tempat mastautinnya (apabila melepaskan jawatan) bagi diri, keluarga dan orang gaji yang diperlukan;

(ii) Perbelanjaan pengangkutan dan bungkus-membungkus termasuk upah buruh, bayaran stor, insurans dan apa-apa perbelanjaan lain yang perlu ditanggungnya untuk mengemas dan menjaga keselamatan barang-barangnya layak dituntut atas kadar sebenar;

(iii) Layak menuntut atas kadar sebenar tambang pengangkutan kerana membawa kenderaan kepunyaannya sendiri dari tempat mastautinnya ke ibu negeri apabila mula dilantik atau dari ibu negeri ke tempat mastautinnya apabila melepaskan jawatan; dan

(iv) Layak menuntut Perbelanjaan Makan dan Sewa Hotel atas kadar sebenar bagi dirinya, keluarga dan orang gajinya sebelum berlepas ke ibu negeri dan sebaliknya apabila melepaskan jawatan, dengan syarat bagi tempoh menginap di hotel, Elaun Rumah tidak dibayar.

Sehingga 30 Jun 2009, Y.A.B. Ketua Menteri tidak pernah membuat sebarang tuntutan perbelanjaan perpindahan sejak memegang jawatan Ketua Menteri.

Berdasarkan Enakmen yang sama, Y.A.B. Ketua Menteri diperuntukkan Elaun Rumah sebanyak RM4,000.00 sebulan jika tidak disediakan rumah kerajaan. Kerajaan Negeri telah membayar Elaun Rumah sebanyak RM13,599.99 mulai 10 Mac 2008 sehingga 20 Jun 2008. Mulai 21 Jun 2008 sehingga 30 Jun 2009, Y.A.B. Ketua Menteri tidak dibayar Elaun Rumah kerana beliau menduduki kediaman rasmi Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah kelayakan sebenar Y.B. Timbalan Ketua Menteri I dari segi akademik dan apakah gelaran Profesor kepada Y.B. Timbalan Ketua Menteri II terpakai secara rasmi dalam semua urusan Pentadbiran Kerajaan Negeri

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Y.B. Tuan Mansor bin Othman, Timbalan Ketua Menteri I mendapat pendidikan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dan Sarjana Sains Sosial daripada Universiti Sains Malaysia dan Sarjana Sastera dan Sarjana Falsafah (M.Phil) daripada Universiti Yale, United Kingdom.

Jawapan kepada bahagian dua, Ya, gelaran "Profesor" adalah terpakai secara rasmi kepada Y.B. Timbalan Ketua Menteri II dalam semua urusan pentadbiran Kerajaan Negeri. Kelayakan Akademik Y.B. TKM II ialah BA Universiti Indiana (1972), MA McGill University Canada (1980) dan PHD Universiti Malaya (1991).

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap isu pencemaran najis babi di Sungai Krek, Tasek Gelugor setelah Jabatan Mufti memberi pandangan bahawa keadaan pencemaran tersebut mendatangkan masalah dari segi syarak kepada petani beragama Islam di kawasan berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Berkaitan pencemaran najis babi di Sungai Krek, Tasek Gelugor, Jabatan Mufti Pulau Pinang sentiasa memantau perkembangan yang telah diambil pihak-pihak berkaitan terutama Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Jabatan ini turut menganggotai Jawatankuasa Kecil yang telah diwujudkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi mencari penyelesaian masalah tersebut dan akan memberi pandangan berkaitan perkembangan dan tindakan yang diambil dari semasa ke semasa.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah banjir yang didalami oleh penduduk di tepi Sungai Krek, Kg. Pokok Machang, Tasek Gelugor.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri memang prihatin untuk mengatasi banjir yang dialami oleh penduduk di tepi Sungai Krek dan Kampung Pokok Machang di Tasek Gelugor. Kini, Kerajaan Negeri melalui JPS telah melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Bertam Kepala

Batas bagi Sungai Krek dan Kampung Pokok Machang melalui projek-projek mengorek dan mendalam sungai serta pembinaan rumah pam supaya aliran banjir *(flood flow)* ini dapat mengalir dengan sempurna dan terkawal. Projek RTB Bertam Kepala Batas yang turut melibatkan pembinaan ban, pembesaran dan mendalam Sungai Krek, dijangka siap sepenuhnya pada awal 2010.

Bagi RTB Tasek Gelugor, kerja-kerja pengorekan dan mendalamkan sungai akan dilaksanakan dalam RMKe-10. Dengan pelaksanaan kerja-kerja ini, masalah yang menimpa penduduk di Kampung Sungai Krek, Kampung Pokok Machang dan Tasek Gelugor akan dapat diselesaikan.

Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang.

Y.B. Dato' Speaker:

Dewan bersidang semula.

Setiausaha:

Soalan bertulis

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, jawapan kepada soalan-soalan bertulis akan dibentangkan atas meja ahli-ahli yang bertanya pada petang ini dan akan dimasukkan dalam penyata rasmi.

Setiausaha:

5. Rang Undang-undang Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang 2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama satu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang mengadakan peruntukan berhubungan dengan pengurusan, pengendalian, pengawalan dan penyelenggaraan kereta api Bukit Bendera dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang pertama.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Rang Undang-undang bernama suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang adakan peruntukan berhubungan dengan pengurusan, pengendalian, pengawalan dan penyelenggaraan perkhidmatan kereta api Bukit Bendera dan bagi perkara-perkara berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang pertama.

Y.B. Dato' Speaker:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, mengikut peraturan Majlis Mesyuarat 59, saya mencadangkan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini diteruskan dengan serta-merta.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Enakmen Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang 2009 bacaan kali yang kedua.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini yang bernama suatu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang 2009 dibacakan kali kedua. Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memberi kuasa kepada Perbadanan Bukit Bendera untuk membuat kontrak memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta-harta tidak alih dan memindahkan dan penyerahhakan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai janjikan, mendemiskan, menyerah hak semula, memindahkan hak milik atau selainnya, melupuskan atau membuat apa-apa urusan dengan apa-apa harta alih atau harta tidak alih atau apa-apa kepentingan yang terletak hak kepada perbadanan dan adalah perlu bahawa Enakmen ini demi mengadakan peruntukan berhubungan pengendalian, pengurusan, pengawalan dan penyelenggaraan perkhidmatan kereta api Bukit Bendera dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua. Tertakluk kepada Seksyen 4 (1) Enakmen ini, Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan di dalam warta, menetapkan suatu tarikh meletak hak dan pada tarikh itu segala hak dan harta serta liabiliti Kerajaan Negeri yang berkaitan dengan kereta api Bukit Bendera Pulau Pinang yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam perintah itu hendaklah menurut kuasa Enakmen ini berpindah kepada letak hak kepada perbadanan tanpa apa-apa pemindahhakkan, penyerahhakan atau pemindahan hak milik. Selaras dengan pendekatan Kerajaan Negeri yang berjiwa rakyat dan berteraskan 3P iaitu:

- Perkasakan Rakyat
- Perkuasakan Rakyat
- Perkayakan Rakyat

Perbadanan Bukit Bendera akan memainkan peranannya untuk membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi pelancongan bertaraf antarabangsa dengan matlamat menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri maju dengan rakyatnya berpendapatan tinggi.

Secara ringkasnya, Kerajaan Negeri ingin memperkasakan rakyat dengan ilmu pengetahuan dan kepakaran kerana Pembangunan Modal Insan Manusia adalah satu batu asas kemakmuran ekonomi. Kerajaan mahu memperkasakan rakyat dengan hak dan kebebasan agar dapat menikmati hak politik yang sama rata, peluang ekonomi yang saksama dan keadilan sosioekonomi. Sebagai kerajaan yang bersifat penyayang adalah perlu untuk memperkayakan rakyat supaya hasil ekonomi dapat dinikmati bersama. Dalam melaksanakan peranannya, Perbadanan Bukit Bendera akan meneruskan penghayatan dan amalan sistem penyampaian perkhidmatan berpandukan

kepada urus tadbir CAT, cekap, *accountable* dan telus. Bagi memastikan Perbadanan Bukit Bendera menjadi sebuah organisasi yang cemerlang, maka, sudah pasti prinsip 5K yang menjadi panduan kepada kerajaan berjiwa rakyat iaitu:-

- Keadilan
- Kebebasan
- Kebenaran
- Kebajikan untuk rakyat, dan
- Ketakwaan kepada tuhan

Akan menjadi platform yang akan memperkukuhkan pelaksanaan program dan aktiviti yang dirancangkan kelak. Dengan kuasa yang diperoleh melalui Enakmen ini di bawah Seksyen 20, perbadanan akan melakukan segala yang perlu atau suai manfaat atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya seperti berikut:-

A. Memastikan bahawa Enakmen ini ditadbirkan, dikuatkuasakan, diberi kuat kuasa, dijalankan dan dipatuhi.

B. Mencadangkan pembentukan dasar dan menasihati Pihak Berkuasa Negeri bagi apa-apa perkara yang berhubung dengan kemajuan, pembangunan dan pemuliharaan di kawasan perbadanan.

C. Mengurus, mengendali, mengawal tadbir negara perkhidmatan kereta api Bukit Bendera.

D. Memajukan, menggalakkan, memudahkan dan mengusahakan pembangunan ekonomi, sosial, infrastruktur di kawasan perbadanan.

E. Memajukan, membangunkan dan menggalakkan kawasan perbadanan sebagai destinasi pelancongan.

F. Mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang disebutkan dalam perenggan C, D dan E di kawasan perbadanan.

G. Menasihatkan Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan aktiviti di kawasan perbadanan.

H. Menjalankan penyelidikan atau apa-apa aktiviti yang berhubung dengannya dalam memajukan dan membangunkan dalam kawasan perbadanan.

I. Menjalankan apa-apa aktiviti lain dan melakukan apa-apa perkara yang perlu atau bermanfaat dan patut bagi pentadbiran perbadanan atau apa-apa maksud lain yang selaras dengan Enakmen ini.

Bagi melaksanakan fungsinya secara berkesan, Perbadanan Bukit Bendera diberikan juga kuasa untuk:-

(a) Mengenakan *fee* atau caj bagi apa-apa perkhidmatan yang perlu bagi perbadanan sebagaimana yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Seksyen 36 Enakmen ini, iaitu berkaitan pengurusan kumpulan wang perbadanan.

(b) Menggunakan segala harta perbadanan yang alih dan tak alih mengikut apa-apa cara yang didapati suai manfaat oleh perbadanan.

(c) Melantik agen, pakar atau perunding yang didapatinya patut untuk membantu perbadanan dalam menjalankan fungsi-fungsinya.

(d) Menjalankan segala aktiviti khususnya aktiviti berhubungan dengan pelancongan yang didapati oleh perbadanan adalah perlu, berfaedah atau sesuai bagi atau berkaitan dengan pelaksanaan fungsi-fungsinya.

(e) Bekerjasama dengan mana-mana pertubuhan perbadanan atau agensi kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsi perbadanan.

(f) Memberikan pinjaman kepada pekerja perbadanan bagi apa-apa maksud yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(g) Melakukan apa-apa juga yang bersampingan dengan mana-mana fungsi dan kuasanya.

Y.B. Dato' Speaker, keputusan Kerajaan Negeri memperbadankan Bukit Bendera dan dengan penggubalan Enakmen Perbadanan Bukit Bendera 2009, maka, ordinan, *Penang Hill 1950* tidak lagi terpakai untuk perkhidmatan kereta api Bukit Bendera kerana ordinan tersebut adalah dimansuhkan. Seksyen 53 (1) dan 53 (2) Enakmen ini memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan yang dilakukan atau tindakan yang diambil sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa hendaklah disifatkan telah dilakukan atau diambil di bawah Enakmen ini dan oleh itu bolehlah diteruskan. Dan apa-apa perintah yang dibuat di bawah *Ordinan's Penang Hill Railway 1950*, dan berkuat kuasa sebelum Enakmen ini mula berkuat kuasa hendaklah apabila Enakmen ini mula berkuat kuasa terus berkuat kuasa sepenuhnya dan boleh dibatalkan atau dipinda mengikut Enakmen ini.

Di samping itu Y.B. Dato' Speaker, berkaitan dengan kedudukan dan kepentingan pekerja-pekerja sedia ada di perkhidmatan kereta api Bukit Bendera, jaminan mengenai gaji, terma dan syarat perkhidmatan telah pun di ambil kira. Di bawah Seksyen 25 (1) dan 25 (2) serta 25 (3), Enakmen ini kepentingan pekerja-pekerja sedia ada akan terus di beri perhatian iaitu tahun akan diberikan kepada pekerja untuk membuat pilihan bekerja dengan perbadanan dengan tawaran gaji tidak kurang dengan terma dan syarat perkhidmatan yang kepadanya dia berhak sebelum tarikh yang ditetapkan. Bagi pekerja yang tidak memilih untuk berkhidmat dengan perbadanan, mereka akan dibersarakan atas sebab pemansuhan jawatan di bawah Seksyen 10 (5) (d), Akta Pencen 1957. Beberapa siri penerangan akan diadakan kepada semua pekerja sebaik saja Enakmen Perbadanan Bukit Bendera diluluskan dan surat tawaran opsyen kepada pegawai akan dikeluarkan.

Berasaskan kepada Rancangan Tempatan Bukit Bendera keluasan kawasan Bukit Bendera ialah 4,604.14 hektar terdiri daripada kawasan hutan lipur, tanah milik persendirian, kawasan kuarters kerajaan, *trade hotel* dan kawasan pembangunan yang lainnya walau bagaimanapun bagi tujuan pemakaian Enakmen ini kawasan Perbadanan Bukit Bendera akan ditentukan persempadanannya dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam warta sebagaimana yang diperuntukkan

di bawah Seksyen 6 (1) Enakmen ini. Kawasan Perbadanan Bukit Bendera akan dibangunkan oleh Perbadanan sebagai salah satu sumber kewangannya supaya menjadi *self financing* di masa hadapan, walau bagaimanapun kerja-kerja pemajuan dan pembangunan Bukit Bendera perlu dibuat secara berhati-hati bagi memastikan keunikan alam sekitarnya terus dipelihara terutamanya dari segi penukaran ekosistem pemeliharaan dan pengekalan kawasan hutan lipur yang tertakluk kepada Akta Perhutanan Negara 1984 dan juga kepentingan Bukit Bendera sebagai kawasan tadahan bekalan air sesungguhnya pembangunan Bukit Bendera akan terus dirancang secara lestari dengan berpandukan kepada Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang bahkan bagi tujuan selangkah ke hadapan pembangunan mengikut konsep *green state*

diberikan keutamaan. Justeru pendekatan pembangunan berteraskan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan akan terus menjadi asas pendekatan serampang dua mata Kerajaan Negeri bagi memastikan flora dan fauna, landskap dan reka bentuk struktur bangunan di kawasan Bukit Bendera dikekalkan. Ianya sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memperkukuhkan dan memperkayakan khazanah alam semula jadi untuk menjadi limpahan pelancong pada setiap tahun yang sememangnya tertarik dengan keunikan negeri Pulau Pinang. Sejajar dengan gagasan untuk membangunkan Bukit Bendera secara realistik dan lestari maka pelaksanaan projek menaik taraf kereta api Bukit Bendera yang melibatkan kos yang berjumlah RM60 juta pada masa kini sedang di peringkat perancangan akhir oleh Kerajaan Pusat akan memberikan kemudahan yang lebih besar kapasiti dari segi pengangkutan pelancong yang memenuhi juga keperluan domestik.

Oleh itu penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah sangat bertepatan masanya bagi memastikan bukan sahaja perkhidmatan kereta api diurus dengan cekap dan lebih teratur tetapi perkara-perkara lain yang bersangkutan pembangunan Bukit Bendera terutamanya dalam mempromosi dan menyediakan Bukit Bendera sebagai kawasan pelancong bertaraf dunia akan tercapai di dalam masa terdekat. Penubuhan Perbadanan Bukit Bendera ini akan dapat merealisasikan hasrat dan cita-cita Kerajaan Negeri untuk meletakkan Pulau Pinang sentiasa ke hadapan dengan hasrat murni untuk menjadi mutiara yang terpancar sekarang terus bergemerlapan di masa hadapan dan usaha menyediakan satu perkhidmatan dan satu penyampaian demi kebaikan dan faedah semua *stakeholder*s dan pelanggan. Dengan kata lain penubuhan Perbadanan Bukit Bendera dan projek menaiktarafkan kereta api Bukit Bendera sebanyak RM60 juta oleh Kerajaan Pusat akan menjadi pemangkin dan penggerak Bukit Bendera sebagai destinasi pelancongan terpilih di peringkat antarabangsa. Y.B. Dato' Speaker saya memohon mencadangkan.

Y.B. Timbalan Ketua Menteri I:

Y.B. Dato' Speaker, saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli yang berhormat, kita berada dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Perbadanan Bukit Bendera 2009. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dulu, Pulau Betong silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid bin Saad):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya nampak Y.A.B Ketua Menteri kita dan Yang Berhormat pakai baju sedondon dengan tali leher cantik dari segi nampak. Y.B. Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sama membahaskan Rang Undang-undang Enakmen Perbadanan Bukit Bendera 2009. Pertamanya, saya ingin mengucap tahniah kepada Penanti kerana akhirnya sampai ke dewan yang mulia ini dan terus dilantik menjadi Timbalan Ketua Menteri 1.

Kedua, Y.B. Dato' Speaker sebagai kawan dan sahabat kepada mantan wakil rakyat PAS yang tunggal dalam Dewan ini, saya cukup sedih kerana Tuan Y.B. Dato' Speaker dan Dewan yang mulia ini tidak langsung dan berusaha untuk merekodkan sumbangan yang banyak yang telah Allahyarham sumbangkan kepada negeri ini. Saya mewakili semua rakan-rakan dari UMNO dalam Dewan ini dengan ini merakamkan dan merekodkan jutaan terima kasih, tahniah dan syabas kepada Allahyarham dan kepada ahli-ahli keluarga Allahyarham kami dari UMNO amat menghargai sumbangan beliau dan mendoakan agar beliau akan dimasukkan ke dalam syurga dengan penuh kerahmatan Allah S.W.T.

Yang Berhormat Dato Speaker, dalam akhbar *THE STAR* pagi ini muka surat 12 di sebut, *Penang Made Off National Day Gathering* atas alasan *Influenza H1N1*, tetapi dalam Dewan negeri hari ini dengan menghimpun kesemua Ahli Dewan dan ketua jabatan tidak langsung ditapis, kesan kemungkinan ada pembawa HIV dalam Dewan ini.....(ketawa) maaf H1N1.....(ketawa) H1N1. Tidak ada langkah pencegahan langsung setelah 26 kes kematian seluruh negara, negeri Pulau Pinang tidak langsung menunjukkan contoh pencegahan yang baik untuk menangani virus H1N1.

Yang Berhormat Dato Speaker, pada tahun 1990 lebih kurang mantan Ketua Menteri Tun Dr. Lim Chong Eu telah memeterai persefahaman dengan Berjaya Group untuk membangunkan Bukit Bendera. Perjanjian persefahaman ini mendapat reaksi pelbagai pihak dalam negeri ini. Rakyat protes, rakyat marah, NGO mempersoalkan negeri parti politik dalam kempen pilihan raya Tanjung Dua, tak salah saya berkempen habis-habisan mengenai isu ini sebahagian dalam kempen mereka akhirnya mantan Ketua Menteri kalah dalam pilihan raya dan Tan Sri Koh Tsu Koon dilantik sebagai Ketua Menteri yang baru. Beliau dengan segera dengan membatalkan perjanjian persefahaman itu, maka terselamatlah Bukit Bendera dan kekal sehingga ke hari ini untuk memastikan Bukit Bendera bersejarah ini dijaga dan tidak diganggu oleh aktiviti yang tidak baik merosakkan, maka Kerajaan Negeri telah mengadakan *local plan* atau pelan tempatan untuk Bukit Bendera di samping itu, dikekalkan juga status hutan simpanan kawasan tadahan dan *reserve* bukit. Semua ini telah mengekang Bukit Bendera daripada diterokai oleh pemaju-pemaju yang gelojoh. Kini sebuah parti yang dulunya menentang keras pembangunan Bukit Bendera pula yang mahu membangunkan kawasan Bukit Bendera ini dengan bertopengkan Perbadanan. Dewan yang mulia pada hari ini mahu diminta untuk meluluskan undang-undang yang membenarkan Bukit Bendera dimajukan mengikut nafsu. Dewan yang mulia ini harus menentang Rang Undang-undang atas sebab-sebab berikut:-

1) Kerajaan Negeri boleh dengan sesuka hati pada bila-bila masa menentukan kawasan-kawasan yang hendak dimasukkan dan dikeluarkan dalam kawasan Perbadanan Bukit Bendera dengan cara pemberitahuan warta sahaja. Fasa 6, Fasa 1, muka surat 36. Ini adalah satu fasa yang tidak adil, tidak waras, tidak berwawasan, tidak berhemah dan tidak berperancangan kecuali ada udang di sebalik batu, tidak ada serampang banyak mata. Mana boleh Dewan yang mulia ini yang mewakili rakyat seluruh Pulau Pinang ini membenarkan undang-undang yang tidak bersempadan ini.

2) Dewan yang mulia ini tidak boleh meneruskan Rang Undang-undang ini sebelum menentukan kesan kewangan kepada Kerajaan Negeri dan tidak mahu wang simpanan Kerajaan Negeri yang bernilai lebih kurang RM450 juta yang telah dikumpulkan sejak tahun 1990 yang telah dibelanjakan digunakan sesuka hati. Saya menggesa kepada Dewan yang mulia ini untuk mengarahkan Ketua Menteri untuk membentangkan terlebih dahulu kaedah perancangan perbelanjaan kewangan pada sesi Dewan yang akan datang terlebih dahulu

sebelum membentangkan semula Rang Undang-undang ini. Perancangan kewangan harus berhati-hati dengan mengambil kira jumlah pendapatan sekarang contohnya adakah dengan pendapatan RM2 juta hasil daripada kutipan Bukit Bendera ini mencukupi untuk membiayai perbadanan ini. Sekarang ini pun jumlah pendapatan yang ada hanya memadai sahaja. Apakah tambang kereta api Bukit Bendera akan dinaikkan bagi membiayai perbadanan ini. Jika ianya dinaikkan, ianya akan menyusahkan rakyat.

3) Kerajaan Negeri harus mendapatkan dulu pandangan dan pendapat serta cadangan daripada rakyat Pulau Pinang terlebih dahulu, lebih-lebih lagi mereka yang tinggal di atas dan di lereng serta di persekitaran kaki Bukit Bendera.

4) Kerajaan Negeri harus mendapatkan terlebih dahulu pandangan daripada Badan-badan NGO, semua Badan-badan NGO yang mempunyai kepentingan dan memperhatikan dan mempertahankan ekologi, konservasi, warisan dan persekitaran dan harus dijemput untuk memberi pandangan.

5) Kita hanya ada satu Bukit Bendera sahaja, bukit yang cukup bersejarah dan terkenal di seluruh dunia, terdapat rumah-rumah yang banyak di lereng bukit dan di kaki-kaki Bukit Bendera. Apa akan jadi jika sekiranya tanah runtuh yang menimpa rumah mereka dan kehilangan nyawa, apa jadi jika berlaku banjir lumpur jika sekiranya hujan lebat berlaku.

Bersihkah Kerajaan Negeri untuk membayar ganti rugi dan pampasan kepada mereka jika kecelakaan disebabkan oleh pembangunan yang dibangunkan oleh perbadanan ini. Tidak sedarkah dan tidak nampak negeri bahawa Bukit Bendera ini kebanyakannya mempunyai kecerunan yang tinggi apa yang terjadi kepada kawasan tadahan air yang membekal pengairan dan tanaman dan tumbuhan di bukit itu. Adakah bekalan oksigen yang dihasilkan oleh saki baki pokok dapat menyumbang jumlah karbon dioksida yang terhasil daripada asap dan sebagainya. Akan dapatkah penduduk Tanjung ini menghirup persekitaran bersih dan nyaman di kawasan riadah di kaki-kaki bukit yang mereka nikmati selama ini.

Dalam Al Quran, Allah menyebut bahawa sesungguhnya kami menyediakan bukit dan gunung ganang sebagai pasak bumi sebagai penahan agar tanah tidak berjalan bersama kamu dan tanah runtuh. Oleh itu, janganlah kita menambahkan kerosakan di atas muka bumi ini. Firman Allah lagi berlaku kerosakan di atas muka bumi ini adalah akibat daripada perbuatan manusia. Oleh yang demikian, Y.A.B Lim Guan Eng yang menjadikan Umar al-Khattab Abdul Aziz sebagai contoh pentadbiran ingatlah semua....(gangguan)...oleh Y.A.B Ketua Menteri kawasan air putih yang saya hormati yang menjadikan pentadbiran Umar sebagai contoh ingatlah semua sebagai rosak binasa.

6. Saya menyeru pada Dewan yang mulia ini, Bukit Bendera satu amanah yang kita pegang untuk generasi yang akan datang, kalau kita tersalah membuat keputusan yang akan menanggung sengsara adalah anak-anak kita yang masih kecil. Mahu tak otak kita dicaci akan kebodohan kita membuat keputusan.

7. Saya tidak bersetuju dengan Rang Undang-undang ini dan menentang perbadanan ini dibangunkan dengan menyerahkan hak bulat-bulat kepada pihak penguasa negeri dan perbadanan tanpa mengambil kira pendapat anak negeri terlebih dahulu. Kalau ini adalah Kerajaan Negeri yang dipanggil Pakatan Rakyat mahu membangunkan usul ini dibenarkan sama sekali. Jika kerajaan ini adalah

Kerajaan Negeri Pulau Pinang, milik rakyat Pulau Pinang maka Ahli-ahli Yang Berhormat akan menentang usul ini sebelum dibawa ke pengetahuan dan pandangan masyarakat kerana kerajaan dan rakyat. Maka rakyat akan didahulukan, pencapaian diutamakan. Sekian.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seri Delima.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih diucapkan kepada Y.B. Dato' Speaker. Sebelum memulakan perbahasan saya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Y.B. Dato' Speaker kerana telah dianugerahkan Darjah Kebesaran dengan gelaran Dato' pada masa yang sama ingin menjemput kembali ke Dewan Y.B. dari Datok Keramat...(gangguan), kerana kita amat memerlukan dia pada masa perbahasan.

Y.B. Dato' Speaker, pada hari ini saya ingin berbahas tentang Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Ketua Menteri di mana saya ingin menyokong Rang Undang-undang ini dan pada masa yang sama membangkitkan hal berkenaan apa peruntukan-peruntukan yang telah dicadangkan dalam Rang Undang-undang tersebut tetapi sebelum saya memulakan perbahasan saya amat tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Y.B. Pulau Betong di mana beliau menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini adalah Rang Undang-undang yang tidak perlu disokong malahan beliau berkata bahawa pembangunan ini cuma hanya mempunyai agenda nafsu dan mempunyai menunjukkan kegelojohan kerajaan dan sebagainya. Adakah beliau telah terlupa tentang apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional memerintah Pulau Pinang sebelum ini. Kalau kita bercakap tentang kelakuan gelojoh dan nafsu insiden di Kampung Buah Pala dengan jelas sekali menunjukkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah sekali gus merompak penduduk-penduduk di kawasan itu kampung halaman mereka, pandanglah sikit sejarah jangan pandai-pandai berbahas kegelojohan dan nafsu yang ditunjukkan oleh sejarah oleh Kerajaan Barisan Nasional termasuk pemimpin-pemimpin...(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Bolehkah kita berbincang perkara-perkara lain selain dari kita bincang Rang Undang-undang Perbadanan Bukit Bendera.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, saya bukan bercakap tentang HIV tadi, ini ada kena mengena...(gangguan), saya berbahas respons kepada penghujahan. Ada kena mengena, saya berbahas Y.B. Dato' Speaker memberi penjelasan dalam respons saya kepada Pulau Betong tadi.

Y.B. Dato' Speaker:

Biar saya ulas, biar saya ulas sikit. Pulau Betong tadi mulakan dengan perkara yang sama isu-isu H1N1 saya bagi fleksibiliti kalau saya nak tegur ada banyak. Dalam Dewan ini, bila kita bercakap satu dua ayat dia kena *fullstop* kerana patah perkataan yang dikeluarkan oleh Ahli Dewan tidak ada hormat pada Dewan ini. Saya nak tegaskan di sini, saya tidak akan tolak ansur lepas ni saya telah berlaku adil sebaik mungkin kerajaan ataupun pembangkang tetapi saya bagi lagi fleksibiliti tapi ada keluarkan perkataan Y.B. Pulau Betong perkataan tidak waras, mengikut nafsu, kebodohan, ada

tadi dikeluarkan jadi Yang Berhormat yang lain akan ikut, Seri Delima pun akan dan kita tidak akan habis tidak akan selesai benda ini. Jadi rujuk balik kepada tajuk mungkin mukadimah buka satu dua mungkin kita boleh tolak ansur, tetapi jangan panjang terus kepada tajuk perbahasan yang kita bincangkan. Sambung.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya rasa Ahli-ahli Pembangkang ini senang lupa bayangkan peristiwa yang baru berlaku 5, 10 minit, mereka lupa apa yang dibahaskan ahli-ahli mereka tentunya perkara yang berlaku lima hingga enam tahun dan kejadian-kejadian yang mereka sendiri terlibat insiden-insiden merompak tanah dan sebagainya...(gangguan).

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Yang berlaku tadi atas soalan daripada Dewan Buah Pala maka dibahaskan tentang Buah Pala tetapi sekarang ini unsur tentang warta kerajaan jadi kita bahas pasal ini saja. Orang takut ini saja yang saya maksudkan.

Y.B. Dato' Speaker:

Seri Delima sila teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya akan jelaskan mengkaji peruntukan-peruntukan yang spesifik tapi benarkan saya respons dalam perbahasan tujuan perbahasan adalah kita untuk respons apa yang telah di bahas Y.B. Pulau Betong itu menunjukkan seolah-seolah Rang Undang-undang ini tidak mempunyai motif ataupun tidak mempunyai inisiatif yang suci dan ikhlas dan saya ingin menunjukkan bahawa sebenarnya semua perkara-perkara yang telah dinyatakan oleh Y.B. daripada Pulau Betong menunjukkan bahawa beliau langsung tidak membaca Rang Undang-undang ini sebelum membuat perbahasan ...(dengan izin).

Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin memetik sepatah dua kata yang telah saya juga terdengar tadi bila perkara ini dibahaskan Y.B. Pulau Betong, beliau menggunakan istilah kecelakaan daripada pembangunan perkara ini saya rasa sememangnya tercatat dalam hansard. Kalau kita banyak bercakap tentang kecelakaan banyak boleh kita merujuk berbalik Rang Undang-undang ini, saya ingin menyatakan Rang Undang-undang ni mengelak insiden-insiden kecelakaan berlaku umpamanya di kawasan saya sendiri seperti nasib yang dialami nelayan-nelayan Sungai Gelugor ini merupakan satu kesimpulan yang jelas sekali sekumpulan nelayan di Kampung Sungai Gelugor semuanya orang-orang Melayu telah pun dipinggirkan disebabkan oleh pembangunan dan kelulusan projek *the light* pembinaan pangsapuri mewah oleh kerajaan dahulu. Kita ada di sini EXCO-EXCO projek tersebut dan EXCO-EXCO meluluskan pembinaan projek tersebut tanpa menghiraukan penempatan nelayan–nelayan. Marilah kita pandang semula apa yang dilakukan Kerajaan Barisan Nasional ini adalah satu kesimpulan yang begitu jelas di sini pada masa sekarang nelayan-nelayan itu menghadapi masalah untuk meninggalkan kampung mereka turun ke laut disebabkan oleh pembangunan dan mereka disebabkan oleh kerajaan dahulu satu skim untuk penempatan semula mujurlah dengan kerajaan baru sekarang kita telah mengadakan beberapa sesi perbincangan di mana kita dapat menyelesaikan masalah mereka walaupun tidak ada satu...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B Dato' Speaker, saya minta supaya kita jangan buang masa kita pi cerita pasal nelayan buat apa? Hari ni kita bincang mengenai Perbadanan Bukit Bendera. Buang masa saja kami dengar.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Biarlah saya *responds* dulu. Ini adalah *responds.*

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Sungai Dua, beri peluang.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Ini adalah *respons*, saya *respons* kepada tuduhan-tuduhan yang nak sebagainya. Y.B. Dato' Speaker, kita berbalik kepada Rang Undang-undang yang telah dicadangkan. Pertamanya, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada Peruntukan 8, *the corporation shall consist of the following members*...(dengan izin).

(a) A *Chairman appointed be the state authority*

(b) *four ex-official members who shall be the person holding the official of the State Secretary, the State Financial Officer, the State Public Works Director and the State Forestry Director;* dan

(c) *Three members reprehensive the failure government appointed of the minister.*

(d) *Six members appointed by the State Authority; and*

(e) The General Manager.

Saya cuma ingin menyatakan pandangan peribadi saya bahawa saya amat khuatir tentang pelantikan 3 wakil daripada kerajaan persekutuan kerana kita lihat sejak kebelakangan ini kerajaan persekutuan memang tidak memberi sebarang bantuan kepada Kerajaan Negeri. Apa-apa nilai suci dan murni projek-projek yang cuba dilaksanakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang selalunya cuba disabotaj ...(dengan izin), oleh Kerajaan Persekutuan. Kesimpulan, baru-baru ini di Kampung Puah Pala, kesimpulan saya bila Kerajaan Negeri Pulau Pinang mencadangkan satu penyelesaian di mana penduduk-penduduk di kawasan itu boleh diberikan rumah yang nilainya lebih kurang setengah juta kita lihat ada saja parti-parti komponen Barisan Nasional yang masuk ke kawasan itu kacau daun. Kata mereka nak beli balik tanah itu la, nak bagi RM3.4 juta dan nak bagi duit bina tanah itu la, beli balik tanah itu la dan kita rasa. Saya rasa dengan hormat Y.B. Dato' Speaker, bahawa kita sebenarnya mungkin menghadapi masalah kalau kita melantik wakil-wakil daripada Kerajaan Persekutuan untuk menjadi ahli-ahli dalam koperasi ini kerana mereka tidak mempunyai sikap untuk membantu bersama untuk tujuan meningkatkan taraf hidup ataupun memastikan bahawa koperasi ini berjaya dalam perbadanannya. Malahan kita lihat satu insiden di Kampung Sungai Gelugor baru-baru ini apabila saya ingin memberi bantuan kepada lebih kurang 50 keluarga miskin yang semuanya terdiri daripada orang Melayu, di mana saya telah memberi sumbangan kewangan dan juga bantuan tempat di mana majlis itu dijadualkan untuk diadakan. Di mana telah didirikan makanan, meja-meja telah diletakkan,

persediaan telah dibuat, di sesebuah tempat permainan badminton, tiba-tiba saya difahamkan tempat itu telah dikunci, semua penduduk-penduduk di kampung tersebut terpaksa tunggu di luar, dan bila ditanya kepada Tuan D.O., penghulu di situ, saya difahamkan bahawa pemimpin-pemimpin UMNO di kawasan Sungai Gelugor tidak puas hati dengan majlis yang diadakan. Sengaja ingin menyusahkan penganjur iaitu saya dan tidak mahu penduduk-penduduk di kawasan itu menerima bantuan-bantuan yang ingin

dihulurkan oleh saya. Saya menyatakan perkara ini di Dewan. Inilah sikap, sikap Barisan Nasional, tidak kiralah UMNO, MCA, MIC, GERAKAN atau mana-mana parti komponen sengaja ingin membantutkan apa-apa bantuan kewangan, ataupun bantuan atau lain-lain yang ingin dihulurkan oleh kerajaan. Jadi pada hari tersebut saya telah mengugut untuk membuat laporan Polis di atas Pengerusi UMNO di kawasan Sungai Gelugor dan bila dipanggil oleh Balai Polis Jelutong mereka telah menghantar anggota ke situ dan dengan kehadiran beberapa anggota-anggota polis Cawangan Khas, kita berjaya meminta mereka membuka semula tempat tersebut supaya majlis tersebut diadakan. Namun demikian, semasa .....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi bin Haji Yahaya):

Pohon penjelasan Y.B. Seri Delima. Saya ingat Yang Berhormat lupa kut, sejarah itu pendek baru sahaja berlaku di Balik Pulau, kawan Yang Berhormat di Balik Pulau tutup TADIKA Kemas, budak-budak terpaksa belajar di bawah pokok, jadi ini bukan perkara baru, sudah biasa berlaku oleh kawan-kawan Yang Berhormat jugalah.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Saya kurang pasti sama ada kejadian itu berlaku atau tidak. Mungkin ini adalah propaganda oleh Barisan Nasional...(tepuk meja, ketawa). Tetapi kejadian yang berlaku ini adalah kejadian yang benar yang berlaku di kawasan Sungai Gelugor dan ini adalah disebabkan oleh perkara-perkara ini yang saya menyatakan kerisauan dalam peruntukan Seksyen 8 di mana kita ingin menjemput tiga (3) daripada wakil Kerajaan Persekutuan untuk menjadi ahli dalam Perbadanan. Walaupun saya juga pada masa yang sama saya juga mempersoalkan ketelusan mereka kerana kita mendapati bahawa semua perbadanan-perbadanan yang telah ditubuhkan di bawah Kerajaan Barisan Nasional hampir muflis. Memang kalau kita bercakap tentang perbadanan-perbadanan baru-baru ini walaupun perkara ini telah banyak kali dibangkitkan kita boleh lihat di Selangor di mana satu persatuan isteri-isteri kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di bawah pimpinan Khir Toyo pada masa itu telah membelanjakan sejumlah wang ini hanya contoh di mana wang tersebut telah dibelanjakan di Disneyland dan sebagainya.

Sebagai perbezaan di sini, Y.B. Dato' Speaker saya amat tertarik dengan Rang Undang-undang ini kerana ia mempunyai *safe guard*. Marilah kita melihat kepada *safe guard* tersebut dan kita menjemput Ahli-ahli Pembangkang baca Rang Undang-undang ini sebelum berbahas. Umpamanya kita lihat peruntukan di bawah Seksyen 41 di bawah *Investigation Account. The State Authority may at any time direct such person as he may appoint of the books, accounts and transactions of the Corporation* … (dengan izin). *The corporation may cause such person access to his books, transaction.... And give such information recorded by the person to conduct investigation*.

Kalau cakap tentang nafsu ini, saya rasa peruntukan perbadanan ini sistem CAT betul-betul diamalkan. Di mana terdapat peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 41 untuk penyiasatan dibuat kepada buku-buku dan sebagainya. Untuk memastikan bahawa tidak ada kesilapan kegunaan wang itu untuk tujuan lain. Berbalik kepada ahli Pulau Betong, cakap tentang nafsu ini kita telah lupa tentang banglo Khir Toyo. Itu contohlah, daripada Ahli UMNO juga. Contoh ahli UMNO, bukan, bukan Y.A.B. Ketua

Menteri sewa saja. Ini banglo RM34 juta....(gangguan). RM24 juta. Kita kena tau bila cakap tentang ketelusan dan sebagainya. Ahli-ahli UMNO, Ketua Menteri, Menteri Besar UMNO Khir Toyo pada masa itu tak tau macam mana dia beli banglo itu dengan duit. Saya pun tertanya-tanya Ahli Pulau Betong sendiri tahu macam mana dia mampu beli banglo itu. Tapi perkara itu SPMC tidak mahu siasatlah, tidak ada masalah. Okey mungkin mereka ada agenda yang lain, jadi kalau kita cakap tentang, sebab kita DAP,

UMNO mereka tidak siasat, malahan dalam UMNO pun politik wang digunakan semasa pilihan raya, iaitu menantu kepada Perdana Menteri yang lalu Khairy Jamaluddin mereka pun tidak siasat. Jadi mungkin MACC ada agenda lain.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shabudin bin Yahaya):

Yang Berhormat, peraturan. Saya rasa kalau kita merujuk kepada peraturan yang sedia ada dalam Enakmen kita ini iaitu Peraturan 46, peraturan berbahas yang ke 13 ini. Ahli daripada Seri Delima pun faham, lebih faham rujuklah dalam ini. Jadi Y.B. Dato' Speaker saya mohon, peraturan biasa Perkara 13, seorang ahli itu mestilah jangan menuduh orang lain dengan niat yang tidak baik. Mendakwa seorang ahli yang lain menggunakan perkataan-perkataan yang menyakit hati dan menyentuh peribadi seseorang. Jadi dalam hal menyentuh peribadi seseorang ini, yang kita sentuh pasal Khir Toyo, sentuh pasal menantu Perdana Menteri, saya rasa ini, kita minta ambil tindakanlah kalau macam ini.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seri Delima, teruskan kepada tajuk dan saya berikan lima minit lagi... (gangguan), dan beri peluang kepada yang lain untuk bahas.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker ..(dengan izin), saya juga ingin jadi tak perlu jawab Y.B. Dato' Speaker kepada ...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan. Teruskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Jadi Y.B. Dato' Speaker berbalik kepada mungkin mereka tidak dengar, lepas makan tengah hari saya berbalik kepada ketelusan perbadanan ini ditunjukkan, dicerminkan dalam Peruntukan Seksyen 41 yang menyediakan penyiasatan dibuat terhadap wang yang diterima dan cara bagaimana wang itu digunakan. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa Seksyen 13 juga merupakan satu seksyen yang begitu baik berbalik kepada semua tohmahan-tohmahan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat daripada Pulau Betong berkenaan dengan penyalahgunaan dan sebagainya. Seksyen 13 memang wajar ia berbunyi seperti berikut:

No member of the corporation or committee shall have any interest...(dengan izin), *(and if he has any interest, he shall forthwith cease to be such a member), directly or indirectly, personally or through relatives, financial or otherwise in any scheme, project, enterprise or contract.*

Ini adalah suatu yang tepat, padan kerana selalunya kalau kita lihat berbalik kepada semua perbadanan yang ditubuhkan oleh Barisan Nasional kita lihat ada adik beradik, isteri, abang macam Maika Share kita ada Samy Vellu punya anak Vellpari dan sebagainya.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, Peraturan 46 (13) sekali lagi Ahli Seri Delima dia buat tuduhan-tuduhan liar. Tak payah tuduh, cakap pasal dalam Dewan ini sudahlah. Kita tak mahu dengar yang itu. Kita hendak dengar pasal Bukit Bendera. Jadi saya ingat kita minta jangan lah kita ....(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Cukuplah Y.B. Seri Delima, saya bagi tiga minit lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, saya minta maaf, saya ulangi peruntukan itu bagi kelebihan Y.B. Sungai Dua, peruntukan dalam Bahasa Malaysia, mungkin dia terlepas pandang sebab yang saya menyatakan begitu tadi lihat kepada peruntukan tersebut konflik kepentingan, faham tak, konflik kepentingan ...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, saya tak halang dia nak cakap. Dia nak cakap apa dia boleh cakap. Jangan dia tuduh orang, sebut nama orang tak boleh. Tak betul.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Apa dia dok bela MIC tu. Apa kena mengena...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin bin Mohamed):

Sebab saya tidak mahu bela siapa-siapa sebab tu saya kata jangan tuduh siapa-siapa. Kalau tidak saya dah tuduh orang Kampung Buah Pala dah korek lubang untuk Yang Berhormat semua *...(gangguan)*

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu tidak ada masalah. Itu lubang bukan untuk saya. Mungkin dimaksudkan untuk orang lain. Dijemput kalau nak tengok lubang itu pun boleh. Saya pun dok tunggu orang-orang perompak itu kalau boleh bagi dia masuk dalam lubang itu, kalau berani ikut saya pergi Kampung Buah Pala. Siapa yang merompak saya jemput dia ikut. Kila lihat balik Bahasa Malaysia, konflik kepentingan, tiada seorang anggota perbadanan atau jawatankuasa boleh mempunyai apa-apa kepentingan dan jika dia mempunyai apa-apa kepentingan hendaklah dengan serta merta berhenti daripada menjadi anggota tersebut secara langsung atau tidak langsung dengan sendiri atau ahli keluarga, kewangan atau lain-lainnya dalam mana-mana skim projek, perusahaan atau kontrak yang sedang dijalankan, atau dicadangkan untuk dijalankan oleh perbadanan atau dalam mana-mana perkara. Ini sekali gus menunjukkan bahawa Rang Undang-undang ini telah mencantas apa-apa kerisauan atau keraguan yang mungkin wujud tentang penyalahgunaan undang-undang ini kerana jelas sekali Rang Undang-undang ini bukanlah berniat untuk apa-apa agenda. Agendanya adalah untuk memastikan bahawa tempat di mana menjadi riadah kepada pelancong iaitu Bukit Bendera dan juga segala fasilitet-fasilitet ..(dengan izin), fasilitet yang ada di situ dipelihara untuk kegunaan pelancong dan juga rakyat di Pulau Pinang dan Malaysia. Jadi Y.B. Dato' Speaker, saya sekali lagi ingin menyatakan peruntukan-peruntukan yang telah saya wujudkan tadi dengan pengecualian kemasukan *three members represent the fellow government.* Cuma risau tentang sumbangan mereka namun demikian, dengan sebulat suara menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Enakmen Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang 2009 adalah satu Enakmen yang sangat mustahak dan tepat pada masa ini. Pembangunan Bukit Bendera boleh dilakukan dengan Rang Undang-undang ini diluluskan pembangunan Bukit Bendera boleh dilakukan dengan lancar dan tersusun dan secara profesional. Bukit Bendera telah lama diabaikan oleh kerajaan Barisan Nasional. Tidak ada rancangan yang teratur untuk membangunkan Bukit Bendera.

Pada zaman British dan selepas merdeka dalam tahun 60-an Bukit Bendera telah dijaga dengan baik pada zaman itu. Oleh kerajaan dan rumah-rumah rehat di situ telah di *maintain* fasilitet-fasilitet untuk pelancong luar negara dan pelancong dalaman.

Penjagaan dan kemudahan adalah sangat diberi kepentingan, pekerja-pekerja pada masa itu berdisiplin dan cekap dalam membantu untuk menjaga kemudahan tetapi mulai tahun 70-an semua kemudahan yang ada di Bukit Bendera mulai merosot. Ini bukan saya kata, saya ada *first hand knowledge*, saya tinggal di Bukit Bendera selama 12 tahun saya tahu bagaimana keadaan dahulu dan sekarang, saya tinggal di atas. Pada masa itu rumah-rumah rehat dalam keadaan sangat bagus dan ada dua (2) buah banglo yang utama di situ iaitu *Convalesent* dan *Fern Hill*. Ramai orang suka pergi sana tetapi kalau sekarang kita pergi ke *Convalesent* atau *Fern Hill,* ianya tidak sama seperti dahulu. *Fern Hill* walaupun dalam *ranking* nombor dua dahulu sekarang macam kandang lembu di situ *because its not been taken care*. Rumah Hantu nanti saya datang, sekejap lagi. Oleh yang demikian Enakmen Perbadanan Bukit Bendera sangat tepat dan mustahak supaya pengurusan yang lebih efisien boleh diwujudkan untuk menaik taraf Bukit Bendera seperti Y.A.B. Ketua Menteri kata untuk menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bertaraf antarabangsa kita mesti ada satu perbadanan.

Beberapa tahun dahulu kerajaan Barisan Nasional telah membuat satu cadangan dan seperti Y.B. Pulau Betong kata untuk membangunkan Bukit Bendera dan menarik pelancong, walaupun pada masa itu banyak bantahan daripada *Friends of Penang Hill*, tetapi salah satu daripada projek yang dicadangkan oleh kerajaan Barisan Nasional pada masa itu adalah untuk membina sebuah Rumah Hantu di Bukit Bendera atau *Ghost House* di Bukit Bendera di mana ini mendapat bantahan dari ramai orang pada masa itu, termasuk dari parti saya pun. Kita tidak mahu Rumah Hantu di Bukit Bendera kerana Bukit Bendera sudah ada banyak hantu, janganlah lagi buat rumah hantu di sana. Oleh kerana ini kita katakan perbadanan ini sangat mustahak, kalau kita buat pembangunan secara *adhock we will end up building ghost houses in Penang Hill*. Dengan adanya perbadanan ini cadangan Rumah Hantu ini tidak akan timbul... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Jasmin bin Mohamed):

Penjelasan. Sebenarnya rumah hantu sudah ada di Bukit Bendera. Banglo *government quarters* itu memang rumah hantu, rumah hantu sudah ada. Kalau tidak mahu ada kena roboh buang.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (Y.B. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady):

Kita mahu Bukit Bendera diuruskan oleh *professional*, oleh orang yang berpengetahuan bagaimana untuk mewujudkan satu *hill resort* bukan secara *adhock basis*. Pihak swasta pun boleh ambil bahagian dalam pembangunan Bukit Bendera

bersama dengan perbadanan yang ditubuhkan. Oleh itu, visi kita untuk membangunkan Bukit Bendera secara tersusun boleh dicapai.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Bukit Bendera. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Syed Ahmad):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Bismillahirrahmani rahim, Assalamualaikum Warohmatullahhi Wabarokatuh. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam usul perbahasan penubuhan Perbadanan Bukit Bendera yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang.

Bukit Bendera ini mempunyai satu perkara yang tidak boleh dipisahkan, Bukit Bendera dengan kereta api adalah satu perkara yang tidak boleh dipisahkan kerana keunikannya secara sendiri dan sejarah yang tersinar sejak zaman kolonial. Di dunia ini hanya ada dua (2) kereta api ini, satu di Pulau Pinang dan satu lagi di Hong Kong, cuma ada perbezaan sedikit antara di Pulau Pinang dan di Hong Kong. Di Hong Kong di atas bukit itu dijadikan tempat kediaman, masa zaman kolonial, dua (2), tiga (3) banglo besar untuk orang besar, di Pulau Pinang dijadikan tempat peranginan. Perbezaan kedua ialah di Hong Kong tanah sepanjang jalan iaitu di atas dan bawah atau kita kata di bawah tanah kerajaan, manakala di Pulau Pinang kebanyakan tanah dipunyai oleh tanah kerajaan, *individual* dan swasta.

Persoalannya, adakah pihak Kerajaan Negeri akan membuat pengambilan tanah untuk membangunkan kawasan itu kerana kalau kita lihat di bawah Seksyen 38 (i) ada juga *clausa* yang membenarkan perbadanan ini menubuhkan anak-anak syarikat. Jadi apabila menubuhkan anak-anak syarikat masalahnya ialah *dollar and cents*. Kalau anak syarikat dia kira *dollar and cents*, untung atau tidak untung tanpa mengira sebarang kemusnahan yang akan berlaku di kawasan Bukit Bendera, di mana Pulau Pinang seperti yang saya katakan tadi adalah sebuah kawasan peranginan dan selalunya dijaga sebagai kawasan peranginan dengan menanam banyak pokok flora dan fauna seperti yang dikatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Ini memang kita galakkan dan satu cadangan yang amat bagus. Kalau dijadikan anak syarikat ini akan timbul masalah sedikit. Kalau kita katakan perancangan yang komprehensif, yang tersusun dan teratur oleh perbadanan ini untuk dimajukan di Bukit Bendera ini, saya hendak tanya sedikit kenapa dalam (8) (i) (b) Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa tidak dijadikan Ahli Lembaga. Adakah memadai nasihat daripada enam (6) orang anggota yang dilantik oleh Badan Berkuasa Negeri atau daripada Setiausaha Kerajaan Negeri atau Pegawai Kewangan Negeri dan Pengarah JKR. Ini yang membuat saya celaru. Tanpa kita melantik Pengarah JPBD ini maka adakah kita akan mengikuti segala perancangan yang seiring dengan *structure plan* dan *local plan*. Ini soalan saya. Banyak soalan yang harus kita jawab sebelum kita menubuhkan sebuah perbadanan. Sebagai pembangkang bukanlah kita tidak setuju tetapi banyak kelemahan yang harus kita tengok dan yang harus kita utamakan dahulu sebelum perkara ini digesa untuk menubuhkan sebuah perbadanan. Yang kita takut ianya akan menjadi satu kerugian kepada Kerajaan Negeri ini.

Bercakap tentang pelancongan, yang kita faham pelancongan di Pulau Pinang ini ada dua iaitu satu pelancongan luar negara dan satu pelancongan dalam negara. Pelancongan luar negara ini ada satu had musim mereka akan datang, di Asia Tenggara, orang barat atau Eropah ini akan datang pada bulan September dan Februari iaitu musim *winter* mereka akan lari ke sini. Pada waktu lain pelawat dari Eropah ini

akan berkurangan kerana masa itu mereka bekerja. Kalau kita lihat pelancong dalaman pun pada musim cuti sekolah iaitu pada bulan Disember, Mei dan Ogos kerana sudah dekat dengan UPSR, PMR dan sebagainya. Soalannya seperti Y.A.B. Ketua Menteri kata tadi kalau kita hendak membaik pulih kereta api dengan melihat sebagai *massive development* di sana atau *massive* perancangan kita lihat penggunaan wang begitu banyak sekali dan kita perlu lihat pelancong yang datang ke Bukit Bendera adakah seimbang, *the revenue collected from the* pelancong-pelancong, dengan duit yang kita gunakan untuk pembangunan tersebut, adakah seimbang? Adakah kita hendak tukar kereta api yang baru *instead of cruising* perlahan-lahan menikmati pandangan atau kita hendak guna satu *shuttle train* yang *shoot* terus ke atas Bukit Bendera. Kalau kita tukar kereta api sedemikian maka sejarah dengan nama kereta apinya yang berkaitan maka akan bertukar. Orang tidak Pulau Pinang ini sebagai destinasi pelancongan yang bersejarah tapi sebagai destinasi pelancongan yang berkonsep *modern* dan kontemporari. Ini yang kita khuatir dan banyak yang kita khuatir dan yang kita takut akhir sekali apabila keseimbangan antara pelancong dan duit yang dibelanjakan untuk pembangunan itu tidak seimbang, berapa lama kita boleh bertahan dengan wang yang ada yang dibekalkan oleh Kerajaan Negeri kepada perbadanan tersebut. *How long we can sustain,* ini kita harus tanya. Memang apabila kita lihat kebanyakan yang mencadangkan mungkin dari syarikat-syarikat perniagaan atau syarikat swasta, jadi kita takut perkara ini akan berlaku di Pulau Pinang. Yang rugi pada akhirnya bukan hanya dari segi politik iaitu kerajaan Pakatan Rakyat yang akan rugi tetapi rakyat Pulau Pinang yang akan rugi kerana telah banyak *investment* tetapi tidak dapat pulangan. Banyak yang kita lihat yang harus menjadi tanda tanya, seperti kawasan tadahan air, Empangan Templer saya rasa guna air banyak daripada kawasan Bukit Bendera, adakah ini akan dilihat sebagai mengancam, saluran air kepada Empangan Templer yang ada di belakang Bukit Bendera. Satu lagi ialah kawasan disebut oleh Y.A.B. Ketua Menteri akan di *refind* atau diletak dari semasa ke semasa tetapi sekurang-kurangnya kita mesti ada satu kawasan yang kita telah kenal pasti untuk dikemukakan dalam pembentangan pada hari ini.

Satu lagi Y.A.B. Ketua Menteri saya lihat di bawah fasa 14(i) atau 18(i) iaitu pelantikan Pengurus Besar kerana di sini ditulis secara spesifik kelulusan kejuruteraan. Saya hairan *at one point*, kita lihat Bukit Bendera ini sebagai kawasan yang dibangunkan untuk pelancong datang dan *at another point* kita melantik orang menguruskan ini semua sebagai Jurutera. Saya bukan hendak memperkecilkan kejuruteraan ini tetapi adakah kita terlalu *rigid* mengenai pelantikan tersebut, adakah kita perlu seorang jurutera untuk membangunkan kawasan itu atau adakah kita perlukan seseorang untuk mencari pelancong datang ke kawasan tersebut. Ini yang saya maksudkan, kita *rigid scope* kita itu sehingga pelantikan Pengurus Besar hanya jurutera yang layak. Adakah seorang jurutera ini mempunyai pengetahuan dari segi *marketing,* promosi dan sebagainya, ini persoalan saya. Saya rasa perkara ini harus diperluaskan lagi, *we cannot be too specific* kerana saya lihat pada masa-masa hadapan kita perlu bentang sekali lagi dalam Dewan ini untuk menukar Rang Undang-undang.

Satu lagi di bawah Seksyen 26(i) iaitu tawaran persaraan pekerja-pekerja daripada kerajaan. Kalau yang sudah berumur dan hampir nak pencen, tak mengapalah tetapi yang kita khuatir di peringkat yang muda-muda ini kalau dia tidak sanggup bekerja dengan perbadanan ini adakah kita bercadang untuk memasukkan mereka ini dalam perkhidmatan kerajaan di jabatan-jabatan lain sepertimana telah diterangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri tadi, bahawasanya disarankan, adakah di bawah akta saraan kerajaan

kalau yang sekian-kian berumur ini dan yang masih muda boleh dibersarakan atau tidak boleh sara, boleh dapat pencen atau tidak dapat pencen kerana kita tukar daripada jabatan kepada perbadanan. Persoalan ini yang saya rasa banyak dan masih kita mahukan jawapan. Satu lagi yang paling penting seperti contoh, Singapura, apabila dia hendak bangunkan sesuatu kawasan, mengikut *structure and local plan* yang telah

diwartakan tetapi mereka masih melantik konsultan atau *committee* daripada golongan pekerja-pekerja awam seperti persatuan penjaja , *professional people* untuk memberi komen. Yang saya takut di sini kita tidak ada langsung membuat *public consultation* atau mengemukakan kepada publik untuk mendengar pandangan daripada NGO atau persendirian kerana kita mungkin banyak mendengar nasihat, ini andaian saya, daripada ahli-ahli perniagaan dan saya rasa perkara ini harus diperdahulukan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sebelum kita meluluskan perbadanan ini. Jadi kita bimbang dan kita mahu Pulau Pinang ini sebagai yang terbaik dan kita harap perkara yang dibangkitkan ini akan menjadi perbahasan pada hari ini dan saya dengan ini menyarankan bahawa perbadanan ini harus ditunda dahulu untuk melihat segala kelemahan yang masih ada. Jadi dengan ini saya tidak setuju. Sekian, terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Permatang Berangan, silakan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (Y.B. Tuan Haji Shahbudin bin Yahaya):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya mengucap terima kasih kerana memberikan peluang untuk membahaskan Enakmen Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang Tahun 2009 dan secara jelasnya di sini saya juga bersetuju dengan pandangan daripada Ahli kawasan Bayan Lepas, bahawa Enakmen ini perlu ditunda dan disemak serta diperkemas terlebih dahulu.

Saya ingin memberikan pandangan saya berkenaan dengan Fasal 8, Fasal 10 dan juga Fasal 23. Kesemuanya adalah berkaitan dengan perjawatan dan keanggotaan perbadanan. Dalam Fasal 8B, empat orang anggota atas nama jawatan yang memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Pengarah Kerja Raya Negeri, Pengarah Perhutanan Negeri dan tadi kita cadang supaya Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa dimasukkan dan dalam hal ini, bagi jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri dan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri mestilah dijadikan sebagai pegawai keanggotaan *ex-officio* yang mana dalam apa juga keadaan pegawai-pegawai yang berkenaan akan merupakan pegawai yang kekal di dalam perjawatan perbadanan tersebut. Jika tidak bila berlakunya penamatan serentak bagi tempoh jawatan pegawai-pegawai yang dilantik bagi menganggotai perbadanan menyebabkan perbadanan tersebut menjadi kosong secara keseluruhan.

Jadi pindaan ini perlu dilakukan, yang ke dua Fasal 10 (2), saya memberikan pandangan di sini bahawa Fasal 10 (2) sepatutnya dikeluarkan iaitu kalau kita melihat dalam Fasal ini Pihak Berkuasa Negeri boleh menamatkan pelantikan mana-mana anggota perbadanan, tanpa memberikan apa-apa sebab pembatalan. Jadi di sini tidak menunjukkan satu ketulusan daripada peringkat Kerajaan Negeri terutamanya dalam hal mengekalkan keanggotaan ahli-ahli perbadanan, kerana sekiranya dalam hal ini kita boleh mengandaikan bahawa ada ahli-ahli perbadanan yang mungkin tidak bersetuju pendapatnya dengan perbadanan yang berkenaan, maka dengan sewenang-wenang keanggotaan ahli ini boleh digugurkan tanpa sebarang sebab. Jadi kita melantik ahli seorang ahli perbadanan yang berkenaan mesti ada justifikasi, mesti ada kelebihannya, tetapi kalau kita hendak memecat tanpa sebarang sebab, maknanya itu tidak mempunyai keadilan dan ketulusan.

Oleh yang demikian, bagi tujuan pelantikan ahli-ahli ini dan juga bagi tujuan pemecatan mestilah berkait dan dihubungkan dengan justifikasi pelantikan dan justifikasi pembatalan. Kita boleh dengan sesuka hati ataupun hanya mungkin kita tidak setuju dengan ahli yang berkenaan hanya mungkin dia berbeza pandangan dengan kita, maka dengan sewenang-wenangnya dia boleh dipecat. Begitu juga dalam Fasal 23, apabila perbadanan boleh menubuhkan jawatankuasa, sama juga dalam Fasal 23, perbadanan

boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota sesuatu jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab. Jadi tanpa memberikan apa-apa sebab ini memberi ruang kepada pihak Kerajaan Negeri untuk berlaku tidak adil kepada anggota-anggota berkenaan.

Oleh yang demikian, kalau kita hendak melantik sesuatu anggota kita akan melihat kepada kelayakan ataupun kebolehan maka kalau hendak dibatalkan juga mesti ada justifikasi ataupun sebabnya. Jadi kedua-dua fasal yang berkenaan perlu dibuat pindaan terlebih dahulu. Oleh yang demikian saya mencadangkan kepada Dewan yang mulia ini, supaya Enakmen ini ditangguhkan terlebih dahulu. Terima kasih Y.B. Dato' Speaker.

Y.B. Dato' Sepeker:

Ya, Y.B. Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya pun tidak mengambil masa yang panjang, dan telah dibangkitkan oleh sahabat saya, sebentar tadi Ahli Seri Delima mengatakan kita pembangkang, tidak membaca Enakmen ini. Kita baca, "Ya," ertinya tadi Seksyen 10 (2) yang dibangkitkan teman saya tadi, khuatir, kita khuatir bahawa keanggotaan perbadanan ini bila dipecat sahaja dengan tanpa beri sebarang alasan ini membuatkan bahawa satu tekanan kepada keanggotaan perbadanan, kalau *you* tidak ikut saya, saya pecat tanpa sebarang alasan itu akan terjadi, begitu juga dengan keanggotaan.

Okey, saya hendak sentuh tentang Seksyen 35 (1), 36 (2) dan 37 (3), iaitu selepas berunding dengan Menteri Kewangan, apa maksudnya ini, adakah bila berunding, kalau Menteri Kewangan tidak setuju, Pihak Berkuasa Negeri boleh jalankan terus, tanpa peduli apa pandangan daripada Menteri Kewangan atau wakilnya, ataupun dia mesti mendapat persetujuan Menteri Kewangan. Saya tengok seksyen ini begitu longgar sekali, Menteri Kewangan ini adalah mewakili Perdana Menteri, kalau Kerajaan Negeri merasakan dia hendak buat juga, setelah berunding dengan Menteri Kewangan, lantak lah sama ada Menteri Kewangan setuju atau tidak setuju, tetapi kami hendak buat itu. Jadi cuba perhalusi apa maksud yang tersirat di sebalik seksyen ini, berunding dengan Menteri Kewangan, begitu kabur dan longgar.

Seterusnya saya tertanya-tanya, saya membaca daripada mula sehingga habis, apakah Akta Tanah Tinggi juga diambil kira. Kita tahu bahawa *gradient* ataupun kecerunan itu yang telah ditetapkan, ataupun tanah tinggi lebih daripada 250 kaki, apakah dibenarkan, banyak mana pula tanah yang boleh diubah apabila kita hendak membuat permohonan, apakah ini semua peraturan garis panduan ini akan dimansuhkan dan tidak diguna pakai oleh perbadanan ini. Benda-benda yang sebegitu kita khuatir, tidak mahu esok pembangunan yang dibangunkan di Bukit Bendera ini menerima nasib seperti di Highland Towers dan sebagainya. Sekarang ini kita kata semua okey, apabila didirikan itu, jadinya, kita tidak mahu, ya saya hendak kata Highland Towers, apa salahnya, saya tidak sebut peribadi seseorang, seperti macam Seri Delima, ya bangun dah…(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Itu Barisan Nasional punya projek Yang Berhormat, bukan di bawah Pakatan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sebentar, Yang Berhormat erti tidak peraturan?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat erti, bila panggil Seri Delima, saya kena jawablah, saya tahu apa yang dibahaskan. Highland Towers itu bukannya bukit, itu bangunan, itu perbezaannya. Bangunan yang dibina oleh Kerajaan Barisan Nasional, ini bukit, itu lain, faham dahulu apa yang dibahaskan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya bingung, saya…..(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Ketuk pening, ketuk-ketuk lagi, mungkin kalau hentam meja juga sekali.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya pun dah bingung, sebab apa, peraturan mesyuarat kalau hendak bangun berucap minta laluan, dia bangkit, dia "broom, broom, broom." Saya cakap bangunan Highland Tawers, saya kata tadi, saya takut bangunan yang didirikan di cerun tinggi akan menerima nasib macam Highland Tawers, semak balik *handsard,* yang dia bangkit-bangkit "howah, wah, wah," ni apa?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Bukan "howah, howah, howah" Y.B. itu kena korek telinga dulu, bukan "howah, wah, wah" Yang Berhormat.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Penaga teruskan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Inilah contoh wakil rakyat yang seronok buat bising, kejap, cuba tengok sandiwara ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Cukup, sandiwara, ini sandiwara Yang Berhormat lah sandiwara.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Sandiwara? Siapa bagi laluan kepada Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Tidak apa, Yang Berhormat jangan sandiwara, kalau teruskan berbahas, teruskan berbahas, jangan buang masa.

Y.B. Dato' Speaker:

Teruskan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya hendak bercakap, dia ganggu, saya pula buang masa, alah hai, teruk betullah. Tengah dua tahun jadi wakil rakyat, tidak belajar lagi, ya bangkit.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Yang Berhormat, peraturan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Peraturan berapa?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Peraturan 46.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

46 apa?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

(13) siapa yang tidak belajar? Ini peraturan dia paksa, saya guna peraturan, Y.B. paksa saya guna peraturan. Jangan sentuh peribadi seorang itu mestilah jangan menuduh seseorang itu atau menggunakan perkataan-perkataan yang menyakitkan hati, siapa yang tak belajar Yang Berhormat?

Saya menegurlah dan minta supaya dia menarik balik perkataan-perkataan yang telah yang digunakan itu, kerana ia melanggar peraturan 46 kurungan 13 (c).

Y.B. Dato' Speaker:

Perkataan apa?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Baru disebut penuh 13 (c), tadi…..(gangguan).

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Duduk dulu, Y.B. Dato' Speaker, tanya saya, Y.B. Dato' Speaker tanya apa perkataan yang digunakan, tak dengar kut, duduk dulu.

Y.B. Dato' Speaker:

Perkataan apa yang digunakan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Sila Y.B. duduk dahulu. Ya, terima kasih. Mengatakan dua setengah tahun kita telah jadi ahli dan tidak belajar lagi. Jadi saya minta dia supaya menarik balik perkataan yang digunakan, seolah-olah kita tidak pandai, dia yang pandai. Jadi saya minta dia tarik balik perkataan yang digunakan.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli Penaga, nak tarik balik?

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Saya kata apa? Dia yang mengatakan kami….(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Jadi, saya tidak mahu, cukuplah dan teruskan tentang pembangunan Bukit Bendera.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Ya, saya berbahas mengenai Enakmen ini sahaja, itulah yang saya bimbangkan, kalau tidak ada sebarang kawalan tidak diguna pakai, *guard line* tentang 250 kaki atau 70 meter ke atas, *gradient* 20 darjah itu, kalau itu dimansuhkan ataupun kalau ada yang lain tidak dibentangkan, saya khuatir bangunan itu akan menjadi nasib malang seperti Highland Towers ataupun kalau hujan akan menjadi kerosakan dan sebagainya, itu yang saya bangkitkan.

Jadi Y.B. Dato' Speaker, saya tidak dapat menerima Enakmen ini kecuali dikaji semula dengan lebih teliti. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Yang Berhormat Permatang Berangan, ya, Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Terima kasih, Y.B. Dato' Speaker, Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahiwabarakathu. Saya turut sama untuk memberi pendapat, pandangan, buah fikiran saya dalam bahas Rang Undang-undang Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang 2009.

Cadangan Kerajaan Negeri yang ada untuk menubuhkan perbadanan Bukit Bendera ini, telah pun menimbulkan persoalan, apakah Bukit Bendera yang hendak dibangunkan secara intensif Kerajaan Negeri yang ada ini perlu sedar bahawa Bukit Bendera merupakan kawasan sensitif alam sekitar. Oleh itu sebarang bentuk pembangunan yang hendak dijalankan dan yang hendak diusahakan perlulah memberi penekanan kepada penjagaan dan pemeliharaan alam sekitar. Semasa pemerintahan Barisan Nasional dahulu perkara ini sentiasa menjadi keutamaan dan sebab itulah Bukit Bendera berjaya dikekalkan keindahannya dan dalam masa yang sama juga kehijauannya sehingga kini.

Kami khuatir bahawasanya keuntungan yang diperoleh sekarang tidak mampu untuk menanggung kos penyelenggaraan untuk membaik pulih kerosakan alam sekitar yang berlaku kemudian hari kelak, dengan adanya pembangunan, tambahan pula apakah perlunya penubuhan sebuah perbadanan seumpama ini kerana Pulau Pinang ini sudah ada pun Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebagai sebuah agen pembangunan Kerajaan Negeri yang sedia wujud sekian lama, PDC juga mempunyai

tenaga pakar yang berpengalaman yang perlu diguna pakai sepenuhnya oleh kerajaan yang ada sekarang, lainlah kerajaan yang ada sekarang ini mempunyai agenda yang tersembunyi, iaitu dengan penubuhan perbadanan ini lebih kepada untuk memberi peluang ataupun ruang kepada ahli-ahli DAP ataupun juga kepada PKR tanpa PAS dan kroni-kroni mereka mendapatkan kerja umpamanya Pengurus Besar, Ahli Lembaga Pengarah dan lain-lain jawatan sebagai membalas balik sumbangan mereka semasa janji mereka pilihan raya dahulu.

Jika ini berlaku maka, slogan CAT yang dilaung-laungkan selama ini memanglah CAT itu kucing iaitu kalau nampak lalunya tikus di hadapan, tangkap sajalah. Tikus lalu, tikus lintas, tangkap, ini CAT yang sebenarnya lah. Jadi saya berpandangan supaya pihak kerajaan yang ada sekarang ini perlu meneliti dengan sepenuhnya cadangan ini yang pihak saya bersama juga dengan kawan saya yang lain, supaya mengkaji semula dalam Rang Undang-undang yang bersangkut paut dengan Perbadanan Bukit Bendera ini.

Y.B. Dato' Speaker dan Ahli Dewan, saya menyebut perkara ini adalah untuk kebaikan anak bangsa di negeri Pulau Pinang ini. Jadi itu saja yang saya sebut yang bersangkut paut dengan apa yang telah pun dibahaskan dalam Rang Undang-undang Perbadanan Bukit Bendera, tidak mahu menyentuh perkara lain umpama kata sama ada dari segi *double track*...(dengan izin), pengerusi, di kawasan saya Pinang Tunggal juga ataupun masalah tambatan banjir di Pinang Tunggal juga, atau juga apa-apa yang berlaku di dalam kawasan saya, kerana saya yakin dan percaya dengan apa yang telah saya buat untuk kawasan saya dengan mewujudkan Majlis Tindakan Pembangunan KADUN kita dapat menyempurnakan tugas dan tanggungjawab kita tanpa pertolongan Kerajaan Negeri yang ada sekarang ini, kita dapat buat dengan baik di dalam kawasan. Malangnya tidak seperti ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain pihak kerajaan yang ada saya melahirkan perasaan kasihan kepada yang Y.A.B. Ketua Menteri diberi tanggungjawab kepada ahli daripada Kampung Buah Pala, sebahagian daripada kawasan Seri Delima, masalahnya kecil sahaja, tetapi tidak dapat diselesaikan. Tidak dapat diselesaikan oleh beliau sehingga menyebabkan seluruh negara seperti kata Ahli Penaga tadi, seluruh negara tergempar dengan isu Kampung Buah Pala, walhal isunya kecil sahaja.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukuplah tutup terus, tak payah la buka lagi isu Buah Pala.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tadi Ahli Seri Delima sentuh punya banyak, kawan-kawan saya empat lima orang Y.B. Dato' Speaker. Berbagai perkara...(gangguan).

Y.B. Dato' Speaker:

Kesimpulan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Disebut oleh Ahli Kawasan Seri Delima. Saya baru nak masuk satu perkara, tidak pun yang kedua, ketiga dan keempat dan sebagainya, Y.B. Dato' Speaker sudah mencelah. Saya bukan bermaksud nak melawan apa, yang ada, kuasa kepada Y.B. Dato' Speaker, tapi sekurang-kurangnya saya nak menyebut tentang apa yang telah pun

Seri Delima kemukakan. Kawan-kawan saya di kalangan Ahli-ahli Pembangkang, empat lima orang membantah dengan apa yang telah pun dikemukakan oleh Seri Delima, tetapi Y.B. Dato' Speaker membiarkan dan saya pun rasa terpanggil juga untuk menyebut dengan budi dan perangai yang ada pada Seri Delima hari ini, bukan hari ini saja, saya juga ada pengalaman, yang tak berapa manis dengan Seri Delima, tunjuk juga perangai saya yang budi dalam Dewan ini.

Y.B. Dato' Speaker:

Cukuplah, jangan nak panjangkan yang itu, saya minta....(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Jadi saya di akhir apa yang saya nak sentuh pasal Seri Delima, tolonglah bawa diri elok-elok. Nak jaga kawasan yang kecil pun, kata orang kampung tak tau nak jaga, bagaimanakah nak jaga negeri. Dia tak bangun dia tau.

Y.B. Dato' Speaker:

Tamat, tamat.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, duduk dulu, peraturan. Yang Berhormat mintak dia duduk.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya tahu perangai dia macam mana, saya berani berdepan dengan dia. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Duduk dulu, saya bangkitkan peraturan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tengok dia macam mana?

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Y.B. Dato' Speaker, tengok. Peraturan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya berani berdepan dengan dia.

Y.B. Dato' Speaker:

Pinang Tunggal, Seri Delima sila duduk. Seri Delima duduk.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji):

Dia yang tidak beradab.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Seri Delima duduk. Saya nak habiskan perbahasan ini dan kita nak teruskan dengan penggulungan. Ada lagi nak bahas.

Ahli Kawasan Paya Terubung (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin):

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih diucapkan diberi pelawa untuk mengambil bahagian ke atas Rang Undang-undang Enakmen Perbadanan Bukit Bendera pada hari ini. Y.B. Dato' Speaker, pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas dan pujian ke atas usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk cuba memulihkan kegemilangan Bukit Bendera termasuk dari segi pelancongan. Penubuhan Perbadanan ini patut dilihat sebagai satu langkah yang proaktif oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memajukan memulihkan Bukit Bendera dengan Penubuhannya Perbadanan ini dan sebagai satu badan yang bertanggungjawab penuh ke atas Bukit Bendera segala pengurusan, pemuliharaan kemajuan Bukit Bendera akan dikawal dengan lebih rapi teratur sebagai satu badan yang spesifik untuk menjaga dan bertanggungjawab ke atas Bukit Bendera saya percayai Perbadanan Bukit Bendera ini dapat memberi tumpuan yang lebih jika berbanding dengan agensi lain untuk menjaga Bukit Bendera. Baru-baru ini pengunjung Bukit Bendera terkandas apabila perkhidmatan kereta api kabel terhenti apabila stesen jana kuasa mengalami masalah teknikal ia melibatkan perkhidmatan kereta api, stesen bahagian tengah atas Bukit Bendera. Kesemua penumpang terkandas di Bukit Bendera terpaksa menggunakan kenderaan JKR untuk turun ke bawah bukit. Kejadian ini bukan kali pertama berlaku tetapi ia memang menjejaskan imej Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan yang cuba dipromosikan oleh Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker, dari segi perseptif yang proaktif saya lihat penubuhan Perbadanan Bukit Bendera sebagai satu langkah yang baik untuk memastikan perkara sebegitu tidak berlaku lagi. Bukit Bendera merupakan satu tempat peranginan di atas bukit yang terkenal di negara ini. Puncak Bukit yang tertinggi 821 meter ini boleh dinaiki dengan kereta api, bagi yang berminat dengan aktiviti lasak boleh menggunakan jalan yang disediakan untuk ke puncak. Sewaktu penjajahan Inggeris, orang putih amat berbangga dengan Bukit Bendera, seterusnya mengibarkan Bendera Union Jack di atas bangunan iaitu bangunan kerajaan untuk kenamaan. Pada masa yang sama itu, Bukit Bendera masih belum dikenali pada masa sekarang. Peristiwa British mengibarkan Union Jack telah menyebabkan bukit ini dikenali sebagai Bukit Bendera. kereta api yang membawa pelancong ke Puncak Bukit Bendera diguna untuk orang ramai pada tahun 1923 dan dirasmikan Gabenor negeri Selat pada masa itu. Keadaan sekitar Bukit Bendera mempunyai sistem yang semula jadi yang amat sensitif. Salah satu keunikan yang menjadi daya tarikan pelancong ke Bukit Bendera ialah kereta api. Landasan ini sepanjang 2007 meter. Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu memastikan kereta api benar-benar selamat dan untuk digunakan.

Saya ingin menegaskan di sini memandangkan perkhidmatan ini mempunyai daya tarikan terkenal di kalangan pelancong ke Bukit Bendera maka perkhidmatannya dilakukan sebaik mungkin. Saya difahamkan salah satu fungsi utama Perbadanan Bukit Bendera ialah mengurus dan mengendalikan mengawal dan menyelenggarakan perkhidmatan kereta api Bukit Bendera. Saya percayai bahawa Kerajaan Negeri memang fikirkan tentang keselamatan orang ramai yang menggunakan perkhidmatan kereta api kepada orang ramai bagi tujuan pelancongan. Kita tidak berupaya

menanggung risiko sekiranya ada rosak kereta api ini berulang lagi. Pastinya ia akan merencatkan industri pelancongan negeri sama ada domestik ataupun luar negeri, Y.B. Dato' Speaker, krisis ekonomi global yang melanda sekarang telah menyebabkan banyak sektor di negara kita mula menurun. Antaranya adalah sektor pelancongan.

Pelbagai rancangan mesti diatur bagi merancakkan kembali industri pelancongan kita semula. Kita semua tidak dapat menafikan bahawa sektor pelancongan merupakan sektor ekonomi yang penting selepas sektor pembuatan di negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri perlu membangunkan sektor yang berkualiti tinggi serta menggalakkan sektor pelancongan sebagai sektor pelancongan budaya negeri. Bukit Bendera merupakan suatu tempat pelancongan yang unik, kerana ia bukan sahaja memainkan peranan menarik pelancong tapi juga mengekalkan alam semula jadi, budaya dan warisan sebagai sebahagian daripada sektor pelancongan. Perbadanan Bukit Bendera dapat memikirkan pelbagai rancangan untuk menaik taraf kereta api Bukit Bendera juga stesen bawah kereta api Bukit Bendera dengan adanya Perbadanan Bukit Bendera perancangan juga boleh dibuat untuk membaharui landasan kereta api, meninggikan terowong, sistem brek, dan juga pemasangan alat hawa dingin untuk kereta api. Walaupun hanya Bandar George Town dianugerahkan tapak Warisan Dunia oleh UNESCO Bukit Bendera juga boleh memainkan peranan dalam mempromosikan elemen pelancong dengan negeri Pulau Pinang. Pada masa ini ada 30 buah dan dua buah Hotel yang berciri *Victorian* yang dibina di Bukit Bendera, banglo-banglo adalah merupakan banglo yang pertama dibina di Bukit Bendera iaitu pada tahun 1789. Kesemua banglo ini boleh diletakkan di bawah pentadbiran Perbadanan Bukit Bendera sebagai satu khazanah warisan untuk negeri Pulau Pinang. Mengikut strategi pemuliharaan Pulau Pinang semua bangunan yang melebih 100 tahun dikategorikan sebagai bangunan warisan dan perlu dikekalkan reka bentuk atau ciri asalnya bangunan tersebut. Selain itu bangunan pentadbiran di stesen bawah kereta api Bukit Bendera juga dikategorikan sebagai bangunan warisan. Kesemua bangunan warisan ini boleh digunakan sebagai daya tarikan untuk Bukit Bendera.

Y.B. Dato' Speaker perancangan untuk memulihara persekitaran dan keunikan semula jadi Bukit Bendera bagi menarik lebih ramai pelancong juga akan menjadi salah satu tugas Perbadanan Bukit Bendera. Rancangan yang perlu dijalankan oleh Perbadanan Bukit Bendera adalah seperti mencantikkan jalan sekitar Bukit Bendera, bina tembok penahan di cerun runtuh dan tempat kritikal yang akan dikenal pasti serta menanam pelbagai jenis pokok bagi mewujudkan seni taman yang indah. Bagi memajukan pelancongan kita tidak boleh bergantung kepada produk lama sahaja. Bagi merealisasikan pembangunan pelancongan yang betul-betul aktif, produk ekopelancongan, produk pelancongan baru mesti dipergiatkan. Kerjasama dari pihak atau dari agensi lain, seperti Jabatan Perhutanan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kebun Bunga dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang diperlukan dalam berganding bahu untuk melancarkan produk ekopelancongan. Walau bagaimanapun dengan penubuhannya Perbandaran Bukit Bendera. Perbandaran dapat memainkan peranannya sebagai Unit Pusat Penyelarasan untuk menyelaraskan semua agensi dalam memajukan rancangan Bukit Bendera. Pembangunan produk pelancongan baru yang mungkin boleh dirancang adalah contoh bagi menambahkan aneka restoran di puncak bukit.

Y.B. Dato' Speaker, selalunya Pulau Pinang dibandingkan dengan Hong Kong, kita pun semua tahu di Hong Kong juga ada satu tempat pelancongan iaitu bukit seperti Bukit Bendera iaitu *Victoria Peak* atau dikenali sebagai *The Peak.* Ia adalah sebuah gunung di Hong Kong bahagian Barat Daya dengan ketinggian 552 meter. Ia merupakan tertinggi di Pulau Hong Kong tetapi jika dibandingkan dengan Bukit Bendera dia lebih rendah daripada Bukit Bendera kita tetapi adalah satu tempat pelancongan yang paling popular di Hong Kong hingga 6 juta orang pengunjung setiap tahun. Hal yang menarik pelancong ke *The Peak* adalah pemandangannya yang indah mencakup Pulau Hong

Kong dan Semenanjung Kowloon. Lokasi ini juga merupakan tempat tinggal elit. Beberapa tarikan, *attraction* ....(dengan izin), di *Peak Tower* adalah *Ripley's Believe it or Not auditorium*, *Historical Adventure* dan Muzium Patung Lilin Madam Chu Sak. Kesemua ini boleh dirujuk oleh Perbadanan Bukit Bendera sama ada hendak dilancarkan di Bukit Bendera atau tidak. *Peak Tower* di Bukit The Peak ada sebuah menara di *Victoria Peak* yang juga menjadi pemberhentian paling atas di *peak tramp*.

Reka bentuk unik ia juga menjadi satu tarikan kepada pelancong untuk mendaki ke puncak *The Peak*. Oleh itu saya yakin dengan adanya Perbadanan Bukit Bendera dan rancangan yang bakal dilaksanakan. Bukit Bendera pada satu hari lain juga dapat bersaing dengan *The Peak* di Hong Kong. Walaupun Bukit Bendera tidak berada di KADUN Saya iaitu KADUN Paya Terubong tetapi saya melihat Bukit Bendera mempunyai hubungan yang rapat dengan Paya Terubong. KADUN Paya Terubong yang juga merupakan jiran kepada Bukit Bendera mempunyai satu bukit yang tinggi juga dan bersambung dengan Bukit Bendera. Sekiranya kita mendaki Bukit Paya Terubong atau dikenali sebagai Bukit Penara, pendaki boleh sampai ke Bukit Bendera menggunakan Bukit Paya Terubong. Kedua-dua bukit ini adalah bukit jiran dan berkait rapat. Bukit di Paya Terubong juga mempunyai hutan alam semula jadi yang tidak tercemar dan besar. Ia juga boleh dijadikan atau dimajukan sebagai satu destinasi ekopelancongan atau sebagai satu pusat penyelidikan flora dan fauna.

Saya mencadangkan Perbadanan Bukit Bendera juga boleh mengkaji untuk merangkumi Bukit Paya Terubong atau Bukit Penara sebagai sebahagian pentadbiran Perbadanan Bukit Bendera. Saya percaya Bukit Bendera dan Bukit Paya Terubong boleh memainkan peranan yang besar mempromosikan ekopelancongan di Pulau Pinang. Saya melihat kejayaan Bukit Bendera juga akan membawa kebaikan kepada penduduk di Paya Terubong. Oleh itu saya amat menyokong terhadap penubuhan Perbadanan Bukit Bendera. Saya amat sokong bahawa semangat korporat khususnya prinsip CAT dalam urus tadbir dapat diaplikasikan dalam agensi kerajaan. Dengan semangat korporat saya percaya bahawa Perbadanan Bukit Bendera dapat memainkan peranannya untuk bukan sahaja memulihkan zaman kegemilangan Bukit Bendera sebagai destinasi pelancongan bahkan juga menjana ekonomi negeri Pulau Pinang dan juga Pusat Pemuliharaan Alam Semula jadi. Oleh yang demikian saya mohon menyokong.

Y.B. Dato' Speaker:

Terima kasih, Tanjong Bunga.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Y.B. Dato' Speaker, terima kasih. Salam sejahtera dan terima kasih juga kerana memberi saya peluang untuk berbahas Undang-undang ini iaitu Enakmen untuk menubuhkan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang 2009 ini. Saya amat gembira kerana Enakmen ini dibentangkan supaya mengadakan peruntukan berhubung pengurusan pengendalian dan pengawalan dan penyelenggaraan perkhidmatan kereta api Bukit Bendera dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengannya di kawasan Bukit Bendera. Perbadanan ini juga saya fikir juga lama dinanti-nantikan. Saya memang menyokong Enakmen Penubuhan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang ini dan saya ingin berbahas dalam Bahagian 3 (fasa 20) dan bahagian 6 (fasa 44). Saya fikir dengan adanya perbadanan ini maka kemajuan, pembangunan dan pemuliharaan di kawasan Bukit Bendera akan lebih teratur, sempurna dan berkesan. Memang tepat masanya. Saya hendak ulangi sekali lagi bahawa apa yang ada dalam Rang Undang-undang ini bahawa dan dengan adanya perbadanan ini maka cadangan pembentukan dasar penyelidikan pemajuan Bukit Bendera dan aktiviti-aktiviti lain yang perlu dan bermanfaat untuk mengurus, mengendali, mengawal dan penyelenggaraan perkhidmatan di Bukit Bendera dapat dikemukakan dan dijalankan dengan berkesan.

Dengan adanya juga perbadanan ini, maka ia dapat melantik agen atau pakar perunding yang didapati patut untuk membantu perbadanan dalam menjalankan fungsi-fungsinya dan menjalankan segala aktiviti terutamanya berhubung dengan pelancongan yang berfaedah.

Y.B. Dato' Speaker, mengikut satu kajian dan draf yang disediakan pada 18 Disember 1992, tentang pelan pembangunan Bukit Bendera iaitu *Penang Hill Development Plan* ....(dengan izin) bahawa 2 pelan saya fikir telah dikemukakan iaitu *Penang Hill Development Master Plan* dan Bukit Bendera *Local Plan*. Rancangan Struktur Pulau Pinang bahagian Pulau mengakui bahawa pelancongan adalah salah satu dasar ekonomi untuk Negeri Pulau Pinang, maka Bukit Bendera disyaratkan sebagai satu tempat pelancongan yang menarik dan mustahak. Jadi Bukit Bendera dikenali sebagai satu tempat yang luar biasa iaitu dari segi flora dan fauna, *photography and heritage.* Justeru itu sebarang pembangunan di kawasan ini patut dikaji dan dirancang untuk mengekalkan identitinya. Dengan memahami potensi yang besar di Bukit Bendera maka banyak kajian dan cadangan telah dikemukakan oleh PBT Kerajaan Negeri Pulau Pinang, NGO-NGO dan swasta juga untuk memajukan dan memperkembangkan Bukit Bendera. Maka dalam *Penang Hill Development Master Plan* dan Bukit Bendera *Local Plan* ini....(dengan izin) telah pun disempurnakan oleh JPBD dan MPPP untuk mengenal pastikan pembangunan yang sesuai potensi yang katanya pada satu masa ketika dahulu. Difahamkan objektif kedua-dua pelan ini ialah penganalisisan alam sekitar yang sedia ada ekologi flora dan fauna, kecenderungan bukit dan mengemukakan garis panduan dan cadangan untuk mengawal dan memulihara ciri-ciri dan identiti Bukit Bendera dan ketiga mencadangkan polisi atau strategi untuk pembangunan kawasan Bukit Bendera termasuk *density* ketinggian dan kegunaan tanah dan *distributive* tanah dan keempat menganalisis kapasiti pengangkutan dan kawasan untuk menampung bangunan yang sedia ada dan baru dari segi fizikal, ekologi dan kemudahan dan kelimanya mencadangkan polisi yang sesuai dan projek-projek yang sempurna mampu mempromosikan Bukit Bendera sebagai tempat peranginan bukit iaitu *Hill Resort* ...(dengan izin), utama di Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Speaker, difahamkan juga kawasan Bukit Bendera yang dimaksudkan meliputi lebih kurang 5,463 hektar termasuk Bandar Bukit Bendera dan hutan kekal sekelilingnya. Bukit Bendera adalah salah satu kawasan bukit penuh dengan tumbuh-tumbuhan semula jadi yang tertinggal di seluruh negeri Pulau Pinang. Adalah dianggarkan juga bahawa kita hanya masih ada hutan kekal seluas 9% di seluruh negeri Pulau Pinang dan mengikut rekod Jabatan Perhutanan bahawa daripada 6% hutan kekal yang diwartakan lebih kurang 4% terletak di kawasan Bukit Bendera dan bakinya di Seberang Perai. Walau bagaimanapun mengikut Pewartaan 82 bertarikh 14 Mei 1967 bahawa hutan kekal di Bukit Bendera adalah lebih kurang 2,287 hektar. Mengikut satu laporan lagi menunjukkan bahawa hutan kekal di kawasan Bukit Bendera dianggarkan berterusan kewujudannya selama 70 juta tahun usianya. Untuk makluman cuaca di puncak Bukit Bendera adalah di antara 15 - 27 *Celsius* dan ....(dengan izin) *annual rain fall* lebih kurang 3,126 mm maka lebih kurang 30% bekalan air dari kilang PBA datangnya dari kawasan Bukit Bendera termasuk tadahan air Telok Bahang, *Waterfall,* Ayer Putih, Air Itam dan tadahan lain. Jadi sedikit sebanyak untuk berkongsi berkenaan dengan sejarah pentadbiran kereta api Bukit Bendera. Mengikut satu laporan lama bahawa kereta api Bukit Bendera merupakan satu badan yang tersendiri di bawah Kerajaan Negeri apabila ia ditubuhkan pada 1923. Ketika itu pentadbiran dan penyediaan operasinya diletakkan di bawah Jabatan Elektrik, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan seterusnya pada 1 Januari 1976 perkhidmatan ini telah diambil alih oleh Lembaga Elektrik Negara dan seterusnya pada 1 Februari 1977 pengurusan kereta api Bukit Bendera pengurusan kereta api Bukit Bendera diambil alih oleh Jabatan Kerja Raya sehingga 1982 apabila keseluruhan pentadbiran kereta api Bukit Bendera diambil alih oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Y.B. Dato' Speaker, sejak memulakan perkhidmatannya pada 1923, peralatan dan sistem yang digunakan termasuk landasan rel dan bangunan stesen adalah datang dari sistem asal kecuali *coach* yang digantikan pada 1998 dan kabel pada 1993. Memandangkan peralatan-peralatan itu adalah terlalu lama, kos penyelenggaraan adalah amat tinggi dan selalu berlaku kerosakan. Untuk meningkatkan keupayaan pengangkutan ini bagi memenuhi keperluan masa kini dan hadapan, cadangan

penambahbaikan telah dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan juga dilaporkan bahawa sebagai langkah untuk mempertingkatkan prestasi perkhidmatan kereta api, permohonan peruntukan bagi anggaran belanjawan mengurus dan pembangunan yang dikemukakan bagi tahun 1996 meningkat sebanyak 71.25% dan dari tahun sebelumnya. Jumlah peruntukan yang diluluskan pada tahun 1996 adalah sebanyak RM2 juta. Peningkatan ini adalah berdasarkan di antaranya maklumat-maklumat yang diterima daripada pelanggan melalui media dan individu. Maka juga dilaporkan bahawa lebih kurang 520 ribu pelancong melawati Bukit Bendera dengan hasil RM1.9 juta selepas peningkatan projek itu. Jadi pada amnya pelancong yang mengunjungi Bukit Bendera di samping merasai pengalaman menaiki *funicular train* mereka ingin juga melihat keindahan flora dan fauna juga menikmati udara nyaman dan pemandangan panorama daripada atas Bukit Bendera.

Ini adalah menjadi tanggungjawab Jabatan-jabatan yang terlibat di Bukit Bendera untuk mengekalkan keindahan semula jadi kawasan ini agar ia terus menjadi tempat tumpuan pelancong. Juga dilaporkan daripada masa dahulu, terdapat beberapa jabatan yang bertanggungjawab dalam bidang tugas masing-masing di kawasan Bukit Bendera antaranya JKR Jabatan Kebun Bunga, MPPP dan PBA. Masing-masing jabatan ada kewajipan mereka sendiri. Difahamkan sejak 80 tahun bilangan pekerja daripada Jabatan-jabatan yang berkenaan telah berkurangan berlipat kali ganda menyebabkan kerja-kerja yang dilaksanakan dahulu dengan baik dan kenapa kini selepas 90 tahun telah tidak dapat diselenggarakan dengan sempurna atau diketepikan langsung. Lagi memburukkan keadaan jawatan-jawatan mandur telah dimansuhkan menyebabkan pekerja-pekerja di sini tidak mempunyai penyelia. Jika ada pun mereka tinggal di bawah dan disebabkan keadaan geografi, penyelia jarang-jarang dapat menjalankan tugas mereka. Tanpa pengawasan yang sepatutnya didapati sebilangan besar pekerja di Bukit Bendera yang menjalankan tugas dengan sambil lewa dan tidak menepati masa bekerja sebenar. Dilaporkan juga bahawa JKR bertanggungjawab terhadap kerja-kerja penyelenggaraan bangunan, peralatan awam, jalan-jalan dan kerja-kerja yang berkaitan.

Dahulunya difahamkan mempunyai lebih kurang 30 orang kakitangan termasuk juruteknik dan penyelia. Kemudian hanya tinggal enam (6) orang pekerja rendah awam. Ini disebabkan bilangan pekerja yang tahap tugas-tugas yang dapat dilakukan oleh mereka kini tertumpu kepada kerja-kerja membersihkan pokok tumbang saja. Difahamkan juga bahawa Jabatan Kebun Bunga adalah bertanggungjawab terhadap pengindahan halaman rumah-rumah rehat kerajaan. Bilangan asal pekerja di bawah jabatan ini adalah lebih daripada 20 orang ketika itu dan kemudian tinggal hanya enam (6) orang pekerja rendah awam. Bilangan pekerja MPPP di Bukit Bendera pada masa itu, tinggal seramai enam (6) orang dan tugas-tugas mereka adalah tertumpu kepada membersihkan sampah dan menyapu jalan di sekitar kawasan tumpuan. Sebelum ini terdapat sebilangan pekerja MPPP yang bertugas menanam dan menjaga pokok-pokok bunga. Walau bagaimanapun, pekerja-pekerja ini tidak lagi didapati di Bukit Bendera. Jadi, dari laporan ini menunjukkan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang 2009 ini harus ditubuhkan. Mengikut satu laporan bahawa peruntukan untuk Bukit Bendera pada tahun 1999 hingga 2003 adalah seperti berikut. Jumlahnya adalah RM4.6 juta dan separuhnya dipergunakan untuk projek berikut seperti membina kanopi, menaikkan taraf *railway*, banglo, lampu hiasan di atas bukit, menjaga projek *open air stage* ...(dengan izin) dan menaiktarafkan *Fernhill Bungalow*, menjalankan projek penanaman pokok dan landskap, menaik taraf Escalif Banglo, menaik taraf rumah kuarters dan menaik taraf kios dengan belanja sejumlah RM2.7 juta.

Pada masa kini, semua tempat tersebut di atas telah dibiarkan dan tidak diguna pakai dan ini membazirkan wang. Semua ini juga menjadi kes-kes kejadian manakala kegagalan pengurusan dan penyelenggaraan perbelanjaan disebabkan kekurangan sempurnanya satu sistem dan perbadanan untuk mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti di kawasan Bukit Bendera.

Y.B. Dato' Speaker, mengikut kajian dibuat oleh pada tahun 1997 itu, dari segi *analysis swot*, Bukit Bendera mempunyai kelebihan, kelemahan dan peluang dan amarannya untuk perkembangan pembangunan. Misalnya dari segi kelebihannya ia sebagai satu tempat peranginan bukit yang mempunyai cuaca yang segar dan sejuk dibandingkan di kawasan lain di Pulau. Persekitarannya juga yang menarik, tenteram, sejahtera, ciri-ciri landskap semula jadi, ciri-ciri budaya dan sejarahnya, nilai sentimental dan simboliknya kepada rakyat negeri Pulau Pinang. Ia juga menjadi satu tapak hijau dan rekreasi yang menawan hati semua. Memang ia dapat memberi satu pandangan panoramik seluruh George Town dan Pulau Pinang secara am dan jabatan Pulau Pinang secara khasnya. Kalau dipandang dari segi sekitar dan ekologi ia adalah kawasan tadahan air. Ia adalah satu kawasan tanah kekal, peranannya sebagai satu tapak kajian sains terutamanya flora dan fauna melebihi 200 tahun di sini dan juga dari segi pembangunan Bukit Bendera juga adalah satu kawasan pembangunan yang sedia ada ia tidak payah dibangunkan dari mula yang memakan masa dan kos tinggi. Ciri-ciri sendirinya yang menarik pelancong fungsi rekreasinya. Kebanyakan tanahnya adalah sewaan atau tol di antara 10 hingga 30 tahun maka tanahnya mudah diambil balik haknya untuk kegunaan. Dari segi kelemahannya pandangan dari orang ramai adalah begitu ia kekurangan kemudahan aktiviti dan sifatnya, kekurangan informasi dan panduan tempat menarik di Bukit Bendera, kesesakan kereta api pada masa puncak hari pelepasan dan cuti sekolah selalunya rosak terutamanya dalam 10 tahun kebelakangan ini. Kekurangan kemudahan penginapan atau hotel dan kekurangan tempat makan, restoran, kelalaian penyelenggaraan kemudahan awam termasuk laluan kecil dan sistem perparitan. Kelemahannya dari pandangan penduduk di kawasan Bukit Bendera adalah infrastruktur, kemudahan servis kota yang mundur dan lama. Sistem pengangkutan yang lemah semasa kecemasan, kesempitan ekonomi yang terhad untuk mereka. Kalau dibandingkan dari segi pembangunan ia tidak cukup tanah datar untuk pembangunan, ia terletak di kawasan *ecological sensitive* dan ia menghadapi kekurangan infrastruktur dan servis iaitu *backup* servis ...(dengan izin). Ia susah untuk *access* atas bukit hanya dengan *funicular train* yang lama itu dan jalan kaki. Satu lagi kelemahannya ialah pengangkutan bahan binaan dan mesin berat ke atas bukit.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Tanjong Bunga mungkin boleh membuat kesimpulan. Saya akan tamatkan perbahasan pada hari ini juga. Jadi lagi satu dua lagi ahli yang bahas. Okey dari segi peluangnya ialah pembangunan yang sedia ada boleh pembaikpulihan dan diguna pakai semula untuk memberi lebih banyak kemudahan. Kita boleh dapati lebih kurang 75 buah bangunan dan binaan warisan banglo yang cantik *architecture* di kawasan Bukit Bendera. Menaik taraf teknikal *train* Bukit Bendera termasuk menukarkan sistem motor elektrik dan landasan yang lama, memperkuatkan struktur sokongan, memperbaharui konsep *management* iaitu Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang akan membantu. Menggalakkan aktiviti mendaki ke bukit, dibenakan lebih banyak *team park* yang menarik dan juga membina sistem pengangkutan konsep terbaru iaitu yang selalu dicadangkan *escalator* dan juga adanya *roller coaster*. Dari segi amaran atau *fact* nya iaitu pencerobohan aktiviti pertanian, penanaman di tanah kerajaan.

Ahli Kawasan Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim):

Time of order 46 (5). Seorang pembahas tidak seharusnya membaca. Saya tengok Yang Berhormat tunduk baca, Y.B. Dato' Speaker kata gulung pun dia tidak boleh, dia kena baca teks. Ini kita telah *tolerate* sampai tengah dua tahun. Penggal sekali lagi dalam persidangan kami tidak biarkan mana-mana Ahli Yang Berhormat yang

membaca teks. Kita diam saja daripada dulu sampai sekarang tetapi tah apa-apa dia cakap pun, Y.B. Dato' Speaker suruh gulung pun dia tidak boleh hendak gulung kerana dia membaca.

Y.B. Dato' Speaker:

Tidak mengapa. Jadi Tanjong Bunga boleh dalam satu ayat, boleh tamatkan perbahasan.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu):

Ini semua rujukan daripada laporan yang ada dibuat oleh yang saya kata rujukan dari kajian dahulu. Untuk ringkasnya kesimpulannya saya memohon menyokong. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (Y.B. Puan Hajah Jahara binti Hamid):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Assalamualaikum warohmatullah hiwabarokatuh. Sebenarnya Y.B. Dato' Speaker, kita semuanya sayang Bukit Bendera, kita semua sayang dan sentimen Pulau Pinang, feri Pulau Pinang, Batu Feringhi dan Bukit Bendera. Bak kata orang Melayu pasak bumi, tiang seri dan juga ....(dengan izin) *the jewel in the ground.* Jadi biarlah kita sama-sama memelihara, apa yang sangat bernilai untuk negeri Pulau Pinang ini.

Saya ingin membangkitkan Seksyen 24 (1), Seksyen 22 (1), Seksyen 35 (1) dan (2), Ini yang menjadi keraguan bagi pihak kita yang mana saya rasa seksyen-seksyen ini memberi satu *blanked approval* ...(dengan izin), ataupun *blank cheque* kepada perbadanan dan sekiranya kita meluluskan Rang Undang-undang ini tidak boleh hendak patah balik. Ini bermakna melalui Seksyen (1), peruntukan peletakan hak kan. Terpaksa baca juga kena rujuk kepada peruntukan. Di mana tidak ada satu had kerana melalui warta Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa, bukan sekali saja letak hak. Dari semasa ke semasa maknanya bila-bila masa pun boleh letak hak dan tidak ada pula sebutkan banyak berlingkungan kuasa itu, mana *boundary* atau hadnya. Ianya melalui peruntukan peletakan hak ini retrospektif melalui 4 (2) ini, maknanya boleh patah balik belakang apa semua yang telah diletak hak ini. Saya hendak ringkaskan masa. Perkara kedua iaitu Seksyen 22 (1) Kuasa-Kuasa Perbadanan juga satu *blank cheque.* Di mana melalui 22 (1) sekiranya selain daripada kuasa-kuasa dinyatakan di bawah Seksyen 21 (1), (2) (a) sampai (g). Ditambah pula dengan Seksyen 22 (1) di mana perbadanan boleh mengusahakan apa-apa fungsi lain menjalankan apa-apa kuasa lain dan membelanjakan apa-apa wang lain bagi apa-apa maksud. Ini apa-apa ini yang memang tidak ada had. Apa-apa saja adalah sekarang di dalam bidang kuasa perbadanan. Fikirkanlah.

Melalui Seksyen 31(1) aset tidak boleh dilupuskan tanpa kelulusan, perbadanan tidak boleh tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri selepas berunding dengan Menteri Kewangan melupuskan dan sebagainya tetapi melalui Seksyen 32 sub Seksyen 2, sub Seksyen 1 tidak terpakai berkenaan dengan penjualan mana-mana tanah yang telah dipecah bahagikan kepada kilang, perumahan atau lot-lot kedai tanpa mengira sama

ada tanah itu diniatkan untuk dijual atau tanpa bangunan dibina atasnya atau tidak *another blank cheque*. Jadi inilah saya rasa perkara yang amat bimbang kerana ianya memberi satu kuasa yang tidak terhad kepada perbadanan. Oleh itu, saya ingin syorkan sekurang-kurang ia adalah satu bentuk *consultation* dengan rakyat atau pihak-pihak yang mempunyai kepentingan seperti orang menyangai *heritage* dan alam sekitar dan sebagainya. Jadi itulah saya ingin sebut dan oleh itu saya mengesyorkan supaya ianya dapat disemak semula dan dikaji dengan lebih teliti sebelum kita memberi *blank cheque* kepada perbadanan. Terima kasih.

Y.B. Dato' Speaker:

Ya, teruskan Y.B. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato Haji Jasmin bin Mohamed):

Y.B. Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian dalam Enakmen Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang 2009. Yang pertama, Y.B. Dato' Speaker, kita melihat dalam Enakmen tidak dijelaskan sempadan sebenar perbadanan ini sepertimana yang disebut oleh Y.B. Telok Ayer Tawar tadi. Dalam Enakmen dinyatakan bahawa ianya akan diwartakan daripada masa ke semasa dan kita bimbang apabila warta daripada masa ke semasa memberi kuasa kepada orang tertentu untuk memperluaskan dan akhirnya penumpuan tidak dapat diberikan dibangunkan ke arah membangunkan Bukit Bendera itu sendiri ataupun menjaga kepentingan Bukit Bendera sebagai satu kawasan pelancongan. Sebab itu Enakmen ini tidak perlu kita sokong buat masa dan kita minta ianya ditarik balik supaya perbadanan apabila kita bercakap tentang perbadanan, kita perlu meletakkan satu sempadan yang jelas supaya orang tahu apabila dikatakan sempadan persempadanan Perbadanan Bukit Bendera sudah tahu keluasannya daripada had di mana dan sebagainya.

Yang kedua, saya bimbang apabila kita memberikan kuasa yang terlalu besar kepada perbadanan ini nanti untuk membangunkan Bukit Bendera ini dalam keghairahan dia untuk mencari sumber kewangan, dia akan merosakkan alam semula jadi yang ada dalam Bukit Bendera ini. Maknanya kawasan-kawasan bukit diteroka untuk dibina sesuatu yang boleh menjejaskan keadaan dalam alam sekitar dan juga flora dan fauna ini. Jadi kita ingat dia akan menimbulkan permasalahan untuk negeri kita pada masa akan datang untuk menjaga alam sekitar di negara kita dan kita harap perkara ini juga dipertimbangkan.

Yang ketiga, saya melihat perbadanan ini akan menggambarkan satu sistem yang tidak mengikut perundangan Islam dalam soal sistem kewangan. Sebab itu saya minta Ahli daripada kawasan Penanti, kawasan Batu Maung dan juga kawasan Sungai Bakap supaya menolak pindaan ini kerana apabila kita bercakap tentang Seksyen 32 soal-soal Kumpulan Wang Yang Hendak Dibelanjakan (d) dia kata membayar balik apa-apa yang dipinjam di bawah Enakmen dan bunga. Apabila yang disebutkan tentang bunga ini jelas menunjukkan kita jelas menunjukkan kita akan menjalankan sistem riba. Ini sepatutnya tidak boleh diamalkan. Jadi saya minta Ahli daripada Penanti, Batu Maung jangan menyokong usul kerana kita akan menerima bahana begitu juga kerana kita akan bertanggungjawab sama. Jadi Y.B. Dato' Speaker, saya memohon supaya Enakmen ini ditolak. Assalamualaikum.

Y.B. Dato' Speaker:

Y.B. Telok Bahang, tidak mengapa cakap.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya):

Terima kasih Y.B. Dato' Speaker, saya memang bersetuju dengan rakan-rakan sebelah sini tentang pandangan-pandangan mereka tentang kuasa-kuasa yang diberi cukup banyak dalam Enakmen ini. Cukup banyak dan jadi ini mungkin membimbangkan kita semua. Saya pun bimbang juga Y.B. Dato' Speaker, sama ada Rang Undang-undang nampaknya dibuat terlalu cepat. Saya bimbang ada desakan-desakan dari mana-mana pihak. Saya teringat sejarah Bukit Bendera ini semasa saya masuk jadi EXCO tahun 1990 dahulu. Kes yang pertama yang dibincangkan yang dibentangkan di EXCO ini ialah kes ini. Cadangan daripada pihak Berjaya *Corporatioan* yang hendak buat pembangunan yang begitu *massive* di atas Bukit Bendera. Cukup-cukup *massive* dan kita bimbang dengan *carrying capacity* di atas Bukit Bendera itu tentang kapasiti kereta api, tentang berbagai-bagai, tentang air, bekalan elektrik, tentang *sewerage* sistemnya tentang sampah *treatment* dan sebagainya. Jadi ini perkara-perkara yang kita takut berulang Y.B. Dato' Speaker, bila dibuat, bila mempunyai kuasa yang begitu tinggi di dalam Enakmen ini maka pihak perbadanan ini mungkin buat yang sewenang-wenangnya dan tidak mengambil kira tentang *heritage* kualiti yang ada di Bukit Bendera itu, Y.B. Dato' Speaker.

Jadi saya harap, saya syorkan supaya dikaji semula, ditangguhkan dahulu dan dikaji semula undang-undang ini secara lebih mendalam.

Y.B. Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi perbahasan telah pun tamat berhubung dengan Perbadanan Bukit Bendera. Sesi penggulungan oleh Y.A.B. Ketua Menteri akan disambung esok.

Sambung esok kerana tidak cukup masa. Cukup masa. Tunggu pukul 5.00 dan kita boleh sambung 15 minit lagi.

Kita sambung esok. Saya hendak tamatkan hari ini dan kita sambung sesi penggulungan oleh Y.A.B. Ketua Menteri esok. Jadi sidang ditangguhkan dan akan disambung semula pada hari Selasa, 11 Ogos 2009 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.55 petang

JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN BERTULIS

I. Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri**:**

1. Senaraikan latar belakang kelayakan akademik YB Timbalan Ketua Menteri 1 dan apakah portfolio yang dipegang oleh beliau dalam Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Y.B. Tuan Mansor bin Othman, Timbalan Ketua Menteri I mendapat pendidikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial, Sarjana Sains Sosial dari Universiti Sains Malaysia, juga Sarjana Sastera dan Sarjana Falsafah (M.Phil) daripada Universiti Yale, United Kingdom.

   Portfolio yang dipegang oleh beliau ialah Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Perhubungan Masyarakat dan Koperasi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Nyatakan status pelaksanaan, masalah dan kekangan yang dihadapi bagi melaksanakan projek-projek PORR, Monorel/LRT, Jambatan Kedua Pulau Pinang dan Empangan Mengkuang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Status melaksanakan, masalah dan kekangan yang dihadapi bagi melaksanakan projek-projek PORR, Monorel/LRT Jambatan Kedua Pulau Pinang dan Empangan Mengkuang adalah seperit berikut :

   (a) Projek PORR

   Projek Lingkaran Luar Pulau Pinang adalah projek prasarana besar di bawah Kerajaan Persekutuan yang diuruskan oleh Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM). Projek ini telah dicadangkan di bawah RMKe-6 dan dibawa sehingga ke RMKe-9 bertujuan untuk menyelesaikan masalah lalu lintas di dalam Bandar George Town khususnya.

   Kerajaan persekutuan melalui Kajian Separuh Penggal (KSP) RMKe-9 telah memutuskan agar projek PORR ditangguhkan pelaksanaannya. Kerajaan negeri telah membuat permohonan agar Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan semula pelaksanaan projek-projek tersebut. Memandangkan kos pelaksanaan projek yang tinggi, maka kerjasama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan adalah perlu bagi memastikan projek ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

   (b) Projek Monorel / LRT

   Projek Monorel adalah projek Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Projek tersebut penswastaan dijangka dilaksanakan melalui konsep oleh Kerajaan Negeri adalah di bawah penyelarasan Unit Kerjasama Awam Swasta (dahulu dikenali sebagai Seksyen Penswastaan), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, UPE, JPM. Kerajaan Persekutuan sebelum ini bercadang supaya projek Monorail Pulau Pinang dilaksanakan melalui Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB). Walau bagaimanapun, projek Monorel ini telah ditangguhkan di bawah Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-9 disebabkan oleh kekangan peruntukan serta keperluan terhadap projek-projek lain yang lebih mendesak.

Jambatan Kedua Pulau Pinang

Jambatan Kedua Pulau Pinang adalah projek Kerajaan Persekutuan yang dijalankan secara *Private Fund Initiative (PFI).* Syarikat Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) telah dilantik sebagai syarikat konsesi bagi pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang ini yang dijangka siap pada tahun 2013. Sehingga kini, JKSB telah melantik CHEC Construction (M) Sdn Bhd (CHEC) sebagai kontraktor bagi kerja-kerja Pakej 1 *(Main Navigation Span And Substructures And Foundation Works For Approach Span)* dan Pihak UEM Builders (UEMB) sebagai kontraktor bagi Pakej 2 *(Super-structure Works Of Approach Spans*.

Bagi Pakej 1, kerja-kerja yang telah dimulakan di tapak adalah kerja pengerukan laut *(Dredging)* bagi membolehkan laluan jentera-jentera pembinaan serta pembinaan jeti sementara di Batu Kawan dan Batu Maung. Kemajuan kerja sehingga akhir Jun 2009 adalah sebanyak 4.7%. Kos keseluruhan bagi Pakej 1 adalah RM2.2 billion.

Bagi Pakej 2, pihak UEMB yang telah memulakan kerja-kerja awalan di tapak seperti pembinaan lapangan pra-tuang untuk *Segmental Box Girder* serta pembinaan kemudahan jeti sementara di Batu Kawan. Kos keseluruhan bagi Pakej 2 adalah RM 1.5 billion.

Bagi Pakej 3 (Land Portion Works), kerja-kerja mereka bentuk sedang dijalankan oleh jurutera perunding yang dilantik sebelum JKSB memulakan proses tender.

Empangan Mengkuang

Projek Pembesaran Empangan Mengkuang adalah projek yang diluluskan di bawah RMKe-9 dengan kos keseluruhan sebanyak RM 955 juta termasuk kos pengambilan balik tanah. Projek ini dijangka dimulakan pada bulan November 2009. Tempoh penyiapan projek dijangka selama empat (4) tahun. Status pelaksanaan setakat ini adalah di peringkat akhir pengambilan balik tanah. Sebanyak 169 lot tanah daripada 190 telah dibuat pengambilan dan 21 lot lagi di peringkat terakhir proses pengambilan. Juru perunding telah pun dilantik iaitu Angkasa Consultant Services Sdn. Bhd dan surat niat telah dikeluarkan kepada kontraktor China International Water Electrical (CIWE) pada 29 Jun 2009 oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air.

Masalah yang dihadapi dalam projek ini adalah nilai pampasan tanah dan bangunan akan meningkat daripada anggaran asal dan kemungkinan pemilik tanah akan mengemukakan bantahan ke mahkamah yang akan melibatkan peningkatan kos pampasan. Selain itu, memandangkan projek ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan secara pinjaman, Kerajaan Negeri perlu mengemukakan notis pengeluaran bayaran kepada Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Perincikan 12 produk utama pelancongan untuk dilawati oleh pelancong yang dimasukkan dalam kalender Tahun Melawat Pulau Pinang 2010 - 2012. Apakah justifikasi dilaksanakan selama 3 tahun. Berapakah jumlah pelancong dijangka akan hadir dan berapakah kos Kerajaan Negeri untuk tujuan promosi dan jangkaan pendapatan bagi setiap tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kalendar Tahun Melawat Pulau Pinang tahun 2010 - 2012 bagi produk-produk pelancongan untuk dilawati masih dalam proses perbincangan dan belum diumumkan. Ianya hanya akan dikeluarkan selewat-lewatnya pada bulan Disember 2009. Justifikasi mengadakan tahun melawat Pulau Pinang selama tiga (3) tahun adalah merupakan salah satu aktiviti dari program rancangan 5 tahun industri pelancongan Pulau Pinang untuk

mencapai dan merealisasikan sasaran kemasukan 10 juta pelancong ke negeri ini menjelang tahun 2014. Kos peruntukkan Kerajaan Negeri bagi tujuan mempromosi pelancongan Pulau Pinang adalah RM3 juta setiap tahun.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila senaraikan pecahan peruntukan yang diberikan kepada aktiviti-aktiviti keagamaan mengikut kaum Melayu, Cina dan India.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sehingga 30 Jun 2009, peruntukan yang telah diagihkan bagi tujuan aktiviti keagamaan mengikut kaum ialah seperti berikut:

Melayu	-	RM435,400.00
Cina	-	RM50,600.00
India	-	RM101,225.00

Perincian agihan peruntukan ialah seperti berikut:-

Pecahan Peruntukan bagi Tujuan Aktiviti Keagamaan (Sehingga 30 Jun 2009)

Bil.	Aktiviti Keagamaan	Peruntukan (RM)
Kaum : Melayu		
1	Sumbangan bulan Ramadan kepada 205 masjid.	213,000.00
2	Sambutan Maulidur Rasul 2009 Surau Taman Merak, Surau Taman Idaman, Surau Taman Murni Jaya, Surau Taman Merah Jaya, SPS.	3,000.00
3	Program Ihya', Majlis Silaturrahim Masjid At-Taqwa/ Taman Brown/Taman Tun Sardon.	2,000.00
4	Program Ceramah Agama 11 malam Maulidur Rasul 2009 pada 26.2 - 8.3.2009 di Wisma YMSC, No. 27 King Street, Penang.	3,500.00
5	Majlis Sambutan Maulidur Rasul Madrasah Al-Badar.	1,000.00
6	Solat Hajat Perdana pada 5.2.2009 di Masjid Bandar Perda, SPT.	12,900.00
7	Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri pada 20.6.2009 di Masjid Daerah SPS.	100,000.00
8	Maulidur Rasul Peringkat Negeri pada 9.3.2009 di Dewan Sri Pinang.	100,000.00
	Jumlah	**435,400.00**

Bil.	Aktiviti Keagamaan	Peruntukan (RM)
Kaum : Cina		
1.	Penang Combined Chinese Charity Carnival pada 25 Mei 2009 di Perangin Mall, Penang.	5,000.00
2.	Aktiviti Pertubuhan Penganut Dewa Hock Teik di Taman Dahlia, Butterworth.	5,000.00
3.	Aktiviti Rumah Berhala Tow Boo Keong, Butterworth.	10,000.00
4.	Aktiviti Pertubuhan Hui Yin Seh Jalan Lintang Air Itam, Pulau Pinang.	10,000.00
5.	Aktiviti Tokong Tian Gong Tan Lebuh Kampung Benggali, Butterworth.	10,000.00
6.	Aktiviti Tokong Dewa Heap Thean Keong, Bagan Jermal.	5,000.00
7.	Perayaan Phor Thong, Jalan Mohd. Saad, Butterworth.	3,000.00
8.	Perayaan Penganut Dewa Tang Hoi Loh Chia, Air Itam, Pulau Pinang.	2,600.00
	Jumlah :	**50,600.00**

Bil.	Aktiviti Keagamaan	Peruntukan (RM)
Kaum : India		
1.	Thaipusam di Kuil Waterfall, Pulau Pinang.	40,000.00
2.	Penang State Thamilar Thirunaal Celebration pada 14 Mac 2009 Dewan Bosh, Kompleks Masyarakat Penyayang, Jalan Residensi, P. Pinang.	5,000.00
3.	Upacara Sembahyang Maha Kumba Abigesham, Simpang Ampat, SPS.	10,000.00
4.	Aktiviti Malaysia Hindu Sangam, Butterworth.	3,000.00
5.	Aktiviti Persatuan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman, Juru.	3,000.00
6.	Aktiviti Persatuan Kebajikan Shri Amman, Seberang Perai.	1,225.00
7.	Aktiviti amal Persatuan Dravidian Malaysia pada 10 Mei 2009 bertempat di Pusat Perkhidmatan PDM, Batu Kawan, Taman Cempaka, Simpang Empat, SPS.	3,000.00
8.	Aktiviti Kuil Sri Maha Kaliamman, Ladang Byram.	3,000.00
9.	Aktiviti Penganut Devi Periacheen Amman, Butterworth.	5,000.00
10.	Program Thirumurai Malaysia Hindu Sangam, Tanjung Bunga.	5,000.00
11.	Perayaan Kuil Sri Muniswaran, Batu Uban, Pulau Pinang.	5,000.00
12.	Perayaan Kumbhabhisegam di Kuil Sri Ruthra Vaeramuthu Maha Mariamman, Ayer Itam.	10,000.00
13.	Aktiviti Penganut Dewi Sri Nagakenni A, Ujung Batu, Bagan Dalam, Butterworth.	8,000.00
	Jumlah	**101,225.00**

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapakah jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk sektor pelancongan. Berapakah pula perbelanjaan Kerajaan Persekutuan untuk sektor pelancongan. Berikan perincian pecahan perbelanjaan bagi kedua-dua sumber itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Jumlah perbelanjaan Kerajaan Negeri bagi sektor pelancongan adalah sebanyak RM3 juta yang digunakan untuk mempromosi dan memasarkan produk-produk pelancongan Pulau Pinang. Manakala perbelanjaan Kerajaan Persekutuan untuk sektor pelancongan di Pulau Pinang pula adalah berjumlah RM300 juta. Sebanyak RM250 juta diperuntukkan bagi projek infrastruktur untuk pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan selebihnya adalah peruntukkan bagi projek untuk menyiapkan Pelabuhan Swettenham.

   Maklumat terperinci berkaitan jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan untuk sektor pelancongan tidak diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan yang telah diluluskan kepada Kerajaan Negeri.

   Peruntukkan sebanyak RM60 juta untuk menaik taraf sistem Kereta api Bukit Bendera sebanyak RM40 juta adalah peruntukan sedia ada di bawah RMKe-9 manakala RM20 juta lagi diperuntukkan melalui pakej Rangsangan Ekonomi Kedua.

   Peruntukkan RM7 juta untuk meningkatkan kemudahan tempat-tempat pelancongan di Taman Botani antaranya projek *bamboosetum, eco-stream* dan penubuhan *business centre*.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Berapakah jumlah pendapatan kerajaan dan pendapatan pengusaha sektor pelancongan di negeri ini. Berikan mengikut pecahan *'trade'.*

   (b) Perincikan projek pelancongan dan jumlah pelaburan yang sedang dan akan dibuat oleh pihak swasta.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Pendapatan Kerajaan Negeri adalah diperolehi daripada yuran pengeluaran dan pembaharuan lesen-lesen tempatan, manakala pendapatan daripada caj 10 peratus Cukai Perkhidmatan Kerajaan (GST) pula diperolehi melalui Kerajaan Persekutuan. Mengikut rekod *Penang Health Association*, jumlah pendapatan sektor pelancongan perubatan bagi tempoh Mac hingga Disember 2008 adalah sebanyak RM146,893,385 berikutan daripada kehadiran 189,646 orang *medical tourist* yang melancong ke negeri ini bagi tujuan perubatan. Manakala bagi tempoh Januari hingga Jun 2009 pula, sebanyak RM78,547,691 terhasil dengan kedatangan 97,811 orang *medical tourist*. Menurut jangkaan Persatuan Hotel Malaysia (Pulau Pinang), pendapatan daripada sektor perhotelan bagi tahun 2009 dijangka sebanyak RM675 juta.

(b) Di negeri ini terdapat pelbagai projek pelancongan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak swasta. Projek-projek pelancongan dan pelaburan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh pihak swasta secara terperincinya ialah:-

(i) Projek menaik taraf hotel serta pembinaan hotel-hotel baru seperti berikut:-

(i) Hotel Hard Rock
(ii) Hotel Flamingo
(iii) Hotel Eastin
(iv) Royal Bintang
(v) Lone Pine
(vi) E&O New Tower
(vii) Baby G Hotel
(viii) Cititel Express
(ix) Hotel Rice Miller

(ii) Cadangan pembinaan kereta kabel dari Taman Botani Ke Bukit Bendera dan cadangan membangunkan *Auto-City Theme Park* di kawasan Juru.

(iii) Cadangan pembinaan pusat perubatan pakar sebagai usaha memajukan Industri pelancongan perubatan.

(iv) Projek menaik taraf sistem kereta api Bukit Bendera.

(v) Projek pembangunan Pusat Makanan Laut di Galeri Kraf di Batu Kawan, serta projek-projek *homestay*; dan

(vi) Cadangan pembangunan *Water Homes Resort* di Teluk Kumbar.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Penduduk Kampung Buah Pala mendakwa bahawa pihak calon yang bertanding dalam pilihan raya Umum Ke 12 pada bulan Mac 2008 yang kini membentuk Kerajaan Negeri telah tidak mengotakan janji-janji yang telah dibuat semasa kempen pilihan raya. Apakah yang telah dijanjikan dan oleh siapa. Apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah di kampung tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan negeri Pakatan Rakyat tidak menafikan bahawa terdapat calon-calon yang bertanding dalam Pilihan Raya Umum Kedua belas telah berjanji untuk mempertahankan Kampung Buah Pala daripada dirobohkan. Ini memang dilaksanakan atas sokongan perjuangan mereka sehingga Kampung Buah Pala masih berdiri sehingga hari ini. Sekiranya Barisan Nasional masih memerintah, maka ia hanya tinggal pasir dan debu sahaja. Y.B. patut tahu ini adalah angkara Barisan Nasional yang rampas tanah mereka.

Namun, Perintah Mahkamah Persekutuan yang telah diperoleh oleh pihak pemaju tidak menyebelahi pihak penduduk-penduduk Kampung Buah Pala. Pihak Kerajaan Negeri juga tidak boleh mengingkari perintah mahkamah selaras dengan prinsip menegakkan kedaulatan undang-undang.

Atas sebab ini, Kerajaan Negeri telah memainkan peranan yang gigih untuk berunding dengan pihak pemaju supaya setiap rumah yang akan dirobohkan dapat ditawarkan dengan sebuah rumah teres bertingkat dua dengan keluasan tanah 1,200 kaki persegi dan keluasan kawasan binaan 1,400 kaki persegi. Ini merupakan formula *"win-win"* yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dan pihak pemaju untuk menyediakan rumah gantian bagi penduduk-penduduk yang terlibat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Ada desakan kepada pihak Kerajaan Negeri supaya mewujudkan kampung tradisi orang India. Apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam hal ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kewujudan perkampungan tradisi mana-mana kaum di negeri Pulau Pinang adalah penting untuk memelihara dan mengekalkan ciri-ciri budaya tradisional. Perancangan untuk mewujudkan perkampungan tradisional dibuat berdasarkan penelitian yang terperinci terhadap keperluan kewujudan perkampungan tradisional serta impak kewujudannya ke atas pelbagai aspek seperti perancangan tempatan, ekonomi, interaksi sosial, perkembangan budaya, pelancongan dan lain-lain lagi. Pendirian Kerajaan Negeri adalah sentiasa memberi perhatian terhadap kawasan atau perkampungan tradisional yang sedia ada yang memiliki nilai sejarah dan budaya tradisional tanpa mengira kaum di negeri ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Jelaskan dengan terperinci, mengapa sampah-sarap di kawasan Balik Pulau kini tidak dikutip. Perincikan kenderaan digunakan, kekerapan dan perkara-perkara yang berkaitan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerja-kerja pungutan sisa pepejal dijalankan setiap hari di zon Balik Pulau. Bagi kawasan kampung, hari kutipan dibahagikan kepada dua (2) jadual kutipan iaitu Isnin, Rabu, Jumaat (1, 3, 5) dan Selasa, Khamis dan Sabtu (2, 4, 6). Bagi kawasan perumahan, hari kutipan dijalankan selang sehari. Kutipan sampah dibuat setiap hari bagi tong-tong 660 liter di jalan-jalan utama serta kedai-kedai. Pada dasarnya, MPPP memerlukan 4 buah lori *'compactor unit (CU)'* untuk menyempurnakan kerja-kerja pungutan sampah di kawasan Balik Pulau. Namun demikian, MPPP menghadapi masalah kekurangan lori CU untuk menjalankan kerja-kerja pungutan sisa pepejal. Di samping itu, MPPP juga menghadapi masalah kekurangan lori *'High Side Tipper (HST)'* di zon Balik Pulau. Masalah kekurangan lori ini perlu diselesaikan agar pengurusan sisa pepejal di zon Balik Pulau dapat dipulihkan. Lori-lori lama tersebut sering dilaporkan rosak.

Perincian kenderaan yang digunakan, kekerapan dan perkara-perkara berkaitan kerja-kerja pungutan sisa pepejal adalah seperti berikut:-

(a) Pungutan

(i) MPPP menyediakan sistem pungutan sampah di kawasan Balik Pulau dari rumah ke rumah.

(b) Waktu Pungutan

(i) 6.30 pagi hingga 2.30 petang.

(c) Kenderaan yang digunakan

(i) CU 4 buah – digunakan untuk memungut sampah domestik.

(ii) ML – digunakan untuk memungut sampah pasar.

(iii) MML – digunakan untuk memungut sampah dari kampung-kampung

(iv) HST – digunakan untuk memungut sampah kebun dan lain sampah *'Bulky'*.

(d) Jumlah pungutan harian keseluruhan

(i) Pungutan harian adalah seberat 12 hingga 14 tan.

(e) Permintaan kenderaan harian di kawasan Balik Pulau adalah seperti berikut:-

(i) 4 unit CU setiap hari

1 unit ML

(iii) 1 unit MML

(iv) 2 unit HST

(f) Masalah sampah tidak dipungut di kawasan Balik Pulau

(i) MPPP sedang dalam proses menswastakan pengurusan sisa pepejal dan tidak membeli apa-apa kenderaan bagi tujuan tersebut sejak sepuluh tahun yang lepas.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Berikan jumlah dan perincian yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk projek-projek bekalan dan pembangunan kepada KADUN dalam kawasan Parlimen Balik Pulau pada tahun 2008 dan sehingga Julai 2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Bermula pada tahun 2008 sehingga Julai 2009, jumlah yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri untuk projek-projek bekalan dan pembangunan dalam kawasan Parlimen Balik Pulau adalah sebanyak RM110,200.00. Jumlah dan perincian bagi perbelanjaan untuk projek bekalan dan pembangunan tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Projek	Jumlah Pertuntukan
1.	Membersihkan dan mengindahkan Kampong Terang – JKKK Kampung Terang	2,680.00
2.	Membersihkan dan mengindahkan Kampung Simpang Empat	3,000.00
3.	Kerja-kerja gotong royong di kawasan JKKK Pondok Upeh	5,000.00
4.	Kerja-kerja gotong royong di kawasan JKKK Sungai Burung	5,000.00
5.	Kerja-Kerja gotong royong di kawasan JKKK Sungai Burung 2	5,000.00
6.	Kerja-kerja gotong royong di kawasan JKKK Pulau Betong	4,900.00
7.	Kerja-Kerja gotong royong di kawasan JKKK Kampung Genting	4,620.00
8	Menjalankan kerja pemotongan pokok dan pembersihan di kawasan DUN Bayan Lepas	6,900.00
9.	Menjalankan kerja menurap tar jalan di Kawasan JKKK Sungai Batu	4,500.00

10.	Membaiki Parit Di Kawasan JKKK Sungai Gertak Sanggul	4,800.00
11.	Kerja-Kerja Gotong Royong Di Kawasan Gertak Sanggul	4,800.00
12.	Menambak Tanah Merah Dan Menanam Rumput Untuk JKKK Sungai Batu	4,000.00
13.	Menjalankan Kerja Membaiki Surau Lama Kampung Sungai Ara	5,000.00
14.	Menjalankan Kerja Menurap Tar Jalan Di Kawasan JKKK Bukit Gemuroh	5,000.00
15.	Menjalankan Kerja Menurap Tar Jalan Di JKKK Teluk Kumbar	5,000.00
16.	Membekal Crush Sand Dan Pasir Untuk JKKK Sungai Pinang	1,000.00
17.	Menjalankan Kerja Binaan Untuk Program Gotong Royong JKKK Jalan Bharu	4,700.00
18.	Menjalankan Kerja Binaan Dan Memperbaiki Bumbung Untuk JKKK Teluk Bahang	2,000.00
19.	Menambak Crush Sand Dan Pasir Halus Untuk Kampung Nelayan Sungai Pinang	2,000.00
20.	Menjalankan Kerja Binaan Serta Membekal Bahan Untuk JKKK Permatang Pasir	4,950.00
21.	Menjalankan Kerja Binaan Dan Membekal Bahan Untuk Kerja Gotong-Royong Di Kawasan JKKK Teluk Bahang	2,500.00
22.	Menjalankan Kerja Binaan Dan Membekal Bahan Untuk Kerja Gotong-Royong Di Sungai Rusa	2,500.00
23.	Menjalankan Kerja Binaan Dan Membekal Bahan Untuk Kerja Gotong-Royong Di Kampung Bangsai Rawa, Teluk Bahang	1,500.00
24.	Menebang 4 batang pokok di Kampung Rawai Dan Kampung Masjid	1,400.00
25.	Membaiki Titi dan mengorek parit di Kampung Kecil, Sungai Pinang	2,400.00
26.	Membaiki lantai simen pejabat JKKK Pantai Acheh	2,000.00
27.	Membaiki bumbung rumah mayat Sungai Pinang – Pertubuhan Dewan Hen Teng Seng Tee	10,370.00
28.	Membersihkan dan mengindahkan mawasan JKKK Teluk Bahang	2,680.00
Jumlah Keseluruhan		**110,200.00**

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berikan perincian status pelaksanaan, berserta dengan alasan jika berlaku kelewatan, bagi setiap projek yang telah diumumkan oleh YAB Ketua Menteri dalam tahun 2008 yang melibatkan pelaburan dari luar dan dalam negeri. Senaraikan nilai pelaburan baru (dari dalam dan luar negeri) dalam tahun 2009 bermula dari bulan Januari dan status masa kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Status pelaksanaan bagi projek-projek industri yang telah diluluskan oleh MIDA pada tahun 2008 yang melibatkan pelaburan dari dalam dan luar negeri adalah seperti berikut:

Status Pelaksanaan	Bilangan Projek
Perancangan Aktif	60
Pemasangan Mesin	14
Pengeluaran	68
Lokasi Diperolehi	5
Operasi Dihentikan	2
Operasi Dihentikan Sementara	1

Maklumat yang diperolehi daripada MIDA menunjukkan jumlah pelaburan yang telah diluluskan sejak Januari hingga Mei 2009 ialah RM1.1 billion melalui 47 projek. Daripada jumlah ini, RM327.0 juta adalah pelaburan domestik dan RM802.3 juta adalah pelaburan asing. Jumlah pelaburan baru ialah RM865.4 juta melalui 30 projek, iaitu RM273.0 juta adalah pelaburan baru domestik dan RM592.4 juta adalah pelaburan baru asing. Berdasarkan projek yang telah diluluskan di seluruh Malaysia mengikut negeri, Pulau Pinang berada di kedudukan keempat (4) selepas Johor, Selangor dan Sarawak.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah objektif pendaftaran warga emas diadakan dan berikan jadual pelaksanaannya. Berapakah jumlah yang tersenarai sekarang dan bagaimanakah pihak kerajaan memastikan yang semua maklumat yang diberikan dalam borang berkenaan tidak terjatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab. Bilakah bayaran sagu hati akan mula dibayar, berapa jumlah bagi setiap individu dan jumlah keseluruhan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Objektif pendaftaran warga emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang dilakukan adalah untuk:

(i) Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga emas yang telah berjasa kepada negeri Pulau Pinang;

(ii) Mendapatkan data terbaru dan terkini mengenai warga tua yang ada di negeri Pulau Pinang; dan

(iii) Mengenal pasti keperluan dan senario warga tua di negeri ini.

Sehingga kini hampir 100,000 salinan borang pendaftaran telah pun diedarkan kepada ADUN-ADUN kawasan bagi mendapatkan maklumat tepat dan terkini. Pendaftaran ini akan berakhir pada 8 Mac 2010 dan tindakan-tindakan susulan yang akan diambil seperti menyediakan jadual pelaksanaan, akan dilaksanakan selepas daripada tempoh pendaftaran yang telah ditetapkan.

Jumlah warga emas yang tersenarai sekarang masih dalam proses pengumpulan memandangkan pendaftaran masih lagi dijalankan dan akan berakhir pada bulan Mac 2010. Kerajaan negeri juga akan sentiasa memantau dan menjaga maklumat ini agar tidak disalah guna dengan mengedarkan borang bernombor siri kepada ADUN dan pihak-pihak tertentu agar dapat dikawal serta mengurangkan daripada berlakunya maklumat palsu.

Selain itu, Kerajaan Negeri hanya akan memutuskan bentuk bantuan, jumlah yang akan diberi kepada setiap individu dan jumlah keseluruhan peruntukan dikeluarkan serta tarikh pembayaran sagu hati mula dibayar hanya selepas tempoh pendaftaran berakhir memandangkan bancian yang dijalankan masih belum selesai.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah alasan mengadakan *Visit Penang Year* selama 3 tahun. Bagaimanakah keputusan ini dibuat dan berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk tujuan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Alasan Kerajaan Negeri mengadakan tahun melawat Pulau Pinang selama tiga (3) tahun adalah kerana ianya merupakan salah satu dari program rancangan lima tahun industri pelancongan Pulau Pinang untuk mencapai dan merealisasikan sasaran kemasukan 10 juta pelancong ke negeri ini menjelang tahun 2014.

Dengan pelancaran tahun melawat Pulau Pinang selama tiga tahun, hasrat kerajaan dapat direalisasikan melalui perancangan yang teliti dan rapi dengan melibatkan semua pihak yang berkaitan. Pemain industri pelancongan juga mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat perancangan dan merangka pelan jangka pendek dan jangka panjang seperti merancang pakej-pakej yang kompetitif serta merangka program atau aktiviti untuk ditawarkan kepada pelancong yang berkunjung ke negeri ini. Kerajaan negeri memperuntukkan RM4 juta untuk tahun 2010 dan RM4.5 juta untuk tahun 2011 dan 2012 masing-masing bagi tujuan mempromosi sektor pelancongan Pulau Pinang sepanjang tempoh tersebut.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah kerajaan akan mengambil tindakan ke atas peniaga-peniaga pasar malam di sepanjang jalan Batu Feringhi yang berniaga tanpa permit, dan bila tindakan tersebut dibuat. Apakah pendirian Kerajaan Negeri ke atas gerai-gerai yang berselerak di negeri ini yang beroperasi tanpa permit dan beroperasi di kawasan-kawasan yang tidak selamat dan mengganggu pengguna jalan yang lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Rancangan untuk menyusun semula semua penjaja di sepanjang Jalan Batu Feringhi telah dibekukan sementara waktu kerana tiada peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, penjaja-penjaja terbabit akan dikenakan tindakan kompaun secara bulanan kerana berniaga tanpa lesen yang sah daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). Buat masa sekarang, MPPP sedang mengkaji lokasi gerai-gerai yang berselerak di Pulau Pinang (Pulau) dengan tujuan untuk memberi lesen/permit. Walau bagaimanapun, lokasi gerai-gerai ini hendaklah tidak mengakibatkan kacau ganggu kepada penduduk sekitar, kesesakan lalu lintas, keselamatan dan menjaga kebersihan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sejak mengambil alih pentadbiran kerajaan, apakah perubahan dan polisi-polisi baru yang Kerajaan Negeri laksanakan dalam hal-hal yang berkaitan dengan:-

    (a) Perumahan
    (b) Pembinaan Rumah-Rumah Ibadat
    (c) Tanah-tanah milikan kerajaan dan milikan sementara

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sejak mengambil alih pentadbiran kerajaan, polisi-polisi baru yang telah Kerajaan Negeri laksanakan ialah:-

    (a) Perumahan

        Polisi perumahan sedia ada yang digariskan di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 diteruskan dengan pemantapan dalam Garis Panduan Tempat Letak Kereta (TLK) yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri pada 26 Mei 2009 iaitu;

        (i) Rumah Kos Rendah : 1 petak TLK bagi setiap 4 unit kediaman dipinda kepada 1 petak TLK bagi setiap 3 unit kediaman.

        (ii) Rumah Kos Sederhana Rendah : 3 petak TLK bagi setiap 5 unit kediaman dipinda kepada 3 petak TLK bagi setiap 4 unit kediaman.

        (iii) Sementara bagi pelepasan kuota Bumiputera, kaedah yang diguna pakai adalah sama sepertimana kaedah yang digunakan oleh pihak Bahagian Penyelarasan dan Penyertaan Bumiputera, ICU JPM iaitu mengenakan bayaran sumbangan 30% daripada harga diskaun untuk unit Bumiputera yang tidak dapat dijual.

    (b) Pembinaan Rumah-rumah Ibadat

        Sementara bagi pembinaan rumah-rumah ibadat, tidak terdapat sebarang perubahan polisi di negeri Pulau Pinang kecuali notis perobohan RIBI perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI).

(c) Tanah

Bagi tanah-tanah milikan kerajaan dan milikan sementara beberapa polisi baru yang dilaksanakan ialah:-

(i) Pemberian potongan premium sebanyak 30% ke atas kelulusan permohonan pemberimilikan tanah kerajaan yang pada asalnya merupakan tanah milik pemohon yang diserahkan kepada kerajaan bagi tujuan seperti rekreasi dan padang permainan.

(ii) Pengenaan premium pada kadar 12% daripada harga pasaran ke atas kelulusan pemberimilikan semula tanah-tanah di Perkampungan Baru di Seberang Perai.

(iii) Memberikan tempoh pegangan tanah yang lebih panjang kelulusan permohonan Penyerahan dan Pemberimilikan Semula iaitu:-

(a) Tanah-tanah kategori industri – tempoh 99 tahun;

(b) Tanah-tanah kategori bangunan perniagaan – tempoh 99 tahun;

(c) Tanah-tanah kategori bangunan kediaman – pegangan kekal; dan

(d) Tanah-tanah kategori pertanian – tempoh 99 tahun.

(iv) Mengenakan cukai tanah pada kadar namaan RM1.00 bagi tanah-tanah yang digunakan untuk tujuan pendidikan sekolah-sekolah bantuan modal dan Sekolah Agama Rakyat, dan

(v) Membenarkan pemilikan tanah oleh Kerajaan Persekutuan bagi tanah-tanah yang terletak di bawah Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan, iaitu tanah-tanah yang digunakan sebelum hari merdeka untuk tujuan pendidikan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sejak mengambil alih pentadbiran kerajaan, apakah perubahan dan polisi-polisi baru yang kerajaan laksanakan dalam hal-hal yang berkaitan dengan:

(a) Lesen-lesen semua jenis perniagaan di bawah bidang kuasa Kerajaan Tempatan.

(b) Undang-undang dan peraturan-peraturan serta penguatkuasaan berkaitan dengan pengurusan tempat letak kereta.

(c) Premis-premis yang beroperasi tanpa permit-permit yang sah seperti *internet-cafe*.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP):

(a) Dari semasa ke semasa, Kerajaan Negeri akan mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengkaji *Standard Operating Procedure* (SOP) yang sedia ada dan melaksanakan penambahbaikan pada sistem penghantaran *delivery system* untuk memudahkan *stakeholders* serta memberi kepuasan kepada mereka. Dalam konteks ini, tempoh sistem penghantaran telah dipercepatkan lagi untuk pemprosesan apa jua jenis lesen perniagaan serta prosedur membuat permohonan dipermudahkan lagi.

(b) Pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pengurusan tempat letak kereta dilakukan di bawah Undang-undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian MPPP, 1988. Mulai tahun ini, MPPP telah mengenakan syarat tambahan iaitu semua tempat letak kereta bertingkat diwajibkan memasang kamera litar tertutup (CCTV) untuk tujuan pengawasan keselamatan orang awam.

(c) Bagi premis-premis yang beroperasi tanpa permit yang sah, kompaun (Pemberitahu Tentang Kesalahan) akan dikeluarkan secara berjadual kecuali *internet cafe* yang mana pihak polis akan membuat rampasan komputer-komputer yang terdapat di dalam premis berkenaan dan arahan pembekuan lesen baru oleh KPKT masih dikuatkuasakan.

Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP):

(a) Polisi baru yang dilaksanakan oleh MPSP berkaitan dengan pelesenan adalah seperti yang berikut:

(i) Pengeluaran permit gerai/ kedai makan tepi jalan.

(ii) Kajian semula dan pengurangan kadar permit kerusi meja

(b) Tiada apa-apa perubahan dan polisi-polisi baru yang dilaksanakan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan tempat letak kereta.

(c) Bagi premis-premis yang beroperasi tanpa permit yang sah seperti *internet-cafe,* MPSP masih menggunakan dasar/arahan sedia ada berkenaan pembekuan lesen untuk premis *internet cafe.*

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sejak mengambil alih pentadbiran kerajaan apakah perubahan dan polisi-polisi baru yang Kerajaan Negeri laksanakan dalam hal-hal yang berkaitan dengan:

(a) Agihan peruntukan kepada sekolah-sekolah Agama, SRJK (C) dan SRJK (T). Perincikan agihan.

(b) Agihan peruntukan kepada Rumah Ibadat Islam, Cina dan Hindu dan Badan-Badan Bukan Kerajaan. Perincikan agihan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Walaupun pendidikan bukan tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri berpegang kepada prinsip bahawa pendidikan yang baik merupakan asas kemakmuran ekonomi sesebuah negeri dan kejayaan seseorang individu. Oleh itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM8.5 juta dalam bentuk wang atau harta modal kepada Sekolah-sekolah Agama, SRJK (C) dan SRJK (T). Pecahannya adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Sekolah	Bilangan (buah)	Peruntukan (RM)
i	Sekolah Agama Rakyat	17	1,500,000.00
ii	Sekolah Jenis Keb. Tamil	28	1,500,000.00
iii	Sekolah Men Jenis Keb. Cina (Persendirian)	5	1,000,000.00
iv	Sekolah Jenis Keb. & Sek. Men. Jenis Keb. (Cina)	100	4,000,000.00
v	Sekolah *Missionary*	24	500,000.00

Kerajaan negeri masih meneruskan dengan pengagihan peruntukan kepada rumah-rumah ibadat Islam yang disediakan di bawah Maksud Pembangunan P.13 Jabatan Hal Ehwal Agama. Bagi tahun 2009, sejumlah RM4,610,600.00 diperuntukkan untuk tujuan pembinaan, membaiki dan mengubahsuai masjid dan surau yang ditentukan.

Bagi rumah-rumah ibadat bukan Islam dan badan-badan bukan kerajaan, agihan peruntukan yang telah diluluskan sehingga kini ialah seperti berikut:

Bil.	Jenis Rumah Ibadat	Bilangan (Projek/ Penerima)	Peruntukan (RM)
i.	Rumah Ibadat Cina	30 projek	157,600.00
ii.	Rumah Ibadat Hindu	8 projek	91,000.00
iii.	Badan-badan bukan kerajaan	10 penerima	145,000.00

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Terdapat sebuah premis di pekan Pulau Betong, Balik Pulau yang beroperasi sebagai kedai hiburan dengan nama "Betong". Apakah jenis perniagaannya dan adakah mempunyai lesen-lesen berkaitan. Surat oleh Pengerusi JKKK telah dihantar kepada pejabat daerah mengadu atas rungutan masyarakat. Apakah bentuk tindakan yang telah diambil.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya (PDTDBD) telah mengambil maklum akan sebuah kedai hiburan menggunakan nama " Betong" di Pekan Pulau Betong, Balik Pulau dan perkara ini turut dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah (JKTD) PDTDBD untuk dibincangkan dengan pihak MPPP dan pihak Polis.

MPPP hanya menerima aduan dari Qariah Masjid Pulau Betong yang diterima melalui Pejabat Daerah dan Tanah, DBD pada 20.6.2008 adalah berkaitan dengan sebuah pusat karaoke *"Betong Karaoke Centre"* di premis No 858B, Jalan Balik Pulau, Taman Sri Indah di mana selepas lesen ditolak, pusat hiburan karaoke tersebut telah berhenti operasi. Pengusaha juga menjalankan sebuah pusat karaoke di premis No. 111C-3, Jalan Bukit Penara, Balik Pulau berkonsepkan "Keluarga" yang telah diberi lesen hiburan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Apakah bentuk-bentuk bantuan yang telah dihulurkan kepada usahawan Bumiputera dalam sektor pelancongan

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan negeri sentiasa meneruskan dasar membantu usahawan Bumiputera di negeri Pulau Pinang dalam pelbagai sektor termasuk sektor pelancongan. Kerajaan negeri melalui agensi-agensi kerajaan telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang secara tidak langsung dapat membantu mewujudkan peluang-peluang perniagaan dan meningkatkan ekonomi serta daya saing usahawan Bumiputera di Pulau Pinang antaranya:-

(i) memberi sokongan padu kepada pihak KOPEL (Koperasi Pelancongan Pulau Pinang Berhad) melalui usaha mempromosi program *homestay* yang diusahakan oleh golongan Bumiputera di negeri ini

(ii) Kerajaan negeri juga komited untuk membantu golongan Bumiputera yang terlibat dalam sektor pelancongan dari masa ke semasa dengan memberi penerangan dan taklimat kepada mereka berhubung peluang-peluang perniagaan sektor pelancongan yang wujud di pasaran yang kini diberi keutamaan oleh Kerajaan Negeri.

(iii) Sehingga kini, Kerajaan Negeri juga memberi khidmat nasihat kepada golongan usahawan Bumiputera yang menceburi sektor pelancongan.

(iv) Kerajaan negeri turut menggalakkan penyertaan Bumiputera melalui bantuan dalam pembangunan produk, pemasaran dan promosi produk, pembangunan sumber manusia dan peningkatan kemahiran di kalangan usahawan Bumiputera.

(v) Kerajaan negeri juga mengadakan promosi produk usahawan Bumiputera melalui program seperti penganjuran Ekspo Usahawan Bumiputera, *Showcase* Usahawan dan Pameran Perdagangan bagi membolehkan usahawan-usahawan Bumiputera membina jaringan perniagaan, memperluaskan pasaran produk dan mewujudkan peluang perniagaan kepada usahawan baru.

(vi) Program Pembudayaan dan Latihan Keusahawanan turut diadakan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran keusahawanan serta membantu usahawan-usahawan Bumiputera untuk memaju serta mengembangkan perniagaan atau perusahaan di samping memupuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar untuk menjadi usahawan berjaya di masa hadapan.

Bagi membantu industri pelancongan, Kerajaan Negeri juga merancang dan melaksanakan beberapa projek pelancongan bertujuan menambah penglibatan Bumiputera di dalam sektor ini seperti berikut:-

(i) Menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam sektor perhotelan. Sebagai contoh, Hotel 1926 yang kini beroperasi di Jalan Burmah adalah merupakan salah satu dari usaha Kerajaan Negeri untuk melibatkan golongan Bumiputera dalam sektor perhotelan.

(ii) Pusat Makanan Laut dan Galeri Kraf yang akan diwujudkan di Batu Kawan yang masih dalam pembinaan dan dijangka disiapkan pada penghujung tahun 2010. Pusat ini menyediakan ruang makan dengan keluasan 13,000 kaki persegi serta ruang galeri kraf berkeluasan 10,000 kaki persegi. Pembinaan Pusat Makanan Laut dan Galeri Kraf ini akan menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan terutamanya Bumiputera untuk menceburi bidang penyediaan makanan laut dan pembuatan kraf tempatan.

(iii) Projek *Homestay* merupakan projek terkini yang dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri bagi memberi peluang golongan Bumiputera berkecimpung dalam industri pelancongan. Beberapa buah kampung telah dikenal pasti untuk dijadikan 'kampung angkat' di mana Kerajaan Negeri akan memberikan bimbingan kepada penduduk yang menawarkan perkhidmatan penginapan *homestay* kepada pelancong.

(iv) Pada masa yang sama, terdapat beberapa syarikat Bumiputera yang terlibat dalam industri pelancongan di Pulau Pinang antaranya ialah Penang War Museum Sdn. Bhd. yang bertanggungjawab mengurus Muzium Perang di Batu Maung. Selain itu, syarikat Sebagus Travel & Tours Sdn. Bhd. telah diberi tanggungjawab untuk mengurus *Fort Cornwallis* yang merupakan lokasi bersejarah yang menjadi tumpuan pelancong.

(v) Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang dalam industri pelancongan juga dapat dilihat dengan penyertaan golongan Bumiputera dalam program *Homestay* di Pulau Pinang yang menyediakan tempat penginapan berkonsepkan *Homestay* kepada para pelancong. Terdapat juga lebih kurang 100 agensi pelancongan yang dimiliki oleh Bumiputera.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga akan memohon peruntukan kewangan yang lebih banyak daripada Kerajaan Persekutuan dari masa ke semasa untuk disalurkan kepada usahawan Bumiputera yang terlibat dalam industri pelancongan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Adakah pihak Kerajaan Negeri meneruskan dasar membantu usahawan Bumiputera di negeri ini. Senaraikan bentuk bantuan sebagai bukti penerusan dasar (jika ada). Jika tiada, mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan negeri sememangnya meneruskan dasar bagi membantu usahawan Bumiputera di negeri ini, di mana bantuan ini dilaksanakan dan disalurkan melalui agensi-agensi Kerajaan Negeri. Kerajaan negeri melalui Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 yang dirangka secara dinamik, berdaya saing, bermutu dan berdikari telah menetapkan dasar menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam semua sektor ekonomi dengan mengekalkan kuota minimum 30 peratus termasuk dalam sektor perumahan, premis perniagaan, industri termasuk industri asas tani dan pelancongan. Antara bantuan yang disalurkan sebagai bukti penerusan dasar adalah melalui pelaksanaan program-program seperti berikut:-

(a) Menguatkuasakan syarat penyertaan 30 peratus kuota Bumiputera bagi semua pembangunan atau pembangunan semula hartanah termasuk perindustrian khasnya Industri Kecil Sederhana (IKS) dan pelancongan;

(b) Menggalakkan penyertaan dan kepentingan Bumiputera sebanyak 30 peratus hingga 40 peratus di dalam sektor pembangunan *Information and Communication Technology (ICT)* termasuk pembangunan di *Penang Cyber City (PCC)*;

(c) Memberi insentif kepada individu dan pemaju Bumiputera di dalam permohonan pembangunan termasuk rebat untuk caj pembangunan, tambahan ketumpatan pembangunan iaitu 30 peratus ketumpatan dan 10 peratus tambahan nisbah plot bagi pembangunan pelancongan seperti hotel, chalet dan sebagainya;

(d) Mengamalkan polisi peruntukan sekurang-kurangnya 30 peratus dari jumlah unit komersil kepada usahawan Bumiputera bagi Program Peruntukan Projek-Projek Komersil. Peruntukan kuota ini dikekalkan dan unit-unit yang kosong akan disimpan sehingga pembeli Bumiputera diperolehi. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah memberi potongan harga jualan dan sewaan sebanyak 5 peratus kepada usahawan Bumiputera. Sebanyak 886 unit komersil telah dibangunkan dan sejumlah 262 unit telah berjaya dijual dan disewakan kepada usahawan Bumiputera;

(e) Mengamalkan polisi peruntukan sekurang-kurangnya 30 peratus dari jumlah unit kilang siap bina kepada usahawan Bumiputera secara jualan, sewaan dan skim sewa beli bagi Peruntukan Unit-Unit Kilang Siap Bina IKS. PDC telah memberi potongan harga jualan dan sewaan sebanyak 5 peratus kepada usahawan Bumiputera. Sebanyak 276 unit kilang siap bina telah dibangunkan dan sejumlah 81 unit telah berjaya dijual dan disewakan kepada usahawan Bumiputera;

(f) Menubuhkan Kluster ICT Bumiputera atau lebih dikenali sebagai *techBiz Penang*. Kluster ICT Bumiputera ini bertujuan untuk membantu *technopreneurs* mengenal pasti pasaran dan membina jaringan perniagaan di samping mengukuhkan dan mempamerkan keupayaan di dalam rantaian nilai dan inovasi melalui satu kumpulan. Kluster ini juga berperanan sebagai wakil industri di dalam aktiviti-aktiviti promosi di bawah anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. investPenang bersama-sama dengan *Penang Cluster Alliances* (Techbiz dan ScoPe) telah menyertai *National ICT Conference* yang telah diadakan pada bulan Jun 2009 di *Putrajaya International Convention Centre*, di mana ianya dapat memperkenalkan *techBiz Penang* di peringkat nasional;

(g) Melaksanakan Program Promosi Produk, di mana usahawan Bumiputera dibantu untuk mencari pelaburan baru, meninjau peluang perniagaan dan meningkatkan jaringan perniagaan di peringkat nasional dan antarabangsa. Contohnya, dengan melibatkan usahawan Bumiputera dalam *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) dan Ekspo Pekan Raya Medan (Medan Fair);

(h) Mengadakan program-program latihan dan pembangunan sumber manusia dengan kerjasama agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan dalam usaha membangunkan usahawan Bumiputera agar lebih berdaya saing dan berdaya tahan. Program ini dilaksanakan dalam bentuk seminar, forum, kursus dan dialog bertujuan untuk membantu usahawan Bumiputera mendapat pendedahan mengenai peluang-peluang perniagaan dan sumber pembiayaan perniagaan yang disediakan oleh agensi Kerajaan Negeri dan persekutuan. Selain itu, Kerajaan Negeri turut membantu usahawan Bumiputera menerokai peluang-peluang pasaran dan perniagaan, pembiayaan, proses pensijilan dan insentif yang disediakan dalam industri Halal contohnya, melalui Forum SME yang dianjurkan iaitu *The Food Industry in Penang: SME Development & Opportunities in Halal Industry* ;

(i) Melaksanakan Program Pembangunan Pertanian, di mana program ini diadakan bagi mendorong usahawan Bumiputera menceburi bidang pertanian sebagai perniagaan. Antara program pembangunan pertanian yang boleh diceburi oleh usahawan Bumiputera ialah Pembangunan Industri Tanaman Makanan, Pembangunan Industri Pemprosesan Makanan Industri Asas Tani, Pembangunan Lain-lain Tanaman Ekonomi, Pembangunan Kawasan Kelapa, Pembangunan Sumber Manusia, Pembangunan Kelompok Tani, Pembangunan Petani Pelapis dan Pembangunan Aktiviti Jualan Terus;

(j) Menyediakan Insentif Galakan Teknologi, di mana insentif ini meliputi infrastruktur ladang seperti pembersihan dan perparitan, input pertanian seperti baja dan racun serta mekanisme ladang seperti pam air, penggembur dan lain-lain dalam bentuk pinjaman kepada usahawan Bumiputera;

(k) Mengadakan Program Pembangunan Projek Industri Asas Tani kepada usahawan Bumiputera, di mana insentif bagi program ini melibatkan pembinaan bengkel baru dan menaik taraf bengkel, peralatan atau mesin dalam bentuk pinjaman dan pembangunan produk seperti pembungkusan;

(l) Menyediakan Perkhidmatan Pengembangan Perladangan Kelompok kepada usahawan Bumiputera iaitu termasuk Khidmat Nasihat Teknikal dan Pengurusan Projek, Latihan Teknikal, Petak Demonstrasi, Lawatan Belajar ke Projek Yang Berjaya, Insentif Amalan Teknologi Pertanian, Bimbingan Pemasaran Hasil Pertanian, Diagnostik Tanaman, Klinik Pengembangan (Dr. Pokok) serta Pameran dan Promosi; dan

(m) Melaksanakan Program Pembangunan Penternakan bagi menggalakkan usahawan Bumiputera menceburi bidang penternakan sebagai perniagaan. Antara projek yang boleh diceburi oleh usahawan Bumiputera adalah seperti Projek Penternakan Unggas, Penternakan Lembu, Penternakan Kambing, Penternakan Lembu Tenusu dan juga Latihan kepada penternak. Bentuk bantuan yang disediakan ini adalah lebih tertumpu kepada pembangunan industri ternakan sedia ada yang melibatkan penambahbaikan tempat ternakan iaitu kandang dan bantuan peralatan penternakan yang bersesuaian mengikut keperluan penternak.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Pencemaran di perairan Batu Feringhi yang merupakan tumpuan pelancongan telah berterusan. Senaraikan tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan sekarang yang tidak diambil oleh pimpinan kerajaan terdahulu untuk mengatasi masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Salah satu faktor, pencemaran yang berlaku di perairan Batu Feringhi berpunca daripada sisa-sisa buangan gerai makanan. Gerai-gerai ini telah wujud sejak pentadbiran Kerajaan Negeri yang terdahulu. Di antara langkah yang telah di ambil oleh Kerajaan Negeri sekarang untuk mengesan adalah seperti berikut:-

(a) Mengenal pasti tapak baru untuk diwujudkan satu pusat penjaja yang dapat menempatkan pengusaha-pengusaha gerai makanan sepanjang perairan Batu Feringhi. Pusat penjaja ini akan dilengkapkan dengan perangkap minyak dan gris agar tidak menjejaskan kualiti air laut dan menyebabkan pencemaran;

(b) Melaksanakan pengawasan air marin melalui stesen pengawasan yang terletak di Pantai Batu Feringhi. Usaha ini dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar dengan menganalisis beberapa parameter atau *indicator* bagi memantau tahap kualiti air marin dengan membandingkan kepada standard yang sedia ada;

(c) Menjalankan penguatkuasaan ke atas pengaliran keluar kumbahan efluen daripada loji Indah Water Konsortium (IWK) dan hotel-hotel yang terletak di kawasan Batu Feringhi agar mematuhi standard yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar;

(d) Menggiatkan usaha-usaha pemeliharaan kawasan rekreasi dan pelancongan; dan

(e) Melaksanakan pelbagai aktiviti kesedaran seperti kempen, ceramah dan pameran melibatkan penyertaan oleh pelajar sekolah, industri-industri dan orang awam mengenai kepentingan kualiti air marin dan pantai

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Masyarakat terutamanya di bandar secara berterusan telah membuang sampah dan bahan buangan ke dalam sungai dan seterusnya mencemarkannya. Senaraikan tindakan pencegahan dan kejayaan Kerajaan Negeri dalam mengatasi persoalan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan negeri sememangnya sedang berusaha untuk menerapkan minda masyarakat kelas pertama di kalangan rakyat negeri Pulau Pinang. Namun, dalam proses ini masih terdapat segelintir individu yang masih gemar membuang sampah sarap ke dalam sungai dan seterusnya mencemarkan persekitaran. Oleh itu untuk menangani situasi ini, jabatan bertanggungjawab seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pihak Berkuasa Tempatan telah menjalankan penguatkuasaan dan pemantauan kualiti air di sungai-sungai utama di negeri Pulau Pinang. Antara langkah-langkah yang telah di ambil adalah:-

(a) Meningkatkan penguatkuasaan terhadap semua sistem rawatan *End Of Pipe* setiap kilang;

(b) Menjalankan kajian penambahbaikan kualiti air sungai terutamanya di Sungai Pinang dan Sungai Juru;

(c) Meletakkan papan tanda larangan buangan minyak hitam di enam (6) lokasi jeti yang telah dikenal pasti;

(d) Mensyaratkan keperluan *'Performance Monitoring'* dilakukan oleh setiap kilang untuk rawatan prestasi sistem rawatan efluen dan pelepasan efluen ke alur air;

(e) Menyambungkan paip dari rumah sembelih babi (MPPP) ke *Jelutong Sewage Treatment Plant;*

(f) Meningkatkan pemeriksaan pelupusan minyak pelincir terpakai dari *workshop* yang terletak di lembangan sungai;

(g) Mengumpulkan minyak masak terpakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan di semua pusat penjaja dan restoran tertentu;

(h) Menyediakan satu laporan terperinci tentang masalah, cadangan dan tindakan kawalan Sungai Pinang. Laporan ini telah siap dan sedang dikuatkuasakan; dan

(i) Memasang *Gross Pollutant Trap* (GPT) seperti *log boom, trash screen;*

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Apakah status pelaksanaan projek Hab-Halal sekarang ini. Perincikan jadual pelaksanaan dan tahap pencapaian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Projek yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi Hab Halal Antarabangsa Pulau Pinang bermula dari Mac hingga Julai 2009 adalah seperti berikut:

(i) Penubuhan Syarikat Hab Halal Antarabangsa Pulau Pinang pada Mac 2009.

(ii) Dialog Industri Bersama syarikat-syarikat halal di Pulau Pinang pada April 2009.

(iii) Penyertaan Kerajaan Negeri di World Halal Forum 2009 (WHF) pada 4 hingga 5 Mei 2009.

(iv) Penyertaan Kerajaan Negeri dalam *Malaysia International Halal Showcase* 2009 (MIHAS) pada 6 hingga 10 Mei 2009.

(v) Misi pelaburan Kerajaan Negeri ke luar negara iaitu Jeddah dan Riyadh pada 3-9 Jun 2009, Wilayah Henan China pada 15-19 Jun 2009 serta Singapura pada 16-18 Julai 2009.

(vi) Pertemuan Komuniti Peniaga bersama EXCO Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Y.B. Abdul Malik bin Abul Kassim pada 13, 14, 20, 21, 23 dan 24 Julai 2009.

Maklumat terperinci mengenai status pelaksanaan dan tahap pencapaian bagi semua perkara di atas adalah seperti jadual berikut:-.

JADUAL

Pecahan Peruntukan bagi Tujuan Aktiviti Keagamaan (Sehingga 30 Jun 2009)

Bil.	Aktiviti Keagamaan	Peruntukan (RM)
Kaum : Melayu		
1	Sumbangan bulan Ramadan kepada 205 masjid.	213,000.00
2	Sambutan Maulidur Rasul 2009 Surau Taman Merak, Surau Taman Idaman, Surau Taman Murni Jaya, Surau Taman Merah Jaya, SPS.	3,000.00
3	Program Ihya', Majlis Silaturrahim Masjid At-Taqwa/ Taman Brown/Taman Tun Sardon.	2,000.00
4	Program Ceramah Agama 11 malam Maulidur Rasul 2009 pada 26.2 - 8.3.2009 di Wisma YMSC, No. 27 King Street, Penang.	3,500.00
5	Majlis Sambutan Maulidur Rasul Madrasah Al-Badar.	1,000.00
6	Solat Hajat Perdana pada 5.2.2009 di Masjid Bandar Perda, SPT.	12,900.00
7	Tilawah Al-Quran Peringkat Negeri pada 20.6.2009 di Masjid Daerah SPS.	100,000.00
8	Maulidur Rasul Peringkat Negeri pada 9.3.2009 di Dewan Sri Pinang.	100,000.00

9.	Penang Combined Chinese Charity Carnival pada 25 Mei 2009 di Perangin Mall, Penang.	5,000.00
10.	Aktiviti Pertubuhan Penganut Dewa Hock Teik di Taman Dahlia, Butterworth.	5,000.00
11.	Aktiviti Rumah Berhala Tow Boo Keong, Butterworth.	10,000.00
12.	Aktiviti Pertubuhan Hui Yin Seh Jalan Lintang Air Itam, Pulau Pinang.	10,000.00
13.	Aktiviti Tokong Tian Gong Tan Lebuh Kampung Benggali, Butterworth.	10,000.00
14.	Aktiviti Tokong Dewa Heap Thean Keong, Bagan Jermal.	5,000.00
15.	Perayaan Phor Thong, Jalan Mohd. Saad, Butterworth.	3,000.00
16.	Perayaan Penganut Dewa Tang Hoi Loh Chia, Air Itam, Pulau Pinang.	2,600.00
17.	Thaipusam di Kuil Waterfall, Pulau Pinang.	40,000.00
18.	Penang State Thamilar Thirunaal Celebration pada 14 Mac 2009 Dewan Bosh, Kompleks Masyarakat Penyayang, Jalan Residensi, P. Pinang.	5,000.00
19.	Upacara Sembahyang Maha Kumba Abigesham, Simpang Ampat, SPS.	10,000.00
20.	Aktiviti Malaysia Hindu Sangam, Butterworth.	3,000.00
21.	Aktiviti Persatuan Penganut Dewi Sri Maha Mariamman, Juru.	3,000.00
22.	Aktiviti Persatuan Kebajikan Shri Amman, Seberang Perai.	1,225.00
23.	Aktiviti amal Persatuan Dravidian Malaysia pada 10 Mei 2009 bertempat di Pusat Perkhidmatan PDM, Batu Kawan, Taman Cempaka, Simpang Empat, SPS.	3,000.00
24.	Aktiviti Kuil Sri Maha Kaliamman, Ladang Byram.	3,000.00
25.	Aktiviti Penganut Devi Periacheen Amman, Butterworth.	5,000.00
26.	Program Thirumurai Malaysia Hindu Sangam, Tanjung Bunga.	5,000.00
27.	Perayaan Kuil Sri Muniswaran, Batu Uban, Pulau Pinang.	5,000.00
28.	Perayaan Kumbhabhisegam di Kuil Sri Ruthra Vaeramuthu Maha Mariamman, Ayer Itam.	10,000.00
29.	Aktiviti Penganut Dewi Sri Nagakenni A, Ujung Batu, Bagan Dalam, Butterworth.	8,000.00
	Jumlah	**101,225.00**

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Berapakah jumlah usahawan yang telah dibantu oleh Kerajaan Negeri, melalui PDC, dalam program pembiayaan usahawan kecil yang telah dilancarkan dan dipengerusikan oleh mantan Y.B. Timbalan Ketua Menteri I. Senaraikan nama, jenis perniagaan dan jumlah diberikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sememangnya berhasrat untuk membantu usahawan kecil dalam program pembiayaan usahawan kecil yang telah dilancarkan dan dipengerusikan oleh mantan Y.B. Timbalan Ketua Menteri I iaitu Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil Negeri Pulau Pinang. Namun begitu, bantuan pinjaman kepada usahawan atau pemohon yang layak tidak dapat disalurkan buat masa ini kerana permohonan bagi tabung ini telah ditangguhkan selaras dengan keputusan lembaga PDC bertarikh 23 Mac 2009. Penangguhan ini dibuat bagi membolehkan PDC meneliti semula dan menambah baik proses serta mekanisme pengagihan pinjaman supaya dana berjumlah RM500,000.00 dapat diperuntukkan secara lebih berkesan dalam bentuk pinjaman yang lebih kecil kepada usahawan yang memerlukan terutamanya dalam keadaan kegawatan ekonomi. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri tidak dapat mengemukakan senarai nama usahawan, jenis perniagaan dan jumlah bantuan pinjaman yang diberikan buat masa ini.

Walau bagaimanapun, setelah kajian semula dijalankan oleh Lembaga PDC yang bersidang pada 25 Jun 2009 telah meluluskan pelaksanaan Skim Mikro Kredit yang dikenali sebagai Tabung Titian Ketidaksamaan Rakyat (TTKR) Negeri Pulau Pinang bagi menggantikan Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil Negeri Pulau Pinang. Tujuan tabung ini ditubuhkan adalah untuk memberi fokus dalam mengurangkan jurang atau ketidaksamaan dengan memberi keutamaan kepada golongan miskin, orang kurang upaya, ibu tunggal termasuk penjaja kecil bagi membolehkan mereka memulakan dan mengembangkan perniagaan. Program ini akan dilaksanakan secara kerjasama dengan tenaga pakar dari Universiti Sains Malaysia (USM). Peruntukan berjumlah RM3.0 juta telah disediakan untuk tabung ini, di mana RM1.5 juta adalah melalui peruntukan dari Kerajaan Negeri dan RM1.5 juta lagi adalah dari PDC. Mekanisme pelaksanaan tabung ini sedang giat disediakan dan pinjaman kepada pemohon yang layak dijangka akan mula diagihkan mulai 1 Oktober 2009 dengan keutamaan kepada pemohon dari kalangan ibu tunggal dan wanita.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Apakah dasar tanah Kerajaan Negeri. Adakah tanah-tanah Kerajaan Negeri yang berbentuk pajakan akan dibenarkan ditukar menjadi hak milik kekal bagi tujuan pembangunan. Dari bulan April 2008 hingga Jun 2009, berapakah permohonan yang telah diluluskan dari pajakan kepada hak milik kekal. Sila berikan butir mengenai tanah yang telah diluluskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan negeri Pulau Pinang bersetuju memperkenalkan satu dasar yang berkaitan dengan status pegangan tanah iaitu membenarkan tanah-tanah milik yang berstatus pajakan dipanjangkan tempoh pegangan seperti berikut:-

    (a) Tanah-tanah industri - kepada 99 tahun;

    (b) Tanah-tanah komersial - kepada 99 tahun; dan

    (c) Tanah-tanah kediaman - kepada pegangan kekal.

    Memandangkan Kerajaan Negeri masih menunggu untuk membawa perkara ini kepada Majlis Tanah Negara pada akhir tahun ini yang akan dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Kerajaan Negeri setakat ini belum dapat lagi meluluskan permohonan untuk menukar tempoh pegangan secara pajakan kepada pegangan kekal.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Berapakah permohonan yang telah diterima bagi cadangan tebus guna tanah di kawasan Persiaran Gurney. Apakah pendirian Kerajaan Negeri terhadap cadangan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Setakat ini, Kerajaan Negeri masih belum menerima apa-apa permohonan rasmi untuk cadangan tebus guna tanah di kawasan persiaran Gurney.

    Pendirian Kerajaan Negeri terhadap cadangan tebus guna tanah dinyatakan dengan jelas dalam Rancangan Struktur Negeri 2020 dalam dasar DSU 8 iaitu: ”Tebus Guna Tanah Sebagai Alternatif Penyediaan Kawasan Pembangunan Baru Akan Dihadkan Di Kawasan Yang Telah Dikenal pasti”.

    Dengan dasar berkenaan, pematuhan bagi cadangan tebus guna tanah, perlu mematuhi langkah-langkah berikut:-

Langkah 1 : Tebus guna tanah hanya dibenarkan bagi pembangunan projek-projek yang telah dikenal pasti dan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dan Majlis Perancangan Fizikal (MPFN). Ini termasuklah cadangan tebus guna tanah:

(a) Pesisir Lebuh Raya Bayan Lepas (untuk tujuan pelebaran jalan/rekreasi awam dan pembinaan Jambatan Kedua);

(b) Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dan penempatan setinggan yang terbabit; dan

(c) Muara Sungai Perai – Kuala Juru (untuk tujuan Perindustrian)

Langkah 2 : Pembangunan tebus guna tanah perlu mematuhi garis panduan ICZM *(Intergrated Coastal Zone Management).*

Langkah 3 : Pembangunan tebus guna tanah perlu mematuhi Pelan Pengurusan Pantai Berintergrasi – ISMP *(Intergrated Shoreline Management Plan)* yang disediakan oleh JPS.

Langkah 4 : Bentuk kawasan tebus guna sebenar akan ditentukan oleh kajian-kajian terperinci seperti *Environmental Impact Assessment* (EIA), hidrodinamik, hidrologi dan sebagainya seterusnya perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri.

Langkah 5 : Kajian-kajian tebus guna tanah hendaklah merujuk kepada Kajian Kemungkinan Ke Atas Tebus Guna Tanah Bagi Negeri Pulau Pinang oleh Pusat Samudera Pantai (CEMACS, USM) untuk Kerajaan Negeri yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 15 Jun 2004.

Langkah 6 : Segera mewartakan kawasan tebus guna tanah kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang bersempadan untuk tujuan pengurusan dan pemantauan pembangunan.

Langkah 7 : Mengekal atau menggantikan pantai awam di kawasan pesisir pantai yang ditebus guna melalui pengindahan kawasan, penyediaan kawasan lapang rekreasi, riadah, bersiar dan berkelah.

Langkah 8 : Mengintegrasikan pembangunan di kawasan tebus guna tanah dengan pembangunan sekitar.

Langkah 9 : Memastikan tanah-tanah yang dibenarkan untuk tebus guna dibangunkan terlebih dahulu sebelum kebenaran merancang diberikan atau pewartaan dilaksanakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Sila senaraikan tarikh-tarikh mesyuarat Jawatankuasa/Majlis Warisan Negeri yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri dan agenda-agenda mesyuarat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan negeri mewujudkan dua Jawatankuasa mengenai Warisan iaitu Jawatankuasa Pemandu Warisan Pulau Pinang dan Jawatankuasa Panel Penasihat Warisan.

(i) Jawatankuasa Pemandu Warisan Negeri Pulau Pinang :
Pengerusi : Ketua Menteri Pulau Pinang
Tarikh mesyuarat : 8.8.2008

Agenda mesyuarat pertama Jawatankuasa ini membincangkan mengenai warisan meliputi aspek-aspek pemugaran dan pemuliharaan dalam negeri Pulau Pinang serta terma pelantikan ahli-ahli jawatankuasa.

(ii) Jawatankuasa Panel Penasihat Warisan
Pengerusi : Ketua Menteri Pulau Pinang
Tarikh mesyuarat : 16.8.2008 & 19.11.2008

Sementara agenda mesyuarat jawatankuasa ini membincangkan penglibatan sumbangan orang ramai terhadap warisan negeri serta mendapatkan pandangan beberapa pihak yang terlibat dengan warisan secara langsung yang terdiri daripada pemilik bangunan, NGO, agensi kerajaan, pertubuhan sosial dan pensyarah-pensyarah universiti. Pemeliharaan Warisan dilihat sebagai penyumbang kepada sektor pelancongan. Mesyuarat-mesyuarat ini dibekukan menjelang keputusan UNESCO tentang status George Town dan kini menunggu pengesahan minit keputusan untuk tindakan selanjutnya sebelum mesyuarat ini dijalankan berkala sekurang-kurangnya sekali dalam dua bulan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Jabatan manakah yang bertanggungjawab atas keselamatan dan penyelenggaraan semua bangunan dan kuarters Kerajaan Negeri. Sila senaraikan tarikh-tarikh jabatan atau jabatan-jabatan yang menyiasat atau memeriksa keselamatan dan penyelenggaraan bangunan dan kuarters Kerajaan Negeri termasuk Seri Teratai dari Mac 2008 hingga Jun 2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Siasatan dan pemeriksaan bangunan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada permohonan daripada Bahagian Penyelenggaraan Kuarters, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga daripada penghuni kuarters.

Bagi lawatan ke Kediaman Rasmi Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang (Seri Teratai), JKR telah pun melakukan penyiasatan dari Mac 2008 hingga Jun 2009 adalah sebanyak 8 kali. Tarikh-tarikh berikut ialah:-

(a) 12 Mac 2008

(b) 19 Jun 2008

(c) 26 Jun 2008

(d) 01 Julai 2008

(e) 28 Oktober 2008

(f) 21 Mei 2009

(g) 02 Julai 2009

(h) 09 Julai 2009

Ahli Kawasan Pulau Betong (Y.B. Tuan Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Jabatan manakah yang mempunyai kuasa untuk mengisytiharkan sesuatu bangunan itu tidak selamat dan apakah tindakan lanjut yang diambil apabila sesebuah bangunan diisytiharkan tidak selamat untuk didiami.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Jabatan Kerja Raya (JKR) merupakan jabatan kerajaan yang akan menilai keselamatan struktur sesebuah bangunan. Sekiranya sesebuah bangunan itu diisytiharkan tidak selamat maka nasihat teknikal akan diberikan untuk dikosongkan. Namun begitu, nasihat teknikal JKR dan pandangan pakar swasta boleh mempengaruhi penghuni membuat keputusan berpindah keluar atau terus kekal.

II. Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sejak Januari 2009 hingga kini berapa banyakkah pelaburan yang telah dibawa masuk ke Pulau Pinang dan nyatakan syarikat-syarikat berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berasaskan maklumat terkini pelaburan yang diperolehi daripada MIDA, jumlah pelaburan yang telah diluluskan sejak Januari 2009 hingga Mei 2009 adalah berjumlah RM1.1 bilion melalui 47 projek. Daripada jumlah ini, RM327 juta adalah pelaburan domestik dan RM802.3 juta adalah pelaburan asing. Jumlah pekerjaan yang akan diwujudkan melalui projek-projek yang diluluskan ini adalah sebanyak 2,621 pekerjaan.

Berikut ialah sektor industri yang terlibat serta peluang pekerjaan bagi setiap sektor industri:-

Industri	**Peluang Pekerjaan**
Kimia & Keluaran Kimia	131
Keluaran Elektrik dan Elektronik	742
Peralatan Sains & Pengukuran	540
Keluaran Logam Asas	121
Kertas, Percetakan & Penerbitan	257
Keluaran Plastik	131
Mesin & Kelengkapan	122
Keluaran Logam Dibentuk	220
Perabot & Kelengkapan	185
Kulit & Keluaran Kulit	77
Pembuatan Makanan	82
Keluaran Getah	13
Jumlah	**2,621**

Negara-negara yang terlibat dalam pelaburan langsung asing yang telah diluluskan adalah Amerika Syarikat, Australia, Denmark, Netherlands, Hong Kong, Jepun, Singapura, Taiwan, Jerman, China, Vanuatu dan lain-lain.

Lampiran

Projek-projek Yang Diluluskan Di Pulau Pinang Mengikut Industri Januari 2009 - Mei 2009

Industri	**Bil.**	**Peluang Pekerjaan**	**Pelaburan Domestik (RM)**	**Pelaburan Langsung Asing (RM)**	**Jumlah Pelaburan (RM)**
Kimia & Keluaran Kimia	1	131	44,500,000	400,500,000	445,000,000
Keluaran elektrik dan elektronik	12	742	144,674,667	133,394,305	278,068,972
Peralatan Sains & Pengukuran	3	540	6,433,000	138,051,000	144,484,000

Keluaran Logam Asas	2	121	945,360	93,590,640	94,536,000
Kertas, Percetakan & Penerbitan	3	257	69,094,660	973,000	70,067,660
Keluaran Plastik	7	131	20,036,935	29,498,668	49,535,603
Mesin & Kelengkapan	5	122	12,060,735	4,670,715	16,731,450
Keluaran Logam Dibentuk	7	220	15,246,662	1,080,000	16,326,662
Perabot & Kelengkapan	3	185	5,368,610	0	5,368,610
Kulit & Keluaran Kulit	1	77	4,290,860	0	4,290,860
Pembuatan Makanan	1	82	3,093,703	0	3,093,703
Kelengkapan Pengangkutan	1	0	1,260,000	540,000	1,800,000
Keluaran Getah	1	13	0	50,000	50,000
Jumlah	**47**	**2,621**	**327,005,192**	**802,348,328**	**1,129,353,520**

Projek-projek Yang Diluluskan Di Pulau Pinang Mengikut Status Januari 2009 - Mei 2009

Status	Bil	Pelaburan Domestik (RM)	Pelaburan Langsung Asing (RM)	Jumlah Pelaburan (RM)
Baru	30	272,976,565	592,446,020	865,422,585
Pembesaran/Pelbagaian	17	54,028,627	209,902,308	263,930,935
Jumlah	**47**	**327,005,192**	**802,348,328**	**1,129,353,520**

Projek-projek Yang Diluluskan Di Pulau Pinang Mengikut Negara Januari 2009 – Mei 2009

Negara	Bilangan	Peluang Pekerjaan	Foreign Investment (RM)
Australia	1	26	1,623,950
Denmark	1	455	135,000,000
Netherlands	3	123	38,672,000
HongKong	1	15	520,000
Jepun	3	63	14,167,580
Singapura	4	188	50,002,420
Taiwan	4	186	409,977,725
Amerika Syarikat	1	70	53,000,000
Jerman	1	9	1,240,000
China	2	135	94,451,640
Vanuatu	1	27	3,051,000
Lain-lain	2	31	642,013
Total	***	***	**802,348,328**

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berapa banyakkah projek Kelas F yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam tahun 2009 ini sehingga 31hb. Julai 2009. Berapakah nilai projek berkenaan serta berapa banyakkah kontraktor yang terlibat. Senaraikan projek berkaitan mengikut daerah di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sehingga 31 Julai 2009, seramai 482 kontraktor Kelas F telah dilantik untuk melaksanakan projek-projek Kerajaan Negeri melalui jabatan-jabatan berkaitan. Jumlah projek yang terlibat adalah sebanyak 512 dengan nilai RM15,424,533.38. Butir-butir agensi terlibat dan nilai adalah seperti jadual berikut dan senarai penuh butiran projek, nama kontraktor dan nilai projek berkenaan adalah seperti berikut:-

KONTRAKTOR TERLIBAT

BIL	JABATAN	BILANGAN	(RM)	JUM.PROJEK
1.	UPEN	43	505,018.16	73
2.	Daerah Barat Daya	40	392,700.00	40
3.	Daerah Timur Laut	14	122,430.00	14
4.	Seberang Perai Selatan	22	240,000.00	22
5.	Seberang Perai Tengah	40	330,502.39	40
6.	Seberang Perai Utara	38	532,500.00	38
7.	Jabatan kerja Raya			
	a. Daerah Barat Daya	25	1,969,763.59	25
	b. Daerah Timur Laut	63	2,695,177.10	63
	c. Daerah SPS	36	1,470,880.89	36
	d. Daerah SPT	15	928,803.46	15
	e. Daerah SPU	25	2,714,975.40	25
8.	Majlis Perbandaran Seberang Perai			
	a. Daerah SPS	22	440,000.00	22
	b. Daerah SPT	62	1,420,148.60	62
	c. Daerah SPU	26	753,550.61	26
9.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	11	908,083.18	11
	JUMLAH BESAR	**482**	**15,424,533.38**	**512**

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapa banyakkah pekerja tempatan yang telah dibuang kerja oleh majikan dalam tahun 2008 sehingga Julai 2009. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berdasarkan statistik Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, bilangan pekerja tempatan yang telah diberhentikan oleh majikan pada tahun 2008 adalah seramai 3,981 orang. Menurut statistik jabatan tersebut juga, bilangan pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan dari bulan Januari 2009 sehingga 15 Julai 2009 adalah seramai 3,577 orang. Sehubungan itu, seramai 7,558 orang pekerja tempatan telah diberhentikan kerja dari tahun 2008 sehingga 15 Julai 2009.

Kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif untuk mengatasi masalah ni. Semasa pembentangan Bajet 2009 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu, Kerajaan Negeri telah meluluskan dana berjumlah RM10 juta bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur.

Selain itu, pada bulan Januari 2009, Kerajaan Negeri telah mengumumkan penubuhan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang *(Penang Career Assistance and Training Centre* [CAT]) yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 4 Mac 2009. Pusat CAT diuruskan oleh InvestPenang dengan kerjasama daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP).

Pusat CAT bertanggungjawab untuk membantu pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan:

(i) memadankan pekerja dengan peluang-peluang pekerja yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan Pusat CAT;

(ii) mengenal pasti program-program latihan yang bersesuaian; dan

(iii) bekerjasama dengan ahli-ahli Pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Berdasarkan data yang diperoleh daripada InvestPenang, jumlah pendaftar yang telah berdaftar dengan Pusat CAT dari bulan Mac 2009 sehingga pertengahan bulan Julai 2009 adalah seramai 1,904 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,471 orang telah pun dipadan rujuk kepada majikan yang menawarkan jawatan-jawatan kosong. Dalam tempoh masa yang sama, Pusat CAT telah menerima sebanyak 3,645 kekosongan jawatan dari pelbagai sektor untuk ditawarkan kepada mereka yang berdaftar.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Syarikat manakah yang telah ditawarkan kerja-kerja pembangunan Bukit Bendera. Nyatakan nama pemilik syarikat berkenaan dan jumlah nilai kontrak tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Projek pembangunan Bukit Bendera ialah cadangan menaik taraf sistem kereta api sedia ada. Peruntukan bagi projek ini telah diluluskan sebanyak RM40 juta melalui Kementerian Pelancongan. Agensi pelaksana bagi projek ini ialah Jabatan Kerja Raya (JKR). Selain itu, JKR Pulau Pinang turut mendapat peruntukan tambahan yang telah diluluskan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua untuk projek ini yang berjumlah RM20 juta.

Cadangan menaik taraf sistem kereta api sedia ada ini telah ditawar secara tender terbuka dan telah diiklankan pada 16 April 2009. Tender berkenaan kini masih dalam peringkat penilaian oleh Lembaga Perolehan JKR, Kuala Lumpur.

Selain itu, terdapat juga cadangan untuk mewujudkan perkhidmatan kereta kabel di Bukit Bendera Pulau Pinang. Kereta kabel ini akan menghubungkan Taman Botani hingga ke puncak Bukit Bendera. Pembangunan kereta kabel di Bukit Bendera ini dirancang bagi memperkenalkan produk pelancongan yang baru seterusnya melonjakkan lagi industri pelancongan di Pulau Pinang. Dengan adanya produk baru seperti kereta kabel Bukit Bendera, ia akan bertindak sebagai agen penggerak kepada pelancongan Pulau Pinang. Perkhidmatan kereta kabel ini akan menjadi ikon baru kepada Pulau Pinang yang sememangnya terkenal di kalangan pelancong dari dalam mahupun luar negara.

Projek ini dicadangkan untuk dilaksanakan melalui kaedah *Build Operate Transfer* (BOT). Melalui kaedah ini, projek akan dibina dan disiapkan oleh pihak swasta yang akan mengendalikannya bagi suatu tempoh konsesi dan akan dibenarkan untuk mengutip caj perkhidmatan. Kemudahan berkenaan akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri secara percuma selepas tempoh konsesi tamat. Tempoh konsesi pula adalah bergantung kepada daya maju projek berkenaan.

Pada masa yang sama, PDC turut terlibat dalam projek peningkatan kemudahan pelancongan di stesen bawah Kereta api Bukit Bendera, Pulau Pinang. Projek tersebut merupakan projek pembangunan tempat letak bas dan kereta bertingkat. Pelaksanaan projek ini bertujuan menyediakan kemudahan meletak bas pelancong dan kereta bagi pengunjung-pengunjung ke Bukit Bendera. Jawatankuasa Perolehan Persekutuan telah penawaran kontrak bagi pelaksanaan projek ini kepada Syarikat DTE Construction Sdn. Bhd. Syarikat tersebut dimiliki oleh Jaafar bin Johari dan Mohd. Fauzi bin Fadzil. Nilai kontrak tersebut pula ialah RM3,958,988.26.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapa banyakkah tanah persendirian yang terlibat dalam pembinaan landasan berkembar di kawasan Seberang Perai. Berapakah nilai pampasan yang dibayar kepada tuan-tuan tanah berkenaan. Berapa banyakkah pampasan kepada pemilik rumah kediaman. Selain wang pampasan, adakah mereka diberikan tempat baru untuk kediaman.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Permohonan pengambilan tanah untuk tujuan awam iaitu Projek Landasan Berkembar Elektrik Ipoh–Padang Besar di bawah Seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 melibatkan ketiga-tiga daerah di Seberang Perai iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan. Jumlah yang terlibat ialah sebanyak 831 lot tanah milik dengan anggaran seramai 2372 tuan tanah dan anggaran sebanyak 677 buah bangunan.

   Nilai pampasan yang dibuat adalah berdasarkan kepada nilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan juga mengambil kira maklumat-maklumat yang diberikan semasa siasatan pengambilan tanah dijalankan. Siasatan pengambilan tanah sedang dijalankan dan dijangka selesai pada pertengahan bulan Ogos 2009. Oleh yang demikian, nilai pampasan yang dibayar kepada tuan-tuan tanah dan pemilik rumah kediaman masih belum diperolehi.

   Selain wang pampasan, pihak Kerajaan Pusat telah mencadangkan rumah pangsa berharga RM42,000 seunit dan memberi subsidi sebanyak RM16,000 (baki RM26,000 ditanggung oleh pemilik rumah). Ini bermakna wang pampasan yang diberikan terhadap rumah kediaman yang terlibat dicadangkan digunakan untuk membayar baki harga rumah kos rendah tersebut. Bagi mereka yang menolak, tawaran sagu hati akan diberikan sebanyak RM16,000.00.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bilakah pihak MPSP hendak memberikan kontrak pembersihan di kawasan Sungai Dua, kerana telah beberapa tahun tiada kontraktor yang menyelenggarakan kerja pembersihan di kawasan Sungai Dua menyebabkan keadaan menjadi terlalu kotor dan parit-parit sentiasa tersumbat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Pada masa ini, pembersihan di kawasan Sungai Dua dilaksanakan sendiri oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). MPSP tidak bercadang untuk melantik mana-mana kontraktor untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di kawasan berkenaan sehingga proses penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dilaksanakan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Pernahkah Pihak Berkuasa Negeri membuat arahan menurunkan kuasa kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk meluluskan permit 4C dan memberi kuasa kepada Pejabat Tanah Daerah untuk menurunkan bayaran royalti tanah merah dan batu batan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Pihak Berkuasa Negeri di bawah kerajaan lama melalui Jawatankuasa Tanah di mesyuaratnya pada 21.1.2008 telah memberikan penurunan kuasa kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk meluluskan permit 4C pengeluaran tanah merah dan permit bahan batuan bagi jangka pendek untuk tujuan *"Development Quarry"* sahaja. Bayaran royalti bagi tanah merah telah diturunkan kepada RM1.00 semeter padu, manakala bayaran royalti bagi bahan batuan kekal pada kadar RM3.00 semeter padu. Walau bagaimanapun, kadar bayaran royalti bagi kedua-dua jenis tersebut dikekalkan semula pada kadar RM3.00 mulai 15.12.2008.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah kadar royalti tanah merah dan batu batan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Adakah tanah *first* gred tidak perlu permit 4C. Jika ya, kenapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Kadar royalti ke atas tanah merah dan bahan batuan yang dikenakan mengikut *Penang Land Rules 2005* yang diwartakan sebagai Pg. P.U. 4 bertarikh 1hb. Mac 2005 ialah RM3.00 per cubic meter.

(b) Tanah yang berstatus *first grade* tidak memerlukan permit 4C adalah berdasarkan kepada syarat nyata yang tercatit di dalam hak milik berkenaan. Mengikut syarat nyata berkenaan, tuan tanah mempunyai hak sepenuhnya ke atas tanah berkenaan termasuklah apa-apa bahan batuan yang terkandung di dalam tanah tersebut. Syarat nyata ke atas tanah *first grade* adalah seperti berikut:-

FIRST GRADE LAND

Express condition

The land comprised in this title:-

(a) shall not be affected by any provision of the National Land Code limiting the compensation payable on the exercise by the State Authority of a light of access or use conferred by Chapter 3 of Part Three of the Code or on the creation of a Collector's right of way and;

(b) subject to the implied condition that land is liable to be re-entered if it is abandoned for more than three years, shall revert to the State only if the proprietor for the time being dies without heirs;

(c) and the title shall confer the absolute right to all forest produce and to all oil, mineral and other natural deposits on or below the surface of the land (including the right to work or extract any such produce or deposit and remove it beyond the boundaries of the land).

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berapakah kos pembaikan Rumah Tetamu yang dijadikan kediaman Y.A.B Ketua Menteri dan apakah kerja-kerja yang telah dilakukan (pembaikan berkenaan) pada tahun 2008.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerja pembaikan rumah tetamu yang dilaksanakan oleh JKR pada tahun 2008 adalah sejumlah RM50,475.36 yang merangkumi kerja mengecat bangunan dan penyelenggaraan kecil bangunan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Dimaklumkan bahawa YAB Ketua Menteri telah berpindah ke banglo yang disewakan. Berapakah sewa yang perlu dibayar bagi setiap bulan. Nyatakan kos pembaikan dan pengubahsuaian yang dibuat bagi banglo berkenaan. Di manakah letaknya banglo berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Y.A.B. Tuan Ketua Menteri telah bersetuju untuk berpindah ke kediaman sementara sebagai mana yang dimaksudkan adalah bertujuan untuk memberi laluan kepada pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan rawatan anai-anai di Seri Teratai. Urusan pemindahan ke kediaman berkenaan hanya bersifat sementara. Y.A.B Ketua Menteri telah berpindah ke sebuah rumah milikan warga Pulau Pinang sebagai penyewa rumah.

Beliau tidak membelanjakan satu sen pun untuk pembaikan dan pengubahsuaian rumah sewa. Segala perbelanjaan ditanggung oleh pemilik rumah yang bercadang menduduki pada masa depan. Memandangkan pemilik rumah ingin menduduki rumahnya maka Y.A.B Ketua Menteri telah bersetuju tidak mendedahkan butiran lanjut ini kerana ia melibatkan ruangan peribadi pemilik rumah *(Privacy).* Perlu ditegaskan Y.A.B Ketua Menteri tidak menggunakan wang awam dan hanya menggunakan elaun perumahan yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang juga dinikmati oleh Y.B Tan Sri Dr Koh Tsu Koon. Atas sebab itulah, pemimpin BN dulu dan kini tidak pernah dijadikan isu politik bila menyewa rumah. Jelas, pihak tertentu kehilangan modal dan ketandusan isu politik bila cuba menjadikan isu atas Y.A.B Ketua Menteri menyewa rumah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Semasa pengumuman laporan kes kuari YAB Ketua Menteri telah meminta supaya dipungut balik royalti sebanyak RM6 juta, adakah pungutan berkenaan telah dibuat dan sehingga kini berapakah yang telah dipungut dan dari syarikat mana.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Terdapat dua (2) buah syarikat kuari yang dikehendaki untuk membuat bayaran ke atas tunggakan royalti dan bayaran tunggakan perbezaan royalti bagi bulan Januari hingga Jun 2009 berjumlah RM5,304,454.70. Syarikat-syarikat tersebut ialah Kuad Kuari Sdn. Bhd. dan Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd. Syarikat-syarikat tersebut diminta membuat bayaran secara ansuran sebanyak lima (5) kali dalam tempoh 12 bulan seperti di Lampiran A. Sehingga kini, syarikat-syarikat tersebut telah membuat bayaran seperti berikut:-

Nama Syarikat	**Jumlah Bayaran**	**Tarikh Bayaran**
Kuad Kuari Sdn. Bhd.	RM725,439.70	22.5.2009
Batu Tiga Quarry Sdn. Bhd.	RM481,133.60	26.5.2009

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sehingga kini, berapa banyakkah rizab wang Kerajaan Negeri yang masih ada.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Rizab atau simpanan terkumpul negeri dikira pada akhir sesuatu tahun kewangan setelah komitmen perbelanjaan tahunan dijelaskan.

Sehingga 31 Disember 2008, rizab wang Kerajaan Negeri berjumlah RM461,610,225.06. Dengan mengambil kira perolehan hasil negeri yang telah menunjukkan peningkatan yang ketara setakat akhir Jun 2009 berbanding komitmen perbelanjaan, adalah dijangka pada akhir tahun kewangan 2009 nanti rizab negeri akan bertambah lagi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapa banyakkah kes denggi berdarah yang telah berlaku di negeri Pulau Pinang sejak 2008 hingga kini. Dari jumlah berkenaan, berapakah yang telah meninggal dunia. Apakah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini serta program-program yang telah dijalankan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri sentiasa peka dan prihatin terhadap isu-isu kesihatan memandangkan ia melibatkan keselamatan penduduk. Bagi statistik kes denggi berdarah mengikut tahun adalah seperti berikut:

(a) Tahun 2008 - sebanyak 58 kes demam denggi berdarah dan 1 kematian telah dilaporkan; dan

(b) Sehingga Jun 2009 -14 kes demam denggi berdarah telah dilaporkan dan sehingga kini tiada kematian berlaku.

Selain itu, dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Jabatan Kesihatan Negeri telah mengadakan pelbagai langkah dan usaha bagi mengurangkan kejadian kes demam denggi di negeri ini. Langkah-langkah yang telah dan sedang diambil ialah:

(i) memastikan semua kes yang disyaki denggi yang mematuhi kriteria yang ditetapkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), dilapur atau dinotifikasi ke pejabat kesihatan mengikut peraturan di bawah Seksyen 10 Akta Kawalan Penyakit Berjangkit 1988;

(ii) langkah-langkah kawalan dan pencegahan akan diambil segera tanpa menunggu ujian pengesahan bagi setiap kes yang dilaporkan;

(iii) kajian Aedes iaitu pemeriksaan untuk pembiakan akan dijalankan dari rumah ke rumah di sekitar kawasan kes yang dilaporkan;

(iv) aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan dan *larviciding* (penyemburan racun pembunuh jentik-jentik) juga dijalankan di persekitaran kawasan perumahan bagi mengesan dan memusnahkan pembiakan di luar bahagian rumah;

(v) semburan kabus akan dijalankan segera dalam tempoh 24 jam selepas notifikasi diterima;

(vi) jadual bagi pemeriksaan premis yang dijalankan setiap hari oleh unit vektor, pejabat kesihatan daerah juga disiarkan dalam akhbar tempatan bagi memastikan penduduk peka akan kehadiran pasukan kesihatan yang akan menjalankan pemeriksaan dan tindakan kompaun yang akan dikenakan sekiranya anggota yang menjalankan pemeriksaan menemui pembiakan di premis. Pengumuman ini juga memberi peringatan kepada masyarakat bahawa penghapusan pembiakan perlu dijalankan setiap minggu;

(vii) penyediaan bekalan ubat pembunuh jentik-jentik (*Abate*) di klinik-klinik kesihatan secara percuma juga disediakan bagi mengatasi pembiakan aedes di dalam premis. Ia membolehkan penduduk memastikan bekas yang menakung air bebas daripada pembiakan aedes;

(viii) aktiviti-aktiviti penguatkuasaan iaitu mengeluarkan kompaun sehingga maksimum RM500 kepada tuan punya premis-premis yang didapati mempunyai tempat pembiakan nyamuk Aedes dijalankan secara berterusan. Tindakan mahkamah juga diambil ke atas mereka yang gagal menjelaskan kompaun; dan

(ix) mesyuarat berkala bersama pelbagai agensi turut diadakan untuk tindakan segera dan kolaborasi semua pihak bersama pejabat kesihatan, MPPP dan MPSP dalam mengawal kejadian demam denggi. Di samping itu, Bilik Gerakan peringkat negeri dan daerah dibuka pada setiap hari termasuk hari cuti bagi memastikan pemantauan kes-kes denggi terutamanya di kawasan wabak dijalankan secara berterusan.

Walaupun kebanyakan langkah-langkah kawalan masih lagi dijalankan oleh pejabat-pejabat kesihatan daerah. Pertubuhan Kesihatan Sedunia menyatakan langkah paling berkesan untuk mencegah penyakit demam denggi ialah melalui penglibatan masyarakat dalam memusnahkan tempat pembiakan Aedes. Justeru itu, beberapa program telah diwujudkan bagi meningkatkan sikap keprihatinan masyarakat iaitu:-

(i) Program COMBI *(Communication For Behavioural Impact)*. Program ini memberi penekanan kepada sukarelawan yang terdiri daripada penduduk setempat bagi menjalankan aktiviti seperti pemeriksaan dari rumah ke rumah dan persekitaran untuk mencari dan memusnahkan tempat pembiakan;

(ii) Ceramah-ceramah diberikan terutamanya di sekolah-sekolah, di kawasan-kawasan wabak dan dalam program-program kesedaran yang dianjurkan oleh ADUN kawasan;

(iii) Pameran mengenai penyakit demam denggi juga diadakan terutamanya di kawasan tumpuan awam seperti di pasar raya dan pusat membeli belah; dan

(iv) Memberikan info kepada *Radio talk* di Mutiara FM mengenai penyakit denggi dan langkah-langkah kawalan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah langkah-langkah yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha meningkat hasil padi kepada 10 tan selain usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan. Berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk tujuan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Langkah-langkah berikut telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan hasil padi kepada 10 tan per hektar:-

(a) Mewartakan kawasan jelapang padi IADA Pulau Pinang sebagai kawasan Jelapang Padi Negara dengan mengamalkan kaedah perladangan tepat dengan kemudahan pengairan yang mencukupi;

(b) Menggalakkan pembangunan Projek Ladang Usaha Sama, Mini Estet dan Kesepakatan Kelompok Padi;

(c) Memperbaiki kecekapan kumpulan-kumpulan industri sokongan dan pembekal perkhidmatan *(service provider)*;

(d) Meningkatkan kecekapan penggunaan jentera dan teknologi bagi mempertingkatkan kecekapan pengurusan tanaman;

(e) Meningkatkan keberkesanan pengurusan air dengan menaik taraf infrastruktur pengairan, menyediakan prasarana pengairan yang boleh menyokong tanaman padi sebanyak dua (2) kali setahun dan melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan pengairan termasuklah membersihkan parit dan tali air, mendalamkan saluran masuk rumah pam, menaik taraf tali air, struktur lintasan, pam, pintu air, rumah pam serta memperbaiki ban/tebing;

(f) Meningkatkan lagi kecekapan logistik kejenteraan ladang, pembangunan sumber insan, pemasaran, pengilangan dan industri hiliran berasaskan padi;

(g) Mewujudkan Majlis Pengguna Air dan Kumpulan Pengguna Air (KPA) di kelompok-kelompok bertujuan meningkatkan keberkesanan pengurusan air serta penyelenggaraan infrastruktur pengairan; dan

(h) Menganjurkan pelbagai program dan aktiviti seperti berikut:-

(i) Program Pembangunan Modal Insan seperti Hari Ladang, Kursus Teknikal (Pengurusan Tanaman, Kawalan Penyakit dan Perosak), Kursus *Hands-On* di Ladang, Gotong-royong Kawalan Perosak dan Penyakit;

(ii) Seminar Peningkatan Hasil Padi;

(iii) Bengkel Pengukuhan Kelompok;

(iv) Program lawatan ke tapak projek yang berjaya; dan

(v) Projek Kawalan Musuh dan Penyakit Padi dengan pemberian input untuk kawalan masalah perosak, penyakit dan rumpai.

Peruntukan tahun kewangan 2009 yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada Jabatan Pertanian dan Jabatan Pengairan dan Saliran adalah berjumlah RM10.3 juta.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Berapa banyakkah kes yang masih tertunggak di Mahkamah Syariah di negeri ini. Sebutkan jumlah dan kes-kes berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Berikut adalah jumlah kes mengikut statistik kes Mal dan Jenayah Syariah pada tahun 2008 dan 2009 (sehingga 31 Julai 2009).

Tahun 2008	**Jumlah Daftar**	**Dalam Prosiding**	**Selesai**
Kes Mal	3917	443	3474
Kes Jenayah Syariah	1059-	249	810

Tahun 2009	**Jumlah Daftar**	**Dalam Prosiding**	**Selesai**
Kes Mal	2490	881	1609
Kes Jenayah Syariah	784	410	374

LAPORAN KES MAL DAN JENAYAH BAGI NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2008 DAN 2009 (sehingga 31 Julai 2009)

Kes Mal 2008

Bil	**Mahkamah Tinggi/Rendah**	**Jumlah Daftar**	**Dalam Prosiding**	**Selesai**
1.	Mts Dewan 1	382	106	276
2.	Mts Dewan 2	444	108	336
3.	Mts Dewan 3	682	34	648
4.	MRSDTL	698	70	628
5.	MRSSPT	956	47	909
6.	MRSDBD	480	49	431
7.	MRSSPS	275	29	246
Jumlah		**3917**	**443**	**3474**

Kes Mal 2009 (sehingga 31 Julai 2009)

Bil	**Mahkamah Tinggi/Rendah**	**Jumlah Daftar**	**Dalam Prosiding**	**Selesai**
1.	Mts Dewan 1	300	137	163
2.	Mts Dewan 2	283	114	169
3.	Mts Dewan 3	367	119	248
4.	MRSDTL	453	143	310
5.	MRSSPT	528	168	360
6.	MRSDBD	372	138	234
7.	MRSSPS	187	62	125
Jumlah		**2490**	**881**	**1609**

Kes Jenayah Syariah 2008

Bil	Mahkamah Tinggi/Rendah	Jumlah Daftar	Dalam Prosiding	Selesai
1.	Mts Dewan 1	20	9	11
2.	Mts Dewan 2	36	6	30
3.	Mts Dewan 3	273	99	174
4.	MRSDTL	234	14	220
5.	MRSSPT	269	48	221
6.	MRSDBD	125	60	65
7.	MRSSPS	102	13	89
Jumlah		**1059**	**249**	**810**

Kes Jenayah Syariah 2009 (sehingga 31 Julai 2009)

Bil	Mahkamah Tinggi/Rendah	Jumlah Daftar	Dalam Prosiding	Selesai
1.	Mts Dewan 1	6	3	3
2.	Mts Dewan 2	10	2	8
3.	Mts Dewan 3	186	127	59
4.	MRSDTL	181	30	151
5.	MRSSPT	196	100	96
6.	MRSDBD	154	119	35
7.	MRSSPS	51	29	22
Jumlah		**784**	**410**	**374**

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Berapa banyakkah pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri hasil daripada kes-kes yang dijatuhkan hukuman di Mahkamah Syariah Negeri ini pada tahun 2008 dan sehingga 31hb. Julai, 2009. Di manakah pendapatan ini dimasukkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Jumlah hasil daripada kes-kes yang dijatuhkan hukuman di Mahkamah Syariah Negeri pada tahun 2008 ialah sebanyak RM739,606.10 dan untuk tempoh dari Januari hingga Julai 2009 jumlahnya ialah sebanyak RM751,412.00 seperti di Lampiran A & B.

Kesemua hasil tersebut dimasukkan ke dalam akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang di bawah kod 76199 dan perbelanjaannya adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Y.B. Dato' Haji Jasmin Bin Mohamed) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Berapakah kos pembaikan semula padang awam Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) akibat dari pembinaan gelanggang “King of Tennis” baru-baru ini dan siapakah yang menanggung perbelanjaan berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kos untuk kerja-kerja pembaikan semula padang Kota Lama akibat dari pembinaan gelanggang “King Of Tennis” ialah sebanyak RM52,522.80.

MPPP akan membuat tuntutan balik segala kos yang terlibat dari pihak penganjur “King Of Tennis”.

Jawapan kepada soalan YB. JM No. 16

KUTIPAN HASIL (76199)
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG
BAGI BULAN JANUARI - DEC 2008

BIL	MAHKAMAH	JAN	FEB.	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT.	OKT.	NOV.	DIS.	JUMLAH
1	**MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH**	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	**0.00**
2	**MAHKAMAH TINGGI SYARIAH**	27,175.00	8,500.00	6,500.00	4,200.00	0.00	13,464.00	3,445.00	3,800.00	0.00	0.00	0.00	0.00	**67,084.00**
3	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH BARAT DAYA**	12,700.00	0.00	2,000.00	0.00	0.00	3,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	6,800.00	5,500.00	**30,000.00**
4	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH TIMUR LAUT**	17,750.00	16,100.00	26,100.00	35,233.30	8,600.00	20,600.00	20,700.00	2,000.00	15,094.00	0.00	10,292.00	3,300.00	**175,769.30**
5	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI UTARA**	26,667.00	14,400.00	36,192.85	32,517.20	26,900.00	28,600.00	8,780.00	3,600.00	0.00	0.00	8,950.00	4,800.00	**191,407.05**
6	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI TENGAH**	53,800.00	50,464.00	35,600.00	14,208.00	1,400.00	20,800.00	4,300.00	7,785.00	0.00	2,500.00	22,814.00	14,400.00	**228,071.00**
7	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI SELATAN**	2,824.75	8,200.00	3,400.00	13,950.00	5,450.00	3,700.00	5,850.00	600.00	0.00	0.00	800.00	2,500.00	**47,274.75**
	JUMLAH	**140,916.75**	**97,664.00**	**109,792.85**	**100,108.50**	**42,350.00**	**90,164.00**	**43,075.00**	**17,785.00**	**15,094.00**	**2,500.00**	**49,656.00**	**30,500.00**	**739,606.10**

Jawapan kepada soalan YB. JM No. 16

KUTIPAN HASIL (76199)
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG
BAGI BULAN JANUARI - DEC 2009

BIL	MAHKAMAH	JAN	FEB.	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT.	OKT.	NOV.	DIS.	JUMLAH
1	**MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH**	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	**0.00**
2	**MAHKAMAH TINGGI SYARIAH**	0.00	6,100.00	2,762.00	0.00	0.00	200.00	400.00						**9,462.00**
3	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH BARAT DAYA**	14,500.00	5,100.00	7,600.00	8,025.00	14,600.00	9,600.00	12,300.00						**71,725.00**
4	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH TIMUR LAUT**	26,300.00	20,300.00	19,850.00	34,450.00	32,480.00	55,850.00	33,626.00						**222,856.00**
5	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI UTARA**	19,800.00	17,100.00	58,600.00	25,450.00	35,150.00	18,000.00	27,200.00						**201,300.00**
6	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI TENGAH**	38,900.00	24,600.00	19,300.00	16,657.00	31,992.00	31,220.00	20,600.00						**183,269.00**
7	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI SELATAN**	6,500.00	19,300.00	3,900.00	3,000.00	16,500.00	12,700.00	900.00						**62,800.00**
	JUMLAH	**106,000.00**	**92,500.00**	**112,012.00**	**87,582.00**	**130,722.00**	**127,570.00**	**95,026.00**	**0.00**	**0.00**	**0.00**	**0.00**	**0.00**	**751,412.00**

Jawapan kepada soalan YB. JM No. 16

KUTIPAN HASIL (76199)
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG
BAGI BULAN JANUARI - DEC 2008

BIL	MAHKAMAH	JAN	FEB.	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT.	OKT.	NOV.	DIS.	JUMLAH
1	**MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH**	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	**0.00**
2	**MAHKAMAH TINGGI SYARIAH**	27,175.00	8,500.00	6,500.00	4,200.00	0.00	13,464.00	3,445.00	3,800.00	0.00	0.00	0.00	0.00	**67,084.00**
3	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH BARAT DAYA**	12,700.00	0.00	2,000.00	0.00	0.00	3,000.00	0.00	0.00	0.00	0.00	6,800.00	5,500.00	**30,000.00**
4	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH TIMUR LAUT**	17,750.00	16,100.00	26,100.00	35,233.30	8,600.00	20,600.00	20,700.00	2,000.00	15,094.00	0.00	10,292.00	3,300.00	**175,769.30**
5	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI UTARA**	26,667.00	14,400.00	36,192.85	32,517.20	26,900.00	28,600.00	8,780.00	3,600.00	0.00	0.00	8,950.00	4,800.00	**191,407.05**
6	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI TENGAH**	53,800.00	50,464.00	35,600.00	14,208.00	1,400.00	20,800.00	4,300.00	7,785.00	0.00	2,500.00	22,814.00	14,400.00	**228,071.00**
7	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI SELATAN**	2,824.75	8,200.00	3,400.00	13,950.00	5,450.00	3,700.00	5,850.00	600.00	0.00	0.00	800.00	2,500.00	**47,274.75**
	JUMLAH	**140,916.75**	**97,664.00**	**109,792.85**	**100,108.50**	**42,350.00**	**90,164.00**	**43,075.00**	**17,785.00**	**15,094.00**	**2,500.00**	**49,656.00**	**30,500.00**	**739,606.10**

Jawapan kepada soalan YB. JM No. 16

KUTIPAN HASIL (76199)
MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG
BAGI BULAN JANUARI - DEC 2009

BIL	MAHKAMAH	JAN	FEB.	MAC	APRIL	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT.	OKT.	NOV.	DIS.	JUMLAH
1	**MAHKAMAH RAYUAN SYARIAH**	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	**0.00**
2	**MAHKAMAH TINGGI SYARIAH**	0.00	6,100.00	2,762.00	0.00	0.00	200.00	400.00						**9,462.00**
3	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH BARAT DAYA**	14,500.00	5,100.00	7,600.00	8,025.00	14,600.00	9,600.00	12,300.00						**71,725.00**
4	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH TIMUR LAUT**	26,300.00	20,300.00	19,850.00	34,450.00	32,480.00	55,850.00	33,626.00						**222,856.00**
5	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI UTARA**	19,800.00	17,100.00	58,600.00	25,450.00	35,150.00	18,000.00	27,200.00						**201,300.00**
6	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI TENGAH**	38,900.00	24,600.00	19,300.00	16,657.00	31,992.00	31,220.00	20,600.00						**183,269.00**
7	**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI SELATAN**	6,500.00	19,300.00	3,900.00	3,000.00	16,500.00	12,700.00	900.00						**62,800.00**
	JUMLAH	**106,000.00**	**92,500.00**	**112,012.00**	**87,582.00**	**130,722.00**	**127,570.00**	**95,026.00**	**0.00**	**0.00**	**0.00**	**0.00**	**0.00**	**751,412.00**

III. Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Nyatakan mengikut kronologi tentang penimbunan tanah di atas tanah yang dikenali PT36 dan tanah tebus guna di laut yang dikenali PT B, Bandar Tanjong Bunga, DTL, Pulau Pinang. Pastikan kedua-dua tanah ini adalah tanah Kerajaan Negeri dan/atau sudah diambil balik hak miliknya oleh Kerajaan Negeri. Nyatakan sebab-sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kawasan tanah yang dikenali PT 36 dan tanah tebus guna di laut yang dikenali PT B, Bandar Tanjong Bunga, Daerah Timur Laut adalah tanah kerajaan iaitu dasar laut. Kedua-dua tanah ini telah dipohon oleh Syarikat Purerich Realty Sdn. Bhd. Kronologi permohonan adalah seperti berikut:-

Tarikh	Perkara
17.2.1993	Syarikat mengemukakan permohonan ke Pejabat Tanah, Daerah Timur Laut
21.7.1994	Pentadbir Tanah, Daerah Timur Laut mengemukakan Kertas MMK kepada PTG
13.9.1994	Permohonan dibincangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah dan bersetuju supaya permohonan ini diluluskan.
12.10.1994 dan disahkan 19.10.1994	MMK telah bersetuju untuk meluluskan permohonan seperti berikut:- i) Pemberian milik tanah kerajaan Petak 'A' bertentangan Lot 47, Bandar Tanjong Bunga seluas lebih kurang 1.5 ekar. ii) Permohonan Lesen Pendudukan Sementara Petak 'B' seluas lebih kurang 14.514 ekar.
27.10.1994	Keputusan MMK telah disampaikan kepada Pentadbir Tanah, Daerah Timur Laut.
3.1.1995	Pentadbir Tanah, Daerah Timur Laut telah mengemukakan rayuan syarikat ke PTG seperti berikut:- i) Pengurangan bayaran premium; ii) Menambah tempoh pajakan; iii) Menjelaskan bayaran premium secara ansuran selama 10 tahun; dan iv) Menangguhkan tempoh bayaran Lesen Pendudukan Sementara.
13.2.1995	Jawatankuasa Kerja Tanah memperakukan supaya permohonan rayuan daripada Syarikat Purerich Realty Sdn. Bhd. diluluskan kecuali menolak permohonan untuk menangguhkan tempoh bayaran Lesen Pendudukan Sementara.
29.3.1995 dan disahkan 5.4.1995	MMK bersetuju dengan syor oleh Jawatankuasa Kerja Tanah.
12.4.1995	Keputusan MMK telah disampaikan kepada Pentadbir Tanah, Daerah Timur Laut
28.10.1995	Pentadbir Tanah, Daerah Timur Laut mengemukakan permohonan untuk mengeluarkan hak milik sementara bagi Petak A, Bandar Tanjong Bungah.
28.11.1995	PTG mengeluarkan Suratan Hak milik Sementara No. HS(D)545, PT.36, Bandar Tanjong Bunga bagi tanah diberi milik.
8.6.1999	Pentadbir Tanah, Daerah Timur Laut menulis kepada PTG minta pandangan mengenai cadangan syarikat untuk membina sebuah rumah kelab di atas tanah ini.
15.6.1999	Jawatankuasa Tanah telah bersetuju dengan syor syarikat.
28.7.1999 dan disahkan 4.8.1999	MMK menangguhkan permohonan syarikat untuk membina sebuah rumah kelab.
24.10.2000	Jawatankuasa Tanah membincangkan semula permohonan syarikat untuk membina sebuah rumah kelab.
31.1.2001 dan disahkan 8.2.2001	MMK menangguhkan permohonan syarikat.
21.2.2001 dan disahkan 28.2.2001	MMK menolak permohonan syarikat untuk membina sebuah rumah kelab.
12.3.2001	Keputusan MMK telah disampaikan ke Pentadbir Tanah, Daerah Timur Laut.

Berdasarkan kepada kronologi di atas, maka tanah PT.36 adalah dimiliki oleh Syarikat Purerich Realty Sdn. Bhd. manakala PT.B, Bandar Tanjong Bunga seluas 14.5.ekar adalah tanah kerajaan yang sebelum ini dikeluarkan Lesen Pendudukan Sementara kepada Syarikat Purerich Realty Sdn. Bhd.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Nyatakan status atau setakat manakah perkembangan menyediakan Enakmen *"Freedom OF Information Act"* atau Akta Kebebasan Informasi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri masih lagi dalam peringkat perbincangan dan penilaian yang teliti dari semua aspek bagi tujuan penyediaan Enakmen *"Freedom of Information Act".* Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Kebebasan Maklumat yang dipengerusikan oleh Y.B. Abdul Malik bin Abul Kassim telah mengambil beberapa inisiatif dengan mengadakan sesi dialog bersama pelbagai pihak bagi mendapatkan pandangan orang ramai mengenai kebebasan maklumat sebelum *"Freedom of Information Act"* dikuatkuasakan. Antara pihak-pihak yang terlibat di dalam sesi dialog tersebut termasuklah pihak media, Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan ahli akademik. Tujuan sesi dialog ini diadakan adalah untuk membincangkan mengenai kesesuaian dan keberkesanan *"Freedom of Information Act"* sekiranya dikuatkuasakan di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun, beberapa perkara masih lagi perlu dikaji dengan teliti dan dibuat penilaian secara berperingkat sebelum keputusan untuk menguatkuasakan *"Freedom of Information Act"* dilaksanakan. Sehubungan itu, perbincangan dan kajian menyeluruh akan terus dijalankan sehingga pendekatan yang sesuai dapat dikenal pasti. Namun begitu, Kerajaan Negeri telah membuat beberapa penambahbaikan terhadap kebebasan maklumat bagi menyalurkan informasi terkini kepada rakyat dengan lebih berkesan lagi. Antaranya ialah dengan mewujudkan ruangan khas di dalam Tabloid Suara Rakyat bagi membolehkan rakyat mengemukakan pendapat, kritikan dan cadangan terhadap Kerajaan Negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga meneruskan sesi siaran langsung *(Web Streaming)* persidangan Dewan Undangan Negeri agar seluruh rakyat Pulau Pinang dapat mengikuti perkembangan persidangan dewan dan sekali gus mengetahui perkembangan pembangunan Pulau Pinang secara langsung dan telus.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Senaraikan dengan terperinci tapak RIBI di bahagian Pulau dan Seberang Perai. Apakah garis panduan penggunaan atau permohonannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Terdapat 10 tapak yang diserahkan oleh pemaju kepada Majlis Terdapat 10 tapak yang diserahkan oleh pemaju kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk tujuan Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, tiada maklumat tapak yang diserahkan oleh pemaju kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk tujuan Tapak RIBI. Tiada garis panduan penggunaan atau permohonan secara khusus bagi Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam. Permohonan boleh dikemukakan secara bertulis (biasa) kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai. Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) adalah terdiri daripada tokong, kuil dan gereja. Bilangan RIBI mengikut daerah di Seberang Perai adalah seperti yang berikut :

Daerah	Tokong	Kuil	Gereja	Jumlah
SPU	46	30	30	106
SPT	56	13	7	76
SPS	20	23	4	47
Jumlah	**122**	**66**	**41**	**229**

Permohonan bagi pembangunan RIBI adalah berdasarkan kepada keperluan satu RIBI untuk setiap 2,600 penganut agama berkenaan dan kelulusan tapak adalah berdasarkan 0.1 meter persegi bagi setiap penduduk.

Permohonan untuk RIBI perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa RIBI. Jawatankuasa perlu menentukan tapak melalui kedapatan tanah-tanah yang sesuai melalui Pejabat

Daerah dan Tanah. Sekiranya melibatkan tanah individu pengambilan tanah perlu dilaksanakan. Perbandaran Pulau Pinang untuk tujuan Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI). Bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai, tiada maklumat tapak yang diserahkan oleh pemaju kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk tujuan Tapak RIBI.

Tiada garis panduan penggunaan atau permohonan secara khusus bagi Tapak Rumah Ibadat Bukan Islam. Permohonan boleh dikemukakan secara bertulis (biasa) kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Nyatakan program Kerajaan Negeri untuk mempromosikan *"garbage enzyme"* untuk mengurangkan sampah dan membersihkan alam sekitar kita.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. *"Garbage Enzyme"* atau GE telah dilaksanakan oleh pihak SERI bersama-sama dengan Penduduk-penduduk Persatuan dan NGO. MPPP mempromosikan *"garbage enzyme"* untuk mengurangkan sampah dan membersihkan alam sekitar semasa menjalankan ceramah kitar semula dan memberi penerangan berkaitan kebaikan untuk membuat *(Effective Micro Organism)* atau *Mikro Oraganism Efektive* (EM) atau pun GE kepada orang ramai. "*Garbage Enzyme*" dihasilkan dari bahan buangan sisa rumah seperti sisa sayur dan kulit buah dan seterusnya difermentasikan menjadi EM. Ia berkebolehan melupuskan bahan organik dan seterusnya mengeluarkan bahan larutan yang berfaedah seperti asid amino, gula, alkohol, hormon dan sebatian organik.

Kaedah membuat EM adalah seperti berikut:-

Nisbah

-	Gula merah / molasses	:	1
-	Sisa makanan (contoh: sisa sayur, kulit buah)	:	3
-	Air	:	10

(a) Campur gula merah dengan air dan diikuti sisa makanan dalam bekas.

(b) Tinggal 1/3 ruang dalam bekas untuk fermentasi.

(c) Membuka penutup bekas setiap hari bagi pengeluaran gas.

(d) Mengacau bahan-bahan terapung.

(e) Cecair EM boleh diguna selepas 3 bulan.

Kawalan Kualiti EM adalah seperti berikut:-

(a) pH : di bawah 3.5.

(b) bau : Masam harum. (tidak boleh diguna jika ia berbau busuk)

Kebaikan EM untuk membersihkan alam sekitar adalah seperti berikut:

(a) Dalam Rumah

(i) Mengurang bau busuk serta menjadi sisa dapur sebagai bagi organik
(ii) Menghilangkan bau busuk dan comot dalam dapur serta bilik mandi.
(iii) Membantu menghalau serangga.
(iv) Membasuh lantai.

(b) Pertanian

(i) Mengurang penggunaan bahan kimia yang berlebihan
(ii) Memelihara ladang bebas dari penyakit dan serangga
(iii) Sebagai baja untuk tanaman.
(iii) Memulih tanah yang bermasalah.
(iv) Tahi haiwan yang dirawat dengan EM akan mengurang bau dan meningkatkan kualiti baja kompos.

(c) Longkang/Sungai

Membersihkan longkang/sungai supaya tidak berbau busuk. Melalui program LA21, MPSP sedang memberi ceramah kepada komuniti untuk membuat "*garbage enzyme*". Tunjuk ajar diadakan sekurang-kurangnya dua kali sebulan. Pada masa ini adalah sukar untuk mendapat sisa buah-buahan bagi membuat *"garbage enzyme".* Bagi ladang-ladang ternakan ayam dan babi para penternak juga membuat "*garbage enzyme*" bagi penggunaan di ladang. MPSP juga mampu mengeluarkan 3,000 liter "*garbage enzyme*" seminggu.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Senaraikan dengan terperinci permohonan dan pembahagian peruntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk semua jenis sekolah di Pulau Pinang yang bermanfaat pada tahun 2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan negeri melalui Jabatan Kewangan Negeri (JKN) telah memperuntukkan sejumlah RM8.5 juta kepada lima (5) jenis sekolah seperti jadual di bawah di negeri ini pada tahun 2009. Pemberian bantuan kepada sekolah adalah mengikut perihal, jenis dan keperluan bantuan aktiviti dan program yang dirancang oleh setiap sekolah yang dikenal pasti. Agihan mengikut jenis sekolah yang diluluskan peruntukan adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Sekolah	Bilangan (buah)	Peruntukan (RM)
1.	Sekolah Agama Rakyat	17	1,500,000.00
2.	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	28	1,500,000.00
3.	Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (Persendirian)	5	1,000,000.00
4.	Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Cina)	100	4,000,000.00
5.	Sekolah Missionary (Mubaligh)	24	500,000.00
	JUMLAH	**174**	**8,500,000.00**

Sehingga kini, peruntukan yang diluluskan telah pun diagihkan kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (Persendirian) seperti berikut:-

Agihan Peruntukan Kerajaan Negeri untuk Sekolah-sekolah di Pulau Pinang Tahun 2009:-

(a) Sekolah Agama Rakyat – RM 1,500,000.00

(i)	Maahad Al Ihsaniah (Manhal)	- RM 55,000.00
(ii)	Institut Pengajian Ar-Razi	- RM 55,000.00
(iii)	SABK Khairiah Islamiah	- RM 27,000.00
(iv)	SABK Al Masriah	- RM 23,000.00
(v)	SABK Wah Jah	- RM 11,000.00
(vi)	SABK Faqiyah Daimiah	- RM 13,000.00
(vii)	SABK AL Ahmadiah Al Ijtimaiyyah	- RM 13,000.00
(viii)	SABK Daeratul Maaratul Wataniah I	- RM 44,000.00
(ix)	SABK Daeratul Maarifil Wataniah II	- RM 13,000.00
(x)	SABK Al Mashoor Islami	- RM 15,000.00
(xi)	SABK SRATI	- RM 13,000.00
(xii)	SABK Al Iman An Nawawi	- RM 13,000.00
(xiii)	Sek. Men Islam Ad Diniah	- RM 180,000.00
(xiv)	Madrasah Manabiul Ulum	- RM 210,000.00
(xv)	Madrasah Al Irsyad Al Asyraf Al Wataniah	- RM 210,000.00

(xvi)	Sek. Tahfiz Al-Islah (STAIL)	- RM 125,000.00
(xvii)	Madrasah Al Aminiah	- RM 480,000.00

(b) Sekolah Jenis Keb. Tamil - RM 1,500,000.00

(i)	SRJK (T) Azad	- RM 24,170.00
(ii)	Sek. (T) Jln Sungai	- RM 32,040.00
(iii)	SRJK (T) Rajaji Kg. Baru	- RM 43,000.00
(iv)	SJK (T) Ramakrishna	- RM 60,000.00
(v)	Guru SRJK (T) Subramaniya Barathee	- RM 28,676.00
(vi)	SJK (T) Bayan Lepas	- RM 40,000.00
(vii)	SJK (T) Sg Ara	- RM 60,000.00
(viii)	SJK (T) Ladang Malakoff	- RM 59,000.00
(ix)	Sek Ren Keb (T) Ladang Mayfield	- RM 68,960.00
(x)	SRJK (T) Palaniandy, Kepala Batas	- RM 66,190.00
(xi)	SRJK (T) Perai	- RM 35,620.00
(xii)	SRJK (T) Bukit Mertajam	- RM 66,040.00
(xiii)	SRJK (T) Ladang Alma	- RM 40,000.00
(xiv)	Sek Ren Jenis Keb. (T) Ladang Juru	- RM 24,000.00
(xv)	Sek Ren Jenis Keb. (T) Ladang Prye	- RM 48,460.00
(xvi)	SRJK (T) Permatang Tinggi Simpang Ampat	- RM 31,642.00
(xvii)	SRJK (T) Ladang Batu Kawan, Simpang Ampat	- RM 30,660.00
(xviii)	SJK (T) Ladang Byram	- RM 35,360.00
(xix)	SJK (T) Ladang Jawi	- RM 60,352.00
(xx)	SRJK (T) Ladang Krian	- RM 68,360.00
(xxi)	SJK (T) Tasek Permai	- RM 37,394.00
(xxii)	SJK (T) Ldg Transkrian	- RM 21,890.00
(xxiii)	SRJK (T) Ladang Valdor	- RM 17,300.00
(xxiv)	SJK (T) Nibong Tebal	- RM 68,900.00
(xxv)	SRJK (T) Sungai Bakap	- RM 95,320.00
(xxvi)	SRJK (T) Ladang Changkat	- RM 118,770.00
(xxvii)	PIBG SJK (T) Ladang Sempah	- RM 103,400.00
(xxviii)	PIBG SRJK (T) Mak Mandin B.W	- RM 114,496.00

(c) Sekolah Men. Jenis Keb. Cina (Persendirian) - RM 1,000,000.00

(i)	Phor Tay High School	- RM 440,000.00
(ii)	Penang Chinese Girls Private High School Assn.	- RM 200,000.00
(iii)	Penang Han Chiang Associated Chinese Schools Assn.	- RM 120,000.00
(iv)	Sekolah Menengah Chung Ling Persendirian	- RM 120,000.00
(v)	Jit Sin Independent High School	- RM 120,000.00

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Senaraikan dengan terperinci lokasi-lokasi *hotspot* untuk WiFI percuma di seluruh Pulau Pinang yang telah ditubuhkan. Nyatakan bakinya berapa dan bila akan habis ditubuhkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Lokasi-lokasi *hotspot* untuk WIFI percuma yang telah disediakan oleh Syarikat RedTone Telecomunications Sdn. Bhd. adalah seperti disenaraikan di bawah. Baki bilangan *hotspot* yang akan disediakan adalah sebanyak 649 *hotspot* sehingga akhir Disember 2010.

SENARAI LOKASI HOTSPOT YANG TELAH DISEDIAKAN

Komtar

(i) State Government Office (Level 28)
(ii) In Front Of Maybank (Level 1)
(iii) Around MPPP Office (Level 3)
(iv) Pacific Supermarket (Level 1)
(v) Pacific Supermarket (Level 3)

Bukit Jambul

(i) Restoran Chou Yang
(ii) HK Gourmet Kitchen
(iii) GC-Classic Phone Sales & Services (PG) Sdn Bhd
(iv) Restoran Berkat Permai
(v) Pusat Aksesori Kereta KLK
(vi) Bukit Jambul Trading
(vii) Bukit Jambul Complex (Main Entrance)

Seberang Jaya

(i) Farmasi JEC
(ii) Masmera Resources
(iii) Nasi Kandar Hidayah
(iv) Vilka Enterprise
(v) Ken Win Enterprise
(vi) Next Cafe
(vii) BTech Resources
(viii) The Origin Restaurant
(ix) HPA Industries Sdn Bhd
(x) Le Montana Cafe & Lounge
(xi) Sake Room
(xii) Fuseline Electric
(xiii) TeamPME (Prudential)

Mayang Mall

(i). POS Office / Library

George Town (Chulia Street)

(i) CTC Trading
(ii) Crystal Guesthouse
(iii) Banana Travel & Tour
(iv) Mystical Tattoo Studio
(v) SAS Travel & Tour
(vi) Stardust
(vii) Jim's Place
(viiii) Jouis Travel & Tour

George Town (Jalan Dato Koyah)

(i) Lee Car Engine Servicing
(ii) Commass Construction

George Town (Argyll Road)

(i) Kaiser Hardware

George Town (Jalan Kampung Malabar)

(i) Jalan Kampung Malabar

George Town (Jalan Kangsar)

(i) Perniagaan Ban Seing

Queensbay Mall

(i) Queensbay Mall - 3F North Zone
(ii) Queensbay Mall - 3F South Zone
(iii) Queensbay Mall - 2F South Zone
(iv) Queensbay Mall - 2F Central Zone
(v) Queensbay Mall - 2F North Zone

(vi) Queensbay Mall - 1F South Zone
(vii) Queensbay Mall - 1F Central Zone
(viii) Queensbay Mall - 1F North Zone
(ix) Queensbay Mall - GF South Zone
(x) Qeensbay Mall - GF Central Zone
(xi) Qeensbay Mall - GF North Zone
(xii) Queensbay Mall - LG South Zone
(xiii) Queensbay Mall - LG Central Zone
(xiv) Queensbay Mall - LG North Zone
(xv) Queensbay Mall - LG North Zone

Bukit Jambul Complex

(i) BJ Complex - 6F
(ii) BJ Complex - 5F Summer Wing
(iii) BJ Complex - 5F Winter Wing
(iv) BJ Complex - 4F Summer Wing
(v) BJ Complex - 4F Central Wing
(vi) BJ Complex - 4F Winter Wing
(vii) BJ Complex - 3F Summer Wing
(viii) BJ Complex - 3F Central Wing
(ix) BJ Complex - 3F Winter Wing
(x) BJ Complex - 2F Winter Wing
(xi) BJ Complex - 2F Summer Wing
(xii) BJ Complex - 2F Central Wing
(xiii) BJ Complex - 1F Summer Wing
(xiv) BJ Complex - 1F Summer Wing
(xv) BJ Complex - 1F Winter Wing
(xvi) BJ Complex - GF Summer Wing
(xvii) BJ Complex - GF Central Wing
(xviii) BJ Complex - GF Winter Wing
(xix) BJ Complex - LG Summer Wing
(xx) BJ Complex - LG Winter Wing

Megamall

(i) Megamall - 4F East (Bowling)
(ii) Megamall - 2F North (Popular)
(iii) Megamall - 2F West (Qiang)
(iv) Megamall - 2F South (Thai Laksa)
(v) Megamall - 2F East (Delight Cafe)
(vi) Megamall - 1F North (Popular)
(vii) Megamall - 1F West (UB)
(viii) Megamall - 1F South
(ix) Megamall - 1F East (Samsung)
(x) Megamall - GF North (SAG Telekom)
(xi) Megamall - GF West (Mega Sport)
(xii) Megamall - GF South (McDonald)
(xiii) Megamall - GF South (Food Court)
(xiv) Megamall - GF East (Top Fashion)
(xv) Megamall - LG (Management Office)

Seberang Perai

(i) Synergy College No.17
(ii) Synergy College No.32
(iii) PCTECH Computer
(iv) SS Computer
(v) PerfectSoft Computer
(vi) Safe Cool Tint Shop
(vii) Industrial Trans-Trade
(viii) CMS Distribution
(ix) DWIN Resources

(x) FIXIT Computer
(xi) Restoran Shin Tian Xia
(xii) Restoran Sempoi Corner

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila nyatakan program, strategi dan tindakan untuk mempertingkatkan prestasi kakitangan Kerajaan Negeri untuk berkhidmat demi rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) sentiasa berusaha untuk meningkatkan prestasi kerja kakitangan Kerajaan Negeri agar perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat memberi kesan yang positif seterusnya dapat meningkatkan imej perkhidmatan awam negeri. Bagi meningkatkan prestasi anggota Kerajaan Negeri, PSUKPP telah melaksanakan dan merancang program-program seperti berikut:-

(i) Bengkel Motivasi Kerja

Bengkel ini diadakan bagi menguatkan semangat kerja dan taat setia kepada perkhidmatan awam serta berusaha untuk meningkatkan kualiti kerja agar memberi manfaat kepada rakyat. Pendekatan psikologi diutamakan kerana pengurusan sumber manusia melibatkan individu-individu yang mempunyai pelbagai karakter dan personaliti yang mana perlu disesuaikan dengan iklim kerja masing-masing. Bengkel ini diadakan mengikut jadual berkala dan ia dimulakan dengan siri pertama pada 24 - 25 Jun 2009. Siri kedua akan diadakan pada 27 - 28 Julai 2009.

Bengkel ini melibatkan semua kumpulan perjawatan sokongan satu (1) dan dua (2). Ini kerana kumpulan tersebut merupakan kumpulan kerja yang penting dalam membangunkan organisasi perkhidmatan awam negeri.

(ii) Program Pembimbing Rakan Perkhidmatan Awam (AKRAM).

Program AKRAM memberi dan melatih anggota awam yang tidak mempunyai latar belakang pendidikan Psikologi Kaunseling dengan ilmu psikologi serta kemahiran kaunseling agar ia boleh dimanfaatkan dalam membantu menangani stres, krisis dan kelesuan/keletihan di kalangan penjawat awam negeri. Kursus AKRAM telah diadakan mengikut tahap iaitu Tahap 1, 2 dan 3 yang melibatkan 28 orang pegawai/anggota dari pelbagai agensi dan jabatan negeri.

(iii) Program Strategi Tindakan Pementoran.

Strategi program mentoring adalah merupakan khidmat bimbingan dan nasihat oleh pegawai senior kepada pegawai lantikan baru agar mereka berada di landasan kerja yang betul. Secara tidak langsung, program ini membantu meningkatkan kecekapan pegawai/anggota lantikan baru. Ia diadakan secara berperingkat mengikut perjawatan masing-masing.

(iv) Perkhidmatan Intervensi Kaunseling.

Program ini menggunakan pendekatan psikologi dan kaunseling dalam membantu mengatasi kecelaruan emosi, tingkah laku dan psikologi kakitangan awam. Gangguan emosi, sudah pasti akan memberi kesan ke atas produktiviti kerja anggota awam Negeri Pulau Pinang. Perkhidmatan disediakan secara percuma oleh pegawai psikologi, yang juga merupakan seorang kaunselor berdaftar dan diperakukan oleh Lembaga Kaunselor Malaysia *(Malaysia Cauncellor Board).*

Secara kesimpulannya Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) sentiasa berusaha ke arah mempertingkatkan prestasi anggota

perkhidmatan awamnya agar dapat memberi mutu perkhidmatan yang terbaik sejajar dengan kehendak *stake holder* dan rakyat Negeri Pulau Pinang khususnya.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Peta untuk Tanjong Bunga -Telok Bahang Sekuder Koridor dalam Pelan Struktur Pulau Pinang, telah salah menunjukkan Tanjong Bunga bermula dari Mar Vista. Seharusnya Tanjong Bunga bermula dari Jalan Gajah meliputi seluruh lembah Tanjong Bunga. Apa tindakan Kerajaan Negeri untuk membetulkan kesilapan yang dilakukan. Sila nyatakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Mengikut semakan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Pulau Pinang, berdasarkan kepada Minit Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Bilangan 2 Tahun 2007 bertarikh 12 Februari 2007, Jawatankuasa semasa mempertimbangkan syor Jawatankuasa Pendengaran Bantahan; telah memutuskan koridor pembangunan sekunder bermula daripada Tanjong Bungah/Mar Vista hingga ke Telok Bahang. Keputusan ini dibuat setelah mempertimbangkan bantahan awam yang telah dikemukakan semasa draf Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan mengambil kira Garis panduan Kawalan Pemajuan Untuk Pantai Utara MPPP yang sedang diguna pakai pada ketika itu. Dengan keputusan tersebut, koridor pembangunan utama adalah bermula dari George Town ke Tanjong Bungah/Batu Feringhi.

   Susulan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri berkenaan dan keputusan-keputusan mesyuarat selanjutnya, pindaan telah dilakukan ke atas Rajah 4.2 – Koridor Pembangunan Negeri Pulau Pinang, di muka surat 4.4b. RSN 2020. Rajah berkenaan dengan jelas menunjukkan koridor pembangunan utama bermula dari George Town ke Tanjong Bungah dan koridor pembangunan sekunder bermula dari Tanjong Bungah/Batu Feringhi (Mar Vista) ke Telok Bahang. Dengan yang demikian, Kerajaan Negeri mengambil ketetapan untuk mengekalkan nama koridor pembangunan sekunder berkenaan sebagai Koridor Tanjong Bungah - Telok Bahang kerana ia juga terletak di dalam DUN Tanjong Bungah (N22) seperti ditunjukkan di atas Rajah 4.2 dan di dalam dasar DSU5 L1, walaupun titik tanda bermulanya koridor pembangunan sekunder ini sebenarnya bermula dari Mar Vista ke Telok Bahang. Perkara ini telah pun disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 19 Disember 2008.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Adakah cerun kelas 3 dan kelas 4 di seluruh Negeri Pulau Pinang telah diwartakan tidak benarkan untuk sebarang pembangunan dan pembinaan, terutamanya projek pembangunan perumahan tinggi atau apartmen/ kondominium. Senaraikan lokasi cerun yang berkelas 3 dan 4 di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Pembangunan dan pembinaan di tanah bukit di Negeri Pulau Pinang adalah dikawal di bawah Dasar DK3 Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 iaitu Aktiviti Pemotongan Tanah Bukit Akan Dikawal Melalui Penguatkuasaan Garis Panduan Kawasan Berisiko. Antara langkah-langkah kawalan adalah seperti berikut:-

    (a) Mengekalkan kawasan yang berada di aras 75 m (250 kaki) dan ke atas sebagai kawasan berbukit/kawasan alam semula jadi, termasuk tanah-tanah yang diwartakan di dalam Akta Pemeliharaan Tanah, 1960 (Warta Tanah Bukit).

    (b) Sebarang pembangunan perbandaran yang meliputi pembangunan perumahan, perhotelan, resort, perdagangan dan perindustrian; serta aktiviti pertanian tidak dibenarkan bagi:-

        (i) Kawasan tanah tinggi yang diwartakan di bawah Akta Pemeliharaan Tanah 1960; atau

        (ii) Sebarang tanah yang berada pada paras 75m (250 kaki); dan atau

(iii) Berkecerunan melebihi 25°,

(c) Mensyaratkan tanah-tanah yang telah diberikan kelulusan oleh pihak berkuasa bagi tujuan pengeluaran tanah dari warta tanah bukit untuk tertakluk kepada kehendak-kehendak perancangan dan Garis Panduan Kawasan Berisiko yang diguna pakai oleh negeri.

(d) Pembangunan secara terhad bagi projek istimewa di kawasan aras tanah ketinggian 75m (250 kaki) atau lebih memerlukan kawalan ketat dengan mematuhi garis panduan pembangunan kawasan tanah tinggi dan mana-mana garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan dan mendapat kelulusan EIA serta Jawatankuasa Perancang Negeri.

(e) Mensyaratkan semua pembangunan di kawasan yang kecerunan tanahnya melebihi 25° sama ada tertakluk kepada Warta Tanah Bukit atau berada pada paras 75m (250 kaki) atau kurang masih tertakluk kepada kehendak-kehendak perancangan dan Garis Panduan Kawasan Berisiko yang diguna pakai negeri.

(f) Mewartakan semua kawasan bukit yang sensitif dari segi ekologi dan alam sekitar sebagai tanah bukit/kawasan alam semula jadi.

(g) Meningkatkan usaha penguatkuasaan bagi mencegah dan menghentikan pertanian dan pembangunan tanpa lesen di kawasan berbukit dan mengehadkan pertanian di kawasan tanah tinggi melebihi 100 kaki kepada tanaman kekal sahaja selaras dengan peruntukan Akta Pemeliharaan Tanah 1960.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah langkah-langkah, program, strategi dan tindakan telah dilaksanakan Kerajaan Negeri untuk merealisasikan basikal sebagai gaya hidup yang sihat di kalangan orang ramai dan membina sistem laluan basikal di seluruh negeri untuk mempromosikan pelancongan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Terdapat beberapa langkah, program, strategi dan tindakan telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk merealisasikan berbasikal sebagai gaya hidup yang sihat di kalangan orang ramai. Kerajaan negeri melalui MMK Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang telah bekerjasama secara aktif dengan beberapa persatuan dan kelab berbasikal tempatan dalam mengadakan program serta aktiviti berbasikal untuk masyarakat Pulau Pinang setiap bulan sebagai aktiviti sepanjang tahun. Kerajaan negeri telah menggerakkan beberapa aktiviti riadah berbasikal seperti berikut:-

(i) Program Berbasikal "*Penang Heritage Experience on Wheels"* pada setiap Ahad minggu terakhir setiap bulan. Peserta kayuhan akan dibawa melalui kawasan dan bangunan warisan *(heritage)* di sekitar banda raya George Town.

Tempat Bermula: Padang Kota Lama. Jam: 8.30 pagi. Anjuran *Penang Cyling Lifestyle Association.*

(ii) Program Berbasikal "G-Club Telok Bahang Ride" pada setiap Ahad minggu kedua setiap bulan. Peserta akan mengayuh basikal bermula dari G-Hotel di Gurney Drive ke Telok Bahang. Tempat Bermula: G-Hotel, Persiaran Gurney. Jam: 7.30 pagi. Anjuran: Penang G-Club Cyclist.

(iii) Program Berbasikal "Merdeka Ride Go For Green 2009" pada 16 Ogos 2009.

Peserta kayuhan akan menunggang basikal sebagai memberi kesedaran dan menggalakkan budaya berbasikal secara sihat dan memberi kesedaran tentang penjagaan alam sekitar. Di samping itu, ia turut diadakan untuk menggalakkan

semangat patriotisme di kalangan peserta sempena bulan kemerdekaan. Tempat

Bermula: Padang Polo. Jam 7.00 pagi. Anjuran: Lions Club of Goast Coast Penang.

(iv) Program Berbasikal *"Campaign For a Lane: Come Ride with CM"* pada 18 Oktober 2009. Tujuan anjuran adalah untuk mempromosikan lorong basikal dari Gurney Drive ke Telok Bahang dan lain-lain jalan yang sesuai. Di samping itu, ia turut berperanan untuk mempromosikan penggunaan basikal sebagai pengangkutan alternatif dan promosi cara hidup sihat dan menikmati keindahan kehijauan Pulau Pinang. Tempat Bermula: Padang Kota Lama. Jam: 7.00 pagi. Anjuran: Rotary Club of Tanjung Bungah dan Penang G-Club Cyclist.

(v) Program Berbasikal Bukit Mertajam Mountain Bike Carnival 2009 pada 11 Oktober 2009. Tujuan anjuran adalah untuk menggalakkan kegiatan riadah berbasikal sebagai sukan sihat berkeluarga dan mengeratkan pertalian saudara di kalangan peminat sukan berbasikal. Tempat Bermula: Empangan Mengkuang. Jam 7.00 pagi.

(vi) Program Berbasikal "Kayuh Lasak" pada 5 dan 6 Disember 2009. Tujuan anjuran adalah untuk menggalakkan Sukan Pelancongan menggunakan basikal, mempromosikan warisan Pulau Pinang dari segi perspektif berbasikal dan menggalakkan sukan berbasikal bukit di Negeri Pulau Pinang. Tempat Bermula: Taman Perbandaran. Jam 7.30 pagi. Anjuran: Kelab Berbasikal *Knights of the Round Table*

(vii) Program Berbasikal "Jelajah Pulau Pinang / Penang Fellowship Ride" pada 31 Disember 2009 dan 1 Januari 2010. Tujuan anjuran adalah untuk menggalakkan Sukan Pelancongan menggunakan basikal dan merayakan sambutan Tahun Baru secara sihat. Peserta kayuhan akan berpeluang menjelajah dan mengayuh basikal merentasi dua negeri wilayah utara Malaysia iaitu negeri Kedah dan Pulau Pinang. Tempat Bermula: *Autocity*, Juru. Jam 7.30 pagi. Anjuran: Kelab Berbasikal *Knights of the Round Table.*

(viii) Di samping itu, terdapat juga beberapa program aktiviti berbasikal lain yang dirancang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri iaitu:

(ix) Program Berbasikal "Kampung Ride di Kepala Batas atau di Balik Pulau" pada setiap 3 bulan sekali. Peserta kayuhan akan berpeluang merentasi kawasan perkampungan dan menikmati keindahan alam persekitaran menarik di kawasan luar bandar.

(x) Program Berbasikal sebelah petang atau malam bermula dari Padang Kota Lama melalui Queensbay Mall ke Batu Maung. Program ini dirancang untuk dilaksanakan sebagai aktiviti bulanan.

Setakat ini, Kerajaan Negeri belum membina laluan basikal di seluruh negeri sebagai langkah mempromosi pelancongan. Walau bagaimanapun, jika terdapat keperluan terhadap perkara ini, Kerajaan Negeri bersedia mengkaji cadangan tersebut untuk dilaksanakan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Selain mengekalkan tapak warisan di George Town, apakah polisi, strategi, tindakan dan program Kerajaan Negeri untuk memelihara tapak/kampung/kawasan/binaan warisan yang multi budaya di Pulau Pinang, misalnya Kampong Buah Pala, Kampong Tanjong Tokong dan sebagainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (i) Polisi Kerajaan Negeri terhadap membangunkan perkampungan dalam bandar secara bersepadu serta untuk meningkatkan kualiti prasarana tanpa menjejaskan penduduk asal dinyatakan dengan jelas dalam dasar DS33, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 iaitu "Perkampungan Tradisional Dan Perkampungan Dalam Bandar Akan Dikekalkan dan Prasarana di naik taraf".

Langkah-langkah strategik untuk memelihara perkampungan tradisi ialah:-

Langkah 1 : Mengekalkan perkampungan-perkampungan sedia ada sebagai perkampungan tradisional di bahagian Pulau dan Seberang Perai.

Langkah 2 : Mengekalkan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam kampung-kampung tradisional sedia ada dari masa ke semasa.

Langkah 3 : Menaik taraf jalan, pengindahan dan landskap dengan mengekalkan ciri-ciri tradisi dan budaya setempat kampung secara berterusan di kawasan-kawasan perkampungan ini.

(ii) Semua aspek warisan akan dikaji mengikut undang-undang dan piawaian UNESCO dalam memelihara sesuatu tapak sebagai kawasan warisan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Apakah rancangan untuk nelayan pantai Tanjung Bunga yang akan dilaksanakan Kerajaan Negeri.

(b) Senaraikan nelayan dan pampasan mereka yang terlibat dalam penempatan semula di pantai Tanjung Bungah dengan projek pengindahan pantai oleh Tetuan Diamaward Sdn. Bhd.(M) . Sudahkah ditunaikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Kerajaan negeri telah merancang untuk menempatkan semula nelayan pantai Tanjung Bungah secara tersusun di pantai Tanjong Bungah. Bagi tujuan ini, wang ihsan berjumlah RM5,000.00 telah dibayar kepada setiap nelayan yang terlibat.

(b) Senarai nelayan yang terlibat dengan penempatan semula di pantai Tanjung Bungah adalah seperti di bawah:-

Senarai Nelayan Yang Telah Menerima Pampasan Wang Ihsan Bagi Isu Penempatan Semula Nelayan Di Tanjung Bungah

Bil.	Nama	No. Kad Pengenalan
1	Zanuar Bin Zainuddin	601215-07-5493
2	Azali Bin Che Rose	530705-07-5329
3	Adnan Bin Othman	610112-07-5575
4	Azman Bin Mustafa	700325-02-5765
5	Zainol Bin Mohamed	560905-07-5601
6	Ngiam Seng Kooi	430823-07-5055
7	Lim Cheng Hock	470902-07-5279
8	Tan Lai Seng	790507-07-5239
9	Lee Teik Tan	411001-07-5247
10	Hoon Fong Hong	410101-07-5223
11	Tan Ah Choon	470512-07-5417
12	Leonard Kok Choo	280625-07-5109
13	Arumugam A/L Marimuthu	680223-07-5037
14	Tan Ean Huat	511013-07-5429
15	Khoo Boo Lye	650518-07-5133
16	Halim Daniel Bin Abdullah	550817-07-5397
17	Ooi Cheng Ho	400117-07-5245

JUMLAH PAMPASAN RM85,000.00

Setiap nelayan ini telah menerima pampasan wang ihsan sebanyak RM5,000.00 dalam satu majlis penyampaian wang ihsan yang telah diadakan pada 10 Julai 2009 yang dihadiri oleh Y.B. Tuan Law Choo Kiang dan Y.B. Tuan Teh Yee Cheu.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Nyatakan dengan carta, sumbangan cukai yang dikenakan ke atas semua hotel di KADUN Tanjong Bunga untuk 10 tahun yang lalu. Apakah strategi, tindakan, program untuk menjamin keuntungan mereka tidak menjejaskan aktiviti-aktiviti perniagaan haram di seluruh Batu Feringhi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Aktiviti penjajaan di seluruh Batu Feringhi memang telah wujud sejak lama lagi dan tindakan untuk menyelaraskan aktiviti penjajaan seperti rancangan penempatan semula telah dibekukan kerana tiada peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan. Kewujudan penjaja-penjaja ini, khususnya pada waktu malam di seluruh Batu Feringhi telah menjadi satu daya tarikan kepada pelancong-pelancong asing. Maklumat cukai taksiran semua hotel di KADUN Tanjung Bunga seperti berikut:-

Maklumat cukai taksiran semua hotel di KADUN Tanjung Bunga

Bil.	Alamat	No Akaun	Kod Harta	Nilai Tahunan	Cukai Setahun
1.	Hong Kong Hotel	28 650 45936 8	D 54	RM 40,420	RM 4,163.26
2.	Chusan Hotel.	28 660 45567 4	H 97	RM 154,280	RM 20,827.80
3.	Naza Hotel	28 660 49047 7	H 97	RM 616,080	RM 83,170.80
4.	Sri Pantai Motel	28 660 46610 5	H 97	RM 62,690	RM 8,463.15
5.	Tanjung Bungah Beach Hotel	28 660 49026 3	H 97	RM 1,178,090	RM 159,042.15
6.	Copthorne Orchid Hotel	28 660 48519 9	H 97	RM 2,255,430	RM 304,483.05
7.	Paradise Sandy Bay Hotel	28 650 44675 3	H 97	RM 2,563,510	RM 346,073.85
8.	Crown Jewel Hotel	28 650 44674 4	H 97	RM 1,755,130	RM 236,942.55
9.	Leisure Holidays	28 701 00101 3	H 97	RM 326,780	RM 44,115.30
10.	Park Motel	28 660 48322 2	D 54	RM 51,730	RM 5,328.19
11.	Golden Sand Hotel	27 499 35727 7	H 97	RM 2,279,650	RM 307,752.76
12.	Shangri-La Hotel (Rasa Sayang)	27 499 35967 2	H 97	RM 3,665,440	RM 494,834.40
13.	Bayview Beach Hotel	27 499 35978 8	H 97	RM 3,528,070	RM 476,289.46
14.	Seaview Hotel	27 499 35942 2	D 54	RM 9,880	RM 1,017.64
15.	Casuarina Hotel	27 499 35968 1	H 97	RM 964,870	RM 130,257.46
16.	Lone Pine Hotel	27 499 35735 7	H 97	RM 154,180	RM 20,814.30
17.	Penang Parkroyal Hotel	27 499 36157 6	H 97	RM 2,518,770	RM 340,033.96
18.	Holiday Inn Hotel	27 499 36049 9	H 97	RM 932,960	RM 125,949.60
19.	Holiday Inn Hotel	27 471 59415 2	H 97	RM 856,970	RM 115,690.96
20.	Feringghi Beach Hotel	27 480 58781 4	H 97	RM 2,236,060	RM 301,868.10
21.	Evergreen Laurel Hotel	14 518 460891	H 97	RM 1,792,810	RM 242,029.36
22.	Berjaya Georgetown Hotel	14 476 45116 6	H 97	RM 1,577,270	RM 212,931.46
23.	Hotel Waterfall	14 617 49965 4	D 54	RM 98,900	RM 10,186.70

Nota: D54 – Rumah Tumpangan & H97 - Hotel

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Huraikan prestasi yang telah dicapai oleh Kumpulan Pemantau Pengguna Pulau Pinang yang ditubuhkan pada tahun 2008. Apakah tindakan baru / program untuk tahun 2009/2010.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa MMK Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mewujudkan Program Pemantau Pengguna *(Consumer Watch)* yang dilancarkan pada 4 Julai 2008. Program ini bertujuan untuk memberi pendidikan dan kesedaran tentang hak pengguna sebagai teras utama dalam menghasilkan pengguna yang bijak serta mewujudkan model pengguna yang bijak di semua peringkat masyarakat.

Kumpulan Pemantau Pengguna yang telah ditubuhkan di setiap kawasan ADUN telah menjalankan pemantauan mengenai harga barangan dan sebarang kegiatan menyorok barangan keperluan. Kumpulan ini juga melaporkan kepada urus setia Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Pengguna jika terdapat sebarang kenaikan harga yang tidak mematuhi harga siling untuk dimaklumkan kepada Kementerian Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna.

Kumpulan ini juga memberikan maklum balas kepada Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Pengguna mengenai kedai atau pasar raya yang mempunyai harga terendah dan harga tertinggi. Kedai yang mempunyai harga terendah akan diberi pengiktirafan dan dianugerahkan dengan “Kedai Harga Terendah”. Maklumat ini akan diedarkan di seluruh negeri melalui ADUN di kawasan masing-masing.

Selain itu, Y.B. Pengerusi Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Y.B. Tuan Haji Abdul Malik juga telah turun padang bagi mengadakan lawatan ke pasar-pasar, kedai-kedai dan *hypermarket* menjelang musim perayaan bersama dengan kumpulan pemantau mengikut kawasan masing-masing bagi memantau harga barangan.

Terbaru, Y.B. Pengerusi telah pun melancarkan Bulan Pemantau Pengguna pada 7 Julai 2009. Sambutan Bulan Pemantau Pengguna ini adalah bermula dari Julai hingga Ogos 2009. Antara pengisian di sepanjang program ini ialah :

(i) *Road Show* kesedaran dan hak pengguna;
(ii) Program Pendidikan Kepenggunaan di peringkat sekolah dan IPT;
(iii) Kempen berjimat-cermat;
(iv) Kempen Kesedaran Pembaziran Makanan; dan
(iv) Forum Menangani Kenaikan Harga Barangan.

Program yang dirancang bagi tahun 2010 pula ialah Karnival Pemantau Pengguna Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Huraikan dengan peta untuk *North Coast Road* yang diluluskan bawah JKR. PP. (49)A/17/14/8424(T) serta perkembangan projek ini. Berapa panjang sudah dibina. Nyatakan lokasinya. Bilakah binaan jalan raya itu. Apakah rancangan untuk mempercepatkan binaannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Projek ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), walau bagaimanapun projek ini tidak diluluskan tetapi pihak JKR telah memohon semula cadangan projek ini dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Di bawah PKR.PP (49)A/17/14/8424(T), untuk *North Coast Road* panjang jalan yang telah dibina oleh pihak pemaju adalah sepanjang 1.32km dengan jalan *'dual carriageway'* dan telah diserahkan kepada kerajaan.

Cadangan jalan ini bermula dari Jalan Lembah Permai, Tanjung Bungah dan berakhir di Telok Bahang berdekatan Taman Rama-rama dan panjang jalan ini adalah 12 km dan sebahagian besar jajaran jalan ini adalah melalui kawasan berbukit.

Jajaran jalan ini sebahagian besarnya melalui kawasan berbukit dan dijangkakan akan melibatkan kos yang tinggi. Pembinaan jalan ini adalah secara *'cut and fill'* dan sebahagian lagi dicadangkan pembinaan *'viaduct'*.

Jabatan ini tidak dapat memaklumkan bila projek ini dapat disiapkan memandangkan tiada peruntukan bagi projek ini.

Di antara rancangan untuk mempercepatkan penyiapan jalan ini adalah sebagaimana berikut:-

(i) kaedah penswastaan

(ii) projek ini akan diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Bersama-sama ini disertakan satu (1) salinan pelan yang menunjukkan cadangan jajaran jalan tersebut dan bahagian-bahagian yang telah siap dibina oleh pemaju.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Huraikan pecahan jantina pekerja kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan terperinci. Nyatakan program / tindakan Kerajaan Negeri untuk mencapai matlamat 30% sumber wanita mengambil bahagian dalam perkhidmatan Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2009, seramai 989 daripada 3,350 penjawat awam atau 29.5 peratus adalah merupakan dari sumber tenaga wanita yang telah diambil bekerja di perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ini bermakna, Kerajaan Negeri hampir mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Maklumat perjawatan penjawat awam di Pentadbiran Negeri Pulau Pinang adalah seperti di Jadual di bawah:-

Justeru, Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha-usaha bagi memastikan peratusan ini dapat dipertingkatkan lagi bagi memberi peluang kepada golongan wanita bersama-sama menyumbang ke arah kemajuan negeri ini.

PERJAWATAN (MENGIKUT JANTINA) DI JABATAN – JABATAN NEGERI PULAU PINANG PADA 30 JUN 2009

BIL.	AGENSI	PENGURUSAN TERTINGGI		PENGURUSAN & PROFESIONAL		KUMPULAN SOKONGAN I		KUMPULAN SOKONGAN II		JUMLAH
		L	P	L	P	L	P	L	P	
JABATAN-JABATAN										
1	Pejabat SUK Pulau Pinang	4	-	28	31	109	183	306	33	694
2	Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri	-	-	1	-	2	-	9	3	15
3	Pejabat Tanah dan Galian	1	-	5	8	26	75	17	13	145
4	Pejabat Daerah Timur Laut	-	-	4	4	28	47	22	6	111
5	Pejabat Daerah Barat Daya	-	-	10	-	38	31	30	5	114
6	Pejabat Daerah Seberang Perai Utara	-	-	6	-	46	39	28	10	129
7	Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah	-	-	5	2	43	30	36	7	123
8	Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan	-	-	2	4	35	31	28	3	103

9	Jabatan Pengairan dan Saliran	-	-	11	3	40	27	306	9	396
10	Jabatan Perhutanan	-	-	1	-	11	5	26	4	47
11	Jabatan Taman Botani	-	-	-	1	6	2	69	2	80
12	Jabatan Kehakiman Syariah	1	-	14	1	26	20	12	7	81
13	Jabatan Kerja Raya	-	-	16	3	109	92	426	24	670
14	Jabatan Agama Islam Pulau Pinang	-	-	27	8	86	61	29	10	221
15	Jabatan Kebajikan Masyarakat	-	-	1	-	10	16	5	2	34
16	Jabatan Perancang Bandar & Desa	1	-	2	4	31	20	3	2	63
17	Jabatan Kewangan Negeri	1	-	3	5	8	26	3	9	55
18	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	-	-	2	3	31	21	38	3	98
19	Jabatan Pertanian	-	-	2	1	57	21	64	5	150
20	Jabatan Mufti	1	-	3	-	8	5	2	2	21
JUMLAH		**9**	**-**	**143**	**78**	**750**	**752**	**1459**	**159**	**3350**

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Senaraikan semua kawasan setinggan dengan pecahan (bilangan keluarga bernombor / tidak bernombor) terperinci yang masih ada di seluruh Negeri Pulau Pinang. Nyatakan apakah rancangan Kerajaan Negeri sama ada membina LMC untuk penempatan penduduk setinggan ini di bawah polisi "sekeluarga satu rumah".

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Senarai kawasan setinggan dengan maklumat bilangan keluarga setinggan di atas tanah Kerajaan Negeri, tanah Kerajaan Persekutuan dan tanah persendirian bagi seluruh Negeri Pulau Pinang ialah seperti di Lampiran A.

Pada ketika ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang rancangan untuk membina LMC bagi menempatkan penduduk setinggan di bawah polisi 'sekeluarga satu rumah'. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mempunyai polisi mengenai setinggan, iaitu formula penempatan dan bayaran pampasan/wang ihsan kepada penduduk/setinggan yang terlibat dengan projek kerajaan.

LAMPIRAN A

SENARAI KAWASAN SETINGGAN DI DAERAH BARAT DAYA PULAU PINANG

A. TANAH KERAJAAN NEGERI

BIL.	LOKASI	BIL. KELUARGA SETINGGAN
1.	Mukim B – Sungai Rusa	1
2.	Mukim B – Jalan Baru	2
3.	Mukim B – Titi Teras	1
4.	Mukim B – Simpang Empat Genting	7
5.	Mukim B – Sungai Burong	2
6.	Mukim B – Pulau Betong	1
7.	Mukim B – Kampung Nelayan, Telok Bahang	28
8.	Mukim B – Telok Bahang	4
9.	Mukim B – Sungai Rusa	4
10.	Mukim B – Gertak Sanggul	1
11.	Mukim B – Teluk Kumbar	15
12.	Mukim B – Sungai Batu	17
13.	Mukim B – Permatang Damar Laut, Teluk Tempoyak dan Sungai Nibong	19

	JUMLAH	**102**

* MAKLUMAT DARIPADA PT DBD

SENARAI KAWASAN SETINGGAN DI DAERAH TIMUR LAUT PULAU PINANG

BIL.	LOKASI	BIL. KELUARGA SETINGGAN
1.	Batu Uban	20
2.	Pantai Jerejak	3
3.	Jelutong Foreshore	363
4.	Sungai Dua	126
5.	Gat Lebuh Sandilands	168
6.	Gelugor	-
7.	Weld Quay (Rumah Jeti)	730
8.	Tanah Tambun Weld Quay	650
9.	Bakau Street	110
10.	Tanjung Bungah	20
	JUMLAH	**2,190**

* MAKLUMAT DARIPADA PT DTL SEHINGGA APRIL 2009

SENARAI KAWASAN SETINGGAN DI DAERAH SEBERANG PERAI UTARA PULAU PINANG

A. TANAH KERAJAAN NEGERI

BIL.	LOKASI	BIL. KELUARGA SETINGGAN
1.	Belakang Flat Boon Siew, Mk. 16	30
2.	Kg. Tok Sani, Mk. 16	27
3.	Bersebelahan Taman Bagan Lalang, Mk. 16	30
4.	Bagan Lalang, Mk. 14	22
5.	Jalan Mengkuang, Sek. 02	50
6.	Paya Terbakar, Mk. 09	224
7.	Mak Mandin Rumah Hijau, Sek. 03	226
8.	Sg. Nyior, Sek. 03	171
9.	Lot 948, Kg. Paya Keladi, Mk. 06	7
10.	TK Bersempadan 3651 Sek.4	327
	JUMLAH	**1,114**

* MAKLUMAT DARIPADA PT SPU

B. TANAH KERAJAAN PERSEKUTUAN

BIL.	LOKASI	BIL. KELUARGA SETINGGAN
1.	Paya Terbakar, Mk. 09	224

* MAKLUMAT DARIPADA PT SPU

C. TANAH PERSENDIRIAN

BIL.	LOKASI	BIL. KELUARGA SETINGGAN
1.	Kg. Manggis, Mk. 16	20
2.	Kg. Tok Sani, Mk. 16	60
3.	Jalan Mengkuang, Sek. 02	160
4.	Kg. Perlis, Bagan Dalam, Sek. 04	185
5.	Kg. Jawa, Sek. 04	41
6.	Lot 199, Kg. Kovil, Mk. 06	137
7.	Lot 779 Kg. Padang Cempedak, Mk.13	1
	JUMLAH	**604**

* MAKLUMAT DARIPADA PT SPU

SENARAI KAWASAN SETINGGAN DI DAERAH, SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG

BIL.	LOKASI	BIL. KELUARGA SETINGGAN TANAH KERAJAAN
1.	Mukim 20 – Guar Perahu	5
2.	Mukim 16 – Machang Bubok	2
3.	Mukim 6 – Kg. Tok Keramat	7
	JUMLAH	**14**

* MAKLUMAT DARIPADA PT SPT

BILANGAN SETINGGAN DI DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN, PULAU PINANG

BIL.	TANAH KERAJAAN	TANAH MILIK PERSENDIRIAN
1.	109	346
JUMLAH	**109**	**346**

* MAKLUMAT DARIPADA PT SPS

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sila huraikan pecahan bilangan ibu tunggal (dengan latar belakang misalnya cerai, kematian pasangan) di semua kawasan KADUN Negeri Pulau Pinang. Nyatakan apakah program/tindakan/jenis bantuan untuk mereka (termasuk anak-anak mereka) yang telah/sedang/akan dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pulau Pinang memantau bilangan ibu tunggal serta pecahan berdasarkan latar belakang melalui pendaftaran yang telah dibuat pada setiap tahun seperti berikut:-

MAJLIS PEMBANGUNAN WANITA DAN KELUARGA NEGERI PULAU PINANG
STATISTIK IBU TUNGGAL YANG MENDAFTAR DI RUMAH NUR DAERAH MENGIKUT PECAHAN KAUM DI NEGERI PULAU PINANG

Jun-09

Rumah Nur Daerah	Parlimen	Kaum				Jumlah	
		Melayu	Cina	India	Lain-Lain		
Timur Laut (Utara)	Bukit Bendera					0	0
	Tanjung					0	
Timur Laut (Selatan)	Jelutong					0	0
	Bukit Gelugor					0	
Barat Daya	Bayan Baru					0	0
	Balik Pulau					0	
Seberang Perai Utara	Kepala Batas	4	0	0	0	4	7
	Tasek Gelugor	3	0	0	0	3	
	Bagan	0	0	0	0	0	
Seberang Perai Tengah	Bukit Mertajam					0	0
	Batu Kawan					0	
	Permatang Pauh					0	
Seberang Perai Selatan	Nibong Tebal					0	0
JUMLAH		**7**	**0**	**0**	**0**	**7**	

Menyentuh mengenai bantuan-bantuan yang disediakan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri tidak mempunyai peruntukan khusus untuk membantu

keluarga yang diketuai oleh ibu tunggal. Namun demikian ibu tunggal yang berkelayakan akan disalurkan Bantuan Am Negeri secara bulanan pada kadar maksimum RM200.00 pada setiap bulan.

Di antara program yang dirancang oleh Kerajaan negeri dalam membantu golongan sasaran adalah dengan melaksanakan program-program bersesuaian bagi menyediakan mereka kepada peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian. Usaha awal yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah dengan mengadakan Program Anjakan Minda, dan mengadakan taklimat bersama Amanah ikhtiar Malaysia (AIM).

Golongan ibu tunggal turut diberi peluang untuk menjana ekonomi dengan dirujuk kepada agensi-agensi berkaitan yang boleh memberi bantuan modal untuk memulakan perniagaan secara kecilan. Setiap usaha perniagaan secara kecil-kecilan dipantau oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah bagi memastikan usaha yang dijalankan berjaya. Selain itu, anak-anak dalam keluarga sasaran boleh mendapatkan latihan bersesuaian sekiranya berminat sepertimana yang ditawarkan oleh PSDC ataupun Pusat Giatmara.

Melalui MPPP dan MPSP juga menyediakan bantuan bagi golongan yang memerlukan ini seperti kemudahan tambang ke tempat kerja. Ada juga di kalangan golongan ibu-ibu tunggal ini yang boleh menyertai latihan-latihan kemahiran yang diadakan oleh KEMAS seperti kelas jahitan, memasak, anyaman kraf tangan dan sebagainya yang juga boleh menjadi sumber pendapatan mereka.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Nyatakan perkembangan kebelakangan ini tentang UDA Holding atas Kampong Tanjong Tokong dari aspek:

    (a) Surat perjanjian

    (b) Senarai banci yang terkini dijanjikan UDA

    (c) Perkara "Kampong Warisan Kampong Tanjong Tokong"

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Terdapat beberapa perjumpaan di antara Kerajaan Negeri dan pihak UDA untuk membincangkan isu-isu Kampung Tanjong Tokong.

    (a) Pihak UDA telah menyediakan draf perjanjian dan telah dipanjangkan kepada wakil penduduk untuk ulasan lanjut. Pihak UDA masih dalam proses meneliti cadangan balas oleh wakil penduduk.

    (b) Penduduk-penduduk yang tidak disenaraikan dalam senarai bancian asal telah diminta untuk menghubungi pihak UDA secara terus untuk disahkan status mereka.

    (c) Kerajaan negeri telah mendapatkan bantuan daripada pakar warisan untuk memberikan input terhadap “Kampung Warisan Kampung Tanjong Tokong” dan ianya masih dalam proses permulaan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Nyatakan kronologi atas projek Surin/Bolton dari JPB/PM/4292(LB) hingga JPB/PM/4292(LB)PIN1 PT2 dan isu-isu yang timbul dari aspek undang-undang, kerja tanah, keperluan EIA dan laporan geo-teknikal meliputi Lot 4165, 4166 dan 4204, pihak yang akan bertanggungjawab pada masa hadapan mengenal langkah-langkah penstabilan cerun kelas 3 dan 4 itu dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kronologi bagi cadangan kerja tanah bagi permohonan kebenaran merancang untuk Cadangan Mendirikan Dua (2) Blok Kondominium 28 Tingkat (396 unit) dengan Dua (2) Tingkat Tempat Letak Kenderaan *basemen* serta Satu (1) Blok Tempatan Letak Kenderaan/Rekreasi Enam (6) Tingkat dengan Kemudahan Masyarakat di Paras Bumbung di atas Lot 4189, Bandar Tanjung Bunga, Daerah Timur Laut (DTL), Jalan Selari Pantai Utara, Pulau Pinang sepertimana di Lampiran A.

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah mengambil langkah-langkah proaktif dengan memanggil pihak pemaju supaya mengemukakan permohonan kebenaran merancang bagi kerja-kerja pengorekan tanah, penstabilan cerun (kerja-kerja kejuruteraan) di atas Lot 4165, 4166 dan 4204 serta rizab jalan.

Notis mengehendaki memberhentikan kerja tanah telah dikeluarkan pada 3 Jun 2009 untuk Lot 4165 dan 4166. Bagi Lot 4204, surat bertarikh 11 Mei 2009 telah dihantar kepada Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut (DTL) untuk tindakan memandangkan ianya tanah kerajaan untuk tujuan kawasan lapang. Pada masa ini, tiada sebarang kerja tanah dijalankan di tapak tersebut.

Mesyuarat pada 15 Julai 2009 telah memutuskan bahawa pemaju perlu mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang bagi Lot–lot 4165, 4166 dan 4204. Tiada sebarang kerja tanah dibenarkan sehingga Pelan Kebenaran Merancang dikemukakan dan diluluskan oleh MPPP.

Mesyuarat pada 15 Julai 2009 juga memutuskan supaya pihak pemaju perlu menyediakan *job statement* dengan menyatakan jadual kerja, pelaksanaan kerja penstabilan termasuk senarai lokasi, keluasan dan kawasan yang terlibat. Juga diputuskan, pelan kerja tanah yang telah diluluskan pada 23 Julai 2009 akan dibatalkan. Pemaju juga perlu mengemukakan laporan geoteknikal dan laporan EIA.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Senaraikan AJK Kecil yang sedia ada di bawah semua MMK dan senarai keahlian AJK Kecil itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Senarai AJK Kecil yang sedia ada di bawah semua MMK ialah seperti berikut:-

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK TANAH

1.	Y.A.B Pengerusi Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pembangunan Keusahawanan, Penerangan dan Warisan	-	Pengerusi
2.	Y.B Timbalan Ketua Menteri I		
3.	Y.B Timbalan Ketua Menteri II		
4.	Y.B Setiausaha Kerajaan		
5.	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah UPEN		
6.	Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri		
7.	Y.B Pegawai Kewangan Negeri		
8.	Pengarah Jabatan Tanah & Galian	-	Urus setia

SENARAI KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN NEGERI PULAU PINANG

1.	Y.A.B Ketua Menteri, Pengerusi J/kuasa MMK	-	Pengerusi
2.	Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah,		
3.	Pembangunan Keusahawanan, Penerangan & Warisan		
4.	Y.B. Ahli Parlimen Balik Pulau		
5.	Y.B. ADUN Sungai Bakap		
6.	Y.B. ADUN Permatang Pasir		
7.	Y.B. ADUN Kebun Bunga		
8.	Y.B. ADUN Pengkalan Kota		
9.	Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai		
10.	Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang		
11.	Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)		
12.	Pegawai Daerah Seberang Perai Utara		
13.	Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah		
14.	Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri		
15.	Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)		
16.	Pengarah Bahagian Penyelarasan dan Penyertaan bumiputera		

17. Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
18. Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
19. Pengarah Majlis Amanah Rakyat (MARA)
20. Pengarah Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA)
21. Pengarah Perbadanan Pembangunan Industri Kecil & Sederhana (SMIDEC)
22. Pengarah Institut Penyelidikan & Pembangunan Pertanian (MARDI)
23. Yang Dipertua Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Pulau Pinang
24. Yang Dipertua Angkatan Belia Islam Malaysia Pulau Pinang
25. Pegawai Khas kepada Y.A.B. Ketua Menteri
26. Timbalan Setiausaha Kerajaan - Urus setia
27. Pembangunan) / Pengarah UPEN

SENARAI KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PENERANGAN NEGERI PULAU PINANG

1. Y.A.B. Ketua Menteri - Pengerusi
   Pengerusi J/Kuasa MMK Hal Ehwal Tanah &
   Pembangunan Tanah, Pembangunan Keusahawanan,
   Penerangan & Warisan
2. Y.B. Ahli Parlimen Balik Pulau
3. Y.B. ADUN Bagan Dalam
4. Y.B. ADUN Kebun Bunga
5. Y.B. ADUN Permatang Pasir
6. Y.B. ADUN Batu Uban
7. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
8. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang
9. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai
10. Pengarah Jabatan Pelajaran
11. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat
12. Pengarah Jabatan Penerangan
13. Pengarah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional
14. Setiausaha Persatuan Ulama Malaysia Pulau Pinang
15. Yang Dipertua Jemaah Islah Malaysia Pulau Pinang
16. Angkatan Belia Islam Pulau Pinang (ABIM)
17. Pegawai Khas kepada Y.A.B. Ketua Menteri
18. Timbalan Setiausaha Kerajaan - Urusetia
    (Pembangunan) / Pengarah UPEN

SENARAI KEAHLIAN JAWATANKUASA PANEL PENASIHAT WARISAN NEGERI PULAU PINANG

1. Y.A.B. Ketua Menteri - Pengerusi
   Pengerusi J/Kuasa MMK Hal Ehwal Tanah &
   Pembangunan Tanah, Pembangunan Keusahawanan,
   Penerangan & Warisan
2. Y.B Tuan Mansor bin Othman (TKM I)
   Pengerusi MMK
   Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa,
   Koperasi & Perhubungan Masyarakat
3. Y.B Prof Dr P.Ramasamy a/l Palanisamy (TKM II)
   Pengerusi MMK Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan
   Dan Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi
4. Y.B Dato' Zainal Rahim bin Seman
   Setiausaha Kerajaan Negeri
   Pejabat Setiausaha Kerajaan
5. Y.B Dato' Faiza binti Zulkifli
   Penasihat Undang-Undang Negeri
   Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri
6. Y.B Pegawai Kewangan Negeri
   Jabatan Kewangan Negeri
7. Encik Tan Cheng Chui
   Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Pulau Pinang
8. Prof Dato' Dr Siti Zuraina binti Abdul Majid
   National Heritage Department
   Ministry Of Culture, Arts and Heritage
9. Dr. A.Ghaffar bin Ahmad
   Jabatan Warisan Negara, Kementerian Kebudayaan,
   Kesenian dan Warisan Malaysia
10. Asst. Prof. Dr Badaruddin bin Mohamad
    Institut Pengajian Siswazah
    Universiti Sains Malaysia
11. Asst. Prof Dr Amran bin Hamzah
    Tourism Planning Research Group
    Faculty of Built Environment
    Universiti Teknologi Malaysia
12. Asst. Prof Dr Syed Zainol bin Syed Abidin Idid
    Urban Design and Conservation Research Unit
    Faculty of Built Environment

Universiti Teknologi Malaysia
13. Dr. Badriyah binti Haji Salleh
14. Y.Bhg Dato' Anwar bin Fazal
15. Encik Laurence Loh
16. Ms Janet Pillai
17. Encik Tan Yewo Wooi
18. Puan Khoo Salma
19. Encik Lim Gaik siang
20. Dr. Choong Sim Poey
21. Tengku Dato' Idaura b Tengku Ibrahim
22. Dato' Dr. Sharom bin Amat
23. Dato' Stephen Yeap
24. Encik Hamdan bin abdul Majid
25. Ms Janet Tee
26. Datuk Ramanathan
27. Dato' Ong Gim Huat
28. Dato' Cheah See Kian
29. Asst. Prof Dr Lee Lik Meng
30. Lim Yoke Mui
31. Ms Ambiga Devy
32. Mr Tan Thean Siew
33. Mr Khoo Kay Peng
34. Mr Cecil Rajendra
35. Mr Ramachandran a/l Jayaraman
36. Datin Ir. Teng Chiu Chew Ying
37. Dato' Ghulam Sarwar bin Yusoff
38. Asst. Prof Dr Eric Goh
39. Encik Ahmad bin Chik
40. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PERDAGANGAN ANTARABANGSA & PEMBANGUNAN INDUSTRI

1.	Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Koperasi, Perhubungan Masyarakat	-	Pengerusi
2.	Y.B ADUN Bukit Tengah		
3.	Y.B ADUN Machang Bubuk		
4.	Y.B ADUN Pulau Tikus		
5.	Y.B ADUN Balik Pulau		
6.	Encik John Ooh Sin Hwa (Pegawai TKM I)		
7.	Pengurus Besar Invest Penang (IP)		
8.	Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Negeri (PDC)		
9.	Pengerusi Social Economic Researh Institute (SERI)		
10.	Pengerusi Penang Skills Development Coorperation (PSDC)		
11.	President of Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)		
12.	Pengerusi Asia Think Tank		
13.	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)/ Pengarah UPEN	-	Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK KOPERASI NEGERI PULAU PINANG

1.	Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Koperasi & Perhubungan Masyarakat	-	Pengerusi
2.	Y.B. Ahli Parlimen Balik Pulau		
3.	Y.B. ADUN Sungai Bakap		
4.	Y.B. ADUN Permatang Pasir		
5.	Y.B. ADUN Kebun Bunga		
6.	Y.B. ADUN Pengkalan Kota		
7.	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)		
8.	Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Jaipp)		
9.	Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Pulau Pinang (SKM)		
10.	Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang (JPN)		
11.	Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)		
12.	Pengarah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Negeri Pulau Pinang (RISDA)		
13.	Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang (LPP)		
14.	Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang		
15.	Presiden Majlis Belia Negeri Pulau Pinang		
16.	Pengerusi Perhubungan ANGKASA Pulau Pinang		
17.	Pembantu Khas kepada Y.B. Timbalan Ketua Menteri 1		
18.	Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) / Pengarah UPEN	-	Urus setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PERHUBUNGAN MASYARAKAT

1.	Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Pembangunan	-	Pengerusi

Industri, Perdagangan Antarabangsa, Koperasi,
Perhubungan Masyarakat
2. Y.B Setiausaha Kerajaan
3. Y.B Pegawai Kewangan Negeri
4. YB ADUN Bagan Dalam
5. YB ADUN Kebun Bunga
6. YB ADUN Permatang Pasir
7. YB ADUN Batu Uban
8. YB ADUN Padang Lallang
9. YB ADUN Batu Maung
10. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
11. Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam
12. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)
13. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)
14. Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri
15. Pegawai Daerah dan Tanah SPU
16. Pegawai Daerah dan Tanah SPT
17. Pegawai Daerah dan Tanah SPS
18. Pegawai Daerah dan Tanah DTL
19. Pegawai Daerah dan Tanah DBD
20. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat
21. Pengarah Jabatan Penerangan
22. Setiausaha Bahagian Keselamatan Negara
23. Pengarah Jabatan Penyiaran Malaysia Pulau Pinang
24. Pengarah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional
25. Pengarah Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA)
26. Setiausaha Persatuan Ulama Malaysia Pulau Pinang
27. Yang DiPertua Jemaah Islah Malaysia Seberang Perai Tengah
28. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)/ - Urus Setia
Pengarah UPEN

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PERANCANGAN EKONOMI

1. Y.B Pengerusi J/Kuasa MMK Perancangan - Pengerusi
Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains,
Teknologi & Inovasi
2. Y.B ADUN Bagan Dalam - Timb. Pengerusi
3. Y.B Pengerusi J/Kuasa MMK Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna
4. Y.B Pengerusi J/Kuasa MMK Pembangunan Pelancongan, Kebudayaan
5. Y.B Setiausaha Kerajaan
6. Y.B Pegawai Kewangan Negeri
7. Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
8. Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
9. Pengurus Bank Negara Malaysia Cawangan Pulau Pinang
10. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang
11. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai
12. Pengarah Bahagian Penyelarasan dan Penyertaan bumiputera
13. Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia
14. Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang
15. Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kaum India Malaysia Pulau Pinang
16. Presiden Dewan Perniagaan Cina
17. Dekan Pusat Penyelidikan Dasar Universiti Sains Malaysia
18. Wakil KongresKesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
19. Ketua Pegawai Eksekutif Invest Penang Berhad
20. Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Sosio-Ekonomi - Urus Setia
Dan Alam Sekitar (SERI)
21. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)/
Bersama Pengarah UPEN

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PENDIDIKAN

1. Y.B Pengerusi Jawatankuasa MMK - Pengerusi
Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan &
Sumber Manusia, Teknologi & Inovasi
2. Y.B ADUN Bagan Dalam - Timb. Pengerusi
3. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Kesihatan,Kebajikan,
Masyarakat Penyayang, Alam Sekitar
4. Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri
5. Y.B Pegawai Kewangan Negeri
6. Y.B ADUN Bagan Jermal
7. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat
8. Ketua Polis Negeri Pulau Pinang
9. Pengarah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)
10. Pengarah Jabatan pelajaran
11. Naib Canselor Universiti Sains Malaysia
12. Pengarah Jabatan Penerangan
13. Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang
14. Pegawai Pejabat Pelajaran Daerah Pulau

15. Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Sosio-Ekonomi dan Alam Sekitar (SERI)
16. Pengerusi Majlis Perundingan Pendidikan Pulau Pinang (PECC)
17. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) / Pengarah UPEN - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PEMBANGUNAN SUMBER MANAUSIA

1. Y.B Pengerusi Jawatankuasa MMK Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Teknologi & Inovasi - Pengerusi
2. Y.B ADUN Bagan Dalam - Timb. Pengerusi
3. Naib Canselor Universiti Sains Malaysia
4. Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
5. Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
6. Pengarah *Malaysian Industrial Development Authority (MIDA)*
7. Pengarah Cawangan Majlis Pembangunan Sumber Manusia
8. Pengarah Jabatan Pelajaran
9. Pengarah Jabatan Tenaga Kerja
10. Pengarah Perbadanan Produktiviti Negara (NPC) Wilayah Utara
11. Pengarah Latihan Pejabat MARA
12. Pengawal Institut Piawaian & Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM)
13. Pengarah *Malaysian Institute of Training & Development (MITD)*
14. Ketua Pegawai Eksekutif *Penang Skills Development Centre (PSDC)*
15. Pengerusi *Malaysia Employers Federation (MEF) Penang Branch*
16. Pengerusi *Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)*
17. Pengerusi *Free Industrial Zone Penang Companies Association (FREPENCA)*
18. Pengerusi *Penang Furniture Manufacturers and Dealers Association (PFMDA)*
19. Pengerusi *Penang Foundry and Engineering Industries Association (PENFEIA)*
20. Pengerusi *Malaysian International Chamber of Commerce & Industry (MICCI) Penang & The North*
21. Pengerusi Kesatuan Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC)
22. Pengerusi *Electrical Industry Employees Union (EIEU)*
23. Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Sosio-Ekonomi dan Alam Sekitar (SERI)
24. Pengarah Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI)
25. Pengarah *Penang Office for Human Development*
26. Ketua Pegawai Eksekutif Invest Penang Berhad
27. Pengerusi *Penang Regional Centre, Malaysia National Computer Confederation (PERC-MNCC)*
28. Personal Manager Group (PMG), Sumitomometal Electronics Devices (Malaysia) Sdn. Bhd.
29. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) / Pengarah UPEN - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

1. Y.B Pengerusi J/Kuasa MMK Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains, Teknologi & Inovasi - Pengerusi
2. Y.B ADUN Bagan Dalam - Timb. Pengerusi
3. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna
4. Y.B ADUN Bukit Tengah
5. Pengarah Jabatan Alam Sekitar
6. Pengarah Jabatan Pelajaran
7. Dekan Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat USM
8. Dekan Pusat Pengajian Teknologi Industri USM
9. Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM
10. Dekan Pusat Pengajian Sains Fizik USM
11. Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa USM
12. Pengarah *Association For Science & Mathemathic Education Penang (ASMEP)*
13. Ketua Jabatan Sains Gunaan UiTM Cawangan Pulau Pinang
14. Ketua Jabatan Teknologi Maklumat & Sains Kuantitatif UiTM Cawangan Pulau Pinang
15. Pengerusi *Malaysian Nature Society (MNS)*
16. Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Sosio-Ekonomi dan alam Sekitar (SERI)
17. Pengerusi *Friends of Penang Botanic Gardens Society*
18. Pengetua SM Sains Tun Syed Sheikh Shahabudin
19. Pengerusi *Free Industrial Zone Penang Companies Association (FREPENCA)*
20. Pengerusi Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM)
21. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah UPEN - Urusetia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK KERAJAAN TEMPATAN

1. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas - Pengerusi
2. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Perancangan Bandar & Desa
3. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna
4. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan

5. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang, alam Sekitar
6. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut & Kereta api)
7. Y.B ADUN Pengkalan Kota
8. Y.B ADUN Tanjong Bunga
9. Y.B ADUN Pulau Tikus
10. Y.B ADUN Jawi
11. Y.B ADUN Bukit Tengah
12. Y.B ADUN Pantai Jerejak
13. Y.B ADUN Padang Lalang
14. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai
15. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang
16. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah UPEN
17. Pegawai Daerah Timur Laut
18. Pegawai Daerah Barat Daya
19. Pegawai Daerah Seberang Perai Utara
20. Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah
21. Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
22. Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Desa
23. Pengarah Jabatan Kerja Raya
24. Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran
25. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat
26. Pengarah Jabatan Alam Sekitar
27. Ketua Penolong Setiausaha Bahagian Perumahan - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK LALU LINTAS

1. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK - Pengerusi
   Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu lintas
2. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Perancangan Bandar & Desa
3. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut & Kereta api)
4. Y.B ADUN Pantai Jerejak
5. Y.B ADUN Padang Lalang
6. Y.B ADUN KOMTAR
7. Y.B ADUN Kebun Bunga
8. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai
9. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang
10. Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Desa
11. Pengarah Jabatan Kerja Raya
12. Pegawai Daerah Timur Laut
13. Pegawai Daerah Barat Daya
14. Pegawai Daerah Seberang Perai Utara
15. Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah
16. Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
17. Pengarah Wilayah Utara, Lembaga Lebuh raya Malaysia
18. Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan
19. Pengarah Wilayah, Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Wilayah Utara (LPKP)
20. Ketua Cawangan Trafik, Ibu Pejabat Polis Kontinjen
21. Pengurus Wilayah Utara, Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM)
22. Pengurus Wilayah Utara Plus Expressway Berhad
23. Pengurus Besar, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang
24. Pengurus SSI, UPEN
25. Penolong Pengarah UPEN (Infrastruktur)
26. Pengurus Besar, Rapid Penang Sdn Bhd
27. Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Perumahan - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK AGAMA

1. Y.B Pengerusi Jawatankuasa MMK - Pengerusi
   Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri,
   Hal Ehwal Pengguna
2. Y.B ADUN sungai Bakap
3. Y.B ADUN Permatang Pasir
4. Sahibul Samahah Mufti Negeri Pulau Pinang
5. Y.A.A Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang
6. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)/ Pengarah UPEN
7. Setiausaha Majlis Agama Islam Pulau Pinang
8. Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Pulau Pinang
9. Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah
10. Pegawai Tadbir Agama Daerah Timur Laut
11. Pegawai Tadbir Agama Daerah Barat Daya
12. Pegawai Tadbir Agama Daerah Kepala Batas
13. Pegawai Tadbir Agama Daerah Butterworth
14. Pegawai Tadbir Agama Daerah Sebeang Perai Tengah
15. Pegawai Tadbir Agama Daerah Seberang Perai Selatan
16. Pengetua Sekolah Tahfiz Al-Islah

17. Yang Di Pertua Ulama Malaysia
18. Yang Di Pertua ABIM Pulau Pinang
19. Yang Di Pertua Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia Pulau Pinang
20. Yang Di Pertua Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Pulau Pinang
21. Pengarah Jabatan Agama Islam Pulau Pinang - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PERDAGANGAN & PERNIAGAAN

1. Y.B Pengerusi J/Kuasa MMK Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna - Pengerusi
2. Y.B ADUN Batu Lancang
3. Y.B ADUN Pantai Jerejak
4. Y.B ADUN Sungai Pinang
5. Y.B ADUN KOMTAR
6. Y.B ADUN Batu Uban
7. Y.B ADUN Bukit Tambun
8. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)/ Pengarah UPEN
9. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang
10. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai
11. Pengarah Jabatan Kastam Negeri Pulau Pinang
12. Pengarah Jabatan Imigresen Negeri Pulau Pinang
13. Pengurus Besar Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang
14. Pengurus Besar Penang Port Sdn Bhd
15. Pengarah Wilayah Kementerian Perdagangan Antarabangsa & Industri Pulau Pinang (MITI)
16. Pengarah Bahagian Penyelarasan & Penyertaan bumiputera
17. Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang
18. Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang
19. Presiden Dewan Perniagaan Cina
20. Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kaum India, Malaysia Pulau Pinang
21. Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC)
22. Pengarah Khazanah National Berhad
23. Pengerusi Malaysian Institute of Accountants
24. PengerusiJoint Business Council (JBC)
25. Pengurus Besar Penang International Halal Hub Sdn Bhd (PIHH)
26. Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK HAL EHWAL PENGGUNA

1. Y.B Pengerusi Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna - Pengerusi
2. Y.B ADUN Bagan Dalam
3. Y.B ADUN Padang Lalang
4. Y.B ADUN Jawi
5. Y.B ADUN Kebun Bunga
6. Y.B ADUN Sungai Bakap
7. Y.B ADUN Pantai Jerejak
8. Y.B ADUN Batu Uban
9. Y.B ADUN Pulau Betong
10. Y.B ADUN Bayan Lepas
11. Y.B ADUN Telok Ayer Tawar
12. Y.B ADUN Penaga
13. Y.B ADUN Bukit Tengah
14. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah UPEN
15. Pengarah Perdagangan Dalam Negeri & Hal Ehwal Pengguna
16. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)
17. Teras Pengupayaan Melayu (TERAS)
18. Gabungan Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia (FOMCA)
19. Yayasan Pembangunan Ummah
20. Wadah Pencedasan Umat (WADAH)
21. Kesatuan Pekerja-Pekerja Islam Belia (KARIB)
22. Sahabat Alam Malaysia (SAM)
23. Persatuan-Persatuan Perdagangan
24. Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM)
25. Bahagian Pembangunan Usahawan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK KERJA RAYA, UTILITI (TENAGA, AIR, TELEKOM) & PENGANGKUTAN (UDARA, LAUT & KERETA API)

1. Y.B Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) & Pengangkutan (Udara, Laut & Kereta api) - Pengerusi

2. Y.B. ADUN Pengkalan Kota
3. Y.B ADUN Paya Terubong
4. Y.B ADUN Bagan Dalam
5. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah UPEN
6. Pegawai Daerah Timur Laut
7. Pegawai Daerah Barat Daya
8. Pegawai Daerah Seberang Perai Utara
9. Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah
10. Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
11. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang
12. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai
13. Pengarah Jabatan Tanah & Galian
14. Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran
15. Pengarah Jabatan Perancangan Bandar & Desa
16. Ketua Unit Kawal Selia Sumber Air Negeri
17. Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd
18. Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
19. Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri
20. Pengarah Suruhanjaya Tenaga Kawasan Utara
21. Pengurus TNB Wilayah Pulau Pinang
22. Pengurus Unit Indah Water Konsortium
23. Pengarah Wilayah Utara Lembaga Lebuhraya Malaysia
24. Pengurus Besar Telekom Malaysia Berhad
25. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Bomba & Penyelamat
26. Pengarah Jabatan Kerja Raya - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PEMBANGUNAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

1. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Pembangunan Pelancongan & Kebudayaan - Pengerusi
2. Y.B ADUN Datuk Keramat
3. Y.B ADUN Pengkalan Kota
4. Y.B ADUN Sungai Pinang
5. Y.B ADUN Padang Lalang
6. Y.B ADUN Berapit
7. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang
8. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai
9. Pegawai Daerah Timur Laut
10. Pegawai Daerah Barat Daya
11. Pegawai Daerah Seberang Perai Utara
12. Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah
13. Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
14. Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
15. Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
16. Pengurus Besar Majlis Tindakan Pelancongan Negeri (MTPN)
17. Pengarah Jabatan Kerja Raya
18. Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Desa
19. Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran
20. Pengarah Jabatan Taman Botani
21. Pengarah Jabatan PERHILITAN
22. Pengarah Jabatan Perhutanan
23. Penguasa Taman Negara Pulau Pinang
24. Pengarah Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia
25. Pengarah Jabatan Kebudayaan & Kesenian
26. Kurator Muzium & Balai Seni Lukis
27. Unit Polis Pelancong
28. Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)
29. Pengarah Jabatan Laut Wilayah Utara
30. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah UPEN - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK KESIHATAN

1. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang, Alam Sekitar - Pengerusi
2. Y.B Pengerusi Jawatankuasa MMK Perancangan Bandar & Desa, Perumahan, Kesenian
3. Y.B ADUN Pengkalan Kota
4. Y.B ADUN Sungai Bakap
5. Y.B ADUN Permatang Pasir
6. Y.B ADUN Padang Lalang
7. Y.B ADUN Sungai Acheh
8. Pengarah Jabatan Kesihatan
9. Pengarah Jabatan Pelajaran
10. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Kesihatan Awam & Perlesenan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang
11. Pengarah Jabatan Kesihatan & Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai
12. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat
13. Pengarah Lembaga Penduduk & Pembangunan Keluarga Negara

14. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar
15. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan)
16. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam)
17. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
18. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi)
19. Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pergigian)
20. Pengarah Hospital Pulau Pinang
21. Pengarah Hospital Balik Pulau
22. Pengarah Hospital Seberang Jaya
23. Pengarah Hospital Kepala Batas
24. Pengarah Hospital Sungai Bakap
25. Pengarah Hospital Bukit Mertajam
26. Pegawai Kesihatan Daerah Timur Laut
27. Pegawai Kesihatan Daerah Barat Daya
28. Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Utara
29. Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Tengah
30. Pegawai Kesihatan Daerah Seberang Perai Selatan
31. Pegawai Kesihatan Kanan Pelabuhan / Lapangan Terbang
32. Ketua Penolong Pengarah (Epidemiologi) Negeri
33. Ketua Penolong Pengarah (KPAS) Negeri
34. Ketua Penolong Pengarah (RKPBV) Negeri
35. Penolong Pengarah (Pendidikan Kesihatan) Negeri
36. Ketua Penolong Pengarah Keselamatan & Kualiti Makanan
37. Penolong Pengarah AIDS/STD/TB Negeri
38. Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Negeri
39. Penolong Pegawai Kesihatan Kanan Negeri (Penguatkuasaan)
40. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah UPEN - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK KEBAJIKAN

1. Y.B Pengerusi J/kuasa MMK Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang, Alam Sekitar - Pengerusi
2. Y.B Setiausaha Kerajaan
3. Y.B Pegawai Kewangan Negeri
4. Y.B ADUN Paya Terubong
5. Y.B ADUN Seri Delima
6. Y.B ADUN Pengkalan Kota
7. Y.B ADUN Padang Lalang
8. Y.B ADUN Sungai Bakap
9. Y.B ADUN Permatang Pasir
10. Y.B ADUN Sungai Acheh
11. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah UPEN
12. Pengarah Jabatan Kesihatan
13. Pengarah Jabatan Pelajaran
14. Ketua Polis Kontinjen Negeri
15. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang
16. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai
17. Pegawai Daerah Timur Laut
18. Pegawai Daerah Barat Daya
19. Pegawai Daerah Seberang Perai Utara
20. Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah
21. Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
22. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Timur Laut
23. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Barat Daya
24. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Utara
25. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Tengah
26. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Selatan
27. Pengarah Lembaga Penduduk & Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)
28. Pengarah Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional
29. Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat - Urus Setia

AHLI JAWATANKUASA MMK ALAM SEKITAR

1. Y.B Pengerusi Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang, Alam Sekitar. - Pengerusi
2. Y.B Pengerusi J/Kuasa MMK Pembangunan Pelancongan, Kebudayaan
3. Y.B Pengerusi J/Kuasa MMK Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar, Tebatan Banjir
4. Y.B ADUN Sungai Pinang
5. Y.B ADUN Kebun Bunga
6. Y.B ADUN Datuk Keramat
7. Y.B ADUN TAnjung Bungah
8. Pengarah Alam Sekitar
9. Pegawai Daerah Timur Laut
10. Pegawai Daerah Barat Daya
11. Pegawai Daerah Seberang Perai Utara
12. Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah

13. Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
14. YDP Majlis Perbandaran Pulau Pinang
15. YDP Majlis Perbandaran Seberang Perai
16. Pengarah Pejabat Tanah & Galian
17. Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
18. Pengurus Besar Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd
19. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar
20. Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Desa
21. Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran
22. Pengarah Jabatan PERHILITAN
23. Pengarah Jabatan Perhutanan
24. Penguasa Taman Negara Pulau Pinang
25. Pengarah Jabatan Laut Wilayah Utara
26. Pengarah Perkhidmatan Pembentungan
27. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca Malaysia
28. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)/ Pengarah UPEN - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI

1. Y.B Pengerusi Jawatankuasa MMK Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar, Tebatan Banjir - Pengerusi
2. Y.B Pegawai Kewangan Negeri
3. Y.B ADUN Sungai Bakap
4. Y.B ADUN Jawi
5. Y.B ADUN Bukit Tengah
6. Y.B ADUN Machang Bubuk
7. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah UPEN
8. Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
9. Pegawai Daerah Timur Laut
10. Pegawai Daerah Barat Daya
11. Pegawai Daerah Seberang Perai Utara
12. Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah
13. Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
14. Pengarah Pejabat Tanah & Galian
15. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar
16. Pengarah Jabatan Perikanan
17. Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran
18. Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA)
19. Pengarah Jabatan Perhutanan
20. Pengarah RISDA
21. Pengarah FAMA
22. Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)
23. Pengarah MARDI
24. Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)
25. Pengurus FELCRA Berhad
26. Pengarah Institut Penyelidikan Perikanan
27. Pengurus Wilayah Bank Pertanian Malaysia
28. Pengurus BERNAS
29. Ketua Wilayah MPOB Wilayah Utara
30. Ketua Cawangan Pejabat Kawal Selia Padi Kawasan Utara
31. Pengarah Wilayah Utara Lembaga Getah Malaysia
32. Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Sosio-Ekonomi & Alam Sekitar (SERI)
33. Pengarah Jabatan Pertanian - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

1. Y.B Pengerusi J/Kuasa MMK Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar, Tebatan Banjir - Pengerusi
2. Y.B ADUN Sungai Bakap
3. Y.B ADUN Machang Bubuk
4. Y.B ADUN Jawi
5. Y.B ADUN Permatang Pasir
6. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang
7. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai
8. Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
9. Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri
10. Pengarah Jabatan Kesihatan
11. Pengarah Jabatan Pelajaran
12. Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Desa
13. Pegawai Daerah Timur Laut
14. Pegawai Daerah Barat Daya
15. Pegawai Daerah Seberang Perai Utara
16. Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah
17. Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
18. Pengarah Jabatan Pertanian
19. Pengarah Jabatan Kebjikan Masyarakat
20. Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar

21. Pengarah MARA

22. Pengarah RISDA
23. Pengarah KEMAS
24. Pengurus TNB
25. Pengurus FELCRA Wilayah Utara Berhad
26. Wakil Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah
27. Pengarah Bahagian Penyelarasan Penyertaan bumiputera

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah UPEN - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK TEBATAN BANJIR

1. Y.B Pengerusi Jawatankuasa MMK Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar, Tebatan Banjir - Pengerusi
2. Y.B Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas
3. Y.B Pengerusi Jawatankuasa MMK Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang, Alam Sekitar
4. Y.B ADUN Jawi
5. Y.B ADUN Bukit Tengah
6. Y.B ADUN Machang Bubuk
7. Y.B ADUN Dato Keramat
8. Y.B ADUN Padang Lalang
9. Y.B ADUN Pantai Jerejak
10. Y.B ADUN Permatang Pasir
11. Y.B Pegawai Kewangan Negeri
12. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang
13. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai
14. Pegawai Daerah Timur Laut
15. Pegawai Daerah Barat Daya
16. Pegawai Daerah Seberang Perai Utara
17. Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah
18. Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
19. Pengarah Pejabat Tanah & Galian
20. Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Desa
21. Pengarah Jabatan Kerja Raya
22. Setiausaha Majlis Keselamatan Negara
23. Pengarah Kejuruteraan MPPP
24. Pengarah Kejuruteraan MPSP
25. Jurutera Daerah JPS (SPU)
26. Jurutera Daerah JPS (SPT)
27. Jurutera Daerah JPS (SPS)
28. Jurutera Daerah JPS (DTL)
29. Jurutera Daerah JPS (DBD)
30. Jurutera Projek RTB Sungai Muda
31. Jurutera Projek RTB Sungai Perai
32. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) /Pengarah UPEN - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PERANCANG BANDAR DAN DESA

1. Y.B Pengerusi J/Kuasa MMK Perancang Bandar Dan Desa, Perumahan, Kesenian - Pengerusi
1. Y.B ADUN Paya Terubong - Timb. Pengerusi
2. Y.B Pengerusi J/kuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas
3. Y.B ADUN Sungai Bakap
4. Y.B ADUN Tanjung Bungah
5. Y.B ADUN Padang Lalang
6. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah UPEN
7. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang
8. Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai
9. Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
10. Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)
11. Pengarah Pejabat Tanah & Galian
12. Pengarah Jabatan Kerja Raya
13. Pengarah Jabatan Pengairan & Saliran
14. Pengarah Jabatan Alam Sekitar
15. Pengarah Jabatan Pertanian
16. Pengarah Jabatan Perhutanan
17. Pegawai Daerah Timur Laut
18. Pegawai Daerah Barat Daya
19. Pegawai Daerah Seberang Perai Utara
20. Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah
21. Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan
22. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
23. Unit Kerajaan Tempatan
24. Unit Perumahan

23. Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Desa - Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PERUMAHAN

1.	Y.B Pengerusi J/Kuasa MMK Perancang Bandar Dan Desa, Perumahan, Kesenian	-	Pengerusi
2.	Y.B ADUN Paya Terubong	-	Timb. Pengerusi
3.	Y.B Pengerusi J/kuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas		
4.	Y.B Pengerusi J/kuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang, Alam Sekitar		
5.	Y.B Pegawai Kewangan Negeri		
6.	Y.B ADUN Jawi		
7.	Y.B ADUN Pantai Jerejak		
8.	Y.B ADUN Pengkalan Kota		
9.	Y.B ADUN Bukit Tengah		
10	Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang		
11.	Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai		
12.	Pengarah Pejabat Tanah & Galian		
13.	Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)		
14.	Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)		
15.	Pengarah Jabatan Perancang Bandar & Desa		
16.	Pegawai Daerah Timur Laut		
17.	Pegawai Daerah Barat Daya		
18.	Pegawai Daerah Seberang Perai Utara		
19.	Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah		
20.	Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan		
21.	Pengarah Jabatan Kerja Raya		
22.	Pengarah Bahagian Penyelarasan Penyertaan bumiputera		
23.	Pengarah Jabatan Penilaian & Perkhidmatan Harta		
24.	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) / Pengarah UPEN	-	Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK BELIA DAN SUKAN

1.	Y.B Pengerusi J/Kuasa MMK Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti	-	Pengerusi
2.	Y.B ADUN Pulau Tikus		
3.	Y.B Setiausaha Kerajaan		
4.	Y.B Pegawai Kewangan Negeri		
5.	Y.B ADUN Sungai Pinang		
6.	Y.B ADUN Pengkalan Kota		
7.	Y.B ADUN Paya Terubung		
8.	Y.B ADUN Seri Delima		
9.	Y.B ADUN Tanjung Bungah		
10.	Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang		
11.	Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai		
12.	Ketua Polis Negeri		
13.	Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Negeri (PDC)		
14.	Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) USM		
15.	Pengarah Jabatan Perancangan Bandar & Desa		
16.	Pengarah Jabatan Pelajaran		
17.	Pengarah Majlis Sukan Negeri		
18.	Pengarah Jabatan Agama Islam		
19.	Pengarah Jabatan Tenaga Kerja		
20.	Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita & Keluarga		
21.	Pengarah Kampus UiTM, Cawangan Pulau Pinang		
22.	Setiausaha Agung Majlis Belia Negeri		
23.	Pengerusi Persatuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) Cawangan Utara		
24.	Pengarah Jabatan Belia dan Sukan		
25.	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)/ Pengarah UPEN	-	Urus Setia

KEAHLIAN JAWATANKUASA MMK PEMBANGUNAN WANITA

1.	Y.B Pengerusi J/Kuasa MMK Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti	-	Pengerusi
2.	Y.B Ahli Parlimen Bukit Mertajam		
3.	Y.B Pegawai Kewangan Negeri		
4.	Majlis Pertubuhan Kebangsaan Wanita Pulau Pinang (NCWO)		
5.	Pusat Kesedaran Wanita (WCC)		
6.	Dewanita, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia Pulau Pinang		
7.	Bahagian Wanita Daerah Timur Laut, Pertubuhan Jemaah Islah Malaysia (JIM)		
8.	Wakil Wanita Parti Keadilan Rakyat Pulau Pinang		
9.	Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)	-	Urus setia

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Nyatakan dengan kronologi bagaimana Lot 253, 339, 340, 341, 859 dan 860 di Kampong Tanjong Tokong diberi kepada UDA Holding. Nyatakan semua syarat yang terlibat atas Lot 341 dan 860. Adakah Lot 341 dan 860 itu masih tanah Kerajaan Negeri atau TOL. Berapa lama tempohnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pihak Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) telah diberi milik beberapa lot tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kronologi adalah seperti berikut:-

Tarikh		**Perkara**
13.3.1974	-	Syarikat telah mengemukakan permohonan.
26.6.1974	-	MMK telah meluluskan pemberian milik tanah ke atas lot-lot 253, 339, 340, 341, 859 dan 860, Seksyen 1, Tanjong Tokong, Daerah Timur Laut.
2.7.1974	-	Keputusan MMK disampaikan kepada Pentadbir Tanah, Daerah Timur Laut.
18.1.1979	-	Hak milik Sementara dikeluarkan.

Maklumat-maklumat yang berkaitan dengan Lot 341 dan 860 adalah seperti berikut:-

Lot 341

i.	Hak milik	:	Pajakan Negeri (99 tahun) (Tamat 1.5.2074)
ii.	Jenis Kegunaan Tanah	:	Bangunan
iii.	Keluasan	:	787,987 k.p
iv.	Cukai Tahunan	:	RM7,880.00
v.	Syarat Khas	:	*The land hereby alienated shall be used solely for the rehabilitation, reconstruction and renewal of* Tanjung Tokong Town.
vi.	Sekatan Kepentingan	:	*The land hereby alienated shall not be transferred, charged, leased, subleased or otherwise in any manner dealt with or disposed of without the written sanction of the State Authority*.

Lot 860

i.	Hak milik	:	Pajakan Negeri (99 tahun) (Tamat 1.5.2074)
ii.	Jenis Kegunaan Tanah	:	Bangunan
iii.	Keluasan	:	145,721 k.p
iv.	Cukai Tahunan		RM1,458.00
v.	Syarat Khas	:	*The land hereby alienated shall be used solely for the rehabilitation, reconstruction and renewal of* Tanjung Tokong Town.
vi.	Sekatan Kepentingan	:	*The land hereby alienated shall not be transferred, charged, leased, subleased or otherwise in any manner dealt with or disposed of without the written sanction of the State Authority*.

Berdasarkan kepada maklumat-maklumat di hak milik tersebut, maka Lot 341 dan 860, Seksyen 1, Tanjong Tokong, Daerah Timur Laut adalah tanah milik individu iaitu Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Huraikan dengan *route-map* untuk menunjukkan *political will* Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang untuk mengembalikan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan kepada rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kesesuaian Pilihan raya Kerajaan Tempatan di Pulau Pinang merupakan salah satu daripada perkara yang dikaji oleh *Penang Local Government Working Group* yang diketuai oleh Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Anwar Fasal. Jawatankuasa ini ditubuhkan atas arahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi membincangkan status Bandaraya George Town, penstrukturan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan kesesuaian pilihan raya untuk PBT. Kajian telah dibuat dan didapati bahawa pilihan raya untuk Kerajaan Tempatan adalah selaras dengan prinsip demokrasi, bersesuaian dan perlu diadakan.

Kerajaan negeri mengarahkan satu lagi jawatankuasa ditubuhkan iaitu *Local Government Election Working Group* untuk menggariskan hala tuju bagi mengembalikan pilihan raya di Kerajaan Tempatan. Jawatankuasa ini diketuai oleh Dr. Goh Ban Lee, bekas Ahli Majlis MPPP serta bekas pensyarah USM. Berdasarkan hasil kajian tersebut, Kerajaan Negeri telah melaksanakan dan mencadangkan beberapa langkah untuk mencapai hala tuju pilihan raya Kerajaan Tempatan seperti berikut:

(a) Meminta Majlis Peguam Malaysia memberi pandangan bertulis mengenai cadangan mengembalikan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan;

(b) Membangkitkan usul mengembalikan semula pilihan raya untuk Kerajaan Tempatan di sesi Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang kedua bagi penggal kedua;

(c) Meminta urus setia Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) untuk memasukkan supaya dikembalikan pilihan raya Kerajaan Tempatan sebagai satu agenda; dan

(d) Meminta Ahli Parlimen dan senator untuk membangkitkan isu ini di Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Huraikan semua garis panduan sedia ada yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Garis panduan sedia yang digunakan oleh Kerajaan Negeri, MPSP dan MPPP adalah seperti berikut :

(a) Terdapat 2 Jenis Garis panduan Perancangan Bandar yang telah diguna pakai di peringkat negeri iaitu:-

(i) Senarai Garis Panduan/Piawaian Perancangan JPBD Semenanjung yang telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN).

Bil.	Garis Panduan/Piawaian Perancangan	Tarikh Dibentangkan/Tarikh Diluluskan
1.	Piawaian Perancangan dan Pembangunan Fizikal Pulau-Pulau.	13 Ogos 97
2.	Piawaian Perancangan Pembangunan Taman Atas Bumbung	13 Ogos 97
3.	Piawaian Perancangan Penyediaan Kemudahan Asas dan Fizikal Berkaitan Program Rakan Muda.	17 Mac. 98

4.	Piawaian Perancangan "*Guidelines and Geometric Standards On Road Network System".*	01 Julai 03
5.	Garis Panduan Perancangan Perusahaan Ternakan Khinzir.	17 Mac 98
6.	Garis Panduan Kawasan Kolam Takungan Sebagai Sebahagian Tanah Lapang.	17 Mac. 98
7.	Piawaian Perancangan dan Pembangunan Padang Golf.	17 Mac 98
8.	Garis Panduan Perancangan Pembangunan Di Kawasan Pesisiran Pantai.	16 Jun. 98
9.	Piawaian Perancangan Tapak Pencawang Elektrik.	16 Jun. 98
10.	Piawaian Perancangan Kawasan Perindustrian.	18 Ogos 98
11.	Garis Panduan Perancangan Tapak Sisa Toksid dan Sisa Pepejal.	01 Julai 03
12.	Garis Panduan Perancangan Tapak *"Incinerator".*	01 Julai 03
13.	Garis Panduan Perancangan Pembangunan Taman Tema. *(Theme Park)*	14 Sept. 99
14.	Garis Panduan Perancangan Perumahan Pekerja Kilang.	18 Ogos 98
15.	Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejagat.	14 Sept. 99
16.	Garis Panduan Perancangan Pemeliharaan Topografi Semula jadi Di Dalam Perancangan dan Pembangunan Fizikal Mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa. 1976 (Akta 172)	27 Okt. 98
17.	Garis Panduan Perancangan Kos Sederhana Rumah Pangsa	11 Nov. 03
18.	Garis Panduan Perancangan Susun Atur Optimum Bagi Kawasan Perumahan	11 Nov. 03
19.	Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Reka Bentuk Imej Bandar Malaysia.	27 Feb. 04
20.	Pelaksanaan Program Bandar Selamat Di Negara Ini	25 Ogos 2004
21.	Petunjuk Bandar Mampan MURNI net.	28 Jun 05
22.	Garis Panduan Perancangan *Hypermarket*	28 Mac 06
23.	Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Tempat Letak Kereta Bertingkat.	28 Mac 06
24.	Dasar Perbandaran Negara.	12 Okt 2006
25.	Sistem Pembangunan Tanah Bersepakat *(Land Readjustment System).*	29 Mac 07

(ii) Senarai Garis Panduan/Piawaian JPBD Negeri/ Jabatan/Agensi Yang Telah Dibentangkan Dan Diluluskan Oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN)

Bil.	Garis Panduan/Piawaian Perancangan	Tarikh Dibentangkan/Tarikh Diluluskan
1.	Dasar Pembangunan Di Kawasan Pengairan Permatang Damar Laut.	10 Mac 1992
2.	Dasar Pembangunan dan Pengindahan Di Tebing Sungai-Sungai Negeri Pulau Pinang.	5 Mei 1993
3.	Garis Panduan Pengecualian Bagi Syarat Menyediakan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP).	1 Okt 1995
4.	Pelaksanaan Prosedur Baru Pengambilan Tanah, Pindaan Akta Pengambilan Tanah (Akta A999).	26 Jan 1999
5.	Garis panduan Pembangunan Pulau Aman Dan Pulau Gedong.	22 Jun 1999
6.	Perancangan Pembangunan Kawasan Balik Pulau.	24 Jan 2002
7.	Cadangan Penetapan Lorong Belakang Bangunan Pelan Susun atur Bangunan Bagi Tujuan Kebenaran Merancang (pindaan).	17 Ogos 2004
8.	Dasar Perumahan Negeri Bagi Perumahan Kos Sederhana Rendah (LMC) Negeri Pulau Pinang.	9 Nov 2004
9.	Draf Garis panduan Stesen Minyak Di Negeri Pulau Pinang.	19 Dec 2006

(b) **Senarai garis panduan yang digunakan oleh MPSP adalah seperti yang berikut:**

Bil	Garis Panduan/Piawaian Perancangan
1.	Piawaian Perancangan dan Pembangunan Fizikal Pulau Pinang.
2.	Piawaian Perancangan Pembangunan Atas Bumbung
3.	Piawaian Perancangan Penyediaan Kemudahan Asas dan Fizikal Berkaitan Program Rakan Muda.
4.	Garis Panduan Perancangan Perusahaan Ternakan Khinzir.
5.	Garis Panduan Kawasan Kolam Takungan Sebagai Sebahagian Tanah Lapang.
6.	Piawaian Perancangan dan Pembangunan Padang Golf.
7.	Garis Panduan Perancangan Pembangunan di Kawasan Persisiran Pantai.
8.	Piawaian Perancangan Tapak Pencawang Elektrik.
9.	Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Kawasan Pantai.
10.	Piawaian Perancangan Kawasan Perindustrian.
11.	Garis Panduan Perancangan Perumahan Pekerja Kilang.
12.	Garis Panduan Perancangan Pemeliharaan Topografi Semula jadi di Dalam Perancangan dan Pembangunan Fizikal Mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976(Akta 172).
13.	Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti (Servis Protokol).
14.	Garis Panduan Perancangan Pembangunan Taman Tema (*Theme Park*)
15.	Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejagat
16.	Piawaian Perancangan Kawasan Perdagangan
17.	Garis Panduan Perancangan Tapak "*Incinerator*"
18.	Piawaian Perancangan *"Guidelines And Geometric Standards On Road Network System"*
19.	Garis Panduan Perancangan Kawalan Rezab Sungai Sebagai Sebahagian Tanah Lapang Awam.
20.	Garis Panduan Perancangan Pembangunan Cafe Terbuka.
21.	Garis Panduan Perancangan Tapak Sisa Toksik dan Sisa Pepejal.
22.	Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Taman Industri Teknologi Tinggi dan Rumah Pekerja.
23.	Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Pembangunan Tasek.
24.	Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Taman Awam dan Rekreasi Bertema.
25.	Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Perumahan Kos Sederhana Satu dan Dua Tingkat.
26.	Garis Panduan Perancangan Kos Sederhana Rumah Pangsa
27.	Petunjuk Bandar Mampan MURNI net.
28.	Garis Panduan Perancangan *Hypermarket*.
29.	Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Tempat Letak Kereta Bertingkat.
30.	Bayaran Elaun Warden Lalu Lintas Sekolah.
31.	Kemudahan Ahli Majlis.
32.	Kemudahan Klinik Panel Bagi Kakitangan MPSP.

33.	Lawatan Ke Luar Negeri Oleh Ahli Majlis.
34.	Senarai Garis Panduan Jabatan Khidmat Pengurusan.
35.	Dasar & Polisi Jabatan Bangunan.
36.	Dasar Pemberian Luasa Mengikut UKBS 1986.
37.	Dasar Kelulusan CF (SKM) oleh YDP.
38.	Dasar Kelulusan CF (SKM) oleh SUP.
39.	Dasar Kegunaan Buku Panduan Sebagai Ganti Pelan.
40.	Garis Panduan Industri Burung Walet.
41.	Garis Panduan Penyidaian Di Kediaman Bertingkat.
42.	Garis Panduan Menara Telekomunikasi.
43.	Garis Panduan SPAH.
44.	Garis Panduan Ruang Pusat Jagaan Harian Kanak-Kanak.
45.	Garis Panduan Pengecualian Kemuka Pelan Bangunan.
46.	Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171 & Perundangan).
47.	Enakmen Hiburan & Tempat-Tempat Hiburan 1998.
48.	Kaedah-kaedah Pengawalan Perancangan (Am) 1990.
49.	Peraturan Pegawai Awam MPSP (Kelakuan & Tatatertib).
50.	Perintah Lalu Lintas Jalan (Letak Kereta Berkupon).
51.	Perintah Majlis (Padang Kereta).
52.	Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen.
53.	Undang-Undang Kecil Bayaran Pelan.
54.	Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau.
55.	Undang-Undang Kecil Kawalan Anjing.
56.	Undang-Undang Kecil Kedai Makanan & Kedai Kopi.
57.	Undang-Undang Kecil (Iklan Pilihan raya).
58.	Undang-Undang Kecil (Iklan).
59.	Undang-Undang Kecil (Larangan Merokok Dalam Panggung).
60.	Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan).
61.	Undang-Undang Kecil (Rumah Urut).
62.	Undang-Undang Mencegah Kekotoran.
63.	Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan & Pelupusan Sampah.
64.	Garis Panduan Sewaan Kemudahan Majlis.
65.	Garis Panduan Sewaan Kemudahan Sukan & Rekreasi.
66.	Garis Panduan Sewaan Kebudayaan & Kesenian.
67.	Garis Panduan Sewaan Dewan Orang Ramai.
68.	Bayaran Caruman Sumbangan Pemaritan Sebanyak RM10K.

69.	Dasar Pemasangan Lampu Jalan Jenis Tiang Galvani.
70.	Dasar Pemasangan Papan Tanda Nama Kampung & Taman MPSP.
71.	Dasar Pembinaan Bonggol Jalan (Road Hump).
72.	Dasar Pembinaan Pondok Bas Setara MPSP.
73.	Dasar Pemasangan Lampu Jalan Jenis Konkrit.
74.	Dasar Permohonan & Pemasangan Lampu Isyarat.
75.	Dasar Sewaan Pondok Bas MPSP.
76.	Dasar Tajaan Pondok Bas.
77.	Kerja Tanah.
78.	Kerja-kerja Pengorekan Jalan Di Bawah Jagaan MPSP.
79.	Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kolam Takungan.
80.	Permit Papan Iklan.
81.	Permohonan Permit Papan Iklan Di Kawasan Seberang Perai.
82.	Garis Panduan Peruntukan Hutang Ragu RM5 Juta.
83.	Peruntukan Hutang Ragu RM10 Juta.
84.	Arahan Perbendaharaan/ Pekeliling-pekeliling.
85.	Cukai Kadaran Bangunan.
86.	Cukai Kadaran Tanah.
87.	Jadual Tarikh Kuat kuasa Kadaran.
88.	Pelan Kadaran SP1.
89.	Pengurusan Harta Majlis.
90.	Pesuruhjaya Bangunan (COB).
91.	Projek Perumahan Rakyat (PPR).
92.	Pulangan Balik Cukai Kadaran.
93.	Ringkasan Dasar Jabatan Penilaian.
94.	Dasar Jabatan Pelesenan.
95.	Pengeluaran lesen dan Syarat *Internet Cafe*.
96.	Pengeluaran Lesen dan Syarat Rumah Urut.
97.	Pengeluaran Lesen dan Syarat Premis Hiburan.

(c) Senarai Garis panduan-garis panduan yang diguna pakai oleh MPPP adalah seperti berikut:-

Bil	Garis Panduan/Piawaian Perancangan
1.	Dasar Mengenai Kawalan Ketumpatan dan Bayaran Pemajuan (Infrastruktur).
2.	Garis Panduan Untuk Menukar Ketumpatan Dari Unit-Unit Kediaman Ke Ruang Lantai Yang Sepadan (RLS) (Dengan Pindaan-Pindaan).
3.	Garis Panduan Untuk Kemajuan Hotel.
4.	Garis Panduan Untuk Kemajuan Perdagangan

5.	Garis Panduan Untuk Kemajuan Bercampur
6.	Pertukaran Kegunaan Premis-Premis Kediaman Kepada Kegunaan Lain Di Sepanjang Jalan Air Hitam, Jalan Terengganu, Gelugor Dan Jalan Tanjung Tokong.
7.	Garis Panduan Untuk Kawalan Pemajuan Di Kawasan Jalan Dunn.
8.	Dasar Untuk Pengawalan Penempatan Klinik-klinik Haiwan.
9.	Garis Panduan Untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Pemajuan Perumahan Baru (Berserta Dengan Pelan).
10.	Garis Panduan Untuk Pengawalan Pemajuan Kawasan Jalan Scotland Selatan.
11.	Garis Panduan Mengenai Penukaran Kegunaan Sesebuah Bangunan/Premis Kepada Tempat Penjualan Kenderaan Terpakai.
12.	Garis Panduan Mengenai Penukaran Kegunaan Sesebuah Bangunan/Premis Kepada Tempat Penjualan Kenderaan Terpakai.
13.	Garis Panduan Untuk Kawalan Pertukaran Kegunaan Bangunan Bagi Bangunan-Bangunan Kediaman Sedia ada Berhadapan Jalan Mesjid Negeri dan Jalan Sultan Azlan Shah.
14.	Garis Panduan Pengawalan Perancangan Untuk Pemajuan Dan Tukar guna Bangunan-Bangunan Di Kawasan Jalan Macalister Di Antara Persimpangan Jalan Anson dan Persimpangan Jalan Perak, Pulau Pinang.
15.	Garis Panduan Untuk Kawalan Pertukaran Kegunaan Bangunan Bagi Bangunan-Bangunan Kediaman Sedia ada Berhadapan Jalan P. Ramlee (Disempadani Oleh Jalan Perak dan Jalan Terengganu).
16.	Garis Panduan Pengawalan Perancangan Untuk Pemajuan Baru Dan Pertukaran Bangunan-Bangunan Kediaman Sedia ada Di Kawasan Yang Disempadani Oleh Persiaran Gurney dan Jalan Kelawei, Bandaraya George Town.
17.	Garis Panduan Perumahan Kos Sederhana Renda
18.	Garis Panduan Untuk Pemajuan Perdagangan Di Dalam Kawasan Perumahan Di Sungai Nibong dan Relau.
19.	Garis panduan Untuk Kawalan Pemajuan Di Jalan Burma Di Antara Persimpangan Jalan Gottlieb/Jalan Bagan Jermal dan Jalan Cantonment, Bandaraya George Town.
20.	Garis Panduan Untuk Pangsapuri Perkhidmatan *(Service Apartment).*
21.	Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
22.	Garis Panduan Kawasan Peletakan Tanda Atas Bumbung *(Roof-Top Sign)* Di Pulau Pinang (Pulau).
23.	Garis Panduan Kawalan Pemajuan Untuk Kawasan Pantai Utara, Pulau Pinang.
24.	Garis Panduan Untuk Pemajuan Di Dalam Kawasan Perumahan Di Kawasan Yang Di sempadankan Oleh Jalan Mohd. Taib, Jalan Jelutong, Jalan Madrasah dan Laut.
25.	Garis Panduan Untuk Kawalan Operasi Loji-loji Pembancuh Konkrit *("Concrete-Batching Plant").*
26.	Garis Panduan Untuk Pemberian Intensif Bagi Pemuliharaan Warisan dan Bangunan Dalam Kawalan Dalaman Bandaraya George Town.
27.	Garis Panduan Untuk Kawalan Pemajuan Baru Dan Tukar guna Bangunan-Bangunan Kediaman Sedia ada Di Atas Lot-lot Yang Berhadapan Jalan Air Hitam.
28.	Garis Panduan Untuk Hostel Pekerja.
29.	Garis Panduan Untuk Pemberian Insentif Bagi Pemuliharaan Bangunan Warisan Di Luar Kawasan Dalaman Bandaraya George Town.
30.	Garis Panduan Perumahan Kos Sederhana Rendah.
31.	Dasar Pemberian Insentif Kepada Pemilik-Pemilik Tanah bumiputera Yang Ingin Memajukan Tanah Mereka Di Pulau Pinang (Pindaan 1).
32.	Garis Panduan Untuk Kawalan Pertukaran Kegunaan Bangunan Bagi Bangunan-Bangunan Kediaman Sedia Ada Berhadapan Jalan Mahsuri/Jalan Mayang Pasir, Bayan Baru.

33.	Garis Panduan Untuk Kawalan Pertukaran Kegunaan Bangunan Bagi Bangunan-Bangunan Kediaman Sedia ada Berhadapan Jalan Tanjong Bunga.
34.	Garis Panduan Pengawalan Perancangan Untuk Pertukaran Kegunaan Bangunan-Bangunan Kediaman Sedia Ada Di Kawasan Sebelah Selatan Bidang Hadapan Jalan Kelawai, Bandaraya George Town.
35.	Tambahan Kepada "Garis Panduan Untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Pemajuan Perumahan Baru" Untuk Penyediaan Tapak Ibadat Bukan Islam.
36.	Garis Panduan Pengawalan Perancangan Untuk Tukar guna Bangunan Kediaman Sedia ada Bagi Premis-Premis Dilingkungi Oleh Lorong Relau 3 Dan Lorong Relau 2.
37.	Garis Panduan Untuk Kawalan Pertukaran Kegunaan Bangunan Kediaman Sedia Ada Berhadapan Jalan Sungai Kelian, Tanjung Bunga.
38.	Garis Panduan Lorong Belakang Bangunan Bagi Tujuan Kebenaran Merancang.
39.	Garis Panduan Perumahan Kos Sederhana Rendah (LMC) Negeri Pulau Pinang (Pindaan) Bagi Daerah Barat Daya.
40.	Garis Panduan Kawalan Papan Iklan *(Billboard)* Dan Menara Papan Iklan Setiang *(Unipole)* dan Iklan Di Pagar Keselamatan *(Hoarding)* Di Kawasan MPPP.
41.	Garis Panduan Kawalan Peletakan Kolum barium, Krematorium, *'Funeral Parlour*', Pembuatan dan Penjualan Keranda Di Kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
42.	Garis Panduan Bagi Penggunaan Tanah Lapang Sedia Ada Di Dalam Kawasan MPPP.
43.	Garis Panduan Perancangan Pembinaan Stesen Minyak Di Negeri Pulau Pinang.
44.	Garis Panduan Anjakan Bangunan Berbilang Tingkat.
45.	Garis Panduan Tempat Letak Kenderaan Bagi Rumah Kos Rendah Dan Rumah Kos Sederhana Rendah.
46.	*Meat Inspection Rules*.
47.	Garis Panduan Umum Kawalan Wabak Penyakit-penyakit Bawaan Makanan dan Air di Malaysia – KKM 2000.
48.	Garis Panduan Pengurusan Kawalan Wabak Kolera – KKM 2000.
49.	Garis Panduan Pengurusan Wabak Penyakit Keracunan Makanan.
50.	Garis Panduan Pengawalan Nyamuk Aedes di Tapak-tapak Pembinaan - KKM 2000.
51.	Garis Panduan Pengawalan Kes-kes Malaria – KKM 2000.
52.	Panduan Pencegahan dan Kawalan Penyakit Demam Denggi/Demam Denggi Berdarah (KKM) 1986.
53.	Panduan Menjalankan Kajian Aedes di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit, 1975.
54.	Garis Panduan Pelaksanaan Program Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (COMBI) dalam Pencegahan dan Pengawalan Demam Denggi (KKM) 2005.
55.	Garis Panduan Penyimpanan dan Pengendalian Racun Serangga (KKM) 2004.
56.	Garis Panduan Prosedur Memproses Permohonan Penubuhan TASKA (Jabatan Kebajikan Masyarakat).
57.	Panduan Melaksanakan Program Bersepadu Sekolah Sihat (PBSS) 2001.
58.	Garis Panduan Perumahan Awam, MPPP.
59.	Garis Panduan Penyewaan Awam, MPPP.
60.	Garis Panduan Penyewaan Premis MPPP Kepada Kakitangan MPPP.
61.	Polisi Pelesenan Penjaja Statik Sementara.
62.	Garis Panduan Untuk Mengurus dan Mengawal Aktiviti Pasar Malam, Pasar Pagi, Pasar Minggu dan Pasar Tani (Pindaan 2008).
63.	Garis Panduan Penyediaan Pusat Penjaja Untuk Pembangunan Perumahan, 1989.

64.	Garis Panduan Untuk Menyewa Tandas Bergerak MPPP.
65.	Garis Panduan Untuk Program Gotong Royong.
66.	Garis Panduan Mengutip Caruman Pemaritan.
67.	Polisi Menggunakan Lorong Belakang / Lorong Tepi Untuk Kenderaan Keluar / Masuk.
68.	Garis Panduan Mengenai Panggilan (Pengorekan) Jalan dan Rezab Jalan Oleh Agensi-agensi Utiliti Di Pulau Pinang.
69.	Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Kemudahan Awam Dalam Rezab Jalan Oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri.
70.	Surat Pekeliling Bil. 1 Tahun 2003, Pengarah Kerja Raya Pulau Pinang Bertarikh 28.8.2003 – Pra Syarat Pengeluaran Permit Pengorekan Kepada Agensi-agensi Utiliti Yang Melaksanakan Kerja Pengorekan dan Perparitan Di Dalam Rezab Jalan.
71.	Garis Panduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan.
72.	Garis Panduan Perhentian Teksi
73	Garis Panduan Penyediaan Bonggol Jalan
74.	Garis Panduan Pemasangan Lampu Isyarat.
75.	Garis Panduan Pembinaan Bumbung Tempat Meletak Kenderaan Di Kawasan Pemajuan Kediaman Bertingkat Perumahan Hak milik Strata.
76.	Garis Panduan Permohonan Lesen Premis Perusahaan Sarang Burung Walet.
77.	Garis Panduan Pembinaan Anjung Kereta Di Rumah-rumah Teres Berkembar dan Sesebuah.
78.	Garis Panduan Untuk Kawasan Pemuliharaan Dan Bangunan-bangunan Warisan.
79.	Garis Panduan Mengenakan Bayaran Kompaun Kepada Pemaju/Pemohon Yang Memulakan Kerja Pembinaan Tanpa Mendapat Kebenaran Majlis Perbandaran Pulau Pinang.
80.	Garis Panduan Pembinaan Menara Dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.
82.	Garis Panduan Unjuran Yang Melebihi 1.83 Meter Dari Garisan Bangunan.
83.	Garis Panduan Reka bentuk Menara Iklan Setiang Atau Berbilang Tiang Di Pulau Pinang.
84.	Garis Panduan Untuk Memulakan Kerja-kerja Pembinaan.
85.	Garis Panduan Permohonan Membina Loji Pembancuh Simen *(batching plan)*.
86.	Penggubalan Semula Garis Panduan Tempat Meletak Kenderaan Pulau Pinang.
87.	Pengenaan Bayaran-bayaran Penalti Berkenaan Dengan: (i) Projek-projek Yang Dikendalikan Oleh Agensi-agensi Kerajaan. (ii) Kilang-kilang Dalam Zon Perdagangan Bebas.
88.	Pengecualian Bayaran Penalti Bagi Bangunan-bangunan Kilang Di Dalam Kawasan Perusahaan Yang Ditaja Oleh Kerajaan.
89.	Dasar Mengenai Kemajuan Tanah-tanah Untuk Rumah-rumah Jenis Pelan Tetap.
90.	Pertukaran Kegunaan Rumah-rumah Kediaman Kepada Kegunaan-kegunaan Bukan Kediaman.
91.	Sumbangan Untuk Penanaman Pokok-pokok dan Pemandangan daratan Berkaitan Dengan Pembinaan Bangunan-bangunan.
92.	Pengecualian Pembayaran Sumbangan Penanaman Pokok.
93.	Dasar Untuk Membina Semula Rumah-rumah Yang Musnah Oleh Kebakaran Dan Bencana Alam Yang Lain.

94.	Dasar Atas Pembayaran Bayaran-bayaran Kompaun.
95.	Dasar Mengenai Peruntukan 30% Daripada Rumah-rumah Kepada bumiputera.
96.	Binaan-binaan Yang Kurang Daripada 50' 0" Dari Sempadan Lot Sebelah Laut.
97.	Dasar Mengenakan Bayaran-bayaran Untuk Memberi Pengecualian Dari Jarak-jarak Yang Dikehendaki Dari Sempadan Lot.
98.	Menukar Dari Bumbung Atap Ke Bumbung Zink Untuk Rumah-rumah Dalam Kawasan Luar Bandar.
99.	Kes-kes Di mana Pelan-pelan Bangunan Telah Ditolak Tetapi Bangunan-bangunan Haram Masih Wujud.
100.	Kelonggaran Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 mengenai Rumah-rumah Jenis Pelan Setara/Sementara/Separuh Tetap.
101.	Kadar-kadar Bayaran-bayaran Penalti.
102.	Dasar Berhubung Dengan Pengecualian Secara Am Daripada Undang-undang Kecil Bangunan 107A (peruntukan-peruntukan letak kenderaan).
103.	Bayaran-bayaran Untuk Perjanjian-perjanjian Bangunan Sementara dan Lesen-lesen Bangunan Sementara.
104.	Bangunan-bangunan Haram Yang Telah Didirikan Atas Tanah MPPP.
105.	Menapakkan Semula Rumah-rumah Kampung Jenis Pelan Tetap.
106.	Garis Panduan Dewan Bandaran/Dewan Bandaraya MPPP.
107.	Garis Panduan Penyewaan Rumah Tetamu MPPP 12, Jalan Brown, Pulau Pinang.
108.	Garis Panduan Penyewaan Rumah Peranginan MPPP *Southview/Richmond*.
109.	Garis Panduan Syarat-syarat Penyewaan/Kelayakan Memohon Perumahan Awam MPPP (Jalan S. P. Chelliah, Jalan Sungai dan Off River Road).
110.	Garis Panduan Perkhidmatan Hiasan Pasu Bunga MPPP.
111.	Garis Panduan Bagi Penggunaan Tanah Lapang Sedia Ada Di Dalam Kawasan MPPP.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Nyatakan berapakah projek mega yang akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Pulau Pinang dalam bidang pengangkutan (misalnya trem di George Town), pelancongan (*theme park, medical centre*), alam sekitar *(EM mudball),* ekonomi (polisi), sosial (satu keluarga satu rumah), perusahaan (kawasan *green products*) dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sehingga kini, terdapat tiga projek mega yang sedang dijalankan di Pulau Pinang yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat iaitu Projek Pelebaran Jambatan Pulau Pinang yang akan siap pada 25 Ogos 2009, Projek Pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang (dijangka siap pada tahun 2013) dan Projek Landasan Berkembar Elektrik antara Ipoh dan Padang Besar (dijangka siap pada 2013). Sementara projek-projek yang dirancang oleh Kerajaan Negeri secara penswastaan adalah seperti berikut:-

1) Projek Pembangunan Semula Tapak Pesta, Sungai Nibong, Pulau Pinang;

(i) Projek ini akan dijalankan secara penswastaan oleh syarikat yang dipilih menerusi tender terbuka. Syarikat yang dipilih akan dipertanggungjawabkan untuk pembangunan dan pengurusan tapak pesta. Objektif utama pembangunan semula ini adalah untuk menjadikan tapak pesta sebagai pusat penganjuran aktiviti dan program berteraskan perdagangan; rekreasi; kebudayaan; dan kesenian yang utama di Negeri Pulau Pinang.

(iii) Projek Pembangunan dan Pengurusan Pusat Perubatan Pakar di Lot 305, 306, 313 dan 314, Jalan Zainal Abidin/Lorong Selamat, Seksyen 16, Daerah George Town, Pulau Pinang;

(iv) Projek ini akan dijalankan secara penswastaan oleh syarikat tempatan atau luar negara yang akan dipilih menerusi tender terbuka. Kos pembinaan pusat perubatan tersebut dianggarkan bernilai RM120 juta berdasarkan reka bentuk pusat perubatan bertaraf antarabangsa. Pusat perubatan ini akan berfungsi sebagai pusat pengurusan perubatan; latihan; khidmat nasihat; dan penyelidikan dan pembangunan. Pakar-pakar perubatan yang bakal berkhidmat adalah dari dalam dan luar negara.

2. EM *Mudballs*

EM atau *Effective Microorganism* adalah teknologi yang berasal dari Jepun yang mempunyai pelbagai kegunaan seperti pencegahan lalat di ladang ternakan; pemuliharaan tanah; merawat air; dan sebagainya. EM *Mudballs* berfungsi merawat dan menjernihkan air; menghilangkan bau; dan minyak dan memecahkan molekul-molekul organik. Buat masa ini Kerajaan Negeri mendapat sokongan padu daripada sektor swasta dalam penghasilan EM *Mudballs.* Terdapat satu jawatankuasa teknikal ditubuhkan bagi membincangkan cadangan Kerajaan Negeri untuk menubuhkan pusat penghasilan EM *Mudballs.* Kerajaan negeri juga sedang mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk penghasilan EM *Mudballs* kerana permintaan akan meningkat untuk merawat sungai-sungai yang tercemar.

3. Perusahaan (kawasan *green products*)

Pada masa ini industri di kawasan industri yang terletak di kawasan perindustrian Pulau Pinang yang menjalankan perusahaan *Green Products* adalah seperti berikut:

(i) Taman Perindustrian, Bukit Minyak - Terdapat 16 industri memperolehi kembali buangan terjadual (selaras dengan konsep *Recycle, Reuse & Recovery*).

(ii) Taman Sains, Bukit Minyak – Dua (2) industri iaitu Progenix Rescarh Sdn. Bhd. dan Alpha Biologics Sdn. Bhd, industri bioteknologi yang menjalankan R&D serta penghasilan produk hijau; dan

(iii) Taman Perindustrian Bayan Lepas - Terdapat industri elektronik yang berteknologi tinggi di mana operasi/proses pengilangan adalah *menjurus Green Products selaras dengan pendekatan Cleaner Production.*

4. Pelancongan (*theme park*); dan

Kerajaan negeri bercadang untuk memajukan sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang dengan pelaksanaan beberapa projek pelancongan yang telah dikenal pasti. Projek-projek tersebut ialah projek *theme park* yang akan dilaksanakan di kawasan Juru. Projek ini akan dilaksanakan secara penswastaan. Pewujudan *theme park* ini meningkatkan lagi peranan dan pertumbuhan *Auto-city* yang mempromosikan permotoran, makanan, hiburan, pusat membeli-belah dan pelancongan.

5. Ekonomi (polisi);

Kerajaan negeri mempunyai pelbagai perancangan dalam usaha membangunkan negeri ini yang sudah pasti melibatkan semua sektor. Perancangan pembangunan negeri adalah seperti berikut:

(i) Pelan Strategik Pembangunan Pulau Pinang Kedua (PSDP2), Tahun 2001-2010;

(ii) Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020);

(iii) Rancangan Struktur Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP); dan

(iii) Rancangan Struktur (Pengubahan) MPPP dan MPSP.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Huraikan badan korporat/pemaju yang mengambil bahagian dalam semua projek sosial Kerajaan Negeri berdasarkan "C.S.R.". Apakah program untuk masa hadapan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan negeri sentiasa mendapat galakan dan sokongan padu daripada semua pihak termasuklah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan juga pemaju-pemaju dalam melaksanakan C.S.R. Melalui PBT di antara pemaju yang tampil untuk projek-projek sosial adalah pengurusan *Highway Autocity*. Mereka telah memulakan langkah pertama ke arah ini dengan menaja pembuatan *mud ball* di bawah program LA 21. Penajaan ini berjumlah RM500.00 sebulan selama setahun.

Selain itu, hasrat Kerajaan Negeri dalam melaksanakan Rakan Anti Kemiskinan telah mendapat sambutan lebih kurang 236 pertubuhan bukan kerajaan. Di antara pertubuhan yang terlibat adalah:

(i) Malayan Electro - Chemical Industry Co Sdn Bhd
(ii) Hunza Properties Berhad
(iii) Architect 61 Sdn bhd
(iv) Arkitek Permata
(v) Arup Jururunding Sdn Bhd
(vi) Astino (Malaysia) Colour Steel Sheet Sdn Bhd
(vii) BYG Architecture Sdn Bhd
(viii) Syed Mohamad Bin Syed Murtaza
(ix) Grouplite Engineering Sdn Bhd
(x) J.P.R Sdn Bhd
(xi) Jallcon (M) Sdn Bhd
(xii) Johnson Suisse (Malaysia) Sdn Bhd
(xiii) Jurukur Mas
(xiv) Kamen Steel Industrues Sdn Bhd
(xv) Kone Elevator (M) Sdn Bhd
(xvi) Kuantibina Sdn Bhd
(xvii) Kumkang Industrial (M) Sdn Bhd
(xviii) Ocean Air-Conditioning Engineering
(xix) Ong Chen Song Construction
(xx) Patsifit Construction Sdn Bhd
(xxi) Pen Konsult Sdn Bhd
(xxii) PLB-KH Bina Sdn Bhd
(xxiii) Plus Current Account
(xxiv) PWC Corporation Sdn Bhd
(xxv) Uniplan Projects (M) Sdn Bhd
(xxvi) Zaid Ibrahim & Co.
(xxvii) Lim Chuan Hock & Sons Sdn Bhd
(xxviii) Golden Chemical Sdn Bhd
(xxix) Tyco Healthcare Medical Supplies
(xxx) Ideal Homes Properties Sdn Bhd
(xxxi) IJM & Bussiness Corporation

Di samping itu, melalui Program-program sosial yang lain seperti Penghargaan Warga Emas dan kutipan dana miskin tegar melalui Kempen *'No Plastic Beg'*, di antara pemaju yang terlibat adalah:

(i) Tan Eng Hong Paper & Stationary Sdn. Bhd.
(ii) RUHO Corporation Sdn. Bhd
(iii) Labelpac & Print Sdn. Bhd
(iv) Bagan printer Sdn. Bhd

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Untuk mencapai sebuah *"green state"* atau negeri hijau, apakah peranan yang Kerajaan Negeri mahu badan korporat / pemaju mainkan. Adakah Kerajaan Negeri akan mewajibkan satu sistem *"carbon unit",* iaitu badan korporat/pemaju mesti beri sumbangan untuk mencapai visi itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Untuk mencapai sebuah negeri hijau atau *green state,* Kerajaan Negeri menggalakkan semua badan korporat/pemaju melaksanakan aktiviti penanaman pokok di kawasan perumahan di koridor-koridor pembangunan di Pulau Pinang. Pihak Jabatan Alam Sekitar turut memainkan peranan *complimentary* dengan menggalakkan kilang-kilang menggunakan bahan api gas dalam pemprosesan bagi bertujuan mengurangkan penghasilan gas karbon dioksida. Pihak Jabatan Alam Sekitar juga menjalankan penguatkuasaan pelepasan asap daripada kenderaan diesel dan petrol untuk mengawal pelepasan gas-gas supaya tidak melebihi piawai. Di samping itu cadangan dan galakan juga diberi kepada syarikat-syarikat yang terlibat dengan pelepasan gas daripada kolam rawatan kelapa sawit, tapak pelupusan sisa pepejal dan di ladang khinzir untuk mengekstrak gas bagi tujuan menjana tenaga dan ini akan mengurangkan gas hijau *green house gas.*

Pada masa ini, Kerajaan Negeri belum mewajibkan satu Sistem *Carbon Unit.* Bagaimanapun pihak pemaju/korporat digalakkan melaksanakan program *ecologyfriendly development/ production* yang memerlukan kadar pengeluaran efluen dikawal. Pemaju disarankan menanam pelbagai spesies pokok yang sesuai yang boleh meningkatkan *carbon absorbtion* atau *carbon sequestration* di samping memberi teduhan selain daripada menambahkan kecantikan serta nilai estetik.

Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan Negeri yang menghendaki semua pihak menanam pokok Tecoma atau dikenali sebagai *Spring Blossom of Penang* di lokasi-lokasi yang bersesuaian bagi mencantikkan lagi pemandangan Negeri Pulau Pinang di mata pelancong. Ke arah itu, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan PDC Properties telah mengambil langkah pro-aktif awal dengan melancarkan tanaman pokok spesies Tecoma atau *Spring Blossom of Penang* sempena Sambutan Hari Perhutanan Sedunia Ke-38 dan Pelancaran Pantai Bayan Mutiara oleh Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang Tuan Lim Guan Eng pada 23 Jun 2009 yang lepas.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Y.B. Tuan Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Bilakah "Local Plan Pulau Pinang" itu akan dipamerkan. Adakah yang sudah siap itu "Local Plan Pulau Pinang" Barisan Nasional atau Pakatan Rakyat atau Rakyat. Jikalau "Local Plan Pulau Pinang" rakyat, bilakah akan dipamerkan, disemak dan diperbetulkan atau ditambahkan kandungannya oleh rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 telah dipersetujui oleh semua Ahli-ahli Majlis MPPP pada 22.12.2008. Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 telah dibentangkan ke Jawatankuasa Perancang Negeri pada 21.7.2009.

Apabila persetujuan diperolehi daripada Jawatankuasa Perancang Negeri untuk diadakan publisiti maka rakyat bolehlah menyemak dan memberi alasan serta cadangan untuk penambahbaikan kepada Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 itu.

IV. Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah langkah-langkah drastik yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi sama-sama memerangi kegiatan 'Along' di negeri ini dan kaedah apakah yang telah digunakan agar iklan 'Along' diharamkan sepenuhnya di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pihak Kerajaan Negeri bersama pihak PDRM telah mengambil beberapa langkah dalam usaha untuk memerangi kegiatan 'Along' di Pulau Pinang seperti menubuhkan *'Task Force'* Along. Pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, IPK Pulau Pinang telah dipertanggungjawabkan di dalam usaha mengatasi masalah ini. Beberapa orang pegawai Polis terlibat termasuk Ketua-Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Komersial (KJSJK) Daerah Timur Laut, Seberang Perai Selatan, Barat Daya, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara.

   Bagi merealisasikan usaha ini, pihak Kerajaan Negeri bersama KJSJK Pulau Pinang dan pegawai serta anggota penguat kuasa MPPP telah turun padang pada 15 Julai 2009 di kawasan Paya Terubong untuk menurunkan poster-poster 'Along' di situ. Usaha ini ialah sebagai langkah drastik untuk menyekat kegiatan 'Along' ini daripada terus berleluasa. Usaha sebegini akan diteruskan sepanjang tahun ke daerah-daerah lain di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah hala tuju Kerajaan Negeri bagi menghapuskan golongan miskin tegar sepenuhnya dan mengapakah sehingga kini masih terdapat golongan miskin tegar yang tidak dibela. Apakah langkah bagi memastikan golongan miskin dan miskin tegar tidak dianiaya dikenakan saman kerana menjaja di tepi jalan tanpa menghayati tekanan yang mereka hadapi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjadi negeri pertama mencapai miskin tegar sifar dan ia telah berjaya diumumkan pada Mac 2009. Seramai 728 ketua keluarga yang tergolong dalam senarai miskin tegar telah dibantu dari segi kewangan dan ia berterusan pada setiap bulan. Kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang, ADUN dan Pejabat Daerah berkaitan telah berusaha menjalankan lawatan bancian ke rumah individu-individu dan ketua-ketua keluarga yang tersenarai dalam kategori miskin tegar bagi mengelakkan keciciran berlaku. Sehingga kini, tiada miskin tegar yang disenaraikan oleh Kerajaan Negeri yang tidak mendapat bantuan dan Kerajaan Negeri sentiasa memastikan golongan ini terbela dan diberi perhatian sepenuhnya.

   Selain daripada itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang turut menggunakan pendekatan turun padang bagi membantu miskin tegar iaitu dengan membuka kaunter di tempat awam seperti pasar, perkarangan masjid dan dewan orang ramai. Cara ini dilihat lebih mesra dan memudahkan orang ramai mendaftar dan mendapat khidmat dari jabatan. Program seperti ini diadakan secara berjadual dan permohonan/rujukan disalurkan melalui JKKK dan ADUN setiap kawasan. Hasil daripada lawatan tersebut, golongan miskin tegar yang layak dan belum menerima bantuan bulanan telah disenaraikan dan diberi bantuan sewajarnya. Sehingga kini tiada lagi rekod saman yang dikenakan oleh MPPP & MPSP kepada golongan miskin tegar negeri ini yang berniaga di tepi-tepi jalan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Masalah kebersihan terutamanya bagi kawasan di sebelah Seberang bertambah buruk. Apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini dan tolong nyatakan bajet yang diperuntukkan bagi maksud ini untuk tahun 2009 dan nyatakan bajet yang sama bagi tahun 2008, 2007, 2006 dan sebagainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mengambil langkah untuk mengatasi masalah kebersihan seperti berikut:-

(i) Menamatkan kontraktor pembersihan yang tidak menjalankan tugas dengan baik;

(ii) Menjalankan sistem pemantauan kontraktor secara demerit;

(iii) Menambahkan tenaga kerja di Unit Skuad Khas;

(iv) Menjalankan pemantauan kawasan mengikut KADUN di mana satu KADUN diletakkan seorang Pegawai Pemantau; dan

(v) Mewujudkan Sistem Aduan secara Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

(vi) Bajet yang diperuntukkan untuk maksud ini adalah seperti berikut:-

(a) Penyelenggaraan Kontrak Pembersihan (PPS)

Tahun	Peruntukan(RM)
2006	14,000,000.00
2007	15,000,000.00
2008	11,457,096.00
2009	18,000,000.00

(b) Penyelenggaraan Kontrak Pembersihan (KPA)

Tahun	Peruntukan (RM)
2006	18,000,000.00
2007	15,000,000.00
2008	11,500,000.00
2009	18,000,000.00

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Penduduk 'Rumah Hijau' Mak Mandin yang terdiri majoriti kaum India dan komposisi kaum lain tidak mahu dipindahkan ke kawasan lain termasuk ke Flat Ampang Jajar dan lain-lain dan hanya akan bersetuju untuk kekal di tanah ini. Apakah kaedah yang akan diambil Kerajaan Negeri bagi memenuhi tuntutan penduduk di sini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan negeri telah memasuki perjanjian penswastaan bagi membangun dan memajukan kawasan seluas 20.8 ekar di Ampang Jajar (10.9 ekar) dan kawasan Rumah Hijau, Mak Mandin (9.9 ekar) sebagai satu projek penswastaan Kerajaan Negeri. Perjanjian Penswastaan antara Kerajaan Negeri dan Syarikat Silver Channel Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 24 Disember 2004. Projek di Ampang Jajar merangkumi komponen pembangunan seperti 123 rumah teres 2½ tingkat, 17 unit kedai pejabat 2 tingkat dan 304 unit rumah pangsa kos rendah. Manakala di Rumah Hijau, kawasan tersebut akan dibangunkan dengan 154 unit rumah teres 2½ tingkat. Melalui projek penswastaan ini, ia akan memberi keuntungan bersama *(win win situation)* kepada tiga pihak iaitu kepada Kerajaan negeri, penduduk/setinggan dan pemaju seperti berikut :

(i) Kerajaan Negeri

Dengan hanya memperuntukkan lot tanah milik Kerajaan Negeri, Kerajaan Negeri dapat memenuhi tanggungjawab sosialnya *(social obligation)* untuk menyediakan rumah mampu milik kepada semua penduduk/setinggan sedia ada di kawasan tersebut tanpa mengeluarkan sebarang kos pembangunan. Melalui projek ini,

kerajaan bukan sahaja dapat menyelesaikan masalah penempatan penduduk/setinggan yang telah berlarutan hampir 30 tahun, malah ianya juga akan membantu kerajaan dalam mencapai dasar 'Satu Keluarga Satu Rumah' bagi rakyat Negeri Pulau Pinang.

(ii) Penduduk / setinggan

Penduduk/setinggan di kawasan tersebut akan berpeluang untuk memiliki rumah mampu milik yang selesa dan lengkap dengan kemudahan asas dan infrastruktur.

(iii) Pemaju

Melalui projek penswastaan ini, pemaju bukan sahaja dapat membantu Kerajaan Negeri dalam memenuhi tanggungjawab sosial, malah pemaju juga akan mendapat keuntungan daripada pembinaan dan penjualan unit-unit rumah dan unit komersial yang dibina di atas tanah milik kerajaan tersebut.

Penduduk/setinggan di Rumah Hijau perlu ditempatkan semula ke perumahan kos rendah di Ampang Jajar dan berpindah keluar dari kawasan Rumah Hijau memandangkan kawasan berkenaan (Rumah Hijau) akan dibangunkan dengan projek pembangunan yang telah dinyatakan. Kerajaan negeri sememangnya telah membela nasib penduduk/setinggan di Rumah Hijau dengan menyediakan unit rumah pangsa kos rendah di Ampang Jajar untuk diduduki yang mana ia jauh lebih selesa berbanding dengan kawasan kediaman sedia ada yang diduduki sekarang. Pembinaan bagi unit rumah pangsa kos rendah bagi tujuan penempatan semula penduduk berkenaan telah siap sepenuhnya dan di dalam peringkat kerja-kerja kemasan. Permohonan Sijil Layak Menduduki bagi bangunan berkenaan dijangka akan dibuat oleh pemaju.

Sehingga kini, masih belum terdapat sebarang keputusan untuk membuat pindaan pada komponen pembangunan bagi projek di Rumah Hijau mahupun untuk mengekalkan penduduk/setinggan di kawasan berkenaan. Sehubungan itu, terma-terma dalam perjanjian penswastaan termasuk komponen pembangunan di kedua-dua tapak projek masih kekal seperti asal.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapakah penduduk Negeri Pulau Pinang mengikut komposisi kaum berakhir Jun 2009 dan apakah dasar Kerajaan Negeri bagi memastikan semua kaum dibela dan kepentingan orang Melayu tidak dirampas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, penduduk Negeri Pulau Pinang (pada 30 Jun 2009) dianggarkan seperti berikut:

STATISTIK PENDUDUK PULAU PINANG ANGGARAN PADA 30 JUN 2009		
Kaum	Bilangan ('000)	Peratus (%)
Bumiputra	660.8	41.89
Cina	651.6	41.31
India	153.1	9.71
Lain-lain	6.4	0.41
JUMLAH :	1,577.3	
Warganegara :	1,471.9	93.3
Bukan warganegara:	105.4	6.7

Bagi memastikan semua kaum dibela dan kepentingan kaum Melayu tidak dirampas, dasar Kerajaan Negeri adalah untuk terus melaksanakan perancangan pembangunan lima tahun di samping menyediakan peruntukan dalam bajet pembangunan negeri setiap tahun dengan memberi fokus kepada *'people centric'.* Tumpuan akan diberikan kepada misi pembangunan negeri iaitu:

(i) Mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang mapan dan mengukuhkan daya saing dalam menempuh cabaran globalisasi;

(ii) Memastikan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan ekonomi dan sosial dibuat dengan mengutamakan keseimbangan di antara fizikal dan alam sekitar, material dan kerohanian serta menuju kepada matlamat meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat; dan

(iii) Memastikan pembangunan yang menyeluruh meliputi semua sektor pembangunan utama iaitu sektor pembuatan, perkhidmatan, pelancongan dan lain-lain dengan mengamalkan prinsip Cekap , Akauntabiliti dan Telus (C.A.T) serta 3I *(Inteligence, Intergrity and International).* Selain itu, Kerajaan Negeri yang prihatin dengan keadaan ekonomi semasa dan kebajikan rakyat memberi tumpuan kepada tiga teras utama seperti berikut:

(a) Pertama : Merancakkan pertumbuhan ekonomi *(Pro- Growth);*

(b) Kedua : Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan *(Pro-Jobs);* dan

(c) Ketiga : Menjamin keadilan sosioekonomi *(Pro-Poor).*

Kerajaan negeri juga sentiasa memastikan penglibatan semua kaum dalam pembentukan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Melalui institusi JKKK, semua isu dan masalah rakyat pelbagai kaum di peringkat akar umbi dapat disalurkan kepada kerajaan untuk diatasi dengan sebaik mungkin. Bengkel-bengkel JKKK yang melibatkan semua kaum diadakan bertujuan untuk memantapkan akar umbi pentadbiran Kerajaan Negeri dari segi pengurusan, pentadbiran, perhubungan awam dan sebagainya.

Di samping itu, Kerajaan Negeri turut mengamalkan dasar C.A.T. dalam pentadbiran negeri. Sistem tadbir urus yang baik menjadi landasan kerajaan dalam menentukan hak dan peluang yang sama diberikan kepada rakyat untuk mengambil bahagian dalam aktiviti ekonomi, perolehan dan kerja-kerja dan juga peluang pemilikan perumahan di negeri ini.

Kerajaan negeri turut mengamalkan dasar terbuka dan telus serta melibatkan pelbagai kumpulan masyarakat termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam merangka strategi ke arah mewujudkan sebuah masyarakat yang bersatu padu yang melibatkan perkongsian kerjasama dan hubungan erat pelbagai kaum di negeri ini. Tenaga dan kepakaran ahli-ahli akademik di negeri ini akan digabungkan untuk merangka strategi berkenaan bersama-sama dengan Kerajaan Negeri bagi membentuk sebuah pelan perancangan strategik perpaduan kaum di negeri ini. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

(a) mewujudkan kerajaan berjiwa rakyat yang berteraskan kepada 3P iaitu Perkasakan rakyat, Perkuasakan rakyat dan Perkayakan rakyat;

(b) menubuhkan Skim Mikro Kredit yang dikenali sebagai Tabung Titian Ketidaksamaan Rakyat (TTKR) Negeri Pulau Pinang. Program ini dijalankan secara kerjasama dengan tenaga pakar dari Universiti Sains Malaysia (USM). Tujuan tabung ini ditubuhkan adalah untuk memberi fokus dalam mengurangkan jurang atau ketidaksamaan dengan memberi keutamaan kepada golongan miskin, orang kurang upaya, ibu tunggal termasuk penjaja kecil bagi membolehkan mereka memulakan dan mengembangkan perniagaan. Peruntukan berjumlah RM3.0 juta telah disediakan untuk tabung ini yang melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM1.5 juta serta peruntukan PDC sebanyak RM1.5 juta; dan

(c) Merealisasikan prinsip CAT dalam proses bidaan tender dan sifat keterbukaan tawaran sehingga ke peringkat antarabangsa mulai 14 Julai 2008 yang melibatkan pelbagai pihak iaitu pegawai dan anggota kerajaan, kontraktor, pembekal dan usahawan. Dalam hal ini, tender kerajaan negeri tidak lagi dijalankan secara terhad.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga memperkasakan Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Perhubungan Masyarakat untuk memastikan semua kaum dibela dan kepentingan kaum Melayu tidak dirampas. Jawatankuasa MMK Perhubungan Masyarakat merupakan satu platform kepada ahli-ahli mesyuarat untuk menggubal dasar dan program yang bertujuan untuk mengekal dan mengeratkan perhubungan mesra di kalangan rakyat dan pemimpin yang telah dipilih. Di samping itu, jawatankuasa ini juga bertujuan untuk menyedarkan dan memberi kefahaman mengenai dasar dan program Kerajaan Negeri secara jelas supaya rakyat memahami tindakan yang diambil oleh kerajaan dari semasa ke semasa yang bertujuan untuk menjaga kebajikan rakyat. Jawatankuasa ini turut berfungsi sebagai medium untuk perbincangan dan pertimbangan bagi isu-isu dalam mengekalkan hubungan dan perpaduan kaum selaras dengan Dasar Perpaduan Negara serta penghayatan Rukun Negara di peringkat negeri. Dalam hal ini, Jawatankuasa MMK Perhubungan Masyarakat akan menyampaikan pelbagai pertimbangan berkaitan isu dan permasalahan masyarakat kepada Kerajaan Negeri untuk dijadikan asas pembentukan dan pelaksanaan dasar yang bersesuaian dan berkesan serta mewujudkan rangkaian perhubungan dan komunikasi yang terancang, meluas dan berkesan antara Kerajaan Negeri dan rakyat. Akhir sekali, bagi memastikan keunggulan sistem penyampaian di peringkat akar umbi, jawatankuasa ini akan mencadangkan program, projek dan aktiviti untuk dilaksanakan bagi memperkasakan akar umbi.

Seterusnya, Kerajaan Negeri melalui Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 yang dirangka secara dinamik, berdaya saing, bermutu dan berdikari telah menetapkan dasar penggalakan penyertaan bumiputera dalam semua sektor ekonomi dengan mengekalkan kuota minimum 30% termasuk dalam sektor perumahan, premis perniagaan, industri (termasuk industri asas tani) dan pelancongan. Antara bantuan yang disalurkan adalah melalui pelaksanaan program-program berikut:

(i) memberi insentif kepada individu dan pemaju bumiputera dalam permohonan pembangunan termasuk rebat untuk caj pembangunan, tambahan ketumpatan pembangunan iaitu 30% ketumpatan dan 10% tambahan nisbah plot bagi pembangunan pelancongan (hotel, chalet dan sebagainya);

(ii) Mengamalkan polisi peruntukan sekurang-kurangnya 30% dari jumlah unit komersial kepada usahawan bumiputera bagi Program Peruntukan Projek-Projek Komersial. Peruntukan kuota ini dikekalkan dan unit-unit yang kosong akan disimpan sehingga pembeli bumiputera diperolehi. PDC telah memberi potongan harga jualan dan sewaan sebanyak 5% kepada usahawan bumiputera. Sebanyak 886 unit komersial telah dibangunkan dan sejumlah 262 unit telah berjaya dijual dan disewakan kepada usahawan bumiputera;

(iii) mengamalkan polisi peruntukan sekurang-kurangnya 30% dari jumlah unit kilang siap bina kepada usahawan bumiputera secara jualan, sewaan dan skim sewa beli bagi Peruntukan Unit-Unit Kilang Siap Bina (IKS);

(iv) menggalakkan penyertaan bumiputera dalam perniagaan perhotelan;

(v) menggalakkan pengusaha-pengusaha tempatan terutamanya bumiputera untuk menceburi bidang penyediaan makanan laut dan pembuatan kraf tangan tempatan; dan

(vi) menubuhkan Kluster ICT bumiputera atau lebih dikenali sebagai techBiz Penang. Kluster ICT bumiputera ini bertujuan untuk membantu *technopreneurs* mengenal pasti pasaran dan membina jaringan perniagaan di samping mengukuhkan dan mempamerkan keupayaan di dalam rantaian nilai dan inovasi melalui satu kumpulan. Kluster ini juga berperanan sebagai wakil industri di dalam aktiviti-aktiviti promosi di bawah anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Invest Penang bersama-sama dengan *Penang Cluster Alliances (Techbiz and ScoPe)* telah menyertai *"National ICT Conference"* yang diadakan pada bulan Jun 2009 di Putrajaya *International Convention Centre*, di mana ianya dapat memperkenalkan techBiz Penang di peringkat nasional.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Penduduk Taman Prima Sutera, terutama barisan rumah berdekatan dengan cadangan pembangunan bertingkat mendesak supaya kerajaan melakukan sesuatu bagi menyelesaikan kebimbangan dan masalah mereka seperti memorandum yang dihantar kepada Kerajaan Negeri. Setakat mana dan bagaimanakah Kerajaan Negeri akan berjuang agar keluhan penduduk dapat diselesaikan secara mutlak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berdasarkan maklumat yang diterima dari Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Pelan Kebenaran Merancang telah diluluskan setelah syarat-syarat teknikal dipatuhi.

Pada 24 Julai 2007, pihak pemaju telah mengemukakan Borang B berkaitan notis untuk memulakan kerja. Di samping itu, pihak pemaju telah memasang jentera kren di tapak pembinaan di mana permohonan kelulusan dan kawalan ke atas operasi jentera berkenaan berada di bawah pihak Jabatan Jentera.

Berikutan aduan yang diterima, MPSP telah mengadakan mesyuarat yang melibatkan pihak-pihak seperti DOSH, CIDB dan IKRAM. Hasil daripada perbincangan dan beberapa siri lawatan yang diadakan, sebanyak tiga (3) arahan berhenti kerja telah dikeluarkan. Arahan membenarkan semula kerja di tapak telah dikeluarkan setelah semua jabatan teknikal berpuas hati dan menyatakan bahawa tiada halangan untuk kerja-kerja diteruskan.

Sehingga kini, MPSP sentiasa memantau pembangunan tersebut supaya aspek-aspek keselamatan dipatuhi oleh pemaju. Dengan kaedah ini serta pemantauan yang rapi oleh pihak MPSP, keluhan penduduk yang terlibat diyakini dapat diatasi dan sekali gus dapat menyelesaikan masalah tersebut.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kenapakah Kerajaan Negeri dilihat tidak bersungguh-sungguh mencari jalan bagi menyelesaikan masalah rumah-rumah bertingkat sehinggakan keselesaan penghuni dibiarkan tidak terbela. Apakah Kerajaan Negeri memang tidak berkeupayaan mengendalikan masalah sekecil ini dan jika dakwaan ini tidak benar apakah strategi bagi mengatasi masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan negeri sentiasa berusaha dengan pelbagai cara untuk menyelesaikan masalah perumahan bertingkat di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, aspek pengurusan dan penyelenggaraan rumah pangsa berstrata adalah di bawah bidang kuasa pihak Perbadanan Pengurusan (MC) sekiranya hak milik strata telah dikeluarkan atau Badan Pengurusan Bersama (JMB) jika hak milik strata tidak dikeluarkan. Tugas utama Badan Pengurusan ini adalah untuk memastikan keselesaan penghuni rumah pangsa di mana ahli-ahlinya adalah terdiri daripada pemilik-pemilik petak atau pembeli-pembeli unit rumah pangsa berkenaan. Yang Di Pertua kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri sebagai Pesuruhjaya Bangunan (COB) bagi maksud

mentadbir dan menjalankan peruntukan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyelenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) serta Bahagian VI & VII Akta Hak milik strata 1985 (Akta 318) bagi kawasan MPPP dan kawasan yang diletakkan di bawah pentadbiran MPPP mulai 16 Mei 2007. Selain daripada itu, pihak MPPP juga telah menubuhkan satu bahagian baru iaitu Bahagian Urus setia Pesuruhjaya di bawah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPPP. Peranan utama bahagian ini adalah membantu Pesuruhjaya Bangunan untuk memberi penerangan dan taklimat mengenai tanggungjawab pemaju, pemilik petak, perbadanan pengurusan, badan pengurusan bersama kepada sesiapa atau golongan yang datang dan cuba menyelesaikan masalah-masalah pengurusan dan penyelenggaraan yang dibangkitkan supaya keselesaan penghuni-penghuni rumah bertingkat dibela.

Strategi bagi menyelesaikan masalah rumah bertingkat yang diamalkan oleh MPSP adalah seperti berikut;

(i) Pemilik petak diberi hak mengurus

- Penduduk boleh mempelajari selok-belok pengurusan rumah bertingkat dari pemaju melalui penubuhan JMB mengikut peruntukan Akta 663. Di peringkat ini, Bahagian COB membantu dengan memberi arahan dan nasihat sehinggalah tertubuhnya JMB.

(ii) Pengurusan Kewangan

- AJK Badan Pengurusan (MC) diberi kuasa mengurus kewangan mereka sendiri. Mereka boleh menentukan bayaran penyenggaraan dan melakukan pembaikan apabila berlaku kerosakan. COB sentiasa membantu dari aspek pengurusan kewangan dari membuka akaun sehingga urusan mendapatkan tunggakan caj penyenggaraan dari penduduk.

(iii) Memberi nasihat berkaitan kediaman bertingkat kepada semua pihak yang berkaitan atau melalui mesyuarat yang dianjurkan oleh COB bagi menyelesaikan sesuatu isu. Strategi yang digunakan bagi mengatasi masalah rumah bertingkat adalah dengan penubuhan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Badan Pengurusan (MC);

(a) Pemilik petak diberi hak untuk mengurus sendiri rumah bertingkat mereka mengikut peruntukan Akta 663 melalui Jawatankuasa yang telah dilantik.

(b) COB MPPP dan MPSP akan berperanan untuk memantau, menasihati dan membantu penduduk untuk penubuhan tersebut.

(c) Jawatankuasa yang telah dilantik juga diberi kuasa untuk menguruskan kewangan tabung penyenggaraan bangunan bertingkat mereka.

Adalah difahamkan proses pembaharuan undang-undang sedang dibuat di peringkat Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan akan dibentangkan di Parlimen untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud dalam Akta 663 dan 318.

Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sentiasa turun padang dan mengadakan sesi dialog bersama penduduk di setiap Rancangan Perumahan Kerajaan Negeri bagi memastikan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk dapat diatasi dengan kadar segera.

Selain itu, Bahagian Perumahan juga telah membuat beberapa penambahbaikan dalam proses pengurusan aduan penduduk Rancangan Perumahan Kerajaan Negeri bagi memastikan setiap aduan yang diterima diambil tindakan yang sewajarnya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah polisi terkini Kerajaan Negeri mengenai pemeliharaan dan industri burung walet terutamanya kepada pengusaha sedia ada dan apakah galakan yang boleh diberikan kepada pengusaha-pengusaha baru memandangkan industri burung walet disenaraikan sebagai satu lagi punca pendapatan rakyat Malaysia.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan negeri telah melanjutkan tempoh moratorium kelulusan Premis Industri Sarang Burung Walet sehingga hujung tahun 2009 dan garis panduan Pengurusan Industri Sarang Burung Walet sekarang berada di peringkat akhir penyediaannya. Antara perkara penting dalam cadangan pindaan kepada garis panduan tersebut adalah:-

   (a) Rumah burung walet tidak boleh diusahakan dalam premis kediaman;

   (b) Semua permohonan baru rumah burung walet mesti ditempatkan dalam kawasan industri/pertanian; dan

   (c) Rumah burung walet tidak boleh diusahakan dalam kawasan tapak warisan.

   Garis panduan pindaan telah dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Industri Burung Walet pada 29 Jun 2009 oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dan sedang menunggu maklum balas daripada ahli jawatankuasa. Satu kertas MMK akan dikemukakan untuk mendapat kelulusan MMK sebelum dikuatkuasakan.

   Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) bertanggungjawab dalam rancangan jangka panjang industri walet di mana perancangan taman *eco-park* setempat akan cuba dibangunkan di Pulau Pinang iaitu Balik Pulau, Nibong Tebal dan Penaga. Ternakan secara komersial burung walet ini juga akan cuba diperkenalkan kepada pengusaha. JPV juga bekerjasama rapat dengan pengusaha burung walet untuk memajukan industri burung walet kerana industri ini mempunyai potensi yang tinggi sebagai hasil eksport.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bilakah Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan program pengindahan khususnya di kawasan taman-taman perumahan dan seluruh kawasan Seberang Perai, terutama di tepi-tepi jalan dan bulatan-bulatan. Berapakah bajet untuk maksud ini serta kenapakah rancangan menaik taraf Taman Tunku di Seberang Jaya masih tertunggak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan program pengindahan/polisi Bandar Hijau. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri memastikan setiap pembangunan yang dirancang akan menyediakan kawasan hijau dan landskap yang sewajarnya. Perkara ini dilaksanakan melalui syarat-syarat yang dikenakan di dalam pelan landskap kepada pemaju. Di kawasan Seberang Perai, Kerajaan Negeri juga akan memastikan penanaman pokok-pokok teduhan di dalam kawasan perumahan, perindustrian, jalan-jalan utama, kawasan lapang dan sebagainya. MPSP telah memohon sejumlah RM22.7 juta untuk menaik taraf dan memajukan taman-taman awam (termasuk Taman Tunku) di bawah RMKe-10.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kesesakan lalu lintas di pekan Penanti amat buruk dan dahulunya ada cadangan untuk diadakan jalan sehala sebagai sebahagian penyelesaian isu ini, maka apakah keputusan Kerajaan Negeri bagi mengatasi isu ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. MPSP telah meluluskan cadangan jalan sehala di Pekan Penanti pada tahun 2005. Walau bagaimanapun pelaksanaannya tertangguh kerana bantahan oleh peniaga-peniaga pasar malam.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berapa banyakkah *Local Agenda* 21 berjaya diwujudkan di seluruh Negeri Pulau Pinang dan tolong senaraikan kesemuanya secara terperinci termasuk apakah pencapaian yang membanggakan setakat ini juga senaraikan garis panduan dan syarat penubuhan *Local Agenda* 21 ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Local Agenda 21 (LA21) suatu program untuk masyarakat, sektor swasta dan Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Daerah, Majlis Perbandaran, Majlis Bandaraya dan Dewan Bandaraya) bekerjasama untuk merancang dan menguruskan kawasan persekitaran mereka ke arah pembangunan mampan. Pendekatan asas program ini ialah pendekatan *bottom-up*, atau dari akar umbi ke atas. Ini bermakna, penduduk-penduduk tempatan sendiri akan terlibat dalam menentukan pelan tindakan bagi kawasan masing-masing.

Bagi melaksanakan LA21, beberapa komponen utama yang perlu diambil kira dalam proses pelaksanaan LA21 berkaitan penyertaan masyarakat tempatan, adalah seperti yang berikut:

- Membangkitkan kesedaran dan memberikan pendidikan;
- Perundingan dan melibatkan masyarakat yang lebih luas dan juga orang awam;
- Tindakan perkongsian;
- Menghasilkan strategi kemampatan tempatan atau pelan tindakan; dan
- Mengukur, memantau, melaporkan dan mengkaji semula kemajuan.

Dari segi pelaksanaan *Local Agenda* 21 di Pulau Pinang MPPP dimulakan melalui penubuhan Jawatankuasa Induk LA 21 yang telah bermesyuarat pada 31 Julai 2003.

Program/projek *Local Agenda* 21 bagi tahun 2002-2009 oleh MPPP adalah sepertimana berikut:-

Pelaksanaan Program / Projek Local Agenda 21 bagi tahun 2002 – 2009

di Majlis Perbandaran Pulau Pinang

Bil	Kumpulan Kerja	Tahun	Tarikh	Program / Projek	Agensi Terlibat
1.	Kumpulan Kerja Barrier Free Environment	2002	Dis 2002	a) Projek penyediaan kemudahan mesra orang kurang upaya di Persiaran Gurney, usaha sama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.	- MPPP - Kerajaan Negeri P.Pinang - Jab. Kebajikan Masyarakat - Sustainable Independent Livehood Access (SILA) - Sek. St. Nicholas
				b) Projek penyediaan kemudahan untuk orang kurang upaya di Pasar Batu Lanchang bernilai RM 34,000.	- Persatuan Orang Kurang Upaya Pulau Pinang - Persatuan Orang Pekak Pulau Pinang - Eden Handicap Service Centre Bhd.
				c) Projek Contoh persekitaran mesra golongan kurang upaya di Esplanade & Medan Lebuh Campbell.	- Asia Community Service - Penang Cheshire Home - Ins. Penyelidikan Sosio – Ekonomi & Alam Sekitar (SERI)

		2003	11.12.03	a)Projek menaik taraf jalan supaya mesra golongan kurang upaya sepanjang 1.5km, dari bulatan Lebuh Light – Lebuh Beach sehingga lampu isyarat Lebuh Church.	- The Urban Gorvenance Initiative (TUGI) - Persatuan Upper Penang Road
		2005	25.7.05	a) Perasmian Projek Naik taraf Upper Penang Road	- Persatuan Lebuh Campbell - Dewan Perniagaan Melayu - Dewan Perniagaan Cina - Dewan Perniagaan India
2.	Kumpulan Kerja Bandar Selamat	2003	20.10.03	- Pelaksanaan Bandar Selamat Bukit Jambul	- MPPP - KPKT - Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPMJ) - PDRM - Penduduk Kawasan Bukit Jambul - Rukun Tetangga Bkt Jambul - JKKK Bukit Jambul
		2007	24.11.07	- Program Bandar Selamat Kg. Melayu	- MPPP - KPKT - PDRM - BOMBA - JKKK Kg. Melayu - Rukun Tetangga Kg. Melayu - Penduduk Kawasan Kg. Melayu
3.	Kumpulan Kerja Alam Sekitar	2002	Ogos 2002 – Januari 2004	- Public Private Partnership in Community Waste Recycling Project di bawah projek Public Private Partnership in Urban Environment (PPPUE) United Nation Development Programme (UNPP). - Program UNDP Alor Vista - Program UNDP Kg. Seronok - Program UNDP Jeti Pengkalan Weld	- MPPP - Free Trade Zone - SERI - PDRM - Persatuan Perniagaan Melayu, Cina & India - Penang International Hotel Association -JKKK -Syarikat Kitar Semula
		2004	19.7.04	b)Pelancaran Projek menangani isu sampah dalam saluran sungai di Sg. Kelian, Tg. Bungah	- MPPP - JPS - Kumpulan Pemeliharaan Sungai (KPS) - JKKK - Sykt. Kitar Semula
		2005	7.5.05 & 12.6.05	c) Program Kitar Semula Komputer Terpakai dengan kerjasama Dell Asia Pasifik S/B	- MPPP - Dell Sdn. Bhd. - Pasaraya Sunshine Square, Sunshine Farlim - Sek. Chung Hwa
		2005	6-7.8.05	d) Program Pengasingan Sampah di Punca di kawasan Hill Side.	- MPPP, JICA, SERI - Rukun Tetangga - Penduduk Sekitar
		2007	17.5.07	e)Program Kitar Semula Komputer Terpakai dan Cabutan bertuah Dell/MPPP – Sunshine Farlim.	- MPPP, DELL - Sunshine Group & IRM Industries
			30.8.07	f) Bank Kitar Semula “MPPP – Danida Recycling Bank Project”	- MPPP, DANIDA - Sek. Men. Keb. Seri Balik Pulau, Pulau Pinang
			28.11.07	g) Bengkel Projek Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu di Bukit Bendera, Pulau Pinang	- MPPP, KPKT - Pusat Komuniti & Alam Sekitar Cenced Sdn. Bhd. - JKKK Bukit Bendera - Rukun Tetangga - Penduduk Bukit Bendera
		2008	27.8.08	i) Majlis Penyerahan Projek Bank Kitar Semula Gom-Ganida / MPPP di Dewan Besar SERI, SMK Seri Balik Pulau.	- MPPP, DANIDA - Sek. Men. Keb. Seri Balik Pulau, Pulau Pinang

		2009	30.5.09	j) Program kitar semula komputer terpakai di Sunshine Square.	- MPPP, DELL - Sunshine Group & IRM Industries
4.	Kumpulan Kerja Pembaharuan Bandar		19.6.09	k) Program Alam sekitar milik siapa? di Intel Malaysia	- MPPP - Intel - Penang Fisherman Association - Sekolah - Malaysia Newsprint Industry
			Sepanjang Julai & Ogos	l) Program Mengenai Kesedaran Orang Awam Mengenal pemungut dan Kitar Semula Buangan Elektrik dan Elektrik (E-waste)	- MPPP, DELL - Sunshine Group & IRM Industries
			17.7.09	m) Bengkel Penghasilan Em Mudball (Kempen Menyelamatkan Alam Sekitar)	- MMK Belia & Sukan - MPPP - EM Admins - NGOs
			19.7.09	n) Program "Green Awareness Campaign Say No To Plastic" di Giant Bayan Baru	- Kerajaan Negeri - MPPP - Giant Hypermarket
		2004	10.6.04	a)Projek Menaik taraf Infrastruktur Kawasan Little India & Penang Gold Baazar.	- MPPP - KPKT - Unit Perancangan Ekonomi Negeri - JPS - Jawatankuasa Liga Muslim - Cheah Kongsi - Estate of Yeap Chor Ee - PBA, TNB, IWK
		2006	15.9.06 – 2006	b) Program mengecat semula gerai–gerai perniagaan di kawasan Gold Baazar Fasa (II).	- MPPP - Majlis Agama Islam Pulau Pinang
		2007	7.3.07	c) Program mengecat semula Bangunan 'private' di Projek Little India & Penang Gold Baazar	- Persatuan Saudagar Barang-barang Kemas & Penukar Wang Muslim Malaysia - Persatuan Peniaga Lebuh Campbell - Persatuan Pengusaha Agensi Pelancongan Malaysia - ICI Paints (M'sia) Sdn. Bhd. - Berger International Sdn.Bhd.
				Majlis Dialog bersama peniaga / pemilik bangunan bagi Projek Menaiktaraf Jalan Penang Fasa II.	-MPPP -Peniaga/pemilik bangunan di Jalan Penang
5.	Kumpulan Kerja Program Komuniti	2005	16.1.05 & 6.2.05	a) Program Gotong-royong & Sekolah Angkat :-	-MPPP -Penduduk
			Mei 05	- Gotong-royong Tmn Perbandaran	- MPPP - PIBG -Sek Rendah Jalan Residensi
			Ogos 05	-Gotong-royong & Projek Landskap di Sek. Rendah Jalan Residensi.	- Sek Men Perempuan Seri Mutiara
			27.3.05 16.4.05	-Gotong-royong & Projek Landskap di Sek. Men. Perempuan Seri Mutiara.	- Persatuan Penduduk Taman Sri Nibong, Taman Sri Pinang, Bukit Jambul, Permatang Damar Laut dan Taman Free School
		2009	Julai 05	- Gotong-royong Taman Sri Nibong	-MPPP -Rukun Tetangga & Persatuan Penduduk
		2007	18.7.2009	- Gotong-royong Tanah Lapang Taman Bukit Jambul -Gotong-royong Perdana Taman Sri Pinang	-MPPP -PIBG - Chinesse Girl High School

			10.11.07	-Program Gotong Royong Di Kelompok Kuarters Masjid Negeri Pulau Pinang - Program Sek. Angkat (Chinesse Girl High School) Jln Gottleib	
		2007	16 – 18 Mac 2007	b) Program Pendekatan Masyarakat :-	- MPPP, Pemaju - Orang ramai
			2.4.07	- Penang International Property Fair di PISA	- MPPP - Kerajaan Negeri - Orang ramai
			18 – 19 Ogos 2007	-Program Jendela Pelanggan Pentadbiran Kerajaan Negeri di perkarangan Pejabat Daerah Balik Pulau.	- MPPP - Queensbay Mall - Orang ramai
			12.9.07	- Program "Roadshow" Hari MPPP bersama Pelanggan di Queensbay Mall, Pulau Pinang. - Majlis Makan Malam di Chew Jetty, Pengkalan Kota.	- MPPP - Penduduk Jetty Chew
		2007	17.3.07	c) Program Perasmian Taman Kejiranan Jalan Tengah, di Tanah Lapang Berhadapan Blok 7, Jalan Tengah, Bandar Bayan Baru Pulau Pinang.	- MPPP - KADUN - Penduduk Taman Kejiranan Jalan Tengah
			8.6.07	d)Program penanaman pokok kelapa di hadapan Hotel Paradise Sandy Bay. e)Program penanaman pokok bersama Kilang Agilent Technology.	- MPPP - Jabatan Perhutanan Negeri - Paradise Sandy Bay - Agilent Technology
			11.8.07	f) Sambutan Hari Landskap Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang dan perasmian Taman Kejiranan Taman Free School	- MPPP - KPKT - Penduduk Taman Kejiranan Taman Free School
		2008	27.7.08	a) Program majlis penyerahan pokok serta gotong-royong manaik taraf landskap di Persekitaran Taman Sri Bayu, Jalan Kg Bukit, Bayan Lepas, Pulau Pinang.	- MPPP - JKP Sdn. Bhd. - Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya - Persatuan Penduduk Flat Taman Seri Bayu
		2008	14.02.08	b) Program Mesra Rakyat di Kompleks Sukan Balik Pulau	- Kerajaan Negeri - Biro Pengaduan Awam - MPPP
			10.05.08	c) Program Gotong-Royong Kawasan DUN Datuk Keramat Y.B. Jagdeep Singh Deo di Taman Free School	- Kerajaan Negeri - MPPP - Penduduk Taman Free School
			27.06.08	d) Majlis Ramah Mesra Dan Dialog Bersama Pemimpin Dan Jabatan-jabatan Kerajaan di Sunshine Bayan baru	- Kerajaan Negeri - MPPP - Orang Awam
		2008	27.7.08	e) Program majlis penyerahan pokok serta gotong-royong manaik taraf landskap di Persekitaran Taman Sri Bayu, Jalan Kg Bukit, Bayan Lepas, Pulau Pinang.	- MPPP - JKP Sdn. Bhd. - Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya - Persatuan Penduduk Flat Taman Seri Bayu
			5.12.08	f) Program "Majlis Mendekati Masyarakat" di Persatuan Kanak-Kanak Cerebral Palsy (Spastik) Pulau Pinang	- MPPP - Persatuan Kanak-Kanak Cerebral Palsy (Spastik) Pulau Pinang

Bil	Kumpulan Kerja	Tahun	Tarikh	Program / Projek	Agensi Terlibat
5.	Kumpulan Kerja Program Komuniti	2008	25.7.08	g) Majlis Penanaman Pokok "Penaga Laut" di Pintu Masuk Kota Cornwallis, Padang Kota Lama	- Kerajaan Negeri - MPPP - Pusat Warisan P.Pinang
			14.8.08	h) Majls Penanaman Pokok "Penaga Laut" di perkarangan Kediaman Rasmi TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang Seri Mutiara, Jln Utama	- Kerajaan Negeri - MPPP - Pusat Warisan P. Pinang
		2008	25.7.08 hingga 27.2.09	i) Sambutan Bandar George Town Tapak Warisan Dunia Unesco i) Jom Ke George Town ii) Jejak Jalan Harmoni	- Kerajaan Negeri - MPPP - Pusat Warisan P. Pinang - Penang Herritage Trust - NGOs - Orang ramai
				j) Perayaan Zon Warisan	
				k) Majlis Perasmian Sambutan Bandar George Town Tapak Warisan Dunia	- Kerajaan Negeri - MPPP - Pusat Warisan P. Pinang -Penang Herritage Trust -Orang ramai
				l) Perayaan Jalanan	
		2009	1.1.09	a) Sambutan Bandaraya George Town Ke-51	- Kerajaan Negeri - MPPP - Rapid Penang - Orang Ramai
		2009	23.1.2009	b) Program Pelancaran Perkhidmatan Bas Shuttle	- Kerajaan Negeri - MPPP - Pusat Warisan P. Pinang - Penang Herritage Trust - NGOs - Orang ramai
			1.7.09 Hingga 27.7.09	c) Perayaan Sambutan Ulang Tahun Pertama George Town Sebagai Tapak Warisan Dunia Unesco	-MPPP -Kerajaan Negeri -Hotel-hotel
				i) Majlis Perasmian Perayaan Sambutan Ulang Tahun Pertama George Town Sebagai Tapak Warisan Dunia	-MPPP - Pusat Warisan P. Pinang
				ii) Jejak Warisan Utk Pelajar	-MPPP
				iii) Pameran Fotografi	-MMK Belia & Sukan
				iv) Pertandingan Seni lukis " Sekilas Pandang Warisan Kita"	-Malakoff Corporation - Pacesetters Athletic Club Malaysia
				v) Jejak Warisan "Street Of Harmony"	-MPPP
				vi) Perayaan Bon Odori	-MMK Belia & Sukan
				vii)Majlis Penutupan	-Persatuan Sukan Ekstrem Malaysia
				Perayaan Sambutan Ulang Tahun Pertama George Town Sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO	-Persatuan-persatuan Belia
			16.4.2009	d) Program Ops Sinar Batu Feringgi	-MPPP -JKR
			30.4.2009	e) Program Perasmian Pejabat Warisan Dunia UNESCO	-MPPP -Jabatan Perhutanan -PDC
			7.6.2009	f) Program Malakoff 26km & 6 km Penang	-MPPP -NGO's -Pihak Swasta
				g) Program X-Flow 2009	
			Sepanjang tahun 2009 (sehingga Julai 2009)	i. Cendana Hikathon ii. PAC Hike & Camp iii. Jom Xercise iv. Father's Day Crimebuster v. Xplanade Walk	-MPPP -Ahli Parliman Balik Pulau -Orang Ramai -MPPP -JKKK

					-Orang Ramai
			Jun 2009	h) Bantuan kepada SJK (T) Rajaji Air Itam semasa kerja-kerja baikpulih bangunan sekolah dijalankan.	
			23 .6.2009	i) Program menanam pokok sempena hari hutan sedunia di Pantai Bayan Mutiara	
			27.6.2009	j) Program penyelenggaraan dan naiktaraf Protestant Cemetary.	
			27.6.2009	k) Program Dialog MPPP Bersama Warga Masyarakat Parlimen Balik Pulau	
			27.6.2009	l) Program Perjumpaan Y.B Tuan Mansor Othman, Timbalan Ketua Menteri (1) Negeri Pulau Pinang Bersama Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung (JKKK) Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.	

Bagi MPSP pula, pelaksanaan *Local Agenda* 21 melalui penubuhan 9 iaitu :

(i) Pasukan kerja Cara Hidup Sihat Dan Keselamatan Untuk Masyarakat;
(ii) Pasukan Kerja Kebudayaan Dan Pelancongan;
(iii) Pasukan Kerja Kesayangan Haiwan Untuk Masyarakat;
(iv) Pasukan Kerja Sistem Pengurusan Alam Sekitar (Perai);
(v) Pasukan Kerja Rumahku Mesra Alam;
(vi) Pasukan Kerja Kecemerlangan Wanita;
(vii) Pasukan Kerja Pengurangan Mengguna Beg Plastik;
(vii) Pasukan kerja Kitar Semula Komputer Terpakai;dan
(ix) Pasukan Kerja Pangsa PPR Empangan.

MPSP telah mendapat Tempat Ke-2 bagi Anugerah PBT Mampan 2005 Anjuran Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan. Penubuhan pasukan *Local Agenda* 21 terdiri daripada 3 komponen utama iaitu Sektor Swasta, Masyarakat dan Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi kerajaan yang bersesuaian. NGO yang berminat boleh menghubungi MPSP sebagai sekretariat dan pemudah cara untuk khidmat sokongan dan penubuhan pasukan kerja.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Pembeli ruang niaga bazar perdana di Bandar PERDA berasa kecewa kerana sehingga hari ini mereka masih belum boleh menjalankan perniagaan di situ. Oleh itu, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri tanpa selalu menyalahkan kerajaan terdahulu bagi memastikan nasib mereka dibela.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Bazar Perdana di Bandar PERDA adalah milik persendirian dan tidak diuruskan oleh Kerajaan Negeri. Bazar tersebut telah diberi OC oleh MPSP pada 12 Februari 2004. Ini bermakna Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang hak untuk menguruskan bazar berkenaan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila senaraikan secara terperinci lokasi tanah-tanah perkuburan Islam di daerah SPT dan baki kapasiti yang boleh menampung keperluan hingga ke tahun ke berapa dan di lokasi manakah telah dirancang untuk diadakan tanah perkuburan baru Islam di SPT khususnya dalam Parlimen Permatang Pauh dan DUN Seberang Jaya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Lokasi terperinci tapak perkuburan di daerah Seberang Perai Tengah (SPT), adalah seperti berikut:-

Bil.	Lokasi Kariah	Perihal Lot	Keluasan Kubur Sedia Ada (Ekar)	Baki Keluasan (Ekar)	Anggaran Tempoh Penggunaan	Status
1	Permatang Pasir	Lot 1219, Mukim 13, SPT	0	3,71	30 Tahun	Kurang Kritikal
		Lot 468, Mukim 3, SPT	0,51	0	-	Amat Kritikal
		Lot 839, Mukim 3, SPT	0,137	0	-	Amat Kritikal
2	Permatang Pauh	Lot 317, Mukim 4, SPT	0,324	0,77	5 Tahun	Kritikal
		Lot 1035, Mukim 4, SPT	0,316	0,316	5 Tahun	Kritikal
3	Alma Jaya	Lot PT2304, Mukim 15, SPT	0,522	1,567	15 Tahun	Kurang Kritikal
4	Kebun Sireh	Lot 905, Mukim 11, SPT	0,111	0	-	Amat Kritikal
5	Bukit Teh	Lot 1607, Mukim 16, SPT	0,85	0,213	5 Tahun	Kritikal
6	Kg. Pertama	Lot 783, Mukim 4, SPT	0,357	0,119	5 Tahun	Kritikal
	(Masjid Batu)	Lot 791, Mukim 4, SPT	0,327	0,108	5 Tahun	Kritikal
7	Permatang Nibong	Lot 1364, Mukim 6, SPT	0,35	1,05	10 Tahun	Kritikal
8	Kg. Balik Bukit	Lot 922, Mukim 11, SPT	0,2	0,3621	5 Tahun	Kritikal
		Lot 921, Mukim 11, SPT	0,0645	0,194	5 Tahun	Kritikal
9	Bukit Minyak	Lot 744, Mukim 13, SPT	1,094	1,094	10 Tahun	Kritikal
	(Tepi Jalan)					
10	Machang Bubuk	Lot 546, Mukim 17, SPT	1,1	0	-	Amat Kritikal
		Lot 545 & 817, Mukim 17, SPT	0	2	20 Tahun	Kurang Kritikal
11	Permatang Janggus	Lot 163, Mukim 4, SPT	0,1	0	-	Amat Kritikal
		Lot 162, Mukim 4, SPT	0,15	0,15	5 Tahun	Kritikal
12	Sungai Rambai	Lot 203, Sek. 5 B. Mertajam	0,129	0,129	5 Tahun	Kritikal
		Lot 661, Mukim 3, SPT	0,168	0,084	5 Tahun	Kritikal
13	Kubang Semang	Lot 710, Mukim 20, SPT	0,274	0	-	Amat Kritikal
		Lot 718, Mukim 20, SPT	0,343	0	-	Amat Kritikal
		Lot 720, Mukim 20, SPT	0,259	0	-	Amat Kritikal
14	Tok Kun Atas	Lot 1512, Mukim 13, SPT	0,305	0	-	Amat Kritikal
15	Tok Kun Bawah	Lot 458, Mukim 15, SPT	1,706	1,706	15 Tahun	Kurang Kritikal
		Lot 1676, Mukim 15, SPT	0,292	0	Kritikal	Amat Kritikal
16	Taman Guar Perahu	Lot PT86, Mukim 20, SPT	0,375	1,125	10 Tahun	Kritikal
17	Kg. Pelet	Lot 550, Mukim 3, SPT	0,631	0	-	Amat Kritikal
18	Kg. Baru, Alma	Lot 541, Mukim 15, SPT	0,315	0	-	Amat Kritikal
		Lot 4294, Mukim 15, SPT	0,341	0,635	5 Tahun	Kritikal
		Lot 440, Mukim 14, SPT	0,07	0,13	5 Tahun	Kritikal
19	Bukit Minyak (Kg. Tok Lebai Hashim)	Lot 1323, Mukim 14, SPT	1,429	0	-	Amat Kritikal
20	Kg. Sekolah, Juru	Lot 1064, Mukim 12, SPT	0,45	0,225	5 Tahun	Kritikal
21	Pengkalan Tambang	Lot 211, Mukim 2, SPT	0,087	0,264	5 Tahun	Kritikal
22	Mengkuang, Sg. Lembu	Lot 185, Mukim 19, SPT	0,785	0	-	Amat Kritikal
23	Jalan Tengah Masjid Berapi	Lot 45, Sek.1 Bkt Mertajam	0,289	0	-	Amat Kritikal
24	Bukit Indera Muda	Lot 273, Mukim 3, SPT	0,824	0,824	5 Tahun	Kritikal
		Lot 272, Mukim 3, SPT	0,595	0	-	Amat Kritikal

25	Guar Perahu	Lot 778, Mukim 21, SPT	0,642	0,778	-	Kritikal
26	Kg. Pertama	Lot 1320, Mukim 4, SPT	0,523	0	-	Amat Kritikal
	Masjid Papan	Lot 1318, Mukim 4, SPT	0,458	0	-	Amat Kritikal
27	Kuala Mengkuang	Lot 475, Mukim 20, SPT	0,537	0	-	Amat Kritikal
28	Kubang Ulu	Lot 241, Mukim 20, SPT	1,226	0,9195	10 Tahun	Kritikal
29	Padang Ibu	Lot 642, Mukim 21, SPT	0,226	0,113	5 Tahun	Kritikal
30	Seberang Jaya	Lot 340, Mukim 1, SPT	4,199	3,149	30 Tahun	Kurang Kritikal
31	Masjid Tuan Abdullah	Tiada	Tiada	Tiada	-	Amat Kritikal
32	Tanah Liat	Tiada	Tiada	Tiada	-	Amat Kritikal
33	Jalan Baru	Tiada	Tiada	Tiada	-	Amat Kritikal
34	Kg. Setol, Perai	Tiada	Tiada	Tiada	-	Amat Kritikal
35	Permatang Batu	Tiada	Tiada	Tiada	-	Amat Kritikal
36	Sama Gagah	Tiada	Tiada	Tiada	-	Amat Kritikal
37	Masjid Timah	Tiada	Tiada	Tiada	-	Amat Kritikal
38	Jalan Semilang	Tiada	Tiada	Tiada	-	Amat Kritikal
39	Masjid Al-Mustaqim Sek. Men. Sains	Tiada	Tiada	Tiada	-	Amat Kritikal
40	Bagan Nyiur	Lot 46, Mukim 12, SPT	0,496	0	-	Amat Kritikal
41	Masjid Haji Saad	Lot 133, Sek2.. Bkt Mertajam	1,718	0,859	10 Tahun	Kritikal
42	Kuala Juru	Lot 1224, Mukim 12, SPT	1,856	0,928	10 Tahun	Kritikal
43	Kuala Tasek	Lot 600, Mukim 14, SPT	0,773	0,193	5 Tahun	Kritikal
44	Padang Lalang	Tiada	Tiada	Tiada	-	Amat Kritikal
45	Perai	Tiada	Tiada	Tiada	-	Amat Kritikal
46	Tasek Junjong	Lot 1636, Mukim 16, SPT	0,4085	0	-	Amat Kritikal

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Mengapakah semenjak PR menerajui Kerajaan Negeri masalah banjir kilat sering berlaku termasuk di kawasan taman-taman perumahan. Apakah sebenarnya tumpuan Kerajaan Negeri terhadap rakyat di negeri ini terutama bagi isu-isu penting kerana setiap kali soalan dewan dikemukakan jawapan yang diberikan hanya sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kejadian banjir yang berlaku di Negeri Pulau Pinang tidak bergantung kepada mana-mana kerajaan yang memerintah. Sebaliknya, banjir kilat yang sering berlaku berpunca daripada pelbagai faktor iaitu:-

(i) Taburan hujan yang tinggi dan tidak mampu ditampung oleh sistem saliran sedia ada;

(ii) Pembangunan tanah yang tidak terkawal;

(iii) Sampah sarap yang dibuang oleh orang ramai yang menyebabkan parit, longkang dan sungai tersekat dan tidak dapat berfungsi sepenuhnya; dan

(iv) Runtuhan tebing sungai.

Kejadian banjir kilat yang sering berlaku di kawasan taman perumahan di akhir-akhir ini juga adalah kerana kesan sampingan daripada pembangunan pesat di Pulau Pinang dan di negeri-negeri jiran. Sebagai contoh, pembangunan pesat di kawasan Kulim, Kedah memberi kesan kepada pengaliran air semasa hujan lebat yang mengalir masuk ke dalam sungai-sungai di Negeri Pulau Pinang seperti Sungai Kulim, Sungai Jarak dan Sungai

Junjung. Sistem saliran yang sedia ada sudah tidak mampu lagi menampung tambahan aliran dari kawasan yang dimajukan. Oleh kerana itu, kawasan-kawasan yang dahulunya tidak menghadapi masalah banjir kini turut menghadapi masalah banjir.

Tumpuan Kerajaan Negeri ketika ini adalah untuk mengawal dan mengatasi masalah banjir ini secara jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang. Bagi jangka masa pendek, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan parit mengikut keperluan. Manakala bagi jangka masa panjang, Kaedah Saliran Mesra Alam akan digunakan. Ini termasuklah dengan mengenakan syarat kepada semua projek baru supaya menerima pakai Kaedah Saliran Mesra Alam dalam setiap permohonan merancang agar projek pembangunan yang dibina tidak membebankan sistem saliran pada masa akan datang.

Dengan tindakan yang berterusan adalah tidak benar Kerajaan Negeri mengabaikan keselesaan rakyat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah bentuk program-program belia yang telah dijalankan oleh kerajaan negeri dari Mac 2008 hingga Jun 2009 dan sila nyatakan perbelanjaan bagi setiap program bersama tajuk dan sumber pembiayaannya. Di samping itu berapakah bajet untuk pertubuhan belia bagi 2009/2010 di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pelbagai bentuk program belia telah dilaksanakan semenjak dari peralihan kerajaan hinggalah ke hari ini. Kerajaan negeri menganjurkan pelbagai program untuk belia dan remaja dengan menekankan latihan kepimpinan, aktiviti *"out-door"* aktiviti sukan dan kebudayaan bagi mengisi masa lapang. Antara program yang telah dilaksanakan termasuklah *Skimboarding*, Karnival Belia Pulau Pinang, Liga *paintball* dan pelbagai lagi program yang berjaya menarik penyertaan golongan belia di Pulau Pinang. Senarai lengkap program dari Mac 2008 hingga Jun 2009 seperti Jadual.

Peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan negeri bagi tahun 2009/2010 adalah sebanyak RM150,000.00. Peruntukan yang sama diberikan setiap tahun dan disalurkan secara *outright grant* kepada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (MBNPP). Bantuan pentadbiran sebanyak RM1,000.00 setahun turut diberikan kepada 16 badan gabungan MBNPP. Selain dari itu, Majlis Belia di setiap daerah turut menerima bantuan sebanyak RM600.00 setahun. Semua peruntukan tersebut disalurkan menggunakan peruntukan yang diberikan kepada MBNPP.

JADUAL

PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DIJALANKAN OLEH KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN 2008 DI BAWAH PERUNTUKAN JAWATANKUASA MMK BELIA DAN SUKAN

Bil.	Nama Program Dan Aktiviti	Program Jumlah(RM)
1.	Karnival Belia Pulau Pinang 2008	16,370.00
2.	Malam Belia Dan Komuniti Di Komtar	7,592.55
3.	Karnival Bolasepak Hari Kemerdekaan	4,050.50
4.	Pertandingan Skimboarding Antarabangsa Kali Ke 2 Pulau Pinang 2008	3,654.00
5.	Kempen Belia Anti Jenayah	3,380.00

PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DIJALANKAN OLEH KERAJAAN NEGERI DARI JAN 2009 HINGGA JUN 2009 DI BAWAH PERUNTUKAN JAWATANKUASA MMK BELIA DAN SUKAN

BIL	PERUNTUKAN (RM)	Senarai Program
1	12,000.00	Program Hari Minggu Belia & Komuniti Di Padang Kota Lama
2	3,180.00	Perlumbaan Kereta Kawalan Radio Terbuka Pulau Pinang '09
3	6,000.00	Liga Paintball Pulau Pinang 09
4	10,000.00	PENANG 3rd International Skimboarding Competition 2009
5	6,000.00	LIGA PAINTBALL PULAU PINANG 09 - Siri 2
6	6,000.00	LIGA PAINTBALL PULAU PINANG 09 - Siri 3/4

PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DIJALANKAN OLEH KERAJAAN NEGERI DARI MAC 2008 HINGGA JUN 2009 DI BAWAH PERUNTUKAN MAJLIS BELIA NEGERI

Bil.	Program	Perbelanjaan (RM)
1.	Kem Motivasi Remaja	4,000.00
2.	Klinik Paintball	5,800.00
3.	Lawatan Sambil Belajar Putrajaya	4,150.00
4.	Kem Rekreasi	7,000.00
5.	Kem Jatidiri Majlis Belia Negeri Pulau Pinang	6,000.00

6.	Mini Pameran Sempena Karnival Belia	1,000.00
7.	Mini Pameran Sempena Hari Belia, Peringkat Negeri Pulau Pinang	2,000.00
8.	I'M The Survisor	6,000.00
9.	Telematch Belia & Gaya Hidup Sihat	3,000.00
10.	Kempen Kibar Jalur Gemilang	2,000.00
11.	Konvoi Amal Merdeka Jelajah Malaysia	3,000.00
12.	Program Motivasi Kecemerlangan	2,000.00
13.	Konvensyen Belia MPT	4,500.00
14.	Kejohanan Pertandingan Bowling	2,500.00
15.	Bengkel Pengupayaan Belia	4,100.00
16.	Perkhemahan Belia	4,300.00
17.	Bengkel Akta Pertubuhan Belia	2,000.00
18.	Pertandingan Sukan Paintball MBNPP	4, 500.00
19.	Kem Generasi Penggerak Wawasan	2, 500.00
20.	Sukan Antara Persatuan Belia Peringkat Negeri Pulau Pinang	7, 500.00
21.	Khemah Kerja Generasi Bebas Jenayah	4, 500.00
22.	Kem Motivasi Remaja	4, 470.00
23.	Lawatan Sambil Belajar Putrajaya & Melaka	4, 150.00
24.	Karnival Belia Pulau Pinang	15, 000.00
25.	Persembahan Kesenian & Kebudayaan Belia	2, 000.00
26.	Pameran Belia & Kuiz Belia	3, 800.00

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Setakat ini, apakah bantuan jangka panjang khas untuk ibu tunggal dan bapa yang tinggal sebatang kara yang telah berjaya dibantu dengan pembiayaan Kerajaan Negeri. Sila nyatakan secara terperinci bajet bagi maksud ini dan jumlah orang yang terlibat setakat Jun 2009 dan bajet bagi tahun-tahun berikutnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kerajaan negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai skim yang khusus untuk membantu ibu tunggal dan bapa yang tinggal sebatang kara. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang berkelayakan, Bantuan Am pada kadar RM70.00 hingga RM200.00 sebulan ada disediakan. Bantuan ini adalah untuk jangka masa sementara sahaja sehingga penerima bantuan boleh berdikari dan keluar daripada garis kemiskinan tegar. Kerajaan negeri juga sentiasa berusaha untuk melakukan penambahbaikan dalam membantu golongan yang memerlukan. Oleh itu, bajet khas Kerajaan Negeri dalam membantu ibu tunggal dan bapa yang tinggal sebatang kara boleh dipertimbangkan untuk diadakan sekiranya dirasakan perlu. Selain itu, program-program lain ada disediakan seperti melaksanakan program-program bersesuaian bagi menyediakan mereka kepada peluang pekerjaan, perniagaan dan pertanian. Usaha awal yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah dengan mengadakan Program Anjakan Minda, dan mengadakan taklimat bersama Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).

Golongan ibu tunggal turut diberi peluang untuk menjana ekonomi dengan dirujuk kepada agensi-agensi berkaitan yang boleh memberi bantuan modal untuk memulakan perniagaan secara kecil-kecilan. Setiap usaha perniagaan secara kecil-kecilan dipantau oleh Jabatan

Kebajikan Masyarakat di peringkat daerah bagi memastikan usaha yang dijalankan berjaya. Selain itu, anak-anak dalam keluarga sasaran boleh mendapatkan latihan bersesuaian sekiranya berminat sepertimana yang ditawarkan oleh PSDC ataupun Pusat Giatmara. Melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) juga menyediakan bantuan bagi golongan yang memerlukan ini seperti kemudahan tambang ke tempat kerja. Ada juga di kalangan golongan ibu-ibu tunggal ini yang boleh menyertai latihan-latihan kemahiran yang diadakan oleh KEMAS seperti kelas jahitan, memasak, anyaman kraf tangan dan sebagainya yang juga boleh menjadi sumber pendapatan mereka.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Apakah jenis-jenis tabung bantuan kebajikan dan bantuan perniagaan atau lain-lain dana yang diwujudkan. Sila nyatakan jumlah dana dan tujuan tabung-tabung tersebut diwujudkan dan melalui institusi manakah pembiayaan atau pinjaman itu dibuat. Sila senaraikan maklumat dan senarai penerima bagi setiap tabung yang telah diwujudkan itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Jenis-jenis tabung bantuan kebajikan dan bantuan perniagaan yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut :-

(i) Tabung Bantuan Segera

Kerajaan negeri telah memperuntukkan dana kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKNPP) melalui Tabung Bantuan Segera untuk diagihkan kepada mangsa bencana. Tujuan tabung ini diwujudkan adalah untuk membantu dan meringankan beban mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana seperti ribut dan kebakaran. Melalui tabung ini, peruntukan berjumlah RM30,000.00 telah diagihkan kepada setiap Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah untuk disalurkan kepada mangsa-mangsa bencana. Peruntukan akan disalurkan kepada mangsa setelah laporan diterima dan siasatan dijalankan oleh jabatan. Senarai penerima bantuan bagi tabung ini untuk tahun 2009 adalah seperti di Lampiran 1.

(ii) Bantuan Kewangan Negeri

Kerajaan negeri juga amat prihatin dalam memerangi miskin tegar di negeri ini. Oleh itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan Bantuan Kewangan Negeri kepada golongan miskin tegar mulai Mac 2009 hingga kini. Dana ini diwujudkan bertujuan untuk membantu golongan miskin tegar agar dapat melepasi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang ditetapkan iaitu sebanyak RM500.00 dan seterusnya

memperbaiki taraf kehidupan mereka. Dana yang di kumpul melalui Kumpulan Wang Amanah Kebajikan Pulau Pinang adalah hasil sumbangan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan semua penyumbang adalah secara automatik menjadi akan Anti Kemiskinan (RAK). Jumlah dana yang terkumpul bagi tempoh Mac hingga Jun 2009 adalah berjumlah RM2.15 juta dan sebanyak RM762,510.00 telah diagihkan kepada golongan sasaran pada setiap bulan mengikut keperluan pendapatan isi rumah masing-masing melalui Kumpulan Wang Amanah Kebajikan Pulau Pinang. Senarai penerima bantuan miskin tegar yang telah dikemas kini sehingga Jun 2009 mengikut KADUN adalah seperti di Lampiran 2.

(iii) Tabung Titian Ketidaksamaan Rakyat

Kerajaan negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga telah menubuhkan Skim Mikro Kredit yang dikenali sebagai Tabung Titian Ketidaksamaan Rakyat (TTKR) Negeri Pulau Pinang bagi menggantikan Tabung Modal Pusingan Peniaga dan Penjaja Kecil Negeri Pulau Pinang. Program ini dijalankan secara kerjasama dengan tenaga pakar dari Universiti Sains Malaysia (USM). Tujuan tabung ini ditubuhkan adalah untuk memberi fokus dalam mengurangkan jurang atau ketidaksamaan dengan memberi keutamaan kepada golongan miskin, orang kurang upaya, ibu tunggal termasuk penjaja kecil bagi

membolehkan mereka memulakan dan mengembangkan perniagaan. Secara tidak langsung, penubuhan tabung ini juga dapat membantu Kerajaan Negeri mengurangkan masalah kemiskinan di negeri ini. Peruntukan berjumlah RM3 juta telah disediakan untuk tabung ini iaitu melibatkan peruntukan Kerajaan Negeri sebanyak RM1.5 juta dan peruntukan PDC sebanyak RM1.5 juta. Proses pengeluaran pinjaman bagi tabung ini akan dibuat melalui PDC. Sehingga kini, bantuan pinjaman bagi tabung ini belum lagi disalurkan kepada pemohon yang layak kerana mekanisme pelaksanaannya sedang disediakan. Walau bagaimanapun, pinjaman kepada pemohon yang layak dijangka akan mula diagihkan mulai 1 Oktober 2009 dengan keutamaan kepada pemohon dari kalangan ibu tunggal dan wanita.

LAMPIRAN 1

Senarai Penerima Tabung Bantuan Segera
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang
Bagi Tahun 2009

Bil	Nama Penerima	No. Kad Pengenalan
1	Roslan Bin Hamid	611113-02-5523
2	Cheng Ah Huat	540722-07-5133
3	Dheah You Weng	530813-07-5017
4	Ng Poh Choon	550207-08-5803
5	Goh Tneah Hiang	520817-07-5437
6	Tiu Ah Moi	321105-02-5018
7	Rajaratnam a/l V Muthusamy	500202-24-5575
8	Yuen Kah Hay	640101-07-5261
9	Teh Teik Hor	441219-02-5039
10	Thum Heen Yoong	470108-07-5343
11	Ho Hong Khai	610511-07-5249
12	Ng Keng Thong	730616-07-5137
13	Toong Pak Khing	380424-07-5231
14	Tung Kook Toong	760616-07-5169
15	Leong Kam Hai	580318-07-5285
16	Kuan Kim Hai	400328-07-5157
17	Wong Swee Fong	580702-07-5554
18	Teh Chin Eng	720924-07-5113
19	Tham Heen Keat	490115-07-5227
20	Leong Kam Choo	601130-07-5320
21	Teh Teik Choo	530317-07-5165
22	Chan Huan Beng	680315-07-5675
23	Chew Cheng Huat	540423-07-5037
24	Tan Guat See	480418-07-5380
25	Chew Lam Guan	650527-07-5127
26	Chew Hup Seng	500323-07-5447
27	Carrie Chew Kai Lee	801227-07-5040
28	Choo Yoke Meng	521121-07-5329
29	Yee Teik Guan	300427-07-5007

30	Yeap Ah Hock	590325-07-5071
31	Chow Mow Nooi	470219-07-5290
32	Choong Kee Chong	1669477
33	Ng Wei Mun	770920-07-6130
34	Yoong Siew Lee	471031-07-5234
35	Than Yee Wan	501214-07-5071
36	Sumsudin Bin Mohd Haniff	471231-07-5351
37	Zarol Nizam Bin Talib	750201-07-5723
38	Zabaidah Bt Mohd Haneef	391030-07-4850
39	Rozman Bin Rosli	741014-07-5045
40	Lai Yoon Sun	741207-07-5631
41	Siti @ Siti Zubaidah Bt Ahmad@ Mohamad	320213-07-5018
42	Fatimah Binti Mohammad	600101-07-5802

LAMPIRAN 2

SENARAI PENERIMA BANTUAN KEMISKINAN NEGERI PULAU PINANG SEHINGGA JUN 2009

Bil	Nama Penerima	Kawasan	Daerah
1	Abd Halim B. Ali	Penaga	SPU
2	Abdul Hadi bin Mohd Salleh	Penaga	SPU
3	Abdul Latib B. Ahmad	Penaga	SPU
4	Abdul Rahman B. Said	Penaga	SPU
5	Abu Bakar B. Manaf	Penaga	SPU
6	Ahmad Bin Saman	Penaga	SPU
7	Ali B. Hj Daud	Penaga	SPU
8	Arshad B. Othman	Penaga	SPU
9	Asiah Bt Mt Saman	Penaga	SPU
10	Awang Bin Saad	Penaga	SPU
11	Azizan Bin Ismail	Penaga	SPU
12	Baharudin B. Lateh	Penaga	SPU
13	Bashah Bt Ishak	Penaga	SPU
14	Bedah Bt Musa	Penaga	SPU
15	Chak Bt Din	Penaga	SPU
16	Che Indun Bt Saad	Penaga	SPU
17	Che Roziman B. Che Muda	Penaga	SPU
18	Daud Bin Haron	Penaga	SPU
19	Halijah Bt Chin @ hashim	Penaga	SPU
20	Halijah Bt Saad	Penaga	SPU
21	Hamid B. Lah	Penaga	SPU
22	Ismail Bin Hussain	Penaga	SPU
23	Jamaliah Bt Nayan	Penaga	SPU
24	Jamaludin bin Darus	Penaga	SPU

25	Jamil bin Awang	Penaga	SPU
26	Kamarudin bin Abdullah	Penaga	SPU
27	Mat bin Darus	Penaga	SPU
28	Mazlan bin Ahmad	Penaga	SPU
29	Mazlan bin Hamid	Penaga	SPU
30	Md. Yusub @ Abdullah bin Mehat	Penaga	SPU
31	Mohamed Safberi bin Zainol	Penaga	SPU
32	Mohd Faizal bin Zakaria	Penaga	SPU
33	Mohd Pauzi bin Zakaria	Penaga	SPU
34	Mohd Zaki bin Ibrahim	Penaga	SPU
35	Muhamad bin Saad	Penaga	SPU
36	Muhamad Hilmi bin Abd Azid	Penaga	SPU
37	Noor bt Md isa	Penaga	SPU
38	Nordin bin Shaji	Penaga	SPU
39	Osman bin Ahmad	Penaga	SPU
40	Rahana binti Abdul Jalil	Penaga	SPU
41	Ramlah binti Che Mat	Penaga	SPU
42	Ramli bin Hamid	Penaga	SPU
43	Roslan bin Abd.Rahman	Penaga	SPU
44	Rozaidi bin Ramli	Penaga	SPU

Bil	**Nama Penerima**	**Kawasan**	**Daerah**
45	Sa'ayah binti Md Ali	Penaga	SPU
46	Sezali bin Husain	Penaga	SPU
47	Siti Balkhis binti Aziz	Penaga	SPU
48	Siti Zabedah binti Mohamad Kasim	Penaga	SPU
49	Suhaimi bin Harun	Penaga	SPU
50	Syed Rahim bin Abd. Rahman	Penaga	SPU
51	Thohiroh binti Adnan	Penaga	SPU
52	Yaacob bin Salleh	Penaga	SPU
53	Teh bt Man	Penaga	SPU
54	Yusof bin Abu Bakar	Penaga	SPU
55	Yusof bin Hamid	Penaga	SPU
56	Zulkepeli bin Abdul Rahim	Penaga	SPU
57	Nasir b Abu Bakar	Penaga	SPU
58	Mohd Nasir bin Ahmad Othman	Penaga	SPU
59	Mohd Yunus @ Zakaria bin Mohd Saad	Penaga	SPU
60	Mohd Yusof bin Dahaman	Penaga	SPU
61	Said bin Hassan	Penaga	SPU
62	Tengku Ahmad Shah bin Tengku Mustaffa	Penaga	SPU
63	Che Jam bt Awang	Penaga	SPU

64	Che Sulong b Mat	Penaga	SPU
65	Halijah bt Ismail	Penaga	SPU
66	Mohd Daud b Wahab	Penaga	SPU
67	Abd Halim bin Embi	Bertam	SPU
68	Che Tam binti Dahman	Bertam	SPU
69	Ismail b Ahmad	Bertam	SPU
70	Ishak bin Hashim	Bertam	SPU
71	Rosilawati binti Said	Bertam	SPU
72	Salina binti Saidin	Bertam	SPU
73	Shafie bin Awang	Bertam	SPU
74	Shafie bin Hassan @ Awang	Bertam	SPU
75	Zain bin Kasim	Bertam	SPU
76	Bedoyah binti Din	Bertam	SPU
77	Che Ah binti Hashim	Bertam	SPU
78	Hamzah bin Samah	Bertam	SPU
79	Hasan bin Hamid	Bertam	SPU
80	Hasnah binti Omar	Bertam	SPU
81	Meliah binti Abdul Rahman	Bertam	SPU

Bil	**Nama Penerima**	**Kawasan**	**Daerah**
82	Minah binti Long	Bertam	SPU
83	Romlah @ Norma binti Itam	Bertam	SPU
84	Said bin Chad	Bertam	SPU
85	Abdul Latib bin Ibrahim	Pinang Tunggal	SPU
86	Basah binti Yusof	Pinang Tunggal	SPU
87	Bedah binti Salleh	Pinang Tunggal	SPU
88	Che Lat binti Shaari	Pinang Tunggal	SPU
89	Che Mah binti Abdul Rahman	Pinang Tunggal	SPU
90	Che Siah binti Puteh	Pinang Tunggal	SPU
91	Darus bin Hanapiah	Pinang Tunggal	SPU
92	Fatimah binti Abd Rahman	Pinang Tunggal	SPU
93	Rodiah bt Salleh	Pinang Tunggal	SPU
94	Halimah binti Ismail	Pinang Tunggal	SPU
95	Halimah binti L. Yaacob	Pinang Tunggal	SPU
96	Hashim bin Ibrahim	Pinang Tunggal	SPU
97	Intan binti Abd Razak	Pinang Tunggal	SPU
98	Ishak bin Saad	Pinang Tunggal	SPU
99	Ishak bin Safie	Pinang Tunggal	SPU
100	Ismail bin Darus	Pinang Tunggal	SPU
101	Jariah binti Lazim	Pinang Tunggal	SPU
102	Kamis bin Mat Isa	Pinang Tunggal	SPU

103	Kholijah binti Hasan	Pinang Tunggal	SPU
104	Mah binti Ali	Pinang Tunggal	SPU
105	Raziah bt Yahya	Pinang Tunggal	SPU
106	Manis binti Md Isa	Pinang Tunggal	SPU
107	Mat Habil bin Hasan	Pinang Tunggal	SPU
108	Mohamad Saad bin Yahaya	Pinang Tunggal	SPU
109	Mohamad Tamimi bin Bahari	Pinang Tunggal	SPU
110	Mohd Ali bin Yahaya	Pinang Tunggal	SPU
111	Mohd Nazarudin bin Cheek Saat	Pinang Tunggal	SPU
112	Munah binti Dahaman	Pinang Tunggal	SPU
113	Nazirah binti Husain	Pinang Tunggal	SPU
114	Nin binti Rejab	Pinang Tunggal	SPU
115	Omar bin Bidin	Pinang Tunggal	SPU
116	Ooi Poh Tin	Pinang Tunggal	SPU
117	Pisah binti Yunus	Pinang Tunggal	SPU
118	Puteh binti Mat	Pinang Tunggal	SPU
119	Rabiah binti Ishak	Pinang Tunggal	SPU

Bil	**Nama Penerima**	**Kawasan**	**Daerah**
120	Ramli bin Rashid	Pinang Tunggal	SPU
121	Rashidah binti Saad	Pinang Tunggal	SPU
122	Rokiah binti Harun	Pinang Tunggal	SPU
123	Rosliza binti Md Yusuf	Pinang Tunggal	SPU
124	Saedah binti Senawi	Pinang Tunggal	SPU
125	Saenah binti Shaerin	Pinang Tunggal	SPU
126	Shuhaimi bin Md Zain	Pinang Tunggal	SPU
127	Siti Soleha binti Omar	Pinang Tunggal	SPU
128	Salmah binti Hamid	Pinang Tunggal	SPU
129	Tariah binti Salleh	Pinang Tunggal	SPU
130	Yusni bin Mohd	Pinang Tunggal	SPU
131	Yusoff bin Zainal	Pinang Tunggal	SPU
132	Zaharah binti Ahmad	Pinang Tunggal	SPU
133	Zainab binti Ismail	Pinang Tunggal	SPU
134	Zaliha binti Mat Saman	Pinang Tunggal	SPU
135	Zorina binti Zakaria	Pinang Tunggal	SPU
136	Zuraidah binti Jamaludin	Pinang Tunggal	SPU
137	Ab. Hameed B. Muhammad @ Ahmad	Permatang Berangan	SPU
138	Abdul Razak Bin Razali	Permatang Berangan	SPU
139	Abdul Talib Bin Abas	Permatang Berangan	SPU
140	Abdur Rahim Bin Ismail	Permatang Berangan	SPU
141	Abu Bakar Bin Nok	Permatang Berangan	SPU
142	Abu Osman Bin Kadir	Permatang Berangan	SPU

143	Arshad Bin Omar	Permatang Berangan	SPU
144	Asiah Bt. Ahmad	Permatang Berangan	SPU
145	Asnin Bt. Don	Permatang Berangan	SPU
146	Awang Bin Hj. Enout	Permatang Berangan	SPU
147	Ayob B. Ismail	Permatang Berangan	SPU
148	Budin B. Ismail	Permatang Berangan	SPU
149	Burhan B. Ahmad	Permatang Berangan	SPU
150	Che Kiah Bt. Cheh	Permatang Berangan	SPU
151	Che Lah B. Yahaya	Permatang Berangan	SPU
152	Che Tom Binti Hashim	Permatang Berangan	SPU
153	Chik Bt. Taha	Permatang Berangan	SPU
154	Chik Nin Bt. Ahmad	Permatang Berangan	SPU
155	Gayah Bt. Baharom	Permatang Berangan	SPU

Bil	**Nama Penerima**	**Kawasan**	**Daerah**
156	Halimah Bt. Kadir	Permatang Berangan	SPU
157	Hashim B. Rejab	Permatang Berangan	SPU
158	Hasnah Bt. Shaffie	Permatang Berangan	SPU
159	Hasnah Bt. Sulaiman	Permatang Berangan	SPU
160	Hatijah Bt. Awang	Permatang Berangan	SPU
161	Ishak B. Ibrahim	Permatang Berangan	SPU
162	Ishak B. Othman	Permatang Berangan	SPU
163	Jamaludin B. Ahmad	Permatang Berangan	SPU
164	Janaki A/P Marimuthu	Permatang Berangan	SPU
165	Kaltom Bt. Din	Permatang Berangan	SPU
166	Kamzar B. Tompang	Permatang Berangan	SPU
167	Khalijah Bt. Awang	Permatang Berangan	SPU
168	Mazenah Bt Abdullah	Permatang Berangan	SPU
169	Md Isa Bin Said	Permatang Berangan	SPU
170	Md Saad B. Ayob	Permatang Berangan	SPU
171	Meryam Bt. Ismail	Permatang Berangan	SPU
172	Mohamad Sobri B. Awang	Permatang Berangan	SPU
173	Mohd Ali B. Lazim	Permatang Berangan	SPU
174	Mohd Dzahid B. Mohd Matuza	Permatang Berangan	SPU
175	Mohd Sabari B. Zakaria	Permatang Berangan	SPU
176	Rokayah @ Rokiah Bt. Hashim	Permatang Berangan	SPU
177	Rokiah Bt. Hassan	Permatang Berangan	SPU
179	Rozita Bt. Md Zin	Permatang Berangan	SPU
180	Saad B. Awang	Permatang Berangan	SPU
181	Saadiah Bt. Majied	Permatang Berangan	SPU

182	Saadin B. Hashim	Permatang Berangan	SPU
183	Salleh B. Othman	Permatang Berangan	SPU
184	Saodah B. Abdullah	Permatang Berangan	SPU
185	Shariff B. Hj. Salleh	Permatang Berangan	SPU
186	Shuib B. Ahmad	Permatang Berangan	SPU
187	Siti Adzkah Bt. Baharom	Permatang Berangan	SPU
188	Siti Salmah Bt. Ismail	Permatang Berangan	SPU
189	Timah Bt. Saad	Permatang Berangan	SPU
190	Valiamah A/P Muniandy	Permatang Berangan	SPU
191	Wan Fatimah Bt. Ahmad	Permatang Berangan	SPU
192	Yahaya Bt. Khamis	Permatang Berangan	SPU
193	Yahaya B. Man	Permatang Berangan	SPU

Bil	**Nama Penerima**	**Kawasan**	**Daerah**
194	Yam Bt. Othman	Permatang Berangan	SPU
195	Zainab Bt. Abdullah	Permatang Berangan	SPU
196	Zainal Abidin B. Ayob	Permatang Berangan	SPU
197	Zamanuri B. Ashaari	Permatang Berangan	SPU
198	Zauyah Bt. Abdullah	Permatang Berangan	SPU
199	Abdul Kadir B. Saad	Sungai Dua	SPU
200	Abdul Rahim B. Daud	Sungai Dua	SPU
201	Abdul Samat B. Azizan	Sungai Dua	SPU
202	Abdullah B. Mamud	Sungai Dua	SPU
203	Abu Hassan B. Awang	Sungai Dua	SPU
204	Adenan Bin Harun	Sungai Dua	SPU
205	Ahmad B. Chik	Sungai Dua	SPU
206	Ahmad B. Hashim	Sungai Dua	SPU
207	Ahmad B. Said	Sungai Dua	SPU
208	Aisha Bt Hamid	Sungai Dua	SPU
209	Aishah Bt Ahmad	Sungai Dua	SPU
210	Aishah Bt. Meh @ Ismail	Sungai Dua	SPU
211	Aziyah Bint Hashim	Sungai Dua	SPU
212	Basariah Binti Ahmad	Sungai Dua	SPU
213	Bedah Binti Saad	Sungai Dua	SPU
214	Che Aminah Bt. Salleh	Sungai Dua	SPU
215	Che Bash Bt. Othman	Sungai Dua	SPU
216	Che Dah Bt. Din	Sungai Dua	SPU
217	Che Gayah Bt. Itam	Sungai Dua	SPU
218	Che Su Bt. Ismail	Sungai Dua	SPU
219	Che Tom Binti Yahaya	Sungai Dua	SPU
220	Embon Binti Che Rose	Sungai Dua	SPU

221	Esah Binti Hussin	Sungai Dua	SPU
222	Esah Binti Saad	Sungai Dua	SPU
223	Faridah Binti Hassan	Sungai Dua	SPU
224	Ghaliah Binti Wahab	Sungai Dua	SPU
225	Habsah Binti Shariff	Sungai Dua	SPU
226	Halijah Binti Kasian	Sungai Dua	SPU
227	Halijah Binti Md. Din	Sungai Dua	SPU
228	Halimah Binti Saad	Sungai Dua	SPU
229	Harsah Binti Abd Rahman	Sungai Dua	SPU
230	Hashim Bin Darus	Sungai Dua	SPU

Bil	**Nama Penerima**	**Kawasan**	**Daerah**
231	Zainab Binti Man	Sungai Dua	SPU
232	Hazenah Binti Noordin	Sungai Dua	SPU
233	Ishah Binti Arshad	Sungai Dua	SPU
234	Ishah Binti Majid	Sungai Dua	SPU
235	Ismail Bin Din	Sungai Dua	SPU
236	Ismail Bin Yaakub	Sungai Dua	SPU
237	Jeffry Bin Din	Sungai Dua	SPU
238	Jemaliah Binti Mohamad	Sungai Dua	SPU
239	Kamariah Binti Rejab	Sungai Dua	SPU
240	Khaltom Binti Ariffin	Sungai Dua	SPU
241	Mastura Binti Mohd Jalil	Sungai Dua	SPU
242	Md Dzafir Bin Romli	Sungai Dua	SPU
243	Minah Binti Saad	Sungai Dua	SPU
244	Mohamad Abd. Rapat	Sungai Dua	SPU
245	Mohamad Bin Man	Sungai Dua	SPU
246	Mohamed Bee Binti Md Shariff	Sungai Dua	SPU
247	Mohamed Noor Bin Hamid	Sungai Dua	SPU
248	Mohammad Bin Hashim	Sungai Dua	SPU
249	Mohd Hidzir Bin Arshad	Sungai Dua	SPU
250	Mohd Naser Bin Abdul Rahman	Sungai Dua	SPU
251	Nasarudin Bin Mohd Noor	Sungai Dua	SPU
252	Norli Binti Ahmad	Sungai Dua	SPU
253	Norsheeda Binti Hj Hashim	Sungai Dua	SPU
254	Puteh Bin Isa	Sungai Dua	SPU
255	Puteh Bin Mahmud	Sungai Dua	SPU
256	Puteh Binti Mat	Sungai Dua	SPU
257	Rodziah Binti Rashid	Sungai Dua	SPU
258	Roslan Bin Mohd Salleh	Sungai Dua	SPU
259	Saadiah Binti Hussin	Sungai Dua	SPU

260	Saadiah Binti Mohammad	Sungai Dua	SPU
261	Sabariah Binti Muhamad	Sungai Dua	SPU
262	Said Bin Taib	Sungai Dua	SPU
263	Salasiah Binti Mat Rajab	Sungai Dua	SPU
264	Salmiah Binti Ahmad	Sungai Dua	SPU
265	Saodah Binti Abdul Rahman	Sungai Dua	SPU
266	Sharifah Binti Md Adnan	Sungai Dua	SPU
267	Sofiah Binti Lazim	Sungai Dua	SPU

Bil	**Nama Penerima**	**Kawasan**	**Daerah**
268	Abdullah Bin Majid	Sungai Puyu	SPU
269	Kamarol Zaman Bin Redzuan	Sungai Puyu	SPU
270	Awang B. Mohd Isa	Teluk Air Tawar	SPU
271	Che Dah Bt Daud	Teluk Air Tawar	SPU
272	Che Dah Bt. Din	Teluk Air Tawar	SPU
273	Che Mah Bt. Hamid	Teluk Air Tawar	SPU
274	Che Yam Bt. Husin	Teluk Air Tawar	SPU
275	Che Yam Bt. Yaakob	Teluk Air Tawar	SPU
276	Ishah Bt. Senapiah	Teluk Air Tawar	SPU
277	Ismail B. Rejab	Teluk Air Tawar	SPU
278	Juita Bt. Ahmad	Teluk Air Tawar	SPU
279	Lat Bt. Mohd Saman	Teluk Air Tawar	SPU
280	Mahamad B. Mat Isa	Teluk Air Tawar	SPU
281	Mohd Jasni B. Mohd Noor	Teluk Air Tawar	SPU
282	Rajemah Bt. Saad	Teluk Air Tawar	SPU
283	Selamah Bt. Said	Teluk Air Tawar	SPU
284	Anthony A/L Krishnan	Bagan Dalam	SPU
285	Nagarajan A/L Sundraboss	Bagan Dalam	SPU
286	Ramoo A/L Govindasami	Bagan Dalam	SPU
287	S. Anama A/P Sinnappen	Bagan Dalam	SPU
288	Safii B. Wan	Bagan Dalam	SPU
289	Sivakami A/P Krishnasamy	Bagan Dalam	SPU
290	Siti Binti Ahmad	Bagan Dalam	SPU
291	Ang Sam Mee	Seberang Jaya	SPT
292	Azizah binti Nurulah	Seberang Jaya	SPT
293	Che Mah binti Daud	Seberang Jaya	SPT
294	Goh Yam Goay	Seberang Jaya	SPT
295	Habibah binti Hassan	Seberang Jaya	SPT
296	Halijah binti Abdullah	Seberang Jaya	SPT
297	Maimunah binti Ahmad	Seberang Jaya	SPT
298	Md Zain bin Abdullah	Seberang Jaya	SPT

299	Meriah binti Hashim	Seberang Jaya	SPT
300	Ng Mee Hun	Seberang Jaya	SPT
301	Puteh binti Saud	Seberang Jaya	SPT
302	Rabiah binti Ahmad	Seberang Jaya	SPT
303	Ramli bin Ahmad	Seberang Jaya	SPT
304	Saad bin Abd Kadir	Seberang Jaya	SPT

Bil	**Nama Penerima**	**Kawasan**	**Daerah**
305	Saad bin Bakar	Seberang Jaya	SPT
306	Sarasuati a/p Muniandy	Seberang Jaya	SPT
307	Siti Esah binti Ishak	Seberang Jaya	SPT
308	Siti Meriam binti Hussin	Seberang Jaya	SPT
309	Sulaiman bin Abdullah	Seberang Jaya	SPT
310	Tijah binti Osman	Seberang Jaya	SPT
311	Timah binti Hassim	Seberang Jaya	SPT
312	Tom binti Ahmad	Seberang Jaya	SPT
313	Vijaykumar a/p Pichaimuthu	Seberang Jaya	SPT
314	Yusof bin Ahmad	Seberang Jaya	SPT
315	Yusre bin Yunus	Seberang Jaya	SPT
316	Zaiton binti Abd Hamid	Seberang Jaya	SPT
317	Zamri bin Ibrahim	Seberang Jaya	SPT
318	Yah binti Kariya	Seberang Jaya	SPT
319	Abu Hassan bin Baharom	Permatang Pasir	SPT
320	Asiah binti Zainol	Permatang Pasir	SPT
321	Azizah binti Mahmud	Permatang Pasir	SPT
322	Desa bin Arit	Permatang Pasir	SPT
323	Halijah bt Ishak	Permatang Pasir	SPT
324	Husin bin Hassan	Permatang Pasir	SPT
325	Joriah binti Md Noor	Permatang Pasir	SPT
326	Rahim bin Yusup	Permatang Pasir	SPT
327	Ramlan bin Mohamad Yatim	Permatang Pasir	SPT
328	Razali bin Lebai Chik	Permatang Pasir	SPT
329	Rokiah binti Hussain	Permatang Pasir	SPT
330	Saari bin Mohamed	Permatang Pasir	SPT
331	Salmah binti Awang	Permatang Pasir	SPT
332	Zainab binti Dahaman	Permatang Pasir	SPT
333	Zainol bin Abdullah	Permatang Pasir	SPT
334	Zaiton binti Che Meh	Permatang Pasir	SPT
335	Zakaria binti Saad	Permatang Pasir	SPT
336	Abd Rashid bin Mat	Penanti	SPT
337	Abdul Razak bin Abdul Rani	Penanti	SPT

338	Abdullah bin Ramli	Penanti	SPT
339	Ahmad bin Awang	Penanti	SPT
340	Ahmad bin Japar	Penanti	SPT
341	Ahmad bin Mahmood	Penanti	SPT
342	Ahmad bin Md Noor	Penanti	SPT
343	Aishah binti Awang	Penanti	SPT

Bil	**Nama Penerima**	**Kawasan**	**Daerah**
344	Aminah binti Baharom	Penanti	SPT
345	Asiah binti Harun	Penanti	SPT
346	Azmi bin Muhamad Nor	Penanti	SPT
347	Bedah binti Ebau	Penanti	SPT
348	Che Fatimah bt Awang	Penanti	SPT
349	Che Nah binti Ismail	Penanti	SPT
350	Che Norsiah binti Othman	Penanti	SPT
351	Darus bin Awang	Penanti	SPT
352	Embon binti Bahi @ Bali	Penanti	SPT
353	Hamat bin Cha	Penanti	SPT
354	Harun Yunus	Penanti	SPT
355	Hashim bin Joheh	Penanti	SPT
356	Hasni binti Hassan	Penanti	SPT
357	Jaafar bin Sudin	Penanti	SPT
358	Kelsom binti Razak	Penanti	SPT
359	Khamis bin Osman	Penanti	SPT
360	Lijah @ Khalijah bt Man	Penanti	SPT
361	Lim Choon Yeong	Penanti	SPT
362	Maznah binti Aripin	Penanti	SPT
363	Md Noor bin Othman	Penanti	SPT
364	Mohd Zin bin Man	Penanti	SPT
365	Munah binti Ishak	Penanti	SPT
366	Omar bin Mohd Yusuf	Penanti	SPT
367	Puteh binti Hashim	Penanti	SPT
368	Rohani binti Hashim	Penanti	SPT
369	Saad bin Mah	Penanti	SPT
370	Salleh bin Nanyan	Penanti	SPT
371	Shahidah binti Jaafar	Penanti	SPT
372	Shaodah binti Abd Rahman	Penanti	SPT
373	Siti Fatimah binti Ibrahim	Penanti	SPT
374	Siti Fatimah bt Rejab	Penanti	SPT
375	Siti Zainab binti Salleh	Penanti	SPT
376	Sulaiman bin Yusoff	Penanti	SPT

377	Thome bin Saad	Penanti	SPT
378	Aminah binti Abdullah @ Yap Guak Meo	Berapit	SPT
379	Eng Siew Nyoon	Berapit	SPT
380	Haron bin Awang Kechil	Berapit	SPT
381	Khoo Hong Yoon	Berapit	SPT

Bil	**Nama Penerima**	**Kawasan**	**Daerah**
382	Khoo Lye Hueh	Berapit	SPT
383	Lee Teck Chye	Berapit	SPT
384	Ng Ah Lek	Berapit	SPT
385	Ooi Nya Kam @ Ooi Siew Kim	Berapit	SPT
386	Puspavalle a/p V. Shanmugam	Berapit	SPT
387	Tee Poh Chew	Berapit	SPT
388	Wong Mo Chai @ Voong Siew Yoke	Berapit	SPT
389	Abdullah bin Othman	Machang Bubok	SPT
390	Ahmad bin Long	Machang Bubok	SPT
391	Ahmad bin Seman	Machang Bubok	SPT
392	Che Embon binti Ismail	Machang Bubok	SPT
393	Che Embon binti Yusof	Machang Bubok	SPT
394	Che Norlia binti Man	Machang Bubok	SPT
395	Fatimah binti Hanafiah	Machang Bubok	SPT
396	Hasnah binti Abu Bakar	Machang Bubok	SPT
397	Hasnah binti Muhamad	Machang Bubok	SPT
398	Hassan bin Abdullah	Machang Bubok	SPT
399	Idris bin Ibrahim	Machang Bubok	SPT
400	Leong Yee Meng	Machang Bubok	SPT
401	Saidin Bin Osman	Machang Bubok	SPT
402	Rahman Bt Ahmad	Machang Bubok	SPT
403	Mohd Rosli bin Ishak	Machang Bubok	SPT
404	A. Bakar B Sahahidan	Machang Bubok	SPT
405	Abdul Rahim Bin Nor	Machang Bubok	SPT
406	Phang Hooi Li	Machang Bubok	SPT
407	Pusvernasveran a/l Muniandy	Machang Bubok	SPT
408	Robiah binti Man	Machang Bubok	SPT
409	Rosmah bin Mat Sahah	Machang Bubok	SPT
410	Saadiah binti Kassim	Machang Bubok	SPT
411	Salmah binti Abu Bakar	Machang Bubok	SPT
412	Shaari bin Awang	Machang Bubok	SPT
413	Therese Lam	Machang Bubok	SPT
414	Zainab binti Arshad	Machang Bubok	SPT
415	Zainal bin Othman	Machang Bubok	SPT

416	Fatimah Binti Hasan	Machang Bubok	SPT
417	Ma Kalsom Bt Jaafar	Machang Bubok	SPT
418	Mariyam Bt Hashim	Machang Bubok	SPT
419	Zainon bin Din	Machang Bubok	SPT

Bil	Nama Penerima	Kawasan	Daerah
420	Vali a/p Subramaniam	Perai	SPT
421	Che Nu Binti Bakar	Perai	SPT
422	Danalxmy a/p Dawarajoo	Perai	SPT
423	Thanaletchumy w/p Murugason	Perai	SPT
424	Muniamah a/p Muniandy	Perai	SPT
425	Muniandy a/l Veeranan	Perai	SPT
426	Kanaga a/p Thannimalay	Perai	SPT
427	Salmiah binti Ismail	Perai	SPT
428	Arifin bin Husain	Bukit Tengah	SPT
429	Besah binti Saad	Bukit Tengah	SPT
430	Bonah binti Ali	Bukit Tengah	SPT
431	Che Amah binti Shapiee	Bukit Tengah	SPT
432	Che Gayah binti Abdullah	Bukit Tengah	SPT
433	Che Shoom binti Zakaria	Bukit Tengah	SPT
434	Che Wa binti Awang	Bukit Tengah	SPT
435	Che Siah binti Salleh	Bukit Tengah	SPT
436	Daud bin Ibrahim	Bukit Tengah	SPT
437	Hamedah binti Othman	Bukit Tengah	SPT
438	Hatijah binti Darus	Bukit Tengah	SPT
439	Husin bin Ab. Majid	Bukit Tengah	SPT
440	Ibrahim bin Osman	Bukit Tengah	SPT
441	Ishak bin Jamaludin	Bukit Tengah	SPT
442	Jamiyah binti Samsi	Bukit Tengah	SPT
443	Ropeah binti Mat	Bukit Tengah	SPT
444	Ruku a/p Pitchai Reddy	Bukit Tengah	SPT
445	Samsudin bin Yob	Bukit Tengah	SPT
446	Samugavally a/p Munisamy	Bukit Tengah	SPT
447	Shamsuddin bin Hashim	Bukit Tengah	SPT
448	Siti Normah binti Jainan	Bukit Tengah	SPT
449	Subramaniam a/l Valloo	Bukit Tengah	SPT
450	Wanathai a/p Ramasamy	Bukit Tengah	SPT
451	Abdul Majid Bin Abdullah	Bukit Tengah	SPT
452	Ahmad Bin Sulaiman	Bukit Tengah	SPT
453	Ghe Ton Bt Siron	Bukit Tengah	SPT
454	Siti Hazah Binti Salleh	Bukit Tengah	SPT

455	Suaid Bin Ibrahim	Bukit Tengah	SPT
456	Suppu a/l Murufiah	Bukit Tengah	SPT
457	Zainab Bin Hashim	Bukit Tengah	SPT

Bil	Nama Penerima	Kawasan	Daerah
458	Che Kiah binti Darus	Padang Lalang	SPT
459	Anamalai @ Rani a/p Subarovan	Bukit Tambun	SPS
460	Jaayah bt Idris	Bukit Tambun	SPS
461	Jeevakrishnan a/l Thannimalai	Bukit Tambun	SPS
462	Khatijah bt Ibrahim	Bukit Tambun	SPS
463	Lellangany A/P Anthony	Bukit Tambun	SPS
464	Letchamey A/P Perumal	Bukit Tambun	SPS
465	Mat Tahir bin Md Zain	Bukit Tambun	SPS
466	Nagasiafri a/p Kandaya	Bukit Tambun	SPS
467	Raveabee A/P Hamid	Bukit Tambun	SPS
468	Rusnah bt Yahaya	Bukit Tambun	SPS
469	Salmah Binti Ahmad	Bukit Tambun	SPS
470	Samaugam A/L Ayiahmoo	Bukit Tambun	SPS
471	Subbamma a/p Pakiry	Bukit Tambun	SPS
472	Wan Jah Binti Othman	Bukit Tambun	SPS
473	Sulaimi Bt Nafsir	Bukit Tambun	SPS
474	H'ng Chee Cheek	Bukit Tambun	SPS
475	Abdul Rahman bin Talib	Jawi	SPS
476	Syed Yusoff bin Ahmad	Jawi	SPS
477	Ahmad Sunaibari b Omar	Jawi	SPS
478	Rezal b Ibrahim	Jawi	SPS
479	Rohayah bt Abd. Manaf	Jawi	SPS
480	Abdul Hamid b Saad	Sungai Bakap	SPS
481	Che Su Binti Shafie	Sungai Bakap	SPS
482	Idris Bin Abdullah	Sungai Bakap	SPS
483	Megat bin Saad	Sungai Bakap	SPS
484	Mohamad Bin Musa	Sungai Bakap	SPS
485	Mohamad Shukeri b Abdullah	Sungai Bakap	SPS
486	Mohd Radzi b Othman	Sungai Bakap	SPS
487	Noor Azura bt Ishak	Sungai Bakap	SPS
488	Normah bt Shaari	Sungai Bakap	SPS
489	Norsiah bt che Mat	Sungai Bakap	SPS
490	Shafinas bt Salleh @ Shuib	Sungai Bakap	SPS
491	Arpah bt Abd Rahman	Sungai Bakap	SPS
492	Che Mah bt Mat	Sungai Bakap	SPS
493	Che Piah Jaafar	Sungai Bakap	SPS

494	Chik bt Bidin	Sungai Bakap	SPS
495	Hasiah bt Harun	Sungai Bakap	SPS

Bil	Nama Penerima	Kawasan	Daerah
496	Ismail b Omar	Sungai Bakap	SPS
497	Razali b Sakan	Sungai Bakap	SPS
498	Wan Chek b Doon	Sungai Bakap	SPS
499	Siti Aminah Binti Md Yusof	Sungai Bakap	SPS
500	Abidin b Chat	Sungai Acheh	SPS
501	Halijah b Samat	Sungai Acheh	SPS
502	Mohamad Sabri bin Mat Zali	Sungai Acheh	SPS
503	Noor bin Mat	Sungai Acheh	SPS
504	Razali bin Mat Yassin	Sungai Acheh	SPS
505	Zambri bin Ariffin	Sungai Acheh	SPS
506	Mohd Isa b Mohd Noordin	Sungai Acheh	SPS
507	Mohd Fauzi Bin Sirun	Pantai Jerejak	BD
508	Azizah Bt Md Tahir	Pantai Jerejak	BD
509	Che Munah Bt Md Nan	Pantai Jerejak	BD
510	Ku Mahdi Bin Ku Abdullah	Pantai Jerejak	BD
511	Rozali Bin Abas	Pantai Jerejak	BD
512	Elias Bin Md Nor	Batu Maung	BD
513	Siti Johani Binti Dahari	Batu Maung	BD
514	Puteh Binti Ismail	Batu Maung	BD
515	Repeah Binti Che Rose	Batu Maung	BD
516	Shaari Bin Abd Ghani	Batu Maung	BD
517	Othman Bin Abdullah	Batu Maung	BD
518	Siti Zawiyah Hassan	Batu Maung	BD
519	Abdul Rahman Bin Bakar	Batu Maung	BD
520	Ismail Bin Din	Batu Maung	BD
521	Asa@Aishah Bt Saad	Batu Maung	BD
522	Eshah Bt Othman	Batu Maung	BD
523	Fatimah Binti Sulaiman	Batu Maung	BD
524	Fishah Bt Mohd Arin	Batu Maung	BD
525	Halimah Bt Mohamed	Batu Maung	BD
526	Sahariff Bin Abu	Batu Maung	BD
527	Zulzana Bin Samad	Batu Maung	BD
528	Abdul Rasip Bin Ismail	Bayan Lepas	BD
529	Ismail Bin Bakar	Bayan Lepas	BD
530	Rahmah Binti Talib	Bayan Lepas	BD
531	Shahimi Bin Husin	Bayan Lepas	BD
532	Siti Zaharah Sidek	Bayan Lepas	BD

533	Sulaiman Bin Ishak	Bayan Lepas	BD

Bil	Nama Penerima	Kawasan	Daerah
534	Zainal Bin Abu Bakar	Bayan Lepas	BD
535	Che Ah Binti Din	Bayan Lepas	BD
536	Che Liah Binti Talib	Bayan Lepas	BD
537	Che Man Bin Che Eh	Bayan Lepas	BD
538	Fatimah Binti Saad	Bayan Lepas	BD
539	Mariah Binti Din	Bayan Lepas	BD
540	Shariff Bin Ismail	Bayan Lepas	BD
541	Sulaiman Bin Hashim	Bayan Lepas	BD
542	Yah Binti Che Ya	Bayan Lepas	BD
543	Hamisah bt Lajin	Bayan Lepas	BD
544	Shaharom bin Abd Hamid	Bayan Lepas	BD
545	Mansor bin Mustafa	Bayan Lepas	BD
546	Abd Majid b Abd Latiff	Bayan Lepas	BD
547	Che Din b Maidin	Bayan Lepas	BD
548	Che Soo bt Darus	Bayan Lepas	BD
549	Hussain Idrus	Bayan Lepas	BD
550	Mansor b Chad	Bayan Lepas	BD
551	Masita bt Omar	Bayan Lepas	BD
552	Omar b Ladit	Bayan Lepas	BD
553	Othman b Yahaya	Bayan Lepas	BD
554	Pah bt Che Rus	Bayan Lepas	BD
555	Rahmah bt Lazin	Bayan Lepas	BD
556	Saad b Majid	Bayan Lepas	BD
557	Yusoff b Darus	Bayan Lepas	BD
558	Zainab bt Yunus	Bayan Lepas	BD
559	Anuar bin Che Ros	Pulau Betong	BD
560	Che Dan bin Dahaman	Pulau Betong	BD
561	Che Nah bt Hashim	Pulau Betong	BD
562	Che Puteh Binti Saad	Pulau Betong	BD
563	Che Ros @Rose Bin Shafie	Pulau Betong	BD
564	Chin bin Lajin	Pulau Betong	BD
565	Embon Binti Ariffin	Pulau Betong	BD
566	Esah Binti Omar	Pulau Betong	BD
567	Habibah bt Ali	Pulau Betong	BD
568	Hamiyah Binti Che Mat	Pulau Betong	BD
569	Husin bin Lin	Pulau Betong	BD
570	Ibrahim Bin Darus	Pulau Betong	BD
571	Irmi Khadijah Bt Ali	Pulau Betong	BD

Bil	Nama Penerima	Kawasan	Daerah
572	Isah Binti Ibrahim	Pulau Betong	BD
573	Ishak Bin Ismail	Pulau Betong	BD
574	Jabit bin Dali	Pulau Betong	BD
575	Jamil Bin Md Noor	Pulau Betong	BD
576	Kalimutthu a/l Pithay	Pulau Betong	BD
577	Kasim bin Ahmad	Pulau Betong	BD
578	Man Bin Raeh	Pulau Betong	BD
579	Mat Nor Abu Bakar	Pulau Betong	BD
580	Mat Yusoff bin Ismail	Pulau Betong	BD
581	Milah Binti Yakub	Pulau Betong	BD
582	Norngasitah bt Mat Sharif	Pulau Betong	BD
583	Osman bin Ismail	Pulau Betong	BD
584	Ramlah bt Harun	Pulau Betong	BD
585	Ramli Bin Ahmad	Pulau Betong	BD
586	Ramli Bin Awang	Pulau Betong	BD
587	Razak Bin Omar	Pulau Betong	BD
588	Rosli bin Sharif	Pulau Betong	BD
589	Saiful Nizam Bin Siron	Pulau Betong	BD
590	Samsiah bt Ahmad	Pulau Betong	BD
591	Saripah bt Buden	Pulau Betong	BD
592	Siti Salmah Omar	Pulau Betong	BD
593	Yazid bin Zainol	Pulau Betong	BD
594	Yusof bin Nordin	Pulau Betong	BD
595	Za'aba bin Ramli	Pulau Betong	BD
596	Zainul bin Che Mat	Pulau Betong	BD
597	Abu Hassan Bin Musa	Telok Bahang	BD
598	Ahmad Bin Lidi	Telok Bahang	BD
599	Ahmad Bin Yob	Telok Bahang	BD
600	Asiah Binti Man	Telok Bahang	BD
601	Che Athma Binti Saidin	Telok Bahang	BD
602	Chik Binti Ahmad	Telok Bahang	BD
603	Chik Binti Shaari	Telok Bahang	BD
604	Fatimah Binti Hj Salleh	Telok Bahang	BD
605	Fatimah Binti Ibrahim	Telok Bahang	BD
606	Hadijah Said	Telok Bahang	BD
607	Halisah Binti Salleh	Telok Bahang	BD
608	Hashim Bin Din	Telok Bahang	BD
609	Jamaludin Bin Ab.Rashid	Telok Bahang	BD

Bil	Nama Penerima	Kawasan	Daerah

610	Jamaludin Bin Shafie	Telok Bahang	BD
611	Khajidah Binti Mat	Telok Bahang	BD
612	Liew Kim Sam	Telok Bahang	BD
613	Lin Chin Hoo	Telok Bahang	BD
614	Musa Bin Ahmad	Telok Bahang	BD
615	Noordin Bin Yusof	Telok Bahang	BD
616	Omar Bin Hashim	Telok Bahang	BD
617	Razali Bin Othman	Telok Bahang	BD
618	Rodiah Binti Abdullah	Telok Bahang	BD
619	Salmah Binti Khad	Telok Bahang	BD
620	Salmiah Binti Osman	Telok Bahang	BD
621	Siti Aishah Binti Abdullah	Telok Bahang	BD
622	Siti Aishah Bt Abu Bakar	Telok Bahang	BD
623	Siti Hawa Binti Saad	Telok Bahang	BD
624	Tan Yeok Chu@Tann Beng Luan	Telok Bahang	BD
625	Thor Eik Keow	Telok Bahang	BD
626	Zainab Binti Harun	Telok Bahang	BD
627	Siti Hajar Binti Din	Tanjung Bungah	TL
628	Khalijah Binti Din	Tanjung Bungah	TL
629	Pawanteh Bin Din	Pulau Tikus	TL
630	Mrgadevie A/L Varathan	Komtar	TL
631	Ariffin Bin Mohammed Alias	Datok Keramat	TL
632	Kamarudin Bin Naina Mohd	Datok Keramat	TL
633	Asabi bt Bakar	Sungai Pinang	TL
634	Fathma Bee bt Mydin	Air Itam	TL
635	Jameelah bt Abdul Haq	Air Itam	TL
636	Pah bt Darus	Air Itam	TL
637	Zairiah Bt Daud	Air Itam	TL
638	Che Kechik bt Ibrahim	Batu Uban	TL
639	Halimah bt Yunus	Batu Uban	TL
640	Hatijah bt Mat Amin	Batu Uban	TL
641	Ibrahim bin Bapoo	Batu Uban	TL
642	Khalijah Bt Abdul Jamil	Batu Uban	TL
643	Khaw Saw See	Batu Uban	TL
644	Papar a/p Veerapan	Batu Uban	TL
645	Sabariah bt Mohmed	Batu Uban	TL
646	Siti Hajar Bt Husshian	Batu Uban	TL
647	Sofiah bt Md Zain	Batu Uban	TL
648	Amutha a/p Kanapathi	Seri Delima	TL
649	Che Norimah bt Ibrahim	Seri Delima	TL
650	Samsudin b. Abdul Majid	Seri Delima	TL
651	Zam Zam Binti Puteh	Seri Delima	TL

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kenapakah borang 'penghargaan warga emas' tidak dihantar ke pusat khidmat ADUN pembangkang atau dipermudahkan agar semua ADUN boleh mengambil borang tersebut dari Pejabat SUK. Sila nyatakan berapa banyakkah borang tersebut telah dikeluarkan dan diterima mengikut kawasan dan DUN sehingga Jun 2009 dan jenis pemberian kepada mereka.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan negeri telah mengadakan satu majlis rasmi pada 1 Mei 2009 bagi mengedarkan Borang Penghargaan Warga Emas. Majlis ini telah melibatkan semua ADUN termasuklah pembangkang memandangkan borang ini diserahkan sendiri oleh Y.A.B Ketua Menteri pada hari berkenaan. Namun bagi ADUN-ADUN yang memerlukan borang tambahan atau tidak dapat hadir adalah diminta untuk menghubungi secara terus pejabat Pengerusi Jawatankuasa MMK Kesihatan, Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar yang terletak di Tingkat 53, KOMTAR. Pengedaran borang ini telah dipersetujui agar tidak dihantar ke pusat khidmat ADUN ataupun ditempatkan di Pejabat Setiausaha Kerajaan (PSUK) sebagai langkah-langkah pengawalan dan pemantauan. Sehingga kini hampir 100,000 salinan borang telah berjaya diedarkan. Setiap kawasan dianggarkan mendapat lebih kurang 2,000 salinan dan akan diagihkan kepada mereka yang berkelayakan. Walau bagaimanapun, segala bentuk bantuan akan diputuskan oleh Kerajaan Negeri selepas tamat tempoh pendaftaran warga emas ini iaitu pada 8 Mac 2010.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Apakah tindakan dan kedudukan terkini Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Permatang Rawa, Kampung Pertama, Taman Siakap, Padang Lalang, Kampung Belah Dua dan lain-lain dan sejauh manakah keberkesanan dan pencapaian *conservation projects* di Sungai Juru dan kedudukan pelaksanaan rancangan tebatan banjir yang telah lama dijanjikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Tindakan secara berterusan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi menangani masalah banjir di Pulau Pinang. Bagi kawasan Kampung Pertama dan Kampung Belah Dua, tender untuk menaik taraf Sungai Pertama telah pun dipanggil dan pada masa ini berada dalam peringkat penilaian tender. Pelaksanaan projek akan dapat dimulakan pada tahun 2009.

Bagi kawasan Taman Siakap pula, kerja-kerja menaik taraf sistem saliran sedang dijalankan di bawah Projek Membaik Pulih Sungai Perai secara menyeluruh di mana untuk Projek Fasa I, kerja-kerja menaik taraf hanyalah melibatkan kerja pembinaan pintu air automatik dan pam sementara. Pada tahun 2009, sebanyak sembilan (9) buah pam telah dipasang dan 13 buah pintu air telah dinaiktarafkan. Projek Fasa I telah siap sepenuhnya pada Julai 2009. Pemantauan yang telah dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menunjukkan ianya memberi impak positif dalam mengurangkan kejadian banjir. Sebagai contoh, hujan lebat yang berlaku di kawasan Seberang Jaya pada 11 dan 12 Julai 2009 tidak mengakibatkan kejadian banjir dengan adanya sistem pam yang sudah mula beroperasi. Bagi kawasan Permatang Rawa dan kawasan tadahan Sungai Juru, Kerajaan Negeri menunggu pelaksanaan projek pemulihan Sungai Juru secara menyeluruh yang dipohon peruntukan dalam RMKe-10 daripada Kerajaan Persekutuan sebanyak RM150 juta. Pada masa ini reka bentuk bagi projek tersebut telah siap.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Apakah masih wujud Jawatankuasa Pembangunan Tinggi (*Highland Development Committee*) dan apakah inisiatif diambil Kerajaan Negeri bagi meneroka stok batu dan tanah merah negeri ini sebagai penyediaan agar aktiviti kuari untuk keperluan pembangunan dalam negeri ini mencukupi asalkan ianya mematuhi *Penang Quarry Rules* yang mungkin dalam proses digazetkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Jawatankuasa Pembangunan Tinggi (*Highland Development Committee*) masih lagi wujud dan dikenali sebagai Jawatankuasa Pengurusan Pembangunan Tanah Berisiko. Jawatankuasa ini diterajui oleh Y.B. Lim Hock Seng, Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom), Pengangkutan (Udara, Laut dan Kereta api) yang bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa ini. Urus setia Jawatankuasa ini ialah Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang perancangan untuk meneroka stok batu dan tanah merah di negeri ini sebagai persediaan untuk keperluan pembangunan negeri pada masa hadapan memandangkan tanah-tanah yang terlibat adalah lot-lot tanah persendirian.

Pentadbiran tanah telah pun menyediakan draf *Penang Quarry Rules,* di mana draf tersebut masih di peringkat penelitian oleh jawatankuasa sebelum ia diterima pakai oleh Kerajaan Negeri. Peraturan tersebut diperkenalkan bertujuan mengawal selia aktiviti kuari supaya industri tersebut berjalan secara mampan dan tidak menimbulkan masalah ke atas alam sekitar.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan kedudukan kewangan MPPP/MPSP mencukupi dan adakah terdapat sumber-sumber lain yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri supaya MPPP/MPSP mempunyai sumber kewangan yang kukuh tanpa membebankan rakyat baik dari segi kewangan atau rakyat terpaksa mengorbankan keselesaan yang sedang mereka kecapi selama ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Sebagai usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan kedudukan kewangan yang kukuh di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan, pihak Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif bersama dengan MPSP untuk merunding kadar bayaran bagi pelupusan sisa pepejal di Ampang Jajar dan Pulau Burung. Berdasarkan rundingan yang dilakukan bersama dengan pihak Idaman Bersih Sdn. Bhd., iaitu kontraktor semasa yang menguruskan pengurusan sisa pepejal berkenaan, pihak Kerajaan Negeri telah berjaya mengurangkan bayaran *fee* bagi pengurusan sisa pepejal di Ampang Jajar dari RM38.00 per tan kepada RM21.00 per tan berkuat kuasa 1 Januari 2009. Di samping itu, bagi pelupusan sisa pepejal di Pulau Burung kos yang dipersetujui adalah sebanyak RM17.00 per tan tanpa membezakan jenis sisa pepejal industri dan domestik berbanding RM27.00 per tan untuk sisa pepejal domestik dan RM32.00 per tan untuk sisa pepejal industri sebelum ini dan ianya akan berkuat kuasa mulai 1 September 2009. Langkah ini telah berjaya menjimatkan MPSP yang dianggarkan sebanyak RM29 juta bagi tempoh tiga tahun kontrak tersebut ditandatangani serta RM4 juta kepada MPPP. Pengurangan bayaran ini sudah semestinya dapat membantu memperbaiki kedudukan kewangan MPSP khasnya.

Di samping itu, pihak Kerajaan Negeri juga sedang berusaha untuk menguruskan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai pinjaman bangunan Ibu Pejabat MPSP di bandar PERDA yang ketika ini dicagarkan kepada Bank muamalat. Pinjaman ini masih berbaki sebanyak RM40.1 juta bagi tempoh bayaran balik selama 9 tahun.

Pihak Kerajaan Negeri juga sedang dan masih meneruskan usaha untuk mendapatkan punca-punca pendapatan baru bagi MPSP termasuk cadangan mengenakan bayaran peningkatan nilai taraf (*enhancement fees*) bagi kelulusan *rezoning*, bayaran pemajuan (*density development charge*) dan lain-lain bayaran yang bersesuaian sebagaimana yang dikenakan oleh MPPP. Kesemua langkah-langkah ini dijangka boleh membantu bagi memperbaiki kewangan MPSP khasnya.

Di samping langkah-langkah tambahan yang dinyatakan di atas, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MPPP dan MPSP juga telah mengambil pelbagai langkah sebagai usaha

untuk memastikan kedudukan kewangan yang mencukupi. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah:-

(i) Mengawal kos pentadbiran dan kos operasi;

(ii) kursus dibuat di peringkat dalaman sahaja;

(iii) mengamalkan perbelanjaan berhemah;

(iv) memohon peruntukan pembangunan dan infrastruktur daripada Kerajaan Negeri dan persekutuan;

(v) mempergiatkan usaha-usaha mengurangkan/mengutip kembali tunggakan cukai kadaran dan tunggakan sewa;

(vi) menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja untuk mencari sumber hasil yang baru;

(vii) penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Kilang-kilang Tanpa Kebenaran/ lesen;

(viii) penubuhan Jawatankuasa Pemantauan Tunggakan Hasil MPSP;

(ix) melantik panel peguam bagi membawa kes-kes pemilik tegar ke mahkamah (kutipan tunggakan cukai kadaran);

(x) memohon bantuan / pinjaman dari Kerajaan Negeri dan persekutuan; dan

(xi) menstrukturkan semula pembiayaan pinjaman Ibu Pejabat MPSP.

Melalui langkah-langkah yang telah dinyatakan di atas yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan adalah dijangkakan bahawa kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan ini akan mempunyai sumber kewangan yang lebih kukuh dan tidak akan membebankan rakyat di dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat berterusan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Setakat manakah keputusan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengenai pengurusan pepejal di negeri ini dan setakat manakah tercapai sasaran 30 peratus kitar semula oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menjelang 2015. Apakah keputusan dan pencapaian mengenai *Material Recovery Facility* (MRF) sehingga Jun 2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menetapkan 30 peratus kitar semula menjelang 2015. Kitar semula yang dicapai Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dalam tahun 2007 adalah 14.85 peratus dan 2008 adalah 4.53 peratus, manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah mencapai 20.82 peratus kadar kitar semula dalam tahun 2008 dan dijangka menghampiri sasaran 30 peratus menjelang tahun 2015. Kitar semula juga bergantung kepada faktor-faktor minat orang awam.

Bahan kitar semula juga terletak kepada harga pasaran dan keadaan ini mempengaruhi *environment* kitar semula. Dalam tahun 2007, bahan kitar semula telah turun sebanyak 70 peratus dan ini telah mempengaruhi program dan minat orang awam kepada program kitar semula.

Program-program kitar semula yang sedang dan akan dijalankan oleh MPPP adalah seperti berikut:-

(a) Program kutipan komputer terpakai *(E-waste)* bersama Dell Asia Pacific, Sunshine Group (Sunshin Departmental Store), *Penang Environment Working Group*

(PEWOG), *IRM Industries* dan Kerajaan Negeri. Program ini telah diperluaskan kawasan kutipannya kepada 13 pusat kutipan di seluruh pulau;

(b) Memperkenalkan program Bank Kitar Semula ke sekolah-sekolah rendah;

(c) Menganjurkan ceramah kesedaran kitar semula kepada institusi-institusi yang memohon kerjasama;

(d) Mengkaji semula program kitar semula dan membuat formulasi strategi baru untuk tahun 2010;

(e) Mengendalikan kutipan *E-waste* di Stor MPPP, Jalan Kampung Jawa Baru, Jalan Oldham dan Dewan Bandaran; dan

(f) Program kempen berterusan melalui kaedah ceramah, pameran, pameran di karnival dan latihan kepada sekolah-sekolah, pusat-pusat pengajian, sektor swasta dan sektor awam.

Kerajaan Persekutuan telah melantik Idaman Bersih Sdn. Bhd. sebagai *concessionaire* untuk membina dua (2) unit *Material Recovery Facility* (MRF), satu di Jelutong dan satu lagi di Pulau Burung. Ketua Pengarah Jabatan Sisa Pepejal Negara dan pegawai-pegawai kanan daripada KPKT akan berunding dengan Kerajaan Negeri mengenai hal tanah untuk MRF dalam masa terdekat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Bolehkah Kerajaan Negeri menyegerakan pembesaran jalan dari simpang Jalan Todak berdekatan Hotel Sunway ke simpang Jalan Tenggiri dekat pusat penjaja Jalan Tenggiri menjadi 4 laluan - 2 laluan setiap hala dan diadakan laluan Pedestrian Mall yang indah dan berbumbung di tepi kedua-dua jalan yang akan diperbesarkan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Setakat ini MPSP belum bercadang untuk memperbesarkan jalan dari simpang Jalan Todak berdekatan Hotel Sunway ke simpang Jalan Tenggiri. Kesesakan lalu lintas yang berlaku di jalan tersebut masih boleh dikawal. Walau bagaimanapun MPSP akan menimbang semula cadangan pembesaran jalan tersebut berasaskan keperluan sebenar dan kedudukan kewangan MPSP di masa hadapan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Ada keluhan orang ramai yang merungut bahawa kelulusan untuk pengeluaran geran tanah dan hak milik rumah khususnya bagi proses jual beli yang telah selesai bayarannya lambat memperolehi kelulusan dan pengeluaran hak milik. Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh membantu mempercepatkan proses ini dan apakah amalan tempoh bagi mendapatkan kelulusan seumpama ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Terdapat dua kategori pendaftaran hak milik yang melibatkan proses jual-beli hartanah seperti berikut:-

(a) Bagi pembangunan projek oleh pemaju swasta dan agensi kerajaan seperti PERDA, UDA dan PDC - suratan hak milik telah tersedia apabila perjanjian jual-beli ditandatangani di antara pemaju dengan pembeli. Pendaftaran nama pembeli sebagai pemilik berdaftar tidak mengambil masa yang lama, yang biasanya diuruskan oleh pihak peguam. Tanah-tanah ini biasanya dicagarkan kepada bank

dan apabila bayaran balik pinjaman kepada bank diselesaikan, urusan melepaskan

gadaian oleh pihak bank akan dibuat. Selepas itu hak milik asal akan dikembalikan kepada peminjam. Proses ini juga tidak mengambil masa yang lama.

(b) Projek perumahan oleh Kerajaan Negeri selalunya berkaitan dengan projek rumah kos rendah. Perjanjian yang dibuat di antara Kerajaan Negeri dengan pembeli adalah lebih kepada bentuk perjanjian sewa beli. Pada masa perjanjian ditandatangani, suratan hak milik bagi rumah-rumah berkenaan belum lagi wujud, atau kalau pun hak milik telah wujud ianya didaftarkan atas nama Setiausaha Kerajaan Negeri. Umum mengetahui bahawa perjanjian sewa beli melibatkan tempoh masa yang panjang, iaitu 25 tahun atau 30 tahun. Di dalam tempoh tersebut telah berlaku beberapa perkara yang berkaitan dengan pemilik seperti kematian, atau pemilik asal telah melepaskan haknya kepada pihak lain. Wujudnya keadaan-keadaan seperti ini menyumbang kepada kelewatan, malah menyukarkan pengeluaran hak milik. Bila wujud keadaan seperti ini, tentunya memerlukan masa untuk menyemak semula dokumen asal dan mengadakan *enquir*y dengan semua pihak yang terlibat. Proses seperti ini menjadi lebih panjang sekiranya mereka yang menerima tawaran asal telah menjual rumah berkenaan kepada orang lain. Adalah sukar bagi kerajaan menetapkan suatu tempoh bagi menyelesaikan masalah seperti ini memandangkan setiap kes mempunyai latar belakang dan komplikasi yang berbeza-beza.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Adakah benar berlaku kepincangan dan salah guna kuasa dalam pengambilan tanah untuk pembesaran Empangan Mengkuang dan adakah benar berlaku penyelewengan di dalam pindah milik dan pembayaran pampasan kepada pemilik yang sebenar yang sepatutnya berhak menerimanya bagi tanah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Perkara ini masih dalam proses siasatan dan salah seorang pegawai kanan kerajaan yang tidak dapat memberikan jawapan mengapa bayaran pampasan diberikan terdahulu kepada pihak tertentu dan bukan kepada pemilik tanah lain telah pun dipindah keluar daripada pejabat Pentadbir Tanah, Seberang Perai Tengah. Sungguhpun semua pihak berhak menerimanya, soal pokok ialah mengapa pihak tertentu menerimanya lebih awal daripada yang lain.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Apakah dasar Kerajaan Negeri mengenai penggunaan Bahasa Malaysia di papan tanda, sepanduk/banner dan lain-lain. Setakat manakah Kerajaan Negeri akan mempromosikan konsep 1 MALAYSIA di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kerajaan negeri sentiasa memastikan agar penggunaan Bahasa Malaysia diberi keutamaan di papan tanda, sepanduk/banner semasa memproses permohonan yang dikemukakan bagi mendapatkan lesen sebelum konsep 1 Malaysia dilaksanakan. Keutamaan penggunaan Bahasa Malaysia telah diperuntukkan dalam perundangan di Undang-undang Kecil (Iklan), MPPP 2000 yang diguna pakai oleh kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (MPPP & MPSP) yang telah diwartakan dan diterima Kerajaan Negeri juga menggunakan garis panduan yang ditetapkan Kerajaan Pusat dalam pemasangan papan-papan tanda lalu lintas. Keutamaan diberikan kepada penggunaan Bahasa Malaysia untuk semua jenis papan tanda lalu lintas.

Bagi dalam kawasan warisan, Kerajaan Negeri telah menyediakan tanda dewi bahasa di papan nama jalan yang juga memberi keutamaan kepada penggunaan Bahasa Malaysia. Kerajaan negeri menerima baik, menyokong dan sedang mempromosikan konsep 1 Malaysia di Negeri Pulau Pinang kerana mempercayakan konsep ini boleh menyatupadukan rakyat.

Papan tanda jalan dalam pelbagai bahasa utama negara ini selaras dengan konsep 1 Malaysia. Langkah Kerajaan Negeri ini memperkukuhkan jaminan bahawa kerajaan akan sentiasa memperjuangkan kepentingan dan hak semua golongan supaya tidak ada kaum yang akan berasa terpinggir. Dalam aspek ini, Kerajaan Negeri melibatkan semua golongan dalam program pembangunan. Semua bangsa dan kaum akan diberi peluang yang mencukupi untuk memajukan diri dalam semua bidang; politik, sosial dan ekonomi masing-masing.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Adakah ada agenda tersirat Y.A.B. Ketua Menteri mengenai *Penang International City* dan *The Greatest Penang*. Apakah dasar perumahan mampu milik di kawasan bandar seperti George Town, Bayan Baru, Ayer Itam, Tanjung Bungah, Batu Feringhi, Seberang Jaya dan lain-lain. Nyatakan peranan PDC, Perumahan Negeri dan pihak swasta mengenai perkara ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Hasrat Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang berkaitan *Penang International City* (tidak ada ungkapan *The Greatest Penang* digunakan) adalah untuk membangunkan Negeri Pulau Pinang agar setaraf dengan bandar-bandar antarabangsa yang lain. Hasrat ini melibatkan penerapan konsep *liveable city* iaitu penekanan diberi ke atas aspek keselamatan, kekuatan ekonomi, pembangunan infrastruktur, pengukuhan jaringan pengangkutan, penyediaan perkhidmatan perubatan moden, menaik taraf sistem pendidikan dan pengamalan budaya yang tinggi. Bagi menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri contoh dan model pembangunan baru serta berpendapatan tinggi yang berteraskan inovasi dan pengetahuan kepada negeri-negeri lain di Malaysia. Penekanan harus diberikan kepada lapan (8) aspek utama di dalam menjayakan aspirasi Negeri Pulau Pinang untuk menjadi negeri bertaraf antarabangsa iaitu:-

(a) membangunkan negeri yang berteraskan urus tadbir CAT iaitu Cekap, Akauntabiliti dan Telus;

(b) mewujudkan sistem pendidikan dan pembelajaran yang baik serta memberi penekanan terhadap pengetahuan komputer dan teknologi maklumat;

(c) mewujudkan masyarakat yang memiliki tiga (3) rangkaian perubahan iaitu perubahan politik, perubahan ekonomi dan perubahan etika;

(d) menggalakkan inovasi, kreativiti, penyelidikan dan pembangunan dengan memberi penekanan terhadap pemikiran baru dan berlainan;

(e) mewujudkan penanda aras bertaraf antarabangsa kepada pembangunan yang mampan di mana semua sumber yang digunakan pada masa ini masih boleh digunakan pada masa hadapan;

(f) menjana sumber modal insan yang menjadi khazanah paling berharga dengan melabur di dalam pembangunan modal insan dan kursus-kursus yang diperlukan;

(g) menjana pentadbiran Kerajaan Negeri yang efisien dengan kualiti kerja yang lebih baik, kos dikurangkan dan berorientasikan hasil *(outcome based)* agar apa yang diusahakan berbaloi *(value for money)*; dan

(h) menggalakkan kerjasama bijak *(smart partnership)* di antara orang awam dan pihak swasta bagi mewujudkan situasi menang-menang di mana orang awam diberi keutamaan tanpa mengabaikan keuntungan pihak swasta.

Di dalam usaha Kerajaan Negeri memacu pembangunan negeri, tanggungjawab menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat tidak disisih. Kerajaan negeri sentiasa berusaha memastikan stok perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah mencukupi untuk rakyat. Kerajaan negeri juga memberi perhatian kepada penyediaan perumahan

yang lebih baik kepada penduduk-penduduk setinggan. Di Daerah Timur Laut, dasar perumahan Kerajaan Negeri adalah membina rumah-rumah kos sederhana rendah untuk golongan berpendapatan antara RM2,500.00 hingga RM3,500.00. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Bahagian Perumahan berperanan memastikan agar dasar ini dilaksanakan sebaik mungkin. Selain itu, Kerajaan Negeri juga mempraktikkan dasar perumahan mampu milik dengan mengenakan syarat penyediaan perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah kepada para pemaju iaitu:-

(a) Sumbangan kuota bagi pembinaan rumah kos rendah ditetapkan pada kadar minimum 30 peratus tambahan kepada jumlah unit yang dibenarkan. Kuota ini terpakai kepada pembangunan perumahan yang melebihi 150 unit bagi projek di luar kawasan pembangunan atau 100 unit bagi projek di dalam kawasan pembangunan;

(b) Pemaju diberi pilihan melaksanakan 40 hingga 60 peratus rumah kos sederhana rendah menggantikan 30 peratus rumah kos rendah bagi Daerah Timur Laut dengan harga RM58,500 hingga RM75,000; dan

(c) Bagi menggalakkan pembinaan rumah-rumah yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan rakyat, insentif dan piawaian perancangan telah digariskan untuk pengurangan kos serta penggunaan tanah yang berkesan. Antara insentif tersebut ialah ketumpatan unit dinaikkan kepada maksimum 120 unit seekar. Ketumpatan ini termasuk unit-unit kedai yang hanya dibenarkan di tingkat bawah sahaja.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Apakah polisi baru yang diperkenalkan oleh Pengerusi Lembaga Tender PBA, PDC dan lain-lain. Sekarang ini berbeza dengan amalan yang sebelumnya kerana ada dakwaan yang menyatakan, amalan sekarang adalah mengemukakan tender dan kemudian berunding secara “senyap” dengan kontraktor pilihan merupakan suatu dasar baru yang diperkenalkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. PBA, PDC dan lain-lain agensi negeri mengamalkan proses tender terbuka dan keputusan tender dibuat dan diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa Tender PBAPP berdasarkan pematuhan kepada spesifikasi tender, pengalaman kerja dan keupayaan kewangan kontraktor serta harga yang ditawarkan.

Oleh itu, tidak ada sebarang amalan berunding secara “senyap” diamalkan oleh PBAPP yang merupakan fitnah jahat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kontraktor manakah yang berjaya dalam tender kerja tanah PDC dalam lingkungan 500 ekar di Batu Kawan yang difahamkan diluluskan pada awal bulan Julai 2009 lalu. Adakah ada apa-apa unsur ancaman atau ugutan atau ketidaktelusan dalam penawaran tender ini kepada syarikat tertentu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Tender kerja tanah PDC seluas 500 ekar iaitu Cadangan Kerja Tanah Dan Lain-Lain Kerja Yang Bersangkutan Dengannya Di Taman Perindustrian Batu Kawan (Barat), Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang adalah salah satu daripada projek-projek PDC yang dikendalikan oleh anak syarikat PDC, PDC Consultancy Sdn Bhd, sebagai perunding projek. Tender ini telah melalui proses tender terbuka dan pada 8 Jun 2009, Lembaga Tawaran PDC telah memutuskan untuk menawarkan kerja tersebut kepada ECK Construction Sdn. Bhd.

Lanjutan itu, keputusan tawaran ini telah disiarkan dalam laman web PDC selama dua (2) minggu untuk tujuan bantahan. Dalam tempoh tersebut tiada sebarang bantahan diterima. Tiada sebarang ancaman, ugutan atau ketidaktelusan dalam penawaran tender tersebut.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (Y.B. Datuk Arif Shah Bin Haji Omar Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Berapakah peningkatan kedatangan pelancong ke negeri ini dan adakah benar bahawa Bahagian Pelancongan PDC telah dibubarkan dan diambil alih oleh sebuah syarikat. Jika benar apakah justifikasinya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Buat masa ini, maklumat tersebut tidak dapat diberikan lagi oleh kerana faktor-faktor luar kawalan seperti wabak influenza H1NI dan kemelesetan ekonomi dunia yang telah mempengaruhi dan menjejaskan kemasukan pelancong asing ke Negeri Pulau Pinang. Adalah dijangkakan bahawa jumlah kemasukan pelancong ke Pulau Pinang dijangka akan menurun sedikit pada tahun ini selaras dengan penurunan sasaran kemasukan pelancong ke Malaysia oleh *Tourism Malaysia* iaitu dari 22 juta kepada 19 juta.

Walau bagaimanapun, dengan adanya penerbangan terus sekarang dari Singapura dan Chennai yang akan bermula pada bulan November tahun ini, ia dijangka akan membantu meningkatkan jumlah kemasukan pelancong ke negeri ini pada tahun ini.

Adalah benar bahawa Bahagian Pelancongan PDC telah dibubarkan. Penang Global Tourism Sdn. Bhd, iaitu sebuah anak syarikat PDC telah ditubuhkan bagi menjalankan aktiviti-aktiviti perancangan dan promosi pelancongan Negeri Pulau Pinang. Memandangkan sektor pelancongan adalah merupakan saluran kedua terbesar di Pulau Pinang bagi kemasukan mata wang asing selepas sektor perkilangan *(manufacturing)*, maka perhatian yang lebih diberikan kepada industri pelancongan. Penubuhan Penang Global Tourism Sdn. Bhd. adalah sebagai sebuah jentera untuk melaksanakan dan menggerakkan sektor pelancongan Pulau Pinang ke arah yang lebih dinamik dan lebih fokus.

VI. Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila nyatakan, memandangkan fakta bahawa terdapatnya keretakan tanah di jalan raya bersebelahan Gurney Park, sama ada langkah-langkah yang perlu telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan keselamatan pembangunan projek-projek yang telah diluluskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerja pembinaan bagi projek ini adalah dijalankan berdasarkan kepada pelan-pelan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri. Projek bersebelahan Gurney Park melibatkan pengorekan untuk binaan *basemen* yang menjadi punca pemendapan/keretakan tanah di jalan dalaman (*compound internal road*), Gurney Park. Sehubungan itu, pemaju dan jurutera perunding yang terlibat dengan cadangan pemajuan yang melibatkan pengorekan basemen akan diminta supaya mengemukakan laporan pemantauan (*geotechnical instrumentation and monitoring*) setiap dua minggu sekali kepada Kerajaan Negeri. Ini bagi memastikan pemaju dan jurutera perunding sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga semasa kerja pengorekan basemen dibuat. Pemaju dikehendaki melantik jurutera geoteknikal bertauliah dan pemeriksa bebas (*independent checker*). Jurutera geoteknikal adalah dikehendaki mengawal selia kerja-kerja pengorekan dan pemeriksa bebas bertanggungjawab untuk mengkaji dan mengesahkan reka bentuk kerja-kerja *basemen*.

Kerajaan negeri telah mengeluarkan Arahan Berhenti Kerja kepada pihak pemaju berkenaan dan pemaju sedang mengambil langkah-langkah mitigasi dan membaik pulih kawasan tersebut.

Pegawai-pegawai kerajaan turut membuat rondaan 24 jam sehari serta memantau perkembangan kerja-kerja mitigasi di tapak sejak kejadian pemendapan jalan berkenaan pada 2.7.2009.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan supaya wabak influenza A tidak merebak di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri telah mengambil tindakan serta langkah-langkah yang positif dan proaktif untuk menyekat penyebaran dan penularan penyakit H1N1 di Pulau Pinang seperti berikut:-

(a) Mengaktifkan Jawatankuasa Pandemic Influenza di peringkat negeri dan daerah;

(b) Memperkukuhkan Sistem Pengawasan Influenza Malaysia melalui saringan di semua pintu masuk udara dan laut;

(c) Memperkukuhkan Sistem Notifikasi mengenai kes suspek dan kes yang telah disahkan dengan segera (dalam tempoh 24 jam) ke Bilik Gerakan Negeri. Penyaringan dijalankan di pintu masuk penerbangan dan kapal antarabangsa oleh anggota kesihatan. Pemberian *Health Alert Card* dan mengisi borang *Health Declaration* kepada semua pelancong;

(d) Saringan kes demam di semua klinik kesihatan dan jabatan kecemasan hospital melalui Kaunter *Triagle* yang telah diwujudkan;

(e) Pengambilan contoh *throat swab* dari mereka yang demam dan mempunyai tanda-tanda Influenza;

(f) Kes-kes positif dan memiliki komplikasi dimasukkan untuk rawatan di Wad Isolasi Hospital Pulau Pinang;

(g) Mempertingkatkan *Surveillance Influenza Like Illness* (ILI) dengan pemantauan cuti sakit dalam kalangan pekerja kesihatan;

(h) Menggalakkan melaporkan ketidakhadiran pekerja yang luar biasa (ramai) di tempat kerja dan pelajar di institusi dan sekolah ke Bilik Gerakan Negeri;

(i) Penguatkuasaan perintah pemerhatian dan pengawasan di rumah kediaman bagi konteks jangkitan Influenza A (H1N1) di bawah Seksyen 15 (1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988;

(j) Memberi pendidikan kesihatan dan risalah serta poster kepada orang awam, sekolah, institusi, kilang dan lain-lain agensi kerajaan mengenai Influenza dan cara mengelakkan jangkitan serta hebahan melalui media massa;

(k) Memberi maklumat terkini kepada orang awam mengenai situasi semasa melalui internet dan laman web Kementerian Kesihatan Malaysia serta tindakan yang perlu diambil oleh mereka; dan

(l) Mengehadkan pelawat-pelawat ke hospital dan melarang ibu bapa membawa anak-anak di bawah umur (12 tahun) melawat pesakit di hospital.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah insentif-insentif yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menarik lebih pemohon-pemohon yang berpendidikan tinggi untuk menyertai sektor perkhidmatan awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Perkhidmatan awam merupakan satu cabang perkhidmatan yang penting bagi urusan mengurus tadbir negeri dan negara. Selaras dengan itu, penyediaan insentif-insentif yang diberikan kepada pemohon-pemohon yang berjaya menyertai perkhidmatan awam negeri.

Adalah seperti yang terkandung di dalam Perintah-Perintah Am dan Arahan Pentadbiran serta Pekeliling dan Surat Pekeliling yang berkuat kuasa dari masa ke semasa yang menyatakan secara terperinci berhubung dengan perkara-perkara berikut:

(i) Pelantikan dan penetapan gaji yang lebih tinggi mengikut kelulusan dan kelayakan pemohon;

(ii) Pergerakan gaji tahunan yang tinggi (jika lulus peperiksaan yang ditetapkan dengan cemerlang);

(iii) Peluang kenaikan pangkat;

(iv) Peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (sama ada di dalam negara atau luar negara) dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan;

(v) Kemudahan cuti yang pelbagai selain cuti tahunan misalnya cuti melanjutkan pelajaran, cuti menunaikan fardu Haji, cuti tanpa rekod kerana menyertai pasukan sukarelawan dan lain - lain lagi;

(vi) Pinjaman penuh perumahan dan kenderaan;

(vii) Pinjaman komputer;

(viii) Kemudahan telefon bimbit percuma untuk Kumpulan Pengurusan & Profesional (maksimum hingga RM750.00);

(ix) Hadiah di atas kecemerlangan dalam perkhidmatan seperti Anugerah Khidmat Cemerlang serta Anugerah Bintang & Darjah Kebesaran;

(x) Kemudahan rawatan secara percuma di Hospital Kerajaan;

(xi) Tuntutan rawatan perubatan (hospital swasta) bagi kemudahan yang tidak dapat ditawarkan oleh hospital kerajaan; dan

(xii) Lain-lain lagi mengikut peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Kemudahan-kemudahan ini terbuka kepada semua penjawat awam tanpa mengira kaum, umur dan jantina.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila nyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas yang kian meningkat di Negeri Pulau Pinang pada jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Langkah-langkah jangka masa pendek yang akan atau sedang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang adalah:-

(a) Menambah baik sistem pengangkutan awam sedia ada serta mewujudkan sistem pengangkutan bersepadu yang efisien, berkualiti, mudah diperolehi, mesra alam dan meliputi sepelosok negeri. Di antara tindakan yang sedang dan akan diambil adalah:-

(i) Kerajaan negeri telah memberi bantuan dan kerjasama serta menyediakan pelbagai kemudahan untuk menjayakan perkhidmatan RapidPenang Sdn. Bhd. di Pulau Pinang dan akan terus menyeru Kerajaan Pusat menambah baik perkhidmatan RapidPenang. RapidPenang telah mengesahkan bahawa sebanyak 200 buah bas baru akan disediakan secara berperingkat mulai Jun 2009 sehingga Disember 2009. Sebahagian daripada bas tambahan ini telah mula beroperasi. Dengan bas-bas tambahan ini, RapidPenang akan mempunyai 350 buah bas yang beroperasi di Pulau Pinang dan oleh itu, kekerapan perkhidmatan dapat ditambah dan lebih banyak laluan sosial dapat diliputi;

(ii) Kemudahan kepada pengguna pengangkutan awam dipertingkatkan untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam serta mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian seperti penyediaan terminal, tukar antara, tempat menunggu, perhentian berbumbung dengan *lay-by*, hab, pencahayaan serta kiosk untuk memberi maklumat dan bantuan kepada pengguna;

(iii) Mengadakan perbincangan dan mesyuarat berkala seperti mesyuarat Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pengurusan Lalu Lintas. RapidPenang dan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) berserta pihak-Pihak Berkuasa Tempatan dan jabatan-jabatan yang terlibat bertemu untuk membincangkan bagaimana menangani masalah-masalah yang wujud;

(iv) Mewujudkan semula perkhidmatan Bas *CAT (Central Area Transit)* untuk mengurangkan kesesakan dalam kawasan pusat bandar serta menjadi pelengkap kepada perkhidmatan pengangkutan awam; dan

(v) Kerajaan negeri telah mengenal pasti tapak-tapak untuk disediakan dengan kemudahan *Compressed Natural Gas (CNG)* terutama sekali untuk teksi dan kenderaan pengangkutan awam. Dengan kemudahan ini, pengusaha perkhidmatan pengangkutan awam dapat menjimatkan kos yang dapat disalurkan semula untuk menambah baik perkhidmatan dan mengurangkan tambang. Melalui penyediaan kemudahan CNG, Kerajaan Negeri akan memberi kerjasama kepada Kerajaan Pusat untuk memperkenalkan sistem teksi bermeter di Pulau Pinang.

(b) Membina jalan-jalan baru dan menaik taraf jalan yang sedia ada untuk mengawal kesesakan, mengagih dan menyurai aliran lalu lintas serta meningkatkan keselamatan jalan raya. Dalam Rancangan Negeri Pulau Pinang Ke-2 (RNPP2), projek-projek menaik taraf dan memperlebar jalan di lokasi-lokasi yang sibuk dan sesak akan dilaksanakan. Selain itu, penyelenggaraan untuk memperbaiki kualiti permukaan jalan sentiasa dibuat. Penjadualan kerja di jalan-jalan yang sibuk dilakukan di luar waktu puncak atau lewat malam untuk mengelakkan kesesakan. Kerajaan negeri akan terus mendesak Kerajaan Pusat dalam soal ini terutama sekali dalam pembinaan lebuh raya Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) dan mempercepatkan penyiapan Lintasan Kedua Pulau Pinang serta lain-lain projek yang telah dikenal pasti di bawah Rancangan Malaysia Ke-9.

Penyiapan Projek Pelebaran Jambatan Pulau Pinang dijangka dapat disiapkan pada Ogos 2009 yang semestinya melegakan kesesakan di jambatan. Di samping itu, projek-projek pembinaan dan menaik taraf jalan yang tidak menelan belanja yang banyak serta yang disyaratkan ke atas pemaju akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri;

(c) Mengambil langkah-langkah untuk mengurus lalu lintas dengan berkesan dengan melaksanakan penambahbaikkan sistem lalu lintas setempat *(localised traffic management plan)* seperti sistem jalan sehala, mengadakan larangan, kawalan lampu isyarat, menyelaras lampu isyarat antara persimpangan dan mengadakan sistem panduan arah yang jelas. Kawalan *Intelligent Transport System* dan *Closed Circuit Television Camera (CCTV)* untuk pengurusan lalu lintas yang bersepadu dan bersifat responsif telah disediakan dan akan diperluaskan secara berperingkat;

(d) Membina, meluaskan dan menambah baik laluan pejalan kaki serta kemudahan berkaitan termasuk kemudahan orang kurang upaya dan berusia untuk menggalakkan orang ramai berjalan kaki untuk perjalanan jarak dekat. Di samping itu, tindakan-tindakan selaras dengan pewujudan Bandar Selamat telah diambil dan akan dipertingkatkan seperti mengasingkan laluan pejalan kaki dan kenderaan, meningkatkan pencahayaan serta mengadakan sistem CCTV. Kemudahan dan rangkaian laluan bagi penunggang basikal telah disediakan dan akan diperluaskan;

(e) Merancang pembangunan dan corak guna tanah yang terkawal dan tersusun dengan infrastruktur yang berpadanan di samping mewujudkan bandar-bandar satelit untuk mengalih dan mengurangkan tekanan di kawasan pembangunan padat sedia ada. Bandar-bandar telah diwujudkan dan sedang berkembang seperti Bayan Baru, Bandar Baru Air Hitam, Tanjung Tokong, Bandar Perda, Batu Kawan dan Bertam; dan

(f) Kerajaan negeri telah meluluskan cadangan mengadakan satu Pelan Induk Pengangkutan untuk Negeri Pulau Pinang dan berada dalam proses melantik pakar perunding untuk menjalankan kajian tersebut.

Objektifnya adalah untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang bersepadu dan mapan serta mengenal pasti polisi-polisi dan tindakan yang perlu diambil secara menyeluruh bagi jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Untuk jangka masa panjang, rancangan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas adalah:-

(a) Meneruskan tindakan-tindakan untuk menggalak dan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam. Di antara rancangan yang digariskan adalah:-

(i) Mewujudkan sistem pengangkutan bersepadu yang menjimatkan tenaga dan lebih mesra alam dengan memberi tumpuan kepada penambahbaikan perkhidmatan bas awam dan kemudahan berkaitan. Sistem Transit Monorel Aliran Ringan *(Light Monorail Transit)* dan Sistem Transit Rel Aliran Ringan *(Light Rail Transit)* yang dirancang untuk menghubungkan George Town, Tanjong Tokong, Air Hitam, Paya Terubong, Sungai Dua, Bayan Baru dan Bayan Lepas akan menjadi tulang belakang kepada sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang;

(ii) Untuk pengangkutan dalam bandar, pengangkutan awam menjadi komponen utama dalam tindakan dan perancangan Kerajaan Negeri. Di kawasan George Town umpamanya, zon-zon warisan telah diwujudkan dan keperluan timbul untuk mengekalkan suasana dan kualiti kawasan persekitaran di sini. *Hybrid Electic Tram System* sedang dipertimbangkan untuk kawasan pusat bandar. Sistem ini hanya dapat disediakan apabila perkhidmatan pengangkutan awam telah mencapai tahap yang memuaskan dan sekatan kepada penggunaan kenderaan persendirian diperkenalkan.

(b) Meneruskan dengan projek-projek pembinaan dan pelebaran jalan yang telah dirancang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas ke satu tahap yang bersesuaian dengan kapasiti infrastruktur sedia ada dan yang dirancang. Dalam Rancangan Negeri Pulau Pinang Ke-2 (RNPP2), pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan melaksanakan projek-projek menaik taraf dan melebarkan jalan di lokasi-lokasi yang sibuk dan sesak. Selain itu, pihak JKR akan sentiasa membuat penyelenggaraan untuk memperbaiki kualiti permukaan jalan. Penjadualan kerja di jalan-jalan yang sibuk mesti dilakukan di luar waktu puncak atau lewat malam;

(c) Mewujudkan stesen-stesen *Park and Ride*. Tanah kepunyaan kerajaan berdekatan Jambatan Pulau Pinang dan Gat Lebuh Nordin di pinggiran pusat bandar serta Air Hitam dan Tanjung Tokong telah dikenal pasti untuk dijadikan stesen-stesen *Park and Ride* berserta Stesen Pengangkutan Bersepadu. Tujuannya adalah untuk

membolehkan pemandu-pemandu kenderaan persendirian meletak kenderaan mereka di stesen-stesen *Park and Ride* dan bertukar ke mod pengangkutan awam ke pusat bandar;

(d) Mod-mod pengangkutan lain untuk mempelbagaikan, meluas dan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam juga sedang dipertimbangkan iaitu:-

(i) Kemudahan Teksi Air. Untuk tujuan ini, jeti-jeti perlu disediakan di lokasi-lokasi yang strategik serta dihubungkan dengan kemudahan pengangkutan awam yang efisien; dan

(ii) Sistem Kereta Kabel yang akan menghubungkan George Town ke Bukit Bendera telah dirancang dan akan disediakan dengan kemudahan tempat letak kereta dan bas persiaran. Sistem ini telah dirancang sebagai satu alternatif kepada Sistem Kereta api Bukit *(Funicular)* sedia ada.

(e) Kerajaan negeri akan meneliti kesesuaian mengadakan kawalan, larangan dan sekatan untuk mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian *(traffic restraint measures)* di kawasan yang mengalami kesesakan. Kerajaan juga sedar bahawa proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam akan mengambil masa. Bayaran kesesakan *(congestion pricing)* dan bayaran lain yang akan membebankan pengguna kenderaan persendirian tidak dapat dilaksanakan selagi perkhidmatan pengangkutan awam khususnya bas awam tidak berada pada tahap yang memuaskan.

Di Seberang Perai, isu kesesakan lalu lintas tidak begitu kritikal. Jalan-jalan ini sesak sewaktu waktu puncak sahaja seperti jalan yang menghubungkan Pekan Sungai Dua menuju ke lebuh raya, Jalan Permatang Batu menuju ke bulatan Bukit Tengah dan Pekan Bukit Mertajam. Jalan Sungai Dua menuju ke lebuh raya adalah di bawah pihak JKR. Walau bagaimanapun, tindakan telah diambil untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di Bukit Mertajam. Di antaranya adalah dengan memperbanyakkan aliran sehala. Selain itu, Kerajaan Negeri juga membina jalan pintas yang menghubungkan Taman Usaha Niaga dan Jalan Kulim. Di samping itu, jalan pintas iaitu Jalan Song Ban Kheng dibina untuk menghubungkan Jalan Kebun Sireh dengan Jalan Kulim.

Kerajaan negeri berharap dengan pewujudan sistem jalan raya dan pengangkutan awam yang efisien dan bersepadu, kesesakan lalu lintas dapat dikawal ke satu tahap yang memenuhi kehendak rakyat. Peranan dan kerjasama Kerajaan Pusat juga adalah penting bagi menjayakan segala usaha dan rancangan Kerajaan Negeri.

V. Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membina sebuah pasar awam baru untuk menggantikan pasar awam pekan Bukit Mertajam yang sedia ada di mana ia tidak lagi mampu menampung keperluan harian warga Bukit Mertajam. Jika ada, bila ia akan dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk membina sebuah pasar awam baru bagi menggantikan pasar awam Pekan Bukit Mertajam. Projek ini dianggarkan bernilai RM15 juta dan telah dipohon dalam RMKe-10. Projek ini akan dilaksanakan sekiranya peruntukan diluluskan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adakah Kerajaan Negeri akan meminta Jabatan Pengangkutan Jalan memperketat undang-undang "tolak markah" supaya pemandu-pemandu yang suka melanggar peraturan-peraturan lalu lintas dibatalkan lesen memandunya dan seterusnya tidak membahayakan pengguna-pengguna jalan raya yang lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Denda "tolak markah" boleh menggalakkan/memaksa pemandu yang tegar melanggar peraturan-peraturan untuk bersikap lebih menghormati undang-undang jalan raya kita. Perkara ini akan dibangkitkan oleh Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang berperanan sebagai urus setia dalam mesyuarat Jawatankuasa MMK Pengurusan Lalu lintas yang dipengerusikan oleh Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalu lintas. Jabatan Pengangkutan Jalan adalah di antara ahli dalam jawatankuasa ini.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk menyelesaikan masalah banjir di KADUN Padang Lalang. Jika ada, sila nyatakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan negeri memang prihatin untuk menyelesaikan masalah banjir di negeri ini. Kerajaan negeri melalui JPS telah mengambil tindakan bagi menyelesaikan masalah banjir di KADUN Padang Lalang dengan membuat permohonan peruntukan dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) untuk Projek Pemulihan Sungai Juru secara menyeluruh yang merangkumi kawasan Padang Lalang, Kampung Permatang Rawa, Taman Desa Damai. Taman Sri Rambai, Taman Makok dan Kampung Kebun Sireh. Di samping memerlukan kos yang tinggi, projek ini juga melibatkan proses pengambilan tanah yang mengambil masa yang panjang.

   Oleh kerana JPS tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi di dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9), peruntukan sebanyak RM150 juta telah dipohon dalam RMKe-10. Pada masa ini, reka bentuk bagi projek tersebut telah pun disiapkan sekiranya kelulusan peruntukan ini diperolehi, kerja-kerja mempertingkatkan sistem perparitan, pembesaran dan pelebaran sungai, pembinaan kolam-kolam takungan serta pemasangan pam dapat dilaksanakan. Dengan itu, keseluruhan kawasan yang terlibat dengan banjir di kawasan tadahan Sungai Juru akan dapat diatasi.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Bukit Mertajam. Jika ada, sila nyatakan. Jika tidak ada, mengapa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Ya, tindakan telah diambil untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di Bukit Mertajam iaitu dengan memperbanyakkan aliran sehala. Selain itu, MPSP juga membina jalan pintas yang menghubungkan Taman Usaha Niaga dan Jalan Kulim. Di samping itu, pihak JKR telah mengadakan jalan pintas iaitu Jalan Song Ban Kheng yang menghubungkan Jalan Kebun Sireh ke Jalan Kulim serta satu jalan yang menghubungkan Jalan Song Ban Kheng ke Taman Kota Permai.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan atau pelan-pelan jangka masa panjang untuk menangani masalah pencemaran sungai-sungai yang kian teruk.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan di bawah agensi Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa memantau pencemaran sungai-sungai di Pulau Pinang. Buat masa ini dua (2) sungai utama, iaitu Sungai Pinang dan Sungai Juru dikenal pasti untuk dilaksanakan program pemulihan oleh JPS di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Kerajaan negeri melalui JPS memang mempunyai rancangan pelan jangka panjang untuk menangani masalah pencemaran. Sehubungan itu, segala bentuk punca pencemaran telah dikenal pasti dan direkodkan. Di dalam perancangan JPS, semua aliran air tercemar (effluent) yang pada masa ini mengalir terus ke sungai akan dialirkan ke kolam takungan terlebih dahulu melalui parit sisi (cut off drain) yang dibina di sepanjang sungai. Air yang terkumpul dalam kolam takungan akan dirawat sebelum ianya dialirkan masuk ke sungai.

Proses yang serupa turut dilaksanakan bagi semua sungai yang dikenal pasti tercemar di negeri ini. Penggunaan EM *(Effective Microorganism)* turut dilaksanakan di beberapa lokasi sungai yang tercemar bagi menurunkan tahap pencemaran sungai tersebut. Bagi tahun 2009, penggunaan EM bagi mengurangkan pencemaran sungai yang telah dan akan dilaksanakan ialah di Sungai Kelian, Sungai Mas, Sungai Pinang, Sungai Krek, Parit 4 di Sungai Rambai, Parit Paya Mahang di Valdor dan Parit Taman Senangin di Perai.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah orang awam yang menggantung sepanduk-sepanduk haram dengan sewenang-wenangnya yang menghodohkan bandar-bandar kita.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengeluarkan permit untuk mengawal penggantungan sepanduk di Seberang Perai. Untuk sepanduk-sepanduk haram, tindakan yang dilakukan adalah dengan menurunkan dan merampas sepanduk-sepanduk tersebut. Untuk sepanduk-sepanduk yang mempunyai permit tetapi melanggar syarat-syarat yang ditetapkan, MPSP akan merampas cagaran yang telah dibayar oleh pemohon. MPSP juga telah melantik kontraktor untuk menjalankan tugas-tugas untuk menurunkan sepanduk-sepanduk haram. Di samping itu, MPSP juga telah menubuhkan satu Skuad Khas untuk menjalankan kerja-kerja menurunkan sepanduk dan iklan haram. Tindakan proaktif untuk melaporkan nombor telefon “along” yang digantung secara haram kepada Suruhanjaya Multimedia juga diambil.

Untuk menangani masalah ini di Pulau Pinang (pulau) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah mewujudkan sepasukan pegawai–pegawai yang akan menjalankan tugas harian untuk menurunkan sepanduk-sepanduk yang didirikan tanpa kebenaran, termasuklah sepanduk yang jatuh, koyak atau yang didapati berada dalam keadaan tidak teratur walaupun kebenaran diberikan. Selain daripada itu, tindakan kompaun juga diambil ke atas orang awam yang memasang sepanduk tanpa kebenaran. Wang cengkeram (deposit) sebanyak RM100.00 sehelai dikenakan semasa permohonan diluluskan. Wang cengkeram tersebut akan dilucut/dihapuskan sekiranya terdapat sepanduk tidak teratur, jatuh dan juga tidak diturunkan selepas tempoh tamat.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila nyatakan jumlah tertunggak cukai taksiran yang dialami MPPP dan MPSP mulai tahun 2008 hingga bulan Jun 2009. Adakah kedua-dua PBT mempunyai rancangan untuk mengutip cukai taksiran yang tertunggak itu

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Jumlah tunggakan cukai taksiran yang dialami oleh MPSP pada tahun 2008 adalah sebanyak RM50,559,781.44 dan pada tahun 2009 (sehingga bulan Jun) adalah sebanyak RM49,869,750.94. Langkah-langkah yang akan diambil oleh MPSP untuk menuntut balik semua cukai pintu yang tertunggak adalah seperti berikut :

(i) Waran tahanan – Borang H (premis kosong).

(ii) Waran Tahanan – Borang G di mana inventori harta dibuat dan rampasan akan dilakukan sekiranya pemilik gagal untuk membuat bayaran. Harta rampasan tersebut pula akan dilelong dan hasil lelongan akan digunakan untuk melangsaikan tunggakan cukai.

(iii) Perbincangan bersama pemilik tegar.

(iv) Melantik Panel Peguam.

(v) Cabutan bertuah untuk pemilik yang melangsaikan semua tunggakan termasuk membayar setahun
cukai semasa.

(vi) Melantik 13 bank sebagai agen kutipan MPSP.

(vii) Bayaran secara ansuran, menghantar peringatan ansuran melalui sms atau surat.

(viii) Memantau pungutan cukai melalui sistem cukai taksiran di mana keseluruhan proses kerja dari pengeluaran bil sehingga penguatkuasaan boleh didapati melalui sistem ini.

(ix) Bayaran secara *on-line* di dalam portal MPSP atau portal Kerajaan Negeri menggunakan kad kredit atau MEP Fpx.

(x) Kerjasama dengan agensi kerajaan setempat seperti Pejabat Daerah dan Tanah untuk membuat pungutan bil cukai. Agensi-agensi kerajaan lain yang telah berfungsi sebagai Agensi Setempat ialah PDC, PDC Setia Urus, PBA, TNB, TM, Pos Malaysia dan MPPP.

(b) Jumlah tunggakan cukai taksiran yang dialami oleh MPPP pada tahun 2008 dan setakat bulan Jun 2009 adalah seperti berikut:-

- Tunggakan tahun 2008 - RM42,633,272
- Tunggakan sehingga Jun 2009 - RM48,994,471

Tindakan yang diambil oleh MPPP untuk memungut tunggakan cukai taksiran adalah dengan:

(i) Melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas tunggakan cukai taksiran melalui peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Melalui peruntukan tersebut, Pihak Berkuasa Tempatan Majlis mengeluarkan waran iaitu Borang G untuk menahan sebarang harta alih seperti inventori yang dimiliki oleh empunya atau Borang H yang ditampal di luar premis yang didapati kosong semasa operasi dijalankan dengan tujuan untuk memaklumkan empunya mengenai tunggakan cukai.

(ii) Melaksanakan tindakan kaveat melalui peruntukan Kanun Tanah Negara. Melalui tindakan ini, Majlis telah mengisytiharkan kepentingan Majlis ke atas tanah atau bangunan dalam usaha mendapatkan semula tunggakan cukai taksiran.

(iii) Melaksanakan *'Garnishment of Rental'* dengan mengambil sebahagian bayaran sewa penyewa kepada Majlis bagi tujuan mendapatkan tunggakan cukai semasa operasi dijalankan ke atas premis-premis yang mempunyai tunggakan cukai.

(iv) Membuat lawatan ke rumah atau premis pemilik untuk mendapatkan maklum balas dari penyewa atau pemilik. Melalui kaedah ini secara tidak langsung Majlis mendapat persefahaman tentang kedudukan pemilikan ke atas premis tersebut sama ada telah dijual, disewa dan lain.

(v) Membenarkan empunya membuat bayaran ansuran tunggakan cukai taksiran. Dengan cara ini empunya akan rasa selesa serta mengurangkan beban untuk menjelaskan bayaran tunggakan. Bayaran ansuran akan menjadi lebih berkesan jika ia dipantau dari semasa ke semasa agar memastikan empunya membuat bayaran mengikut jadual bayaran yang telah ditetapkan.

(vi) Majlis sentiasa berusaha serta memberi ruang kepada empunya untuk bersemuka dan mendapatkan gambaran sebenar mengenai situasi yang dihadapi oleh empunya serta kesanggupan menjelaskan tunggakan cukai taksiran.

(vii) Komunikasi dua hala adalah digalakkan agar pemilik tidak hanya menunggu sehingga Majlis mengambil tindakan sebelum membuat rayuan. Jika pada peringkat awal, tunggakan telah dapat dikenal pasti, pegawai Majlis akan dapat memberikan nasihat sewajarnya untuk mengatasi masalah yang mereka hadapi.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila nyatakan jumlah kontraktor kelas F yang berdaftar dalam Negeri Pulau Pinang. Sila nyatakan angka peratusannya mengikut kaum.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Jumlah kontraktor kelas F yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Kerja Raya, Cawangan Pulau Pinang ialah seramai 1,373 kontraktor. Kontraktor kelas F adalah 100% Bumiputra.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila Kerajaan Negeri nyatakan bila E-Idaman akan mengambil alih kerja-kerja pelupusan sampah pepejal. E-Idaman telah banyak kali menundakan tarikh pengambilan. Adakah Kerajaan Negeri boleh menolak pengambilan E-Idaman atas alasan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah di luluskan oleh Parlimen pada tahun 2007. Namun demikian, penguatkuasaan akta belum dilaksanakan sehingga sekarang. Pejabat Perbadanan telah ditubuhkan di Pulau Pinang dan kini menunggu penguatkuasaan untuk memulakan operasi dengan sepenuhnya.

E-Idaman telah dilantik oleh Kerajaan Pusat sebagai *concessionaire* untuk mengumpul sisa pepejal di kawasan utara bagi Negeri Kedah, Perak, Pulau Pinang dan Perlis. Seterusnya bagi menentukan status penjawat awam, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dijangka akan memberi taklimat mengenai opsyen bagi kakitangan PBT yang terlibat dengan pengurusan sisa pepejal; sama ada memilih untuk menyertai syarikat E-Idaman atau dibersarakan dari perkhidmatan PBT. Penguatkuasaan akta dijangka dilaksanakan sebelum hujung tahun.

Kerajaan negeri sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Pusat dalam melaksanakan akta ini dan tidak boleh menolak pengambilan E-Idaman bagi tujuan pengurusan sisa pepejal ini. Untuk tindakan lanjut, Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan KPKT, khasnya Jabatan Sisa Pepejal Negara dan meminta KPKT memberi taklimat mengenai pengambilalihan pengurusan sisa pepejal supaya wakil rakyat dan *stake holders* PBT faham isu dan masalah yang dihadapi. Taklimat yang dicadangkan juga akan memberi peluang wakil rakyat bertanya banyak soalan yang memerlukan jawapan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan daya pengeluaran ekonomi Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Untuk mempertingkatkan daya pengeluaran ekonomi Pulau Pinang, negeri ini mempunyai wawasan untuk menggerakkan transformasi menjadi sebuah negeri bertaraf antarabangsa yang menjadi lokasi pilihan para pelabur, destinasi pilihan para pelancong dan habitat pilihan penghuni yang inginkan kehidupan mapan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri yang prihatin dengan keadaan ekonomi semasa dan kebajikan rakyat memberi tumpuan kepada tiga (3) teras utama seperti berikut:-

(a) Merancakkan pertumbuhan ekonomi *(Pro-Growth)*;

(b) Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan *(Pro-Jobs)*; dan

(c) Menjamin keadilan sosioekonomi *(Pro-Poor)*.

Melalui urus tadbir yang baik dengan memberi penekanan kepada amalan prinsip CAT iaitu cekap, akauntabiliti dan telus dalam pengurusan, penggerak ekonomi dapat dilaksanakan.

(a) MENGGERAKKAN PELABURAN

Kerajaan negeri telah merangka langkah-langkah untuk menjana pertumbuhan ekonomi secara berterusan seperti berikut:-

(i) menubuhkan Pasukan Petugas Khas sesuatu projek yang diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri sendiri sebagai pemudah cara perniagaan bagi pelaburan bernilai tinggi dan strategik. Pasukan Petugas Khas ini berperanan membantu pelabur mempermudah dan mempercepatkan semua proses berkaitan dengan kelulusan dan pelesenan;

(ii) melaksanakan konsep mesra pelabur seperti "bina dahulu, lulus kemudian" di kawasan perindustrian untuk menjodohkan persiapan kelulusan dan bangunan demi menjimatkan masa dan promosi yang inovatif seperti bina dan sewa *(build and lease)* bangunan industri kepada pelabur asing strategik;

(iii) menubuhkan dua panel penasihat *(Investor Advisory Panel)* iaitu untuk sektor industri dan sektor perkhidmatan yang terdiri daripada wakil persatuan-persatuan industri dan profesional dan individu-individu yang sangat berpengalaman di dalam bidang masing-masing. Tugas panel ini adalah untuk memastikan daya saing Negeri Pulau Pinang berterusan dan memberi nasihat tentang langkah-langkah yang perlu diambil dalam menyediakan negeri ini untuk pusingan perniagaan *(business cycle)*;

(iv) mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi utama pilihan pelabur dengan membangunkan kawasan perindustrian baru seperti Kawasan Perindustrian Batu Kawan. Kawasan perindustrian ini dibangunkan untuk memenuhi permintaan pelabur dalam industri strategik pada masa hadapan;

(v) menggalakkan pembangunan Hab Industri Halal dan Industri Kecil Sederhana (IKS/SME) yang lebih moden, bernilai dan berteknologi tinggi menerusi satu tapak khas yang diusahakan bersama oleh mereka dan pihak Kerajaan Negeri;

(vi) mengarahkan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk memperuntukkan 200 ekar kawasan tanah terbiar untuk dipulihkan bagi sektor pertanian. Langkah ini dapat meningkatkan penyertaan, peluang pekerjaan serta kualiti hidup rakyat;

(vii) menggalakkan pelaburan semula dengan memperuntukkan RM5 juta sumbangan daripada kedua-dua majlis perbandaran dan PDC untuk menangani masalah keselamatan dan banjir di taman-taman perindustrian;

(viii) Kerajaan negeri melalui PDC juga sedang mengkaji langkah-langkah untuk mengurangkan harga tanah industri sebanyak 10 peratus; dan

(ix) melancarkan misi pelaburan dan promosi untuk *cutting edge technology* seperti bioteknologi untuk mengulangi kejayaan menarik pelabur pereka ujian darah yang dapat meramalkan dengan ketepatan 75 peratus sama ada seseorang akan menghidapi penyakit barah.

(b) INDUSTRI KECIL SEDERHANA (IKS)

Bagi mempertingkatkan daya pengeluaran ekonomi, sektor IKS juga memainkan peranan penting. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri mempunyai strategi-strategi berikut:-

(iv) bercadang untuk menubuhkan Pusat Sumber Perbadanan Kecil Sederhana (PKS) *(SME Resource Centre)* bagi memudahkan usahawan mendapat maklumat;

(ii) menganjurkan satu seminar *Doing Business With Asean + 3 – Challenges and Opportunity* sebagai pembuka jalan untuk membantu golongan usahawan IKS Pulau Pinang meluaskan perniagaan mereka ke negara China, India dan Dubai; dan

(iii) memainkan peranan aktif untuk menyokong pertumbuhan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Pada peringkat awal, tumpuan akan diberi kepada dua (2) projek utama dalam sektor pembuatan iaitu Pusat Kecemerlangan Mikro-elektronik *(Micro-electronic Center of Excellence)* dan Pusat Inkubator Bioteknologi.

(c) HAB HALAL ANTARABANGSA

Kerajaan negeri turut memberi tumpuan kepada Hab Halal Antarabangsa bagi mempertingkatkan daya pengeluaran ekonomi dengan mengambil langkah-langkah berikut:-

(i) menjadikan Pulau Pinang sebagai Industri Hab Produk Halal bertaraf antarabangsa. Kawasan Balik Pulau dan Bukit Minyak akan dibangunkan sebagai Hab Halal Antarabangsa yang bercirikan 10 teras utama iaitu pembuatan, pembungkusan, pemasaran, logistik, kewangan Islam, gudang, pensijilan Halal, latihan kemahiran, penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengurusan sumber manusia;

(ii) mencadangkan pengeluaran barangan makanan secara komersil terutama makanan halal untuk pasaran domestik dan antarabangsa. Di antaranya adalah pengeluaran vaksin ubat halal, makanan bermutu tinggi dan ternakan lembu nilai tinggi di ladang di kawasan Juru seperti versi *Kobe Beef* dari Jepun yang akan dipanggil *Juru Beef*; dan

(iii) memajukan Lokasi Hab Halal Antarabangsa yang dicadangkan di Balik Pulau akan dimajukan untuk perkhidmatan resort dan pelancongan perubatan produk halal. Kawasan Batu Kawan pula akan dijadikan Taman Halal bagi menempatkan pengusaha barangan halal. Di samping itu, satu plot tanah dengan keluasan lebih kurang 131 ekar telah dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri di Bukit Minyak sebagai Kawasan Perindustrian Halal Pulau Pinang dengan penyertaan daripada dua syarikat iaitu Halagel (M) Sdn. Bhd. dan GranuLab (M) Sdn. Bhd.

(b) PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN UTILITI

Dari aspek pembangunan infrastruktur dan utiliti Kerajaan Negeri, strategi-strategi berikut diperkukuhkan:-

(i) memberi fokus kepada peningkatan tahap kemudahan pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan trafik. Projek Pelebaran Jambatan Pulau Pinang sedang dalam peringkat akhir penyiapan dengan kos sebanyak RM585.6 juta. Pada masa yang sama, perkhidmatan feri beroperasi mulai jam 6.00 pagi telah dilanjutkan sehingga jam 2.00 pagi manakala pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad serta cuti umum feri beroperasi 24 jam sehari;

(ii) mengurangkan kesesakan lalu lintas melalui Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang bernilai RM4.3 bilion yang merupakan projek mega yang penting dalam menghubungkan Batu Kawan di Seberang Perai dan Batu Maung di bahagian pulau;

(iii) meningkatkan mutu perkhidmatan RapidPenang dengan pergi ke semua kawasan di Negeri Pulau Pinang termasuk kawasan terpencil;

(iv) melaksanakan sistem pengangkutan multi-modal untuk mengurangkan bilangan kereta dan kesesakan lalu lintas di seluruh Negeri Pulau Pinang. Beberapa cadangan sistem pengangkutan moden untuk mengurangkan bilangan kereta di Negeri Pulau Pinang seperti sistem *tram*, monorel dan Aerobus sedang dipertimbangkan;

(v) menaik taraf Pelabuhan Pulau Pinang sebagai pelabuhan utama dan terkemuka dalam *Indonesia, Malaysia, Thailand Growth Triangle* (IMT-GT) yang meliputi pendalaman dermaga dan pelebaran limbungan kontena bagi mengendali tambahan jumlah kontena dan kapal kontena yang lebih besar; dan

(vi) menyediakan satu Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang.

(c) PERTANIAN

Dari sektor pertanian, dipertingkatkan langkah-langkah berikut:-

(i) memperkenalkan satu lagi Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dengan konsep yang berbeza di Juru. Kawasan seluas 25 hektar telah dikhaskan untuk industri ternakan dan akuakultur, 20 hektar untuk tanaman nenas dan baki 15 hektar untuk projek integrasi dan guna sama;

(ii) memberi tumpuan kepada pengeluaran komoditi utama seperti daging, telur ayam dan itik serta susu lembu dalam Program Pembangunan Ternakan;

(iii) memantau secara berkala bagi menjamin industri ternakan bebas dari sebarang ancaman wabak penyakit melalui program kawalan *brusellosis*;

(iv) mengadakan Program Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Pulau Pinang pada setiap tahun sebagai kesinambungan usaha-usaha untuk mempromosikan keluaran usahawan tani, penternak dan perikanan termasuk memberi pendedahan kepada penggunaan teknologi terkini dalam sektor pertanian;

(v) kawasan tanah terbiar milik Kerajaan Negeri diusahakan dengan tanaman komersil seperti pokok pala, nenas dan jatropha. Program Kempen Bumi Hijau akan terus diperhebat sebagai usaha untuk meringankan beban rakyat berikutan kos sara hidup yang semakin meningkat; dan menyediakan satu Pelan Pembangunan Semula Taman Pertanian Relau.

(d) PELANCONGAN

Sektor pelancongan turut memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan daya pengeluaran ekonomi negeri. Langkah-langkah berikut dipergiatkan:-

(i) menggalakkan sektor pelancongan secara agresif;

(ii) menggerakkan secara aktif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebagai agensi utama untuk merancakkan sektor pelancongan berpandukan 10 teras seperti berikut:-

- Pelancongan perubatan;
- Pelancongan kebudayaan, warisan dan bersejarah;
- Pelancongan pendidikan;
- Ibu pejabat wilayah bagi Syarikat Multinasional;
- Pusat MICE;
- Ekopelancongan;
- Dataran kulinari;
- Pusat filem, kebudayaan dan kesenian;
- Pelancongan sukan; dan
- Syurga membeli belah dan industri;

(iii) memperbaiki infrastruktur destinasi pelancongan di Negeri Pulau Pinang;

(iv) memberi penekanan kepada keselesaan, kebersihan, kesihatan, kepuasan, keindahan dan keselamatan pelancong bagi memastikan Pulau Pinang kekal sebagai destinasi pelancongan yang bertaraf dunia;

(v) menerbitkan DVD pelancongan sendiri yang dinamakan *Penang Has It All* yang memaparkan keindahan Negeri Pulau Pinang dari pelbagai aspek termasuk alam semula jadinya, kekayaan budaya, warisan dan sejarahnya;

(vi) mewujudkan produk pelancongan baru di Pulau Pinang dengan memperkenalkan *12 Barangan Pulau Pinang Mesti Beli* untuk mempromosikan sifat tempatan yang unik;

(vii) memberi perhatian kepada pembangunan di Seberang Perai;

(viii) memberi tumpuan kepada usaha promosi di pasaran Timur Tengah, Brunei dan Indo-China;

(ix) mengambil peluang kerjasama IMT-GT untuk menarik lebih ramai pelancong perubatan dari Indonesia;

(x) mengekalkan kos perubatan yang kompetitif dan kualiti perubatan dengan menggalakkan institusi atau organisasi berkaitan mendapatkan persijilan atau akreditasi daripada pertubuhan kesihatan antarabangsa serta *Malaysia Society For Health Accreditation* (MSHQ);

(xi) mengoptimumkan kemudahan pelancongan sedia ada dengan menyediakan kemudahan spa dan kesihatan di hotel dan *resort*;

(xii) menyediakan satu rangkaian perhubungan maklumat melalui laman web yang mengandungi maklumat pelancongan kesihatan dan perkhidmatan yang ditawarkan di negeri ini; dan

(xiii) mengalu-alukan keputusan Syarikat Penerbangan Sri Wijaya dari Indonesia untuk mewujudkan penerbangan harian dari Medan ke Negeri Pulau Pinang mulai 15 September 2008. Syarikat tersebut juga berhasrat menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai hab ke negara-negara ASEAN yang lain seperti Haadyai dan Phuket di Thailand dan Bandaraya Ho Chi Minh di Vietnam. Selain daripada itu, Syarikat Penerbangan Firefly telah memulakan penerbangan terus ke Banda Aceh, Medan, Phuket dan Koh Samui mulai Julai 2008. Kerajaan negeri akan cuba menambahkan penerbangan.

Selanjutnya, bagi mempertingkatkan daya pengeluaran ekonomi Pulau Pinang, Kerajaan Negeri terus menggerakkan transformasi baru ke arah sebuah negeri bertaraf antarabangsa melalui transformasi ekonomi iaitu:-

(a) sebuah birokrasi yang cekap, bersih, berkesan dan beramanah;

(b) komitmen penuh ke atas pertumbuhan ekonomi; dan

(c) kerjasama erat dalam melaksanakan perkongsian sektor awam dan swasta atau *Public-Private Partnership (PPP)*.

Bagi melaksanakan transformasi ekonomi ini, tumpuan adalah seperti berikut:-

(a) meningkatkan kedudukan Pulau Pinang sebagai negeri perindustrian utama dengan:-

(i) meningkatkan eksport produk dalam bidang yang disasarkan;

(ii) membangun dan mempromosi jenama Pulau Pinang;

(iii) meningkatkan eksport melalui pematuhan kepada piawaian antarabangsa; dan

(iv) memupuk syarikat tempatan terutama IKS agar berdaya saing di peringkat global.

(b) mengintegrasikan syarikat dari Pulau Pinang ke dalam rangkaian serantau dan global dengan:-

(i) menggalakkan syarikat memberi tumpuan yang lebih kepada kompetensi teras dan kekuatan dalam rangkaian serantau dan global; dan

(ii) membangunkan Pulau Pinang sebagai pusat serantau bagi produk dan perkhidmatan terpilih termasuk produk dan perkhidmatan halal, produk bioteknologi, solar, LED, *Avionics* dan automotif.

(c) meneruskan sumbangan sektor perkilangan kepada pertumbuhan ekonomi dengan:-

(i) mempercepatkan peralihan kepada pengeluaran produk dan aktiviti bernilai tambah yang lebih tinggi dan aktiviti berteknologi tinggi dan berintensif modal;

(ii) menggalakkan pembangunan dan promosi bidang pertumbuhan bagi industri yang disasarkan; dan

(iii) membantu dan menggalakkan pembangunan kelompok tempatan dan serantau.

(d) membantu pembangunan dan aplikasi teknologi berintensif pengetahuan dengan:-

(i) menjalin kerjasama di kalangan institusi penyelidikan kerajaan, institusi pengajian tinggi dan industri-industri latihan untuk mengoptimumkan sumber dan kemudahan sedia ada;

(ii) mempromosi pembangunan kelompok industri berasaskan penyelidikan; dan

(iii) menggalakkan penggunaan komunikasi dan teknologi maklumat (ICT) dan teknologi lain yang lebih meluas di sepanjang rantaian nilai.

(ii) membangun modal insan yang inovatif dan kreatif dengan:-

(i) memadankan penawaran bakat dan kepakaran dengan keperluan pasaran;

(iii) meningkatkan penawaran bilangan tenaga kerja berkemahiran teknikal, berintensif pengetahuan dan terlatih dalam bidang ICT; dan

(iii) mewujudkan jumlah secukupnya pakar tempatan dalam bidang sains dan kejuruteraan untuk memenuhi permintaan penyelidikan dan pembangunan.

(f) mewujudkan persekitaran operasi perniagaan yang berdaya saing dengan:-

(i) memastikan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian;

(ii) menyemak semula peraturan dan perundangan untuk membantu pertumbuhan dan pengembangan industri dan perkhidmatan sedia ada dan yang berpotensi;

(iii) memastikan ketelusan yang lebih tinggi dalam dasar, peraturan dan perundangan serta prosedur pentadbiran dan keputusan; dan

(iv) melaksanakan sistem pemudah dagangan yang lebih berkesan.

Kerajaan negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga sedang dalam usaha untuk mengembangkan Taman Sains Pulau Pinang di Bukit Minyak dan membangunkan taman perindustrian baru di Batu Kawan sebagai langkah untuk menyediakan tanah perindustrian yang dilengkapi dengan prasarana moden yang diperlukan oleh para pelabur.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Adakah Kerajaan Negeri bersetuju untuk menghentikan pengambilan pekerja-pekerja warga asing supaya orang tempatan dapat peluang yang lebih baik untuk mendapatkan pekerjaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Perkara berkaitan pengambilan pekerja asing adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan iaitu di bawah Kementerian Sumber Manusia. Sehubungan itu, perkara ini berada di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk membantu penduduk tempatan apabila Kerajaan Negeri meluluskan dana yang berjumlah RM10 juta bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi dengan menyediakan penempatan pekerjaan sementara serta latihan dan peluang perniagaan kepada pekerja yang telah diberhentikan, para graduan, belia lepasan sekolah dan penganggur semasa pembentangan Bajet 2009 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri yang lalu.

Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Pusat Kerjaya dan Latihan Negeri Pulau Pinang *(Penang Career Assistance and Training Centre [CAT])* yang telah dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada 4 Mac 2009. Pusat CAT diuruskan oleh investPenang dengan sokongan padu daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP). Pusat CAT bertanggungjawab untuk menghubungkan pekerja yang telah diberhentikan kerja serta individu yang ingin mencari pekerjaan dengan:-

(a) peluang-peluang pekerjaan yang ada melalui syarikat-syarikat atau agensi-agensi yang mendaftar dengan Pusat CAT;

(b) mengenal pasti program-program latihan yang bersesuaian; dan

(c) bekerjasama dengan ahli-ahli Pusat CAT untuk menyediakan peluang pekerjaan, pembangunan usahawan dan perniagaan.

Berdasarkan data yang diperolehi daripada investPenang, jumlah pendaftar yang telah berdaftar dengan Pusat CAT dari bulan Mac 2009 sehingga pertengahan bulan Julai 2009 adalah seramai 1,904 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,471 orang telah pun dipadan rujuk kepada majikan yang menawarkan jawatan-jawatan kosong. Dalam tempoh masa yang sama, Pusat CAT telah menerima sebanyak 3,645 kekosongan jawatan dari pelbagai sektor untuk ditawarkan kepada pendaftar–pendaftar.

Selain itu, menurut Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, bagi mengatasi masalah kebanjiran pekerja asing, kerajaan telah membekukan beberapa subsektor tertentu dalam dua (2) sektor utama iaitu sektor perkilangan dan sektor perkhidmatan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan peluang penduduk tempatan terutamanya yang telah diberhentikan kerja untuk mendapatkan pekerjaan semula. Bagi sektor perkilangan, dua (2) subsektor yang terlibat adalah elektrik/elektronik dan pembuatan tekstil. Bagi sektor perkhidmatan pula, subsektor-subsektor yang dibekukan ialah kargo, dobi, tukang gunting rambut, tukang emas, borong atau runcit, perniagaan tekstil, kedi, hotel, rumah kebajikan, logam/barang lusuh/kitar semula dan spa/urut tradisional/refleksologi. Bagi subsektor restoran, jawatan yang dibekukan ialah pekerja restoran.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membekalkan tanah khas untuk pembinaan sekolah-sekolah Cina dan Tamil. Jika ada, sila nyatakan lokasi dan keluasannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan negeri memang berhasrat untuk membantu perkembangan dalam bidang pendidikan. Dalam hubungan ini, semua aliran sekolah diberikan perhatian yang sama, sama ada aliran Sekolah Cina, Tamil atau Sekolah Agama Rakyat. Memandangkan tanah kerajaan amat terhad, maka buat masa ini kerajaan belum berhasrat untuk menyediakan tanah khas bagi pembinaan sekolah-sekolah Cina dan Tamil. Namun demikian, sokongan kerajaan kepada sekolah-sekolah tersebut boleh diberikan dalam bentuk yang lain seperti mengenakan cukai tanah atas kadar namaan RM1.00 ke atas tanah-tanah yang digunakan untuk tujuan sekolah berkenaan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Keadaan keselamatan dalam Pulau Pinang kian terjejas, adakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan-pelan untuk membantu PDRM menurunkan angka jenayah. Bilakah kerajaan akan memasang CCTV yang telah dijanjikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Dari segi perancangan, Kerajaan Negeri melalui MPPP sentiasa melaksanakan dan memantau Program Bandar Selamat di bawah kawasan pentadbirannya. MPPP juga sentiasa memastikan konsep Bandar Selamat diterapkan dalam projek-projek baru MPPP, antaranya ialah Projek *Upper Penang Road*, Projek Menaik taraf Kawasan Little India, Medan Pejalan Kaki Lebuh Campbell/Lebuh Buckingham, Projek Menaik taraf Lebuh Acheh/Armenian, Projek Menaik taraf Penang Gold Bazaar dan Projek Menaik taraf Lebuh Pantai.

Dari segi pengurangan jenayah, MPPP sentiasa melaksanakan dan memantau 22 langkah dari 23 langkah yang telah diperkenalkan oleh kerajaan, antaranya:

(A) Lima Langkah Pelaksanaan Segera

1. Langkah 1 : Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dengan Jalan Bermotor

Mengenal pasti beberapa tumpuan kawasan awam seperti stesen bas dan rel disediakan bagi mengasingkan pejalan kaki dari laluan motor.

2. Langkah 2 : Penyediaan *Bollard* atau Pagar

Menyediakan *bollard* atau pagar di tempat-tempat tertentu bagi mengasingkan laluan pejalan kaki dengan laluan motosikal.

3. Langkah 1 : Mencuci/Mengemas Kawasan-kawasan Semak dan Terlindung

Meningkatkan pembersihan kawasan-kawasan kotor dan grafiti khususnya, di tempat-tempat awam seperti di sekitar laluan stesen bas, rel dan lorong-lorong tepi dan belakang premis perniagaan utama. Dengan demikian, tempat-tempat ini akan mudah diawasi oleh majlis dari aktiviti-aktiviti jenayah.

4. Langkah 1 : Laluan Awam Tidak Terlindung Atau Terhalang Dari Pandangan Awam

Jejantas tidak dipenuhi dengan papan-papan iklan yang boleh melindungi laluan dari pandangan awam. Ini memudahkan aktiviti jenayah ragut, aktiviti penagihan dadah dan sebagainya. Sebarang iklan di jejantas hendaklah di paras yang tidak menghalang penglihatan (seperti di paras bumbung).

5. Langkah 1 : Mencahayakan/Menerangkan Kawasan-Kawasan Gelap Yang Menjadi Sasaran Atau Tumpuan Penjenayah.

Memasang lampu di laluan jejantas, letak kereta dan sebagainya bagi memudahkan pengawasan. Semua premis perniagaan perlu memasang lampu di laluan kaki lima supaya mudah untuk diawasi dan tidak menjadi tempat yang mudah bagi peragut.

(B) Langkah-langkah Pencegahan Jenayah Yang Telah Di laksanakan

Langkah 1 : Pengasingan laluan pejalan kaki dari jalan bermotor

Pengasingan laluan pejalan kaki dan laluan bermotor melalui pembinaan konkrit dapat mengurangkan risiko kegiatan jenayah ragut di kawasan ini.

Penyediaan rel pengadang dan laluan pejalan kaki dengan perhentian bas seperti di Jalan Kelawai, Lebuh Farquhar, Jalan Hamilton, Lebuh Light dan lain-lain

Langkah 2 : Penyediaan *Bollard*

Pembinaan *bollard* di kawasan laluan pejalan kaki dan jalan bermotor di Kawasan Little India, Penang Gold Bazzar, Upper Penang Road, Lebuh Campbell, Padang Kota Lama, Lebuh Pantai dan Lebuh Acheh/Lebuh Armenian.

Perlu disediakan pemisah di antara laluan pejalan kaki dan laluan bermotor bagi kawasan laluan orang ramai/pusat tumpuan.

Langkah 3 : Mengawal Tanaman Landskap Di Laluan Pejalan Kaki

Penanaman landskap di sepanjang laluan pejalan kaki memerlukan pengawalan yang sempurna seperti Kawasan Jalan Residensi, Persiaran Gurney dan lain-lain

Langkah 4 : Penyelidikan Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran

Agensi terlibat : JPBD, PDRM (Jabatan Logistik) NGO, JKR, PBT dan sebagainya. Aktiviti Penyelidikan ini akan menghasilkan:

(i) Reka bentuk umum konsep *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED).
(ii) Garis Panduan Pencahayaan.
(iii) Garis Panduan Penyediaan Landskap.
(iv) Garis Panduan Penilaian Keselamatan Bangunan.
(v) Garis Panduan Persekitaran Tempat Letak Kenderaan
(vi) Garis Panduan Pemasangan Kemudahan CCTV

Langkah 5 : (Disebut dalam perkara C)

Langkah 6 : Penyemakan Garis Panduan Susun Atur Perumahan

Input polis dalam menyemak semula garis panduan susun atur perumahan dan keperluan kemudahan polis.

Langkah 7 : Pondok Polis

Pondok Polis yang berperanan untuk mengawal kegiatan jenayah terutama di kawasan membeli belah dan kediaman, seperti di Pusat Membeli Belah Bukit Jambul, Kawasan Perumahan Padang Tembak, Pondok Polis Komuniti Paya Terubong dan lain-lain

Langkah 8 : Papan Tanda Peringatan Jenayah

Contoh papan tanda peringatan jenayah yang berperanan memberi peringatan kepada orang ramai, seperti di Pusat Membeli Belah Bukit Jambul, Kawasan Perumahan Padang Tembak, Kawasan Perumahan Kampung Melayu dan lain-lain.

Langkah 9 : Cermin Keselamatan

Seperti di Jejantas Persimpangan Jalan Burma/Jalan Penang/ Jalan Dr Lim Chew Leong

Langkah 10 : Penggera Keselamatan *(Alarm)*

Pemasangan Alat Penggera Keselamatan di lokasi yang strategik dan di tengah-tengah laluan awam yang boleh digunakan oleh orang ramai apabila berlaku kejadian ragut. Walau bagaimanapun kos pemasangan peralatan ini terlalu tinggi. Contoh di Persiaran Gurney.

Langkah 11 : Mencuci/Mengemaskan Kawasan-kawasan Semak Dan Terlindung

Majlis sentiasa memastikan kawasan-kawasan kediaman dan laluan utama penduduk berada dalam keadaan bersih dan selamat.

Langkah 12 : Tempat Letak Motosikal Berkunci

Tempat Letak Motosikal berkunci yang disediakan di kompleks membeli-belah bagi mengurangkan gejala curi motosikal di kawasan seperti Mainland Park, Bukit Jambul Shopping Complex, Hospital Besar Pulau Pinang dan lain-lain

Langkah 13 : Pemasangan Closed Circuit Television (CCTV)

Sehingga hari ini majlis telah memasang 31 CCTV di kawasan sekitar Bandar George Town dan pihak polis perlulah memastikan sistem pengoperasian CCTV dapat dikendalikan dengan cekap dan berkesan.

Langkah 14 : Pemasangan Lampu Di Kaki Lima Premis Perniagaan

Kaki lima premis perniagaan perlu dipasang dengan lampu yang lebih cerah bagi mewujudkan suasana yang selamat di kawasan premis ini.

Langkah 15 : Laluan Awam Tidak Terlindung Atau Menghalang Pandangan Awam

Reka bentuk jejantas yang dibina perlulah tidak menghalang pandangan orang ramai.

Langkah 16 : Mencahayakan Kawasan-Kawasan Yang Menjadi sasaran

Kawasan-kawasan perniagaan yang telah dikenal pasti sebagai kawasan jenayah adalah digalakkan mencahayakan kawasan mereka. Contohnya kawasan KOMTAR, Lorong Kinta, lorong belakang seperti Lorong Che Em dan lain-lain lagi.

Langkah 17 : Tidak Membenarkan Perniagaan Dan Meletak Kenderaan Di Kaki Lima Dan Laluan Pejalan Kaki

Laluan kaki lima yang terhalang dengan meletakkan barang-barang perniagaan.

Langkah 18 : Menjanakan Pelbagai Aktiviti Perniagaan

Kewujudan gerai-gerai di kawasan-kawasan tidak sunyi yang menjadi tumpuan ramai dapat mengurangkan risiko jenayah berlaku.

Langkah 19 : Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Swasta

Penyediaan perkhidmatan kawalan keselamatan yang terdapat di kawasan perumahan.

Langkah 20 : Pendidikan

MPPP dan lain-lain agensi memainkan peranan dalam mengedarkan risalah kepada orang ramai.

Langkah 21 : Pemasangan Lampu Di Lorong Tepi, Depan Dan Belakang Rumah

Bagi kawasan yang kerap berlaku pecah rumah, Majlis memainkan peranan memberi kesedaran kepada pemilik rumah memasang lampu di depan, tepi dan belakang rumah bagi menghindarkan jenayah pecah rumah.

Langkah 22 : Penyediaan Risalah Jenayah Komuniti

Contoh risalah mengenai Jenayah yang dikeluarkan oleh MPPP atau Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF).

Langkah 23 : Meningkatkan Rondaan Kawasan Perumahan

Kewujudan Rukun Tetangga dan adanya rondaan di sesebuah kawasan perumahan dapat membantu mengawal kegiatan jenayah di kawasan perumahan tersebut. Contoh perumahan Kampong Melayu.

(**C) 1. Langkah Dalam Proses Pelaksanaan**

Langkah 5 : Perkongsian Maklumat Jenayah Melalui *GIS - Based Mapping*.

Contoh maklumat *GIS Mapping* berkenaan Jenayah Ragut disebuah PBT. Walau bagaimanapun, ia memerlukan kerjasama dengan pihak PDRM.

Kerajaan negeri telah mengambil tindakan selaras dengan Program Bandar Selamat yang diperkenalkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa untuk meningkatkan keselamatan dan mengurangkan angka jenayah. Program ini melibatkan 23 langkah pencegahan jenayah di mana terdapat beberapa langkah yang terlibat dengan MPPP yang telah dilaksanakan secara berterusan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Sehingga kini, jabatan ini telah melaksanakan semua langkah-langkah yang berkaitan dengan bidang tugasnya seperti yang disarankan dalam Program Bandar Selamat seperti berikut :-

(i) Pengasingan laluan pejalan kaki dari jalan bermotor (langkah 1)
(ii) Pemasangan rel terhalang (langkah 1)
(iii) Pemasangan *bollards* (langkah 2)
(iv) Pemasangan *Closed Circuit Television* (langkah 12)
(v) Laluan awam yang tidak terlindung (langkah 15)

Selain itu, Program Konsep Bandar Selamat juga telah diterapkan dalam semua pembangunan baru yang dilaksanakan oleh jabatan dan juga oleh pemaju. MPPP telah memasang 31 buah kamera CCTV (Fasa 1) di lokasi-lokasi yang dikenal pasti oleh polis mengikut statistik kekerapan berlakunya jenayah. Di samping ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bercadang memasang 24 buah kamera lagi di bahagian pulau, Pulau Pinang (Fasa 2) yang dijangka dapat beroperasi pada pertengahan tahun 2010. Selain daripada ini, sebanyak 162 lokasi lain di bahagian pulau, Pulau Pinang (Fasa 3) telah dikenal pasti oleh MPPP bersama pihak polis untuk disediakan dengan kamera CCTV.

MPPP juga telah menyediakan kamera mudah alih kepada pihak polis yang boleh dipasang di lokasi yang perlu dipantau mengikut keperluan. Pihak Polis sering menjalankan operasi melalui unit kamera bergerak yang boleh digunakan untuk pemantauan lokasi-lokasi di mana kadar jenayah meningkat. Kawasan liputan kamera CCTV akan diperluaskan mengikut kemampuan kewangan MPPP dan sekiranya peruntukan kewangan Kerajaan Pusat dapat diperolehi. KPKT telah bersetuju membekalkan 24 CCTV untuk MPPP dan 24 lagi untuk MPSP. Projek ini masih dalam peringkat tender semula selepas tender pertama dibatalkan. Dijangka CCTV akan dipasang di kedua-dua PBT pada awal tahun depan.

MPSP juga telah mengambil langkah-langkah keselamatan selaras dengan mencahayakan kawasan-kawasan gelap yang dikenal pasti sebagai sasaran atau tumpuan penjenayah sebagai langkah pencegahan. Lampu di laluan jejantas dan tempat letak kereta dipasang bagi tujuan ini. Premis perniagaan digalakkan memasang lampu di laluan kaki lima supaya mudah untuk diawasi serta tidak menjadi tempat yang mudah bagi peragut. Di samping itu, MPSP dengan kerjasama pihak polis melaksanakan program pendidikan berterusan mengenai keselamatan dan pengagihan risalah dalam program bandar selamat. Walaupun MPSP kini belum memasang CCTV di Seberang Perai, tetapi telah mengenal pasti 24 lokasi dengan kerjasama pihak polis untuk dipasang CCTV. Projek ini dibiayai oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan dijangka akan siap dipasang dan beroperasi pada awal tahun 2010.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai satu mekanisme untuk memantau Jabatan Bomba memastikan semua pili bomba sentiasa berada dalam keadaan sempurna, supaya kejadian pili bomba tidak dapat berfungsi apabila berlakunya kebakaran tidak berulang lagi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan negeri mempunyai mekanisme untuk memantau Jabatan Bomba dan Penyelamat melalui Mesyuarat Majlis Perundingan Keselamatan dan Ketenteraman Awam di mana Jabatan Bomba dan Penyelamat merupakan ahli jawatan kuasa berkenaan.

Jabatan Bomba dan Penyelamat sentiasa memberikan komitmen penuh dan sentiasa melaporkan segala permasalahan dan isu berkaitan kebombaan termasuklah isu kecurian pili bomba.

Jabatan Bomba juga mempunyai mekanisme tersendiri dalam menangani isu ini dengan memastikan pemantauan dan penjagaan pili bomba berada dalam keadaan sempurna. Pada masa kini, Jabatan Bomba menangani isu vandalisme dan kecurian *pillar elbow* dengan melakukan rondaan yang telah dijadualkan secara berkala dan berjadual mengikut Jadual Tugas Harian (JTH). Rondaan ini adalah sejajar dengan pelaksanaan ISO 9001:2000, di mana pemeriksaan dan penyelenggaraan pili bomba perlu dilakukan sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali.

Jabatan Bomba juga turut membuat aduan dan laporan kepada pihak polis di atas semua kehilangan dan kerosakan pili-pili bomba di samping memberi kesedaran kepada orang ramai melalui ceramah dan pameran. Jabatan Bomba juga telah memperkenalkan "Skim Teman Pili Bomba" dan menggalakkan penyertaan orang ramai menyertainya untuk turut sama menangani masalah kecurian pili bomba ini. Jabatan Bomba juga telah mengambil inisiatif dengan mencipta *"Pelangi Alternatif Solution Adaptor"* iaitu 'PASA 06' dan 'PASA 07' untuk menangani isu pili bomba dan kehilangan *pillar elbow* bomba.

Ahli Kawasan Padang Lalang (Y.B. Tuan Tan Cheong Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah "lintah darat" yang melekatkan iklan pada papan tanda jalan raya dan tiang lampu jalan raya dengan sewenang-wenangnya yang menghodohkan bandar-bandar kita.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan negeri telah mengambil tindakan berkaitan iklan along yang ditampal merata-rata bandar melalui agensi berkenaan. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) membersihkan papan-papan tanda dan tiang-tiang lampu jalan secara berkala untuk menangani masalah papan tanda dan tiang lampu yang dicacatkan oleh pihak tertentu. Bagi stiker yang ditampal secara haram, MPPP telah menjalankan operasi menanggalkan Stiker Peminjam Wang Haram hampir setiap minggu. Anggota Penguat kuasa dan Pekerja Rendah Awam telah ditugaskan untuk membersihkan atau membuang stiker haram ini.

Aktiviti melekat stiker peminjam wang haram ini selalunya berlaku pada waktu larut malam iaitu kira-kira jam 3 atau 4 pagi. Pemilik stiker peminjam wang haram ini juga tidak mempunyai pejabat yang tetap, tidak berdaftar dan hanya bergerak secara perseorangan. Maka perkara ini amat sukar diambil tindakan dan dibendung. Walau bagaimanapun, operasi pembersihan yang dijalankan oleh MPPP akan terus dipergiatkan dan beberapa operasi pemantauan terutamanya pada waktu tengah malam telah dijalankan supaya aktiviti- aktiviti haram ini dapat dikawal. MPPP telah mengemukakan senarai nombor telefon peminjam wang yang tercacat pada iklan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk tindakan lanjut. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah menubuhkan satu pasukan untuk menurunkan dan membuang pelekat-pelekat iklan along yang diletakkan secara haram. Tindakan penguatkuasaan ini dibuat secara berterusan.

Pihak Polis telah mengambil tindakan seperti berikut :

(a) Penubuhan *'Task Force'* Along

(i) Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, IPK Pulau Pinang dipertanggungjawabkan dalam usaha menangani masalah ini. Justeru, satu '*task force*' telah ditubuhkan dengan diketuai oleh Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (KJSJK), ACP Roslee Bin Haji Chik. Beliau dibantu oleh beberapa pegawai termasuk semua Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Komersil Daerah Timur Laut, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan dan Daerah Barat Daya.

(ii) Sehubungan itu, pada 15 Julai, 2009 KJSJK Pulau Pinang bersama pegawai dan anggota-anggota penguat kuasa MPPP telah mengambil tindakan drastik dengan menurunkan poster-poster along di kawasan Paya

Terubong yang didapati begitu banyak poster-poster tersebut dilekatkan di pokok-pokok, lampu-lampu jalan dan papan tanda jalan raya kawasan berkenaan.

(iii) Selain daripada itu juga anggota-anggota polis yang membuat rondaan telah menangkap dan merampas poster-poster berkenaan bertujuan menghalang daripada kegiatan tersebut merebak.

(iv) Sehingga kini, beberapa serbuan dan rampasan telah dibuat di premis-premis yang menjalankan kegiatan memberi pinjaman wang tanpa lesen (along).

Kerajaan negeri melalui MPPP dan MPSP sentiasa bekerjasama dengan pihak polis dalam mengambil tindakan untuk membendung aktiviti along termasuk tindakan menurunkan stiker, iklan dan poster along yang haram ini.

VII. Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah jumlah saudara baru yang telah memeluk Islam di Negeri Pulau Pinang sejak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih pemerintahan pada tahun 2008 hingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Jumlah Saudara Baru yang telah memeluk Islam pada tahun 2008 hingga Julai 2009 ialah 401 orang. Jumlah statistik pengislaman mengikut bangsa bagi tahun 2008 dan 2009 (sehingga 15 Julai 2009) seperti di ruangan salinan berkepil.

STATISTIK SAUDARA KITA

Bil		*Tahun / Jantina*			
	Bangsa	**2008**		**2009 (*Hingga 15 Julai 2009)**	
	Warganegara Malaysia	**Lelaki**	**Perempuan**	**Lelaki**	**Perempuan**
1	Cina	62	20	27	11
2	India	40	16	31	15
3	Punjabi	4	2	1	
4	Serani	1		1	
5	Bidayuh			1	1
6	Iban	11	5	7	
7	Dusun/Kadazan	7	3	6	5
8	Melanau	1			
9	Murut	4			2
10	Rungus				2
11	Siam		4	1	2
	JUMLAH WARGA NEGARA (A)	**130**	**50**	**75**	**38**

	Bukan Warganegara Malaysia	**Lelaki**	**Perempuan**	**Lelaki**	**Perempuan**
1	Eropah*	11	2	2	2
2	Amerika			1	
3	Mexico	1			
4	Filipina	1	2		3
5	Indonesia	2	14	1	13
6	Jepun		1		
7	Kemboja		3	1	1
8	Myanmar	4		4	
9	Nepal	9		3	
10	Nigeria	4		2	
11	Thailand	2	4	1	3
12	Vietnam	1			3
13	Sri Lanka			1	
14	Laos				1
15	Australia			2	
16	India			2	
17	China				1
	Jumlah Bukan Warga Negara (B)	**35**	**26**	**20**	**27**
JUMLAH (A) T (B)		**165**	**76**	**95**	**65**
Jumlah Keseluruhan		**241**		**160**	

SAMBUNGAN SOALAN BERTULIS KEPADA SOALAN BERTULIS

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila nyatakan kawasan-kawasan yang masih lagi menjadi kawasan strategik lokasi kes jenayah di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah pada masa ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Secara keseluruhannya indeks jenayah di Pulau Pinang masih berada di tahap terkawal. Walaupun, kerajaan dengan kerjasama pihak polis dan Pihak Berkuasa Tempatan telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk menangani masalah keselamatan yang dihadapi oleh orang awam, kes jenayah masih lagi terdapat di beberapa kawasan di Negeri Pulau Pinang.

Kawasan strategik bagi lokasi jenayah ini melibatkan setiap daerah iaitu melibatkan Daerah Barat Daya, Daerah Timur Laut, Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara. Lokasi strategik kes jenayah di Pulau Pinang mengikut pecahan daerah ialah seperti berikut:

(i) Daerah Barat Daya

(a) Lengkok Mahsuri
(b) Persiaran Mayang Pasir
(c) Taman Seri Bayu
(d) Flat Mutiara Perdana

(ii) Daerah Tmur Laut

(a) Gat Lebuh Macallum
(b) Flat Padang Tembak
(c) Medan Angsana
(d) Tingkat Paya Terubong

(iii) Daerah Seberang Perai Selatan

(a) Kawasan Flat Taman Jentayu
(b) Taman Merak
(c) Taman Puteri Gunung
(d) Kawasan Taman Jawi Jaya

(iv) Daerah Seberang Perai Tengah

(a) Apartment Permata
(b) Flat Teluk Indah
(c) Kawasan Flat Seri Janggus
(d) Flat Tenggiri

(v) Daerah Seberang Perai Utara

(a) Flat Ampang Jajar
(b) Mak Mandin
(c) Taman Pantai Bersih
(d) Taman Pandan

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila nyatakan tanah-tanah wakaf yang tidak dapat dibangunkan di Negeri Pulau Pinang dan berikan beberapa fakta mengapa ianya tidak dapat dibangunkan dalam masa yang terdekat ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) mempunyai sejumlah 1095 buah lot tanah wakaf. Namun begitu, tidak semua tanah-tanah wakaf ini boleh digunakan untuk tujuan pembangunan kerana merupakan wakaf khas seperti untuk tujuan perkuburan, masjid, sekolah agama atau pun surau sahaja. Daripada jumlah tersebut, hanya beberapa tanah sahaja yang telah dikenal pasti mempunyai potensi untuk dibangunkan. Di antara tanah-tanah yang berpotensi untuk dibangunkan adalah seperti berikut:-

Daerah Timur Laut

(i) Lot 30, Kampong Makam, DTL
(ii) Lot 1396, Sekyen 5, DTL

Daerah Barat Daya

(i) Lot 1380, 1381, 1382, Mukim 12, Daerah Barat Daya
(ii) Lot 6, Mukim E, Daerah Barat Daya
(iii) Lot 277, Mukim E, Daerah Barat Daya
(iv) Lot 285, Mukim E
(v) Lot 92, Mukim E
(vi) Lot 1798 dan 1799, Mukim 12, Daerah Barat Daya
(vii) Lot 370, Mukim 2
(viii) Lot 247, Mukim G
(ix) Lot 263, Mk 12, DBD

Daerah Seberang Perai Utara

(i) Lot 717, Mukim 16
(ii) Lot 496, Mukim 14
(iii) Lot 2293, Mukim 7
(iv) Lot 121, Mukim 7
(v) Lot 208, Seksyen 2

Daerah Seberang Perai Selatan

(i) Lot 165, Mukim 12
(ii) Lot 554, Mukim 5
(iii) Lot 555, Mukim 5

Daerah Seberang Perai Tengah

(i) Lot 631 dan 633, Seksyen 3
(ii) Lot 502, Mukim 19
(iii) Lot 865, Mukim 19
(iv) Lot 1277, Mukim 20
(v) Lot 119, Mukim 4
(vi) Lot 200, Mukim 4
(vii) Lot 252, Mukim 4
(viii) Lot 737,1152,739,740, 741, 743,744 dan 745, Mukim 4

Dalam usaha untuk membangunkan tanah-tanah wakaf yang berpotensi ini, terdapat beberapa kekangan yang menghalang MAINPP untuk memastikan pembangunan dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Antara kekangan tersebut adalah:

(i) Setinggan Dan Penyewa Di Atas Tanah Wakaf

Tanah-tanah wakaf yang mempunyai nilai tinggi dan terletak di lokasi yang strategik kebanyakannya telah pun dipenuhi oleh penyewa tapak dan setinggan. Dalam usaha MAINPP membangunkan tanah-tanah wakaf yang mempunyai setinggan dan penyewa tapak, pertimbangan yang serius perlu dititik beratkan dari segi

sosiopolitik dan juga kewangan. Ini kerana untuk mendapatkan milikan kosong bagi tanah-tanah tersebut membabitkan implikasi kewangan yang tinggi. Selain daripada itu, MAINPP juga perlu menghadapi bantahan daripada penduduk, menyelesaikan masalah setinggan dan pelbagai halangan lagi sepanjang proses tersebut.

(ii) Kekurangan Sumber Kewangan

Untuk membangunkan tanah-tanah wakaf ini, MAINPP perlu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh kerana setiap pembangunan memerlukan sumber dana yang tinggi. Walau bagaimana pun, MAINPP masih tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi bagi tujuan tersebut terutamanya yang melibatkan pembangunan berskala besar. Ini menyebabkan MAINPP perlu bertindak untuk mencari pelbagai alternatif sumber kewangan bagi membiayai pembangunan di atas tanah wakaf seperti melalui perkongsian pintar dengan syarikat swasta dan GLC, peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan juga melalui kumpulan hasil wakaf.

(iii) Lokasi Dan Saiz Tanah Wakaf

Terdapat sebahagian daripada tanah wakaf terletak di dalam lokasi yang kurang strategik, tidak ekonomi dan tidak begitu berpotensi untuk dimajukan. Terdapat juga sesetengah tanah wakaf yang terletak di dalam lokasi yang strategik untuk dibangunkan tetapi tertakluk dengan amanah pewakaf atau pun mempunyai syarat nyata, sekatan kepentingan yang tidak membolehkan tanah tersebut dimajukan sebagaimana yang diperlukan ketika ini iaitu perumahan dan komersial.

Saiz tanah wakaf juga ada kalanya tidak ekonomik untuk dibangunkan kerana terlalu kecil atau bentuk yang tidak begitu sesuai. Walaupun cantuman beberapa lot ada kalanya boleh dilaksanakan atau pun pembangunan secara pakej pernah diusahakan oleh MAINPP, namun hasilnya sehingga kini masih belum berjaya. Untuk membangunkan sesebuah lot dengan skim perumahan atau komersial, terdapat beberapa syarat dan kehendak PBT yang perlu dipenuhi. Oleh yang demikian, ada kalanya tanah yang bersaiz kecil ini dilihat tidak berdaya maju untuk dibangunkan walaupun sesetengahnya terletak di lokasi yang strategik.

(iv) Masalah Pentadbiran Dan Pengurusan

Satu lagi masalah utama yang terpaksa dihadapi oleh MAINPP adalah kekurangan pegawai pelaksana termasuk kekurangan tenaga kerja, beban kerja yang melampau, pegawai yang tidak berkemampuan dan juga pekerja yang tidak tetap. Masalah ini menyebabkan MAINPP tidak dapat membuat perancangan pembangunan tanah-tanah wakaf dengan lebih terperinci dan menyeluruh. Selain itu, ia juga akan menyebabkan pembangunan yang cuba dilaksanakan tidak dapat mengikut jadual akibat daripada kekurangan pemantauan dan penglibatan MAINPP secara langsung di dalam sesebuah pembangunan tersebut.

(v) Persepsi Masyarakat Terhadap Harta Wakaf

Kebanyakan masyarakat masih berpandangan bahawa tanah wakaf hanya untuk pembinaan masjid dan tanah perkuburan sahaja. Oleh itu, usaha MAINPP di dalam memperluaskan lagi penggunaan tanah wakaf bagi tujuan kemakmuran masyarakat Islam menerusi penyediaan kediaman, ruang niaga untuk aktiviti ekonomi, penyediaan pusat kesihatan dan aktiviti sosial tidak begitu mendapat sokongan masyarakat umum. Penyertaan awam secara langsung dalam usaha perancangan pembangunan adalah salah satu aspek yang penting. Masalah yang berlaku adalah keengganan masyarakat yang terlibat dengan pembangunan tanah wakaf untuk bekerjasama dan membantu MAINPP untuk membangunkan tanah-tanah wakaf termasuklah juga orang ramai yang memberi pelbagai tekanan dalam usaha tersebut.

(vi) Kegagalan Kontraktor Yang dilantik

Terdapat juga kes pembangunan tanah wakaf secara usaha sama dengan kontraktor yang dilantik. Kegagalan ini disebabkan kontraktor perlu menghadapi masalah kewangan yang menyebabkan prestasi pelaksanaan projek lambat atau gagal disiapkan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah pandangan kerajaan setakat ini mengenai Projek Gurney Paragon yang dikatakan menelan belanja berbilion ringgit yang telah pun diluluskan pembinaannya oleh kerajaan yang terdahulu. Apakah pandangan beberapa NGO terhadap pembinaan projek ini akan diambil kira oleh Kerajaan Negeri untuk meneruskannya atau menangguhkannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Projek Gurney Paragon telah diberi kebenaran merancang pada 28 November 2006 tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Notis lot berjiran di bawah Seksyen 21(6), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 telah dihantar kepada empunya-empunya lot berjiran termasuk pemilik-pemilik parsel unit Gurney Park. Bantahan-bantahan telah diterima dan pendengaran bantahan telah dibuat mengikut peruntukan akta sedia ada.

Kerja-kerja pembinaan bagi projek Gurney Paragon ini dijalankan berdasarkan kepada pelan-pelan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Tolong gariskan beberapa penjimatan terhadap kos perbelanjaan yang cuba dilakukan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat berbanding Kerajaan BN yang dahulu dalam satu tahun pemerintahannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan negeri telah mengeluarkan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 11 Tahun 2008: Langkah-langkah Bagi Memperketat Kawalan Perbelanjaan Kerajaan Negeri bertarikh 30 Jun 2008 yang memfokuskan kepada tindakan bagi mengurangkan perbelanjaan sektor awam. Antara langkah-langkah penjimatan ialah:

(i) Ketua jabatan dan pegawai adalah digalakkan mengguna perjalanan tambang murah selain daripada MAS seperti *Firefly* dan *Air Asia* bagi penerbangan domestik. Bagi pegawai-pegawai yang layak menaiki penerbangan kelas satu (1), mereka digalakkan menaiki kelas ekonomi. Semua anggota pentadbiran negeri termasuk Y.A.B. Ketua Menteri, menaiki kelas ekonomi bagi penerbangan domestik dan ke luar negara.

(ii) Kursus/seminar/bengkel yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan mengguna bangunan dan kemudahan sedia ada milik kerajaan. Kemudahan di hotel dibenarkan sekiranya melibatkan tetamu-tetamu negeri dan dengan kelulusan khas;

(iii) Perbelanjaan bagi menyediakan makanan dan minuman untuk majlis-majlis rasmi hendaklah secara sederhana dengan kadar kelayakan yang dibenarkan;

(iv) Pegawai dan anggota jabatan digalakkan menggunakan kenderaan rasmi jabatan dan tidak kenderaan persendirian untuk menjalankan tugas rasmi;

(v) Penggunaan utiliti seperti bekalan elektrik (lampu pejabat, hawa dingin) ditutup pada waktu rehat bagi menjimatkan kos;

(vi) Kerja ubahsuai pejabat dan perpindahan ke pejabat baru ditangguhkan kecuali mendapat kelulusan khas atas keperluan mendesak;

(vii) Pembekuan pembelian aset baru dan penangguhan pembelian yang belum komited. Pembelian aset sekiranya perlu ialah hanya dengan kebenaran khas; dan

(viii) Kadar bayaran elaun kehadiran mesyuarat kepada pengerusi dan Ahli Mesyuarat Lembaga/Majlis di Badan-badan Berkanun Negeri telah dipiawaikan dan dikurangkan kepada RM150.00 bagi pengerusi, RM100.00 ahli dan RM30.00 jika mesyuarat di peringkat jawatankuasa.

Kesan daripada langkah-langkah yang diambil, pada tahun kewangan 2008, perbelanjaan mengurus sebenar Kerajaan Negeri ialah RM283.15 juta berbanding RM318.56 juta yang dianggarkan (bajet) iaitu berkurangan sejumlah RM35.41 juta atau 11.1 peratus daripada anggaran diluluskan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah keuntungan terbesar yang diperoleh oleh Kerajaan Pakatan Rakyat apabila kini melaksanakan tender terbuka berbanding cara lama yang dilakukan oleh kerajaan terdahulu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Urusan tender terbuka yang berbeza kini dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri berbanding cara lama oleh kerajaan terdahulu ialah sistem perolehan masa kini ialah secara elektronik berbanding dengan sistem konvensional terdahulu. Melalui sistem e-Perolehan kini, urusan hebahan, penjualan dan pembelian dokumen tender/sebut harga ialah secara atas talian dan lebih ramai kontraktor yang menepati kehendak tender/sebut harga dapat menyertai sesuatu tawaran. Perolehan sebegini adalah yang paling sesuai dan menguntungkan kepada pihak kerajaan dan kontraktor.

Berbanding dengan kaedah perolehan biasa, e-Perolehan atau perolehan secara elektronik membawa banyak manfaat kepada kedua-dua pihak kerajaan dan kontraktor serta juga masyarakat umum di mana penjimatan kos, masa dan tenaga dapat dimaksimumkan. Di samping itu, sistem e-Perolehan dapat menjamin akauntabiliti dan ketelusan dalam semua proses perolehan kerajaan, mengurangkan karenah birokrasi dan yang lebih penting lagi ialah kaedah ini menjamin *value for money* bagi semua projek Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah satu bentuk perancangan yang menyeluruh yang mampu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sekarang supaya rakyat tidak kira bangsa, agama dan warna kulit dapat menikmati pembangunan yang seimbang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Dalam mewujudkan perancangan yang menyeluruh tanpa mengira bangsa, agama dan warna kulit, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan perancangan pembangunan lima tahun di samping menyediakan peruntukan dalam bajet pembangunan negeri setiap tahun dengan memberi fokus kepada *'people centric'*. Tumpuan akan diberikan kepada misi pembangunan negeri iaitu:-

(i) Mewujudkan pertumbuhan ekonomi mapan dan mengukuhkan daya saing dalam menempuh cabaran globalisasi;

(ii) Memastikan perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan ekonomi dan sosial dibuat dengan mengutamakan keseimbangan di antara

fizikal dan alam sekitar, material dan kerohanian serta menuju matlamat meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat;

(iii) Memastikan pembangunan yang menyeluruh meliputi semua sektor pembangunan utama iaitu sektor pembuatan, perkhidmatan, pelancongan dan lain-lain dengan mengamalkan prinsip C.A.T (Cekap, Akauntabiliti dan Telus) serta 3I (*Intelligence, Integrity and International).*

Dalam melaksanakan projek-projek pembangunan, Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada strategi 3P iaitu *'Pro Growth'* iaitu merancakkan ekonomi, *'Pro Job'* iaitu mewujudkan peluang pekerjaan dan *'Pro Poor'* iaitu membasmi kemiskinan. Justeru Kerajaan Negeri memberi penekanan yang meliputi aspek-aspek berikut:-

(i) Membangunkan modal insan yang berkemahiran, kompeten dan profesional serta bertaraf antarabangsa sebagai aset terpenting Negeri Pulau Pinang;

(ii) Mewujudkan tadbir urus yang cekap, akauntabiliti dan telus;

(iii) Meningkatkan penglibatan awam dalam proses perancangan sebagai saluran konsultatif melalui sesi dialog, forum, perbincangan dan lain-lain platform; dan

(iv) Menjalinkan kerjasama dan perkongsian strategik dengan pihak *stakeholder*s, institusi-institusi dan syarikat di peringkat domestik, nasional dan antarabangsa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah langkah-langkah yang telah dan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memulihkan Stadium Batu Kawan yang dibina oleh kerajaan terdahulu yang dikatakan sudah tergolong sebagai salah satu projek Gajah Putih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Pelbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memulihkan kembali Stadium Negeri Batu Kawan. Kerajaan negeri dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan persatuan-persatuan sukan, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan telah pun menganjurkan beberapa program untuk menjadikan Stadium Negeri Batu Kawan sebagai Stadium Komuniti seperti program "Pi Batu Kawan – Karnival Buah-buahan dan Makanan 2009", Liga Bola Sepak Piala Malaysia, Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang, Astro Ceria dan sesi latihan skuad SUKMA untuk acara balapan dan silambam. Dengan penggunaan yang berterusan di stadium berkenaan menjadikan ia lebih berfungsi.

Kerajaan negeri juga menjadikan perkarangan Stadium Negeri Batu Kawan sebagai pusat sukan permotoran sama ada secara mingguan, bulanan atau tahunan. Acara-acara sukan bermotor yang telah dikenal pasti ialah Kejuaraan Cup Prix Malaysia AAM Petronas, Pertandingan Radio kawalan jauh, Pertandingan *Pocket Bike*, Demonstrasi KTM, Pertandingan *Go Kart*, Pertandingan *Motor Cross*, Demonstrasi Helikopter Kawalan Jauh, Pertandingan Layang-layang dan Demonstrasi *Drift*.

Selain, Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan beberapa jabatan dan agensi-agensi kerajaan bagi menganjurkan aktiviti bersukan, berekreasi dan penjualan makanan secara bulanan. Adalah diharapkan dengan penganjuran aktiviti-aktiviti seumpama ini, maka Stadium Negeri Batu Kawan akan menjadi sebuah stadium komuniti yang terbaik di Malaysia.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bagaimanakah status Projek Monorel di Pulau Pinang untuk mengatasi kesesakan lalu lintas di Pulau Mutiara ini? Apakah ianya akan dilupakan begitu saja atau sejauh manakah kemajuan pelaksanaannya setakat ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Projek penswastaan termasuk projek penswastaan oleh Kerajaan Negeri adalah di bawah penyelarasan Seksyen Penswastaan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan Persekutuan sebelum ini bercadang supaya projek Monorel Pulau Pinang dilaksanakan melalui Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB). Walau bagaimanapun, usaha ini terpaksa ditangguhkan disebabkan oleh kekangan peruntukan serta keperluan terhadap projek-projek lain yang lebih mendesak.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah rancangan kerajaan di atas tapak tanah seluas 20 hektar ke sebelah utara Bayan Bay yang dicadangkan sebagai Mini Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan Negeri seperti yang dirancang oleh kerajaan lama, tetapi telah dibatalkan oleh kerajaan baru.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Mengikut perancangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), kawasan di utara Bayan Bay di rancang untuk pembangunan seperti berikut: -

(a) Tapak seluas 89 ekar dirancang untuk projek perumahan dan kemudahan-kemudahan berkaitan.

(b) Tapak seluas lebih kurang 20 ekar dirancang untuk projek institusi/pejabat dan komersial bagi menampung MNC *Regional Centre* dan *Medical Tourism*.

Berdasarkan perancangan terbaru ini yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri, cadangan Mini Putrajaya telah digugurkan demi menjimatkan kos dan tidak membazirkan wang rakyat lebih RM500 juta yang akan membebankan rakyat.

Sebaliknya akan digunakan untuk menjalankan projek yang boleh menjana pulangan tinggi kepada Kerajaan Negeri yang boleh memanfaatkan rakyat dan bukanlah kroni-korni tertentu.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sudahkah wujud satu Jawatankuasa untuk membaik pulih semula KOMTAR yang akan bertindak mewujudkan konsep baru bagi KOMTAR sebagai Pusat IT. Jika ada tolong senaraikan nama-nama Jawatankuasa tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Satu Jawatankuasa sememangnya telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri iaitu Jawatankuasa Pemulihan KOMTAR yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Ng Wei Aik, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan KOMTAR merangkap Setiausaha Politik kepada Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang. Peranan Jawatankuasa ini ialah bagi menumpukan usaha pemulihan KOMTAR secara keseluruhannya dan KOMTAR sebagai pusat IT (Teknologi Maklumat).

Untuk makluman Y.B., pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) sebelum ini memang ada menerima beberapa pertanyaan daripada pelabur-pelabur yang berminat untuk menyewa ruang *anchor tenant* di KOMTAR bagi mewujudkan pusat IT. Walau bagaimanapun, PDC tidak hanya mengehadkan kepada pelabur berasaskan IT sahaja. PDC sentiasa terbuka kepada sebarang aktiviti lain yang dicadangkan oleh pelabur, asalkan ianya bersesuaian dan dapat menarik lebih ramai pengunjung untuk kembali ke KOMTAR dan seterusnya membantu merancak dan memulihkan KOMTAR.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (Y.B. Dato' Mohd. Hamdan Bin Abd. Rahman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Setakat ini sejauh manakah projek-projek yang telah diluluskan oleh kerajaan lama untuk dibangunkan di negeri ini telah dikaji semula oleh kerajaan baru Pakatan Rakyat agar ianya menepati kehendak dan kepentingan kepada rakyat dan tidak hanya untuk kepentingan golongan tertentu sahaja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Setakat ini projek-projek yang telah diluluskan oleh kerajaan lama untuk dibangunkan di negeri ini tidak dikaji semula oleh kerajaan baru Pakatan Rakyat sebaliknya ia terus dilaksanakan. Ini adalah kerana kerajaan baru Pakatan Rakyat sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat dan tidak hanya mementingkan golongan tertentu sahaja. Berikut adalah status projek pembangunan bagi tahun 2008 yang telah diluluskan oleh kerajaan lama:

Bil	Status Projek	Jumlah
i	Projek/Program Diluluskan	539
ii	Projek/Program Siap	494
iii	Projek/Program Sedang Dilaksanakan (sambungan)	43
iv	Projek/Program Ditangguhkan	2

VIII. Ahli Kawasan Sungai Bakap(Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Industri nasi kandar didapati tidak menyumbang kepada peluang pekerjaan warga tempatan:

   (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang melaksanakan sistem kuota seperti yang ditetapkan ke atas Industri Perkilangan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Industri nasi kandar yang terdapat di Pulau Pinang telah memberi banyak peluang pekerjaan kepada warga tempatan sebagai contohnya pelayan, juruwang dan tukang masak. Pengambilan pekerja asing dilakukan disebabkan upah yang diberikan adalah dalam kadar yang rendah berbanding warga tempatan. Walau bagaimanapun, pengambilan pekerja dalam industri nasi kandar adalah di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri dan setakat ini, Kerajaan Negeri masih belum merancang untuk melaksanakan sistem kuota seperti yang ditetapkan ke atas Industri Perkilangan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap(Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Difahamkan tender pasar awam masih belum diselesaikan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan kontraktor sedia ada masih dilanjutkan tempoh tender dari bulan ke bulan, sedangkan kerja-kerja penyelenggaraan tidak memuaskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. MPSP telah melantik kontraktor baru pada 16 Jun 2009. Kontraktor sebelumnya tidak lagi menjalankan perkhidmatan pembersihan di pasar awam. Ini bermakna lanjutan tempoh tender dari bulan ke bulan tidak berlaku. Prestasi kontraktor-kontraktor baru yang dilantik sentiasa dipantau dan jika perkhidmatan mereka didapati tidak memuaskan, tindakan akan diambil, termasuk penamatan perkhidmatan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap(Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah Kerajaan Negeri bersedia menerima pembiayaan dari mana-mana sumber untuk membiayai mana-mana projek Kerajaan Negeri.

   (a) Sekiranya ya, apakah kriteria pembiayaan yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan negeri sememangnya bersedia menerima pembiayaan daripada mana-mana pihak dalam membiayai pelaksanaan projek pembangunan kerana negeri ini tidak boleh mengharapkan semata-mata daripada sumber hasil negeri yang terhad. Setakat ini sumber utama hasil negeri adalah daripada kutipan cukai tanah sedangkan kita sedia maklum bahawa keluasan tanah Kerajaan Negeri amat terbatas untuk tujuan pembangunan. Malah setakat ini bagi mana-mana projek pembangunan yang melibatkan keluasan tanah yang besar, Kerajaan Negeri terpaksa melaksanakan proses pengambilan balik tanah yang mana memerlukan kos yang tinggi bagi melaksanakan sesuatu projek pembangunan. Oleh yang demikian Kerajaan Negeri menggalakkan mana-mana pihak sama ada daripada pihak Kerajaan Persekutuan ataupun swasta yang ingin memberi sumbangan untuk membiayai pelaksanaan projek pembangunannya secara perkongsian bijak sama ada melalui sistem pajakan bagi tanah-tanah Kerajaan Negeri sedia ada atau pun melalui kaedah penswastaan/pemberian milik.

   Kriteria pembiayaan yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri ialah:

   (i) Projek yang dilaksanakan hendaklah memberi manfaat kepada rakyat;

   (ii) Dapat menjana pertumbuhan ekonomi negeri dan mewujudkan peluang pekerjaan;

   (iii) Bertaraf antarabangsa dan mampu meningkatkan imej Pulau Pinang di peringkat global;

   (iv) Mampu mempertingkatkan daya saing negeri ini ke tahap global;

   (v) Menjadikan Pulau Pinang sebagai hub antarabangsa untuk pendidikan, kesihatan dan pengangkutan;

   (vi) Memperkukuhkan Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama bukan sahaja di Malaysia tetapi hingga ke peringkat antarabangsa;

   (vii) Memberi peluang kepada usahawan tempatan memperluaskan urus niaga hingga ke pasaran antarabangsa; dan

   (viii) Projek yang berbentuk mesra alam dan tidak menjejaskan kualiti alam sekitar negeri termasuk yang mengutamakan mekanisme pembersihan dalam pembangunan.

Ahli Kawasan Sungai Bakap(Y.B. Tuan Maktar Bin Haji Shapee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Masalah lalat di SPS, begitu membimbangkan:-

   (a) Apakah perancangan tindakan Kerajaan Negeri bagi menyelesaikan masalah ini

   (b) Bilakah masalah ini akan berakhir.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan negeri dengan kerjasama Kementerian Kesihatan, jabatan dan agensi lain di peringkat negeri mempunyai perancangan serta disusuli tindakan tertentu bagi menangani masalah lalat ini.

(a) Di antara perancangan dan usaha-usaha yang dibuat adalah:-

(i) Memberi nasihat teknikal untuk memastikan pembiakan lalat di ladang ternakan ayam adalah terkawal. Antara nasihat-nasihat yang diberikan adalah supaya penternak-penternak ayam di ladang mempraktikkan *Good Animal Husbandry*;

(ii) Penternak-penternak ayam juga diminta memastikan bahawa sistem pembuangan najis adalah teratur mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Veterinar; dan

(iii) Semburan racun *k-othrine* pada longgokan najis juga boleh dilakukan untuk mengelak lalat daripada membiak. Selain daripada itu, penternak-penternak diminta memastikan bahawa kebersihan di ladang mereka sentiasa berada di tahap yang baik.

Perancangan proaktif oleh Jabatan Veterinar sedang dilaksanakan iaitu dengan menggunakan teknologi *Useful Microbes (UM)* ke atas semua ladang ternakan sedang diusahakan. Pada Fasa Pertama, tumpuan adalah ke atas semua ladang khinzir di Kampung Valdor. Penggunaan UM bukan sahaja dapat mengatasi masalah-masalah bau, lalat dan pencemaran malahan dapat juga menambahkan kadar pengeluaran. Setakat ini, 54 peratus daripada kesemua ladang khinzir di kawasan Kampung Valdor telah menggunakan UM di ladang. Beberapa ladang penelur ayam dan ayam pedaging telah menggunakan UM dan masalah lalat serta bau telah dapat diatasi. Pelaksanaan program adalah sama seperti yang dijalankan ke atas ladang-ladang khinzir di kawasan Kampung Selamat.

(b) Masalah lalat ini dapat ditangani menerusi usaha-usaha yang berterusan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak-pihak tertentu. Walau bagaimanapun, masyarakat turut mempunyai peranan dalam memastikan kebersihan dan masalah ini dapat diselesaikan.

IX. Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan sektor ekopelancongan di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan negeri melalui Jabatan Perhutanan telah menubuhkan dan mengendalikan tapak ekopelancongan di Taman Negeri Bukit Panchor, Taman Rimba Bukit Mertajam, Taman Rimba Telok Bahang, Anjung Indah Bukit Relau, Muzium Perhutanan Telok Bahang dan denai hutan *"Penang Hill Challenge"* dari Telok Bahang ke Bukit Bendera. Di bawah RMKe-9 sejumlah RM17.6 juta telah diperuntukkan bagi tujuan melaksanakan projek-projek pembangunan di Negeri Pulau Pinang.

Di samping itu, sebahagian daripada kawasan Pulau Jerejak iaitu seluas ± 295 hektar sedang dalam proses untuk diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal dan akan dikelaskan sebagai Hutan Taman Negeri. Kawasan ini juga berpotensi untuk dijadikan satu lagi produk ekopelancongan yang akan diuruskan dengan mampan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Pulau Pinang. Peruntukan yang secukupnya akan diperolehi dalam RMKe-10 bagi tujuan pembangunan di kawasan tersebut.

Penghasilan risalah dan buletin pelancongan *newsletter* yang menyediakan informasi pelancongan serta promosi produk pelancongan yang terdapat di Pulau Pinang juga membantu mempromosi produk ekopelancongan yang terdapat di Pulau Pinang. Buletin

pelancongan ini dihantar secara mingguan melalui e-mel kepada pelanggan-pelanggan yang berdaftar.

Selain itu, promosi pelancongan turut dilakukan melalui laman *web facebook* yang mendapat sambutan menggalakkan dan telah disertai oleh 10,000 ahli. Melalui usaha-usaha tersebut di atas, produk ekopelancongan yang terdapat di Pulau Pinang dapat terus dinikmati oleh pelancong dari dalam dan luar negara.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila nyatakan berapa jumlah hak milik strata yang telah dikeluarkan di seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga bulan Julai 2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Jumlah hak milik strata yang telah didaftarkan bagi seluruh Negeri Pulau Pinang sehingga 1 Julai 2009 adalah seperti berikut:-

DAERAH	SKIM	PETAK
TIMUR LAUT	660	91,820
BARAT DAYA	231	17,972
SEBERANG PERAI TENGAH	308	22,804
SEBERANG PERAI SELATAN	46	3,225
SEBERANG PERAI UTARA	112	10,718
JUMLAH	**1,357**	**146,539**

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila nyatakan apakah pencapaian oleh Kerajaan Negeri dalam perusahaan halal hub.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pencapaian Kerajaan Negeri dalam Hab Halal Antarabangsa Pulau Pinang dari Mac hingga Julai 2009 ialah seperti berikut:

(a) Penyertaan Kerajaan Negeri di World Halal Forum 2009 (WHF) dan Malaysia *International Halal Showcase* 2009 (MIHAS).

Penyertaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam WHF pada 4 hingga 5 Mei 2009 dan MIHAS pada 6 hingga 10 Mei 2009 telah berjaya membuka mata banyak pihak sama ada tempatan mahupun luar negara. Ini kerana konsep halal hab yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang berbeza dengan halal hab negeri lain seperi Selangor dan Sarawak contohnya kerana halal hab di Pulau Pinang mengetengahkan konsep holistik yang merangkumi seluruh Negeri Pulau Pinang sebagai hab halal. Ini merupakan penyertaan pertama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam kedua-dua acara berprestij yang melibatkan penyertaan dari pelbagai pelosok negara.

Enam Memorandum Persefahaman (MOU) telah berjaya ditandatangani semasa WHF 09 iaitu:

(i) Penang International Halal Hub (PIHH) Development Sdn. Bhd dengan Asian Finance Bank Bhd dan Unicorn International Islamic Bank.

(ii) PIHH Development Sdn. Bhd dengan Al-Jawhara Group of Hotels.

(iii) PIHH Development Sdn. Bhd dengan Hotel Sri Malaysia dan D' Feringghi Hotel & Restaurant.

(iv) PIHH Development Sdn. Bhd dengan Global Livestock Corporation Sdn. Bhd, Fresh Frozen Resources Sdn. Bhd dan Intan Farm (M) Sdn Bhd.

(v) Halagel (M) dengan Penang Development Corporation (PDC)

(vi) Penang Port dengan Century Total Logistics Sdn. Bhd.

Kejayaan menandatangani enam Memorandum Persefahaman (MoU) bersama syarikat di atas menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memartabatkan industri halal dan memacu pertumbuhan ekonomi Negeri Pulau Pinang dan ianya menjadi acara kemuncak WHF 2009

Kejayaan yang dicapai semasa MIHAS 2009 ialah dua Memorandum Persefahaman telah ditandatangani antara:

(i) PIHH Development Sdn. Bhd dengan A La Turko Pty Ltd, syarikat yang memiliki rangkaian kebab terbesar di Australia.

- Kerjasama antara A La Turko Pty Ltd akan menjadikan Pulau Pinang sebagai hab pemprosesan, pembungkusan dan R&D dalam membekalkan kebab halal sejuk beku di Malaysia,Indonesia, Thailand dan China di masa hadapan dan PIHH Sdn. Bhd. menjadi *"franchiase*" utama.

(ii) PIHH Development Sdn. Bhd dengan Al-Mataf Global, entiti pengedar terbesar di Arab Saudi.

- Kerjasama dengan Al-Mataf Global akan membawa kepada kejayaan menembusi pasaran Arab Saudi dalam memperkenalkan pelbagai produk dan servis yang dibawa dari Pulau Pinang.

  Selain itu, beberapa negara luar yang majoriti penduduknya bukan beragama Islam seperti Bosnia, United Kingdom, Australia dan Rusia telah menunjukkan minat mendalam dalam usaha Kerajaan Negeri memartabatkan industri halal di Pulau Pinang. Mereka ingin menjadikan Pulau Pinang sebagai contoh negeri hab halal untuk diadaptasikan di Negara mereka kelak.

(b) Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB) mendapat pengiktirafan pensijilan pengurusan kualiti menurut keperluan syariah.

Selain itu, PPSB yang menandatangani MoU dengan Syarikat Century Total Logistics telah mencatat sejarah menjadi pelabuhan pertama di Malaysia menerima pengiktirafan pensijilan pengurusan kualiti menurut keperluan syariah sebagai persediaan untuk menjadi pelabuhan yang mengendalikan produk halal. Sijil itu juga memudahkan PPSB mendapatkan pengeluar produk halal dari Yala, Surat Thani dan Narathiwat untuk menggunakan kemudahan penyimpanan dan pembungkusan yang disediakan di Pelabuhan Pulau Pinang sebelum produk mereka dieksport ke Asia Barat dan Afrika.

(c) Misi Pelaburan Kerajaan Negeri ke luar negara. Beberapa kejayaan lain yang turut dicapai dalam rangka lawatan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam beberapa misi pelaburannya seperti:

(i) Lawatan susulan Program Halal Hub Ke Jeddah dan Riyadh pada 3 - 9 Jun 2009.

- Hubungan dua hala antara usahawan-usahawan di Riyadh dan Jeddah berjaya ditingkatkan.

- Syarikat Al-Mataf Global yang menandatangani MoU semasa MIHAS 2009 telah bersetuju:

(a) Memulakan proses mendapatkan kepakaran tertentu bagi

menyediakan kertas kerja '*blue print*' bagi membangunkan industri halal

(b) Mendapatkan kepakaran pengurusan hotel

- *Riyadh Food* merancang untuk membuka kilang mereka di Pulau Pinang dengan anggaran kawasan yang diperlukan seluas 30,000m persegi.

(ii) Misi Pelaburan ke Wilayah Henan, China pada 15-19 Jun 2009. Beberapa pertemuan penting yang diatur telah membawa kepada:

(a) Kejayaan mewujudkan hubungan diplomatik, kerjasama dua hala dan program berkembar di antara Pulau Pinang dan Wilayah Henan.

(b) Kerjasama strategik dalam bidang pembangunan ekonomi dengan wilayah Henan.

(c) Program pertukaran kebudayaan, kesenian dan inovasi dalam bidang perniagaan dengan wilayah Henan.

(d) Perancangan mengadakan kerjasama dalam bidang pembangunan industri halal.

(e) Perancangan membawa pemilik restoran Muslim terbesar iaitu Restoran Danni di Henan untuk membuka cawangannya di KOMTAR (Tower) dan Kuala Lumpur.

(f) Perancangan membantu Shanghai Yishoujin Xuchang Biological Pharmacy Co. Ltd dan Henan Shijixiang Edible Mushroom Co. Ltd untuk memulakan operasi di Pulau Pinang.

(g) Mendapatkan rakan perniagaan di Henan bagi mengedarkan produk-produk dari Pulau Pinang untuk memasuki pasaran China seperti kopi putih 3 dalam 1, makanan segera dan lain-lain.

(h) Syarikat Halagel (M) Sdn. Bhd merancang mendapatkan rakan niaga di Henan untuk memulakan operasi pengeluaran gelatin halal.

(ii) Misi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Negara Singapura pada 16-18 Julai 2009.

Beberapa pertemuan rasmi yang diadakan telah membawa kepada hubungan diplomatik kepada kedua-dua negara iaitu Singapura dan Pulau Pinang untuk saling mengadakan kerjasama perdagangan di masa hadapan. Beberapa perancangan telah dibuat semasa pertemuan iaitu:

(a) Pulau Pinang akan membekalkan daging berkualiti tinggi untuk sebuah syarikat di Singapura

(b) Syarikat dari Singapura akan memulakan satu rangkaian restoran berkonsepkan Itali dan halal di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu rakyat yang menghadapi tuduhan mencuri elektrik oleh pihak TNB.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Perbuatan mencuri elektrik adalah satu kesalahan yang melanggar Akta Bekalan Elektrik (ABE) 1990 (Akta 447) Seksyen 37. Justeru itu, Kerajaan Negeri tidak akan berkompromi atau melindungi mereka yang melakukan jenayah seperti berikut:-

Di bawah Akta Bekalan Elektrik (ABE) 1990 (Akta 447) Seksyen 37.
Kesalahan-kesalahan:

Seksyen 37 (1)

Mana-mana orang yang mengganggu atau melaraskan apa-apa pemasangan atau bahagiannya atau mengilang atau mengimport atau menjual apa-apa kelengkapan sehingga menyebabkan atau mungkin menyebabkan bahaya kepada nyawa atau anggota badan manusia atau kerosakan pada mana-mana kelengkapan atau harta lain adalah melakukan suatu kesalahan dan bagi setiap kesalahan sedemikian, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 37 (2)

Mana-mana orang yang dengan apa-apa perbuatan atau peninggalan gopoh atau cuai menyebabkan kecederaan atau kerosakan kepada mana-mana orang atau harta berkenaan dengan mana-mana pemasangan atau kelengkapan atau suatu bahagiannya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Seksyen 37 (3)

Mana-mana orang yang mengikut apa-apa cara dengan curang :

(a) mengambil elektrik;

(b) mengguna habis elektrik;

(c) mengguna elektrik;

(d) mengubah pinda indeks apa-apa meter atau alat lain yang digunakan di atas atau berkaitan dengan apa-apa pemasangan mana-mana pihak berkuasa bekalan atau mana-mana pemasangan berlesen untuk merekodkan keluaran atau pengguna habisan elektrik; atau

(e) menghalang apa-apa meter atau alat sedemikian daripada merekodkan dengan sempurnanya keluaran atau pengguna habisan elektrik, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan, apabila disabitkan, dengan tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Sementara Seksyen 38 Pemotongan bekalan elektrik.

Seksyen

38 (1)

Jika mana-mana orang yang diambil kerja oleh pemegang lesen mendapat keterangan di mana-mana premis yang pada pendapatnya membuktikan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Seksyen 37 (1), 37 (3) dan 37 (14), pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa sewajarnya oleh pemegang lesen boleh, dengan memberi notis

tidak kurang daripada dua puluh empat jam, dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan, menyebabkan bekalan elektrik dipotong daripada premis tersebut.

(1A) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, jika seseorang pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Penolong Penguasa memohon kepada suatu pihak berkuasa bekalan atau seseorang pemegang lesen bagi pemotongan bekalan elektrik ke mana-mana premis bagi suatu tempoh tidak melebihi satu bulan kalendar di bawah Seksyen 21 A Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953, pihak berkuasa bekalan atau pemegang lesen itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa bekalan atau pemegang lesen itu hendaklah dengan serta-merta memotong atau menyebabkan bekalan elektrik dipotong dari premis sedemikian.

Seksyen 38 (2)

Jika bekalan elektrik telah dipotong di bawah sub Seksyen (1), maka ia tidaklah boleh di sambung semula sehinggalah pemegang lesen menurut budi bicaranya memberikan kebenaran bagi penyambungan semula :

Dengan syarat bahawa tempoh pemotongan itu tidaklah melebihi tiga bulan.

(2A) Walau apa pun Subseksyen (2), jika bekalan elektrik telah dipotong di bawah Subseksyen (1A), bekalan itu tidak boleh disambung semula tanpa keizinan bertulis seseorang pegawai polis yang pangkatnya tidak rendah daripada Penolong Penguasa.

Seksyen 38 (3)

Pemegang lesen boleh menghendaki pengguna membayar kepadanya apa-apa kerugian hasil yang disebabkan oleh kesalahan yang dilakukan di bawah Seksyen 37 (1), 37 (3) dan 37 (14) dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang lesen di bawah ini termasuk perbelanjaan yang dilakukan berkenaan dengan penyambungan semula bekalan elektrik.

Seksyen 38 (4)

Suatu pernyataan bertulis oleh seseorang pekerja pemegang lesen yang diperakui dengan sempurnanya oleh pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh pemegang lesen yang menyatakan :

(a) amaun kerugian hasil atau perbelanjaan yang dilakukan oleh pemegang lesen; dan

(b) orang yang bertanggungan bagi pembayarannya.

Hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai pembayaran yang kena dibuat oleh pengguna di bawah Subseksyen (3).

Seksyen 38 (5)

Amaun yang dinyatakan dalam pernyataan bertulis itu hendaklah, dalam tempoh yang dinyatakan dalam pernyataan itu, menjadi genap masa dan kena dibayar kepada pemegang lesen dan jika tidak dibayar, amaun itu hendaklah didapatkan kembali melalui tindakan sivil di mahkamah.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah pencapaian oleh investPenang dalam menarik pelabur asing sehingga Julai 2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada MIDA, jumlah pelaburan yang telah diluluskan sejak Januari hingga Mei 2009 ialah RM1.1 billion melalui 47 projek. Ini meletakkan Pulau Pinang di tangga keempat untuk pelaburan keseluruhan selepas Sarawak, Johor dan Selangor. Daripada jumlah ini, RM327.0 juta adalah pelaburan domestik dan RM802.3 juta adalah pelaburan langsung asing. Pulau Pinang mengekalkan tangga keempat tahun ini seperti tahun lepas.

Ini menunjukkan keyakinan pelabur terhadap Pulau Pinang masih lagi tinggi dan boleh dilihat dengan minat para pelabur dan pembiaya dana kewangan kepada Pulau Pinang dengan sambutan memberangsangkan di forum pelaburan seperti Invest Malaysia anjuran CIMB dan juga di Singapura. Kerajaan negeri melalui investPenang akan terus berusaha untuk menarik pelaburan asing dan domestik.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah pihak JKR mempunyai apa-apa cadangan untuk menaiktarafkan Jalan Paya Terubong yang semakin tidak mampu menampung kesesakan lalu lintas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Paya Terubong dan Persimpangan Jalan Paya Terubong/Jalan Dato' Ismail Hashim, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mencadangkan Projek Naik Taraf Jalan Paya Terubong dari Jalan Air Itam/Bandar Baru Air Itam ke Jalan Paya Terubong/Jalan Relau, Daerah Timur Laut.

Projek ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) tetapi tidak diluluskan. Pihak JKR telah memohon semula di dalam Kajian Semula RMKe-9 tetapi masih tidak diluluskan. Pihak JKR akan memasukkan cadangan projek ini di dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapakah peruntukan yang telah diperoleh oleh JKR untuk peningkatan dan penyelenggaraan infrastruktur di KADUN Paya Terubong pada tahun 2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Peningkatan dan penyelenggaraan jalan-jalan di KADUN Paya Terubong bergantung kepada keperluan dan peruntukan. Bagi tahun 2009, JKR telah menggunakan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri sebanyak RM217,583.50 untuk peningkatan dan penyelenggaraan jalan-jalan di KADUN Paya Terubong.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dalam membantu pelajar cemerlang yang tidak dapat masuk ke IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam) bagi sesi 2009.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Untuk makluman, hal-hal berkaitan pelajaran dan pendidikan terletak dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, sebarang urusan kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

Namun, antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu para pelajar cemerlang yang tidak dapat menyambung pelajaran ke IPTA bagi tahun 2009 adalah seperti berikut:

(i) mengenal pasti pelajar-pelajar cemerlang yang tidak dapat masuk ke IPTA;

(ii) melalui Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pendidikan, Kerajaan Negeri akan mengemukakan senarai nama pelajar cemerlang kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk diberi pertimbangan masuk ke IPTA;

(iii) menggalakkan para pelajar untuk menyambung pelajaran di politeknik, kolej komuniti, pusat-pusat dan industri latihan yang ada;

(iv) memberi khidmat nasihat kepada pelajar dan ibu bapa supaya membuat rayuan kepada KPT; dan

(v) menggalakkan para pelajar untuk menyambung pelajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Penduduk di Paya Terubong menghadapi masalah ketiadaan satu pasar yang sesuai. Keadaan ini telah menyebabkan kewujudan penjaja di tepi jalan. Apakah usaha yang telah dirancangkan oleh Kerajaan Negeri bagi membina satu pasar yang sesuai bagi penduduk Paya Terubong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Pada masa ini, berdasarkan rekod MPPP iaitu di kawasan Paya Terubong, terdapat beberapa pasar swasta. Lokasi untuk pasar dan penjaja yang disediakan iaitu:-

(i) Di sebahagian Lot 7749 seluas 1293 mp

(ii) Di atas Lot 7745 seluas 2688 mp disediakan bagi Skim

(iii) Di bawah Pemajuan Skim Perumahan oleh Tetuan Dayanusa Sdn. Bhd. Telah terdapat sebuah tapak pusat penjaja seluas 376,430 kp yang telah diserahkan kepada pihak MPPP.

Dengan adanya tapak-tapak berkenaan, penjaja di tepi jalan boleh memohon kepada MPPP untuk dipertimbangkan mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi membolehkan penjaja-penjaja berkenaan menjalankan perniagaan dengan lebih teratur dan sempurna. Dengan siapnya pasar-pasar berkenaan, penduduk-penduduk di Paya Terubong tidak perlu bimbang kerana dapat berurus niaga di pasar-pasar berkenaan. Bagi mewujudkan satu pasar awam, setakat ini Kerajaan Negeri belum mempunyai cadangan dan sekiranya kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bertambah baik, cadangan berkenaan akan dikaji secara mendalam dan sekiranya sesuai, cadangan berkenaan boleh diluluskan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Paya Terubong kaya dengan hutan semula jadi dan buah-buahan. Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam menjadikan Paya Terubong sebagai satu tempat ekopelancongan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Tidak dinafikan kawasan Paya Terubong kaya dengan hutan semula jadi dan pokok buah-buahan. Kawasan berhutan di Paya Terubong kebanyakannya adalah merupakan Tanah Milik atau Tanah Kerajaan dan tidak terdapat kawasan Hutan Simpanan Kekal. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri bersedia untuk mempertimbangkan cadangan pembangunan di kawasan berkenaan jika ada usaha oleh pihak swasta atau pelabur luar untuk membangunkan produk ekopelancongan di kawasan tersebut. Namun demikian, dengan mengekalkan kehijauan hutan sedia ada yang kaya dengan pelbagai jenis tumbuhan dan buah-buahan tempatan, ianya dengan sendiri berupaya menjadi daya tarikan kepada para pelancong dari dalam mahu pun luar negara.

Buat masa ini, Kerajaan Negeri telah mewujudkan tapak ekopelancongan di Taman Negeri Bukit Panchor, Taman Rimba Bukit Mertajam, Taman Rimba Telok Bahang, Anjung Indah Bukit Relau, Muzium Perhutanan Telok Bahang, dan denai hutan *Penang Hill Challenge.* Sekiranya Paya Terubong didapati bersesuaian untuk dijadikan kawasan ekopelancongan, Kerajaan Negeri bersedia mempertimbangkan cadangan tersebut untuk menjadikan Paya Terubong sebagai satu lagi produk ekopelancongan di negeri ini bagi menarik lebih ramai pelancong berkunjung ke Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa cadangan untuk mewujudkan satu Net TV atau radio sendiri untuk menyalurkan informasi kerajaan yang betul.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan negeri sememangnya menimbangkan cadangan untuk mewujudkan Net TV atau lebih dikenali sebagai Mutiara TV untuk menyalurkan informasi kerajaan yang betul.

Program Mutiara TV ini adalah perancangan terbaru Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Kebebasan Maklumat yang dipengerusikan oleh Y.B. Tuan Abdul Malik bin Abul Kassim, di mana ia adalah satu sistem penyampaian berita dan perkembangan Negeri Pulau Pinang melalui laman web. Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi di dalam peringkat perbincangan dan kajian lanjut akan dijalankan sebelum ianya dilaksanakan. Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk mewujudkan radio sendiri memandangkan tumpuan kini diberikan ke arah mewujudkan Mutiara TV.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apartment Binanusa Blok 18 & 20, Tingkat Paya Terubong 2 sudah mendapat Sijil Penghunian melebihi 10 tahun, tetapi sampai hari ini masih belum menerima hak milik strata. Sila jelaskan apakah sebab yang melengahkan hak milik strata untuk Apartment Binanusa, Blok 18 & 20 ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apartment Binanusa Blok 18 dan 20 didirikan di atas sebidang tanah milik Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (State Secretary Penang) iaitu lot 8815, Mukim 13, Daerah Timur Laut. Pemaju bagi projek ini ialah Tetuan Binanusa Sdn. Bhd.

PTG difahamkan bahawa pemaju dalam proses memecah sempadan lot tanah berkenaan kepada dua (2) lot baru. Ini kerana pihak pemaju ingin menjadikan Blok 18 dan Blok 20 berada di atas lot tanah yang berasingan sebelum memohon pecah bahagi bangunan.

PTG menjangkakan permohonan pecah bahagi bangunan untuk pengeluaran hak milik strata akan dibuat oleh tuan tanah setelah urusan berkaitan masalah tanah seperti dinyatakan di para 2 diselesaikan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Banyak aduan bahawa pemaju tidak menyerahkan akaun dan wang pengurusan kepada JMB atau MC yang telah ditubuhkan. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan dalam membantu perkara ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan negeri melalui Pesuruhjaya Bangunan (COB) akan memastikan peruntukan Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663) dipatuhi oleh semua JMB dan MC.

Dalam hal ini pemaju diminta mengemukakan laporan akaun yang diaudit kepada Pesuruhjaya Bangunan seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 21 (1), Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan), 2007 (Akta 663). Menurut peruntukan di bawah Seksyen 22, Akta 663, pemaju juga dikehendaki menyerahkan Akaun Penyenggaraan Bangunan (APB) kepada COB tidak lewat dari 3 bulan tarikh penubuhannya. Walau bagaimanapun, tiada tindakan atau peruntukan undang-undang yang jelas di bawah akta ini yang boleh diambil tindakan terhadap pemaju yang gagal mematuhinya.

Antara tindakan yang telah dilaksanakan oleh COB adalah seperti berikut;

(i) Memanggil pemaju dan pihak JMB/MC untuk berbincang supaya wang pengurusan penyenggaraan dapat diserahkan kepada JMB /MC.

(ii) Memberi amaran keras kepada pemaju yang enggan menyerahkan wang pengurusan penyenggaraan ini

(iii) Pihak JMB disaran mengambil tindakan perundangan kepada pemaju.

Mengikut S22(1) apa-apa wang lebihan dalam Akaun Penyenggaraan Bangunan selepas pembayaran segala perbelanjaan yang dicajkan dengan sepenuhnya pada Akaun Penyenggaraan Bangunan hendaklah dipindahkan kepada Badan oleh pemaju tidak lewat daripada satu bulan dari tarikh penubuhan Badan itu, dan wang itu hendaklah membentuk suatu kumpulan wang yang hendaklah dikenali sebagai “Kumpulan Wang Penyenggaraan Bangunan” yang hendaklah disenggarakan oleh Badan itu.

COB akan memanggil pemaju dan pihak JMB/MC untuk berbincang supaya wang pengurusan penyenggaraan diserahkan kepada JMB/MC. COB juga akan memberi amaran keras kepada pemaju yang tidak menyerahkan wang pengurusan penyenggaraan. Pihak JMB dinasihatkan untuk mengambil tindakan undang-undang kepada pemaju jika enggan menyerahkan wang pengurusan penyenggaraan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah langkah keselamatan yang diambil oleh PBT dalam memastikan pemaju mematuhi garis panduan pembangunan di tanah tinggi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Langkah keselamatan yang diambil oleh PBT dalam memastikan setiap pemaju mematuhi garis panduan pembangunan di tanah tinggi adalah seperti berikut:-

(i) Sebelum Kelulusan

Laporan geoteknikal hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pengurusan Pembangunan Tanah Berisiko Negeri Pulau Pinang sebelum Pelan Kebenaran Merancang diberi pertimbangan. Laporan ini perlu dikemukakan oleh Jurutera Geoteknikal dan *Review Geotechnical Engineer* yang bertauliah.

(ii) Semasa Pembinaan

Pemaju dikehendaki melantik dua jurutera iaitu Jurutera Geoteknikal yang akan mengkaji pelan kerja tanah agar mematuhi syarat-syarat laporan geoteknikal dan Jurutera *Independent Checker* yang bertanggungjawab terhadap kawal selia kerja-kerja pembinaan.

Seterusnya, Laporan pemantauan geoteknikal dikehendaki dikemukakan kepada PBT sebulan sekali oleh kedua-dua jurutera tersebut.

Bagi memastikan pematuhan, pihak PBT sentiasa menjalankan kerja-kerja pemantauan di tapak secara berkala berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. Pihak juru perunding juga perlu hadir dari semasa ke semasa.

(iii) Selepas Pembinaan

Bagi memastikan setiap pembinaan yang telah siap mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan, Jurutera Geoteknikal dikehendaki mengemukakan surat pengesahan yang kerja-kerja telah dijalankan itu adalah mengikut laporan geoteknikal.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Adakah projek *The Light* oleh IJM mendapat kelulusan yang sepatutnya daripada pihak PBT. Adakah langkah-langkah keselamatan dan segala garis panduan pembangunan untuk projek ini sentiasa dipantau oleh Pihak Berkuasa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Projek *The Light* oleh IJM telah mendapat kelulusan Kerajaan Negeri berdasarkan pelan konsep "Pembangunan Bagi Tanah Tebus guna Jelutong *Waterfront* Di Parcel A1 & A2 Seluas 154.00 Ekar, Parcel A3 Seluas 30.00 Ekar, Parcel B1 & B2 Seluas 65.90 Ekar, Parcel C1 Seluas 30.00 Ekar dan Parcel C3 Seluas 15 Ekar, Jelutong, Pulau Pinang Untuk Tetuan Jelutong Development Sdn. Bhd." yang telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dalam mesyuaratnya bil 5/1999 bertarikh 14 September 1999. Projek ini adalah susulan daripada perjanjian konsesi yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri lama dan masih diteruskan oleh Kerajaan baru mengikut lunas Undang-undang.

Projek *The Light* merupakan sebahagian daripada pembangunan ini di mana Pelan Kebenaran Merancang rujukan JPBD/P2/PKM/0048 telah diluluskan oleh JPBD pada 31 Oktober 2007 dan pelan pindaan Kebenaran Merancang diluluskan pada 11 November 2008. Projek ini merupakan projek sambungan dan setelah pemaju mematuhi beberapa syarat jabatan teknikal, kelulusan memulakan kerja penimbusan tanah telah diberikan pada 23 Januari 2007. Laporan Geoteknik bagi pembangunan di kawasan ini juga telah disediakan dan dikemukakan pada September 2008.

Bagi pematuhan terhadap langkah-langkah keselamatan berkaitan dengan pembangunan tebus guna tanah ini pemantauan oleh Jabatan Teknikal adalah diwajibkan iaitu Jabatan Alam Sekitar (pematuhan kepada kelulusan EIA), Jabatan Pengairan dan Saliran (pematuhan kepada kelulusan kajian hidraulik). Seterusnya bagi tujuan pelaksanaan, jurutera perunding bertauliah yang dilantik oleh pemaju mesti bertanggung jawab sepenuhnya ke atas keselamatan semasa kerja-kerja tebus guna dijalankan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa cadangan untuk membina perumahan kos rendah di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sememangnya Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk membina perumahan kos rendah di Pulau Pinang bagi memenuhi keperluan penduduk Negeri Pulau Pinang. Antara langkah-langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) adalah mengenal pasti tanah-tanah Kerajaan Negeri yang bersesuaian untuk pelaksanaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah bagi penduduk Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, perancangan tersebut masih dalam peringkat awal dan belum dimuktamadkan lagi.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Berapakah institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang wujud di Negeri Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk menubuhkan institusi pengajian tinggi sendiri seperti Universiti Industri Selangor yang diurus oleh Kerajaan Negeri sendiri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM), bilangan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak dua (2) buah manakala bilangan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) adalah sebanyak 29 buah. Senarai IPTA dan IPTS tersebut adalah seperti berikut:

IPTA

(i) Universiti Sains Malaysia (USM)
11800 Minden
Pulau Pinang.

(ii) Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang
Jalan Permatang Pauh
Permatang Pauh
13500 Pulau Pinang.

IPTS

(i) Akademi Kreatif
Wisma Kreatif
50 Jalan Pahang
George Town
10400 Pulau Pinang.

(ii) Allianze College of Medical Sciences
No 55, Jalan Seri Serdang 3
Taman Seri Serdang, Kepala Batas
13200 Pulau Pinang.

(iii) Equator Academy of Art
8A, Lorong Amoy
10050 Pulau Pinang.

(iv) Institut First Robotics Industrial Science (M)
l2.09 & l2.04, West Side Level 2
Main Area Pisa
Jalan Tun Dr Awang Relau
11900 Pulau Pinang.

(v) Institut Teknologi & Pengurusan Leboh Victoria
245, Tingkat 2 & 3, Leboh Victoria
George Town
10300 Pulau Pinang.

(vi) Institut Teknologi Butterworth
No.4476/77/78, Tingkat 2 & 3
Sime Bank Building
Jalan Bagan Luar
P.O. Box 13 Butterworth
Pulau Pinang.

(vii) Institut Teknologi Sentral
49, Jalan Sultan Zainal Abidin
Pulau Pinang
10400 Pulau Pinang.

(viii) Institut Teknologi Silicon
2790 Ground, 1st & Top Floor
Jalan Chain Ferry,
Taman Inderawasih Prai
13600 Pulau Pinang.

(ix) Kolej Antarabangsa Excelpolitan
Wisma XPI, Tingkat 3
Jalan Bukit Dumbar
11600 Pulau Pinang.

(x) Kolej ATC
Tingkat 18-20 , Menara UMNO, Lot 128
Jalan MacAllister
10400 Pulau Pinang.

(xi) Kolej Disted-Stamford
Kampus Yeap Chor Ee
No 340, Jalan Macalister
10350 Pulau Pinang.

(xii) Kolej Excel (TL Management Centre)
30 & 32, Tingkat 2, Bangunan MNI
Lebuh Bishop
10200 Pulau Pinang.

(xiii) Kolej Han Chiang
Jalan Lim Lean Teng, Air Hitam
George Town
11600 Pulau Pinang.

(xiv) Kolej I-System Bukit Mertajam
G45, The Summit, Bukit Mertajam Plaza,
14000 Pulau Pinang.

(xv) Kolej INTI Antarabangsa Pulau Pinang
1-Z, Lebuh Bukit Jambul
11900 Pulau Pinang.

(xvi) Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB)
Bangunan Tahfiz Kompleks Masjid Negeri Pulau Pinang
Jalan Air Hitam, George Town
11400 Pulau Pinang.

(xvii) Kolej Kejururawatan Lam Wah Ee
141, Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim
11600 Pulau Pinang.

(xviii) Kolej Kejururawatan Adventist
Kolej Kejururawatan Adventist 465
Jalan Burma
10350 Pulau Pinang.

(xix) Kolej Olympia
Tingkat 28,29 & 30, Northam Tower
No. 57, Jalan Sultan Ahmad Shah
10050 Pulau Pinang.

(xx) Kolej Pergigian Antarabangsa Pulau Pinang
Tingkat 19-21 NB Tower, No. 5050,
Jalan Bagan Luar, Butterworth
12000 Pulau Pinang.

(xxi) Kolej Perubatan Pulau Pinang
No 4, Jalan Sepoy Lines
10450 Pulau Pinang.

(xxii) Kolej PTPL Penang (Institut Perkim - Goon)
239, Jalan Burmah
10350 Pulau Pinang.

(xxiii) Kolej Reliance Cawangan Pulau Pinang
28A-2, Tingkat 2
Lorong Abu Siti
10400 Pulau Pinang.

(xxiv) Kolej Segi Pulau Pinang
43, Green Hall
10300 Pulau Pinang.

(xxv) Kolej Surya
Tingkat 17-18, NB Tower, No 5050,
Jalan Bagan Luar, Butterworth
12000 Pulau Pinang.

(xxvi) Kolej Teknologi Cosmopoint Cawangan Pulau Pinang
No 236, Jalan Dr. Lim Chwee Fong
Pulau Pinang
10100 Pulau Pinang.

(xxvii) Kolej Teknologi Pulau
Bangunan Kraf Tangan, Sungai Rusa
Balik Pulau
11000 Pulau Pinang.

(xxviii) Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC)
No 1,Jalan Sultan Azlan Shah
Bandar Bayan Baru, Bayan Lepas
11900 Pulau Pinang.

(xxix) Universiti Terbuka Wawasan (WOU)
51-20, Menara BHL
Jln Sultan Ahmad Shah
10050 Pulau Pinang.

Setakat ini, Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan untuk menubuhkan institusi pengajian tinggi (IPT) yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri sendiri memandangkan pada masa kini Negeri Pulau Pinang telah mempunyai dua (2) buah IPTA, 29 buah IPTS bertaraf universiti dan kolej universiti, dua (2) buah politeknik dan dua (2) buah kolej komuniti. Kerajaan negeri percaya bahawa IPT sedia ada di Pulau Pinang setakat ini mampu memberikan pendidikan tinggi yang secukupnya kepada golongan pelajar.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan dan akan mempertimbangkan cadangan untuk menubuhkan IPT yang diuruskan oleh Kerajaan Negeri sendiri sekiranya ada. Walau bagaimanapun, menurut KPTM, IPT tersebut haruslah bertaraf swasta yang berada di bawah pengurusan Kerajaan Negeri sepenuhnya serta mestilah melalui permohonan ke KPTM dengan mengemukakan borang-borang serta dokumen yang menyokong permohonan tersebut.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Adakah JKR mempunyai apa-apa usaha untuk memasangkan lampu isyarat di hadapan SJK (C) Kong Min Cawangan 2 seperti yang telah dipohon oleh ADUN Paya Terubong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Jabatan Kerja Raya (JKR) memang ada usaha untuk memasang lampu isyarat di hadapan SJK (C) Kong Min Cawangan 2. Projek ini akan dilaksanakan sebaik sahaja menerima peruntukan yang telah di pohon oleh JKR Pulau Pinang daripada JKR Ibu Pejabat Kuala Lumpur.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Bilangan pekerja asing yang semakin ramai di Paya Terubong telah menimbulkan masalah sosial kepada penduduk tempatan. Adakah kerajaan mempunyai apa-apa cadangan atau usaha untuk memindahkan pekerja asing ini ke kawasan lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Setakat ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan untuk memindahkan pekerja asing dari Paya Terubong ke kawasan lain. Memindahkan pekerja asing dari satu kawasan ke kawasan yang lain tidak akan menyelesaikan masalah. Tambahan pula, penempatan bagi pekerja asing disediakan oleh pihak majikan sendiri. Kerajaan negeri melalui agensi-agensi kerajaan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan kempen-kempen dan program tertentu bagi menangani masalah sosial yang ditimbulkan oleh pekerja asing. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan sekiranya terdapat cadangan-cadangan lain bagi menyelesaikan masalah ini.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai apa-apa cadangan untuk membina sebuah pasar di kawasan Relau untuk menampung penduduk yang semakin bertambah di Relau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan negeri sentiasa prihatin kepada semua golongan termasuk di kawasan Relau. Pada masa ini MPPP memaklumkan telah terdapat pasar berdekatan di kawasan Relau iaitu berhampiran Taman Bendera, Relau di atas Lot 9998.

    Bagi pembinaan pasar awam pada masa ini, Kerajaan Negeri tiada cadangan untuk mendirikan pasar awam. Kerajaan negeri akan mempertimbangkan permohonan ini apabila keadaan kewangan Kerajaan Negeri mengizinkan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Adakah JKR mempunyai apa-apa usaha untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas yang semakin serius di persimpangan Jalan Paya Terubong dan Jalan Dato' Hashim Ismail.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Jalan Paya Terubong dan Persimpangan Jalan Paya Terubong/Jalan Dato' Ismail Hashim, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mencadangkan Projek Naik Taraf Jalan Paya Terubong dari Jalan Air Itam/Bandar Baru Air Itam ke Jalan Paya Terubong/Jalan Relau, Daerah Timur Laut.

Projek ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) tetapi tidak diluluskan. Pihak JKR telah memohon semula di dalam Kajian Semula RMKe-9 tetapi masih tidak diluluskan. Pihak JKR akan memasukkan cadangan projek ini di dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Apakah garis panduan yang diambil oleh Pejabat Tanah dan Galian dalam meluluskan atau mengesahkan sesuatu projek perumahan "*landed strata".*

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Bagi pembangunan projek perumahan yang melibatkan konsep petak tanah (*landed strata*), pihak pemaju hendaklah memenuhi kehendak Subseksyen 6(1A) Akta Hak milik Strata 1985 seperti berikut:-

(a) Bangunan-bangunan yang dicadangkan untuk pembangunan hendaklah terdiri di atas tanah beri milik.

(b) Keseluruhan cadangan kemajuan tersebut hendaklah terletak di dalam sempadan 1 lot yang berkenaan.

(c) Telah memperoleh hak milik muktamad (sama ada hak milik Pejabat Pendaftar atau Pejabat Tanah) atau bagi keadaan yang mana masih hak milik sementara (sama ada hak milik Pejabat Pendaftar atau Pejabat Tanah), perlu disertakan bersama pelan akui yang telah diluluskan oleh Pengarah Ukur.

(d) Terdapat sekurang-kurangnya dua (2) bangunan atau lebih, dan bangunan tersebut hendaklah tidak melebihi empat (4) tingkat.

(e) Bangunan hendaklah mempunyai Sijil Kelayakan menduduki sebelum permohonan pecah bahagi petak dibuat.

(d) Permohonan untuk kebenaran merancang bagi pemajuan *landed strata* perlu dirujuk ke Pejabat Tanah/ Pejabat Tanah dan Galian untuk mendapatkan ulasan. Pandangan atau ulasan oleh Pejabat Tanah/Pejabat Tanah dan Galian akan diambil kira oleh pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) atau Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam meluluskan kebenaran merancang tersebut.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Sila nyatakan apakah usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi bantahan orang ramai terhadap menara telekomunikasi di kawasan perumahan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Mengikut garis panduan yang telah ditetapkan, pemasangan menara telekomunikasi adalah tidak dibenarkan di dalam kawasan skim perumahan. Pemantauan yang berterusan dibuat agar garis panduan ini dipatuhi. Setakat ini, semua pelan yang diluluskan adalah berdasarkan Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan pada bulan April 2002. Garis Panduan ini juga merangkumi dimensi yang perlu dipatuhi bagi jarak/luas parameter dari kediaman/komersial.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri prihatin terhadap bantahan yang dibuat oleh awam terhadap pembinaan-pembinaan menara telekomunikasi di kawasan perumahan. Kerajaan negeri telah pun menubuhkan satu pasukan *'task force'* untuk meneliti dan mewujudkan satu garis panduan baru untuk diselaraskan dengan garis panduan sedia ada. Pindaan

Garis Panduan ini telah siap dan akan dikemukakan untuk persetujuan Jawatankuasa Menara Telekomunikasi yang dipengerusikan Y.B. Exco Kerajaan Tempatan. Garis panduan sekiranya dipersetujui akan dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) untuk kelulusan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (Y.B. Tuan Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Berapakah bilangan penjaja haram (tanpa lesen) di Pulau Pinang. Apakah usaha yang diambil oleh kerajaan untuk membantu golongan penjaja ini memperoleh lesen.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Dianggarkan terdapat lebih kurang 4,659 penjaja haram di seluruh Negeri Pulau Pinang. Bilangan penjaja haram di Seberang Perai adalah seperti berikut:

DAERAH	JUMLAH	CONTOH KAWASAN
SPU	745	Jalan Raja Uda, Bertam, Maklom, Teluk Air Tawar dan beberapa kawasan lain di SPU
SPT	889	Taman Pelangi, Seberang Jaya, Taman Desa Damai, sekitar Bukit Mertajam dan beberapa kawasan lagi.
SPS	212	Sekitar Tambun, Jalan Sempadan, Bandar Tasek Mutiara dan beberapa kawasan lagi di SPS
JUMLAH	**1846**	

MPSP telah mengadakan Bengkel Penjaja dalam bulan April 2009 untuk mengatasi masalah penjaja haram. Untuk membantu penjaja haram, MPSP merancang untuk mengeluarkan lesen/permit sementara kepada penjaja-penjaja di lokasi tertentu dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

Bagi MPPP terdapat lebih kurang 2,813 penjaja tanpa lesen di sebelah pulau. Antara punca utama bilangan penjaja tanpa lesen semakin serius adalah disebabkan kegawatan ekonomi dunia menyebabkan orang ramai hilang punca pendapatan dan beralih arah ke aktiviti perniagaan. Selain itu, ianya juga disebabkan oleh pelajar-pelajar lepasan pusat pengajian tinggi sukar mendapat pekerjaan juga turut menyumbang kepada aktiviti penjajaan.

Terdapat cadangan untuk membuat pelan penempatan semula sebagai satu langkah mengatasi masalah penjaja tanpa lesen dengan melantik pihak Universiti Sains Malaysia (USM) untuk menjalankan kajian penjaja tepi jalan tetapi masih belum siap lagi. Bagi pelan jangka masa pendek, majlis telah berusaha untuk mengisi semua kekosongan di pasar-pasar, kompleks-kompleks dan tapak-tapak penjaja sementara dengan secepat mungkin dan mewujudkan tapak-tapak penjaja baru di lokasi yang sesuai agar penempatan semula dapat dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Manakala untuk pelan jangka masa panjang, MPPP telah menggubal dan melaksanakan satu dasar mewajibkan semua pemaju perumahan untuk menyediakan kemudahan penjajaan mengikut saiz pembangunan perumahan. Selain daripada itu, agensi-agensi kerajaan lain seperti UDA, PDC, PPN dan Pejabat Daerah juga digalakkan untuk menyediakan kemudahan bagi kegiatan penjajaan.

Pengisian kekosongan gerai melalui sistem temu duga dibuat sepanjang tahun. Sepanjang tahun 2009 sehingga bulan Jun 2009, MPPP telah mengisi kekosongan gerai seperti berikut:-

Pengisian kekosongan gerai MPPP tahun 2009 sehingga bulan Jun 2009.

Kawasan	Bilangan Pemohon	Bilangan Hadir Temu duga	Bilangan Pemohon Berjaya
Utara	349	187	89
Selatan	330	189	135

X. Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menyekat penyebaran penyakit H1N1 di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri

1. Kerajaan negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri telah mengambil tindakan serta langkah-langkah yang proaktif untuk menyekat penyebaran dan mengurangkan penularan penyakit H1N1 di Pulau Pinang seperti berikut :-

(i) Mengaktifkan Jawatankuasa *Pandemic Influenza* Peringkat Negeri dan Daerah;

(ii) Memperkukuhkan Sistem Pengawasan Influenza Malaysia melalui saringan di semua pintu masuk (udara dan laut);

(iii) Memperkukuhkan Sistem Notifikasi mengenai kes suspek dan kes yang telah disahkan dengan segera (dalam 24 jam) ke Bilik Gerakan Negeri. Penyaringan dijalankan di pintu masuk penerbangan (udara) dan kapal (laut) antarabangsa oleh anggota kesihatan. Pemberian *Health Alert Card* dan mengisi borang *Health Declaration* kepada semua pelancong;

(iv) Menjalankan saringan kes demam di semua klinik Kesihatan dan jabatan kecemasan hospital melalui Kaunter Triage yang telah diwujudkan;

(v) Mengambil contoh *Throat swab* dari mereka yang demam dan mempunyai tanda-tanda Influenza;

(vi) Kes-kes positif komplikasi dimasukkan untuk rawatan di wad isolasi Hospital Pulau Pinang;

(v) Mempertingkatkan *Surveillance Influenza Like Illness* (ILI) dengan pemantauan cuti sakit dalam kalangan pekerja kesihatan;

(vi) Melaporkan ketidakhadiran pekerja yang luar biasa (ramai) di tempat kerja, institusi dan sekolah ke Bilik Gerakan Negeri;

(ix) Penguatkuasaan perintah pemerhatian dan pengawasan di rumah kediaman bagi konteks jangkitan Influenza A (H1N1) di bawah Seksyen 15 (1) Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988;

(x) Memberi pendidikan kesihatan dan risalah serta poster kepada orang awam, sekolah, institusi, kilang dan lain-lain agensi kerajaan mengenai Influenza dan cara mengelakkan jangkitan serta hebahan melalui media massa;

(xi) Memberi maklumat terkini kepada orang awam mengenai situasi semasa melalui Internet dan laman web Kementerian Kesihatan Malaysia serta tindakan yang perlu diambil oleh mereka; dan

(xii) Mengehadkan pelawat-pelawat ke hospital dan melarang ibu bapa membawa anak-anak di bawah umur (12 tahun) melawat pesakit di hospital.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Bilakah Jambatan Pulau Pinang Kedua dijangka siap.

Y.A.B. Ketua Menteri

2. Berdasarkan maklumat yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (JPM), kerja-kerja pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang di jangka siap pada tahun 2013.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah tindakan yang telah diambil oleh kerajaan sekarang terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam skandal tanah semasa pentadbiran kerajaan lama.

Y.A.B. Ketua Menteri

3. Kerajaan negeri dengan tegasnya akan mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang terlibat dalam skandal tanah selaras dengan semangat kerajaan Cekap, Akauntabiliti & Telus (CAT) yang telah diperkenalkan. Satu jawatankuasa penyiasat telah ditubuhkan bagi mengendalikan setiap kes penyelewengan yang ditemui. Jawatankuasa penyiasat diberi tanggungjawab untuk membongkar, meneliti dan menghalusi kes sama ada wujud unsur-unsur rasuah, penyelewengan atau salah guna kuasa melalui pemeriksaan dokumen, dan menjalankan siasatan ke atas individu-individu yang terlibat. Sekiranya terdapat perkara-perkara yang meragukan, atau disyaki wujud unsur-unsur penyelewengan dan salah guna kuasa, satu laporan akan dibuat kepada pihak Polis dan SPRM. Setakat ini terdapat kes-kes sedang diperhalusi iaitu kes Pemberian Milik Tanah Tan Hak Joo, Kampung Buah Pala dan Pengambilan Tanah Empangan Mengkuang.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membanteras jenayah dan mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Y.A.B. Ketua Menteri

4. Kerajaan negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan iaitu MPPP dan MPSP dengan kerjasama JKR dan PDRM mempunyai mekanisme perancangan tersendiri dalam menangani masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang.

(i) MAJLIS PERBANDARAN PULAU PINANG (MPPP)

MPPP sentiasa melaksanakan dan memantau program Bandar Selamat di bawah kawasan pentadbirannya. MPPP juga sentiasa memastikan konsep Bandar Selamat diterapkan dalam projek-projek baru MPPP, antaranya ialah *Projek Upper Penang Road*, Projek Menaik Taraf Kawasan *Little India*, Medan Pejalan Kaki Lebuh *Campbell*/Lebuh *Buckingham*, Projek Menaik taraf Lebuh Acheh/Armenian, Projek Menaik Taraf *Penang Gold Bazaar* dan Projek Menaik Taraf Lebuh Pantai.

Dari segi pengurangan jenayah, MPPP sentiasa melaksanakan dan memantau beberapa langkah-langkah yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri antaranya:

(a) Lima Langkah Pelaksanaan Segera

Langkah 1 : Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dengan Jalan Bermotor

Mengenal pasti beberapa tumpuan kawasan awam seperti stesen bas dan rel disediakan bagi mengasingkan pejalan kaki dari laluan motosikal.

Langkah 2 : Penyediaan *Bollard* atau Pagar

Menyediakan *bollard* atau pagar di tempat-tempat tertentu bagi mengasingkan laluan pejalan kaki dengan laluan motosikal.

Langkah 3 : Mencuci/Mengemas Kawasan-Kawasan Semak dan Terlindung

Meningkatkan pembersihan kawasan-kawasan kotor dan grafiti khususnya, di tempat-tempat awam seperti di sekitar laluan stesen bas, rel dan lorong-lorong tepi dan belakang premis perniagaan utama. Dengan demikian, tempat-tempat ini akan mudah diawasi oleh MPPP dari aktiviti-aktiviti jenayah.

Langkah 4 : Laluan Awam Tidak Terlindung Atau Terhalang Dari Pandangan Awam.

Jejantas tidak dipenuhi dengan papan-papan iklan yang boleh melindungi laluan dari pandangan awam. Ini Memudahkan aktiviti jenayah ragut, aktiviti penagihan dadah dan sebagainya. Sebarang iklan di jejantas hendaklah di paras yang tidak menghalang penglihatan.

Langkah 5 : Mencahayakan/Menerangkan Kawasan-kawasan gelap yang menjadi sasaran atau tumpuan penjenayah

Memasang lampu di laluan jejantas, tempat meletak kereta dan sebagainya bagi memudahkan pengawasan. Semua premis perniagaan perlu memasang lampu di laluan kaki lima supaya mudah untuk diawasi dan tidak menjadi tempat yang mudah bagi peragut.

(b) Langkah-langkah Pencegahan Jenayah Yang Telah Di laksanakan

Langkah 1 : Pengasingan laluan pejalan kaki dari jalan bermotor.

Pengasingan laluan pejalan kaki dan laluan bermotor melalui pembinaan konkrit dapat mengurangkan risiko kegiatan jenayah ragut di kawasan ini.

Penyediaan rel pengadang dan laluan pejalan kaki di perhentian bas seperti di Jalan Kelawai, Lebuh Farquhar, Jalan Hamilton, Lebuh Light dan lain-lain

Langkah 2 : Penyediaan *Bollard*

Pembinaan *bollard* di kawasan laluan pejalan kaki dan jalan bermotor di Kawasan *Little India, Penang Gold Bazzar, Upper Penang Road, Campbell Street,* Padang Kota Lama, Lebuh Pantai dan Lebuh Acheh/Lebuh Armenian.

Pemisah disediakan di antara laluan pejalan kaki dan laluan bermotor bagi kawasan laluan orang ramai/pusat tumpuan.

Langkah 3 : Mengawal Tanaman Landskap Di Laluan Pejalan Kaki

Penanaman landskap di sepanjang laluan pejalan kaki memerlukan pengawalan yang sempurna seperti Kawasan Jalan Residensi, Persiaran Gurney dan lain-lain.

Langkah 4 : Penyelidikan Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran

Antara agensi yang terlibat ialah Jabatan Perancang Bandar & Desa (JPBD), PDRM (Jabatan Logistik), NGO, JKR, PBT dan sebagainya. Aktiviti penyelidikan ini akan menghasilkan:

- Reka bentuk umum konsep *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED)
- Garis Panduan Pencahayaan
- Garis Panduan Penyediaan Landskap
- Garis Panduan Penilaian Keselamatan Bangunan
- Garis Panduan Persekitaran Tempat Letak Kenderaan
- Garis Panduan Pemasangan Kemudahan CCTV

Langkah 5 : Penyemakan Garis Panduan Susun Atur Perumahan Input polis dalam menyemak semula garis panduan susun atur perumahan dan keperluan kemudahan polis.

Langkah 6 : Pondok Polis

Pondok polis yang berperanan untuk mengawal kegiatan jenayah terutama di kawasan membeli belah dan kediaman, seperti di Pusat Membeli Belah Bukit Jambul, Kawasan Perumahan Padang Tembak, Pondok Polis Komuniti Paya Terubong dan lain-lain

Langkah 7 : Papan Tanda Peringatan Jenayah

Contoh papan tanda peringatan jenayah yang berperanan memberi peringatan kepada orang ramai seperti di Pusat Membeli Belah Bukit Jambul, Kawasan Perumahan Padang Tembak, Kawasan Perumahan Kampong Melayu dan lain-lain.

Langkah 8 : Cermin Keselamatan

Pemasangan cermin keselamatan diberi tumpuan kepada jejantas seperti di Jejantas Persimpangan Jalan Burma/Jalan Penang/Jalan Dr Lim Chew Leong

Langkah 9 : Penggera Keselamatan (Alarm) Pemasangan Alat Penggera Keselamatan di lokasi yang strategik dan di tengah-tengah laluan awam yang boleh digunakan oleh orang ramai apabila berlaku kejadian ragut. Walau bagaimanapun, kos pemasangan peralatan ini adalah terlalu tinggi. Contoh di Pesiaran Gurney.

Langkah10: Mencuci/Mengemaskan Kawasan-kawasan Semak dan Terlindung.

MPPP sentiasa memastikan kawasan-kawasan kediaman dan laluan utama penduduk berada dalam keadaan bersih dan selamat.

Langkah 11 : Tempat Letak Motosikal Berkunci

MPPP juga ada menyediakan Tempat Letak Motosikal Berkunci yang disediakan di kompleks membeli-belah bagi mengurangkan gejala curi motosikal di kawasan seperti *Midland Park, Bukit Jambul Shopping Complex*, Hospital Besar Pulau Pinang dan lain-lain

Langkah12 : Pemasangan *Closed Circuit Television* (CCTV)

Sehingga hari ini MPPP telah memasang 34 CCTV di kawasan sekitar Bandar George Town dan pihak polis akan memastikan sistem pengoperasian CCTV dapat dikendalikan dengan cekap dan berkesan.

Langkah 13 : Tidak Membenarkan Perniagaan dan Meletak Kenderaan Di Kaki Lima dan Laluan Pejalan Kaki

Laluan kaki lima yang terhalang dengan meletakkan kenderaan ataupun barang-barang perniagaan akan dikenakan saman.

Langkah 14 : Menjanakan Pelbagai Aktiviti Perniagaan

Kewujudan gerai-gerai di kawasan-kawasan tidak sunyi yang menjadi tumpuan ramai dapat mengurangkan risiko jenayah berlaku.

Langkah 15 : Perkhidmatan Pengawal Keselamatan Swasta

Penyediaan perkhidmatan kawalan keselamatan oleh Pasukan Kawalan Keselamatan Swasta seperti yang terdapat di kawasan perumahan.

Langkah 16 : Pendidikan

MPPP dan lain-lain agensi memainkan peranan dalam mengedarkan risalah kepada orang ramai bagi tujuan menyedarkan orang ramai tentang bahayanya jenayah.

Langkah 17 : Pemasangan Lampu Di Lorong Tepi, Depan dan Belakang Rumah

Bagi kawasan yang kerap berlaku pecah rumah, MPPP memainkan peranan memberi kesedaran kepada pemilik rumah memasang lampu di depan, tepi dan belakang rumah bagi menghindarkan jenayah pecah rumah.

Langkah 18 : Penyediaan Risalah Jenayah Komuniti

Berbagai risalah telah diedarkan dan risalah mengenai jenayah yang dikeluarkan oleh MPPP adalah dengan kerjasama Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF).

Langkah 19 : Meningkatkan Rondaan Kawasan Perumahan

Kewujudan rukun tetangga dan adanya rondaan di sesebuah kawasan perumahan dapat membantu mengawal kegiatan jenayah di kawasan perumahan tersebut. Contoh perumahan Kampong Melayu.

(c) Langkah Dalam Proses Pelaksanaan

Langkah 1 : Perkongsian Maklumat Jenayah Melalui *GIS – based Mapping*

Selain itu, Program Konsep Bandar Selamat juga telah diterapkan dalam semua pembangunan baru yang dilaksanakan oleh MPPP dan juga oleh pemaju.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas adalah:

- Mewujudkan satu proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam untuk mengurangkan isi padu kenderaan di atas jalan. Sehubungan ini, Kerajaan Negeri telah menyeru agar Kerajaan Pusat menambah baik perkhidmatan bas awam oleh *Rapid Penang* di Pulau Pinang. Pihak *Rapid Penang* telah memaklumkan kepada Kerajaan Negeri bahawa sebanyak 200 buah bas tambahan telah disediakan dan beroperasi secara berperingkat mulai bulan Jun 2009.

  Pada masa sekarang, *Rapid Penang* mempunyai 150 buah bas yang beroperasi di Pulau Pinang. Dengan bas-bas tambahan ini, perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti dapat disediakan dan laluan-laluan sosial dapat diliputi.

- Menambah baik sistem pengangkutan awam sedia ada serta mewujudkan sistem penigangkutan bersepadu yang efisien, berkualiti, mudah diperoleh, mesra alam dan meliputi setiap ceruk pulau. Dalam soal ini, perkhidmatan bas *Central Area Transit* (CAT) dalam kawasan pusat bandar George Town yang dilancarkan pada 23 Januari 2009 telah mendapat sambutan yang baik. Di samping ini, projek-projek yang sedang mendapat perhatian Kerajaan Negeri adalah Sistem Transit Monorel Aliran Ringan serta *Hybrid Tram System*. Kerajaan Pusat juga perlu memainkan peranan dan menyediakan peruntukan dalam soal ini.

- Membina jalan-jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada untuk mengawal kesesakan, mengagih dan menyurai aliran lalu lintas serta meningkatkan keselamatan jalan raya. Projek Pembinaan Lintasan Kedua Pulau Pinang telah bermula dan dijangka akan siap pada tahun 2012.

- Kerajaan negeri juga telah memohon bantuan dan kerjasama Kerajaan Pusat untuk membina Lebuh Raya Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR) dan lain-lain projek yang telah dikenal pasti di bawah Rancangan Malaysia Ke-9. Di samping itu, projek-projek pembinaan dan menaik taraf jalan yang tidak menelan belanja yang banyak serta yang disyaratkan ke atas pemaju akan diteruskan oleh Kerajaan Negeri.

- Dari segi pengurusan sistem lalu lintas setempat *localised traffic management plan,* sistem jalan sehala dan sistem kawalan lampu isyarat berkomputer akan diperluaskan. Langkah-langkah sedang diambil untuk melicinkan aliran lalu lintas dan mengurangkan gangguan di jalan-jalan utama yang sering mengalami kesesakan lalu lintas dengan mengadakan larangan-larangan, mengeluarkan petak letak kenderaan di tepi jalan serta meningkatkan penguatkuasaan.

- Laluan-laluan pejalan kaki akan dibina dan di naik taraf selaras dengan rancangan kerajaan untuk menambah baik sistem pengangkutan awam dan mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian. Kemudahan pengangkutan awam juga akan dipertingkatkan. Di samping ini, laluan dan kemudahan untuk penunggang basikal akan diperluaskan.

- Liputan sistem kawalan CCTV akan diperluaskan lagi dari semasa ke semasa dengan menambah bilangan kamera. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan.

- Mengawal pembangunan dan corak guna tanah supaya tersusun dan mempunyai infrastruktur yang sepadan untuk mengalih dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan pembangunan padat sedia ada.

Dalam jangka masa sederhana dan panjang, Kerajaan Negeri sedang meneliti kesesuaian mengadakan kawalan, larangan dan sekatan untuk mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian *traffic restraint measures* di kawasan yang mengalami kesesakan yang serius. Tindakan dan rancangan Kerajaan Negeri untuk

mengemas kini keadaan trafik dan lalu lintas adalah juga tertakluk kepada peruntukan dan pelaksanaan projek-projek yang telah diumumkan oleh Kerajaan Pusat .

(ii) MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI (MPSP).

Antara langkah-langkah yang diambil oleh MPSP adalah dengan memasang lampu-lampu jalan di kawasan-kawasan yang gelap yang mempunyai risiko tinggi untuk aktiviti jenayah. MPSP meluluskan pemasangan lampu jalan setiap bulan dan kos untuk bil elektrik ditanggung oleh MPSP sebanyak RM4.1 juta setahun.

(iii) JABATAN KERJA RAYA (JKR).

Di antara tindakan-tindakan yang diambil oleh JKR untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas jalan raya adalah:

(a) Setiap permohonan oleh pemaju untuk memajukan sesuatu tempat, JKR melalui Bahagian Pembangunan Tepi Jalan, Bahagian Jalan akan mensyaratkan pemaju mengambil kira keadaan jalan dan kajian trafik di sekitar kawasan kemajuan untuk mengurangkan trafik.

(b) JKR melalui Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan mencadangkan laluan-laluan baru di kawasan luar bandar. Kesesakan dijangka berkurangan setelah jalan baru tersebut siap.

Untuk melancarkan trafik sedia ada JKR akan sentiasa memastikan papan tanda, garisan jalan dan lain-lain perabot jalan sentiasa berada dalam keadaan baik.

(iv) POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM).

Dalam usaha untuk mengurangkan kadar jenayah di Negeri Pulau Pinang, pihak polis bersama agensi-agensi Kerajaan Negeri yang lain telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan keselamatan dan keselesaan orang ramai terus terjamin. Tindakan-tindakan yang diambil adalah seperti:-

(a) Semua Ketua Polis Daerah telah diarah untuk mempertingkatkan pencegahan jenayah dengan menambahkan anggota polis beruniform, membuat rondaan bit jalan kaki dan bermotosikal, rondaan kereta peronda dan operasi-operasi berkala (Ops Payung, Ops Rentap dan Ops Cegah Jenayah). Kesemua penugasan ini ditumpukan di tempat-tempat yang menghadapi peningkatan perangkaannya.

(b) Tindakan proaktif juga diambil bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan NGO-NGO bagi menerangkan dan menghebahkan maklumat dari segi menjaga harta benda dan nyawa. Ini termasuklah mengadakan kempen, ceramah dan penubuhan Rakan Cops untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengawal harta benda dan nyawa sendiri.

(c) Pelaksanaan Inisiatif Bandar Selamat (IBS).

Pada peringkat permulaan lima kawasan IBS telah dilaksanakan di Pulau Pinang iaitu IBS Macallum (Daerah Timur Laut), IBS Bayan Baru (Daerah Barat Daya), IBS Taman Siakap (Daerah Seberang Perai Tengah), IBS Bukit Minyak (Daerah Seberang Perai Tengah), IBS Bagan (Seberang Perai Utara).

IBS ini dilaksanakan dengan rasminya mulai 1 Julai 2007. Pelaksanaan Bandar Selamat ini merupakan penambahbaikan infrastruktur dan alam sekitar di kawasan-kawasan Inisiatif Bandar Selamat antaranya :-

- Pemasangan CCTV untuk memudahkan pemantauan kes ragut, samun, curi motosikal dan jenayah lain.

- Pemasangan lampu jalan bertujuan untuk menerangi kawasan yang menjadi tumpuan penjenayah melakukan jenayah.

- Pembinaan Dewan Komuniti bertujuan untuk masyarakat bersatu dan menanam semangat kejiranan melalui aktiviti yang diadakan dan pembangunan komuniti tercapai dan dapat membantu polis dalam pencegahan jenayah.

Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh PDRM bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas jalan ialah :

- Meletakkan anggota penguat kuasa trafik di lokasi-lokasi kesesakan lalu lintas *point-duty* bagi melancarkan laluan kenderaan ke destinasi masing-masing.

- Meletakan papan tanda arah dan laluan agar pengguna tidak keliru akan laluan yang hendak digunakan.

- Menjadikan jalan sehala pada jalan yang kerap berlaku kesesakan serta membuat lencongan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Bolehkah Kerajaan Negeri dengan segera memberhentikan segala projek-projek di bukit dan hilir bukit.

Y.A.B. Ketua Menteri

5. Sememangnya Kerajaan Negeri boleh memberhentikan sebarang kerja dan projek yang dilaksanakan di lereng bukit atau di hilir bukit dengan serta-merta sekiranya ia tidak mematuhi akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang. Pemberhentian ini adalah berkaitan dengan ketiadaan kelulusan Pelan Merancang, Pelan Bangunan dan Kerja-kerja Tanah. Jika didapati kerja-kerja tersebut masih berterusan maka tindakan tegas boleh diambil di bawah peruntukan akta-akta berkenaan.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah kerajaan sekarang sedar dan mengetahui bahawa sistem pengangkutan seperti LRT dan trem harus diwujudkan di Pulau Pinang dengan segera supaya kesesakan lalu lintas dikurangkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan negeri sedar bahawa keadaan lalu lintas di Pulau Pinang kini semakin meruncing dan memerlukan satu sistem pengangkutan yang terancang bagi mengurangkan kesesakan sedia ada. Atas kesedaran itu, Kerajaan Negeri melalui Majlis Pengangkutan Negeri yang baru ditubuhkan sedang mengkaji langkah-langkah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. LRT dan trem adalah di antara opsyen pengangkutan awam yang boleh membantu untuk menyelesaikan masalah kesesakan. Selain sebagai bentuk pengangkutan yang berkesan, trem juga boleh menjadi satu tarikan pelancongan di bandar raya George Town yang diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Bolehkah kerajaan sekarang mewujudkan Klinik Desa di kawasan luar bandar dan desa supaya dapat berikan perkhidmatan kepada semua warga emas dan orang-orang yang memerlukannya.

Y.A.B. Ketua Menteri

7. Pulau Pinang mempunyai 62 buah Klinik Desa yang memberi perkhidmatan kepada ibu dan anak serta rawatan pesakit luar yang ringan bagi semua lapisan penduduk termasuk warga emas. Taburan Klinik Desa di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	BIL KD
1.	TIMUR LAUT	4
2.	BARAT DAYA	12
3.	SEBERANG PERAI UTARA	21
4.	SEBERANG PERAI SELATAN	11
5.	SEBERANG PERAI TENGAH	14
	JUMLAH	**62 BUAH**

Setakat ini, bilangan Klinik Desa di Pulau Pinang adalah mencukupi untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan yang asas. Justeru, Kerajaan Negeri hanya akan mencadangkan penambahan bilangan Klinik Desa di kawasan-kawasan tertentu sekiranya perlu.

Ahli Kawasan Seri Delima (Y.B. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Adakah kerajaan sekarang bercadang untuk membina jeti baru untuk nelayan-nelayan yang terjejas di Sungai Gelugor akibat projek *D'Light* yang diluluskan oleh kerajaan lama.

Y.A.B. Ketua Menteri

8. Dalam usaha memangkinkan pembangunan di Negeri Pulau Pinang, adalah jelas bahawa koridor Jelutong Express Way mempunyai potensi untuk dimajukan pada masa hadapan sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan bandar George Town sebagai Bandar Antarabangsa. Kerajaan negeri juga mempunyai perancangan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa di mana kemudahan jajaran jalan yang efisien dan efektif diberikan keutamaan. Dalam usaha ini, sudah pasti beberapa perancangan seperti penempatan semula nelayan perlu dilaksanakan. Namun begitu, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menyediakan kemudahan jeti bagi kelompok-kelompok nelayan disebabkan kosnya yang sangat tinggi. Adalah lebih baik jika nelayan-nelayan tersebut ditempatkan secara berpusat (*centaralized*) bagi tujuan memudahkan pengawalan dan penyenggaraan. Justeru, penempatan nelayan di Jeti Sungai Pinang atau

di Jeti berdekatan dilihat sebagai langkah yang sangat sesuai bagi menempatkan nelayan-nelayan di Sungai Gelugor. Tambahan pula, tiada cadangan oleh Kerajaan Negeri bagi menyediakan jeti di Sungai Gelugor disebabkan ketidaksesuaian tempat dan isu ketiadaan peruntukan.

XI. Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah langkah-langkah yang telah pun diambil oleh pihak Jabatan Perumahan Negeri untuk mengatasi pelbagai masalah yang sedang dialami oleh penduduk-penduduk rumah pangsa. Adakah pemulihan dibuat dengan sepenuhnya sebelum ia diserahkan kepada Pihak Badan Pengurusan. Apakah tindakan susulan kerajaan untuk menangani segala masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk rumah pangsa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (i) Langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi pelbagai masalah penduduk rumah pangsa adalah seperti berikut :

(a) Untuk projek rumah pangsa Kerajaan Negeri, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah pun mengambil beberapa langkah :

- Mengadakan sesi dialog di antara pihak Bahagian Perumahan dengan penduduk;

- Mengadakan lawatan ke projek-projek rumah pangsa Kerajaan Negeri;

- Menjalankan pembaikan, penyelenggaraan dan pengurusan bangunan;

- Mengadakan program taklimat dan penerangan berkaitan kepentingan dan keperluan penubuhan Join Management Body (JMB) dan Management Coorporation (MC) sebelum ia ditubuhkan di sesebuah projek; dan

- Menjemput wakil Pesuruhjaya Bangunan (COB), Indah Water Konsortium (IWK) dan lain-lain agensi yang berkaitan bagi mendengar dan mencari jalan penyelesaian berkaitan masalah penduduk semasa sesi dialog, taklimat, mesyuarat dan lawatan ke rancangan perumahan.

(b) Bagi projek rumah pangsa swasta yang dibangunkan, pemaju swasta tersebut bertanggungjawab di dalam menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk projek mereka. Selain daripada itu pihak pemaju swasta juga boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak Pesuruhjaya Bangunan di kawasan masing-masing bagi membantu mereka menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh para penduduk di projek mereka.

(ii) Langkah-langkah Kerajaan Negeri melaksanakan pemulihan sebelum ianya diserahkan kepada Pihak Badan Pengurusan adalah seperti berikut:

(a) Bagi projek perumahan di bawah Kerajaan Negeri, pembaikan sememangnya dijalankan dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, sebelum ianya diserah kepada penduduk, kerosakan dan pembaikan akan dijalankan tertakluk kepada peruntukan yang ada.

(b) Bagi projek-projek swasta, ianya adalah di bawah tanggungjawab pihak yang membangunkan sesebuah projek tersebut iaitu pihak pemaju. Ianya adalah selaras dengan Seksyen 29(a), Akta 663, yang menghendaki

pemulihan rumah pangsa tersebut dilakukan terlebih dahulu sebelum dibuat penyerahan kepada Pihak Badan Pengurusan:

"Seksyen 29 menetapkan bahawa - pelantikan seseorang ejen pengurusan tidak boleh melepaskan pemaju daripada obligasinya terhadap pembeli dalam kawasan pemajuannya untuk menjalankan pembaikan pada harta bersama, membaiki apa-apa kecacatan, penyusutan atau kerosakan lain pada harta bersama semasa tempoh liabiliti cacat."

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Tuan Tan Beng Huat) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pembangunan sebuah Perhentian Bas Raya adalah satu hasrat dan tuntutan para penduduk yang berada di Nibong Tebal, bilakah perhentian bas tersebut akan dibuat oleh pihak JKP. Kenapakah ia diperlambat-lambatkan sampai hari ini pun masih lagi tidak dapat dibangunkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berdasarkan kepada Kajian Draf Rancangan Tempatan Jawi, Sungai Bakap dan Nibong Tebal, cadangan stesen bas adalah di Seri Ampangan dan dua (2) transit di Jawi dan pekan Nibong Tebal. Walau bagaimanapun, pihak MPSP masih belum menerima apa-apa permohonan termasuk daripada pihak JKP untuk pembangunan stesen bas tersebut.

XII. Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah nilai pelaburan oleh pelabur tempatan:

   (a) Pelaburan baru.

   (b) Pelaburan tambahan dan masing-masing dalam bidang apa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bagi Bulan Januari – Mei 2009, nilai pelaburan oleh pelabur tempatan Pulau Pinang ataupun Pelaburan Domestik yang telah diluluskan oleh MIDA ialah sejumlah RM327 juta. Daripada jumlah tersebut, RM273 juta merupakan pelaburan baru manakala RM54 juta adalah pelaburan semula/tambahan.

   Projek-projek industri yang telah diluluskan mengikut sektor ataupun bidang bagi Bulan Januari – Mei 2009 adalah seperti berikut:

Keluaran elektrik dan elektronik	:	RM144.7 juta
Kertas, Percetakan & Penerbitan	:	RM69.1 juta
Kimia & Keluaran Kimia	:	RM44.5 juta
Keluaran Plastik	:	RM20.0 juta
Keluaran Logam Dibentuk	:	RM15.2 juta
Mesin & Kelengkapan	:	RM12.1 juta
Peralatan Sains & Pengukuran	:	RM6.4 juta
Perabot & Kelengkapan	:	RM5.4 juta
Kulit & Keluaran Kulit	:	RM4.3 juta
Pembuatan Makanan	:	RM3.1 juta
Kelengkapan Pengangkutan	:	RM1.3 juta
Keluaran Logam Asas	:	RM945,360.00
Jumlah	**:**	**RM327 juta**

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berapakah jumlah pekerja yang telah diberhentikan kerja dan berapa ramai yang telah mendapat pekerjaan semula atas usaha kerajaan dan berapa peluang pekerjaan baru yang berjaya diujudkan dalam tempoh tahun 2009 sehingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berdasarkan statistik Jabatan Tenaga Kerja Negeri Pulau Pinang, bilangan pekerja yang telah diberhentikan kerja dari bulan Januari hingga 15 Julai 2009 adalah seramai 4,436 orang.

Bilangan pekerja yang telah diberhentikan kerja dan mendapat pekerjaan semula dari bulan Januari sehingga 15 Julai 2009 adalah seramai 2,410 orang.

Kekosongan jawatan yang telah diwujudkan dari bulan Januari sehingga 15 Julai 2009 adalah sebanyak 6,725 jawatan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapa ramaikah warga emas yang telah didaftarkan mengikut kawasan di seluruh Pulau Pinang dan apakah bentuk bantuan yang akan dihulurkan kepada mereka dan bila.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan negeri telah mengambil inisiatif dengan mengedarkan borang pendaftaran warga tua pada 1 Mei 2009 kepada ADUN-ADUN kawasan. Ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data yang lebih tepat dan terkini warga emas mengikut kawasan-kawasan yang ada di Pulau Pinang. Sehingga kini, hampir 100,000 salinan borang telah berjaya diedarkan dan pendaftaran ini dijangka akan tamat pada 8 Mac 2010. Oleh itu, bilangan warga emas yang berdaftar mengikut kawasan hanya akan diketahui selepas tamat tempoh pendaftaran yang telah ditetapkan. UPEN juga sedang membangunkan satu sistem pendaftaran warga emas melalui komputer.

Sehubungan itu, bentuk bantuan dan jangka masa yang akan dihulurkan kepada golongan sasaran masih belum diputuskan oleh Kerajaan Negeri dan ia bergantung kepada keperluan berdasarkan hasil daripada bancian melalui pendaftaran yang telah dilakukan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Seri Dr. Hilmi Bin Haji Yahaya) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan negeri mengumumkan akan ambil alih perkhidmatan Feri Pulau Pinang. Apakah perkembangan selanjutnya mengenai cadangan tersebut. Sudahkah kerajaan mengkaji secara terperinci sebelum membuat cadangan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan negeri telah menulis surat kepada Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) menyatakan hasrat bagi mengambil alih perkhidmatan Feri Pulau Pinang. Setakat ini, maklum balas dari pihak SPPP berhubung pengambilalihan ini masih belum diterima.

Hasrat pengambilalihan ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan negeri untuk memastikan perkhidmatan feri ini terus menjadi ikon Negeri Pulau Pinang di samping meringankan beban kerugian Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB).

XIII) Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah perkembangan terkini terhadap usaha Kerajaan Negeri dalam mengambil alih pengurusan feri.

(a) Sila berikan maklumat terperinci mengenai cadangan yang telah dirancang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan negeri telah menulis surat kepada pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP) menyatakan hasrat untuk mengambil alih perkhidmatan Feri Pulau Pinang. Hasrat pengambilalihan ini selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan perkhidmatan feri ini terus menjadi ikon Negeri Pulau Pinang di samping meringankan beban kerugian Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB). Setakat ini, maklum balas daripada SPPP berhubung cadangan pengambilalihan ini masih belum diperolehi.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah program-program belia yang telah dirancang dan sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk sepanjang tahun ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pelbagai program belia telah dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2009. Dalam melaksanakan program-program belia, Kerajaan Negeri sentiasa mengamalkan konsep *Smart Partnership* yang mana kebanyakan program anjuran Kerajaan Negeri akan melibatkan NGO semasa perancangan dan pelaksanaan program. Senarai lengkap program belia sepanjang tahun 2009 adalah seperti di Lampiran.

PELAKSANAAN DAN PERANCANGAN PROGRAM/AKTIVITI
MAJLIS BELIA NEGERI PULAU PINANG 2009

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Penyertaan
1	Bengkel Sukarelawan Belia MBNPP	17 Jan 2009	Hotel Grand Continental Penang	40 orang
2	Penang Open e-Creative Challenge 2009	28-29 Jan 2009	Perbadanan Perpustakaan Negeri Pulau Pinang	Terbuka
3	Program Khidmat Masyarakat Hospital Seberang Jaya (Bersama pesakit pada setiap hari Sabtu)	Feb – Dis 2009	Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang(Masa: 10.00 pagi hingga 1.00 petang)	Terbuka
4	Program Kemasyarakatan Belia Benci Dadah	Feb – April 2009	5 Daerah sekitar Pulau Pinang	Terbuka
5	Konvoi dan Larian Keamanan Untuk Palestin	1 Feb 2009	Kolej Matrikulasi Kepala Batas SPU	2000 orang
6	Pelancaran Rakan Cop Majlis Belia Negeri Pulau Pinang	14 Feb 2009	Jaya Jusco, Bukit Mertajam, Pulau Pinang	Terbuka
7	Kempen Keahlian Sukarelaan Belia Bersama Hospital Seberang Jaya	28 Feb 2009	Dewan Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang	60 orang
8	Klinik Paintball	14 Mac 2009	Tapak Paintball Seberang Perai Selatan	220 orang
9	Kem Motivasi Remaja	27 – 29 Mac 2009	Hotel Harvard, Sungai Petani, Kedah	60 orang
10	Kempen Belia Benci Jenayah (Daerah-Daerah)	7-8 Mac 2009	Masuk Kampung-Kampung Mengikut Daerah	Terbuka
11	Konvoi Belia Kempen Pencegahan Jenayah	18 April 2009	Sekitar Pulau Pinang (Shopping Kompleks)	Terbuka
12	Program Remaja Sihat, Negara Maju	26 April 2009	Taman Belia Pulau Pinang	Terbuka
13	Kem Jati Diri Remaja	1-3 Mei 2009	Taman Rimba Telok Bahang Pulau Pinang	80 orang
14	Karnival Belia dan Mini Pameran	13 – 14 Jun 2009	AutoCity, Juru Pulau Pinang	Terbuka
15	Kem Rekreasi Remaja	20-21 Jun 2009	Lata Bukit Hijau, Baling, Kedah	50 orang
16	Kuiz Belia	20-21 Jun 2009	RTM Pulau Pinang	Terbuka
17	Program Bebas Tembakau	11 Julai 2009	Telok Bahang, Pulau Pinang	200 orang

Bil.	Aktiviti	Tarikh	Tempat	Penyertaan
18	Kempen Kibar Jalur Gemilang	23 Ogos 2009	Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang	Terbuka
19	Persembahan Kesenian dan Kebudayaan Belia	3 Okt 2009	Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia	Terbuka
20	Pertandingan Kejohanan Bowling Remaja	27 Sept 2009	Penang Bowl, Georgetown	200 orang
21	Seminar Kepimpinan Belia	10 Okt 2009	Hotel Grand Continental	250 orang
22	Program Khidmat Sukarelawan	14 Nov 2009	5 Daerah	40 orang
23	Program Belia Berbakti	20 – 22 Nov 2009	5 Daerah	40 orang
24	Seminar Pengurusan Pertubuhan Belia	13 Dis 2009	NPC Kepala Batas	100 orang
25	Pesta Mini Sukan Negeri Pulau Pinang	20 Dis 2009	Kompleks Sony Seberang Jaya	100 orang
26	Seminar Motivasi Keusahawanan Belia	27 Dis 2009	Pusat Pertanian Cherok Tok Kun, Bukit Mertajam	200 orang

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah usaha yang diambil untuk memperbaiki prestasi kontinjen negeri pada SUKMA akan datang.

   (a) Sila senaraikan acara-acara yang bakal kontinjen kita ambil bahagian.

   (b) Apakah sasaran Kontinjen kita untuk SUKMA Ke-XIII

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi membaiki prestasi kontinjen negeri pada SUKMA akan datang adalah seperti berikut:-

   (i) Penganjuran Sukan Pulau Pinang 2009 (SUKPEN 2009) (1 Disember hingga 7 Disember 2009)

   Sukan Pulau Pinang 2009 atau SUKPEN 2009 adalah merupakan kejohanan sukan yang dipertandingkan antara daerah-daerah Negeri Pulau Pinang bagi mencari bakat baru yang berdaya saing untuk mewakili Pulau Pinang ke peringkat Sukan Malaysia atau SUKMA.

   Kejohanan seperti ini akan dapat membaiki dan meningkatkan lagi prestasi atlet-atlet skuad SUKMA Negeri Pulau Pinang melalui pertandingan beraneka sukan *multi sports event* yang dipertandingkan antara daerah-daerah.

   (ii) Penganjuran Festival Sukan Kombat 2009 (FESKOM 2009) (16 Disember hingga 21 Disember 2009)

   Melibatkan semua acara yang dipertandingkan dalam sukan tempur *combat sports*. Tujuan diadakan FESKOM adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet Pulau Pinang serta pihak lawan di dalam merangka persiapan untuk menghadapi SUKMA XIII 2010 Melaka. Penganjuran FESKOM ini akan melibatkan lapan (8) acara sukan tempur iaitu Karate-do, Wushu, Pencak Silat, Taekwando, Tinju, Silambam, Judo dan Lawan Pedang.

   (iii) Program Latihan Bersepadu Kepada Atlet-atlet Skuad Latihan SUKMA

   Atlet skuad latihan SUKMA adalah merupakan atlet yang terpilih untuk menyertai SUKMA XIII 2010 Melaka. Jurulatih akan mengenal pasti atlet yang layak untuk

mewakili Pulau Pinang dan atlet berkenaan boleh bersaing untuk mendapatkan pingat atau sekurang-kurangnya layak ke pusingan akhir.

Atlet ini akan diberi pendedahan dan latihan mental dan fizikal supaya dapat berdaya saing dengan atlet-atlet elit dan berupaya menyumbang pingat di dalam SUKMA XIII, Melaka. Beberapa siri latihan secara bersepadu akan dirancang berdasarkan kepada sains sukan yang akan diurus oleh Institut Sukan Negara (ISN) dan juga Unit Sukan Prestasi Tinggi Negara (USTPN).

(iv) Pelaksanaan Projek Mutiara

Projek Mutiara merupakan satu projek jangka panjang yang telah dirangka oleh MSNPP berdasarkan kepada latihan sepenuh masa sepanjang tahun. Atlet yang terpilih di dalam Projek Mutiara adalah terdiri di kalangan atlet elit dan skuad latihan untuk menghadapi SUKMA XIII 2010 nanti. Atlet tersebut akan menjalani latihan sepenuh masa dan tempat latihan adalah berdekatan dengan asrama yang disediakan oleh MSNPP. Antara sukan yang terlibat adalah sukan Angkat Berat, Silat, Taekwando, Tinju, Lumba Basikal dan Sepak Takraw.

Atlet berkenaan dikehendaki tinggal di asrama yang disediakan oleh MSNPP dan perlu menjalani latihan dua (2) sesi sehari. Kebajikan atlet tersebut akan dijaga oleh MSNPP dengan menyediakan makanan, elaun dan juga makanan tambahan.

(v) Skuad Pelapis

MSNPP dengan kerjasama Persatuan Sukan akan mengenal pasti bakat-bakat baru untuk dicungkil atau diketengahkan pada SUKMA yang akan datang. Atlet yang berada di dalam kategori ini adalah merupakan atlet yang akan mewakili Pulau Pinang di dalam SUKMA yang akan datang dan sekiranya atlet berkenaan menunjukkan prestasi yang baik, atlet tersebut akan di naik taraf ke atlet skuad latihan SUKMA.

MSNPP amat memerlukan atlet pelapis supaya kontinjen Pulau Pinang tidak ketandusan atlet yang boleh menyumbangkan pingat di dalam SUKMA yang akan datang. Atlet yang berada di kategori ini juga akan diberi latihan yang secukupnya.

(vi) Meningkatkan Bidang Kejurulatihan

MSNPP amat menitikberatkan program latihan untuk melatih atlet yang akan mewakili Pulau Pinang di dalam SUKMA XIII 2010 Melaka. Jurulatih akan melatih atlet dengan mengikut *Periodization Plan* yang telah dibuat agar atlet mencapai tahap kemuncak semasa SUKMA XIII 2010 Melaka nanti.

Di dalam sistem latihan terdapat empat (4) perkara asas yang utama iaitu teknikal, taktikal, kecergasan dan mental dan oleh itu, pihak MSNPP akan berbincang dari semasa ke semasa dengan pihak yang berkaitan untuk memajukan lagi sistem latihan yang berkaitan.

Selain daripada program latihan yang akan dijalankan di pusat latihan yang sedia ada, MSNPP juga akan berbincang dengan persatuan-persatuan sukan untuk menguatkan latihan di luar negeri dan juga luar negara jika perlu.

(vii) Pelan Periodisasi

Pelan Periodisasi adalah satu proses meringkaskan rancangan tahunan sukan ke dalam bentuk fasa latihan yang lebih kecil bertujuan untuk memudahkan menyusun segala perancangan yang dibuat serta mengaplikasikannya semasa latihan dan kejohanan.

Pelan Periodisasi ini merupakan satu garis panduan yang telah diamalkan oleh negara luar seperti Jerman, Australia dan Amerika Syarikat dengan tujuan untuk memudahkan semua pihak terutama jurulatih dalam membentuk persediaan atlet sebelum menghadapi satu-satu kejohanan penting. Ia juga turut diamalkan oleh

jurulatih-jurulatih negara kita. Walau bagaimanapun, pemahaman jurulatih dan pihak lain mengenai pelan ini adalah di tahap sederhana.

(viii) Penumpuan Sukan Yang Menawarkan Banyak Pingat

MSNPP akan memberi penumpuan kepada jenis-jenis sukan yang boleh meraih pingat di dalam SUKMA XIII 2010 Melaka. Antara sukan yang berpotensi atau disasarkan untuk meraih pingat adalah sukan tempur, sukan akuatik, olahraga dan menembak.

Ini bukan bermakna MSNPP mengabaikan sukan-sukan yang lain terutamanya sukan berpasukan dan sukan yang kurang berpotensi. MSNPP juga akan memberi perhatian kepada sukan berkenaan supaya semua sukan yang akan dipertandingkan di SUKMA XIII 2010 boleh berjaya.

(ix) Pendedahan ke Pertandingan Dalam dan Luar Negara

MSNPP akan menghantar atlet-atlet untuk menyertai pertandingan di dalam dan luar negara mengikut pelan yang telah diaturkan oleh jurulatih. Tujuan menyertai pertandingan adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet serta pihak lawan supaya kajian dapat dilakukan untuk meningkatkan prestasi atlet.

Di samping itu juga tujuan MSNPP menghantar atlet bertanding adalah untuk mengukur prestasi atlet berkenaan dan juga mengetahui kedudukan *ranking* atlet tersebut dan juga atlet pihak lawan.

(x) Pembelian Peralatan Sukan

Peralatan untuk menghadapi pertandingan dan juga semasa menjalani latihan juga akan dititikberatkan oleh MSNPP supaya alatan berkenaan dapat membantu atlet meraih pingat di SUKMA XIII 2010 Melaka.

Peralatan sukan juga memainkan peranan penting di dalam pertandingan dan juga latihan terutamanya bagi sukan menembak, memanah, lumba basikal, sukan tempur dan sukan berpasukan.

(xi) Makanan Tambahan *(Food Supplement)*

Makanan tambahan amatlah diperlukan oleh setiap atlet terutamanya atlet elit kerana makanan tambahan dapat meningkatkan lagi tahap kecergasan atlet, menggantikan tenaga keluar, meningkatkan lagi kadar metabolisme badan atlet dan membantu pertumbuhan badan atlet.

(xii) Menetapkan Dasar Untuk Meningkatkan Keunggulan Sukan Negeri Pulau Pinang

Selain memastikan kesinambungan program-program persediaan dan latihan yang sedia ada seperti disebutkan tadi. Kerajaan negeri turut menetapkan tiga (3) dasar bagi memastikan kejayaan atlet Pulau Pinang. Dasar-dasar tersebut ialah:

- Mengeratkan kerjasama antara Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan Persatuan-persatuan Sukan di Negeri Pulau Pinang. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang hendaklah dilihat sebagai *strategic partner* kepada Persatuan-persatuan sukan negeri.

- Memberi tumpuan padu kepada lapan (8) sukan teras iaitu badminton, bola sepak, gimnastik, hoki, olahraga, skuasy, *tenpin bowling* dan renang. Selain juga merupakan tonggak kekuatan kontinjen Pulau Pinang , kebanyakan sukan ini juga merupakan acara yang banyak menawarkan pingat dalam SUKMA ataupun dalam kejohanan kebangsaan yang lain.

- Meningkatkan kualiti atlet elit Negeri Pulau Pinang melalui tiga aspek iaitu, latihan intensif, kesihatan fizikal dan kebajikan para atlet.

(a) Senarai acara-acara yang bakal diambil bahagian oleh Kontinjen Pulau Pinang ialah:

BIL	JENIS SUKAN
(i)	Angkat Berat
(ii)	Badminton
(iii)	Bola Sepak
(iv)	Gimnastik Artistik
(v)	Hoki
(vi)	Olahraga
(vii)	Skuasy
(viii)	Tenpin Bowling
(ix)	Renang
(x)	Berbasikal
(xii)	Karate
(xiii)	Lawn Bowls
(xiv)	Memanah
(xv)	Menembak
(xvi)	Perahu Layar
(xvii)	Pencak Silat
(xviii)	Sepak Takraw
(xviii)	Wushu
(xix)	Bola Jaring
(xx)	Bola Keranjang
(xxi)	Ekuestrian
(xxii)	Silambam
(xxiii)	Petanque
(xxiv)	Ping Pong
(xxv)	Tinju
(xxvi)	Taekwando

(b) Sasaran Kerajaan Negeri untuk SUKMA Ke XIII adalah 40 emas, 45 perak dan 50 gangsa.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam memperbaiki prestasi pasukan bola sepak negeri yang semakin merosot.

(a) Sila senaraikan maklumat terperinci penaja korporat yang membantu memberi sumbangan terhadap pasukan negeri.

(b) Berapakah jumlah sumbangan yang telah diperoleh oleh pasukan negeri dari sumber korporat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Usaha-usaha yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperbaiki prestasi pasukan bola sepak Negeri Pulau Pinang yang semakin merosot ialah dengan memberi fokus kepada pembentukan pasukan melalui pendedahan dan membariskan pemain-pemain muda yang berpengalaman dan berkemampuan daripada pasukan pelapis untuk menyarung jersi skuad utama agar skuad Pulau Pinang. Menerusi pendekatan seperti ini, Kerajaan Negeri yakin mutu permainan bola sepak Pulau Pinang akan dapat

dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Kerajaan negeri menyasarkan untuk kekal di dalam Liga Super pada musim 2010.

Selanjutnya, Kerajaan Negeri turut membantu perkara-perkara berikut bagi memperbaiki prestasi Pasukan Bola sepak Negeri Pulau Pinang iaitu:

(i) Membenarkan FAP menggunakan kemudahan GYM dan kepakaran jurulatih kecergasan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP);

(ii) Membantu mengelolakan program motivasi di kem Bina Semangat, Air Itam, Pulau Pinang. Pakar-pakar motivasi adalah daripada MSNPP;

(iii) Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sentiasa membantu pasukan pelapis FAP iaitu Pasukan Piala Presiden (U-20). Di antara bantuan yang diberi termasuklah penggunaan kemudahan dan kepakaran GYM, bas MSNPP dan lain-lain kepakaran dari semasa ke semasa; dan

(iv) Majlis Sukan Negeri bertanggungjawab melaksanakan Program Penyediaan Atlet pada setiap kejohanan SUKMA, tidak ketinggalan terlibat secara langsung dengan penyediaan pasukan bola sepak SUKMA.

(a) Maklumat terperinci Penaja Korporat adalah seperti berikut:

PENAJA PERSATUAN BOLA SEPAK PULAU PINANG

BIL.	PENAJA	JUMLAH TAJAAN
1.	Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)	RM 250,000.00
2.	Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBA)	RM 250,000.00
3.	Lain-Lain Sumbangan yang diusahakan Oleh Presiden FAP	RM 545,000.00
4.	Geran dari FAM	RM 300,000.00
5.	Penjualan tiket – bagi musim 2009	RM 201,190.00

(b) Jumlah sumbangan yang telah diperolehi daripada sumber korporat adalah sebanyak RM1,045,000.00.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah status terkini mengenai Projek Monorel di Negeri Pulau Pinang.

(a) Adakah terdapat sebarang syarikat swasta yang menawarkan diri untuk mengambil alih projek ini.

(b) Jika tidak, apakah langkah Kerajaan Negeri seterusnya terhadap Projek Monorel ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan negeri telah memohon projek ini dan disenaraikan dalam projek penswastaan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri, Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan Persekutuan sebelum ini bercadang supaya projek Monorel Pulau Pinang dilaksanakan melalui Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB). Walau bagaimanapun, usaha ini terpaksa ditangguhkan disebabkan oleh kekangan peruntukan serta keperluan terhadap projek-projek lain yang lebih mendesak. Kerajaan negeri sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk memastikan projek-projek infrastruktur pengangkutan dapat dilaksanakan di Pulau Pinang bagi meningkatkan mutu sistem pengangkutan di Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah terdapat sebarang universiti tempatan atau universiti luar negara yang berhasrat ataupun mempunyai rancangan untuk mendirikan kampus di negeri ini.

(a) Jika ya, adakah kerajaan memperuntukkan sebarang lokasi khusus untuk program ini.

(b) Jika tidak, adakah kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk menjadikan negeri ini sebagai hub pendidikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Perkara ini berada di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri. Sebarang urusan berhubung pembinaan universiti sama ada tempatan atau luar negara adalah tertakluk kepada peraturan dan ketetapan yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengalu-alukan dan akan mempertimbangkan hasrat atau cadangan untuk menubuhkan universiti tempatan atau universiti luar negara di Pulau Pinang sekiranya ada.

(b) Sehingga kini Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan terperinci untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai satu hub pendidikan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri boleh mencadangkan dan mempertimbangkan cadangan untuk menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai hub pendidikan. Cadangan ini boleh dibuat sepanjang tempoh semakan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang iaitu dari tahun 2007 sehingga 2012. Sekiranya Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan hub tersebut, perancangan terperinci perlu dilaksanakan meliputi penyediaan kemudahan infrastruktur yang teratur, membuat penambahbaikan kemudahan awam sedia ada dan kemudahan asas yang lain bagi menarik pelabur serta pelancong dari dalam dan luar negara.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila berikan maklumat lanjut Kerajaan Negeri terhadap program pembangunan Pulau Jerejak.

(a) Apakah projek-projek yang telah dikenal pasti dan dalam rancangan untuk membangunkan Pulau Jerejak.

(b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai sebarang rancangan untuk mengadakan Taman Tema di Pulau Jerejak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Berdasarkan perancangan Tropical Island Resort Sdn Bhd, pembangunan Pulau Jerejak di atas tapak berkeluasan 80 ekar, projek-projek yang dilaksanakan merangkumi tiga (3) fasa iaitu:-

(i) Fasa 1 (20.2 ekar)

TIR telah membangunkan sebahagian dari Fasa 1 yang dikenali sebagai Jerejak Resort & Spa (JRS). Pembangunan ini merangkumi bangunan utama, dua (2) buah blok dormitori, chalet (20 unit), bangunan servis, bilik air berpusat, tapak perkhemahan, spa, tempat beribadat, jeti ketibaan dan berlepas serta kawasan rekreasi.

Perancangan pembangunan ini merupakan tambahan ke atas baki tanah di fasa ini bagi menampung pembangunan sedia ada dan merangkumi *hillside villa, bungalow villa, studio villa, studio chalet, suite chalet*, dan *floating chalet.*

(ii) Fasa 2 (30 ekar)

Cadangan komponen di fasa ini terdiri dari dua (2) pakej. Pakej A merangkumi *seafront villa, hillside villa, hillside townhouse* dan *waterfront plaza* dan jeti, manakala Pakej B merangkumi komponen komersial dan hotel, taman tema air, muzium dan galeri serta marina.

(iii) Fasa 3 (29.8 ekar)

Cadangan komponen di Fasa 3 terdiri dari banglo korporat, marina dan *health village*.

(b) Bagi mengadakan Taman Tema di Pulau Jerejak, pihak Kerajaan Negeri melalui PDC tidak ada sebarang rancangan untuk tujuan tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berkenaan projek kereta kabel yang menghubungkan Taman Belia dan Bukit Bendera. Adakah wujud sebarang rancangan seperti yang disebut.

(a) Jika ya, sila berikan maklumat lanjut berkenaan kos projek,tarikh permulaan projek, pemaju yang telah dikenal pasti dan jangka masa projek tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Ya. Memang terdapat cadangan untuk mewujudkan perkhidmatan Kereta Kabel di Bukit Bendera Pulau Pinang. Kereta Kabel ini akan menghubungkan Taman Botani ke puncak Bukit Bendera. Pembangunan Kereta Kabel di Bukit Bendera yang dirancang bagi memperkenalkan produk pelancongan yang baru seterusnya melonjakkan industri pelancongan Pulau Pinang. Dengan adanya produk baru seperti Kereta Kabel Bukit Bendera, ia akan bertindak sebagai agen penggerak kepada pelancongan Pulau Pinang dan Kereta Kabel akan menjadi ikon baru kepada Pulau Pinang yang sememangnya terkenal di kalangan pelancong.

Projek ini dicadangkan untuk dilaksanakan dengan menggunakan kaedah *Build Operate Transfer* (BOT). Melalui kaedah ini, projek akan dibina oleh pihak swasta yang akan mengendalikannya bagi suatu tempoh konsesi dan dibenarkan untuk mengutip caj perkhidmatan. Kemudahan berkenaan akan diserahkan kepada Kerajaan secara percuma selepas tempoh konsesi tamat. Tempoh konsesi pula adalah bergantung kepada daya maju projek.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Tuan Koid Teng Guan) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila berikan maklumat terperinci berkenaan bidang-bidang tanah di KADUN Sungai Pinang yang di bawah milikan MPPP, PDC, Pegawai Daerah dan JPS.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Untuk makluman Y.B. tanah-tanah di KADUN Sungai Pinang yang berada di bawah milikan MPPP, PDC, Pegawai Daerah dan JPS adalah seperti berikut:

(i) Pejabat Tanah Timur Laut – Seperti Lampiran A.

(ii) PDC – tiada.

(iii) MPPP – Seperti Lampiran B.

(iv) JPS – hanya tanah-tanah yang terlibat dengan pengambilan balik tanah bagi Projek RTB Sungai Pinang Fasa I dan II.

LAMPIRAN A

BIL.	NO. LOT	PB/MUKIM	KELUASAN	LOKASI	KEADAAN DAN KEGUNAAN	NO. LEMBAR SYIT PIAWAI
1.	1226	Sek. 9-W, Bandar George Town	42,820 k.p.	Lebuh Bakau, Jelutong	Rumah-rumah setinggan di bawah LPS	43-D-111
2.	1227	Sek. 9-W, Bandar George Town	50,150 k.p.	Lebuh Bakau, Jelutong	Rumah-rumah setinggan di bawah LPS	43-D-1
3.	499	Sek. 9-W, Bandar George Town	1,679 k.p.	Lebuh Bakau, Jelutong	Rumah-rumah setinggan di bawah LPS	43-D-11
4.	498	Sek. 9-W, Bandar George Town	1,811 k.p.	Lebuh Bakau, Jelutong	Rumah-rumah setinggan di bawah LPS	43-D-11
5.	500	Sek. 9-W, Bandar George Town	6,197 k.p.	Lebuh Bakau, Jelutong	Rumah-rumah setinggan di bawah LPS	43-D-11
6.	501	Sek. 9-W, Bandar George Town	11,075 k.p.	Lebuh Bakau, Jelutong	Rumah-rumah setinggan di bawah LPS	43-D-11
7.	502	Sek. 9-W, Bandar George Town	7,360 k.p.	Lebuh Bakau, Jelutong	Rumah-rumah setinggan di bawah LPS	43-D-11
8.	503	Sek. 9-W, Bandar George Town	5,254 k.p.	Lebuh Bakau, Jelutong	Rumah-rumah setinggan di bawah LPS	43-D-11
9.	504	Sek. 9-W, Bandar George Town	2,515 k.p.	Lebuh Bakau, Jelutong	Rumah-rumah setinggan di bawah LPS	43-D-11
10.	Sebelah Lot 500, 501 dan 503	Sek. 9-W, Bandar George Town	4606 mp	Lebuh Bakau, Jelutong	Tokong, Tempat Letak Kereta dan Kedai Kopi	43-D-11
11.	Sebelah Lot 720	Sek. 9-W, Bandar George Town	0.75 ekar	Solok Sungai Pinang, Off Lebuh Bakau	Tokong, Bengkel dan Kosong	43-D-11
12.	754 Sebg. 757	Sek. 10, Bandar George Town	157,632 k.p. l/k 27,920 k.p.	Jalan Brick Klin	Kuarters Kerajaan No. 1N, 71 dan 73 jalan Brick Klin, 7 Unit Labour Lines dan Bangunan-bangunan jabatan Vetenari (Jabatan Haiwan)	38-D-1V

Jawapan kepada soalan No. 9 YB. KTG. **LAMPIRAN "B"**

Bil.	Daerah	Bandar	Mk/Pb	No. Lot	No. H/Milik	Keluasan (Kp)	Lokasi	Tujuan Pembelian	Kegunaan Tanah
1	Dtl	Jelutong	Pb01	301	Grn 98731	84,533	Jalan Jelutong	Pembentungan (Jeti)	Perumahan Awam Flat Mppp (48 Unit) & Klinik
2	Dtl	Jelutong	Pb01	803	G 2195	26,794	Jalan Perak	Skim Perumahan	Penyewaan Tanah/ Setinggan
3	Dtl	Jelutong	Pb01	810	Grn32340	17,456	Jalan Kota Giam, Off Jalan Jelutong	Skim Perumahan	Penyewaan Tanah/ Setinggan
4	Dtl	Jelutong	Pb01	847	G15110	2,863	Jalan Jelutong	Laluan Sementara	Laluan Sementara
5	Dtl	Jelutong	Pb01	865	G.23074	12,645	Jalan Jelutong	Tapak Letak Kereta	Tempat Letak Kereta
6	Dtl	Jelutong	Pb01	866	G.23073	2,497	Jalan Jelutong	Pembentungan	Tanah Kosong
7	Dtl	Jelutong	Pb01	885	G.23064	14,058	Jalan Jelutong	Tanah Lapang	Tanah Lapang
8	Dtl	Jelutong	Pb01	915	Hs (D) 116	1,475	Di Sebelah Taman Jelutong Berhampiran Jalan Jelutong	Tapak Penjaja	Tapak Kosong
9	Dtl	Jelutong	Pb01	917	Gf61822	20,097	Jalan Jelutong	Perumahan	Pajak Kepada Koperasi Orang Melayu Dan Seberang Prai Bhd Pp (Taman Dato' Syed Abbas)
10	Dtl	Jelutong	Pb01	940	Grn 79141	3,972	Lorong Perak	Tapak Penjaja	Tapak Penjaja
11	Dtl	Jelutong	Pb01	964	Grn 98038	1,292	Lorong Perak	Tapak Lain-Lain Ibadat	Tapak Kosong
12	Dtl	Jelutong	Pb01	969	H.S(D) 15899	272,455	Jalan Perak	Balai/Kuarters Bomba.	Penyewaan Tanah/ Setinggan
13	Dtl	Jelutong	Pb04	91	Gf30421	8,804	Lintang Haji Ahmad	Tapak Pencawang Elektrik	Tapak Pencawang Elektrik
14	Dtl	Jelutong	Pb04	97	Grn30426	101,277	Jalan Tengku Kudin	Rumah Bagi Setinggan	Penyewaan Tanah/ Setinggan
15	Dtl	Jelutong	Pb04	164	Grn 64631	2,527	Jalan Faraday	Perumahan Power Station	Tanah Lapang

16	Dtl	Jelutong	Pb04	252	Grn 43029	2,400	Jalan Jelutong	Perkhidmatan Trolly Bus	Perhentian Bas
17	Dtl	Jelutong	Pb04	659	G41707	31,129	Jalan Thomas	Skim Perumahan Power Station	Penyewaan Awam (Rumah Sesebuah)
18	Dtl	Jelutong	Pb04	661	G41709	100,061	Jalan Thomas	Skim Perumahan Power Station	Penyewaan Awam (Rumah Sesebuah)
19	Dtl	Jelutong	Pb04	666	G39882	19,407	Jalan Faraday	Perumahan	Balai Rakyat
20	Dtl	Jelutong	Pb04	673	G45159	7,104	Jalan Udini (Off)	Tapak Pencawang Elektrik	Kawasan Flat (3, Jln. Hj. Ahmad)
21	Dtl	Jelutong	Pb04	674	G45160	5,414	Jalan Udini (Off)	Tapak Pencawang Elektrik	Penyewaan Tanah/ Setinggan
22	Dtl	Jelutong	Pb04	677	G45163	16,254	Jalan Udini (Off)	Service Reservoir	Penyewaan Tanah/ Setinggan
23	Dtl	Jelutong	Pb04	747	Grn 82551	732	Jalan Jelutong	Tapak Penjaja	Tapak Kosong
24	Dtl	Jelutong	Pb04	752	Grn 82554	2,562	Jalan Jelutong	Tapak Penjaja	Tapak Kosong
25	Dtl	Jelutong	Pb04	761	Pn 3297	12,766	Jalan Tengku/ Jelutong	Pasar	Pasar
26	Dtl	Jelutong	Pb04	771	Pn 3304	12,669	Lintang Hajjah Rehmah	Tapak Penjaja	Kompleks Penjaja
27	Dtl	George Town	Pb9w	224	Gf17904	8,889	Jalan Trusan	Pelebaran Jalan	Tanah Setinggan (Penyewaan Tanah)
28	Dtl	George Town	Pb9w	227	Gf17906	4,095	Jalan Trusan	Pelebaran Jalan	Tanah Setinggan (Penyewaan Tanah)
29	Dtl	George Town	Pb9w	228	Gf17907	5,908	Jalan Trusan	Pelebaran Jalan	Tanah Setinggan (Penyewaan Tanah)
30	Dtl	George Town	Pb9w	297	Gf33798	4,936	Jalan Perak	Pemajuan Bandar	Tanah Setinggan (Penyewaan Tanah)

31	Dtl	George Town	Pb9w	467	Gf19804	24,830	Jalan Patani	Kuartes Kakitangan	Balai Rakyat
32	Dtl	George Town	Pb9w	468	Gf19805	25,404	Jalan Patani	Kuartes Kakitangan	Balai Rakyat Tempat Letak Kereta
33	Dtl	George Town	Pb9w	473	Gf33806	12,640	Pesiaran Perak	Luruskan Sungai Pinang	Tanah Setinggan (Penyewaan Tanah)
34	Dtl	George Town	Pb9w	484	Gf19808	18,797	Off Jalan Dato Kramat, Kg. Makam	Luruskan Sungai Pinang	Tanah Setinggan (Penyewaan Tanah)
35	Dtl	George Town	Pb9w	485	Gf19809	6,452	Lengkok Sg. Pinang	Luruskan Sungai Pinang	Tanah Setinggan (Penyewaan Tanah)
36	Dtl	George Town	Pb9w	486	Gf19810	30,061	Jalan Sg. Pinang	Luruskan Sungai Pinang	Tanah Setinggan (Penyewaan Tanah)
37	Dtl	George Town	Pb9w	487	Gf19811	4,396	Jalan Sg. Pinang	Luruskan Sungai Pinang	Tanah Kosong
38	Dtl	George Town	Pb9w	488	Gf19812	9,564	Kg. Rawa, Off Jalan Patani	Luruskan Sungai Pinang	Tanah Kosong
39	Dtl	George Town	Pb9w	489	Gf19813	11,107	Kg. Rawa, Off Jalan Patani	Luruskan Sungai Pinang	Tanah Kosong
40	Dtl	George Town	Pb9w	505	Gf33807	8,485	Jalan Perak	Pembinaan Jalan	Tanah Setinggan/Jalan
41	Dtl	George Town	Pb9w	721	Ir	1,305	Lebuh Bakau	Parit	Tanah Setinggan (Penyewaan Tanah)
42	Dtl	George Town	Pb9w	723	Pn 1534	650	Lebuh Bakau	Parit	Tanah Setinggan (Penyewaan Tanah)
43	Dtl	George Town	Pb9w	766	Gf33986	1,052	Jalan Patani/Jalan Veterinary	Kuartes	Tebing Parit
44	Dtl	George Town	Pb9w	767	Gf33987	79,638	Jalan Sungai	Kuartes	Kuartes

45	Dtl	George Town	Pb9w	894	Gf33886	4,334	Kg. Rawa, Off Jalan Sg. Pinang	Jalan	Tanah Kosong
46	Dtl	George Town	Pb9w	1223	Gf43246	531,704	Kampung Selut	Slum Clearance	Perumahan Awam (Kampung Selut)
47	Dtl	George Town	Pb9w	1487	Gf61114	2,045	Jalan Sungai Pinang	Tapak Penjaja	Tapak Penjaja
48	Dtl	George Town	Pb9w	1532	G 65860	2,433	Lorong Perak (Off)	Tapak Penjaja	Tapak Kosong
49	Dtl	George Town	Pb9w	1562	Pn 2360	32,249	Solok Sungai Pinang 2	Tapak Penjaja	Kompleks Penjaja
50	Dtl	George Town	Pb9w	1564	Pn 2357	44,939	Solok Sungai Pinang 2	Kemudahan Masyarakat	Kemudahan Masyarakat
51	Dtl	George Town	Pb9w	1570	Pn 2518	114,689	Jalan Sungai	Tapak Pencawang Elektrik	Dipajak Untuk Pembangunan Taman Sri Pinang
52	Dtl	George Town	Pb9w	1571	Grn 67414	340,139	Jalan Sungai	Tapak Pencawang Elektrik	Pasar/Kompleks Penjaja/ Rumahpangsa Ppr Jalan Sungai
53	Dtl	George Town	Pb9w	1577	Grn 94967	2.63 Ha	Jalan Sungai	Slum Clearance	Kuartes Mppp/Pejabat
54	Dtl	George Town	Pb9e	36	Pn 6559	5,619	Hilir Sungai Pinang	Tapak Lain-Lain Ibadat	Tapak Kosong
55	Dtl	George Town	Pb9e	37	Pn 6557	12,034	Hilir Sungai Pinang	Tapak Penjaja	Kompleks Penjaja

LAMPIRAN 'B'

Jawapan Kepada Soalan No. 18 YB. KTG

Lampiran A

JUMLAH PERJAWATAN TETAP DI JABATAN - JABATAN NEGERI PULAU PINANG SEHINGGA 30 JUN 2009

BIL	AGENSI	PENGURUSAN TERTINGGI			PENGURUSAN & PROFESIONAL (GRED 41 -54)			KUMPULAN SOKONGAN I (GRED 17-40)			KUMPULAN SOKONGAN II (GRED 1 -16)			JUMLAH		
		JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG	JAWATAN	ISI	KOSONG
JABATAN-JABATAN																
1	Pejabat SUK Pulau Pinang	4	4	-	67	59	8	339	292	47	361	339	22	771	694	55
2	Pejabat TYT Yang di Pertua Negeri	-	-	-	1	1	-	2	2	-	15	12	3	18	15	2
3	Pejabat Tanah dan Galian	1	1	-	18	13	5	145	101	44	33	30	3	197	145	42
4	Pejabat Daerah Timur Laut	-	-	-	13	8	5	95	75	20	34	28	6	142	111	18
5	Pejabat Daerah Barat Daya	-	-	-	10	10	-	85	69	16	39	35	4	134	114	19
6	Pejabat Daerah Seberang Perai Utara	-	-	-	10	6	4	96	85	11	42	38	4	148	129	11
7	Pejabat Daerah Seberang Perai Tengah	-	-	-	10	7	3	91	73	18	45	43	2	146	123	18
8	Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan	-	-	-	10	6	4	79	66	13	34	31	3	123	103	12
9	Jabatan Pengairan dan Saliran	-	-	-	15	14	1	77	67	10	417	315	102	509	396	96
10	Jabatan Perhutanan	-	-	-	1	1	-	17	16	1	46	30	16	64	47	17
11	Jabatan Taman Botani	-	-	-	1	1	-	9	8	1	88	71	17	98	80	16
12	Jabatan Kehakiman Syariah	1	1	-	19	15	4	48	46	2	21	19	2	89	81	3
13	Jabatan Kerja Raya	-	-	-	28	19	9	251	201	50	573	450	123	852	670	118
14	Jabatan Agama Islam Pulau Pinang	-	-	-	46	35	11	221	147	74	63	39	24	330	221	90
15	Jabatan Kebajikan Masyarakat	-	-	-	1	1	-	30	26	4	8	7	1	39	34	5
16	Jabatan Perancang Bandar & Desa	1	1	-	8	6	2	52	51	1	5	5	-	66	63	3
17	Jabatan Kewangan Negeri	1	1	-	9	8	1	35	34	1	14	12	2	59	55	2
18	Jabatan Veterinar	-	-	-	6	5	1	76	52	24	56	41	15	138	98	22
19	Jabatan Pertanian	-	-	-	3	3	-	89	78	11	82	69	13	174	150	20
20	Jabatan Mufti	1	1	-	3	3	-	14	13	1	5	4	1	23	21	2
JUMLAH		**9**	**9**		**279**	**221**	**58**	**1851**	**1502**	**349**	**1981**	**1618**	**363**	**4120**	**3350**	**770**

LAMPIRAN 'B'

XIV) Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah perbezaan di antara Kerajaan Negeri sekarang dengan kerajaan yang lepas dari segi pembentukan dan pelaksanaan dasar.

   (a) Sama ada proses permohonan di PBT telah diringkaskan dan atau dipercepatkan.

   (b) Sama ada kadar rasuah telah dikurangkan secara *substantial* di pelbagai Jabatan Kerajaan Negeri terutamanya PBT.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Dari segi pembentukan dan pelaksanaan dasar, Kerajaan Negeri mengamalkan dasar cekap, akauntabiliti dan telus *(competency, accountability and transparency)* dalam pentadbiran negeri. Sistem urus tadbir yang baik menjadi landasan kerajaan dalam menentukan hak dan peluang yang sama diberikan kepada rakyat untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti ekonomi, perolehan dan kerja-kerja dan juga peluang pemilikan perumahan di negeri ini. Kerajaan juga mengamalkan dasar terbuka dan telus serta melibatkan pelbagai kumpulan masyarakat termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi memastikan Negeri Pulau Pinang dapat mencapai status bandar raya bertaraf antarabangsa satu hari nanti.

   (a) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sentiasa melakukan perubahan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Proses penambahbaikan merupakan satu proses yang berterusan. Sehubungan itu, usaha yang terbaru di MPSP adalah pihak Majlis akan terus membenarkan penjaja untuk memasuki tapak perniagaan MPSP sebaik sahaja tempoh bantahan tamat tanpa menunggu kelulusan Majlis Penuh. Selain itu, MPSP kini sedang mengkaji untuk memendekkan tempoh pengeluaran Sijil Pendudukan (OC) dari 14 hari ke 10 hari.

   Di Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), beberapa proses permohonan telah diringkaskan atau dipercepatkan contohnya, dengan pengenalan sistem Pusat Setempat (OSC) bagi cadangan pemajuan baru-baru ini merupakan salah satu langkah positif ke arah peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan di semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Di antara langkah-langkah yang diambil mempunyai tempoh masa yang ditetapkan untuk memberi ulasan teknikal dan telah ada tempoh dinyatakan secara khusus untuk MPPP membuat satu keputusan terhadap sesuatu permohonan itu seperti berikut:-

      (i) Permohonan kebenaran merancang bagi kaedah Bina Kemudian Jual (BKJ) Projek Impak Tinggi, Pelaburan Asing dan Projek Kerajaan sama ada secara serentak atau berasingan akan diproses dan diputuskan dalam tempoh empat (4) bulan;

      (ii) Permohonan kebenaran merancang bagi kaedah Jual Kemudian Bina (JKB) sama ada secara serentak atau berasingan akan diproses dan diputuskan dalam tempoh enam (6 bulan);

      (iii) Permohonan untuk kelulusan Pelan Pecah Sempadan, Penyerahan dan Pemberimilikan Semula diproses dan diluluskan dalam tempoh empat (4) bulan bagi Bina Kemudian Jual (BKJ) dan enam (6) bulan bagi Jual Kemudian Bina (JKB);

      (iv) Permohonan untuk kelulusan pelan landskap yang dikemukakan kepada Jawatankuasa *One Stop Centre (OSC)* akan diputuskan dalam tempoh satu (1) bulan;

      (v) Perakuan bagi Sijil Kelayakan Menduduki akan dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja;

(vi) Ulasan atau pandangan teknikal dikemukakan dalam tempoh 14 hari;

(vii) Menyediakan baucar bayaran dan menyampaikannya kepada Jabatan Perbendaharaan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penerimaan invois; dan

(viii) Aduan yang diterima akan diambil tindakan dalam tempoh dua (2) hari dan jawapan akan diberi dalam tempoh tujuh (7) hari.

(b) Maklumat berhubung kes-kes rasuah disimpan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM). Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat berkaitan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mempertingkatkan imej dan taraf hidup para penunggang beca yang juga menyumbang kepada industri pelancongan di Pulau Pinang.

(a) Sama ada Kerajaan Negeri berhasrat menetapkan satu sistem dalam menguruskan industri beca di Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk mempertingkatkan imej dan taraf hidup para penarik beca yang telah juga menyumbang kepada industri pelancongan di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri kini di peringkat perbincangan untuk mewujudkan satu sistem yang lebih tersusun bagi menguruskan kebajikan penarik beca di Pulau Pinang. Terdapat juga cadangan agar semua penarik beca diletakkan di bawah satu pengurusan yang sama bagi memudahkan pihak pengurusan membuat pemantauan dari semasa ke semasa. Sehingga kini, penarik beca di negeri ini bergerak sendirian dan tidak mempunyai pengurusan yang khusus untuk memantau aktiviti mereka. Buat masa kini, harga tambang beca adalah berbeza-beza kerana tidak diselaraskan oleh mana-mana pihak.

Kerajaan Negeri juga berhasrat mempertimbangkan cadangan menetapkan satu sistem harga tambang yang standard selain cadangan untuk menyediakan pakaian seragam bagi penarik beca di negeri ini agar kelihatan lebih kemas dan seragam. Kerajaan Negeri sedang mengambil kira cadangan mewujudkan satu stesen khas bagi membolehkan semua penarik beca meletakkan beca masing-masing di stesen berkenaan serta sebagai hentian bagi mereka merehatkan diri setelah mengangkut penumpang selain cadangan untuk menaik taraf serta menghias beca bagi menarik minat lebih ramai pelancong menggunakan perkhidmatan ini.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Adakah Kerajaan Negeri bersedia memberikan insentif kepada para penunggang beca untuk menaik taraf serta memperkembangkan industri ini.

(b) Sama ada Kerajaan Negeri bersedia menaja dan menganjurkan program yang berbagai-bagai seperti pertandingan perhiasan beca, perlumbaan beca dan sebagainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Kerajaan Negeri kini di peringkat perbincangan untuk mewujudkan satu sistem bagi menguruskan kebajikan penarik beca di Pulau Pinang dan memperkembangkan industri ini dengan mewujudkan sistem yang lebih tersusun.

Cadangan agar semua penarik beca diletakkan di bawah satu pengurusan yang sama bagi memudahkan pihak pengurusan membuat pemantauan dari semasa ke semasa. Buat masa kini, harga tambang beca adalah berbeza-beza kerana tidak

diselaraskan oleh mana-mana pihak. Kerajaan Negeri berhasrat menetapkan satu sistem harga tambang yang standard selain menimbangkan untuk menyediakan uniform bagi penarik-penarik beca di negeri ini agar kelihatan lebih kemas dan seragam.

Kerajaan Negeri sedang mengambil kira cadangan mewujudkan sebuah stesen khas bagi membolehkan semua penarik beca meletakkan beca masing-masing di stesen berkenaan sebagai hentian bagi mereka merehatkan diri. Selain cadangan untuk menaik taraf serta menghias beca dengan lebih cantik untuk menarik minat lebih ramai pelancong menggunakan perkhidmatan ini. Di samping itu, Kerajaan Negeri berhasrat mengadakan latihan atau kursus kepada penarik beca bagi menyampaikan maklumat-maklumat terkini berhubung industri pelancongan negeri ini selain memberi bimbingan kepada mereka tentang cara berinteraksi dan berurusan dengan para pelancong. Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan pihak NGO dalam merealisasikan hasrat ini.

(b) Kerajaan Negeri juga bersedia menganjurkan program-program yang bersesuaian seperti pertandingan menghias beca, perlumbaan beca dan sebagainya demi menarik lebih ramai pelancong atau penumpang untuk menggunakan perkhidmatan beca di negeri ini. Setakat ini, penarik beca telah dilibatkan dalam program membawa pelancong serta agen pelancongan melawat ke kawasan warisan di sekitar Bandar George Town. Kerajaan Negeri turut menganjurkan pertandingan menghias beca semasa penganjuran Pesta Bunga yang lalu. Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat mengadakan lebih banyak program yang melibatkan penarik beca pada masa akan datang dalam usaha memperkembangkan lagi industri ini.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri sejak 8 Mac 2009 sehingga masa kini terhadap semua menara telekomunikasi yang haram.

(a) Bilakah garis panduan menara telekomunikasi boleh disiapkan dan diumumkan oleh Kerajaan Negeri.

(b) Adakah kesemua menara telekomunikasi akan dijadikan sah *(legitimize)* oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Bagi menara telekomunikasi yang dibina tanpa kelulusan daripada Kerajaan Negeri, notis di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 dikeluarkan kepada emunya tanah/pemilik struktur telekomunikasi supaya merobohkan/menurunkan struktur tersebut. Sekiranya notis tidak dipatuhi, dan masih tiada kebenaran/kelulusan daripada Kerajaan Negeri tindakan penguatkuasaan diambil sama ada dengan menurunkan struktur terbabit dan/atau mendakwa empunya/pemilik di Mahkamah.

(a) Satu *'Task Force'* telah pun ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri untuk meneliti dan mewujudkan satu garis panduan baru untuk diselaraskan dengan garis panduan sedia ada.

(b) Semua permohonan untuk membina menara telekomunikasi dikehendaki/perlu mengemukakan pelan kepada Kerajaan Negeri untuk diproses. Kelulusan akan diberikan sekiranya pelan yang dikemukakan mematuhi dengan garis panduan telekomunikasi yang diguna pakai. Garis panduan baru kini berada dalam peringkat akhir penyiapan dan dijangka akan siap dan dipersetujui MMK dalam tempoh dua (2) bulan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Tuan Ong Khan Lee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah projek atau program kemasyarakatan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri sejak Mac 2008 sehingga masa kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Projek atau program kemasyarakatan yang dilaksanakan adalah berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan oleh Jabatan Kewangan Negeri melalui Surat Pekeliling Kewangan Bil. 6 Tahun 2008 dan Bil. 3 Tahun 2009. Secara umumnya terdapat dua (2) bentuk peruntukan iaitu:-

   (i) Projek-projek di bawah maksud Pembangunan P.16 (02) - merujuk kepada projek infrastruktur, keagamaan, ekonomi dan gotong-royong; dan

   (ii) Projek-projek di bawah maksud Pembangunan P.16 (03) - merangkumi projek-projek khas, latihan khas dan bekalan yang boleh memberi manfaat dan faedah kepada masyarakat dan orang ramai.

   Bermula dari Mac 2008 sehingga masa kini pelbagai program dan projek telah dilaksanakan melalui anjuran Pejabat-Pejabat Daerah dan JKKK. Di antara Program dan projek adalah seperti berikut:-

   (a) Program gotong royong;

   (b) Menjalankan kerja-kerja membina/membaiki longkang, parit dan jambatan;

   (c) Menjalankan kerja-kerja menurap tar jalan;

   (d) Menjalankan kerja-kerja membaiki surau dan masjid;

   (e) Pemasangan lampu jalan;

   (f) Menganjurkan forum-forum perdana;

   (g) Seminar-seminar kerjaya;

   (h) Program Anak Angkat;

   (i) Pasukan rondaan sukarela oleh JKKK; dan

   (j) Program perkhemahan Ibadah.

   Butiran lanjut program dan projek kemasyarakatan adalah seperti di lampiran berkembar.